JUZU' KE-10

SURAH AT-TAUBAH

SURAH KE

9

SURAH AT-TAUBAH

Surah Taubat

(Madaniyah)

JUMLAH AYAT

129

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Muqaddimah surah)

Surah ini ialah Surah Madaniyah yang tergolong antara surah-surah Al-Qur'an yang akhir diturunkan jika ia tidak merupakan surah terakhir Al-Qur'an.[1] Oleh sebab itu ia mengandungi peraturan-peraturan atau hukum-hukum yang final mengenai tatacara perhubungan di antara umat Muslimin dan seluruh umat yang lain di dunia ini, di samping mengandungi penjenisan masyarakat Islam itu sendiri, penentuan nilai-nilainya dan darjat-darjatnya, kedudukan-kedudukan setiap kumpulannya dan setiap kelas dari kelas-kelasnya,[2] serta huraian yang halus dan jelas mengenai realiti masyarakat ini secara keseluruhannya dan realiti setiap kumpulan dan kelas.

Surah ini – bertolak dari pertimbangan ini – mempunyai kepentingan yang khusus dalam menjelaskan tabi'at program atau tata-cara pergerakan Islam, fasa-fasa dan langkah-langkahnya. Apabila ditinjau peraturan-peraturan yang final yang terkandung di dalam surah ini bersama-sama dengan peraturan-peraturan sementara yang diterangkan di dalam surah-surah sebelumnya, tinjauan ini akan mendedahkan sejauh mana fleksibiliti dan ketegasan sistem hidup Islam. Tanpa dibuat tinjauan yang seperti ini, maka gambaran peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip itu akan bercampuraduk sebagaimana yang pernah berlaku apabila diambil ayat-ayat yang mengandungi peraturan-peraturan sementara lalu dijadikan peraturan-peraturan yang final, kemudian ayat-ayat yang mengandungi hukum-hukum yang final itu dikehendaki ditafsir dan dita'wilkan supaya sesuai dengan peraturan-peraturan sementara itu terutama dalam pembicaraan mengenai jihad di dalam Islam dan mengenai tatacara perhubungan masyarakat Islam dengan masyarakat-masyarakat lain yang bukan Islam. Sehubungan dengan ini kami berharap semoga kami ditaufikkan Allah untuk menjelaskannya di dalam kata pengantar ini, juga di celah-celah penjelasan mengenai ayat-ayat di dalam surah ini.

Dengan usaha mengkaji nas-nas surah ini secara objektif, juga mengkaji sebab-sebab nuzul dan segala latar belakangnya yang terdapat di dalam riwayat-riwayat ma'thurah serta mengkaji peristiwa sirah Rasulullah s.a.w. ternyata bahawa surah ini secara keseluruhannya adalah diturunkan di dalam tahun yang kesembilan Hijrah, tetapi ia bukannya diturunkan sekaligus. Walaupun kami tidak dapat mengemukakan secara pasti waktu-waktu yang tepat, di mana turunnya bahagian-bahagian surah ini dalam tahun yang kesembilan itu, namun dapatlah ditarjihkan bahawa surah ini adalah diturunkan dalam tiga peringkat. Peringkat pertama ialah sebelum berlakunya Peperangan Tabuk dalam bulan Rejab tahun ini. Peringkat yang kedua dalam masa persiapan untuk menghadapi peperangan itu kemudian di tengah-tengah peperangan ini. Peringkat yang ketiga ialah selepas kembali dari peperangan itu. Adapun bahagian-bahagian awal surah ini, iaitu dari permulaan surah hingga kepada penghabisan ayat yang kedua puluh lapan adalah diturunkan di akhir tahun yang kesembilan menjelang musim haji, iaitu di bulan Zulkaedah atau bulan Zulhijah. Inilah secara umumnya yang dapat ditarjih dan diyakinkan.

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Bahagian pertama surah ini dari awalnya hingga ke penghabisan ayat yang kedua puluh lapan mengandungi penjelasan menentukan tatacara perhubungan yang final di antara kem Islam dengan pihak Musyrikin umumnya di Semenanjung Tanah Arab, di samping menjelaskan sebab-sebab yang sebenar yang bersejarah dan berhubungkait dengan 'aqidah-'aqidah yang menjadi asas penentuan tatacara perhubungan ini. Ia dijelaskan dengan uslub Al-Qur'an yang menarik dan efektif melalui ungkapan-ungkapan yang kuat nada-nadanya, tegas maksudnya dan mendalam kesannya. Di antara contohnya ialah:

---

1 *Mengikut riwayat yang rajih, Surah an-Nasr merupakan Surah Al-Qu'ran yang terakhir diturunkan.*

2 *Kelas-kelas yang dimaksudkan di dalam masyarakat Islam bukannya kelas-kelas sosial dengan pengertian yang kecil yang difaham pada hari ini, tetapi yang dimaksudkan ialah kategori-kategori yang dilandaskan di atas nilai-nilai Islamiyah semata-semata seperti kategori! kaum Muhajirin dan kaum Ansar yang pertama, pejuang-pejuang yang menyertai di dalam Peperangan Badar, para peserta Perjanjian ar-Ridhwan, mereka yang menginfaq sebelum pembukaan negeri Makkah serta turut berjihad dan mereka yang menginfaq selepas pembukaan negeri Makkah serta turut berjihad, mereka yang tidak ikut berjihad dan orang-orang Munafiqin dan seterusnya.*

بَرَآءَةٌ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦٓ إِلَى ٱلَّذِينَ عَٰهَدتُّم مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿١﴾

فَسِيحُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّكُمْ غَيْرُ مُعْجِزِى ٱللَّهِ ۙ وَأَنَّ ٱللَّهَ مُخْزِى ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٢﴾

وَأَذَٰنٌ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦٓ إِلَى ٱلنَّاسِ يَوْمَ ٱلْحَجِّ ٱلْأَكْبَرِ أَنَّ ٱللَّهَ بَرِىٓءٌ مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ۙ وَرَسُولُهُۥ ۚ فَإِن تُبْتُمْ فَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ ۖ وَإِن تَوَلَّيْتُمْ فَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّكُمْ غَيْرُ مُعْجِزِى ٱللَّهِ ۗ وَبَشِّرِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣﴾

إِلَّا ٱلَّذِينَ عَٰهَدتُّم مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ثُمَّ لَمْ يَنقُصُوكُمْ شَيْـًٔا وَلَمْ يُظَٰهِرُوا۟ عَلَيْكُمْ أَحَدًا فَأَتِمُّوٓا۟ إِلَيْهِمْ عَهْدَهُمْ إِلَىٰ مُدَّتِهِمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٤﴾

فَإِذَا ٱنسَلَخَ ٱلْأَشْهُرُ ٱلْحُرُمُ فَٱقْتُلُوا۟ ٱلْمُشْرِكِينَ حَيْثُ وَجَدتُّمُوهُمْ وَخُذُوهُمْ وَٱحْصُرُوهُمْ وَٱقْعُدُوا۟ لَهُمْ كُلَّ مَرْصَدٍ ۚ فَإِن تَابُوا۟ وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُا۟ ٱلزَّكَوٰةَ فَخَلُّوا۟ سَبِيلَهُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٥﴾

وَإِنْ أَحَدٌ مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ٱسْتَجَارَكَ فَأَجِرْهُ حَتَّىٰ يَسْمَعَ كَلَٰمَ ٱللَّهِ ثُمَّ أَبْلِغْهُ مَأْمَنَهُۥ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَعْلَمُونَ ﴿٦﴾

كَيْفَ يَكُونُ لِلْمُشْرِكِينَ عَهْدٌ عِندَ ٱللَّهِ وَعِندَ رَسُولِهِۦٓ إِلَّا ٱلَّذِينَ عَٰهَدتُّمْ عِندَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ ۖ فَمَا ٱسْتَقَٰمُوا۟ لَكُمْ فَٱسْتَقِيمُوا۟ لَهُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٧﴾

كَيْفَ وَإِن يَظْهَرُوا۟ عَلَيْكُمْ لَا يَرْقُبُوا۟ فِيكُمْ إِلًّا وَلَا ذِمَّةً ۚ يُرْضُونَكُم بِأَفْوَٰهِهِمْ وَتَأْبَىٰ قُلُوبُهُمْ وَأَكْثَرُهُمْ فَٰسِقُونَ ﴿٨﴾

ٱشْتَرَوْا۟ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ ثَمَنًا قَلِيلًا فَصَدُّوا۟ عَن سَبِيلِهِۦٓ ۚ إِنَّهُمْ سَآءَ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٩﴾

لَا يَرْقُبُونَ فِى مُؤْمِنٍ إِلًّا وَلَا ذِمَّةً ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُعْتَدُونَ ﴿١٠﴾

فَإِن تَابُوا۟ وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُا۟ ٱلزَّكَوٰةَ فَإِخْوَٰنُكُمْ فِى ٱلدِّينِ ۗ وَنُفَصِّلُ ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿١١﴾

وَإِن نَّكَثُوٓا۟ أَيْمَٰنَهُم مِّنۢ بَعْدِ عَهْدِهِمْ وَطَعَنُوا۟ فِى دِينِكُمْ فَقَٰتِلُوٓا۟ أَئِمَّةَ ٱلْكُفْرِ ۙ إِنَّهُمْ لَآ أَيْمَٰنَ لَهُمْ لَعَلَّهُمْ يَنتَهُونَ ﴿١٢﴾

أَلَا تُقَٰتِلُونَ قَوْمًا نَّكَثُوٓا۟ أَيْمَٰنَهُمْ وَهَمُّوا۟ بِإِخْرَاجِ ٱلرَّسُولِ وَهُم بَدَءُوكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ ۚ أَتَخْشَوْنَهُمْ ۚ فَٱللَّهُ أَحَقُّ أَن تَخْشَوْهُ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٣﴾

قَٰتِلُوهُمْ يُعَذِّبْهُمُ ٱللَّهُ بِأَيْدِيكُمْ وَيُخْزِهِمْ وَيَنصُرْكُمْ عَلَيْهِمْ وَيَشْفِ صُدُورَ قَوْمٍ مُّؤْمِنِينَ ﴿١٤﴾

وَيُذْهِبْ غَيْظَ قُلُوبِهِمْ ۗ وَيَتُوبُ ٱللَّهُ عَلَىٰ مَن يَشَآءُ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١٥﴾

أَمْ حَسِبْتُمْ أَن تُتْرَكُوا۟ وَلَمَّا يَعْلَمِ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ جَٰهَدُوا۟ مِنكُمْ وَلَمْ يَتَّخِذُوا۟ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلَا رَسُولِهِۦ وَلَا ٱلْمُؤْمِنِينَ وَلِيجَةً ۚ وَٱللَّهُ خَبِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٦﴾

"(Inilah pernyataan) pemutusan hubungan daripada Allah dan rasul-Nya (yang dihadapkan) kepada orang-orang Musyrikin yang kamu telah mengadakan perjanjian dengan mereka (1). Oleh sebab itu (wahai kaum Musyrikin) berjalanlah kamu (dengan bebas dan aman) di bumi negeri

ini selama empat bulan dan ketahuilah bahawa kamu tidak akan dapat melemahkan Allah dan sesungguhnya Allah tetap menghinakan orang-orang yang kafir(2). Dan (inilah) satu pernyataan daripada Allah dan rasul-Nya kepada umat manusia pada hari Haji Akbar bahawa sesungguhnya Allah dan rasul-Nya telah memutuskan hubungan dengan kaum Muslimin. Oleh kerana itu, jika kamu bertaubat, maka ia lebih baik untuk kamu, tetapi jika kamu berpaling, maka ketahuilah bahawa kamu tidak akan dapat melemahkan Allah, dan sampaikan berita gembira kepada orang-orang kafir bahawa mereka akan menerima 'azab yang amat pedih(3). Kecuali orang-orang Musyrikin yang kamu telah mengadakan perjanjian dengan mereka kemudian mereka tidak pernah mengurangi sedikit pun isi perjanjian itu terhadap kamu dan mereka tidak pernah membantu seseorang pun memusuhi kamu, maka sempurnakanlah perjanjian kamu dengan mereka sehingga sampai tempohnya. Sesungguhnya Allah menyayangi orang-orang yang bertaqwa(4). Apabila habis tempoh empat Bulan Haram (di mana kamu diharam berperang), maka bunuhlah kaum Musyrikin di mana sahaja kamu jumpai mereka, tangkaplah mereka, kepungilah mereka dan perhatikan pergerakan mereka di setiap tempat kawalan. Jika mereka bertaubat, mendirikan solat dan menunaikan zakat, maka berilah kebebasan kepada mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(5). Jika seseorang dari golongan Musyrikin meminta perlindungan kepada kamu, maka berilah perlindungan kepadanya sehingga ia sempat mendengar Kalamullah kemudian hantarkannya ke tempat yang aman baginya. Layanan yang sedemikian kerana mereka adalah golongan yang tidak mengetahui(6). Bagaimana mungkin orang-orang Musyrikin itu wajar mempunyai perjanjian yang diakui di sisi Allah dan rasul-Nya, kecuali kaum Musyrikin yang kamu telah mengadakan perjanjian dengan mereka berhampiran Masjidil-Haram. Oleh itu selama mereka berlaku lurus terhadap kamu, maka hendaklah kamu berlaku lurus terhadap mereka. Sesungguhnya Allah menyayangi orang-orang yang bertaqwa(7). Bagaimana wajar begitu, sedangkan jika mereka memperolehi kemenangan terhadap kamu, mereka tidak memelihara hubungan kekerabatan dengan kamu dan tidak pula menghormati perjanjian. Mereka menyenangkan hati kamu dengan mulut mereka, sedangkan hati mereka menolak dan kebanyakkan mereka adalah orang-orang yang fasiq(8). Mereka menukar ayat-ayat Allah dengan harga yang sedikit kemudian mereka menghalangi manusia dari jalan Allah. Sesungguhnya amat buruk sekali segala perbuatan yang dilakukan mereka(9). Mereka tidak memelihara hubungan kekerabatan dengan orang Mu'min dan tidak pula menghormati perjanjian, dan mereka adalah golongan yang melampaui batas(10). Jika mereka bertaubat, mendirikan solat dan menunaikan zakat, maka mereka adalah saudara-saudara seagama dengan kamu. Dan Kami menjelaskan ayat-ayat itu kepada golongan yang ingin mengetahui (11). Dan jika mereka mencabuli sumpah (perjanjian) mereka setelah mengikat perjanjian mereka dan mencela agama kamu, maka perangilah pemimpin-pemimpin kekufuran itu kerana mereka sebenarnya tidak menghormati sumpah (perjanjian) mereka supaya mereka berhenti(12). Mengapa kamu tidak memerangi orang-orang yang telah mencabuli sumpah (perjanjian) mereka dan berazam untuk mengusir Rasulullah dan merekalah yang mula-mula memerangi kamu? Apakah kamu takut kepada mereka, sedangkan Allah itulah yang lebih wajar kamu takuti-Nya jika kamu benar orang-orang yang beriman(13). Perangilah mereka nescaya Allah mengazabkan mereka dengan perantaraan tangan kamu dan menghinakan mereka serta menolong kamu mengalahkan mereka dan menyembuhkan hati orang-orang yang beriman(14). Dan menghapuskan kemarahan hati mereka dan Allah menerima taubat orang-orang yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(15). Apakah kamu fikir bahawa kamu akan ditinggalkan (tanpa diuji) sedangkan Allah belum lagi mengetahui (dalam realistik) adanya mereka yang sanggup berjihad dari kalangan kamu dan mereka yang tidak mengambil sahabat-sahabat setia selain Allah, rasul-Nya dan para Mu'minin. Dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(16)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوٓا۟ ءَابَآءَكُمْ وَإِخْوَٰنَكُمْ أَوْلِيَآءَ إِنِ ٱسْتَحَبُّوا۟ ٱلْكُفْرَ عَلَى ٱلْإِيمَٰنِ ۚ وَمَن يَتَوَلَّهُم مِّنكُمْ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٢٣﴾

قُلْ إِن كَانَ ءَابَآؤُكُمْ وَأَبْنَآؤُكُمْ وَإِخْوَٰنُكُمْ وَأَزْوَٰجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَٰلٌ ٱقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَٰرَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسَٰكِنُ تَرْضَوْنَهَآ أَحَبَّ إِلَيْكُم مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَجِهَادٍ فِى سَبِيلِهِۦ فَتَرَبَّصُوا۟ حَتَّىٰ يَأْتِىَ ٱللَّهُ بِأَمْرِهِۦ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿٢٤﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil bapa-bapa dan saudara-saudara kamu sebagai sahabat-sahabat setia jika mereka mengutamakan kekufuran dari keimanan, dan sesiapa di antara kamu yang mengambil mereka sebagai sahabat-sahabat setia, maka merekalah orang-orang yang zalim(23). Katakanlah: Jika bapa-bapa kamu, anak-anak kamu, saudara-saudara kamu, isteri-isteri kamu, kaum keluarga kamu, harta kekayaan yang diusahakan kamu, perniagaan yang kamu bimbang ketidak larisannya dan rumah-rumah kediaman yang disukai kamu itu lebih dicintai kamu dari Allah dan rasul-Nya dan dari berjihad fi Sabilillah, maka tunggulah sehingga Allah membawa keputusan-Nya. Dan Allah tidak memberi hidayat kepada golongan manusia yang fasiq."(24)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِنَّمَا ٱلْمُشْرِكُونَ نَجَسٌ فَلَا يَقْرَبُوا۟ ٱلْمَسْجِدَ ٱلْحَرَامَ بَعْدَ عَامِهِمْ هَٰذَا ۚ وَإِنْ خِفْتُمْ عَيْلَةً فَسَوْفَ يُغْنِيكُمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦٓ إِن شَآءَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٢٨﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya orang-orang Musyrikin itu adalah najis. Oleh sebab itu janganlah mereka mendekati Masjidil-Haram selepas tahun ini. Dan jika kamu bimbang menjadi miskin, maka Allah akan memberi

kekayaan kepada kamu dari limpah kurnia-Nya jika ia kehendaki. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(28)

Dari gaya penjelasan Al-Qur'an yang zahir di dalam ayat-ayat yang kami petikkan di sini dan dalam ayat-ayat bahagian ini semuanya, juga dari kekuatan galakan supaya membunuh kaum Musyrikin dan memulaukan mereka di seluruh Semenanjung Tanah Arab, menunjukkan sejauh mana perasaan serba salah, kebimbangan dan kesangsian yang berkecamuk di dalam hati kaum Muslimin atau setidak-tidaknya sekumpulan yang agak sedar dari mereka untuk melaksanakan langkah yang tegas ini pada masa itu kerana beberapa faktor, yang kami harap dapat menjelaskannya di dalam kata pengantar ini dan semasa mentafsirkan ayat-ayat surah ini sebentar lagi.

Bahagian yang kedua dari surah ini juga mengandungi penjelasan yang menentukan tatacara perhubungan yang final di antara masyarakat Islam dan kaum Ahlil-Kitab umumnya, di samping menerangkan sebab-sebab yang berhubung dengan 'aqidah, sebab-sebab sejarah dan sebab-sebab realiti yang memerlukan kepada penentuan hubungan-hubungan itu, juga menjelaskan tabi'at Islam dan hakikatnya yang tersendiri, menerangkan penyelewengan kaum Ahlil-Kitab dari agama Allah yang benar, baik dari aspek 'aqidah atau aspek perilaku yang menyebabkan kaum Ahlil-Kitab dilihat dari kacamata Islam bukan berpegang dengan agama Allah yang diturunkan kepada mereka, iaitu agama yang mewajarkan mereka digelarkan sebagai kaum Ahlil-Kitab:

قَـٰتِلُوا۟ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَلَا بِٱلْيَوْمِ ٱلْـَٔاخِرِ
وَلَا يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَلَا يَدِينُونَ
دِينَ ٱلْحَقِّ مِنَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَـٰبَ حَتَّىٰ
يُعْطُوا۟ ٱلْجِزْيَةَ عَن يَدٍ وَهُمْ صَـٰغِرُونَ ﴿٢٩﴾
وَقَالَتِ ٱلْيَهُودُ عُزَيْرٌ ٱبْنُ ٱللَّهِ وَقَالَتِ ٱلنَّصَـٰرَى
ٱلْمَسِيحُ ٱبْنُ ٱللَّهِ ۖ ذَٰلِكَ قَوْلُهُم بِأَفْوَٰهِهِمْ ۖ
يُضَـٰهِـُٔونَ قَوْلَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِن قَبْلُ ۚ
قَـٰتَلَهُمُ ٱللَّهُ ۚ أَنَّىٰ يُؤْفَكُونَ ﴿٣٠﴾
ٱتَّخَذُوٓا۟ أَحْبَارَهُمْ وَرُهْبَـٰنَهُمْ أَرْبَابًا مِّن دُونِ
ٱللَّهِ وَٱلْمَسِيحَ ٱبْنَ مَرْيَمَ وَمَآ أُمِرُوٓا۟ إِلَّا
لِيَعْبُدُوٓا۟ إِلَـٰهًا وَٰحِدًا ۖ لَّآ إِلَـٰهَ إِلَّا هُوَ ۚ
سُبْحَـٰنَهُۥ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٣١﴾

يُرِيدُونَ أَن يُطْفِـُٔوا۟ نُورَ ٱللَّهِ بِأَفْوَٰهِهِمْ وَيَأْبَى
ٱللَّهُ إِلَّآ أَن يُتِمَّ نُورَهُۥ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْكَـٰفِرُونَ ﴿٣٢﴾
هُوَ ٱلَّذِىٓ أَرْسَلَ رَسُولَهُۥ بِٱلْهُدَىٰ وَدِينِ
ٱلْحَقِّ لِيُظْهِرَهُۥ عَلَى ٱلدِّينِ كُلِّهِۦ وَلَوْ كَرِهَ
ٱلْمُشْرِكُونَ ﴿٣٣﴾
يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِنَّ كَثِيرًا مِّنَ ٱلْأَحْبَارِ
وَٱلرُّهْبَانِ لَيَأْكُلُونَ أَمْوَٰلَ ٱلنَّاسِ بِٱلْبَـٰطِلِ وَيَصُدُّونَ
عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ ۗ وَٱلَّذِينَ يَكْنِزُونَ ٱلذَّهَبَ
وَٱلْفِضَّةَ وَلَا يُنفِقُونَهَا فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ
فَبَشِّرْهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٤﴾
يَوْمَ يُحْمَىٰ عَلَيْهَا فِى نَارِ جَهَنَّمَ فَتُكْوَىٰ بِهَا
جِبَاهُهُمْ وَجُنُوبُهُمْ وَظُهُورُهُمْ ۖ هَـٰذَا مَا كَنَزْتُمْ
لِأَنفُسِكُمْ فَذُوقُوا۟ مَا كُنتُمْ تَكْنِزُونَ ﴿٣٥﴾

"Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak pula beriman kepada hari Akhirat dan mereka tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan Allah dan rasul-Nya dan mereka tidak beragama dengan agama yang benar, iaitu orang-orang (Yahudi dan Nasara) yang dikurniakan kitab sehingga mereka sanggup membayar jizyah dengan patuh dan ta'at(29). Dan orang-orang Yahudi telah berkata: 'Uzayr itu putera Allah, dan orang Nasara pula telah berkata: Al-Masih itu putera Allah. Itulah perkataan mereka yang diucapkan dengan mulut mereka. Mereka meniru perkataan orang-orang kafir sebelum ini. Allah binasakan mereka! Bagaimana mereka boleh dipesongkan begitu?(30). Mereka telah mengambil orang-orang alim dan rahib-rahib mereka sebagai tuhan-tuhan selain Allah dan begitulah juga mereka lakukan terhadap al-Masih putera Maryam, sedangkan mereka tidak disuruh melainkan supaya mereka menyembah Tuhan yang satu. Tiada Tuhan kecuali Dia. Maha Suci Allah dari segala apa yang dipersekutukan mereka(31). Mereka mahu memadamkan nur Allah dengan mulut mereka, sedangkan Allah tidak menghendaki kecuali menyempurnakan pancaran nur-Nya walaupun tidak disukai oleh orang-orang kafir(32). Dialah yang telah mengutuskan rasul-Nya membawa hidayat dan agama yang benar untuk ditonjolkannya mengatasi seluruh agama yang lain walaupun tidak disukai oleh orang-orang Musyrikin(33). Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya sebilangan besar dari orang-orang alim dan rahib-rahib makan harta orang ramai dengan cara yang tidak betul dan mereka menghalangi orang lain dari jalan Allah. Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak menginfaqkannya di jalan Allah, maka sampaikan berita gembira bahawa mereka akan mendapat 'azab yang amat pedih(34). Pada hari emas

dan perak itu dipanaskan di dalam api Neraka Jahannam, lalu dibakarkan dengannya dahi, lambung dan belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka:) Inilah harta kekayaan yang kamu simpan untuk diri kamu, oleh itu rasakanlah sekarang harta kekayaan yang disimpan kamu itu."(35)

Dari gaya penjelasan Al-Qur'an yang zahir di dalam ayat-ayat bahagian ini juga ternyata bahawa ia sedang menghadapi rasa kebimbangan dan kegoyahan yang berkecamuk di dalam hati kaum Muslimin pada masa itu untuk menghadapi kaum Ahlil-Kitab umumnya, atau sebahagian terbesar dari mereka, dengan bentuk hubungan-hubungan yang dijelaskan oleh ayat yang pertama bahagian ini. Sebenarnya pihak yang dimaksudkan oleh Al-Qur'an supaya dihadapi oleh kaum Muslimin dari awal-awal lagi ialah kerajaan Roman dan sekutu-sekutu mereka yang terdiri dari orang-orang Kristian Arab di Syam dan negeri-negeri di sebaliknya. Ini sahaja sudah cukup untuk menimbulkan rasa kebimbangan dan kegoyahan kepada mereka kerana kerajaan Roman terkenal kuat dan ternama di dalam sejarah di kalangan orang-orang Arab yang tinggal di Semenanjung Tanah Arab, tetapi nas (yang memerintah supaya memerangi orang-orang yang tidak beriman itu) merangkumi seluruh Ahlil-Kitab yang mempunyai sifat-sifat yang disebut oleh ayat itu sebagaimana kami akan jelaskan kelak Insya Allah ketika mentafsirkan ayat-ayat itu.

Dalam kumpulan ayat bahagian yang ketiga dimulakan dengan kecaman terhadap mereka yang merasa keberatan apabila diseru supaya bersiap sedia untuk berperang. Mereka merasa berat dan malas untuk keluar berperang. Mereka bukan semuanya terdiri dari orang-orang Munafiqin sebagaimana akan dijelaskan nanti. Sikap keberatan itu membayangkan betapa sulitnya langkah dan peperangan itu kepada kaum Muslimin pada masa itu kerana sebab-sebab yang kami harap dapat menghuraikannya nanti, Insya Allah, apabila tiba di tempatnya kelak:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَا لَكُمْ إِذَا قِيلَ لَكُمُ ٱنفِرُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ٱثَّاقَلْتُمْ إِلَى ٱلْأَرْضِ ۚ أَرَضِيتُم بِٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا مِنَ ٱلْءَاخِرَةِ ۚ فَمَا مَتَٰعُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا فِى ٱلْءَاخِرَةِ إِلَّا قَلِيلٌ ﴿٣٨﴾ إِلَّا تَنفِرُوا۟ يُعَذِّبْكُمْ عَذَابًا أَلِيمًا وَيَسْتَبْدِلْ قَوْمًا غَيْرَكُمْ وَلَا تَضُرُّوهُ شَيْـًٔا ۗ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٣٩﴾

إِلَّا تَنصُرُوهُ فَقَدْ نَصَرَهُ ٱللَّهُ إِذْ أَخْرَجَهُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ثَانِىَ ٱثْنَيْنِ إِذْ هُمَا فِى ٱلْغَارِ إِذْ يَقُولُ لِصَٰحِبِهِۦ لَا تَحْزَنْ إِنَّ ٱللَّهَ مَعَنَا ۖ فَأَنزَلَ ٱللَّهُ سَكِينَتَهُۥ عَلَيْهِ وَأَيَّدَهُۥ بِجُنُودٍ لَّمْ تَرَوْهَا وَجَعَلَ كَلِمَةَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ٱلسُّفْلَىٰ ۗ وَكَلِمَةُ ٱللَّهِ هِىَ ٱلْعُلْيَا ۗ وَٱللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٤٠﴾ ٱنفِرُوا۟ خِفَافًا وَثِقَالًا وَجَٰهِدُوا۟ بِأَمْوَٰلِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٤١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa jika dikatakan kepada kamu: Keluarlah beramai-ramai berperang untuk Sabilullah, kamu merasa keberatan dan ingin duduk tidak bergerak di bumi? Apakah kamu lebih berpuas hati dengan kehidupan dunia dari kehidupan Akhirat? Sebenarnya keni'matan hidup dunia hanya sedikit sahaja dibandingkan dengan keni'matan hidup di Akhirat(38). Jika kamu tidak keluar beramai-ramai untuk berperang nescaya Allah akan seksakan kamu dengan 'azab yang amat pedih dan menukarkan kamu dengan satu kaum yang lain dan kamu tidak dapat mendatangkan sesuatu kemudharatan kepada-Nya, dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu(39). Jika kamu tidak menolongnya (Nabi Muhammad), maka sesungguhnya Allah telah pun menolongnya ketika ia diusir (dari Makkah) oleh orang-orang kafir dan ketika kedua-duanya berlindung di dalam gua di mana ia berkata kepada sahabatnya: (Abu Bakr) 'Janganlah anda berdukacita kerana Allah bersama kita, lalu Allah menurunkan ketenteraman-Nya ke atasnya dan membantunya dengan bala tentera (malaikat) yang tidak dapat dilihat oleh kamu dan Allah telah jadikan kalimat orang-orang yang kafir itu berada di tempat yang paling rendah, sedangkan kalimatullah itulah kalimat yang paling tinggi dan Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana(40). Keluarlah beramai-ramai berperang dalam semua keadaan baik dalam keadaan ringan mahupun dalam keadaan berat dan berjihadlah dengan harta benda kamu dan jiwa raga kamu untuk Sabilullah. Perjuangan itu lebih baik kepada kamu jika kamu mengetahui."(41)

Memandang kepada ungkapan-ungkapan kecaman, amaran dan kata-kata yang tegas di dalam ayat-ayat bahagian ini, juga memandang kepada peringatan Allah kepada orang-orang yang beriman bahawa Dia telah pun membantu Rasulullah s.a.w. ketika beliau diusir dari negeri Makkah tanpa disertai bantuan dari seseorang manusia, juga memandang kepada perintah Allah yang tegas kepada mereka agar keluar berjihad dalam apa keadaan sekalipun, sama ada ringan atau berat, maka ternyatalah dari semua ungkapan ini situasi-situasi gawat di masa itu, iaitu situasi-situasi kesulitan, keinginan ponteng dari keluar

berperang dan situasi kebimbangan dan kegoyahan yang memerlukan pengemblengan kecaman, amaran, pernyataan yang tegas, peringatan dan perintah yang keras itu.

Kemudian datang pula bahagian yang keempat dari rangkaian surah ini, iaitu bahagiannya yang terpanjang yang menelan lebih dari separuh surah, di mana didedahkan skandal-skandal kaum Munafiqin di dalam masyarakat Islam, dan keadaan-keadaan jiwa dan tindak-tanduk mereka, juga sikap-sikap mereka di dalam Peperangan Tabuk sebelumnya, semasa peperangan dan selepasnya, di samping mendedahkan hakikat niat, tipudaya dan alasan-alasan mereka, kerana tidak ikut serta di dalam peperangan, juga tindakan-tindakan mereka yang bertujuan melemahkan semangat perjuangan, menyebarkan fitnah dan memecahkan barisan Muslimin dan melakukan perbuatan-perbuatan yang menyakiti Rasulullah s.a.w. dan para Mu'minin yang jujur. Pendedahan itu diiringi dengan peringatan agar para Mu'minin berwaspada terhadap tipu muslihat kaum Munafiqin dan menentukan tatacara perhubungan mereka dengan kumpulan-kumpulan kaum Musyrikin itu, dan seterusnya mengadakan pemisahan di antara kaum Muslimin dan kaum Musyrikin dan membezakan setiap perkumpulan itu dengan sifat-sifat dan tindak-tanduk mereka masing-masing. Sebenarnya bahagian ini merupakan badan bagi surah ini, dan dari penjelasannya ternyata bagaimana sikap Munafiq atau talam dua muka itu muncul dan merebak kembali selepas pembukaan negeri Makkah dan selepas terhapusnya dari masyarakat Islam menjelang pembukaan Makkah, yang kita akan mengetahui sebab-sebabnya di dalam ceraian yang berikut. Kami tidak dapat membentangkan semua ayat bahagian ini di sini, malah cukuplah bagi kami membentangkan beberapa ceraian darinya sahaja untuk menunjukkan tabi'atnya:

لَوْ كَانَ عَرَضًا قَرِيبًا وَسَفَرًا قَاصِدًا لَّاتَّبَعُوكَ وَلَٰكِن بَعُدَتْ عَلَيْهِمُ الشُّقَّةُ ۚ وَسَيَحْلِفُونَ بِاللَّهِ لَوِ اسْتَطَعْنَا لَخَرَجْنَا مَعَكُمْ يُهْلِكُونَ أَنفُسَهُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ إِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ ﴿٤٢﴾

"Jika perkara yang diseru engkau itu suatu manfa'at yang senang dicapai dan suatu perjalanan yang mudah tentu mereka akan menurutmu, tetapi tempat yang dituju engkau itu dirasa amat jauh oleh mereka dan mereka akan bersumpah dengan nama Allah: Jika kami mampu tentulah kami keluar bersama kamu. Mereka membinasakan diri mereka sendiri dan Allah memang mengetahui bahawa mereka adalah pendusta-pendusta."(42)

وَلَوْ أَرَادُوا الْخُرُوجَ لَأَعَدُّوا لَهُ عُدَّةً وَلَٰكِن كَرِهَ اللَّهُ انبِعَاثَهُمْ فَثَبَّطَهُمْ وَقِيلَ اقْعُدُوا مَعَ الْقَاعِدِينَ ﴿٤٦﴾

لَوْ خَرَجُوا فِيكُم مَّا زَادُوكُمْ إِلَّا خَبَالًا وَلَأَوْضَعُوا خِلَالَكُمْ يَبْغُونَكُمُ الْفِتْنَةَ وَفِيكُمْ سَمَّاعُونَ لَهُمْ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالظَّالِمِينَ ﴿٤٧﴾

لَقَدِ ابْتَغَوُا الْفِتْنَةَ مِن قَبْلُ وَقَلَّبُوا لَكَ الْأُمُورَ حَتَّىٰ جَاءَ الْحَقُّ وَظَهَرَ أَمْرُ اللَّهِ وَهُمْ كَارِهُونَ ﴿٤٨﴾

وَمِنْهُم مَّن يَقُولُ ائْذَن لِّي وَلَا تَفْتِنِّي ۚ أَلَا فِي الْفِتْنَةِ سَقَطُوا ۗ وَإِنَّ جَهَنَّمَ لَمُحِيطَةٌ بِالْكَافِرِينَ ﴿٤٩﴾

إِن تُصِبْكَ حَسَنَةٌ تَسُؤْهُمْ ۖ وَإِن تُصِبْكَ مُصِيبَةٌ يَقُولُوا قَدْ أَخَذْنَا أَمْرَنَا مِن قَبْلُ وَيَتَوَلَّوا وَّهُمْ فَرِحُونَ ﴿٥٠﴾

"Dan jika mereka benar-benar mahu keluar berperang tentulah mereka telah mengadakan persediaan untuknya, tetapi Allah sebenarnya tidak suka mereka terdorong keluar berperang lalu Allah menghalangkan mereka lalu mereka diseru: Tinggallah bersama-sama orang-orang yang tidak ikut berperang(46). Jika mereka keluar bersama kamu, mereka tidak menambahkan suatu apa kepada kamu selain dari kekacauan dan mereka akan segera meresap di dalam kalangan kamu untuk menyebarkan fitnah terhadap kamu. Sedangkan di dalam kalangan kamu ada golongan yang suka mendengar percakapan mereka. Dan Allah Maha Mengetahui orang-orang yang zalim(47). Sesungguhnya sebelum ini, mereka telah pun berusaha menimbulkan fitnah terhadap kamu dan mereka telah mengaturkan berbagai-bagai, tipudaya terhadapmu hingga datanglah kebenaran dari munculnya agama Allah, sedangkan mereka tidak menyukainya(48). Di antara mereka ada yang berkata: '(Wahai Rasulullah,) benarkan saya tidak ikut berperang dan jangan dedahkan saya kepada fitnah (perempuan)' ingatlah sebenarnya mereka telah jatuh ke dalam fitnah ('azab) dan sesungguhnya Neraka Jahannam mengepungi seluruh orang-orang kafir(49). Dan jika engkau mendapat sesuatu kebaikan ia menjadikan mereka berdukacita dan jika engkau ditimpa sesuatu bencana, mereka berkata: 'Kami telah memikirkan urusan kami dengan hati-hati sebelum ini' dan mereka beredar dari situ dengan penuh gembira."(50)

وَيَحْلِفُونَ بِاللَّهِ إِنَّهُمْ لَمِنكُمْ وَمَا هُم مِّنكُمْ وَلَٰكِنَّهُمْ قَوْمٌ يَفْرَقُونَ ﴿٥٦﴾

لَوْ يَجِدُونَ مَلْجَأً أَوْ مَغَارَاتٍ أَوْ مُدَّخَلًا لَّوَلَّوْا إِلَيْهِ وَهُمْ يَجْمَحُونَ ﴿٥٧﴾

وَمِنْهُم مَّن يَلْمِزُكَ فِي الصَّدَقَاتِ فَإِنْ أُعْطُوا

مِنۡهَا رَضُواْ وَإِن لَّمۡ يُعۡطَوۡاْ مِنۡهَآ إِذَا هُمۡ يَسۡخَطُونَ ٥٨
وَلَوۡ أَنَّهُمۡ رَضُواْ مَآ ءَاتَىٰهُمُ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَقَالُواْ
حَسۡبُنَا ٱللَّهُ سَيُؤۡتِينَا ٱللَّهُ مِن فَضۡلِهِۦ وَرَسُولُهُۥٓ
إِنَّآ إِلَى ٱللَّهِ رَٰغِبُونَ ٥٩

"Dan mereka bersumpah dengan nama Allah bahawa mereka dari golongan kamu, sedangkan sebenarnya mereka bukan dari golongan kamu, tetapi mereka adalah orang-orang pengecut(56). Seandainya mereka mendapat tempat perlindungan atau gua-gua atau lubang tentulah mereka akan menuju kepadanya dengan berlari pantas(57). Dan di antara mereka ada yang mencelamu tentang pembahagian sedekah-sedekah, jika mereka diberi sebahagian darinya, mereka bersenang hati dan jika mereka tidak diberi sebahagian darinya mereka terus marah(58). Dan jika mereka berpuas hati dengan apa yang diberikan Allah dan rasul-Nya kepada mereka dan berkata: 'Cukuplah anugerahan Allah kepada kami, Allah tetap akan mengurniakan kepada kami dari limpah kurnia-Nya juga rasul-Nya. Sesungguhnya kami amat gemar kepada Allah (tentulah lebih baik kepada mereka)."(59)

وَمِنۡهُمُ ٱلَّذِينَ يُؤۡذُونَ ٱلنَّبِيَّ وَيَقُولُونَ هُوَ أُذُنٞۚ
قُلۡ أُذُنُ خَيۡرٖ لَّكُمۡ يُؤۡمِنُ بِٱللَّهِ وَيُؤۡمِنُ لِلۡمُؤۡمِنِينَ
وَرَحۡمَةٞ لِّلَّذِينَ ءَامَنُواْ مِنكُمۡۚ وَٱلَّذِينَ يُؤۡذُونَ
رَسُولَ ٱللَّهِ لَهُمۡ عَذَابٌ أَلِيمٞ ٦١
يَحۡلِفُونَ بِٱللَّهِ لَكُمۡ لِيُرۡضُوكُمۡ وَٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ
أَحَقُّ أَن يُرۡضُوهُ إِن كَانُواْ مُؤۡمِنِينَ ٦٢
أَلَمۡ يَعۡلَمُوٓاْ أَنَّهُۥ مَن يُحَادِدِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَأَنَّ لَهُۥ
نَارَ جَهَنَّمَ خَٰلِدٗا فِيهَاۚ ذَٰلِكَ ٱلۡخِزۡيُ ٱلۡعَظِيمُ ٦٣
يَحۡذَرُ ٱلۡمُنَٰفِقُونَ أَن تُنَزَّلَ عَلَيۡهِمۡ سُورَةٞ
تُنَبِّئُهُم بِمَا فِي قُلُوبِهِمۡۚ قُلِ ٱسۡتَهۡزِءُوٓاْ إِنَّ ٱللَّهَ
مُخۡرِجٞ مَّا تَحۡذَرُونَ ٦٤
وَلَئِن سَأَلۡتَهُمۡ لَيَقُولُنَّ إِنَّمَا كُنَّا نَخُوضُ وَنَلۡعَبُۚ
قُلۡ أَبِٱللَّهِ وَءَايَٰتِهِۦ وَرَسُولِهِۦ كُنتُمۡ تَسۡتَهۡزِءُونَ ٦٥
لَا تَعۡتَذِرُواْ قَدۡ كَفَرۡتُم بَعۡدَ إِيمَٰنِكُمۡۚ إِن نَّعۡفُ عَن
طَآئِفَةٖ مِّنكُمۡ نُعَذِّبۡ طَآئِفَةَۢ بِأَنَّهُمۡ كَانُواْ
مُجۡرِمِينَ ٦٦
ٱلۡمُنَٰفِقُونَ وَٱلۡمُنَٰفِقَٰتُ بَعۡضُهُم مِّنۢ بَعۡضٖۚ
يَأۡمُرُونَ بِٱلۡمُنكَرِ وَيَنۡهَوۡنَ عَنِ ٱلۡمَعۡرُوفِ
وَيَقۡبِضُونَ أَيۡدِيَهُمۡۚ نَسُواْ ٱللَّهَ فَنَسِيَهُمۡۚ إِنَّ
ٱلۡمُنَٰفِقِينَ هُمُ ٱلۡفَٰسِقُونَ ٦٧
وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلۡمُنَٰفِقِينَ وَٱلۡمُنَٰفِقَٰتِ وَٱلۡكُفَّارَ
نَارَ جَهَنَّمَ خَٰلِدِينَ فِيهَاۚ هِيَ حَسۡبُهُمۡۚ وَلَعَنَهُمُ
ٱللَّهُۖ وَلَهُمۡ عَذَابٞ مُّقِيمٞ ٦٨

"Di antara mereka (Munafiqin) ada orang-orang yang menyakiti Nabi dan mengatakan bahawa ia (Nabi) telinga yang mempercayai segala apa yang didengarnya, katakanlah: Ia telinga yang baik yang mempercayai segala apa yang baik bagi kamu, ia mempercayai Allah dan mempercayai orang-orang yang beriman dan ia menjadi rahmat kepada orang-orang yang beriman di kalangan kamu. Dan orang-orang yang menyakiti Rasulullah akan memperolehi 'azab yang amat pedih(61). Mereka bersumpah kepada kamu dengan nama Allah untuk mendapat keredhaan kamu, sedangkan Allah dan rasul-Nya itulah yang lebih wajar bagi mereka mendapat keredhaan-Nya jika mereka benar orang-orang yang beriman(62). Tidakkah mereka mengetahui bahawa sesiapa yang menentang Allah dan rasul-Nya, maka dia akan mendapat balasan hidup kekal di dalam Neraka Jahannam. Itulah penghinaan yang paling besar(63). Orang-orang Munafiqin itu takut diturunkan kepada mereka suatu surah yang mendedahkan kepada mereka segala isi hati mereka. Katakanlah: Teruskan ejekan kamu itu, sesungguhnya Allah tetap akan mengeluarkan sebab apa yang ditakuti kamu(64). Dan jika engkau bertanya mereka (tentang ejekan-ejekan itu). Nescaya mereka menjawab: 'Kami hanya berbual-bual dan bermain-main sahaja'. Katakanlah: Apakah wajar kamu mengejek-ejek Allah, ayat-ayat-Nya dan rasul-Nya?(65). Janganlah kamu berdalih. Sebenarnya kamu telah kafir kembali setelah kamu beriman. Jika Kami mema'afkan segolongan dari kamu, maka Kami tetap akan mengazabkan segolongan yang kerana mereka adalah orang-orang yang berdosa(66). Orang-orang Munafiqin lelaki dan perempuan adalah bekerjasama satu sama lain. Mereka menyuruh melakukan kemungkaran dan melarang melakukan kebaikan dan mereka sentiasa menggenggam tangan mereka (bakhil). Mereka telah melupakan Allah, kerana itu Allah telah melupakan mereka. Sesungguhnya orang-orang Munafiqin itulah orang-orang yang fasiq(67). Allah mengancam orang-orang Munafiqin lelaki dan perempuan serta orang-orang kafir dengan balasan hidup kekal abadi dalam Neraka Jahannam. Itulah balasan yang cukup untuk mereka dan Allah telah mengutuk mereka dan mereka akan mendapat keseksaan yang kekal."(68)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ جَٰهِدِ ٱلْكُفَّارَ وَٱلْمُنَٰفِقِينَ وَٱغْلُظْ عَلَيْهِمْ ۚ وَمَأْوَىٰهُمْ جَهَنَّمُ ۖ وَبِئْسَ ٱلْمَصِيرُ ٧٣

يَحْلِفُونَ بِٱللَّهِ مَا قَالُوا۟ وَلَقَدْ قَالُوا۟ كَلِمَةَ ٱلْكُفْرِ وَكَفَرُوا۟ بَعْدَ إِسْلَٰمِهِمْ وَهَمُّوا۟ بِمَا لَمْ يَنَالُوا۟ ۚ وَمَا نَقَمُوٓا۟ إِلَّآ أَنْ أَغْنَىٰهُمُ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ مِن فَضْلِهِۦ ۚ فَإِن يَتُوبُوا۟ يَكُ خَيْرًا لَّهُمْ ۖ وَإِن يَتَوَلَّوْا۟ يُعَذِّبْهُمُ ٱللَّهُ عَذَابًا أَلِيمًا فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ ۚ وَمَا لَهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ مِن وَلِىٍّ وَلَا نَصِيرٍ ٧٤

وَمِنْهُم مَّنْ عَٰهَدَ ٱللَّهَ لَئِنْ ءَاتَىٰنَا مِن فَضْلِهِۦ لَنَصَّدَّقَنَّ وَلَنَكُونَنَّ مِنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ٧٥

فَلَمَّآ ءَاتَىٰهُم مِّن فَضْلِهِۦ بَخِلُوا۟ بِهِۦ وَتَوَلَّوا۟ وَّهُم مُّعْرِضُونَ ٧٦

فَأَعْقَبَهُمْ نِفَاقًا فِى قُلُوبِهِمْ إِلَىٰ يَوْمِ يَلْقَوْنَهُۥ بِمَآ أَخْلَفُوا۟ ٱللَّهَ مَا وَعَدُوهُ وَبِمَا كَانُوا۟ يَكْذِبُونَ ٧٧

"Wahai Nabi,! Perangilah orang-orang kafir dan orang-orang Munafiqin dan kasarilah mereka. Tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali(73). Mereka bersumpah dengan nama Allah bahawa mereka tidak berkata begitu. Sebenarnya mereka telah mengeluarkan perkataan yang kufur dan mereka telah kafir kembali selepas keislaman mereka dan mereka telah mengingini untuk melakukan sesuatu yang tidak mungkin dicapai mereka. Mereka tidak menaruh dendam melainkan kerana Allah dan rasul-Nya telah memberi kesenangan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya. Oleh itu jika mereka bertaubat, maka itu adalah lebih baik kepada mereka, dan jika mereka enggan nescaya Allah akan menyeksakan mereka dengan 'azab yang amat pedih di dunia dan di Akhirat dan mereka tidak akan memperolehi di bumi ini seorang pelindung dan seorang penolong pun(74). Dan di antara mereka ada orang yang berjanji dengan Allah, iaitu jika Allah mengurniakan kami sebahagian dari limpah kurnia-Nya nescaya kami akan mengeluarkan sedekah dan tetap berada di dalam golongan orang-orang yang soleh(75). Tetapi setelah Allah mengurniakan kepada mereka sebahagian dari limpah kurnia-Nya mereka terus bakhil dengan pengurniaan itu dan berpaling (dari janji itu) dan mereka adalah orang-orang yang sentiasa membelakangi (perjanjian)(76). Lalu Allah mewariskan sifat hipokrit di dalam hati mereka hingga sampai pada hari mereka menemui Allah kerana mereka telah memungkiri apa yang dijanjikan mereka dengan Allah dan kerana mereka berdusta."(77)

ٱلَّذِينَ يَلْمِزُونَ ٱلْمُطَّوِّعِينَ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ فِى ٱلصَّدَقَٰتِ وَٱلَّذِينَ لَا يَجِدُونَ إِلَّا جُهْدَهُمْ فَيَسْخَرُونَ مِنْهُمْ ۙ سَخِرَ ٱللَّهُ مِنْهُمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ٧٩

ٱسْتَغْفِرْ لَهُمْ أَوْ لَا تَسْتَغْفِرْ لَهُمْ إِن تَسْتَغْفِرْ لَهُمْ سَبْعِينَ مَرَّةً فَلَن يَغْفِرَ ٱللَّهُ لَهُمْ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَفَرُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلْفَٰسِقِينَ ٨٠

فَرِحَ ٱلْمُخَلَّفُونَ بِمَقْعَدِهِمْ خِلَٰفَ رَسُولِ ٱللَّهِ وَكَرِهُوٓا۟ أَن يُجَٰهِدُوا۟ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَقَالُوا۟ لَا تَنفِرُوا۟ فِى ٱلْحَرِّ ۗ قُلْ نَارُ جَهَنَّمَ أَشَدُّ حَرًّا ۚ لَّوْ كَانُوا۟ يَفْقَهُونَ ٨١

فَلْيَضْحَكُوا۟ قَلِيلًا وَلْيَبْكُوا۟ كَثِيرًا جَزَآءًۢ بِمَا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ٨٢

فَإِن رَّجَعَكَ ٱللَّهُ إِلَىٰ طَآئِفَةٍ مِّنْهُمْ فَٱسْتَـْٔذَنُوكَ لِلْخُرُوجِ فَقُل لَّن تَخْرُجُوا۟ مَعِىَ أَبَدًا وَلَن تُقَٰتِلُوا۟ مَعِىَ عَدُوًّا ۖ إِنَّكُمْ رَضِيتُم بِٱلْقُعُودِ أَوَّلَ مَرَّةٍ فَٱقْعُدُوا۟ مَعَ ٱلْخَٰلِفِينَ ٨٣

وَلَا تُصَلِّ عَلَىٰٓ أَحَدٍ مِّنْهُم مَّاتَ أَبَدًا وَلَا تَقُمْ عَلَىٰ قَبْرِهِۦٓ ۖ إِنَّهُمْ كَفَرُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَمَاتُوا۟ وَهُمْ فَٰسِقُونَ ٨٤

وَلَا تُعْجِبْكَ أَمْوَٰلُهُمْ وَأَوْلَٰدُهُمْ ۚ إِنَّمَا يُرِيدُ ٱللَّهُ أَن يُعَذِّبَهُم بِهَا فِى ٱلدُّنْيَا وَتَزْهَقَ أَنفُسُهُمْ وَهُمْ كَٰفِرُونَ ٨٥

"Orang-orang (Munafiq) yang mencela orang-orang Mu'min yang memberi sedekah secara sukarela, juga mencela orang-orang yang tidak mempunyai wang untuk bersedekah kecuali sekadar kemampuan mereka serta mengejek mereka, maka Allah telah membalas ejekan mereka dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih(79). (Sama sahaja) sama ada engkau memohon ampun untuk mereka atau engkau tidak memohon ampun untuk mereka. Sekalipun

tujuh puluh kali engkau memohon ampun untuk mereka, maka Allah tetap tidak akan mengampunkan mereka. Hukuman itu disebabkan kerana mereka telah kafir terhadap Allah dan rasul-Nya, dan Allah sekali-kali tidak memberi hidayat kepada golongan orang-orang yang fasiq(80). Orang-orang yang ditinggal (tidak ikut berperang) telah bergembira dengan kedudukan mereka yang tertinggal di belakang Rasulullah dan mereka memang tidak suka berjihad dengan harta benda dan jiwa raga mereka untuk Sabilullah dan mereka telah berkata: 'Janganlah kamu keluar berperang di dalam panas terik ini', katakanlah: Api Neraka Jahannam itu lebih panas lagi jika mereka mengerti(81). Oleh itu hendaklah mereka sedikit ketawa dan banyak menangis sebagai balasan terhadap perbuatan-perbuatan yang diusahakan mereka(82). Jika Allah mengembalikan engkau kepada satu puak dari mereka (Munafiqin) lalu mereka meminta keizinan engkau untuk keluar berperang, maka katakanlah kepada mereka: Kamu tidak akan keluar berperang bersamaku buat selama-lamanya dan kamu tidak akan memerangi seorang musuh pun bersamaku, kerana pada kali yang pertama dulu, kamu telah pun rela untuk tidak keluar berperang. Oleh itu sekarang tinggallah kamu bersama-sama mereka yang tidak keluar berperang(83). Dan janganlah engkau menyembahyangkan jenazah seseorang pun dari mereka yang telah mati buat selama-lamanya dan jangan sekali-kali engkau berdiri di kuburnya, kerana mereka telah kafir terhadap Allah dan rasul-Nya dan kerana mereka mati dalam keadaan fasiq(84). Dan janganlah engkau dipesonakan oleh harta kekayaan dan anak-anak mereka yang ramai. Sebenarnya Allah mahu menyeksakan mereka dengan harta dan anak-anak mereka di dunia ini dan agar nyawa mereka tercabut dalam keadaan kafir."(85)

Dan lain-lain ayat hingga akhirnya.

Ayat-ayat panjang yang menyerang dan membuka pekung di dada kaum Munafiqin itu membayangkan betapa banyaknya percubaan-percubaan jahat yang dilakukan oleh golongan Munafiqin pada masa itu untuk mengganggu, mengacau dan menyibukkan barisan Muslimin dengan berbagai fitnah, pakatan-pakatan jahat, berita-berita dusta untuk memesongkan arah tujuannya, dan dalam waktu yang sama ia mendedahkan keadaan ketidakpaduan dan ketidakselarasan dalam struktur organisasi masyarakat Islam di masa itu. Keadaan ini dibayangkan di dalam firman Allah S.W.T.:

وَفِيكُمْ سَمَّٰعُونَ لَهُمْ ۗ

"Sedangkan dalam kalangan kamu ada golongan yang suka mendengar percakapan mereka."(47)

Juga dibayangkan oleh larangan-larangan yang keras supaya jangan memohon kemaafan kepada orang-orang Munafiqin dan menyembahyangkan jenazah mereka. Situasi ini muncul akibat kemasukan berbagai-bagai puak dan kelompok ke dalam agama Islam selepas pembukaan negeri Makkah, sedangkan keimanan yang sebenar belum lagi bertapak di dalam hati mereka dan jiwa mereka belum lagi terterap dengan ciri Islam yang betul. Kami akan huraikan secara terperinci selepas membentangkan ayat-ayat yang mengklasifikasikan berbagai-bagai kelompok yang menganggotai masyarakat Islam pada masa itu.

Bahagian yang kelima dan rangkaian ayat-ayat surah ini ialah ayat-ayat yang mengklasifikasikan kelompok-kelompok yang wujud dalam masyarakat Islam, dan dari sini kita mengetahui bahawa di samping kelompok, Muhajirin dan kelompok Ansar yang jujur, yang menjadi landasan masyarakat Islam yang padu dan kukuh itu terdapat pula berbagai-bagai kelompok yang lain, iaitu kelompok al-A'arab atau kelompok orang-orang Arab Badwi, di dalam kelompok ini terdapat Muslimin yang jujur, golongan Munafiqin dan golongan yang belum lagi menghayati kemanisan iman di dalam hati mereka, juga termasuk orang-orang Munafiqin dari penduduk Madinah. Di sana juga terdapat kelompok yang mencampurkan amalan yang soleh dengan amalan yang jahat dan mereka belum lagi sempurna diterapkan dengan ciri-ciri keislaman atau belum lagi dileburkan di dalam acuan Islam yang sempurna, seterusnya di sana terdapat segolongan warga masyarakat yang tidak diketahui keadaan dan nasib kesudahan mereka. Hakikat mereka terserah kepada Allah yang mengetahui hakikat dan nasib kesudahan mereka yang sebenar, di samping golongan ini terdapat pula segolongan yang mengatur komplot-komplot jahat yang berselindung di sebaik nama agama. Ayat-ayat Al-Qur'an dari surah ini memperkatakan seluruh kelompok-kelompok ini dengan ringkas tetapi amat berguna dan menjelaskan bagaimana kelompok-kelompok ini harus ditangani di dalam masyarakat Islam. Ia mengarah Rasulullah s.a.w. dan para Muslimin pilihan supaya mengikuti cara-cara tertentu untuk melayani setiap golongan dari mereka:

ٱلْأَعْرَابُ أَشَدُّ كُفْرًا وَنِفَاقًا وَأَجْدَرُ أَلَّا يَعْلَمُوا۟ حُدُودَ
مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٩٧﴾
وَمِنَ ٱلْأَعْرَابِ مَن يَتَّخِذُ مَا يُنفِقُ مَغْرَمًا وَيَتَرَبَّصُ
بِكُمُ ٱلدَّوَآئِرَ ۚ عَلَيْهِمْ دَآئِرَةُ ٱلسَّوْءِ ۗ وَٱللَّهُ سَمِيعٌ
عَلِيمٌ ﴿٩٨﴾

وَمِنَ ٱلْأَعْرَابِ مَن يُؤْمِنُ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ وَ
يَتَّخِذُ مَا يُنفِقُ قُرُبَٰتٍ عِندَ ٱللَّهِ وَصَلَوَٰتِ ٱلرَّسُولِ ۚ
أَلَآ إِنَّهَا قُرْبَةٌ لَّهُمْ ۚ سَيُدْخِلُهُمُ ٱللَّهُ فِى رَحْمَتِهِۦٓ ۗ
إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٩٩﴾
وَٱلسَّٰبِقُونَ ٱلْأَوَّلُونَ مِنَ ٱلْمُهَٰجِرِينَ وَٱلْأَنصَارِ
وَٱلَّذِينَ ٱتَّبَعُوهُم بِإِحْسَٰنٍ رَّضِىَ ٱللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا۟

عَنْهُ وَأَعَدَّ لَهُمْ جَنَّٰتٍ تَجْرِى تَحْتَهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًا ۚ ذَٰلِكَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ﴿١٠٠﴾

وَمِمَّنْ حَوْلَكُم مِّنَ ٱلْأَعْرَابِ مُنَٰفِقُونَ ۖ وَمِنْ أَهْلِ ٱلْمَدِينَةِ ۖ مَرَدُوا۟ عَلَى ٱلنِّفَاقِ لَا تَعْلَمُهُمْ ۖ نَحْنُ نَعْلَمُهُمْ ۚ سَنُعَذِّبُهُم مَّرَّتَيْنِ ثُمَّ يُرَدُّونَ إِلَىٰ عَذَابٍ عَظِيمٍ ﴿١٠١﴾

وَءَاخَرُونَ ٱعْتَرَفُوا۟ بِذُنُوبِهِمْ خَلَطُوا۟ عَمَلًا صَٰلِحًا وَءَاخَرَ سَيِّئًا عَسَى ٱللَّهُ أَن يَتُوبَ عَلَيْهِمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٠٢﴾

خُذْ مِنْ أَمْوَٰلِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِم بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ ۖ إِنَّ صَلَوٰتَكَ سَكَنٌ لَّهُمْ ۗ وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

"Orang-orang A'arab itu lebih kental kekufuran dan kemunafiqan mereka dan lebih wajar tidak mengetahui batas-batas hukum yang diturunkan Allah kepada rasul-Nya. Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (97). Dan sebahagian dari orang-orang A'arab memandang apa yang dibelanjakan mereka untuk Sabilullah itu sebagai bayaran yang merugikan dan mereka menunggu-nunggu agar kamu dilanda pancaroba-pancaroba zaman. Sebenarnya di atas merekalah wajar ditimpakan pancaroba yang buruk. Dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui(98). Dan sebahagian dari orang-orang A'arab itu ada yang beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat dan memandang apa yang dibelanjakan mereka untuk Sabilullah itu sebagai amalan-amalan yang mendekatkan diri mereka di sisi Allah dan sebagai jalan untuk mendapat rahmat dari do'a-do'a Rasulullah. Ketahuilah, bahawa segala apa yang dibelanjakan mereka merupakan amalan yang baik bagi mereka. Allah akan memasukkan mereka ke dalam rahmat-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(99). Dan angkatan perintis Islam yang pertama dari para Muhajirin dan Ansar, juga orang-orang yang mengikut mereka dengan sebaik-baiknya, maka Allah redha terhadap mereka dan mereka juga redha terhadap (ganjaran-ganjaran Allah) kepada mereka. Allah telah menyediakan untuk mereka taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, di mana mereka hidup kekal abadi. Itulah kejayaan yang amat besar(100). Dan di antara orang-orang A'arab yang berada sekeliling kamu terdapat orang-orang Munafiqin, dan golongan ini juga terdapat di dalam kalangan penduduk Madinah. Mereka tetap berdegil dengan sikap Munafiq itu. Kamu tidak mengenali mereka, tetapi Kami mengenali mereka. Kami akan menyeksakan mereka dua kali kemudian mereka akan dikembalikan kepada 'azab yang amat besar(101). Dan ada pun golongan lain yang mengakui dosa-dosa mereka, mereka mencampurkan amalan-amalan yang baik dengan amalan-amalan yang jahat. Semoga Allah menerima taubat mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(102). Ambillah (wahai Muhammad) dari harta mereka bahagian sedekah yang mencuci dan membersihkan mereka dan berdo'alah terhadap mereka. Sesungguhnya do'a-do'amu itu memberi ketenteraman kepada mereka. Dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(103)

وَءَاخَرُونَ مُرْجَوْنَ لِأَمْرِ ٱللَّهِ إِمَّا يُعَذِّبُهُمْ وَإِمَّا يَتُوبُ عَلَيْهِمْ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١٠٦﴾

وَٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُوا۟ مَسْجِدًا ضِرَارًا وَكُفْرًا وَتَفْرِيقًۢا بَيْنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ وَإِرْصَادًا لِّمَنْ حَارَبَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ مِن قَبْلُ ۚ وَلَيَحْلِفُنَّ إِنْ أَرَدْنَآ إِلَّا ٱلْحُسْنَىٰ ۖ وَٱللَّهُ يَشْهَدُ إِنَّهُمْ لَكَٰذِبُونَ ﴿١٠٧﴾

لَا تَقُمْ فِيهِ أَبَدًا ۚ لَّمَسْجِدٌ أُسِّسَ عَلَى ٱلتَّقْوَىٰ مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَن تَقُومَ فِيهِ ۚ فِيهِ رِجَالٌ يُحِبُّونَ أَن يَتَطَهَّرُوا۟ ۚ وَٱللَّهُ يُحِبُّ ٱلْمُطَّهِّرِينَ ﴿١٠٨﴾

"Dan ada pula golongan lain yang ditangguhkan (hukuman terhadap mereka) kepada keputusan Allah sama ada Ia mengazabkan mereka atau menerima taubat mereka, dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(106). Dan di antara mereka ada pula orang-orang yang mendirikan masjid dengan tujuan untuk menimbulkan kemudharatan kepada orang-orang yang beriman, menegakkan kekufuran dan memecahbelahkan para Mu'minin, juga untuk dijadikannya pengkalan intipan bagi mereka yang memerangi Allah dan rasul-Nya sebelum ini. Mereka sanggup bersumpah: Tujuan kami tidak lain melainkan semata-mata untuk kebajikan, sedangkan Allah menyaksi bahawa mereka adalah para pembohong(107). Janganlah engkau mendirikan sembahyang di dalam masjid itu buat selama-lama. Sesungguhnya masjid yang dibinakan di atas landasan taqwa sejak hari pertama lagi itu lebih wajar engkau mendirikan solat di dalamnya, di mana terdapat orang-orang yang suka membersihkan diri, dan Allah menyayangi orang-orang yang banyak membersihkan diri."(108)

Dan lain-lain ayat hingga akhirnya.

Dari wujudnya berbagai-bagai puak dan kelas-kelas keimanan di dalam masyarakat Islam sebagaimana yang dibayangkan oleh ayat-ayat tadi dapatlah dilihat sejauh mana wujudnya gejala ketidakpaduan di dalam masyarakat Islam selepas pembukaan negeri Makkah, sedangkan sebelum itu masyarakat Islam telah pun bersih atau hampir-hampir bersih dari gejala itu sebagaimana akan diterangkan nanti.

Bahagian yang keenam dari rangkaian ayat-ayat surah ini mengandungi penjelasan tentang tabi'at perjanjian setia atau bai'ah Islamiyah dengan Allah untuk berjihad di jalan Allah, juga tentang tabi'at jihad di jalan Allah dan batas-batasnya, dan seterusnya tentang kewajipan jihad kepada

penduduk-penduduk kota Madinah dan kepada orang-orang A'arab yang tinggal di sekelilingnya, iaitu mereka tidak dihalalkan mengelakkan diri atau ponteng dari jihad atau dari keluar berjihad bersama Rasulullah s.a.w., dan mereka tidak seharusnya mencintai diri mereka hingga tidak menghiraukan diri Rasulullah s.a.w. Bahagian ini juga menerangkan betapa perlunya diadakan pemisahan atau pengasingan diri dengan kaum Musyrikin dan kaum Munafiqin. Dan di tengah-tengah bahagian, ini terdapat keterangan mengenai keputusan Allah terhadap setengah-setengah orang yang tidak ikut berjihad bersama Rasulullah s.a.w. dengan hati yang ikhlas dan bukannya dengan sikap Munafiq, juga keterangan mengenai keadaan dan sikap setengah-setengah golongan Munafiqin terhadap ayat-ayat Al-Qur'anul-Karim yang diturunkan Allah:

إِنَّ ٱللَّهَ ٱشْتَرَىٰ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَٰلَهُم بِأَنَّ لَهُمُ ٱلْجَنَّةَ ۚ يُقَٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ ۖ وَعْدًا عَلَيْهِ حَقًّا فِى ٱلتَّوْرَىٰةِ وَٱلْإِنجِيلِ وَٱلْقُرْءَانِ ۚ وَمَنْ أَوْفَىٰ بِعَهْدِهِۦ مِنَ ٱللَّهِ ۚ فَٱسْتَبْشِرُوا۟ بِبَيْعِكُمُ ٱلَّذِى بَايَعْتُم بِهِۦ ۚ وَذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ﴿١١١﴾

"Sesungguhnya Allah telah memberi dari orang-orang yang beriman jiwa raga dan harta benda mereka dengan bayaran bahawa mereka akan memperolehi Syurga. Mereka berperang di jalan Allah lalu mereka membunuh atau dibunuh. Itulah janji Allah yang benar di dalam Taurat, Injil dan Al-Qur'an. Siapakah yang lebih menepati janjinya dari Allah? Oleh sebab itu bergembiralah dengan jual beli yang telah kamu lakukan itu dan itulah suatu kejayaan yang amat besar."(111)

مَا كَانَ لِلنَّبِىِّ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَن يَسْتَغْفِرُوا۟ لِلْمُشْرِكِينَ وَلَوْ كَانُوٓا۟ أُو۟لِى قُرْبَىٰ مِنۢ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُمْ أَصْحَٰبُ ٱلْجَحِيمِ ﴿١١٣﴾

وَمَا كَانَ ٱسْتِغْفَارُ إِبْرَٰهِيمَ لِأَبِيهِ إِلَّا عَن مَّوْعِدَةٍ وَعَدَهَآ إِيَّاهُ فَلَمَّا تَبَيَّنَ لَهُۥٓ أَنَّهُۥ عَدُوٌّ لِّلَّهِ تَبَرَّأَ مِنْهُ ۚ إِنَّ إِبْرَٰهِيمَ لَأَوَّٰهٌ حَلِيمٌ ﴿١١٤﴾

"Tidaklah wajar bagi Nabi dan orang-orang yang beriman memohon keampunan (kepada Allah) untuk orang-orang Musyrikin walaupun mereka dari kaum kerabat sendiri setelah ternyata kepada mereka bahawa orang-orang Musyrikin itu adalah penghuni Neraka(113). Tiadalah permohonan keampunan yang dilakukan oleh Ibrahim untuk bapanya itu melainkan kerana adanya suatu perjanjian yang telah dijanjikan Allah kepadanya, tetapi setelah ternyata bahawa bapanya adalah musuh Allah, ia terus berlepas diri darinya. Sesungguhnya Ibrahim, adalah seorang yang sangat lembut hatinya dan sangat sabar."(114)

لَّقَد تَّابَ ٱللَّهُ عَلَى ٱلنَّبِىِّ وَٱلْمُهَٰجِرِينَ وَٱلْأَنصَارِ ٱلَّذِينَ ٱتَّبَعُوهُ فِى سَاعَةِ ٱلْعُسْرَةِ مِنۢ بَعْدِ مَا كَادَ يَزِيغُ قُلُوبُ فَرِيقٍ مِّنْهُمْ ثُمَّ تَابَ عَلَيْهِمْ ۚ إِنَّهُۥ بِهِمْ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١١٧﴾

وَعَلَى ٱلثَّلَٰثَةِ ٱلَّذِينَ خُلِّفُوا۟ حَتَّىٰٓ إِذَا ضَاقَتْ عَلَيْهِمُ ٱلْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ وَضَاقَتْ عَلَيْهِمْ أَنفُسُهُمْ وَظَنُّوٓا۟ أَن لَّا مَلْجَأَ مِنَ ٱللَّهِ إِلَّآ إِلَيْهِ ثُمَّ تَابَ عَلَيْهِمْ لِيَتُوبُوٓا۟ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١١٨﴾

"Sesungguhnya Allah telah mengurniakan taubat ke atas Nabi, para Muhajirin dan para Ansar yang mengikutinya di sa'at-sa'at yang gawat setelah hati segolongan dari mereka hampir-hampir menyeleweng kemudian Allah mengurniakan taubat ke atas mereka. Sesungguhnya Allah Maha Penyayang dan Maha Pengasih(117). (Dan mengurniakan taubat) ke atas tiga orang yang telah ditangguhkan keputusan terhadap mereka sehingga bumi yang luas menjadi sempit kepada mereka dan hati mereka juga dirasakan begitu picik dan mereka yakin tiada tempat perlindungan dari kemurkaan Allah melainkan kembali kepada-Nya, kemudian Allah mengurniakan taubat kepada mereka supaya mereka sentiasa bertaubat. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat dan Maha Pengasih."(118)

مَا كَانَ لِأَهْلِ ٱلْمَدِينَةِ وَمَنْ حَوْلَهُم مِّنَ ٱلْأَعْرَابِ أَن يَتَخَلَّفُوا۟ عَن رَّسُولِ ٱللَّهِ وَلَا يَرْغَبُوا۟ بِأَنفُسِهِمْ عَن نَّفْسِهِۦ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ لَا يُصِيبُهُمْ ظَمَأٌ وَلَا نَصَبٌ وَلَا مَخْمَصَةٌ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَلَا يَطَـُٔونَ مَوْطِئًا يَغِيظُ ٱلْكُفَّارَ وَلَا يَنَالُونَ مِنْ عَدُوٍّ نَّيْلًا إِلَّا كُتِبَ لَهُم بِهِۦ عَمَلٌ صَٰلِحٌ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١٢٠﴾

وَلَا يُنفِقُونَ نَفَقَةً صَغِيرَةً وَلَا كَبِيرَةً وَلَا يَقْطَعُونَ وَادِيًا إِلَّا كُتِبَ لَهُمْ لِيَجْزِيَهُمُ ٱللَّهُ أَحْسَنَ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٢١﴾

وَمَا كَانَ ٱلْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُوا۟ كَآفَّةً ۚ فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَآئِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا۟ فِى ٱلدِّينِ وَلِيُنذِرُوا۟ قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوٓا۟ إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ﴿١٢٢﴾

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ قَـٰتِلُوا۟ ٱلَّذِينَ يَلُونَكُم مِّنَ ٱلْكُفَّارِ وَلْيَجِدُوا۟ فِيكُمْ غِلْظَةً ۚ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿١٢٣﴾

"Tidaklah wajar bagi penduduk Madinah dan orang-orang A'arab yang tinggal di sekitar mereka mengelakkan diri dari ikut berperang bersama Rasulullah dan tidak pula wajar bagi mereka mencintai diri mereka hingga tidak menghiraukan diri Rasulullah. Hal itu disebabkan kerana tiada kedahagaan, tiada kepenatan, tiada kelaparan dalam perjuangan fi Sabilillah, tiada tempat yang dipijak mereka yang menimbulkan kemarahan orang-orang kafir dan tiada kecederaan yang diterima mereka dari musuh melainkan semuanya ditulis sebagai amalan yang soleh kepada mereka. Sesungguhnya Allah tidak sekali-kali mensia-siakan pahala para Muhsinin (120). Dan tiada perbelanjaan yang dibelanjakan mereka (untuk Sabilullah) sama ada kecil atau besar dan tiada wadi yang dilintasi mereka melainkan semuanya ditulis (sebagai amalan soleh) kepada mereka, kerana Allah hendak memberi balasan yang lebih baik terhadap apa sahaja amalan yang telah dilakukan mereka(121). Dan tidaklah wajar bagi orang-orang yang beriman keluar semuanya untuk berperang. Oleh itu hendaklah sekumpulan dari setiap puak dari mereka keluar untuk memperdalamkan kefahaman di dalam agama dan untuk memberi peringatan kepada kaum mereka apabila mereka kembali kepada mereka supaya mereka berwaspada(122). Wahai orang-orang yang beriman! Perangilah orang-orang kafir yang berada berdekatan dengan kamu dan biarlah mereka menemui sikap yang keras dan kasar di dalam kalangan kamu, dan ketahuilah bahawa Allah bersama para Muttaqin."(123)

وَإِذَا مَآ أُنزِلَتْ سُورَةٌ نَّظَرَ بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ هَلْ يَرَىٰكُم مِّنْ أَحَدٍ ثُمَّ ٱنصَرَفُوا۟ ۚ صَرَفَ ٱللَّهُ قُلُوبَهُم بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَفْقَهُونَ ﴿١٢٧﴾

"Dan Apabila diturunkan sesuatu surah, mereka memandang satu sama lain seraya bertanya: 'Adakah seorang Islam melihat kamu?' Kemudian mereka beredar dari situ. Allah telah memalingkan hati mereka kerana mereka adalah satu golongan orang-orang yang tidak mengerti."(127)

Pada akhirnya surah ini ditamatkan dengan memerikan sifat Rasulullah s.a.w. dan menyampaikan arahan dari Allah supaya beliau berserah kepada Allah sahaja dan berpada dengan pertolongan-Nya:

لَقَدْ جَآءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُم بِٱلْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾

فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَقُلْ حَسْبِىَ ٱللَّهُ لَآ إِلَـٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ ۖ وَهُوَ رَبُّ ٱلْعَرْشِ ٱلْعَظِيمِ ﴿١٢٩﴾

"Sesungguhnya kamu telah didatangi seorang rasul dari kalangan kamu sendiri. Ia sangat prihatin terhadap segala kesusahan yang dialami kamu dan sangat mengambil berat terhadap kamu. Ia sangat sayang dan kasihan belas terhadap para Mu'minin(128). Dan jika mereka berpaling juga, maka katakanlah: Cukuplah Allah menjadikan Pelindungku, tiada Tuhan selain Dia, kepada-Nya aku berserah dan Dialah Tuhan yang memiliki Arasy yang agung."(129)

* * * * * *

Kami sengaja telah membuat petikan yang panjang dari ayat-ayat surah ini dalam tinjauan sepintas ini sebelum mentafsirkannya dengan terperinci, kerana ayat-ayat surah ini melukiskan dengan sempurna gambaran masyarakat Islam dalam masa selepas pembukaan negeri Makkah dan memerikan strukturnya yang organik. Dalam gambaran ini kita dapat melihat dengan jelas wujudnya semacam ketidakpaduan dan kekurangan keselarasan di antara tahap-tahap keimanan para anggotanya di samping dapat dilihat gejala-gejala kebakhilan dan kekikiran untuk mengorbankan jiwa raga dan harta benda, gejala-gejala kemunafiqan, kelemahan, dan kesangsian dalam pelaksanaan kewajipan, dan tugas-tugas, juga gejala campur aduk dan kekeliruan dalam memahami tatacara hubungan di antara kem Islam dengan kem-kem yang lain dan gejala tidak wujudnya pemisahan yang jelas yang berlandaskan 'aqidah (di antara kaum Mu'minin dengan kaum Musyrikin) walaupun semuanya ini tidak bertentangan dengan kewujudan kelompok Muhajirin dan kelompok Ansar yang menjadi teras masyarakat Islam yang kukuh, jujur dan bersih. Semua gejala-gejala ini memerlukan penjelasan-penjelasan yang panjang, terperinci dan beraneka ragam untuk memberi pendedahan, kesedaran dan penerangan yang diperlukan oleh masyarakat.

Sebelum ini kami telah terangkan secara ringkas bahawa situasi ini adalah berpunca dari kemasukan berbagai-bagai kelompok manusia ke dalam Islam selepas pembukaan negeri Makkah yang belum lagi mendapat tarbiyah Islam yang sempurna dan belum lagi diterapkan dengan ciri keislaman yang sejati, tetapi keterangan yang ringkas ini tidak dapat difahamkan dengan jelas kecuali dirujukkan kepada peristiwa sejarah pergerakan Islam sebelum dan selepas pembukaan negeri Makkah. Kami akan cuba memperkatakannya di sini seringkas mungkin sebelum membuat apa-apa ulasan terhadap maksud

dan tujuan peristiwa sejarah ini, juga maksud ayat-ayat Al-Qur'an yang disebut di dalam surah ini.

* * * * * *

Gerakan Islam Fasa Makkah

Pergerakan Islam lahir di Makkah di atas batu uji yang amat sulit. Sebaik sahaja jahiliyah – yang diwakili oleh kaum Quraysy – menyedari bahaya yang sebenar yang diancam oleh da'wah " أن لا اله إلا الله وأن محمدًا رسول الله" yang melahirkan pemberontakan terhadap setiap kuasa dunia yang tidak diambil dari kuasa Allah dan penentangan terhadap setiap Taghut yang wujud di muka bumi serta mendorong manusia melarikan diri dari kuasa itu kepada kuasa Allah.... sebaik sahaja jahiliyah menyedari bahaya yang serius dari kelompok pergerakan organik yang baru, yang dicetuskan oleh da'wah tauhid di bawah kepimpinan Rasulullah s.a.w., iaitu kelompok pergerakan yang menumpukan keta'atan dan kepatuhannya kepada Allah dan rasul-Nya sejak hari pertama lagi dan menentang kepimpinan jahiliyah yang diwakili kaum Quraysy, di samping menentang undang-undang dan peraturan yang wujud di dalam jahiliyah ini..... sebaik sahaja jahiliyah Yang diwakili pada mulanya oleh kaum Quraysy itu menyedari bahaya-bahaya tersebut, ia terus melancarkan penentangan yang membabi buta terhadap da'wah, kelompok dan kepimpinan yang baru ini. Segala senjata yang dimilikinya dalam bentuk mengadakan gangguan, tipudaya, fitnah, penindasan, helah dan muslihat telah ditumpukan kepada da'wah Islamiyah itu.

Masyarakat jahiliyah secara mendadak bangkit mempertahankan diri dari bahaya yang mengancam kewujudannya. Ia menggunakan segala alat yang digunakan adalah setiap makhluk yang hidup untuk menyelamatkan diri dari bahaya maut. Ini adalah satu realiti biasa yang tidak dapat dielak setiap kali munculnya da'wah yang memperjuangkan konsep Rububiyah Allah yang menguasai semesta alam dalam sebuah masyarakat jahiliyah yang berlandaskan prinsip Rububiyah kepada sesama manusia atau setiap kali munculnya da'wah baru dalam kelompok pergerakan yang baru, yang digerak di bawah kepimpinan yang baru dan menentang kelompok jahiliyah yang lama dengan penentangan yang sama handal. [3]

Di waktu inilah setiap individu di dalam kelompok Islam yang baru ini terdedah kepada gangguan dan penindasan dalam segala bentuk dan ragamnya hingga seringkali sampai ke tahap menumpahkan darah. Pada masa itu tiada sesiapa yang sanggup membuat pengakuan La ilaha Ilailah dan Muhammad pesuruh Allah dan menggabungkan diri dalam kelompok Islam yang baru lahir dan menyatakan keta'atan kepada kepimpinan yang baru itu kecuali mereka yang menyerahkan jiwa raga mereka kepada Allah dan bersedia untuk menghadapi gangguan, penindasan, kelaparan, pemencilan diri, penyeksaan dan pembunuhan hingga kadang-kadang sampai ke tahap yang paling buruk.

Melalui pengalaman-pengalaman yang sedemikian, Islam dapat mewujudkan satu tapak yang kukuh yang terdiri dari individu-individu yang paling handal dan kuat di dalam masyarakat Arab di zaman itu. Ada pun individu-individu yang tidak sanggup menghadapi tekanan-tekanan ini mereka meninggalkan agama yang dianuti mereka dan kembali semula kepada jahiliyah, tetapi golongan ini sangat kecil, kerana seluruh risiko yang seperti ini memang diketahui umum sebelum ini, oleh sebab itulah dari awal-awal lagi tiada sesiapa yang sanggup berpindah dari jahiliyah kepada Islam dan menjalani jalan berduri yang penuh dengan bahaya yang ditakuti itu melainkan individu-individu terpilih, istimewa dan unik sifat-sifatnya.

Perkembangan Masyarakat Islam Semasa dan Selepas Peristiwa Hijrah

Demikianlah Allah memilih angkatan perintis pertama kaum Muhajirin dari individu-individu yang unik dan cemerlang untuk menjadi tapak yang kukuh bagi agama Islam di Makkah, di samping menjadi tapak yang kukuh agama Islam selepas itu di Madinah bersama-sama angkatan perintis pertama kaum Ansar walaupun di peringkat awal mereka tidak digelarkan dengan istilah Ansar sebagaimana orang-orang yang berpindah ke Madinah di gelarkan kaum Muhajirin, namun kesanggupan mereka mengadakan Bai'at al-Aqabah dengan Rasulullah s.a.w. membuktikan bahawa mereka mempunyai sifat-sifat keperibadian yang tulen, yang sesuai dengan tabi'at agama Islam. Ujar Ibn Kathir di dalam tafsirnya: Dan kata Muhammad Ibn Kab al-Qurazi dan lainnya: Ujar Abdullah Ibn Rawahah r.a. kepada Rasulullah s.a.w. (iaitu pada malam bai'at al-Aqabah): "Kemukakan syarat-syarat yang dikehendaki anda untuk Tuhan anda dan diri anda". Lalu beliau bersabda: "Syarat saya untuk Tuhan saya ialah kamu hendaklah mengabdikan diri kepada-Nya dan jangan kamu mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa, dan syarat untuk diri saya pula ialah kamu hendaklah mempertahankan diri saya sebagaimana kamu mempertahan diri kamu dan harta benda kamu". Lalu mereka bertanya: "Apakah ganjaran untuk kami jika kami lakukan semuanya itu?" Jawab beliau "Syurga". Lantas mereka berkata: "Perjanjian ini amat menguntungkan, kami tidak akan membatal atau meminta dibatalkannya."

Kaum Ansar yang telah mengadakan bai'at ini dengan Rasulullah s.a.w. tidak mengharapkan sesuatu yang lain di sebaliknya kecuali ganjaran Syurga. Mereka telah mengikatkan bai'at itu dan

---

[3] *Lihat ulasan di atas ayat-ayat yang akhir Surah al-Anfal di dalam juzu' ini.*

mengumumkan bahawa mereka tidak akan membatalkannya dan tidak pula akan menerima dibatalkan oleh Rasulullah s.a.w. Mereka berbuat begitu kerana mereka tahu bahawa mereka bukannya mengadakan satu perjanjian yang enteng, malah mereka yakin bahawa kaum Quraysy dan seluruh orang Arab akan memusuhi mereka, mereka yakin bahawa selepas perjanjian ini mereka tidak akan hidup damai dengan pendokong-pendokong jahiliyah yang bertapak kuat di sekeliling mereka di Semenanjung Tanah Arab dan di kalangan mereka di Madinah.

Mengikut riwayat Ibn Kathir dalam kitabnya " البداية والنهاية": Ujar Al-Imam Ahmad: Kami telah diceritakan oleh Abdur-Razzaq, kami telah diberitakan oleh Ma'mar Ibn Khaytham dari Abu az-Zubayr dari Jabar katanya: Rasulullah s.a.w. tinggal di Makkah selama sepuluh tahun. Beliau menemui orang ramai di rumah-rumah kediaman mereka, di pasar-pasar Ukaz dan al-Majannah dan di musim-musim haji. Beliau berkata kepada mereka: "Siapa yang sanggup memberi tempat perlindungan kepada saya? Siapa yang sanggup menolong saya sehingga saya dapat menyampaikan perutusan Allah, maka dia akan diberi ganjaran Syurga?" Tetapi tiada seorang pun yang sanggup memberi tempat perlindungan dan pertolongan kepada beliau. Sehingga jika ada seorang yang keluar dari negeri Yaman atau dari suku Mudhar (dan berada di Makkah), maka orang ini akan ditemui oleh kaumnya atau kaum kerabatnya yang dekat lalu berpesan kepadanya: Awak harus hati-hati dan berwaspada terhadap seorang pemuda Quraysy agar dia tidak dapat mempesonakan awak. Apabila beliau berjalan di kalangan kaum mereka, maka jari-jari tangan mereka akan menuding kepada beliau sehingga Allah mengutus kami kepada beliau dari negeri Yathrib, lalu kami sanggup memberi tempat perlindungan kepadanya dan kami percaya kepadanya. Setiap orang kami yang keluar menemuinya akan beriman kepadanya dan beliau akan membaca ayat-ayat Al-Qur'an kepadanya. Dan apabila orang ini kembali kepada kaum keluarganya, mereka terus menganut agama Islam melalui keislamannya sehingga tidak ada sebuah rumah dari rumah-rumah kaum Ansar melainkan di sana terdapat sekumpulan Muslimin yang melahirkan keislaman mereka. Kemudian kami sekalian mengadakan pertemuan dan berkata: "Sampai bila kita hendak membiarkan Rasulullah s.a.w. pergi ke sana ke mari dan diusir di bukit-bukit Makkah dan menghadapi ancaman ketakutan?" Lalu rombongan kami seramai tujuh puluh orang[4] berangkat untuk menemui beliau. Mereka datang kepada beliau di musim haji dan kami berjanji dengan beliau untuk mengadakan pertemuan di jalan Bukit al-Aqabah. Kami berkumpul di sana berdikit-dikit, seorang kemudian dua orang sehingga cukup bilangan kami lalu kami berkata: "Wahai Rasulullah, di atas perkara apakah kami harus mengadakan perjanjian dengan anda?" Jawab beliau: "Kamu berjanji patuh dan ta'at kepada saya sama ada di waktu cergas dan malas, berjanji untuk berkorban sama ada di masa susah atau di masa senang, berjanji untuk menyuruh melakukan perbuatan yang ma'ruf dan melarang melakukan perbuatan yang mungkar, berjanji untuk memperkatakan perjuangan di jalan Allah tanpa takut kepada kecaman dari sesiapa pun dan berjanji untuk membantu dan mempertahankan saya – Jika saya datang kepada kamu – sebagaimana kamu mempertahankan diri kamu sendiri, isteri-isteri dan anak-anak kamu dan ganjaran yang akan diperolehi kamu ialah Syurga". Lalu kami bangkit mendapatkan beliau dan Asad ibn Zurarah memegang tangan beliau dan dialah yang termuda di antara mereka. Mengikut riwayat al-Bayhaqi pula dialah yang termuda di antara anggota-anggota rombongan tujuh puluh orang itu kecuali saya lalu ia berkata: "Wahai penduduk Yathrib sabarlah sebentar! Kita tidak datang menemui beliau dengan menunggang unta melainkan kerana kita yakin bahawa beliau adalah utusan Allah, tetapi ingat, bahawa tindakan kita mengeluarkan beliau (dari Makkah) pada hari ini bererti suatu konfrontasi terhadap orang-orang Arab dan suatu tindakan membunuh golongan elit kamu dan ia juga bererti bahawa kamu akan digigit mata pedang. Sekiranya kamu sanggup menghadapi semuanya itu, maka bolehlah kamu mengambil beliau dan kamu akan mendapat ganjaran dari Allah, tetapi jika kamu menaruh sesuatu kebimbangan terhadap diri kamu, maka hendaklah kamu tinggalkan dia. Fikirlah perkara ini dengan sejelas-jelasnya kerana ia lebih baik untuk kamu di sisi Allah". Lalu mereka berkata: "Jangan ganggu kami, wahai Asad. Demi Allah, kami tidak akan tinggalkan perjanjian ini dan kami tidak akan membatalkannya buat selama-lamanya". Ujar Jabar: Lalu kami berdiri mendapatkan beliau dan mengadakan bai'at dengan beliau dan di dalam perjanjian ini beliau mengenakan syarat-syaratnya ke atas kami dan menjanjikan kami dengan balasan Syurga. (Cerita ini telah diriwayatkan juga oleh Al-Imam Ahmad dan al-Bayhaqi dari saluran Daud Ibn Abdul Rahman al-Attar dan al-Bayhaqi menambah dari al-Hakam dengan sanadnya kepada Yahya Ibn Sulaym dan kedua-duanya meriwayatkannya dari Abdullah Ibn Uthman ibn Khaytham dari Abu Idris sama dengan riwayat ini. Isnadnya Jayid mengikut syarat Muslim, tetapi mereka tidak mengeluarkannya. Ujar al-Bazzar: Cerita ini diriwayatkan juga oleh rawi-rawi yang lain dari Ibn Khaytham dan kami tidak mengetahui cerita ini diriwayatkan oleh Jabar melainkan dengan saluran ini).

Dari sini jelaslah bahawa kaum Ansar memang mengetahui segala risiko dari perjanjian ini. Mereka juga mengetahui bahawa mereka tidak dijanjikan apa-apa balasan di dunia ini dalam menghadapi risiko-risiko ini walaupun dalam bentuk kemenangan

---

[4] *Yang sebenarnya bilangan mereka ialah tujuh puluh dua orang, tetapi orang-orang Arab seringkali tidak menyebut angka lebihan.*

mengalahkan musuh. Mereka tidak dijanjikan dengan sesuatu ganjaran yang lain dari ganjaran Syurga. Di samping itu cerita ini membuktikan sejauh mana kesedaran mereka terhadap Syurga dan sejauh mana keinginan mereka untuk hidup di dalam Syurga. Oleh sebab itu tidak syak lagi mereka tergolong sama dalam angkatan pertama kaum Muhajirin yang telah membina dan menyediakan masyarakat ini. Mereka merupakan tapak dan teras yang kukuh bagi masyarakat Islam di peringkat awal ditegakkan di Madinah.

Tetapi masyarakat Madinah tidak terus kekal bersih dan jernih kerana agama Islam telah tersebar di merata pelosok Madinah menyebabkan sebilangan besar penduduknya yang kebanyakannya terdiri dari golongan yang mempunyai kedudukan di kalangan kaum mereka terpaksa mengikut langkah kaum mereka demi menjaga kedudukan di kalangan mereka sehingga apabila tercetus Peperangan Badar, maka pembesar mereka iaitu Abdullah Ibn Ubay ibn Salul telah berkata: "Perkara ini telah menentukan arahnya", lalu dia berpura-pura menganut agama Islam. Sudah tentu ramai di antara mereka telah dihanyut oleh arus itu lalu memeluk agama Islam secara ikut-ikutan sahaja walaupun mereka tidak bersikap Munafiq, tetapi mereka belum lagi memahami ajaran Islam yang sebenar dan belum lagi terterap dengan ciri-ciri Islam yang sejati. Situasi yang seperti ini telah mengakibatkan wujudnya ketidakpaduan dalam pembinaan masyarakat Madinah yang berpunca dari perbezaan tahap-tahap keimanan warga masyarakat.

Di sinilah methodologi tarbiyah Al-Qur'an yang unik itu memerlukan operasinya untuk mendidik berbagai-bagai insan warga masyarakat Islam yang baru ini dan untuk berusaha membina semula keselarasan dan kesesuaian di antara tahap-tahap 'aqidah, tahap-tahap akhlak dan perilaku berbagai-bagai jenis warga dan manusia yang masuk ke dalam badan masyarakat yang baru itu.

Apabila kita mengkaji surah-surah Madaniyah dengan tertib nuzulnya secara lebih kurang kita dapat melihat betapa besarnya usaha yang dicurahkan dalam operasi yang berterusan untuk meleburkan semula berbagai-bagai anasir manusia di dalam masyarakat Islam terutama anasir-anasir yang terus masuk di dalam masyarakat ini walaupun dihalang oleh kaum Quraysy yang degil, yang telah berusaha menghasut setiap Qabilah Arab yang tinggal di Semenanjung Tanah Arab dan walaupun dihalang oleh orang-orang Yahudi yang telah berusaha mengemblengkan anasir-anasir yang menentang agama dan masyarakat yang baru ini. Situasi ini memerlukan kepada operasi-operasi melebur dan menyusun semula anasir-anasir di dalam masyarakat dalam bentuk yang berterusan, yang tidak mengenal lemah dan alpa walaupun sedetik.

Walaupun seluruh usaha ini telah dilancarkan, namun gejala-gejala kelemahan, kemunafiqan, kesangsian, kebakhilan berkorban dengan jiwa raga dan harta benda dan ketakutan untuk menghadapi bahaya masih terus muncul dari semasa ke masa terutama di masa-masa yang gawat dan terutama gejala-gejala ketidakjelasan 'aqidah yang memutuskan hubungan di antara seorang Muslim dengan kaum kerabatnya yang mendokong jahiliyah. Ayat-ayat Al-Qur'an di dalam surah-surah yang bersilih-ganti mendedahkan kepada kita tabi'at gejala-gejala ini, di mana methodologi tarbiyah Al-Qur'an cuba mengubatinya dengan berbagai-bagai uslub Rabbaniyah yang unik. Di antara ayat-ayat yang kami sebut di bawah ini sebagai contoh ialah ayat-ayat dari Surah al-Anfal (5 - 8):

كَمَآ أَخۡرَجَكَ رَبُّكَ مِنۢ بَيۡتِكَ بِٱلۡحَقِّ وَإِنَّ فَرِيقٗا
مِّنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ لَكَٰرِهُونَ ٥
يُجَٰدِلُونَكَ فِي ٱلۡحَقِّ بَعۡدَمَا تَبَيَّنَ كَأَنَّمَا يُسَاقُونَ
إِلَى ٱلۡمَوۡتِ وَهُمۡ يَنظُرُونَ ٦
وَإِذۡ يَعِدُكُمُ ٱللَّهُ إِحۡدَى ٱلطَّآئِفَتَيۡنِ أَنَّهَا لَكُمۡ
وَتَوَدُّونَ أَنَّ غَيۡرَ ذَاتِ ٱلشَّوۡكَةِ تَكُونُ لَكُمۡ وَيُرِيدُ
ٱللَّهُ أَن يُحِقَّ ٱلۡحَقَّ بِكَلِمَٰتِهِۦ وَيَقۡطَعَ دَابِرَ
ٱلۡكَٰفِرِينَ ٧
لِيُحِقَّ ٱلۡحَقَّ وَيُبۡطِلَ ٱلۡبَٰطِلَ وَلَوۡ كَرِهَ
ٱلۡمُجۡرِمُونَ ٨

"(Semua peristiwa-peristiwa yang berlaku itu adalah dengan perintah Allah) sama seperti peristiwa Tuhanmu yang telah mengeluarkanmu dari rumahmu (di Madinah menuju ke Badar) dengan perintah yang benar, sedangkan sebahagian dari para Mu'minin tidak bersetuju(5). Mereka membantahmu tentang perintah yang benar itu setelah ternyata kebenarannya seolah-olah mereka sedang dibawa kepada maut dan nampak maut(6). Dan (kenangilah) ketika Allah menjanjikan kamu bahawa salah satu dari dua angkatan Quraysy (yang dihadapi kamu itu) akan dimenangi kamu, dan kamu mengingini (menawan) angkatan kafilah (Quraysy) yang tidak bersenjata, sedangkan Allah berkehendak (supaya kamu berperang dengan angkatan Quraisy yang bersenjata) untuk menegakkan kebenaran dengan kalimat-kalimat-Nya dan menghapuskan orang-orang kafir hingga ke saki-baki mereka yang akhir(7). Kerana Allah hendak menegakkan yang benar dan menghapuskan yang batil walaupun tidak disukai oleh orang-orang yang melakukan dosa."(8)

(Dan ayat-ayat dari Surah Aali Imran: 7-9):

هُوَ ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ عَلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ مِنْهُ ءَايَٰتٌ مُّحْكَمَٰتٌ هُنَّ أُمُّ ٱلْكِتَٰبِ وَأُخَرُ مُتَشَٰبِهَٰتٌ ۖ فَأَمَّا ٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِمْ زَيْغٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَٰبَهَ مِنْهُ ٱبْتِغَآءَ ٱلْفِتْنَةِ وَٱبْتِغَآءَ تَأْوِيلِهِۦ ۗ وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُۥٓ إِلَّا ٱللَّهُ ۗ وَٱلرَّٰسِخُونَ فِى ٱلْعِلْمِ يَقُولُونَ ءَامَنَّا بِهِۦ كُلٌّ مِّنْ عِندِ رَبِّنَا ۗ وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّآ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿٧﴾

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً ۚ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْوَهَّابُ ﴿٨﴾

رَبَّنَآ إِنَّكَ جَامِعُ ٱلنَّاسِ لِيَوْمٍ لَّا رَيْبَ فِيهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُخْلِفُ ٱلْمِيعَادَ ﴿٩﴾

"Dialah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an kepada kamu. Di antara isinya terdapat ayat-ayat yang muhkamah. Itulah induk Al-Qur'an dan yang lain ialah ayat-ayat yang mutasyabihah. Adapun orang-orang yang mempunyai kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu mengikut ayat-ayat-Nya yang mutasyabihah kerana hendak membuat fitnah dan hendak membuat ta'wilan. Dan tiada yang mengetahui ta'wilnya melainkan Allah, sedangkan orang-orang yang teguh dan mendalam ilmunya berkata: Kami beriman kepadanya (ayat-ayat yang mutasyabihah). Semuanya itu dari sisi Tuhan kami beku. Dan tiada yang mengambil pengajaran melainkan orang-orang yang berakal(7). Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau membiarkan hati kami, menyeleweng dan sesat setelah Engkau memberi hidayat kepada kamu dan kurniakan kami rahmat dari sisi-Mu. Sesungguhnya Engkaulah Tuhan, Yang Maha Pengurnia(8). Wahai Tuhan kami! Sungguhnya Engkau akan mengumpulkan seluruh manusia di suatu hari (Qiamat) yang tiada sebarang keraguan terhadapnya. Sesungguhnya Engkau sekali-kali tidak menyalahi janji."(9)

(Dan ayat-ayat dari Surah al-Hasyr: 11-13):

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ نَافَقُوا۟ يَقُولُونَ لِإِخْوَٰنِهِمُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ لَئِنْ أُخْرِجْتُمْ لَنَخْرُجَنَّ مَعَكُمْ وَلَا نُطِيعُ فِيكُمْ أَحَدًا أَبَدًا وَإِن قُوتِلْتُمْ لَنَنصُرَنَّكُمْ وَٱللَّهُ يَشْهَدُ إِنَّهُمْ لَكَٰذِبُونَ ﴿١١﴾

لَئِنْ أُخْرِجُوا۟ لَا يَخْرُجُونَ مَعَهُمْ وَلَئِن قُوتِلُوا۟ لَا يَنصُرُونَهُمْ وَلَئِن نَّصَرُوهُمْ لَيُوَلُّنَّ ٱلْأَدْبَٰرَ ثُمَّ لَا يُنصَرُونَ ﴿١٢﴾

لَأَنتُمْ أَشَدُّ رَهْبَةً فِى صُدُورِهِم مِّنَ ٱللَّهِ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَفْقَهُونَ ﴿١٣﴾

"Tidakkah Engkau memperhatikan orang-orang Munafiq yang berkata kepada saudara-saudara mereka yang kafir dari golongan Ahlil-Kitab: Jika kamu diusir keluar, nescaya kami akan tetap keluar bersama kamu dan kami selama-lamanya tidak akan tunduk kepada sesiapa pun yang bertujuan menentang.kamu dan jika kamu diperangi, kami tetap akan membantu kamu. Dan Allah menyaksi bahawa sesüngguhnya merekalah orang-orang yang benar-benar berdusta(11). Jika mereka (kaum Yahudi) diusir keluar, mereka tidak akan turut keluar bersama mereka, dan jika mereka diperangi, mereka tidak akan membantu mereka, dan jika mereka membantu mereka, mereka akan berpaling lari ke belakang kemudian mereka (kaum Yahudi) tidak akan mendapat bantuan(12). Sesungguhnya kamu di dalam hati mereka lebih ditakuti dari Allah. Hal itu kerana mereka adalah golongan manusia yang tidak mengerti."(13)

(Dan ayat-ayat dan surah al-Ahzab: 9-14):

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱذْكُرُوا۟ نِعْمَةَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ جَآءَتْكُمْ جُنُودٌ فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا وَجُنُودًا لَّمْ تَرَوْهَا ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرًا ﴿٩﴾

إِذْ جَآءُوكُم مِّن فَوْقِكُمْ وَمِنْ أَسْفَلَ مِنكُمْ وَإِذْ زَاغَتِ ٱلْأَبْصَٰرُ وَبَلَغَتِ ٱلْقُلُوبُ ٱلْحَنَاجِرَ وَتَظُنُّونَ بِٱللَّهِ ٱلظُّنُونَا۠ ﴿١٠﴾

هُنَالِكَ ٱبْتُلِىَ ٱلْمُؤْمِنُونَ وَزُلْزِلُوا۟ زِلْزَالًا شَدِيدًا ﴿١١﴾

وَإِذْ يَقُولُ ٱلْمُنَٰفِقُونَ وَٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ مَّا وَعَدَنَا ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ إِلَّا غُرُورًا ﴿١٢﴾

وَإِذْ قَالَت طَّآئِفَةٌ مِّنْهُمْ يَٰٓأَهْلَ يَثْرِبَ لَا مُقَامَ لَكُمْ فَٱرْجِعُوا۟ ۚ وَيَسْتَـْٔذِنُ فَرِيقٌ مِّنْهُمُ ٱلنَّبِىَّ يَقُولُونَ إِنَّ بُيُوتَنَا عَوْرَةٌ وَمَا هِىَ بِعَوْرَةٍ ۖ إِن يُرِيدُونَ إِلَّا فِرَارًا ﴿١٣﴾

وَلَوْ دُخِلَتْ عَلَيْهِم مِّنْ أَقْطَارِهَا ثُمَّ سُئِلُوا۟ ٱلْفِتْنَةَ لَءَاتَوْهَا وَمَا تَلَبَّثُوا۟ بِهَآ إِلَّا يَسِيرًا ﴿١٤﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Kenangilah ni'mat-ni'mat Allah yang dikurniakan kepada kamu ketika kamu diserang oleh tentera-tentera (gabungan), lalu Kami lepaskan ke atas mereka ribut yang kencang dan tentera-tentera (malaikat) yang tidak dapat dilihat oleh kamu dan Allah sentiasa melihat segala apa yang dilakukan kamu(9). Iaitu ketika mereka menyerang kamu dari atas dan dari bawah kamu dan ketika mata kamu memandang liar dan jantung kamu sesak hingga ke kerongkong kerana cemas dan kamu menaruh berbagai-bagai sangkaan terhadap Allah(10). Di sanalah orang-orang Mu'min diuji dan digoncangkan (hati mereka) dengan sekuat-kuatnya(11). Dan (kenangilah) ketika orang-orang Munafiq dan orang-orang yang berpenyakit di dalam hati mereka berkata: Tiada apa yang dijanjikan Allah dan rasul-Nya kepada kita melainkan palsu belaka(12). Dan (kenangilah) ketika segolongan dari mereka berkata: Wahai penduduk Yathrib, bukan tempatnya bagi kamu (berjuang di sini). Oleh itu baliklah. Dan segolongan yang lain dari mereka pula meminta kebenaran (pulang) kepada Nabi sambil berkata: Sesungguhnya rumah-rumah kami terdedah (kepada serangan musuh-musuh) sedangkan sebenarnya rumah-rumah itu sama sekali tidak terdedah. Mereka hanya bertujuan hendak melarikan diri sahaja(13). Dan sekiranya Madinah dimasuki musuh yang menyerang mereka dari segenap sudutnya kemudian mereka diajak murtad dari agama mereka, sudah tentu mereka akan melakukannya dan mereka tidak akan teragak-agak melainkan hanya sedikit sahaja."(14)

(Dan ayat-ayat dari Surah an-Nisa: 71 -73):

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ خُذُوا۟ حِذْرَكُمْ فَٱنفِرُوا۟ ثُبَاتٍ أَوِ ٱنفِرُوا۟ جَمِيعًا ﴿٧١﴾ وَإِنَّ مِنكُمْ لَمَن لَّيُبَطِّئَنَّ فَإِنْ أَصَـٰبَتْكُم مُّصِيبَةٌ قَالَ قَدْ أَنْعَمَ ٱللَّهُ عَلَىَّ إِذْ لَمْ أَكُن مَّعَهُمْ شَهِيدًا ﴿٧٢﴾ وَلَئِنْ أَصَـٰبَكُمْ فَضْلٌ مِّنَ ٱللَّهِ لَيَقُولَنَّ كَأَن لَّمْ تَكُنۢ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُۥ مَوَدَّةٌ يَـٰلَيْتَنِى كُنتُ مَعَهُمْ فَأَفُوزَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧٣﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Ambillah langkah berwaspada (yang perlu) untuk kamu. Dan keluarlah berperang sepasukan demi sepasukan atau keluarlah serentak semuanya(71). Dan sesungguhnya di antara kamu ada orang yang sengaja melambat-lambatkan (keluar berperang). Oleh itu jika kamu ditimpa kemalangan ia berkata: Sesungguhnya Allah mengurniakan ni'mat kepada saya kerana saya tidak ikut berperang bersama mereka(72). Dan jika kamu memperolehi limpah kurnia (kemenangan) dari Allah, nescaya mereka berkata: – Seolah-olah selama ini tidak pernah wujud hubungan mesra di antara kamu dengan dia – alangkah baiknya andainya aku turut berperang bersama mereka supaya aku juga turut mendapat kejayaan yang besar."(73)

(Dan ayat-ayat dari Surah an-Nisa: 77 – 78)

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ قِيلَ لَهُمْ كُفُّوٓا۟ أَيْدِيَكُمْ وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ فَلَمَّا كُتِبَ عَلَيْهِمُ ٱلْقِتَالُ إِذَا فَرِيقٌ مِّنْهُمْ يَخْشَوْنَ ٱلنَّاسَ كَخَشْيَةِ ٱللَّهِ أَوْ أَشَدَّ خَشْيَةً ۚ وَقَالُوا۟ رَبَّنَا لِمَ كَتَبْتَ عَلَيْنَا ٱلْقِتَالَ لَوْلَآ أَخَّرْتَنَآ إِلَىٰٓ أَجَلٍ قَرِيبٍ ۗ قُلْ مَتَـٰعُ ٱلدُّنْيَا قَلِيلٌ وَٱلْـَٔاخِرَةُ خَيْرٌ لِّمَنِ ٱتَّقَىٰ وَلَا تُظْلَمُونَ فَتِيلًا ﴿٧٧﴾ أَيْنَمَا تَكُونُوا۟ يُدْرِككُّمُ ٱلْمَوْتُ وَلَوْ كُنتُمْ فِى بُرُوجٍ مُّشَيَّدَةٍ ۗ وَإِن تُصِبْهُمْ حَسَنَةٌ يَقُولُوا۟ هَـٰذِهِۦ مِنْ عِندِ ٱللَّهِ ۖ وَإِن تُصِبْهُمْ سَيِّئَةٌ يَقُولُوا۟ هَـٰذِهِۦ مِنْ عِندِكَ ۚ قُلْ كُلٌّ مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ ۖ فَمَالِ هَـٰٓؤُلَآءِ ٱلْقَوْمِ لَا يَكَادُونَ يَفْقَهُونَ حَدِيثًا ﴿٧٨﴾

"Tidakkah engkau melihat kepada orang-orang yang dikatakan kepada mereka: Tahanlah tangan kamu (dari berperang) dan dirikanlah solat dan tunaikan zakat. Kemudian setelah mereka diwajibkan berperang, tiba-tiba segolongan dari mereka takut kepada manusia sama seperti takut kepada Allah atau lebih takut lagi. Mereka berkata-kata: Wahai Tuhan kami, mengapa Engkau wajibkan kami berperang? Mengapa tidak Engkau tangguhkan kami berperang hingga ke satu masa yang hampir? Katakanlah Keni'matan dunia itu hanya sedikit sahaja dan Akhirat itu lebih baik untuk orang yang bertaqwa dan di sana kamu tidak akan dianiayai sedikit pun(77). Di mana sahaja kamu berada, maut tetap mendapatkan kamu walaupun kamu berada di dalam sebuah kubu yang tinggi, dan jika mereka memperolehi kebaikan nescaya mereka berkata: Ini adalah anugerah istimewa dari Allah. Dan jika mereka ditimpa keburukan nescaya mereka berkata: Ini adalah dari perbuatan engkau (wahai Muhammad). Katakanlah: Semuanya itu adalah dari Allah belaka mengapakah orang-orang ini tidak dapat memahami sesuatu percakapan?"(78)

(Dan ayat-ayat dari Surah Muhammad: 36 - 38):

إِنَّمَا ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا لَعِبٌ وَلَهْوٌ ۚ وَإِن تُؤْمِنُوا۟ وَتَتَّقُوا۟ يُؤْتِكُمْ أُجُورَكُمْ وَلَا يَسْـَٔلْكُمْ أَمْوَٰلَكُمْ ﴿٣٦﴾ إِن يَسْـَٔلْكُمُوهَا فَيُحْفِكُمْ تَبْخَلُوا۟ وَيُخْرِجْ أَضْغَـٰنَكُمْ ﴿٣٧﴾ هَـٰٓأَنتُمْ هَـٰٓؤُلَآءِ تُدْعَوْنَ لِتُنفِقُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ فَمِنكُم

مَن يَبْخَلُ ۖ وَمَن يَبْخَلْ فَإِنَّمَا يَبْخَلُ عَن نَّفْسِهِۦ ۚ وَٱللَّهُ
ٱلْغَنِىُّ وَأَنتُمُ ٱلْفُقَرَآءُ ۚ وَإِن تَتَوَلَّوْا۟ يَسْتَبْدِلْ قَوْمًا
غَيْرَكُمْ ثُمَّ لَا يَكُونُوٓا۟ أَمْثَٰلَكُم ﴿٣٨﴾

"Sesungguhnya hidup dunia ini hanya permainan dan hiburan. Dan jika kamu beriman dan bertaqwa nescaya Allah mengurniakan pahala amalan-amalan kamu dan Dia tidak meminta harta benda kamu(36). Jika Allah meminta harta benda kamu dan mendesak kamu supaya memberinya nescaya kamu akan bakhil dan nescaya Allah melahirkan segala kemarahan dan dendam kamu(37). Ingatlah, kamu sekalian adalah orang-orang yang diseru supaya menginfaqkan harta untuk jalan Allah. Di antara kamu ada orang-orang yang bakhil, dan sesiapa yang bakhil, maka sebenarnya ia bakhil terhadap dirinya sendiri, dan Allah Maha Kaya dan kamu sekalian adalah miskin belaka. Dan jika kamu berpaling (dari keimanan), maka Allah akan menggantikan kamu dengan satu kaum yang lain dari kamu dan setelah itu mereka tidak akan menjadi seperti kamu."(38)

(Dan dari ayat-ayat Surah al-Mujadalah: 14 - 22):

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ تَوَلَّوْا۟ قَوْمًا غَضِبَ ٱللَّهُ عَلَيْهِم مَّا هُم مِّنكُمْ
وَلَا مِنْهُمْ وَيَحْلِفُونَ عَلَى ٱلْكَذِبِ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿١٤﴾
أَعَدَّ ٱللَّهُ لَهُمْ عَذَابًا شَدِيدًا ۖ إِنَّهُمْ سَآءَ مَا كَانُوا۟
يَعْمَلُونَ ﴿١٥﴾
ٱتَّخَذُوٓا۟ أَيْمَٰنَهُمْ جُنَّةً فَصَدُّوا۟ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ فَلَهُمْ
عَذَابٌ مُّهِينٌ ﴿١٦﴾
لَّن تُغْنِىَ عَنْهُمْ أَمْوَٰلُهُمْ وَلَآ أَوْلَٰدُهُم مِّنَ ٱللَّهِ شَيْـًٔا ۚ
أُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿١٧﴾
يَوْمَ يَبْعَثُهُمُ ٱللَّهُ جَمِيعًا فَيَحْلِفُونَ لَهُۥ كَمَا يَحْلِفُونَ
لَكُمْ ۖ وَيَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ عَلَىٰ شَىْءٍ ۚ أَلَآ إِنَّهُمْ هُمُ ٱلْكَٰذِبُونَ ﴿١٨﴾
ٱسْتَحْوَذَ عَلَيْهِمُ ٱلشَّيْطَٰنُ فَأَنسَىٰهُمْ ذِكْرَ ٱللَّهِ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ
حِزْبُ ٱلشَّيْطَٰنِ ۚ أَلَآ إِنَّ حِزْبَ ٱلشَّيْطَٰنِ هُمُ ٱلْخَٰسِرُونَ ﴿١٩﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ يُحَآدُّونَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ أُو۟لَٰٓئِكَ فِى ٱلْأَذَلِّينَ ﴿٢٠﴾
كَتَبَ ٱللَّهُ لَأَغْلِبَنَّ أَنَا۠ وَرُسُلِىٓ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ قَوِىٌّ
عَزِيزٌ ﴿٢١﴾

لَّا تَجِدُ قَوْمًا يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ يُوَآدُّونَ
مَنْ حَآدَّ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَلَوْ كَانُوٓا۟ ءَابَآءَهُمْ أَوْ
كَتَبَ فِى قُلُوبِهِمُ ٱلْإِيمَٰنَ وَأَيَّدَهُم أَبْنَآءَهُمْ أَوْ
إِخْوَٰنَهُمْ أَوْ عَشِيرَتَهُمْ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ بِرُوحٍ مِّنْهُ ۖ
وَيُدْخِلُهُمْ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ
خَٰلِدِينَ فِيهَا ۚ رَضِىَ ٱللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا۟ عَنْهُ ۚ
أُو۟لَٰٓئِكَ حِزْبُ ٱللَّهِ ۚ أَلَآ إِنَّ حِزْبَ ٱللَّهِ هُمُ
ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿٢٢﴾

"Tidakkah engkau lihat orang-orang (Munafiqin) yang bersetiakawan dengan orang-orang (Yahudi) yang dimurkai Allah. Mereka (Munafiqin) bukan dari golongan kamu dan bukan pula dari golongan mereka (Yahudi). Mereka bersumpah bohong dan mereka tahu (mereka berbohong)(14). Allah telah menyediakan 'azab yang amat dahsyat untuk mereka. Sesungguhnya amat buruk perbuatan yang dilakukan mereka(15). Mereka telah menggunakan sumpah-sumpah (bohong) mereka sebagai perisai (untuk melindungi diri mereka), lalu mereka halangi manusia dari jalan Allah, kerana itu disediakan untuk mereka 'azab yang hina(16). Harta kekayaan dan anak-pinak mereka tidak berguna sedikit pun untuk menyelamatkan mereka dari 'azab Allah. Merekalah penghuni-penghuni Neraka, di mana mereka hidup kekal di dalamnya(17). Ingatlah pada hari seluruh mereka dibangkitkan Allah, lalu mereka bersumpah (bohong) kepada Allah sebagaimana mereka bersumpah (bohong) kepada kamu. Dan mereka menyangka bahawa mereka berpijak di atas sesuatu (alasan yang kukuh). Sesungguhnya merekalah manusia-manusia pendusta (18). Syaitan telah menguasai mereka dan menjadikan mereka lupa menyebut Allah. Merekalah kumpulan Hizbusy-Syaitan. Ingatlah kumpulan Hizbusy-Syaitan. Ingatlah kumpulan Hizbusy-Syaitan itulah kumpulan yang rugi(19). Sesungguhnya orang-orang yang menentang Allah dan rasul-Nya mereka termasuk dalam golongan orang-orang yang hina-dina(20). Allah telah membuat keputusan Aku dan rasul-Ku pasti menang. Sesungguhnya Allah Maha Kuat dan Maha Perkasa(21). Engkau tidak mungkin dapati kumpulan orang-orang yang beriman kepada Allah dan kepada hari Qiamat yang sanggup bersetiakawan dengan mereka yang menentang Allah dan rasul-Nya walaupun orang-orang ini ibubapa mereka sendiri atau anak-anak mereka sendiri atau saudara-saudara mereka sendiri atau keluarga mereka sendiri. Merekalah orang-orang yang Allah teguhkan keimanan di dalam hati mereka dan Allah menguatkan mereka dengan roh dari ciptaan-Nya dan Dia masukkan mereka di dalam taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai, di mana mereka akan hidup kekal di dalamnya. Allah telah redha terhadap mereka dan mereka telah redha terhadap Allah. Merekalah Hizbullah dan sesungguhnya Hizbullah itulah kumpulan yang mendapat kejayaan."(22)

(Dan ayat-ayat dari Surah al-Maidah: 51 - 53):

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوا۟ ٱلْيَهُودَ وَٱلنَّصَٰرَىٰٓ أَوْلِيَآءَ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ ۚ وَمَن يَتَوَلَّهُم مِّنكُمْ فَإِنَّهُۥ مِنْهُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٥١﴾ فَتَرَى ٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ يُسَٰرِعُونَ فِيهِمْ يَقُولُونَ نَخْشَىٰٓ أَن تُصِيبَنَا دَآئِرَةٌ ۚ فَعَسَى ٱللَّهُ أَن يَأْتِىَ بِٱلْفَتْحِ أَوْ أَمْرٍ مِّنْ عِندِهِۦ فَيُصْبِحُوا۟ عَلَىٰ مَآ أَسَرُّوا۟ فِىٓ أَنفُسِهِمْ نَٰدِمِينَ ﴿٥٢﴾ وَيَقُولُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَهَٰٓؤُلَآءِ ٱلَّذِينَ أَقْسَمُوا۟ بِٱللَّهِ جَهْدَ أَيْمَٰنِهِمْ ۙ إِنَّهُمْ لَمَعَكُمْ ۚ حَبِطَتْ أَعْمَٰلُهُمْ فَأَصْبَحُوا۟ خَٰسِرِينَ ﴿٥٣﴾

"Wahai orang-orang yang beriman,! Janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan orang-orang Nasara selaku sahabat-sahabat setia kerana mereka adalah sahabat-sahabat setia terhadap satu sama lain. Dan barang siapa dari kalangan kamu mengambil mereka sebagai sahabat-sahabat setia, maka dia adalah dari golongan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang zalim(51). Kerana engkau lihat (orang-orang Munafiq) yang berpenyakit di dalam hati mereka bertindak dengan tergesa-gesa mengadakan hubungan setiakawan dengan mereka (Yahudi dan Nasara) seraya berkata: Kami takut ditimpa mala bencana. Semoga Allah membawa kemenangan (kepada rasul-Nya) atau sesuatu keputusan dari sisinya yang menyebabkan mereka menyesal terhadap segala apa yang telah dirahsiakan di dalam hati mereka(52). Dan orang-orang yang beriman akan berkata: Inikah orang-orang yang telah bersumpah dengan nama Allah dengan sumpah mereka yang sungguh-sungguh bahawa mereka tetap bersama kamu? Sia-sialah segala amalan mereka, dan jadilah mereka orang-orang yang rugi."(53)

(Dan ayat-ayat dari Surah al-Mumtahanah: 1 - 4):

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوا۟ عَدُوِّى وَعَدُوَّكُمْ أَوْلِيَآءَ تُلْقُونَ إِلَيْهِم بِٱلْمَوَدَّةِ وَقَدْ كَفَرُوا۟ بِمَا جَآءَكُم مِّنَ ٱلْحَقِّ يُخْرِجُونَ ٱلرَّسُولَ وَإِيَّاكُمْ أَن تُؤْمِنُوا۟ بِٱللَّهِ رَبِّكُمْ إِن كُنتُمْ خَرَجْتُمْ جِهَٰدًا فِى سَبِيلِى وَٱبْتِغَآءَ مَرْضَاتِى ۚ تُسِرُّونَ إِلَيْهِم بِٱلْمَوَدَّةِ وَأَنَا۠ أَعْلَمُ بِمَآ أَخْفَيْتُمْ وَمَآ أَعْلَنتُمْ ۚ وَمَن يَفْعَلْهُ مِنكُمْ فَقَدْ ضَلَّ سَوَآءَ ٱلسَّبِيلِ ﴿١﴾ إِن يَثْقَفُوكُمْ يَكُونُوا۟ لَكُمْ أَعْدَآءً وَيَبْسُطُوٓا۟ إِلَيْكُمْ أَيْدِيَهُمْ وَأَلْسِنَتَهُم بِٱلسُّوٓءِ وَوَدُّوا۟ لَوْ تَكْفُرُونَ ﴿٢﴾ لَن تَنفَعَكُمْ أَرْحَامُكُمْ وَلَآ أَوْلَٰدُكُمْ ۚ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ يَفْصِلُ بَيْنَكُمْ ۚ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٣﴾ قَدْ كَانَتْ لَكُمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ فِىٓ إِبْرَٰهِيمَ وَٱلَّذِينَ مَعَهُۥٓ إِذْ قَالُوا۟ لِقَوْمِهِمْ إِنَّا بُرَءَٰٓؤُا۟ مِنكُمْ وَمِمَّا تَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ كَفَرْنَا بِكُمْ وَبَدَا بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمُ ٱلْعَدَٰوَةُ وَٱلْبَغْضَآءُ أَبَدًا حَتَّىٰ تُؤْمِنُوا۟ بِٱللَّهِ وَحْدَهُۥٓ إِلَّا قَوْلَ إِبْرَٰهِيمَ لِأَبِيهِ لَأَسْتَغْفِرَنَّ لَكَ وَمَآ أَمْلِكُ لَكَ مِنَ ٱللَّهِ مِن شَىْءٍ ۖ رَّبَّنَا عَلَيْكَ تَوَكَّلْنَا وَإِلَيْكَ أَنَبْنَا وَإِلَيْكَ ٱلْمَصِيرُ ﴿٤﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil musuh-Ku dan musuh kamu sebagai sahabat-sahabat setia yang kamu campakkan kasih mesra kamu kepada mereka, sedangkan mereka tidak percaya kepada agama yang benar yang datang kepada kamu. Mereka mengusir rasul dan kamu (dari Makkah) kerana kamu beriman kepada Allah Tuhan kamu. Jika kamu benar-benar keluar kerana berjihad di jalan-Ku dan kerana mencari keredhaan-Ku (maka tidak seharusnya) kamu menyampaikan secara rahsia kasih mesra kamu kepada mereka, sedangkan Aku mengetahui segala apa yang disembunyikan kamu dan segala apa yang dinyatakan kamu. Barang siapa di antara kamu yang melakukan perbuatan itu, maka sesungguhnya dia telah tersesat dari jalan yang benar(1). Jika mereka dapat menangkap kamu, mereka akan menjadi musuh-musuh kamu dan mereka akan menghulur tangan mereka memukul dan membunuh kamu serta menghulurkan lidah mereka dengan kata-kata nista yang jahat dan mereka bercita-cita supaya kamu menjadi kafir(2). Tidak akan berguna kepada kamu kaum kerabat kamu dan tidak pula anak-anak kamu pada hari Qiamat. Allah akan memisahkan di antara kamu (pada hari itu) dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu(3). Sesungguhnya terdapat contoh teladan yang baik untuk kamu dalam (perjalanan hidup) Ibrahim dan mereka yang mengikutnya ketika mereka berkata kepada kaum mereka: Sesungguhnya kami berlepas diri dari kamu dan dari sembahan-sembahan yang kamu sembah selain dari Allah. Kami tidak percaya kepada agama kamu dan memang jelas wujudnya permusuhan dan kebencian antara kami dan kamu buat selama-lamanya sehingga kamu beriman kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, kecuali pada perkataan Ibrahim kepada ayahandanya: Sesungguhnya anakanda akan memohon keampunan untuk ayahanda kerana anakanda tidak memiliki sebarang kuasa untuk menyelamatkan ayahanda dari 'azab Allah. Wahai Tuhan kami, kepada-Mu kami berserah dan kepada-Mu kami bertaubat dan kepada-Mu tempat kembali."(4)

Cukuplah kami membawa sepuluh contoh ini yang dipetik dari berbagai-bagai surah untuk membuktikan wujudnya gejala-gejala yang lahir di dalam masyarakat Islam yang baru itu sebagai hasil tabi'i dan

pasti dari kemasukan berbagai-bagai anasir baru yang berterusan yang belum lagi dileburkan dengan sempurna dalam acuan Islam dan belum lagi diselaraskan dengan angkatan Muslimin pertama yang menjadi tapak dan teras masyarakat yang kukuh dan bersih melainkan setelah melalui masa tertentu, di mana dilancarkan usaha dan tarbiyah yang berterusan (untuk mengislahkan mereka).

Tetapi tapak masyarakat Islam di Madinah pada keseluruhannya masih lagi utuh dengan sebab pada asasnya ia ditegakkan di atas satu tapak yang kukuh dan bersih, iaitu tapak angkatan perintis Islam yang terdiri dari kaum Muhajirin dan Ansar yang telah melahirkan perpaduan yang kukuh dan menjadi teras yang kuat yang membolehkannya untuk menghadapi gejala-gejala kelemahan dan bahaya-bahaya yang lahir dari anasir-anasir (warga masyarakat yang baru) yang belum lagi sempurna menjalani proses peleburan, pematangan, pemaduan dan penyelarasannya.

Sedikit demi sedikit anasir-anasir yang baru ini dilebur, dibersih dan diselaraskan dengan angkatan teras masyarakat dan semakin hari semakin bertambah kurang bilangan anasir-anasir sumbang yang terdiri dari orang-orang yang bersemangat lemah, orang-orang Munafiqin, orang-orang yang teragak-agak dan takut-takut, juga orang-orang yang belum lagi mempunyai pandangan 'aqidah yang jelas dan sempurna yang dapat dijadikan asas hubungan-hubungan mereka dengan orang-orang lain (yang bukan Islam) sehingga tidak lama menjelang penaklukan negeri Makkah, masyarakat Islam hampir-hampir mencapai tahap keselarasan yang sempurna dengan angkatan terasnya yang kukuh dan bersih dan hampir-hampir pada keseluruhannya mencapai tahap contoh yang menjadi matlamat metodologi tarbiyah Rabbani yang unik itu.

Namun begitu, dalam masyarakat Islam di waktu itu masih terdapat darjat-darjat prestasi yang tidak sama yang dilahirkan oleh pergerakan 'aqidah itu sendiri, iaitu di sana muncul kumpulan-kumpulan Mu'minin yang berbeza darjat mereka dari kumpulan Mu'minin yang lain mengikut prestasi yang dicapai mereka di dalam pergerakan 'aqidah, juga mengikut senioriti dan ketabahan mereka masing-masing di dalam perjuangan. Kumpulan-kumpulan yang mendapat darjat keutamaan ialah angkatan pertama kaum Muhajirin dan kaum Ansar, pejuang-pejuang yang menyertai Peperangan Badar, para sahabat yang mengambil bahagian dalam perjanjian ar-Ridhwan di Hudaybiyah. Kemudian turut mendapat keutamaan secara umumnya ialah para dermawan yang menginfaqkan harta mereka untuk perjuangan fi Sabilillah sebelum penaklukan negeri Makkah serta turut ke medan pertempuran. Kemudian datang nas-nas Al-Qur'an dan hadith Nabi di samping kedudukan-kedudukan amali mereka di dalam masyarakat Islam yang menguatkan darjat-darjat keutamaan mereka ini, iaitu darjat-darjat yang diwujud dan ditetapkan oleh pergerakan 'aqidah.

وَٱلسَّٰبِقُونَ ٱلْأَوَّلُونَ مِنَ ٱلْمُهَٰجِرِينَ وَٱلْأَنصَارِ وَٱلَّذِينَ ٱتَّبَعُوهُم بِإِحْسَٰنٍ رَّضِىَ ٱللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا۟ عَنْهُ وَأَعَدَّ لَهُمْ جَنَّٰتٍ تَجْرِى تَحْتَهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًا ۚ ذَٰلِكَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ﴿١٠٠﴾

"Dan angkatan perintis Islam yang pertama dari para Muhajirin dan Ansar, juga orang-orang yang mengikut mereka dengan sebaik-baiknya, maka Allah redha terhadap keta'atan mereka dan mereka juga redha terhadap (ganjaran-ganjaran Allah) kepada mereka. Allah telah menyediakan untuk mereka taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, di mana mereka hidup kekal abadi. Itulah kejayaan yang amat besar." (100)

لعل الله اطلع إلى أهل بدر فقال اعملوا ما شئتم فقد وجبت لكم الجنة

"Allah telah melihat kepada pejuang-pejuang Badar lalu berfirman: Buatlah apa sahaja yang kamu kehendaki kerana sesungguhnya Syurga itu telah diwajibkan untuk kamu."

(hadith ini dikeluarkan oleh al-Bukhari sebagai jawapan Rasulullah s.a.w. kepada Umar r.a. ketika ia meminta kebenaran Rasulullah s.a.w. untuk memenggal leher Hatib Ibn Abi Baltaah yang telah dilanda sa'at kelemahan jiwa lalu ia menghantar berita secara rahsia kepada kaum Quraysy menceritakan kepada mereka tentang persiapan Rasulullah s.a.w. untuk menakluk negeri Makkah):

لَّقَدْ رَضِىَ ٱللَّهُ عَنِ ٱلْمُؤْمِنِينَ إِذْ يُبَايِعُونَكَ تَحْتَ ٱلشَّجَرَةِ فَعَلِمَ مَا فِى قُلُوبِهِمْ فَأَنزَلَ ٱلسَّكِينَةَ عَلَيْهِمْ وَأَثَٰبَهُمْ فَتْحًا قَرِيبًا ﴿١٨﴾

وَمَغَانِمَ كَثِيرَةً يَأْخُذُونَهَا ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا ﴿١٩﴾

"Sesungguhnya Allah telah redha terhadap orang-orang Mu'min ketika mereka berjanji setia denganmu di bawah sepohon pokok dan Allah telah mengetahui perasaan yang ada di dalam hati kamu, lalu Dia menurunkan ketenteraman ke atas mereka dan membalas mereka dengan kemenangan yang dekat (waktunya).(18) Serta harta rampasan yang banyak yang akan diambil mereka dan Allah adalah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana.(19)"

(Surah al-Fath: 18 - 19)

لَا يَسْتَوِى مِنكُم مَّنْ أَنفَقَ مِن قَبْلِ ٱلْفَتْحِ وَقَٰتَلَ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ أَعْظَمُ دَرَجَةً مِّنَ ٱلَّذِينَ أَنفَقُوا۟ مِنۢ بَعْدُ وَقَٰتَلُوا۟ ۚ وَكُلًّا وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلْحُسْنَىٰ ۚ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١٠﴾

"Tidak sama di antara kamu orang yang menginfaqkan (hartanya) di jalan Allah dan berperang sebelum pembukaan

negeri Makkah. Mereka lebih tinggi darjatnya dari orang-orang yang menginfaqkan (harta mereka) dan berperang selepas itu. Allah telah menjanjikan kepada mereka masing-masing balasan yang amat baik dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."

(Surah al-Hadid: 10)

مهلا يا خالد دع عنك أصحابي فوالله لو كان لك أحد ذهبا ثم أنفقته في سبيل الله ما أدركت غدوة رجل من أصحابي ولا روحته

"Sabarlah wahai Khalid, jangan ganggu sahabat-sahabatku itu! Demi Allah jika engkau memiliki emas sebesar Bukit Uhud kemudian engkau infaqkannya untuk jalan Allah, nescaya engkau belum lagi mencapai kelebihan perjuangan sepagi bagi seseorang dari para sahabatku dan tidak pula kelebihan sepetangnya."

Ibn al-Qayim telah menyebut hadith ini di dalam kitab "**زاد المعاد**" dan ia merupakan jawapan Rasulullah s.a.w. kepada Khalid Ibn al-Walid ketika ia bertengkar dengan Abdul Rahman Ibn Auf r.a. Walaupun Khalid digelarkan sebagai pedang Allah, namun Abdul Rahman adalah dari angkatan perintis Muslimin yang pertama, kerana itu Rasulullah s.a.w. berkata kepada Khalid, "Jangan ganggu sahabat-sahabatku". Beliau maksudkan dengan "sahabat-sahabatku" itu ialah golongan sahabat yang mempunyai kedudukan yang istimewa di dalam masyarakat Islam di Madinah.

Walau bagaimanapun, namun perbezaan golongan-golongan ini dengan darjat-darjat keimanan mereka masing-masing yang dicetuskan oleh pergerakan Islam itu sama sekali tidak menghalangkan jurang tahap-tahap keimanan yang berbeza-beza itu menjadi semakin bertambah dekat dan selaras di dalam masyarakat Madinah sebelum penaklukan negeri Makkah, juga tidak menghalangkan hilangnya sebahagian besar dari gejala-gejala ketidakpaduan di dalam barisan Muslimin dan sebahagian besar dari gejala-gejala kelemahan semangat, kesangsian, kebakhilan untuk berkorban jiwa raga dan harta benda, ketidakjelasan 'aqidah dan sikap Munafiq dari masyarakat Islam di Madinah yang pada keseluruhan dapat dianggap sebagai tapak Islam.

Gejala-gejala Dalam Masyarakat Muslimin Selepas Era Pembukaan Makkah

Tetapi penaklukan negeri Makkah yang berlaku pada tahun yang kelapan hijrah serta ekoran-ekorannya seperti kemasukan suku Hawazin dan Thaqif di Ta'if ke dalam Islam, yang merupakan dua kekuatan kaum yang besar di Semenanjung Tanah Arab selepas kaum Quraysy, menyebabkan masyarakat Islam kembali terdedah kepada curahan berbagai-bagai kelompok manusia baru yang begitu ramai. Mereka masuk ke dalam agama Islam dengan berbagai-bagai tahap keimanan. Ada yang menganut Islam dengan perasaan benci, ada yang berpura-pura menganut Islam (Munafiq), ada yang hanyut dan terikut-ikut masuk Islam kerana kedudukannya yang kuat dan menonjol dan ada golongan mualaf yang belum terterap dengan hakikat ajaran Islam yang pokok dan belum lagi sebati dengan roh Islam yang haqiqi.

Selama ini penentangan kaum Quraysy yang begitu degil dan lama terhadap Islam merupakan penghalang yang kuat, yang menyekat pengaliran Islam di Semenanjung Tanah Arab. Selama ini kaum Quraysy merupakan pihak tertinggi yang memegang kata pemutus dalam urusan-urusan keagamaan di Semenanjung Tanah Arab di samping menerajui pengaruh ekonomi, politik dan moral. Penentangan kaum Quraysy terhadap agama yang baru dalam bentuknya yang begitu degil itu merupakan faktor yang berjaya memalingkan orang-orang Arab di seluruh Semenanjung Tanah Arab dari menganut agama itu atau setidak-tidaknya merupakan faktor yang menyebabkan mereka teragak-agak atau menunggu-nunggu sehingga perjuangan di antara kaum Quraysy dengan anak buahnya Nabi Muhammad itu selesai. Apabila kaum Quraysy mengaku kalah selepas pembukaan Makkah dan kemudian di ikuti pula oleh suku Hawazin dan Thaqif di Ta'if, sedangkan ketiga-tiga suku Yahudi yang kuat di Madinah telah pun dihancurkan kekuasaan, mereka buat selama-lamanya, iaitu suku Bani Qaynuqa' dan Bani an-Nadhir telah diusir ke Syam dan suku bani Qurayzah telah dihapuskan dan kaum Yahudi di Khaybar pada akhirnya telah menyerah diri. Seluruhnya peristiwa itu menandakan zaman kemasukan manusia berduyun-duyun ke dalam agama Allah, atau zaman pengaliran Islam di merata pelosok Semenanjung Tanah Arab di dalam jangka masa setahun sahaja.

Tetapi perkembangan horizontal Islam ini telah membawa kembali dalam bentuk yang lebih luas gejala-gejala lama yang telah lahir di dalam masyarakat Islam selepas Peperangan Badar setelah masyarakat Islam di waktu itu hampir-hampir bersih dari gejala-gejala yang tidak sihat itu berkat pengaruh tarbiyah Islam yang lama masa dan berterusan selama kira-kira tujuh tahun selepas peperangan besar Badar. Sekiranya tidak kerana keseluruhan masyarakat Madinah telah berubah menjadi asas yang kukuh dan bersih bagi 'aqidah Islam dan tapak yang teguh kepada masyarakat Islam tentulah perkembangan horizontal Islam yang pantas di Semenanjung Tanah Arab itu akan membawa bahaya yang besar, tetapi Allah yang mengatur dan mengendalikan urusan perkembangan ini telah menyediakan angkatan perintis pertama para Muhajirin dan Ansar untuk menjadi tapak yang kukuh bagi 'aqidah Islam selepas perkembangan yang agak luas setelah mencapai kemenangan di dalam Peperangan Badar. Begitu juga Allah S.W.T. telah menyediakan keseluruhan masyarakat Islam di Madinah untuk menjadi tapak yang kuat selepas perkembangan yang sangat pantas itu setelah negeri Makkah ditaklukkan. Allah Maha

Mengetahui di manakah Dia hendak meletakkan risalah-Nya.

Awal-awal gejala buruk yang muncul ialah pada masa Peperangan Hunayn yang diceritakan di dalam surah ini (at-Taubah):

لَقَدْ نَصَرَكُمُ ٱللَّهُ فِى مَوَاطِنَ كَثِيرَةٍ وَيَوْمَ حُنَيْنٍ إِذْ أَعْجَبَتْكُمْ كَثْرَتُكُمْ فَلَمْ تُغْنِ عَنكُمْ شَيْـًٔا وَضَاقَتْ عَلَيْكُمُ ٱلْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ ثُمَّ وَلَّيْتُم مُّدْبِرِينَ ﴿٢٥﴾

ثُمَّ أَنزَلَ ٱللَّهُ سَكِينَتَهُۥ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ وَعَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ وَأَنزَلَ جُنُودًا لَّمْ تَرَوْهَا وَعَذَّبَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَذَٰلِكَ جَزَآءُ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٢٦﴾

"(Wahai orang-orang yang beriman!) Sesungguhnya Allah telah memberi pertolongan kepada kamu di berbagai-bagai medan peperangan, juga pada hari Peperangan Hunayn, di mana kamu terpesona dengan bilangan kamu yang ramai, namun ia tidak memberi faedah sedikit pun kepada kamu. Dan (menyebabkan kamu mengalami kekalahan-kekalahan) hingga bumi yang luas dirasakan kamu sempit kemudian kamu melarikan diri ke belakang(25). Kemudian Allah menurunkan ketenteraman-Nya ke atas rasul-Nya dan ke atas para Mu'minin serta menurunkan bala tentera malaikat yang tidak dapat dilihat oleh kamu dan menyeksakan orang-orang yang kafir. Itulah balasan kepada orang-orang kafir."(26)

Di antara sebab-sebab yang menonjol bagi kekalahan ini pada mulanya ialah apabila dua ribu orang yang mendapat pengampunan pada hari penaklukan Makkah telah memeluk Islam pada hari itu dan turut keluar bersama sepuluh ribu tentera Muslimin dari Madinah yang telah menakluk negeri Makkah itu. Penyertaan dua ribu orang ini dalam angkatan sepuluh ribu orang tentera Muslimin itu menjadi punca timbulnya kerosakan imbangan di dalam barisan Muslimin, ditambah pula dengan faktor tindakan mengejut suku Hawazin. Ini disebabkan kerana angkatan tentera itu bukan semuanya dari bala tentera angkatan pertama Muslimin yang menjadi teras masyarakat Islam yang kukuh dan bersih, yang telah dididik dan diselaraskan dengan sempurna dalam satu jangka masa yang lama di antara Peperangan Badar dan penaklukan negeri Makkah.

Begitu juga gejala-gejala yang muncul dalam masa tercetus Peperangan Tabuk, iaitu gejala-gejala yang tidak sihat yang timbul sebagai hasil tabi'i dari perkembangan horizontal Islam yang pantas itu atau dari kemasukan berbagai-bagai kelompok manusia yang baru ke dalam Islam dengan berbagai-bagai tahap keimanan dan disiplin. Gejala inilah yang dibicarakan oleh Surah at-Taubah dan yang memerlukan kepada penjelasan yang terperinci dengan uslub penerangan yang beraneka ragam sebagaimana telah kami sebut petikan-petikan ayat-ayat yang mewakili setiap bahagian surah ini.

Di sini dapatlah kita membuat lencongan untuk mengikut langkah-langkah peristiwa bersejarah yang berlaku di dalam masyarakat Islam selepas dua tahun pembukaan negeri Makkah, iaitu sewaktu Rasulullah s.a.w. diwafatkan Allah, di mana seluruh Semenanjung Tanah Arab kembali murtad dan tiada yang tetap berpegang teguh dengan Islam kecuali masyarakat Madinah yang menjadi tapak Islam yang kukuh dan bersih. Gejala ini dapat ditafsirkan dengan mudah, kerana masa dua tahun selepas penaklukkan negeri Makkah itu tidak cukup untuk menanamkan hakikat pengajaran Islam di dalam jiwa berbagai-bagai kelompok manusia yang begitu ramai yang telah menganut Islam selepas penaklukan negeri Makkah dengan berbagai-bagai tahap keimanan yang longgar dan goyah. Apabila Rasulullah s.a.w. diwafatkan Allah, maka seluruh Semenanjung Tanah Arab telah bergegar kecuali Madinah yang menjadi tapak masyarakat Islam yang kuat dan stabil. Dengan kekuatan, kebersihan dan keselarasan tapak masyarakat Islam di Madinah inilah ia telah berjaya menghadapi gelombang dan menahankannya dari dihanyut arus yang kuat itu dan mengubahkan arahnya ke pangkuan Islam sekali lagi.

Melihat hakikat dengan pemandangan sedemikian rupa sudah cukup untuk memperlihatkan kepada kita betapa bijaknya pentadbiran Ilahi mendedahkan, da'wah Islamiyah di Makkah di masa permulaannya kepada penindasan dan penentangan yang begitu lama dan membiarkan kaum Musyrikin yang zalim mengganggu dan menindas kelompok Muslimin yang kecil itu supaya meninggalkan agama mereka. Darah mereka ditumpahkan dengan percuma dan mereka diperlakukan segala macam tindakan yang menyeksakan.

Allah S.W.T. mengetahui bahawa inilah sesuatu cara yang betul untuk mentadbirkan kelompok Muslimin pertama dan membentuk asas yang kukuh bagi 'aqidah Islam. Tanpa penderitaan dan pengalaman pahit yang lama, batang-batang yang kecil tidak boleh menjadi kuat dan tahan menghadapi tekanan-tekanan. Darjat ketabahan, ketahanan, keikhlasan dan kesanggupan meneruskan perjuangan di jalan Allah walaupun ditindas, di'azab, dibunuh, diseksa, diusir dan diperlapar dan walaupun dengan bilangan yang kecil dan ketiadaan bantuan dan pertolongan... darjat-darjat kesanggupan inilah sahaja yang layak menjadi tapak yang kuat dan stabil pada titik tolak yang pertama.

Tapak yang kuat yang dibentuk oleh angkatan Muhajirin yang pertama kemudian bergabung pula dengan angkatan pertama kaum Ansar, merekalah yang menjadi tapak masyarakat Islam di Madinah sebelum tercetusnya Peperangan Badar, dan

kemudian merekalah juga yang menjadi kelompok wira-wira pengawal yang kuat dan gagah berani dalam masa berlakunya kegoyahan dan warawiri selepas kemenangan di dalam Peperangan Badar dengan sebab perkembangan Islam yang meluas yang membawa penganut-penganut baru Islam yang begitu ramai, yang belum lagi matang dan belum lagi menyelaraskan diri mereka dengan angkatan asas (angkatan Muslimin pertama) dari segi tahap keimanan dan disiplin Islam.

Akhirnya angkatan asas ini semakin bertambah luas dimensinya menjelang penaklukan negeri Makkah sehingga meliputi seluruh masyarakat Madinah. Angkatan inilah yang mengawal dan menjaga Islam dari goncangan-goncangan yang berlaku selepas penaklukan Makkah dan seterusnya dari goncangan maha besar selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. dan kemurtadan Semenanjung Tanah Arab dari Islam.

Di samping hakikat ini memperlihatkan kepada kita pentadbiran Ilahi Yang Maha Bijaksana yang telah mendedahkan da'wah kepada berbagai-bagai penderitaan yang sekian lama di Makkah dan mendedahkan masyarakat Islam di Madinah kepada berbagai-bagai kesulitan, kesusahan dan bahaya hingga ke masa perjanjian Hudaybiyah, maka hakikat ini juga mendedahkan kepada kita tabi'at metodologi pergerakan da'wah Islam yang sentiasa membaru pada setiap zaman dan setiap tempat.

Mula-mula segala usaha harus ditumpukan untuk membangun satu angkatan asas yang kukuh yang terdiri dari para Mu'minin yang tulen, yang telah diuji dan dilebur dalam dapur kesusahan dan dugaan, namun mereka tetap tabah dan teguh di samping berusaha mendidik mereka dengan tarbiyah imaniyah yang mendalam yang menambahkan lagi ketabahan, kekuatan dan kesedaran mereka, dan dalam waktu yang sama perhatian yang berat harus ditekankan agar perkembangan Islam secara horizon-tal tidak berlaku sebelum diyakini dan dipastikan terbentuknya angkatan asas yang kukuh, bersih, sedar, terpelajar dan terdidik dengan sebaik-baiknya, kerana perkembangan Islam secara horizontal yang berlaku sebelum terbentuk angkatan asas itu mendatangkan bahaya yang menghapus dan mensia-siakan kewujudan apa sahaja pergerakan yang tidak mengikut cara-cara da'wah yang pertama dari aspek ini dan tidak memelihara tabi'at methodologi pergerakan Rabbani Nabawi yang diikuti oleh kelompok Muslimin pertama.

Walau bagaimanapun Allah S.W.T. tetap memelihara perkara ini terhadap da'wah-Nya. Oleh sebab itu apabila Allah menghendaki da'wah-Nya bergerak dengan harakat yang betul, maka dia akan mendedahkan angkatan pelopor da'wah itu kepada pengalaman-pengalaman dan penderitaan-penderitaan yang pahit dan lama masanya dan melambatkan kejayaan mereka, mengecilkan bilangan mereka dan membuat orang ramai menunggu-nunggu mereka sehingga Allah mengetahui bahawa mereka benar-benar sabar dan tabah, benar-benar bersedia dan layak untuk menjadi angkatan asas yang kuat, bersih, sedar dan jujur. Kemudian Allah akan memindahkan langkah-langkah mereka dengan tangan qudrat kuasa-Nya dan Allah tetap menguasai dan menerajui urusan-Nya, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

* * * * * *

Pokok-pokok Pembicaraan Dalam Surah At-Taubah

Kini kami akan huraikan secara ringkas pokok-pokok pembicaraan utama yang terkandung dalam surah ini terutama pembicaraan mengenai peraturan-peraturan muktamad yang dijelaskan oleh surah ini tentang tata hubungan kem Islam dengan kem-kem lain yang wujud di sekitarnya. Peraturan-peraturan yang dikemukakan dalam surah ini dengan sifatnya sebagai peraturan-peraturan terakhir yang diturunkan Allah – merupakan kemuncak garis pergerakan sistem hidup Islam.

Kami ingin ulangi di sini apa yang kami pernah terangkan di dalan juzu' yang kesembilan – dalam kata pengantar Surah al-Anfal – mengenai tabi'at sistem hidup agar dengan keterangan itu kita dapat memahami peraturan-peraturan final yang terkini walaupun ulangan itu merupakan sesuatu yang berulang di dalam kitab tafsir Fi Zilal. Ini disebabkan kerana perenggan-perenggan berikut yang kami akan ulangi di sini adalah sangat perlu untuk menghidupkan penjelasan ayat:

Al-Imam Ibn al-Qayim telah menyaring siri jihad di dalam Islam di dalam kitab "زاد المعاد" dalam satu bab yang dijodolkan dengan tajuk:

(Bab Tertib Garis Panduan Dari Rasulullah Mengenai Langkah-Langkah Untuk Menghadapi Golongan Kafir Dan Golongan Munafiqin Sejak Beliau Diangkat Menjadi rasul Hingga Beliau Menemui Allah Azzawajalla)

"Wahyu pertama yang diturunkan Allah Taala kepada beliau ialah ayat yang menyuruh beliau membaca dengan nama Tuhannya Yang Maha Pencipta. Itulah masa pertama beliau dilantik menjadi nabi. Dalam perintah yang pertama itu beliau disuruh membaca untuk dirinya sahaja dan belum lagi diperintah menyampaikannya kepada manusia. Kemudian diturunkan pula ayat:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمُدَّثِّرُ ۝١ قُمْ فَأَنذِرْ ۝٢

"Wahai orang yang berselimut! Bangkitlah dan sampaikan peringatan kepada manusia."

(Surah al-Muddaththir: 1-2)

"Mula-mula beliau diperintah menyampaikan peringatan kepada kaum keluarganya yang dekat, kemudian kepada kaumnya, kemudian kepada orang-orang Arab yang berada di sekeliling kaumnya,

kemudian kepada seluruh orang-orang Arab dan akhirnya kepada seluruh manusia. Selepas diangkat menjadi nabi, beliau terus berda'wah dan menyampaikan peringatan selama lebih dari sepuluh tahun tanpa berperang dan mengenakan cukai jizyah. Beliau diperintah supaya jangan melawan, supaya bersabar dan bersikap pemaaf. Kemudian beliau diizinkan Allah berhijrah ke Madinah dan kemudian diizinkan berperang. Mula-mula beliau diperintah supaya memerangi mereka yang memeranginya dan menahan diri dari memerangi mereka yang tidak memeranginya, kemudian beliau diperintah memerangi kaum Musyrikin sehingga seluruh keta'atan atau agama tertentu kepada Allah sahaja. Selepas dikeluarkan perintah berjihad, maka kedudukan golongan orang-orang kafir terbahagi kepada tiga kategori: (1) Golongan kafir yang berdamai dan mengadakan persetujuan gencatan senjata. (2) Golongan Kafir Harbi. (3) Golongan Kafir Zimmi. Beliau diperintah menghormati dan menyempurnakan perjanjian yang dimeteraikan dengan orang-orang kafir yang mengadakan perjanjian dengan beliau selama mereka bersikap jujur dan menghormati perjanjian itu. Jika beliau bimbang dan mengesyaki pengkhianatan dari mereka, beliau diperintah supaya memulangkan perjanjian itu kepada mereka tanpa memerangi mereka sehingga beliau mengetahui bahawa mereka telah mengkhianati perjanjian itu. Beliau telah diperintah supaya memerangi golongan kafir yang mencabul perjanjian, dan apabila turun surah Bara'ah (At-Taubah), di mana diterangkan peraturan-peraturan atau hukum-hukum mengenai semua golongan kafir itu, iaitu beliau diperintah memerangi musuhnya dari kaum Ahlil-Kitab sehingga mereka sanggup membayar jizyah atau menganut agama Islam. Dalam surah ini juga beliau diperintah memerangi orang-orang kafir dengan menggunakan pedang dan lembing dan menentang orang-orang Munafiqin dengan menggunakan kekuatan hujah dan lidah. Dalam surah ini juga beliau diperintah melucutkan diri dari semua perjanjian dengan orang-orang kafir dan memulangkan perjanjian-perjanjian itu kepada mereka. Di sini golongan kafir yang mengikat perjanjian dengan beliau dibahagikan kepada tiga golongan. Pertama: Golongan yang mencabul perjanjian dan tidak menghormatinya dengan jujur. Golongan ini wajib diperangi dan beliau telah memerangi dan mengalahkan mereka. Kedua: Golongan yang mengadakan perjanjian damai selama masa yang tertentu dan mereka tidak mencabulinya atau menyerang beliau. Di sini beliau diperintah menghormati perjanjian itu selama masa yang ditentukan mereka. Ketiga: Golongan kafir yang tidak materai apa-apa perjanjian dan tidak pernah memerangi beliau atau memeterai satu perjanjian yang tidak terbatas, maka untuk menghadapi golongan ini, beliau telah diperintah supaya memberi tempoh selama empat bulan kepada mereka dan apabila tempoh itu berakhir, beliau diperintah memerangi mereka. Rasulullah s.a.w. telah memerangi golongan kafir yang mencabul perjanjian dan memberi tempoh selama empat bulan kepada golongan kafir yang tidak mengikat perjanjian atau golongan yang mengikat perjanjian yang tidak terbatas dengan beliau. Dan beliau diperintah supaya menghormati dan menyempurnakan perjanjian itu hingga sampai tempohnya, tetapi seluruh mereka telah memeluk Islam dan tidak ada yang tinggal kafir sehingga habis tempoh perjanjian itu. Rasulullah s.a.w. telah mengenakan cukai, jizyah ke atas golongan Kafir Zimmi. Pendeknya kedudukan orang kafir selepas diturunkan Surah Bara'ah (at-Taubah) adalah terbahagi kepada tiga golongan, iaitu golongan yang memerangi beliau, golongan yang memeterai perjanjian dengan beliau dan golongan Zimmi. Kemudian golongan kafir yang mengikat perjanjian damai itu memeluk agama Islam dan sejak itu mereka menjadi dua golongan sahaja, iaitu golongan Kafir Harbi yang memerangi beliau dan golongan Kafir Zimmi, tetapi golongan Kafir Harbi takut kepada beliau. Jadi penghuni bumi di masa itu terbahagi kepada tiga golongan, iaitu golongan Muslimin yang beriman kepadanya, golongan Kafir Zimmi yang damai dan diberi keamanan dan golongan Kafir Harbi yang takut kepada beliau. Sikap Rasulullah s.a.w. terhadap golongan Munafiqin ialah beliau diperintah menerima tindak-tanduk mereka yang lahir dan menyerahkan hakikat hati mereka kepada Allah di samping mendebati mereka dengan ilmu dan hujah. Beliau juga diperintah supaya jangan menghiraukan mereka di samping bersikap kasar terhadap mereka dan berusaha mempengaruhi hati mereka dengan kata-kata yang menarik. Beliau dilarang menyembahyangkan jenazah mereka dan berdiri di atas kubur mereka. Rasulullah s.a.w. telah diberitahu sekiranya beliau memohon keampunan untuk mereka, nescaya Allah tidak akan mengampunkan mereka. Inilah cara-cara layanan Rasulullah s.a.w. terhadap musuh-musuhnya dari orang-orang kafir dan orang-orang Munafiqin."

Ciri-ciri Dalam Tatacara Pergerakan Islam

Dari saringan yang baik tentang peringkat-peringkat jihad di dalam Islam ini dapatlah dilihat dengan jelas ciri-ciri yang kuat dan mendalam dalam tatacara pergerakan agama Islam yang wajar bagi kita berdiri lama di hadapannya untuk memikir dan merenunginya, tetapi dalam tafsir Fi Zilal ini kita tidak mempunyai ruangan kecuali sekadar membuat komentar-komentar secara umum sahaja:

• Ciri pertama dari tata cara pergerakan agama ini ialah ciri realisme yang serius. Ia adalah suatu pergerakan menghadapi realiti manusia dan ia menghadapinya dengan sarana-sarana yang sesuai dengan kewujudan manusia di alam realiti. Ia menghadapi jahiliyah dari segi i'tiqad dan kefahaman yang menjadi landasan tegaknya peraturan jahiliyah yang realistik dan praktikal yang disokong oleh kuasa-kuasa yang mempunyai kekuatan fizikal. Oleh sebab itulah pergerakan Islam menghadapi seluruh realiti ini dengan sarana yang sesuai dengannya, iaitu ia menghadapinya dengan da'wah dan penerangan

yang jelas untuk membetulkan kepercayaan-kepercayaan dan kefahaman-kefahaman manusia. Ia menghadapinya dengan kekuatan dan jihad untuk menghapuskan peraturan-peraturan dan kuasa-kuasa yang menjadi tapak asas kepercayaan dan kefahaman itu. Itulah peraturan-peraturan dan kuasa-kuasa yang menjadi batu penghalang di antara orang ramai dengan usaha-usaha pembetulan kepercayaan-kepercayaan dan kefahaman-kefahaman mereka melalui penerangan jelas. Itulah peraturan-peraturan dan kuasa-kuasa yang menundukkan orang ramai dengan menggunakan paksaan dan tipu helah yang menyesatkan mereka dan membawa mereka ke arah mengabdikan diri kepada yang lain dari Tuhan mereka Yang Maha Besar. Islam merupakan suatu pergerakan yang tidak berpada dengan mengemukakan penjelasan dan penerangan sahaja di hadapan kuasa kebendaan dan tidak pula menggunakan paksaan-paksaan kebendaan untuk mempengaruhi hati manusia. Islam bertindak untuk mengeluarkan manusia dari 'ubudiyah kepada sesama manusia kepada 'ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja sebagaimana akan dijelaskan nanti.

• <u>Ciri yang kedua</u> di dalam tatacara pergerakan agama ini ialah realisme di dalam pergerakan, iaitu pergerakan Islam adalah pergerakan yang berperingkat-peringkat. Setiap peringkat mempunyai sarana-sarana yang sesuai dengan kehendak-kehendak dan keperluan-keperluannya yang sebenar. Setiap peringkat menyerah kepada peringkat yang mengiringinya. Ia tidak menghadapi realiti dengan teori-teori semata-mata dan tidak pula menghadapi realiti ini dengan saranan-saranan yang beku. Orang-orang yang membawa nas-nas Al-Qur'an untuk dijadikan dalil tatacara agama ini dalam persoalan jihad tanpa mengambil kira ciri realisme ini dan tanpa memahami tabi'at peringkat-peringkat yang dilalui oleh tatacara ini dan tanpa memahami hubungan berbagai-bagai nas ini dengan setiap peringkat itu, bererti mereka telah melakukan campur aduk yang serius dan menimbulkan kekeliruan yang menyesatkan terhadap tatacara agama ini dan seterusnya membebankan nas-nas itu dengan prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah yang tidak dapat ditanggung oleh nas-nas itu. Ini disebabkan kerana mereka mengirakan setiap nas itu seolah-olah nas yang final yang mencerminkan kaedah-kaedah yang final dalam agama ini, lalu mereka berkata dengan semangat seorang yang berjiwa tewas dan berminda kalah kerana ditekan oleh realiti umat Muslimin yang malang, di mana Islam yang ada pada mereka ialah Islam nama sahaja .... mereka berkata: Islam tidak melancarkan jihad melainkan kerana mempertahankan diri. Dengan perkataan ini mereka faqir mereka telah memberi satu sumbangan yang baik kepada Islam kerana mereka menolak jihad dari tatacara pergerakan Islam, sedangkan tujuan jihad ialah untuk menghapuskan seluruh Taghut di muka bumi ini dan membawa manusia mengabdikan diri kepada Allah Yang Maha Esa sahaja atau untuk mengeluarkan manusia dari 'ubudiyah kepada sesama manusia kepada 'ubudiyah kepada Allah Tuhan manusia. Untuk melaksanakan tujuan ini Islam tidak memaksa mereka memeluk agama Islam, tetapi Islam berjuang untuk mewujudkan suasana bebas di antara mereka dengan agama ini setelah dihancurkan kuasa politik yang memerintah atau mengenakan paksaan ke atas mereka hingga mereka sanggup membayar jizyah dan mengaku kalah serta memberi kebebasan yang penuh kepada orang ramai sama ada mereka hendak memeluk Islam atau tidak.

• <u>Ciri yang ketiga</u> ialah pergerakan Islam yang berterusan ini dan sarana-sarananya yang berubah-ubah itu tidak mengeluarkan Islam dari dasar-dasar dan matlamat-matlamatnya yang tertentu, malah Islam sejak hari pertama lagi sama ada ia berda'wah kepada kaum keluarga yang dekat atau berda'wah kepada kaum Quraisy atau berda'wah kepada seluruh umat Arab atau berda'wah kepada seluruh umat manusia, ia tetap berda'wah dengan prinsip yang sama dan menyeru mereka kepada matlamat yang sama, iaitu menumpukan 'ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan keluar dari 'ubudiyah kepada sesama manusia. Tiada tawar menawar dan tiada tolak ansur dalam konsep prinsip dan matlamat ini. Kemudian Islam terus berjuang untuk merealisasikan prinsip yang tunggal menerusi satu program yang teratur dan berperingkat-peringkat, di mana setiap peringkat mempunyai sarana-sarana yang berlainan sebagaimana telah kami jelaskan sebelum ini.

• <u>Ciri yang keempat</u> ialah wujudnya kawalan undang-undang yang mengendalikan hubungan-hubungan di antara masyarakat Islam dengan masyarakat-masyarakat yang lain mengikut peraturan-peraturan yang kami nukilkan dari saringan Ibn al-Qayim yang baik, yang termuat di dalam kitab "زاد المعاد". Kawalan undang-undang itu ditegakkan di atas prinsip bahawa penyerahan diri yang total kepada Allah itu merupakan prinsip sejagat yang dipegang oleh seluruh umat manusia atau mereka harus memilih sikap berdamai dengan Islam, iaitu tidak menghalangkan perkembangannya dengan halangan-halangan politik atau dengan kekuatan kebendaan dan memberi kebebasan yang penuh kepada orang ramai sama ada hendak memilih Islam atau tidak mengikut kemahuan mereka sendiri tanpa menentang dan memeranginya.[5] Jika ada pihak yang menentangnya, maka Islam berhak memerangi mereka hingga tewas atau mengaku kalah.

* * * * * *

Bertolak dari penjelasan ini dapatlah kita memahami hukum-hukum atau peraturan-peraturan terakhir

---

[5] *Lihat ulasan dalam kata pengantar "Surah al-Anfal" mengenai jihad dalam Islam.*

yang disebut di dalam surah ini seperti pengumuman perlucutan Allah dan rasul-Nya dari perjanjian-perjanjian dengan, kaum Musyrikin, pemberian tempoh kepada orang kafir yang mengadakan perjanjian yang bertempoh dengan kaum Muslimin sehingga habis tempohnya dengan syarat mereka tidak pernah mengkhianati perjanjian mereka dengan orang-orang Islam dan tidak pernah menyokong sesiapa untuk menyerang orang-orang Islam, juga pemberian tempoh selama empat bulan kepada orang-orang kafir yang mengadakan perjanjian yang tidak bertempoh dengan kaum Muslimin dengan syarat mereka tidak pernah mengkhianati perjanjian mereka dengan kaum Muslimin dan tidak pernah menyokong sesiapa untuk menyerang orang Islam. Sama dengan kumpulan ini ialah orang-orang kafir yang tidak mempunyai sebarang perjanjian dengan orang-orang Islam, juga pembatalan perjanjian-perjanjian dengan orang-orang kafir yang mengkhianati perjanjian mereka serta diberi tempoh selama empat bulan, di mana mereka diberi kebebasan bergerak di bumi ini dengan aman. Apabila tempoh empat bulan ini berakhir, mereka akan ditangkap dan dibunuh di mana sahaja mereka ditemui, mereka akan dikepung dan ditahan dari bergerak dan berpindah dengan bebas dan aman .... di samping kita dapat memahami hukum-hukum atau peraturan-peraturan yang dikemukakan dalam surah ini supaya membunuh kaum Ahlil-Kitab yang menyeleweng dari agama Allah yang betul sehingga mereka sanggup membayar jizyah dengan patuh dan ta'at, juga memahami peraturan-peraturan yang menyuruh memerangi orang-orang Munafiqin yang bekerjasama dengan orang-orang kafir dan melakukan tindakan-tindakan kasar terhadap mereka dan tidak menyembahyangkan jenazah-jenazah mereka atau berdiri di kubur mereka. Semuanya ini merupakan hukum-hukum atau peraturan-peraturan yang memindakan hukum-hukum berperingkat-peringkat yang dijelaskan di dalam surah-surah yang di turun sebelum Surah Taubat dan kini kami kira pindaan ini dapat dimengertikan oleh kita berdasarkan penjelasan tadi.

Di sini tidak ada ruang untuk menghuraikan secara terperinci mengenai peraturan-peraturan terakhir ini juga mengenai peraturan-peraturan berperingkat yang diterangkan sebelum turunnya peraturan-peraturan terakhir ini, baik di ruang ini, mahupun di ruangan pembicaraan yang lain dari pembicaraan-pembicaraan surah ini, tetapi kami akan huraikannya secara terperinci, insya Allah, ketika mentafsirkan ayat-ayat surah ini dengan terperinci.

Tetapi kami lebih dahulu ingin mengingatkan bahawa peraturan-peraturan berperingkat itu bukanlah peraturan-peraturan yang dimansuhkan dengan erti ia tidak boleh dipakai dalam mana-mana situasi yang dilalui oleh umat Muslimin selepas turunnya peraturan-peraturan terakhir ini di dalam Surah At-Taubah. Ini disebabkan kerana pergerakan dan realiti yang dihadapi oleh umat Muslimin di dalam berbagai-bagai situasi dan tempat itulah yang menentukan - melalui ijtihad yang bebas - manakah peraturan yang lebih sesuai dipakai dalam mana-mana situasi, zaman dan tempat itu tanpa melupakan peraturan-peraturan terakhir yang wajib dipakai apabila umat Muslimin berada dalam keadaan yang memungkinkan mereka melaksanakan peraturan-peraturan ini seperti keadaan yang wujud ketika turunnya Surah At-Taubah ini dan zaman-zaman selepas itu, di mana berlakunya penaklukan-penaklukan Islam yang ditegakkan di atas landasan peraturan-peraturan yang terakhir dalam melayani kaum Musyrikin dan kaum Ahlil-Kitab.

Orang-orang yang berjiwa kalah di zaman ini berada di hadapan realiti umat Muslimin yang malang, di mana tiada saki-baki Islam yang tinggal pada mereka selain dari nama sahaja, juga berada di hadapan serangan kaum orientalis yang licin yang mengancam prinsip jihad di dalam Islam. Mereka cuba menggunakan nas-nas peraturan berperingkat sebagai jalan lari dari hakikat jihad yang sebenar, yang menjadi asas perjuangan Islam di permukaan bumi dengan tujuan untuk membebaskan seluruh manusia dari menyembah sesama manusia dan mengembalikan seluruh mereka kepada menyembah Allah Yang Maha Esa sahaja, di samping menghancurkan para Taghut, sistem-sistem hidup dan kuasa-kuasa yang memaksa manusia menyembah yang lain dari Allah dan tunduk kepada kuasa yang lain dari kuasa Allah dan berhakimkan kepada undang-undang yang lain dari syari'at Allah. Oleh sebab itulah kita melihat orang-orang yang berjiwa kalah itu berkata: Allah S.W.T. berfirman:

وَإِن جَنَحُوا۟ لِلسَّلْمِ فَٱجْنَحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۚ

"Jika mereka cenderung kepada perdamaian, maka hendaklah engkau juga cenderung kepadanya dan bertawakkallah kepada Allah."

(Surah al-Anfal:61)

Dan Allah S.W.T. berfirman:

لَّا يَنْهَىٰكُمُ ٱللَّهُ عَنِ ٱلَّذِينَ لَمْ يُقَٰتِلُوكُمْ فِى ٱلدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُم مِّن دِيَٰرِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوٓا۟ إِلَيْهِمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾

"Allah tidak melarang kamu berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama dan tidak mengusir kamu dari kampung halaman kamu, Allah tidak melarang kamu daripada melakukan kebaikan dan keadilan kepada mereka."

(Surah al-Mumtahanah:8)

Dan Allah S.W.T. berfirman:

وَقَٰتِلُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ٱلَّذِينَ يُقَٰتِلُونَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوٓا۟ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْمُعْتَدِينَ ﴿١٩٠﴾

"Dan perangilah di jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu dan janganlah kamu melampaui batas kerana sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas."

(Surah al-Baqarah:190)

Dan Allah S.W.T. telah berfirman mengenai kaum Ahlil-Kitab:

قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ تَعَالَوْا۟ إِلَىٰ كَلِمَةٍ سَوَآءٍۭ
بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا ٱللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِۦ
شَيْـًٔا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِّن دُونِ ٱللَّهِ ۚ
فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَقُولُوا۟ ٱشْهَدُوا۟ بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ﴿٦٤﴾

"Katakanlah: Wahai Ahlil-Kitab! Marilah kita berpegang kepada satu ketetapan yang sama di antara kami dan kamu, iaitu kita tidak menyembah melainkan Allah dan kita tidak mempersekutukan Allah dengan sesuatu apa dan kita tidak jadikan di antara sesama kita selaku tuhan-tuhan yang lain dari Allah. Dan jika mereka enggan berbuat begitu, maka katakanlah: Saksilah sekalian kamu bahawa kami adalah orang-orang yang patuh kepada Allah."

(Surah Aali 'Imran:64)

(Menurut mereka, berdasarkan ayat-ayat ini) Islam tidak memerangi melainkan hanya orang-orang yang memerangi penduduk negeri Islam di dalam kawasan sempadannya atau orang-orang yang mengancam keselamatan negara Islam dari luar. Rasulullah s.a.w. pernah memeterai perjanjian damai Hudaybiyah dengan kaum Musyrikin dan beliau juga telah mengadakan perjanjian dengan kaum Yahudi di Madinah dan kaum Musyrikinnya. Semuanya ini - menurut kefahaman mereka yang kalah - menunjukkan bahawa Islam tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan seluruh manusia yang lain di merata pelosok dunia ini. Bukanlah tanggungjawab Islam jika manusia menyembah tuhan yang lain dari Allah dan bukanlah tanggungjawab Islam. jika manusia mempertuhan-kan satu sama lain selain dari Allah di seluruh bumi ini selama Islam berada dalam keadaan aman di dalam sempadan negaranya! Itulah sangkaan yang salah terhadap Islam dan sangkaan yang buruk terhadap Allah, iaitu sangkaan yang diilhamkan oleh kekalahan minda di hadapan realiti yang malang, yang dihadapi mereka, juga kekalahan minda di hadapan kuasa-kuasa dunia yang menentang Islam, yang tidak dapat diatasi mereka pada sa'at kini.

Perkara ini akan menjadi gampang dan mudah jika mereka yang berjiwa kalah di hadapan kuasa-kuasa dunia itu tidak merujukkan kekalahan mereka kepada Islam itu sendiri dan tidak meletakkan di atas bahu Islam tanggungjawab kelemahan realiti hidup mereka yang berpunca dari kejauhan diri mereka dari Islam. Tetapi malangnya mereka enggan berbuat begitu, malah mereka tetap meletakkan tanggungjawab kelemahan dan kekalahan mereka di atas bahu agama Allah yang kuat dan teguh.

Sebenarnya nas-nas Al-Qur'an yang dijadikan pegangan mereka adalah nas-nas Marhaliyah (untuk peringkat-peringkat sementara bukan final) untuk menghadapi realiti yang tertentu sahaja dan realiti yang tertentu ini mungkin berlaku berulang-ulang kali di dalam kehidupan umat Muslimin, dan di dalam kes yang seumpama inilah dipakai nas-nas Marhaliyah itu, kerana realiti kes ini sama dengan realiti peringkat yang dihadapi oleh nas-nas yang membawa peraturan-peraturan Marhaliyah itu. Tetapi ini tidaklah bererti bahawa realiti peringkat itu merupakan matlamat kemuncak cita-cita atau merupakan langkah penghabisan agama Islam, malah ia bererti bahawa umat Muslimin pastilah berusaha dan berjuang terus memperelokkan kedudukan-kedudukannya dan menghapuskan halangan-halangan di jalan perjuangannya sehingga pada akhirnya dapat diterapkan peraturan-peraturan atau hukum-hukum final yang disebut di dalam Surah At-Taubah yang terakhir yang menghadapi realiti yang berlainan dari realiti yang dihadapi oleh nas-nas Marhaliyah itu.

Nas-nas terakhir menjelaskan peraturan menangani kaum Musyrikin:

بَرَآءَةٌ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦٓ إِلَى ٱلَّذِينَ عَٰهَدتُّم مِّنَ
ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿١﴾
فَسِيحُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّكُمْ غَيْرُ
مُعْجِزِى ٱللَّهِ ۙ وَأَنَّ ٱللَّهَ مُخْزِى ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٢﴾
وَأَذَٰنٌ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦٓ إِلَى ٱلنَّاسِ يَوْمَ ٱلْحَجِّ
ٱلْأَكْبَرِ أَنَّ ٱللَّهَ بَرِىٓءٌ مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ۙ وَرَسُولُهُۥ ۚ
فَإِن تُبْتُمْ فَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ ۖ وَإِن تَوَلَّيْتُمْ فَٱعْلَمُوٓا۟
أَنَّكُمْ غَيْرُ مُعْجِزِى ٱللَّهِ ۗ وَبَشِّرِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟
بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣﴾
إِلَّا ٱلَّذِينَ عَٰهَدتُّم مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ثُمَّ لَمْ يَنقُصُوكُمْ
شَيْـًٔا وَلَمْ يُظَٰهِرُوا۟ عَلَيْكُمْ أَحَدًا فَأَتِمُّوٓا۟ إِلَيْهِمْ عَهْدَهُمْ
إِلَىٰ مُدَّتِهِمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٤﴾
فَإِذَا ٱنسَلَخَ ٱلْأَشْهُرُ ٱلْحُرُمُ فَٱقْتُلُوا۟ ٱلْمُشْرِكِينَ

حَيْثُ وَجَدتُّمُوهُمْ وَخُذُوهُمْ وَاحْصُرُوهُمْ وَاقْعُدُوا
لَهُمْ كُلَّ مَرْصَدٍ ۚ فَإِن تَابُوا وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا
الزَّكَاةَ فَخَلُّوا سَبِيلَهُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٥﴾
وَإِنْ أَحَدٌ مِّنَ الْمُشْرِكِينَ اسْتَجَارَكَ فَأَجِرْهُ
حَتَّىٰ يَسْمَعَ كَلَامَ اللَّهِ ثُمَّ أَبْلِغْهُ مَأْمَنَهُ ۚ ذَٰلِكَ
بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَعْلَمُونَ ﴿٦﴾

"(Indah pernyataan) pemutusan hubungan daripada Allah dan rasul-Nya (yang dihadapkan) kepada orang-orang Musyrikin yang kamu (kaum Musyrikin) telah mengadakan perjanjian dengan mereka(1). Oleh sebab itu (wahai kaum Musyrikin) berjalanlah kamu (dengan bebas dan aman) di bumi ini selama empat bulan dan ketahuilah bahawa kamu tidak akan dapat melemahkan Allah dan sesungguhnya Allah tetap menghinakan orang-orang yang kafir.(2) Dan (inilah) satu pernyataan dari Allah dan rasul-Nya kepada umat manusia pada hari Haji Akbar bahawa sesungguhnya Allah dan rasul-Nya berlepas diri dari kaum Musyrikin. Oleh kerana itu, jika kamu (kaum Musyrikin) bertaubat, maka ia lebih baik untuk kamu, tetapi jika kamu enggan, maka ketahuilah bahawa kamu tidak akan dapat melemahkan Allah, dan sampaikan berita gembira kepada orang-orang kafir bahawa mereka akan menerima 'azab yang amat pedih.(3) Kecuali orang-orang Musyrikin yang kamu telah mengadakan perjanjian dengan mereka, kemudian mereka tidak pernah mengurangi sedikit pun isi perjanjian itu terhadap kamu dan tidak pernah membantu seseorang pun memusuhi kamu, maka sempurnakanlah perjanjian kamu dengan mereka sehingga sampai tempohnya. Sesungguhnya Allah menyayangi orang yang bertaqwa.(4) Apabila habis tempoh empat Bulan Haram (di mana kamu diharam berperang), maka bunuhlah kaum Musyrikin di mana sahaja kamu jumpai mereka, tangkaplah mereka, kepungilah mereka dan perhatikan pergerakan mereka di setiap tempat kawalan. Jika mereka bertaubat, mendirikan solat dan menunaikan zakat, maka berilah kebebasan kepada mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih.(5) Dan jika seorang dari golongan Musyrikin meminta perlindungan kepada kamu, maka berilah perlindungan kepadanya sehingga ia sempat mendengar Kalamullah kemudian hantarkannya ke tempat yang aman baginya. Layanan yang sedemikian kerana mereka adalah golongan yang tidak mengetahui."(6)

Nas-nas terakhir menjelaskan peraturan menangani kaum Ahlil-Kitab:

قَاتِلُوا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا بِالْيَوْمِ الْآخِرِ
وَلَا يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَلَا يَدِينُونَ
دِينَ الْحَقِّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حَتَّىٰ
يُعْطُوا الْجِزْيَةَ عَن يَدٍ وَهُمْ صَاغِرُونَ ﴿٢٩﴾

"Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak pula beriman kepada hari Akhirat dan mereka tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan Allah dan rasul-Nya dan mereka tidak beragama dengan agama yang benar, iaitu orang-orang (Yahudi dan Nasara) yang dikurniakan kitab sehingga mereka sanggup membayar jizyah dengan patuh dan ta'at."(29)

Sekiranya umat Islam pada hari ini dengan realiti mereka masa kini tidak mampu melaksanakan peraturan-peraturan ini, maka mereka - di sa'at ini untuk sementara waktu - tidak ditaklifkan memakai peraturan-peraturan ini, kerana Allah tidak mentaklifkan seseorang melainkan sekadar keupayaannya dan bolehlah mereka menggunakan keluasan peraturan-peraturan Marhaliyah dan beransur-ansur meningkat dengannya hingga mereka dapat melaksanakan peraturan-peraturan terakhir itu apabila mereka berada dalam realiti yang membolehkan mereka melaksanakan peraturan-peraturan itu, tetapi mereka tidak seharusnya memutar-mutarkan leher nas-nas peraturan yang final itu untuk disesuaikan dengan nas-nas peraturan Marhaliyah, dan mereka tidak seharusnya meletakkan tanggungjawab kelemahan mereka di atas bahu agama Allah yang kuat dan kukuh. Mereka seharusnya bertaqwa kepada Allah dari mengubahkan tabi'at agama ini dan melemahkannya dengan alasan kerana Islam agama keamanan dan kedamaian. Memang benar Islam merupakan agama keamanan dan kedamaian, tetapi di atas landasan menyelamatkan seluruh umat manusia dari menyembah yang lain dari Allah dan memasukkan umat manusia ke dalam Islam secara keseluruhannya. Islam ialah suatu sistem hidup ciptaan Allah, dan seluruh manusia dikehendaki meningkatkan diri kepadanya dan menghayati segala kebaikannya. Islam bukannya sistem hidup ciptaan manusia dan bukannya ideologi-ideologi dari hasil pemikiran manusia sehingga para penda'wahnya merasa takut untuk mengumumkan bahawa matlamat mereka yang terakhir ialah menghancurkan segala kuasa dan kekuatan yang menyekat jalan perjuangannya untuk memberi kebebasan kepada setiap individu manusia memilihnya.

* * * * * *

Apabila ideologi-ideologi yang diikuti manusia ini dari hasil pemikiran manusia dan apabila undang-undang dan peraturan-peraturan yang mengatur dan mengendalikan kehidupan manusia dari hasil pemikiran manusia juga, maka setiap ideologi dan setiap sistem hidup masing-masing mempunyai hak untuk hidup aman damai di dalam perbatasan masing-masing selama ia tidak menceroboh sempadan orang-orang lain. Semua ideologi sistem hidup, undang-undang dan peraturan yang beraneka bentuk ini berhak untuk hidup bersama dan masing-masing berkewajipan menahan diri dari bertindak untuk menghapuskan satu sama lain.

Tetapi apabila sistem hidup dan undang-undang yang wujud di sana itu ialah sistem hidup dan syari'at

Rabbaniyah yang memperjuangkan 'ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan di sampingnya terdapat pula sistem-sistem hidup, ideologi-ideologi, undang-undang dan peraturan dari ciptaan manusia yang memperjuangkan 'ubudiyah kepada sesama manusia, maka kedudukan perkara ini berbeza sama sekali, kerana sistem hidup ciptaan Ilahi berhak melewati batas-batas ciptaan manusia dan membebaskan manusia dari 'ubudiyah kepada sesama manusia dan meninggalkan mereka bebas untuk memilih 'aqidah yang di sukai mereka di bawah naungan keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja.

Orang-orang yang berjiwa kalah yang berusaha memutar-mutarkan leher nas-nas Al-Qur'an dengan tujuan untuk mengeluarkan diri dari keadaan serba-salah yang lahir - mengikut sangkaan mereka - dari perjuangan Islam yang melewati batas pertamanya untuk membebaskan manusia di seluruh dunia itu dari 'ubudiyah kepada yang lain dari Allah, orang-orang ini sebenarnya telah melupakan hakikat yang besar ini, iaitu di sana wujudnya sistem hidup Rabbani yang memperjuangkan 'ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja yang bertentangan dengan sistem-sistem hidup ciptaan manusia yang memperjuangkan 'ubudiyah kepada sesama manusia!!!

Jihad dalam Islam mempunyai justifikasi-justifikasinya yang lahir dari sistem hidup Ilahi itu sendiri. Justifikasi-justifikasi ini harus dipelajari oleh orang-orang yang berjiwa kalah yang meletakkan tanggungjawab kekalahan dan kelemahan mereka di atas Islam semoga Allah mengurniakan kepada mereka kekuatan dari sisinya dan daya furqan yang dijanjikan Allah kepada para hamba-Nya yang bertaqwa.

Pada akhirnya Surah At-Taubah ini tidak ditulis " بسم اللّٰهِ الرَّحمٰن الرَّحيم" pada awalnya seperti surah-surah yang lain dalam mashaf 'Uthman r.a. yang menjadi asas mashaf-mashaf. Mengikut riwayat at-Tirmizi dengan isnadnya daripada Ibn Abbas katanya: Aku bertanya Uthman ibn Affan: "Apakah sebab yang mendorong anda apabila sampai kepada Surah al-Anfal - dari kumpulan surah-surah al-Mathani -[6] dan kepada Surah Bara'ah (At-Taubah) - dari kumpulan surah-surah seratus ayat - lalu anda gandingkan kedua surah itu tanpa menulis sebaris ayat " بسم اللّٰهِ الرَّحمٰن الرَّحيم" dan kemudian anda meletakkannya dalam kumpulan tujuh surah yang panjang. Mengapa anda berbuat begitu?" Lalu 'Uthman menjawab: "Adalah Rasulullah s.a.w. di suatu ketika di mana diturunkan kepada beliau beberapa surah serentak. Oleh itu apabila turun sesuatu ayat kepadanya, ia terus memanggil setengah-setengah keraninya dan bersabda: 'Letakkan ayat ini dalam surah yang menyebut ayat begini', dan Surah al-Anfal merupakan di antara surah-surah pertama yang diturunkan di Madinah dan Surah Baraah (At-Taubah) merupakan di antara surah-surah akhir diturunkan di Madinah dan pembicaraannya juga hampir sama dengan pembicaraan Surah al-Anfal, dan saya bimbing Surah Bara'ah ini merupakan sebahagian dari Surah al-Anfal. Kemudian Rasulullah s.a.w. wafat sedangkan beliau tidak pernah menyatakan kepada kami bahawa Surah Bara'ah ini adalah sebahagian dari Surah al-Anfal. Oleh sebab itulah saya gandingkan di antara keduanya tanpa menulis sebaris ayat " بسم اللّٰهِ الرَّحمٰن الرَّحيم" dan saya letakkan kedua-duanya di dalam kumpulan tujuh ayat yang panjang."

Riwayat ini merupakan riwayat yang paling hampir untuk mengemukakan satu pentafsiran yang boleh diterima tentang kedudukan dua surah ini seperti keadaan sekarang tanpa diceraikan oleh sebaris ayat "بسم اللّٰهِ الرَّحمٰن الرَّحيم". Begitu juga riwayat ini menjelaskan kepada kita bahawa kedudukan ayat-ayat dalam surah-surah dan tertib ayat-ayat di tempat-tempatnya masing-masing adalah dilakukan dengan perintah-perintah Rasulullah s.a.w. semasa hayatnya dan beberapa surah yang tertentu terus terbuka untuk ditambah dalam waktu yang sama. Oleh sebab itu apabila turun sesuatu ayat atau beberapa ayat mengenai sesuatu peristiwa yang berlaku yang menghadapi realiti yang wujud di masa itu atau melengkapkan sesuatu peraturan atau memindakannya mengikut program pergerakan Islam yang realistik, maka Rasulullah s.a.w. akan memerintah agar ayat-ayat itu diletakkan di tempatnya dalam surah yang berkait dengan-nya. Dengan cara yang sedemikian di sana terdapat hikmat yang tertentu mengapa setiap surah mempunyai isi kandungan dari ayat-ayat yang tertentu, di samping terdapat hikmat tertentu mengapa ayat-ayat itu disusun sedemikian rupa di tempatnya masing-masing di dalam surah itu.

Mengikut perhatian kami - sebagaimana telah kami sebut berulang-ulang kali dalam kata pengantar surah-surah - bahawa setiap surah mempunyai syakhsiyah masing-masing, di samping mempunyai ciri-ciri khusus yang menentukan rupa bentuk syakhsiyah itu. Begitu juga di sana terdapat suasana-suasana dan bayangan-bayangan tertentu. Kemudian bentuk-bentuk pengungkapan ayat-ayat di dalam sesuatu surah itu juga menguatkan rupa bentuk dan menonjolkan syaksiyah surah itu. Barangkali penjelasan dalam para yang lepas dan keterangan hadith Ibn Abbas sebelumnya dapat mentafsirkan gejala yang terang ini yang telah kami sebut berulang kali dalam kata pengantar surah-surah dalam tafsir Fi Zilal ini.

Sekarang cukuplah sekadar ini sahaja kata pengantar ringkas surah ini dan marilah kita beralih

---

[6] *Surah-surah yang mempunyai rangkaian ayat yang tidak sampai seratus ayat dan tidak tergolong di dalam surah-surah yang pendek.*

kepada mentafsirkan nas-nas surah ini secara terperinci.

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 28)

بَرَآءَةٞ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦٓ إِلَى ٱلَّذِينَ عَٰهَدتُّم مِّنَ ٱلۡمُشۡرِكِينَ ١

فَسِيحُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ أَرۡبَعَةَ أَشۡهُرٖ وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّكُمۡ غَيۡرُ مُعۡجِزِي ٱللَّهِ وَأَنَّ ٱللَّهَ مُخۡزِي ٱلۡكَٰفِرِينَ ٢

وَأَذَٰنٞ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦٓ إِلَى ٱلنَّاسِ يَوۡمَ ٱلۡحَجِّ ٱلۡأَكۡبَرِ أَنَّ ٱللَّهَ بَرِيٓءٞ مِّنَ ٱلۡمُشۡرِكِينَ وَرَسُولُهُۥۚ فَإِن تُبۡتُمۡ فَهُوَ خَيۡرٞ لَّكُمۡۖ وَإِن تَوَلَّيۡتُمۡ فَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّكُمۡ غَيۡرُ مُعۡجِزِي ٱللَّهِۗ وَبَشِّرِ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ٣

إِلَّا ٱلَّذِينَ عَٰهَدتُّم مِّنَ ٱلۡمُشۡرِكِينَ ثُمَّ لَمۡ يَنقُصُوكُمۡ شَيۡـٔٗا وَلَمۡ يُظَٰهِرُواْ عَلَيۡكُمۡ أَحَدٗا فَأَتِمُّوٓاْ إِلَيۡهِمۡ عَهۡدَهُمۡ إِلَىٰ مُدَّتِهِمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلۡمُتَّقِينَ ٤

فَإِذَا ٱنسَلَخَ ٱلۡأَشۡهُرُ ٱلۡحُرُمُ فَٱقۡتُلُواْ ٱلۡمُشۡرِكِينَ حَيۡثُ وَجَدتُّمُوهُمۡ وَخُذُوهُمۡ وَٱحۡصُرُوهُمۡ وَٱقۡعُدُواْ لَهُمۡ كُلَّ مَرۡصَدٖۚ فَإِن تَابُواْ وَأَقَامُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُاْ ٱلزَّكَوٰةَ فَخَلُّواْ سَبِيلَهُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ٥

وَإِنۡ أَحَدٞ مِّنَ ٱلۡمُشۡرِكِينَ ٱسۡتَجَارَكَ فَأَجِرۡهُ حَتَّىٰ يَسۡمَعَ كَلَٰمَ ٱللَّهِ ثُمَّ أَبۡلِغۡهُ مَأۡمَنَهُۥۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمۡ قَوۡمٞ لَّا يَعۡلَمُونَ ٦

كَيۡفَ يَكُونُ لِلۡمُشۡرِكِينَ عَهۡدٌ عِندَ ٱللَّهِ وَعِندَ رَسُولِهِۦٓ إِلَّا ٱلَّذِينَ عَٰهَدتُّمۡ عِندَ ٱلۡمَسۡجِدِ ٱلۡحَرَامِۖ فَمَا ٱسۡتَقَٰمُواْ لَكُمۡ فَٱسۡتَقِيمُواْ لَهُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلۡمُتَّقِينَ ٧

"(Inilah pernyataan) pemutusan hubungan daripada Allah dan rasul-Nya (yang dihadapkan) kepada orang-orang Musyrikin yang kamu telah mengadakan perjanjian dengan mereka(1). Oleh sebab itu (wahai kaum Musyrikin) berjalanlah kamu (dengan bebas dan aman) di bumi negeri ini selama empat bulan dan ketahuilah bahawa kamu tidak akan dapat melemahkan Allah dan sesungguhnya Allah tetap menghinakan orang-orang yang kafir(2). Dan (Inilah) satu pernyataan dari Allah dan rasul-Nya kepada umat manusia pada hari Haji Akbar bahawa sesungguhnya Allah dan rasul-Nya memutuskan hubungan dengan kaum Musyrikin. Oleh kerana itu, jika kamu bertaubat, maka ia lebih baik untuk kamu, tetapi jika kamu berpaling, maka ketahuilah bahawa kamu tidak akan dapat melemahkan Allah, dan sampaikan berita gembira kepada orang-orang kafir bahawa mereka akan menerima 'azab yang amat pedih (3). Kecuali orang-orang Musyrikin yang kamu telah mengadakan perjanjian dengan mereka kemudian mereka tidak pernah mengurangi sedikit pun isi perjanjian itu terhadap kamu dan mereka tidak pernah membantu seseorang pun memusuhi kamu, maka sempurnakanlah perjanjian kamu dengan mereka sehingga sampai tempohnya. Sesungguhnya Allah menyayangi orang-orang yang bertaqwa(4). Apabila habis tempoh empat Bulan Haram (di mana kamu diharam berperang), maka bunuhlah kaum Musyrikin di mana sahaja kamu jumpai mereka, tangkaplah mereka, kepungilah mereka dan perhatikan pergerakan mereka di setiap tempat kawalan. Jika mereka bertaubat, mendirikan solat dan menunaikan zakat, maka berilah kebebasan kepada mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(5). Jika seseorang Musyrikin meminta perlindungan kepada kamu, maka berilah perlindungan kepadanya sehingga ia sempat mendengar Kalamullah kemudian hantarkannya ke tempat yang aman baginya. Layanan yang sedemikian kerana mereka adalah golongan yang tidak mengetahui(6). Bagaimana orang-orang Musyrikin itu wajar mempunyai perjanjian yang diakui di sisi Allah dan rasul-Nya, kecuali kaum Musyrikin yang kamu telah mengadakan perjanjian dengan mereka berhampiran Masjidil Haram. Oleh itu selama mereka berlaku lurus terhadap kamu, maka hendaklah kamu berlaku lurus terhadap mereka. Sesungguhnya Allah menyayangi orang-orang yang bertaqwa"(7).

كَيۡفَ وَإِن يَظۡهَرُواْ عَلَيۡكُمۡ لَا يَرۡقُبُواْ فِيكُمۡ إِلّٗا وَلَا ذِمَّةٗۚ يُرۡضُونَكُم بِأَفۡوَٰهِهِمۡ وَتَأۡبَىٰ قُلُوبُهُمۡ وَأَكۡثَرُهُمۡ فَٰسِقُونَ ٨

ٱشۡتَرَوۡاْ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ ثَمَنٗا قَلِيلٗا فَصَدُّواْ عَن سَبِيلِهِۦٓۚ إِنَّهُمۡ سَآءَ مَا كَانُواْ يَعۡمَلُونَ ٩

لَا يَرۡقُبُونَ فِي مُؤۡمِنٍ إِلّٗا وَلَا ذِمَّةٗۚ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُعۡتَدُونَ ١٠

فَإِن تَابُواْ وَأَقَامُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُاْ ٱلزَّكَوٰةَ فَإِخۡوَٰنُكُمۡ فِي ٱلدِّينِۗ وَنُفَصِّلُ ٱلۡأٓيَٰتِ لِقَوۡمٖ

يَعْلَمُونَ ﴿١١﴾
وَإِن نَّكَثُوٓا۟ أَيْمَـٰنَهُم مِّنۢ بَعْدِ عَهْدِهِمْ
وَطَعَنُوا۟ فِى دِينِكُمْ فَقَـٰتِلُوٓا۟ أَئِمَّةَ ٱلْكُفْرِ ۙ إِنَّهُمْ
لَآ أَيْمَـٰنَ لَهُمْ لَعَلَّهُمْ يَنتَهُونَ ﴿١٢﴾
أَلَا تُقَـٰتِلُونَ قَوْمًا نَّكَثُوٓا۟ أَيْمَـٰنَهُمْ وَهَمُّوا۟
بِإِخْرَاجِ ٱلرَّسُولِ وَهُم بَدَءُوكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ ۚ
أَتَخْشَوْنَهُمْ ۚ فَٱللَّهُ أَحَقُّ أَن تَخْشَوْهُ إِن كُنتُم
مُّؤْمِنِينَ ﴿١٣﴾
قَـٰتِلُوهُمْ يُعَذِّبْهُمُ ٱللَّهُ بِأَيْدِيكُمْ وَيُخْزِهِمْ
وَيَنصُرْكُمْ عَلَيْهِمْ وَيَشْفِ صُدُورَ قَوْمٍ مُّؤْمِنِينَ ﴿١٤﴾
وَيُذْهِبْ غَيْظَ قُلُوبِهِمْ ۗ وَيَتُوبُ ٱللَّهُ عَلَىٰ مَن يَشَآءُ ۗ
وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١٥﴾
أَمْ حَسِبْتُمْ أَن تُتْرَكُوا۟ وَلَمَّا يَعْلَمِ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ جَـٰهَدُوا۟
مِنكُمْ وَلَمْ يَتَّخِذُوا۟ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلَا رَسُولِهِۦ وَلَا
ٱلْمُؤْمِنِينَ وَلِيجَةً ۚ وَٱللَّهُ خَبِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٦﴾
مَا كَانَ لِلْمُشْرِكِينَ أَن يَعْمُرُوا۟ مَسَـٰجِدَ ٱللَّهِ شَـٰهِدِينَ عَلَىٰٓ
أَنفُسِهِم بِٱلْكُفْرِ ۚ أُو۟لَـٰٓئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَـٰلُهُمْ
وَفِى ٱلنَّارِ هُمْ خَـٰلِدُونَ ﴿١٧﴾
إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَـٰجِدَ ٱللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ
ٱلْـَٔاخِرِ وَأَقَامَ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَى ٱلزَّكَوٰةَ وَلَمْ يَخْشَ
إِلَّا ٱللَّهَ ۖ فَعَسَىٰٓ أُو۟لَـٰٓئِكَ أَن يَكُونُوا۟ مِنَ ٱلْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾
أَجَعَلْتُمْ سِقَايَةَ ٱلْحَآجِّ وَعِمَارَةَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ
كَمَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْـَٔاخِرِ وَجَـٰهَدَ فِى سَبِيلِ
ٱللَّهِ ۚ لَا يَسْتَوُۥنَ عِندَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ
ٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿١٩﴾
ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَهَاجَرُوا۟ وَجَـٰهَدُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ
بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ أَعْظَمُ دَرَجَةً عِندَ ٱللَّهِ ۚ وَأُو۟لَـٰٓئِكَ
هُمُ ٱلْفَآئِزُونَ ﴿٢٠﴾
يُبَشِّرُهُمْ رَبُّهُم بِرَحْمَةٍ مِّنْهُ وَرِضْوَٰنٍ وَجَنَّـٰتٍ
لَّهُمْ فِيهَا نَعِيمٌ مُّقِيمٌ ﴿٢١﴾

"Bagaimana wajar begitu, sedangkan jika mereka memperolehi kemenangan terhadap kamu, mereka tidak memelihara hubungan kekerabatan dengan kamu dan tidak pula menghormati perjanjian. Mereka menyenangkan hati kamu dengan mulut mereka, sedangkan hati mereka menolak dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasiq(8). Mereka menukar ayat-ayat dengan harga yang sedikit kemudian mereka menghalangi manusia dari jalan Allah. Sesungguhnya amat buruk sekali segala perbuatan yang dilakukan mereka(9). Mereka tidak memelihara hubungan kekerabatan dengan orang Mu'min dan tidak pula menghormati perjanjian dan mereka adalah golongan yang melampaui batas(10). Jika mereka bertaubat, mendirikan solat dan menunaikan zakat, maka mereka adalah saudara-saudara seagama dengan kamu. Dan Kami menjelaskan ayat-ayat itu kepada golongan yang ingin mengetahui(11). Dan jika mereka mencabuli sumpah (perjanjian) mereka setelah mengikat perjanjian mereka dan mencela agama kamu, maka perangilah pemimpin-pemimpin kekufuran itu kerana mereka sebenarnya tidak menghormati sumpah (perjanjian) mereka supaya mereka berhenti(12). Mengapa kamu tidak memerangi orang-orang yang telah mencabuli sumpah (perjanjian) mereka dan berazam untuk mengusir Rasulullah dan merekalah yang mula-mula memerangi kamu? Apakah kamu takut kepada mereka, sedangkan Allah itulah yang lebih wajar kamu takutinya jika kamu benar orang-orang yang beriman(13). Perangilah mereka nescaya Allah mengazabkan mereka dengan perantaraan tangan kamu dan menghinakan mereka serta menolong kamu mengalahkan mereka dan menyembuhkan hati orang-orang yang beriman(14). Dan menghapuskan kemarahan hati mereka, dan Allah menerima taubat orang-orang yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(15). Apakah kamu fikir bahawa kamu akan ditinggalkan (tanpa diuji), sedangkan Allah belum lagi mengetahui (dalam realiti) adanya mereka yang sanggup berjihad dari kalangan kamu dan mereka yang tidak mengambil sahabat-sahabat setia selain Allah, rasul-Nya dan para Mu'minin. Dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu(16). Tidak sekali-kali wajar bagi kaum Musyrikin mengimarahkan masjid-masjid Allah, sedangkan mereka sendiri mengakui diri mereka kafir. Itulah orang-orang yang sia-sia amalan mereka dan mereka akan kekal di dalam api Neraka(17). Sesungguhnya orang yang wajar mengimarahkan masjid-masjid Allah ialah orang yang beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat, mendirikan solat dan menunaikan zakat dan ia tidak takut kecuali Allah, semoga mereka termasuk dalam golongan orang-orang yang mendapat hidayat(18). Apakah kamu jadikan (orang-orang) yang memberi minuman kepada orang-orang yang mengerjakan haji itu sama dengan orang-orang yang

beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat serta berjihad di jalan Allah? Mereka tidak sama di sisi Allah, dan Allah tidak memberi hidayat kepada golongan manusia yang zalim(19). Orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad di jalan Allah dengan harta benda dan jiwa raga mereka adalah lebih tinggi darjatnya di sisi Allah, dan merekalah orang-orang yang mendapat kejayaan(20). Mereka diberi tabsyir oleh Tuhan mereka bahawa mereka akan mendapat rahmat, keredhaan dan balasan Syurga dari-Nya, di mana mereka memperolehi ni'mat kesenangan yang kekal abadi"(21).

خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًاۚ إِنَّ ٱللَّهَ عِندَهُۥٓ أَجۡرٌ عَظِيمٞ ﴿٢٢﴾

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَتَّخِذُوٓاْ ءَابَآءَكُمۡ
وَإِخۡوَٰنَكُمۡ أَوۡلِيَآءَ إِنِ ٱسۡتَحَبُّواْ ٱلۡكُفۡرَ عَلَى
ٱلۡإِيمَٰنِۚ وَمَن يَتَوَلَّهُم مِّنكُمۡ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ
ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٢٣﴾

قُلۡ إِن كَانَ ءَابَآؤُكُمۡ وَأَبۡنَآؤُكُمۡ وَإِخۡوَٰنُكُمۡ
وَأَزۡوَٰجُكُمۡ وَعَشِيرَتُكُمۡ وَأَمۡوَٰلٌ ٱقۡتَرَفۡتُمُوهَا
وَتِجَٰرَةٞ تَخۡشَوۡنَ كَسَادَهَا وَمَسَٰكِنُ تَرۡضَوۡنَهَآ
أَحَبَّ إِلَيۡكُم مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَجِهَادٖ فِي
سَبِيلِهِۦ فَتَرَبَّصُواْ حَتَّىٰ يَأۡتِيَ ٱللَّهُ بِأَمۡرِهِۦۗ وَٱللَّهُ
لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلۡفَٰسِقِينَ ﴿٢٤﴾

لَقَدۡ نَصَرَكُمُ ٱللَّهُ فِي مَوَاطِنَ كَثِيرَةٖ وَيَوۡمَ حُنَيۡنٍ
إِذۡ أَعۡجَبَتۡكُمۡ كَثۡرَتُكُمۡ فَلَمۡ تُغۡنِ عَنكُمۡ
شَيۡـٔٗا وَضَاقَتۡ عَلَيۡكُمُ ٱلۡأَرۡضُ بِمَا رَحُبَتۡ ثُمَّ
وَلَّيۡتُم مُّدۡبِرِينَ ﴿٢٥﴾

ثُمَّ أَنزَلَ ٱللَّهُ سَكِينَتَهُۥ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ وَعَلَى ٱلۡمُؤۡمِنِينَ
وَأَنزَلَ جُنُودٗا لَّمۡ تَرَوۡهَا وَعَذَّبَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْۚ
وَذَٰلِكَ جَزَآءُ ٱلۡكَٰفِرِينَ ﴿٢٦﴾

ثُمَّ يَتُوبُ ٱللَّهُ مِنۢ بَعۡدِ ذَٰلِكَ عَلَىٰ مَن يَشَآءُۗ
وَٱللَّهُ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ﴿٢٧﴾

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِنَّمَا ٱلۡمُشۡرِكُونَ نَجَسٞ فَلَا
يَقۡرَبُواْ ٱلۡمَسۡجِدَ ٱلۡحَرَامَ بَعۡدَ عَامِهِمۡ هَٰذَاۚ
وَإِنۡ خِفۡتُمۡ عَيۡلَةٗ فَسَوۡفَ يُغۡنِيكُمُ ٱللَّهُ مِن
فَضۡلِهِۦٓ إِن شَآءَۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ حَكِيمٞ ﴿٢٨﴾

"Mereka hidup kekal di dalamnya buat selama-lamanya. Sesungguhnya di sisi Allah disediakan pahala yang amat besar(22). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil bapa-bapa dan saudara-saudara kamu sebagai sahabat-sahabat setia jika mereka mengutamakan kekufuran dari keimanan dan sesiapa di antara kamu yang mengambil mereka sebagai sahabat-sahabat setia, maka merekalah orang-orang yang zalim(23). Katakanlah: Jika bapa-bapa kamu, anak-anak kamu, saudara-saudara kamu, isteri-isteri kamu, kaum keluarga kamu, harta kekayaan yang diusahakan kamu, perniagaan yang kamu bimbang (dilanda) kemelesetan dan rumah-rumah kediaman yang di sukai kamu itu lebih dicintai kamu dari Allah dan rasul-Nya dan dari berjihad fi Sabilillah, maka tunggulah sehingga Allah membawa keputusan-Nya. Dan Allah tidak memberi hidayat kepada golongan manusia yang fasiq(24). Sesungguhnya Allah telah memberi pertolongan kepada kamu diberbagai-bagai medan peperangan, juga di dalam Peperangan Hunayn, di mana kamu terpesona dengan bilangan kamu yang ramai, tetapi ia tidak memberi faedah sedikit pun kepada kamu dan (menyebabkan kamu mengalami kekalahan) hingga bumi yang luas dirasa sempit oleh kamu, kemudian kamu melarikan diri ke belakang(25). Kemudian Allah menurunkan ketenteraman-Nya ke atas rasul-Nya dan ke atas para Mu'minin serta menurunkan bala tentera malaikat yang tidak dapat di lihat oleh kamu dan menyeksakan orang-orang kafir. Itulah balasan yang setimpal kepada orang-orang kafir(26). Kemudian selepas itu Allah menerima taubat dari mereka yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (27). Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya orang-orang Musyrikin adalah najis. Oleh sebab itu janganlah mereka mendekati Masjidil-Haram selepas tahun ini. Dan jika kamu bimbang menjadi miskin, maka Allah akan memberi kekayaan kepada kamu dari limpah kurnia-Nya jika Dia kehendaki, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana"(28).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Rangkaian ayat-ayat bahagian ini diturunkan kemudian dari rangkaian ayat-ayat yang bakinya walaupun tertibnya diletakkan di bahagian awal. Tertib ayat-ayat di dalam surah-surah Al-Qur'an itu adalah dibuat mengikut perintah Rasulullah s.a.w. sebagaimana telah diterangkan sebelum ini. Kini jelaslah bahawa urusan mentertibkan ayat-ayat dalam surah-surah itu adalah dari urusan Rasulullah s.a.w.

Ayat-ayat bahagian ini mengandungi perintah menamatkan perjanjian-perjanjian yang wujud di antara kaum Muslimin dengan kaum Musyrikin hingga ke masa itu sama ada penamatan itu selepas berlalunya empat bulan bagi kaum Musyrikin yang mengadakan perjanjian-perjanjian yang tidak terbatas dengan kaum Muslimin atau bagi kaum Musyrikin

yang mengkhianati perjanjian mereka atau selepas berakhirnya tempoh perjanjian bagi kaum Musyrikin yang mengadakan perjanjian yang terbatas dan mereka tidak mengurangi isi kandungan perjanjian itu walau sedikit pun dan tidak pernah membantu mana-mana pihak menyerang kaum Muslimin. Natijah yang akhir dari perintah ini pada keseluruhannya ialah menamatkan semua perjanjian dengan kaum Musyrikin di Semenanjung Tanah Arab dan menamatkan dasar mengadakan perjanjian dengan kaum Musyrikin selepas itu dengan pengumuman berlepas tangan secara mutlak dari kaum Musyrikin dan dengan pengumuman mengecam kewajaran kaum Musyrikin mempunyai perjanjian yang diakui di sisi Allah dan rasul-Nya.

Di antara kandungan pembicaraan bahagian ini ialah perintah tidak membenarkan kaum Musyrikin melakukan tawaf di Masjidil-Haram atau mengimarahkannya selepas itu dengan apa bentuk imarah sekalipun, iaitu berlainan dengan perjanjian umum yang mutlak di antara Rasulullah s.a.w. dengan kaum Musyrikin di zaman silam, di mana satu sama lain menjanjikan keamanan di Baitullahil-Haram dan di dalam bulan-bulan haram, di mana mereka kekal dengan kepercayaan syirik mereka.

Orang yang mengkaji peristiwa-peristiwa Sirah Nabawiyah untuk melihat realiti sejarah tatacara pergerakan Islam, juga untuk mengkaji tabi'at tatacara ini sendiri, fasa-fasanya dan matlamat-matlamatnya, akan melihat dengan jelas bahawa langkah tegas ini yang diambil terhadap perhubungan-perhubungan di antara kem Islam di Semenanjung Tanah Arab dengan seluruh kem-kem kaum Musyrikin, juga di antara kem Islam dengan kem-kem Ahlil-Kitab yang dijelaskan dalam surah ini, adalah satu langkah yang tepat dengan waktunya, di mana dunia dan situasi-situasinya telah bersedia untuk menerimanya, dan langkah ini merupakan suatu langkah tabi'i yang pasti diambil tepat pada masanya.

Dari realiti sejarah peringkat demi peringkat, pengalaman demi pengalaman, ternyata bahawa co-existense atau hidup bersama tidak mungkin berlaku di antara dua sistem hidup yang mempunyai perbezaan asas yang mendalam dan jauh, yang merangkumi setiap butiran i'tikad dan kefahaman, merangkumi akhlak dan perilaku, merangkumi peraturan sosial, peraturan ekonomi, peraturan politik dan kemanusiaan, iaitu perbezaan yang lahir dari perbezaan i'tikad dan kefahaman, iaitu dua sistem hidup yang bertentangan, salah satunya ditegakkan di atas landasan 'ubudiyah manusia kepada Allah Yang Maha Esa tanpa sebarang sekutu dan yang satu lagi ditegakkan di atas landasan 'ubudiyah kepada sesama manusia, 'ubudiyah kepada tuhan-tuhan palsu dan 'ubudiyah kepada berbagai-bagai Tuhan. Kemudian pertentangan itu berlaku di antara keduanya pada setiap langkah hidup, kerana setiap langkah dari salah satu dari dua sistem itu pasti berbeza dengan sistem hidup yang salah satu lagi itu dan pasti bertentangan dengannya secara total seperti pertentangan yang berlaku pada dua sistem ini.

Bukanlah sesuatu di luar dugaan apabila kaum Quraisy berdiri dengan penuh kedegilan menentang da'wah لآ إله الا الله dan محمد رسول الله di Makkah dan memeranginya di Madinah dengan peperangan yang tidak setanding. Begitu juga bukannya sesuatu di luar dugaan apabila kaum Yahudi di Madinah berdiri menentang pergerakan Islam dan bergabung dengan kaum Musyrikin untuk membentuk satu kem yang menentang Islam walaupun mereka dari golongan Ahlil-Kitab. Bukannya sesuatu di luar dugaan apabila kaum Yahudi dan kaum Quraisy mengemblengkan suku-suku Arab di Semenanjung Tanah Arab di dalam Peperangan Ahzab untuk menghapuskan bahaya da'wah Islamiyah yang mengancam seluruh mereka sebaik sahaja berdirinya kerajaan Islam di Madinah yang ditegakkan di atas landasan 'aqidah Islam dan sebaik sahaja dibangunkan peraturan pentadbirannya mengikut sistem Rabbani yang unik itu. Begitu juga - sebagaimana akan kita ketahui sebentar lagi - bukanlah sesuatu di luar dugaan apabila kaum Nasara - dari kaum Ahlil-Kitab - berdiri menentang da'wah dan pergerakan Islam sama ada di negeri Yaman atau di negeri Syam atau di sebalik negeri Yaman atau di sebalik negeri Syam sehingga sampai akhir zaman. Itulah tabi'at-tabi'at keadaan. Pertama, itulah tabi'at sistem hidup Islam yang memang diketahui dan dirasakan oleh fitrah semula jadi para pendokong sistem-sistem hidup yang lain, mereka mengetahui tabi'at Islam yang bertekad menegakkan kerajaan Allah di bumi dan mengeluarkan umat manusia seluruhnya dari menyembah sesama manusia kepada menyembah Allah Yang Maha Esa sahaja serta menghancurkan segala penghalang-penghalang fizikal yang menyekat manusia dari kebebasan untuk membuat pilihan sendiri yang sebenar. Kemudian yang kedua, ia juga merupakan tabi'at pertentangan di antara dua sistem hidup yang tidak mempunyai titik pertemuan, baik dalam persoalan-persoalan besar mahupun dalam persoalan-persoalan kecil yang menyebabkan pendokong-pendokong sistem hidup ciptaan manusia sentiasa berazam untuk menghapuskan sistem hidup Rabbani yang mengancam kewujudan mereka, sistem-sistem hidup mereka dan undang-undang dan peraturan-peraturan ciptaan mereka sebelum sistem hidup Islam menghancurkan mereka. Ia merupakan suatu kepastian yang tidak dapat dielak dan tidak memberi ruang pilihan sama ada kepada pendokong sistem hidup Rabbani, mahupun kepada pendokong sistem hidup ciptaan manusia.

Kepastian ini berpengaruh di sepanjang zaman dan di sepanjang pengalaman-pengalaman. Ia muncul di dalam berbagai-bagai bentuk yang menguat dan mendalamkan keperluan kepada langkah yang final yang diumumkan di dalam surah ini. Adapun sebab-

sebab yang dekat dan secara langsung yang disebut oleh setengah-setengah riwayat, maka ianya tidak lebih dari babak-babak dalam satu siri yang panjang yang bersambung di sepanjang Sirah Nabawiyah yang mulia dan di sepanjang pergerakan Islamiyah sejak masanya yang pertama.

Dengan pandangan yang luas kepada akar umbi semula jadi kedudukan persoalan ini dan kepada pergerakan-pergerakannya yang berterusan, dapatlah difahami tujuan langkah yang final ini tanpa mengabaikan sebab-sebab yang dekat dan secara langsung kerana sebab-sebab ini tidak lebih dari babak-babak di dalam suatu siri yang panjang.

Al-Imam al-Baghawi telah menyebut dalam tafsirnya bahawa para Mufassirin telah berkata: Apabila Rasulullah s.a.w. keluar ke Tabuk, maka kaum Munafiqin terus menyebarkan berita-berita palsu dan kaum Musyrikin pula mula bertindak membatalkan perjanjian-perjanjian mereka, lalu Allah menurunkan ayat-ayat yang berhubungkait dengan mereka serta memberi tempoh selama empat bulan kepada mereka jika tempoh perjanjian mereka lebih pendek dari tempoh itu, atau menghadkannya setakat empat bulan sahaja jika tempoh perjanjian mereka lebih panjang dari tempoh itu.

Al-Imam at-Tabari pula menyebut selepas beliau mengemukakan aneka pendapat dalam mentafsirkan ayat-ayat permulaan surah: Pendapat yang lebih dekat dengan betul ialah pendapat yang mengatakan tempoh yang diberikan Allah kepada kaum Musyrikin yang materai perjanjian dengan kaum Muslimin di samping kebenaran bergerak bebas yang diberikan kepada mereka dengan firman Allah:

فَسِيحُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ

"Oleh sebab itu berjalanlah kamu (dengan bebas dan aman) di bumi selama empat bulan"(2)

adalah tempoh dan kebenaran yang diberikan kepada kaum Musyrikin yang telah memberi bantuan kepada pihak lain untuk menyerang Rasulullah s.a.w. dan telah membatalkan perjanjian mereka sebelum habis tempohnya. Adapun kaum Musyrikin yang tidak membatalkan perjanjian mereka dan tidak menolong mana pihak untuk menyerang beliau, maka Allah telah memerintah Nabi-Nya s.a.w. supaya menyempurnakan perjanjian di antara beliau dengan mereka sehingga tamat tempohnya dengan firman-Nya:

إِلَّا ٱلَّذِينَ عَٰهَدتُّم مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ثُمَّ لَمْ يَنقُصُوكُمْ شَيْـًٔا وَلَمْ يُظَٰهِرُوا۟ عَلَيْكُمْ أَحَدًا فَأَتِمُّوٓا۟ إِلَيْهِمْ عَهْدَهُمْ إِلَىٰ مُدَّتِهِمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٤﴾

"Kecuali orang-orang Musyrikin yang kamu telah mengadakan perjanjian dengan mereka, kemudian mereka tidak pernah mengurangi sedikit pun isi perjanjian itu terhadap kamu dan mereka tidak pernah membantu seseorang pun memusuhi kamu, maka sempurnakanlah perjanjian kamu dengan mereka sehingga sampai tempohnya. Sesungguhnya Allah menyayangi orang-orang yang bertaqwa."(4)

Di antara riwayat-riwayat yang juga diriwayatkan oleh at-Tabari dengan isnadnya dari Mujahid ialah mengenai firman Allah Taala:

بَرَآءَةٌ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦٓ إِلَى ٱلَّذِينَ عَٰهَدتُّم مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿١﴾

"(Inilah pernyataan) pemutusan hubungan daripada Allah dan rasul-Nya (yang diharapkan) kepada orang-orang Musyrikin yang kamu telah mengadakan perjanjian dengan mereka."(1)

Katanya: (yang dimaksudkan dengan Musyrikin dalam ayat ini) ialah kaum Musyrikin yang telah mengadakan perjanjian (dengan Rasulullah) iaitu dari suku Mudlij dan orang-orang Arab yang beliau mengikat perjanjian dengan mereka dan sesiapa sahaja yang mengikat perjanjian. Katanya: Rasulullah s.a.w. telah datang dari Tabuk setelah selesai urusannya di sana dan beliau mahu mengerjakan ibadat haji. Kemudian beliau bersabda: "Oleh kerana kaum Musyrikin turut berkunjung ke Baitullah dan melakukan tawaf dengan keadaan bertelanjang, maka aku tidak suka mengerjakan haji sehingga perkara itu tidak berlaku". Lalu beliau menghantar Abu Bakr dan Ali Rahmatullahi alaihima. Kedua-duanya telah berkeliling menemui orang ramai di Zul-Majaz dan di tempat-tempat mereka berjual beli dan di semua tempat perhimpunan mereka. Kedua-duanya telah memberitahu kepada orang-orang Musyrikin yang telah mengikat perjanjian (dengan Rasulullah) bahawa mereka diberi kebenaran bergerak bebas dan aman selama empat bulan iaitu empat Bulan Haram yang berlalu berturut-turut, iaitu dua pula hari dari akhir bulan Zulhijjah hingga sepuluh hari dari bulan Rabiulawal. Kemudian selepas itu tidak ada lagi perjanjian dengan mereka. Kemudian seluruh mereka diberitahu bahawa mereka akan menghadapi tindakan perang kecuali mereka beriman, tetapi seluruh mereka telah menganut Islam pada masa itu dan tiada seorang pun yang mengambil kesempatan menjelajah dengan bebas.

Sebab-sebab yang dekat dan secara langsung ini juga tidak syak lagi merupakan sebab yang agak penting diambil langkah terakhir yang tegas itu, tetapi sebab-sebab ini tidak lebih dari babak-babak dalam satu siri yang panjang, yang dari awal lagi tercetus dari kepastian asas yang besar, iaitu wujudnya pertentangan semulajadi di antara dua sistem itu dan ketidakmungkinan hidup bersama di antara keduanya kecuali dalam tempoh-tempoh darurat yang pasti berakhir.

Almarhum asy-Syeikh Rasyid Redha telah berusaha mengumpulkan babak-babak dari siri itu dari sejak permulaan da'wah, walaupun beliau tidak berusaha

mengumpulkan asal usul perbezaan asasi yang kekal, yang mewujudkan siri ini dengan babak-babaknya dan berakhir dengan akibatnya yang pasti - kerana itu beliau berkata dalam tafsir al-Manar.

"Di antara hakikat yang masyhur dan diyakini kebenarannya yang tidak dapat dipertikaikan ialah Allah S.W.T. telah mengutuskan Muhammad sebagai pesuruh-Nya dan sebagai penamat para anbia' untuk membawa Islam yang menyempurnakan agama Allah, dan Allah jadikan Al-Qur'an sebagai mu'jizat rasul-Nya yang paling besar yang melemahkan manusia dari berbagai-bagai aspek yang telah kami jelaskan keseluruhan, di dalam tafsir (2 : 3 muka surat 190 - 228 juzu' 1). Allah S.W.T. telah menegakkan binaan da'wah Islam di atas landasan dalil-dalil aqliyah yang memuas dan meyakinkan[7] dan melarang menggunakan paksaan dan kekerasan untuk mendesak orang ramai memeluknya sebagaimana kami telah jelaskan dalam tafsir (2 : 256 muka surat 26 - 40 juzu' 3), lalu beliau ditentang oleh kaum Musyrikin yang telah menindas kaum Muslimin dengan tindakan-tindakan yang kejam untuk menghalangkan mereka dari agama Islam. Mereka juga telah bertindak menghalangkan beliau dengan menggunakan kekuatan agar beliau tidak dapat menyampaikan Islam kepada orang ramai, dan tiada seorang pun dari orang-orang yang mengikut beliau merasa dirinya terselamat dari pembunuhan dan penyeksaan kecuali dengan jaminan sekutu atau kaum kerabat (yang kuat). Oleh sebab itulah mereka terpaksa berhijrah ke sana ke mari sekali demi sekali. Kemudian penindasan dan gangguan mereka terhadap Rasulullah s.a.w. semakin hari semakin bertambah keras dan kejam sehingga mereka mengadakan pakatan sulit untuk menangkap dan mempenjarakan beliau buat selama-lamanya atau dibuang negeri atau dibunuh secara terangan di rumah Darun Nadwah, dan pada akhirnya mereka mengambil keputusan untuk membunuhnya, lalu Allah S.W.T. memerintah beliau supaya berhijrah ke Madinah sebagaimana telah dijelaskan dalam tafsir ayat (8 : 30 وَإِذْ يَمْكُرُ بِكَ الَّذِينَ كَفَرُوا muka surat 650 juzu' 9) – kemudian beliau berhijrah diikuti oleh sahabat-sahabatnya yang mampu berhijrah ke Madinah, di mana mereka dapati golongan Ansar yang membantu Allah dan rasul-Nya menyambut baik kedatangan mereka dan mengutamakan kepentingan mereka dari kepentingan diri mereka sendiri. Situasi yang wujud di antara kaum Muslimin dan kaum Musyrikin dan lainnya dari orang-orang Arab ialah situasi perang mengikut tradisi umum di masa itu. Rasulullah s.a.w. telah mengikat perjanjian dengan kaum Ahlil-Kitab dari orang-orang Yahudi di Madinah dan kawasan-kawasan sekitarnya, iaitu perjanjian hidup damai dan saling membantu di antara satu sama lain, tetapi mereka telah mengkhianati dan membatalkan perjanjian itu dengan tindakan mereka berikat setia dan membantu kaum Musyrikin setiap kali mereka memerangi beliau sebagaimana telah dijelaskan di dalam tafsir Surah al-Anfal di dalam juzu' ini. (Muka surat 53 - 68).

"Nabi s.a.w. telah mengikat perjanjian dengan kaum Musyrikin di Hudaybiyah, iaitu perjanjian keamanan dan perdamaian selama sepuluh tahun dengan syarat-syarat yang cukup mudah dan perjanjian itu dimaterikan dalam posisi yang kuat bukannya dalam posisi yang lemah. Ia dibuat kerana cintakan keamanan dan kerana maksud menyebarkan Islam melalui hujah-hujah yang meyakinkan.[8] Suku Khuzaah masuk di dalam perjanjian Rasulullah s.a.w. sebagaimana suku Bani Bakr masuk di dalam perjanjian Quraisy, kemudian apabila kedua-dua suku ini bergaduh, suku Quraisy tampil membantu sukunya dengan alat-alat senjata dan dengan ini mereka telah membatalkan perjanjian dan ia menjadi punca tercetusnya semula peperangan umum dan mendorong Rasulullah s.a.w. menakluk negeri Makkah. Ekoran dari penaklukan ini ialah hancurnya kekuatan Quraisy dan mereka telah dikalahkan dengan hina, namun demikian mereka masih terus memerangi beliau setiap kali mereka mendapat kesempatan. Mengikut pengalaman, sama ada dalam masa mereka berada di dalam posisi yang kuat atau dalam posisi yang lemah, tidak ada faedahnya dimaterikan perjanjian-perjanjian dengan mereka dan tidak ada jaminan terhadap pengkhianatan dan pembatalan mereka sebagaimana akan dijelaskan sebentar lagi dalam ayat (7) surah ini:

كَيۡفَ يَكُونُ لِلۡمُشۡرِكِينَ عَهۡدٌ عِندَ ٱللَّهِ وَعِندَ رَسُولِهِۦٓ إِلَّا ٱلَّذِينَ عَٰهَدتُّمۡ عِندَ ٱلۡمَسۡجِدِ ٱلۡحَرَامِۖ فَمَا ٱسۡتَقَٰمُواْ لَكُمۡ فَٱسۡتَقِيمُواْ لَهُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلۡمُتَّقِينَ ٧

[7] *Di sini kami pasti mengingatkan tentang methodologi aliran pemikiran al-Ustaz Muhammad 'Abduh yang terpengaruh kepada falsafah yang asing dari Islam, iaitu falsafah "Descartes" yang memberi tekanan yang begitu kuat kepada "akal" dan memberi kepada akal bidang yang terlalu banyak di dalam persoalan-persoalan 'aqidah. Oleh sebab itu kita pasti tokokkan kepada dalil-dalil aqliyyah dan ilmiyyah dengan dalil-dalil fitriyah yang sangat jelas dalam agama ini dan responnya mempunyai respon yang bertimbal balik dengan entiti manusia termasuk akal dan minda.*

[8] *Pandangan ini betul jika dimaksudkan bahawa penyebaran 'aqidah melalui hujah-hujah yang meyakinkan itu merupakan prinsip pergerakan Islam, tetapi pandangan ini dikira melewati batasnya yang selamat jika dimaksudkan bahawa peperangan atau jihad di dalam Islam adalah semata-mata untuk tujuan mempertahankan keselamatan kaum Muslimin, dan sikap berdamai itu adalah wajib dalam situasi yang lain dari ini sebagaimana yang dijurusi oleh pengarang Rahimahullah.*

كَيْفَ وَإِن يَظْهَرُوا عَلَيْكُمْ لَا يَرْقُبُوا فِيكُمْ إِلًّا وَلَا ذِمَّةً يُرْضُونَكُم بِأَفْوَاهِهِمْ وَتَأْبَىٰ قُلُوبُهُمْ وَأَكْثَرُهُمْ فَاسِقُونَ ﴿٨﴾

اشْتَرَوْا بِآيَاتِ اللَّهِ ثَمَنًا قَلِيلًا فَصَدُّوا عَن سَبِيلِهِ إِنَّهُمْ سَاءَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩﴾

لَا يَرْقُبُونَ فِي مُؤْمِنٍ إِلًّا وَلَا ذِمَّةً وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُعْتَدُونَ ﴿١٠﴾

فَإِن تَابُوا وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ فَإِخْوَانُكُمْ فِي الدِّينِ وَنُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿١١﴾

وَإِن نَّكَثُوا أَيْمَانَهُم مِّن بَعْدِ عَهْدِهِمْ وَطَعَنُوا فِي دِينِكُمْ فَقَاتِلُوا أَئِمَّةَ الْكُفْرِ إِنَّهُمْ لَا أَيْمَانَ لَهُمْ لَعَلَّهُمْ يَنتَهُونَ ﴿١٢﴾

"Bagaimana orang-orang Musyrikin itu wajar mempunyai perjanjian yang diakui di sisi Allah dan rasul-Nya, kecuali kaum Musyrikin yang kamu telah mengadakan perjanjian dengan mereka berhampiran Masjidil Haram. Oleh itu selama mereka berlaku lurus terhadap kamu, maka hendaklah kamu berlaku lurus terhadap mereka. Sesungguhnya Allah menyayangi orang-orang yang bertaqwa(7). Bagaimana wajar begitu, sedangkan jika mereka memperolehi kemenangan terhadap kamu, mereka tidak memelihara hubungan kekerabatan dengan kamu dan tidak pula menghormati perjanjian. Mereka menyenangkan hati kamu dengan mulut mereka, sedangkan hati mereka menolak dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasiq(8). Mereka menukar ayat-ayat Allah dengan harga yang sedikit kemudian mereka menghalangi manusia dari jalan Allah. Sesungguhnya amat buruk sekali segala perbuatan yang dilakukan mereka(9). Mereka tidak memelihara hubungan kekerabatan dengan orang Mu'min dan tidak pula menghormati perjanjian, dan mereka adalah golongan yang melampaui batas(10). Jika mereka bertaubat, mendirikan solat dan menunaikan zakat, maka mereka adalah saudara-saudara seagama dengan kamu. Dan Kami menjelaskan ayat-ayat itu kepada golongan yang ingin mengetahui(11). Dan jika mereka mencabuli sumpah (perjanjian) mereka setelah mengikat perjanjian mereka dan mencela agama kamu, maka perangilah pemimpin-pemimpin kekufuran itu kerana mereka sebenarnya tidak menghormati sumpah (perjanjian) mereka supaya mereka berhenti."(12)

"Maksudnya, mereka selalu tidak menghormati dan menepati perjanjian-perjanjian, oleh kerana itu kaum Muslimin tidak dapat hidup aman damai bersama mereka dengan bersandarkan kepada perjanjian-perjanjian yang dihormati bersama, di mana setiap pihak merasa aman dari pencerobohan pihak yang lain, dan oleh kerana mereka kekal dengan kepercayaan mereka, maka di sana tidak ada undang-undang yang dipatuhi mereka, yang mewajibkan mereka menghormati dan menepati undang-undang[9]. Masakan mereka hendak menghormati perjanjian-perjanjian, sedangkan kaum Ahlil-Kitab sendiri yang lebih wajar menghormati perjanjian telah mendahului mereka mengkhianati perjanjian. [10]

"Inilah dasar syar'i yang menjadi asas peraturan yang diterangkan oleh surah ini, iaitu peraturan membatalkan perjanjian-perjanjian mereka yang tidak dibataskan dengan jangka masa yang tertentu apabila mereka menghormatinya dengan jujur. Tujuan dari peraturan ini ialah untuk menghapuskan saki-baki kepercayaan syirik dari Semenanjung Tanah Arab dengan kekuatan dan menjadikan zon ini sebagai zon khusus bagi kaum Muslimin sahaja di samping menjaga dan memelihara prinsip-prinsip yang silam yang dinyatakan dalam firman Allah:

وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَكُمْ

"Dan perangilah di jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu"

(Surah al-Baqarah: 190)

dan firman-Nya dalam Surah al-Anfal:

وَإِن جَنَحُوا لِلسَّلْمِ فَاجْنَحْ لَهَا

"Dan jika mereka cenderung kepada keamanan, maka hendaklah engkau juga cenderung kepada keamanan"

(Surah al-Anfal: 61)

sekadar yang terdaya walaupun jumhur ulama' berpendapat bahawa ayat ini dimansuhkan dengan (ayat 5) atau ayat as-Saif (ayat pedang) dari surah ini dan dengan ayat yang membatalkan perjanjian-perjanjian dengan kaum Musyrikin."

---

[9] dan [10] - *Yang anehnya walaupun saudara pengarang Rahimahullah menyedari hakikat yang kukuh ini yang menjadi prinsip asas yang tidak membolehkan dasar hidup bersama dengan berlandaskan perjanjian di antara kem Islam dengan kem syirik dan kem kaum Ahlil-Kitab, kecuali dalam masa-masa tertentu sahaja yang tidak boleh dijadikan sebagai dasar yang tetap, namun beliau masih beranggapan bahawa dasar hubungan-hubungan di antara kem Islam dan kem-kem yang lain ialah perjanjian-perjanjian perdamaian selama tidak berlaku pencerobohan ke atas kaum Muslimin di negara mereka. Perjanjian ini boleh dibuat selama-lamanya dan langkah yang lain darinya merupakan langkah luar biasa, dan perkara ini adalah khusus bagi kaum musyrikin di semenanjung Tanah Arab.... (ini sedikit sebanyaknya adalah benar, tetapi hakikat kaum Musyrikin pada umumnya itulah hakikat kaum Musyrikin di Semenanjung Tanah Arab sebagaimana kami akan terangkan ketika mentafsirkan ayat-ayat surah).*

Sekian petikannya.

Yang nampak jelas dari huraian dan ulasan ini - juga dari huraian selepasnya yang mentafsirkan surah ini dalam tafsir al-Manar - ialah walaupun beliau menyedari wujudnya sebab yang kuat dan mendalam yang tersirat di sebalik siri tindakan pembatalan perjanjian oleh kaum Musyrikin dan permulaan peluang pertama bagi kaum Musyrikin dan kaum Ahlil-Kitab untuk memerangi Islam dan para penganutnya, namun saudara pengarang (asy-Syeikh Rasyid Redha) tidak menyusuri sebab ini hingga ke akar tunjangnya dan tidak melihat kesinambungan dan kesyumulannya, juga tidak melihat hakikat agung di dalam tabi'at agama ini dan tabi'at tatacara pergerakannya, iaitu tabi'at perbezaan asas di antara sistem hidup ciptaan Allah dan sistem-sistem hidup ciptaan manusia yang tidak mempunyai sebarang titik pertemuan, dan seterusnya sama sekali tidak memungkinkan hidup bersama di antara kem-kem yang hidup dengan sistem hidup ciptaan Ilahi dengan kem-kem yang hidup dengan sistem hidup ciptaan manusia.

Adapun Ustaz Muhammad Izzat Daruzah yang mentafsirkan surah ini dalam kitabnya " التفسير الحديث", maka beliau telah berada begitu jauh dari hakikat yang agung ini dan sama sekali tidak menyedari wujudnya sebab yang kuat dan mendalam itu, kerana - seperti penulis-penulis baru yang lain, yang berada di bawah tekanan realiti hidup umat Muslimin yang malang dan terpengaruh kepada kekuatan kem-kem kaum Musyrikin, kaum Atheis dan kaum Ahlil-Kitab yang begitu menonjol pada hati ini - beliau nampaknya sibuk mencari bukti untuk menunjukkan bahawa Islam adalah agama keamanan dan perdamaian, iaitu satu agama yang hanya berminat untuk hidup aman damai dalam lingkungan sempadannya. jika dapat diadakan perdamaian dan perjanjian, maka Islam amat berminat ke arah itu dan tidak akan menukarkan dengan satu matlamat yang lain.

Oleh sebab itu beliau tidak dapat melihat sesuatu sebab mengapa turunnya nas-nas atau peraturan-peraturan yang baru di dalam Surah At-Taubah selain dari sebab tindakan setengah-setengah kaum Musyrikin yang membatalkan perjanjian-perjanjian mereka dengan Rasulullah. Dan bagi kaum Musyrikin yang tidak membatalkan perjanjian-perjanjian mereka sama ada perjanjian yang terbatas dengan jangka masa yang tertentu mahupun perjanjian yang tidak terbatas, maka surah ini menjelaskan agar perjanjian-perjanjian itu dipelihara dan dihormati dan jika tempoh perjanjian telah berakhir, maka bolehlah diadakan perjanjian-perjanjian yang baru dengan mereka dan begitu juga mereka yang membatalkan perjanjian itu sendiri. Ayat-ayat atau peraturan Marhaliyah merupakan peraturan-peraturan pokok yang mengikat keumuman ayat-ayat atau peraturan-peraturan yang final di dalam surah ini.

Oleh sebab itu beliau berkata ketika mentafsirkan firman Allah:

إِلَّا ٱلَّذِينَ عَٰهَدتُّم مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ثُمَّ لَمْ يَنقُصُوكُمْ شَيْـًٔا وَلَمْ يُظَٰهِرُوا۟ عَلَيْكُمْ أَحَدًا فَأَتِمُّوٓا۟ إِلَيْهِمْ عَهْدَهُمْ إِلَىٰ مُدَّتِهِمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٤﴾ فَإِذَا ٱنسَلَخَ ٱلْأَشْهُرُ ٱلْحُرُمُ فَٱقْتُلُوا۟ ٱلْمُشْرِكِينَ حَيْثُ وَجَدتُّمُوهُمْ وَخُذُوهُمْ وَٱحْصُرُوهُمْ وَٱقْعُدُوا۟ لَهُمْ كُلَّ مَرْصَدٍ ۚ فَإِن تَابُوا۟ وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُا۟ ٱلزَّكَوٰةَ فَخَلُّوا۟ سَبِيلَهُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٥﴾

"Kecuali orang Musyrikin yang kamu telah mengadakan perjanjian dengan mereka, kemudian mereka tidak pernah mengurangi sedikit pun isi perjanjian itu terhadap kamu, dan mereka tidak pernah membantu seorang pun memusuhi kamu, maka sempurnakanlah perjanjian kamu dengan mereka sehingga sampai tempohnya. Sesungguhnya Allah menyayangi orang-orang yang bertaqwa(4). Apabila habis tempoh empat Bulan Haram (di mana kamu diharam berperang), maka bunuhlah kaum Musyrikin di mana sahaja kamu jumpai mereka, tangkaplah mereka, kepungilah mereka dan perhatikan pergerakan mereka di setiap tempat kawalan. Jika mereka bertaubat, mendirikan solat dan menunaikan zakat, maka berilah kebebasan kepada mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih"(5)

Di dalam dua ayat ini, juga ayat sebelum keduanya, terdapat gambaran-gambaran Sirah Nabawiyah di akhir zaman Madinah, di mana dibayangkan adanya perjanjian-perjanjian yang dimaterai di antara kaum Muslimin dan kaum Musyrikin selepas penaklukan negeri Makkah, dan perjanjian-perjanjian itu mungkin memanjang dari masa sebelum penaklukan negeri Makkah lagi, dan di antara kaum Musyrikin ada yang terus menghormati perjanjian dan ada pula yang mengkhianatinya atau memperlihatkan tanda-tanda melanggar perjanjian dan tidak jujur.

"Sebelum ini kami telah mengingatkan bahawa ahli-ahli ta'wil dan ahli-ahli tafsir menamakan ayat yang kedua dari dua ayat yang kita sedang membicarakannya sebagai as-Saff (ayat pedang), dan mereka menganggapkan ayat ini sebagai ayat yang memansuhkan segala ayat yang mengandungi arahan bertoleransi atau bersikap mudah terhadap kaum Musyrikin, atau arahan memberi tempoh dan memaafkan mereka. Ayat ini mewajibkan membunuh kaum Musyrikin umumnya. Setengah-setengah ahli tafsir mengecualikan kaum Musyrikin yang telah mengikat perjanjian dengan kaum Muslimin hingga habis tempoh perjanjian itu, sementara setengah yang lain tidak mengecualikan mereka dan tidak pula mengharuskan menerima dari mereka selain dari

menganut Islam selepas turunnya ayat ini. Dan kami telah mengingatkan bahawa pendapat yang sedemikian adalah keterlaluan dan bertentangan dengan keterangan-keterangan Al-Qur'an yang mengandungi hukum-hukum yang Muhkamah supaya mereka tidak dibunuh kecuali mereka yang menunjukkan perseteruan, supaya tidak diapa-apakan kaum Musyrikin yang menunjukkan sikap damai dan mesra dan supaya mereka yang bersikap damai itu diberi layanan yang baik dan adil. Para ahli tafsir menyebut berulang-ulang kali pendapat-pendapat dan riwayat-riwayat mereka yang diambil dari ahli ta'wil yang terdahulu mengenai ayat ini. Misalnya Ibn Kathir telah meriwayatkan dari Ibn 'Abbas bahawa ayat itu telah mengarah Nabi s.a.w. supaya meletakkan mata pedang ke atas leher kaum Musyrikin yang telah mengadakan perjanjian dengan mereka sehingga mereka masuk Islam dan membatalkan segala perjanjian dengan mereka. Dan ahli tafsir yang sama ini juga telah meriwayatkan satu pendapat yang aneh dari Sulaiman ibn 'Uyaynah yang menyelaraskan di antara ayat-ayat ini dan ayat-ayat yang lain dari surah ini dan surah yang lain yang bukan memperkatakan tentang arahan membunuh kaum Musyrikin dan menamakan ayat-ayat itu sebagai ayat-ayat pedang. Beliau berkata: Nabi s.a.w. telah mengutus Ali ibn Abu Talib supaya mengumumkan ayat-ayat ini kepada orang ramai pada hari Haji Akbar dan di antaranya ialah ayat ini yang dinamakannya sebagai ayat pedang bagi kaum Musyrikin Arab dan menamakan ayat Surah At-Taubah yang berikut sebagai ayat pedang untuk membunuh kaum Ahlil-Kitab:

قَٰتِلُواْ ٱلَّذِينَ لَا يُؤۡمِنُونَ بِٱللَّهِ وَلَا بِٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِ وَلَا يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَلَا يَدِينُونَ دِينَ ٱلۡحَقِّ مِنَ ٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡكِتَٰبَ حَتَّىٰ يُعۡطُواْ ٱلۡجِزۡيَةَ عَن يَدٖ وَهُمۡ صَٰغِرُونَ ﴿٢٩﴾

"Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak pula beriman kepada hari Akhirat dan mereka tidak mengharamkan, apa yang telah diharamkan Allah dan rasul-Nya dan mereka tidak beragama dengan agama yang benar, iaitu orang-orang (Yahudi dan Nasara) yang dikurniakan kitab sehingga mereka sanggup membayar jizyah dengan patuh dan ta'at."(29)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ جَٰهِدِ ٱلۡكُفَّارَ وَٱلۡمُنَٰفِقِينَ وَٱغۡلُظۡ عَلَيۡهِمۡۚ وَمَأۡوَىٰهُمۡ جَهَنَّمُۖ وَبِئۡسَ ٱلۡمَصِيرُ ﴿٧٣﴾

"Wahai Nabi,! Perangilah orang-orang kafir dan orang-orang Munafiqin dan kasarilah mereka. Tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam dan itulah seburuk tempat kembali."(73)

Dan seterusnya menamakan ayat dari Surah al-Hujurat (9) yang berikut sebagai ayat perang untuk memerangi orang-orang yang memberontak:

وَإِن طَآئِفَتَانِ مِنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ٱقۡتَتَلُواْ فَأَصۡلِحُواْ بَيۡنَهُمَاۖ فَإِنۢ بَغَتۡ إِحۡدَىٰهُمَا عَلَى ٱلۡأُخۡرَىٰ فَقَٰتِلُواْ ٱلَّتِي تَبۡغِي حَتَّىٰ تَفِيٓءَ إِلَىٰٓ أَمۡرِ ٱللَّهِۚ

"Dan jika dua golongan dari orang-orang Mu'min berperang, maka damaikanlah di antara mereka. Dan jika salah satu dari dua golongan itu melakukan kezaliman terhadap satu golongan yang lain, maka perangilah golongan yang melakukan kezaliman itu sehingga mereka kembali kepada perintah Allah."

(Surah al-Hujurat : 9)

"Di antara yang aneh ialah pendapat at-Tabari yang mengatakan bahawa ayat (yang pertama) ini merangkumi kaum Musyrikin yang mengadakan perjanjian dan kaum Musyrikin yang tidak mengadakan perjanjian tanpa dibezakan, sedangkan beliau telah menjelaskan ketika mentafsirkan ayat yang berikut (al-Mumtahannah: 8):

لَّا يَنۡهَىٰكُمُ ٱللَّهُ عَنِ ٱلَّذِينَ لَمۡ يُقَٰتِلُوكُمۡ فِي ٱلدِّينِ وَلَمۡ يُخۡرِجُوكُم مِّن دِيَٰرِكُمۡ أَن تَبَرُّوهُمۡ وَتُقۡسِطُوٓاْ إِلَيۡهِمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلۡمُقۡسِطِينَ ﴿٨﴾

"Allah tidak melarang kamu berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana Allah dan tidak mengusir kamu dari kampung halaman kamu. Sesungguhnya Allah sayangkan orang-orang yang berlaku adil"

(Surah al-Mumtahannah : 8)

dengan katanya: Ayat ini adalah ayat Muhkamah, di mana Allah tidak melarang orang-orang Islam dari berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang kafir yang mengambil sikap saling berdamai, berbaik dan berkecuali walau dan agama apa sekalipun dan orang-orang ini mungkin tidak mengadakan apa-apa perjanjian dengan kaum Muslimin.

"Semua penerangan ini dan penerangan ayat (yang pertama ini) adalah jelas berkaitan dengan arahan membunuh kaum Musyrikin yang mempunyai perjanjian dengan kaum Muslimin yang mengkhianati perjanjian mereka sahaja, hingga boleh di katakan bahawa pendapat yang menganggap ayat ini sebagai ayat pedang yang merangkumi seluruh Musyrikin itu adalah satu pendapat yang membebankan ayat ini dengan pengertian yang tidak dapat ditanggung oleh isi kandungannya, begitu juga pendapat yang menganggapkan ayat ini sebagai ayat yang memansukhkan segala peraturan yang terkandung di dalam berbagai-bagai ayat yang lain, yang menjadi ciri dasar umum yang tetap seperti dasar tidak ada

paksaan dalam agama dan dasar berda'wah ke jalan Allah dengan hikmat, pengajaran yang baik dan perdebatan yang menggunakan hujah-hujah yang jitu, dasar menggalakkan berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang kafir yang tidak memerangi kaum Muslimin dan tidak mengusir mereka dari kampung halaman mereka sebagaimana kami telah memperingatkannya berulang-ulang kali sebelum ini. Tidak lama lagi akan tiba satu ayat yang secara terus terang memerintah kaum Muslimin supaya bersikap jujur dalam perjanjian mereka dengan kaum Musyrikin yang telah mengikat perjanjian dengan mereka di Masjidil-Haram selama mereka menunjukkan sikap yang jujur terhadap perjanjian itu. Dan di dalam ayat (yang pertama ini) terdapat dalil yang kuat yang menyokong pendapat yang kami kemukakan, insya Allah.

"Mungkin timbul dua masalah mengenai hukum-hukum atau peraturan-peraturan yang terkandung di dalam dua ayat itu. Masalah pertama: Pengecualian yang disebut dalam dua ayat yang pertama itu adalah dikaitkan dengan kehabisan tempoh perjanjian. Jadi, apakah kaum Musyrikin yang mengadakan perjanjian ketika habis tempoh perjanjian itu dikira termasuk dalam pengumuman pemutusan hubungan yang diisytiharkan oleh Allah dan rasul-Nya dan mereka wajib diperangi? Huraian para Mufassirin memberi jawapan positif kepada pertanyaan itu, tetapi kami tidak menemui sebarang athar nabawi yang kuat mengenai persoalan ini. Menurut hemat kami pendapat para Mufassirin itu boleh diletakkan pada tahap tawaqquf (tergantung) jika dimaksudkan dengan pengertian yang umum dan ia memerlukan sedikit penjelasan, iaitu kaum Musyrikin yang mempunyai perjanjian dengan kaum Muslimin itu sama ada mereka menjadi musuh kaum Muslimin sebelum diadakan perjanjian itu, di mana berlaku peperangan dan pembunuhan di antara mereka kemudian kaum Muslimin mengadakan perjanjian dengan mereka sebagaimana kaum Quraisy telah mengadakan perjanjian damai dengan Nabi s.a.w. di Hudaybiyah, atau sama ada mereka ingin hidup berbaik-baik dan berdamai dengan kaum Muslimin tanpa berlaku sebarang permusuhan dan perbunuhan di antara mereka sebagaimana yang diperikan oleh ayat yang berikut :

إِلَّا ٱلَّذِينَ يَصِلُونَ إِلَىٰ قَوْمِۭ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُم مِّيثَٰقٌ أَوْ جَآءُوكُمْ حَصِرَتْ صُدُورُهُمْ أَن يُقَٰتِلُوكُمْ أَوْ يُقَٰتِلُوا۟ قَوْمَهُمْ ۚ وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ لَسَلَّطَهُمْ عَلَيْكُمْ فَلَقَٰتَلُوكُمْ ۚ فَإِنِ ٱعْتَزَلُوكُمْ فَلَمْ يُقَٰتِلُوكُمْ وَأَلْقَوْا۟ إِلَيْكُمُ ٱلسَّلَمَ فَمَا جَعَلَ ٱللَّهُ لَكُمْ عَلَيْهِمْ سَبِيلًا ﴿٩٠﴾

"Kecuali orang-orang yang meminta perlindungan pada satu kaum yang ada perjanjian di antara kamu dengan mereka atau orang-orang yang datang kepada kamu, sedangkan hati mereka amat berat untuk memerangi kamu atau memerangi kaum mereka, dan andainya Allah kehendaki tentulah Dia menjadikan mereka berkuasa melawan kamu, kemudian tentulah mereka memerangi kamu. Oleh itu jika mereka membiarkan kamu bebas dan tidak memerangi kamu serta menghulurkan perdamaian kepada kamu, maka Allah tidak sekali-kali memberi jalan (kebenaran) kepada kamu memerangi mereka."

(Surah an-Nisa': 90)

"Dalam ayat ini - mengikut anggapan kami - terkandung satu peristiwa yang telah berlaku persis seperti yang dihuraikan tadi. Di dalam riwayat-riwayat sirah terdapat beberapa contoh yang lain di antaranya ialah riwayat dari ibn Sa'd bahawa Nabi s.a.w. telah mengadakan persetujuan dengan suku Sakhr dari qabilah Kinanah, iaitu persetujuan tidak serang menyerang di antara satu sama lain dan persetujuan bahawa mereka tidak akan mengatasi Rasulullah dan tidak membantu mana-mana musuh untuk menyerang beliau. Rasulullah s.a.w. telah mencatatkan kandungan persetujuan itu dalam satu perjanjian bersurat. Di dalam ayat (yang pertama tadi) tidak terdapat apa-apa keterangan yang melarang pembaharuan perjanjian atau melanjutkan lagi tempoh perjanjian dengan mereka jika mereka ingin, sedangkan selama ini mereka tidak pernah mengkhianati perjanjian dan menunjukkan niat yang tidak jujur. Di samping itu kaum Muslimin tidak berhak menolak permintaan mereka, kerana mereka hanya diperintah supaya memerangi mereka yang memerangi dan menceroboh mereka dalam apa bentuk sekalipun. Di dalam ayat yang akan datang sebentar lagi, kaum Muslimin secara terus terang diperintah berlaku jujur terhadap perjanjian mereka dengan kaum Musyrikin selama mereka jujur terhadap kaum Muslimin dan ini merupakan dalil bagi pendapat kami, insya Allah.

"Masalah yang kedua ialah masalah yang dibayangkan oleh bahagian akhir dari ayat yang kedua yang mengarah supaya memberi kebebasan kepada kaum Musyrikin dan berhenti membunuh mereka kerana kesalahan mengkhianati dengan syarat mereka bertaubat dari syirik, mendirikan solat dan menunaikan zakat.

"Yang terlintas dalam fikiran kami mengenai masalah ini ialah apabila kaum Musyrikin mengkhianati perjanjian mereka dan kaum Muslimin bertindak memerangi mereka, maka kaum Musyrikin kehilangan hak untuk mengadakan perjanjian yang kedua dan kaum Muslimin berhak mengenakan syarat yang menjamin keamanan dan keselamatan, iaitu mengenakan syarat taubat dari syirik dan menganut agama Islam serta menunaikan, kewajipan-kewajipan ibadat dan kewajipan maliyah. Syarat yang seumpama ini tidak boleh dikira sebagai memaksa mereka menganut agama Islam, tanpa melihat bahawa syirik

itu menggambarkan kejatuhan insaniyah yang diekploitasikan oleh kuasa-kuasa, pemikiran-pemikiran dan kepercayaan yang karut-karut yang bertentangan dengan akal, logik dan kebenaran, di samping itu syirik juga menggambarkan satu peraturan jahiliyah yang mendokong tradisi-tradisi yang zalim, adat-adat yang keji dan perkauman-perkauman yang tercela, sedangkan Islam mengenakan syarat ke atas kaum Musyrikin supaya menganut agama Islam untuk menjamin mereka dari keburukan-keburukan itu dan untuk mengangkatkan mereka ke tahap manusia kamil dari segi akal, akhlak, ibadat, 'aqidah dan amalan. Tetapi walau bagaimanapun, kami tidak dapat melihat dalam ayat-ayat tersebut sebarang keterangan yang menegah kaum Muslimin dari membaharui perjanjian sekali lagi dengan orang-orang kafir selepas peperangan jika muslihat mereka memerlukan pembaharuan perjanjian itu, kerana mereka mungkin tidak mampu meneruskan peperangan itu atau mengalahkan orang-orang kafir itu dengan kekuatan. Wallahu'alam." Selesai petikan.

Dari perenggan-perenggan yang kami petikkan itu dan perenggan-perenggan yang serupa dengannya dalam tafsir karya pengarang ternyata bahawa beliau dari awal-awal lagi tidak pernah memikirkan bahawa Islam mempunyai hak yang mutlak untuk bertindak dan bergerak di bumi Allah dengan tujuan membebaskan umat manusia dari 'ubudiyah kepada sesama manusia dan memulangkan 'ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja pada bila-bila masa sahaja Islam berupaya berbuat begitu, tanpa memandang sama ada di sana wujudnya pencerobohan ke atas penganut Islam di dalam perbatasan negerinya atau tidak ada. Saudara pengarang menafikan dasar ini dari awal-awal lagi, sedangkan dasar ini menjadi batu landasan jihad di dalam Islam dan tanpa dasar ini agama Allah akan kehilangan haknya untuk menghapuskan halangan-halangan fizikal dari jalan da'wah, juga akan kehilangan ciri keseriusannya dan realismenya untuk menghadapi realiti manusia dengan sarana-sarana yang sesuai dengannya di berbagai-bagai peringkat perkembangan mereka dengan menggunakan sarana-sarana yang sentiasa membaharu dan ini menyebabkan Islam terpaksa menghadapi kekuatan-kekuatan fizikal dengan kekuatan da'wah dalam bentuk menanam 'aqidah sahaja. Ini adalah suatu kedudukan yang lemah bagi agama Allah yang tidak diredhai oleh-Nya.[11]

Begitu juga ternyata bahawa saudara pengarang tidak pernah memikirkan tentang tabi'at tatacara pergerakan Islam dalam menghadapi realiti dengan sarana-sarana yang sesuai. Oleh sebab itulah beliau merujukkan hukum-hukum atau peraturan-peraturan final kepada nas-nas peraturan Marhaliyah yang diturun sebelumnya tanpa melihat bahawa nas-nas peraturan Marhaliyah itu adalah di turun untuk menghadapi keadaan-keadaan realiti yang berlainan dari keadaan-keadaan realiti yang dihadapi oleh nas-nas peraturan-peraturan yang final. Sebenarnya peraturan-peraturan Marhaliyah itu bukanlah peraturan-peraturan yang mansuh dalam erti kata ia tidak boleh dipakai walau dalam keadaan apa sekalipun setelah turunnya peraturan-peraturan final, malah peraturan-peraturan itu terus dikekalkan untuk menghadapi situasi-situasi yang sama dengan situasi-situasi yang telah dihadapi di masa turunnya peraturan-peraturan itu, tetapi peraturan-peraturan ini tidak mengikat kaum Muslimin apabila mereka menghadapi situasi-situasi yang sama dengan situasi-situasi yang dihadapi oleh peraturan-peraturan final dan mereka berkeupayaan untuk melaksanakannya.

Perkara ini memerlukan pandangan yang luas dan fleksibal, juga memerlukan kefahaman terhadap tabi'at agama ini dan tabi'at tatacara pergerakannya sebagaimana telah kami jelaskan sebelum ini.

* * * * * *

Di sini kami ingin kembali kepada pernyataan yang kami buat di awal perenggan yang silam:

"Orang yang mengkaji peristiwa-peristiwa Sirah Nabawiyah untuk melihat kejadian bersejarah bagi tatacara pergerakan Islam, juga mengkaji tabi'at tatacara ini sendiri, fasa-fasanya dan matlamat-matlamatnya akan melihat dengan jelas bahawa langkah yang tegas dalam perhubungan-perhubungan di antara kem Islam di Semenanjung Tanah Arab dengan seluruh kem kaum Musyrikin, juga di antara kem Islam dengan kem-kem Ahlil-Kitab yang dijelaskan di dalam surah ini adalah satu langkah yang tepat dengan waktunya, di mana dunia dan situasi-situasinya telah bersedia untuk menerimanya dan langkah ini merupakan langkah yang tabi'i yang pasti diambil tepat pada masanya."

Pengalaman demi pengalaman telah melahirkan satu undang-undang yang pasti untuk mengawal perhubungan-perhubungan di antara masyarakat Islam yang mengifradkan Allah dengan ciri-ciri Uluhiyah, Rububiyah, Qiwamah, Hakimiyah dan kuasa perundangan dengan masyarakat-masyarakat jahiliyah yang meletakkan ciri-ciri tersebut pada yang lain dari Allah atau mempersekutukan Allah dengan yang lain dari-Nya dalam ciri-ciri itu. Undang-undang yang pasti ini merupakan undang-undang pertarungan yang dijelaskan Allah dalam firman-Nya:

وَلَوْلَا دَفْعُ ٱللَّهِ ٱلنَّاسَ بَعْضَهُم بِبَعْضٍ لَّهُدِّمَتْ
صَوَٰمِعُ وَبِيَعٌ وَصَلَوَٰتٌ وَمَسَٰجِدُ يُذْكَرُ فِيهَا
ٱسْمُ ٱللَّهِ كَثِيرًا

---

[11] *Lihat huraian kami mengenai jihad dan huraian yang kami petik dari buku karangan al-Ustaz al-Maududi:* الجهاد فى سبيل الله" *dalam juzu' yang ke sembilan.*

"Dan sekiranya Allah tidak menolak pencerobohan setengah manusia dengan penentangan dari setengah manusia yang lain, sudah tentu robohnya biara-biara paderi-paderi Kristian, gereja-gereja, rumah-rumah ibadat kaum Yahudi dan masjid-masjid di mana banyak disebutkan nama Allah."

(Surah al-Haj: 40)

Juga dijelaskan dalam firman-Nya.

"Dan sekiranya Allah tidak menolak pencerobohan setengah manusia dengan penentangan dari setengah manusia yang lain nescaya rosaklah bumi ini."

(Surah al-Baqarah: 251)

Kesan-kesan dari undang-undang yang pasti ini telah muncul dalam dua gejala yang amat nyata:

Pertama: Islam dapat mengorak langkah, selangkah demi selangkah, peperangan demi peperangan dan peringkat demi peringkat, untuk mengembangkan sistem hidup ciptaan Allah di seluruh permukaan bumi ini dan menyampaikan Kalimatullah kepada negeri demi negeri, kepada qabilah demi qabilah, dalam perjalanannya untuk mengembangkan Kalimatullah kepada seluruh manusia dan menghapuskan segala rintangan fizikal yang menyekat peisytiharan umum itu dan hancurnya kekuatan Quraisy yang menyekat penyampaian da'wah kepada seluruh manusia sehingga tertakluknya negeri Makkah dan hancurnya kekuatan Quraisy yang menjadi penghalang agung yang menyekat kemaraan Islam, kemudian di tengah jalan kemaraan itu menyerah pula qabilah Hawazin dan Thaqif di Ta'if, iaitu dua qabilah yang terkuat selepas qabilah Quraisy. Dan kini Islam mempunyai kekuatan yang menakutkan musuhnya dan berada di tahap yang membolehkannya untuk mengambil langkah terakhir yang tegas di Semenanjung Tanah Arab sebagai persediaan untuk melangkah ke bumi Allah yang lain dari negeri-negeri yang berada di sebalik Semenanjung Tanah Arab itu mengikut suasana yang sesuai untuk setiap langkah selanjutnya sehingga tidak ada lagi penindasan kerana menganut agama Allah dan sehingga seluruh agama atau keta'atan itu terpulang kepada Allah sahaja.

Yang kedua: Pembatalan perjanjian-perjanjian yang diadakan oleh kem-kem jahiliyah dengan kaum Muslimin, di dalam berbagai-bagai situasi, perjanjian demi perjanjian, dan pembatalan itu dilakukan sebaik sahaja mereka mendapat peluang yang baik, iaitu ketika munculnya tanda pertama yang membayangkan bahawa kem Islam berada dalam suatu bahaya yang mengancam kewujudannya atau sekurang-kurangnya pembatalan itu membawa akibat yang aman kepada kaum Musyrikin dan kaum Ahlil-Kitab yang membatalkannya. Sebenarnya perjanjian-perjanjian itu bukanlah - kecuali jarang - diadakan atas hasrat yang sebenar untuk berdamai dengan Islam dan kaum Muslimin, malah diadakan atas dorongan terpaksa hingga ke satu masa yang tertentu, kerana kem-kem jahiliyah tidak sanggup melihat Islam terus tegak dan kuat di hadapan mereka. Mereka tidak sanggup melihat kewujudan Islam mencabar kewujudan mereka dan bertentangan dengan tatacara hidup mereka yang melibatkan prinsip-prinsip asasi dalam segala urusan hidup baik yang kecil mahupun yang besar. Kewujudan Islam benar-benar mengancam kewujudan kem-kem jahiliyah, kerana di dalam tabi'at Islam terdapat unsur-unsur kebenaran, kedinamisan, pergerakan dan dorongan bergerak dan bertindak untuk meleburkan seluruh kuasa Taghut dan mengembalikan seluruh manusia kepada menyembah Allah Yang Maha Esa sahaja.

Gejala yang akhir ini dan prinsip yang kuat yang menjadi tapak tegaknya itulah gejala yang diterangkan Allah dalam firman-Nya yang berikut mengenai sikap kaum Musyrikin:

وَلَا يَزَالُونَ يُقَاتِلُونَكُمْ حَتَّىٰ يَرُدُّوكُمْ عَن دِينِكُمْ إِنِ اسْتَطَاعُوا

"Mereka akan terus memerangi kamu sehingga mereka (berjaya) mengembalikan kamu dari agama kamu (kepada kekafiran) jika mereka berupaya."

(Surah al-Baqarah: 217)

Juga diterangkan dalam ayat yang berikut mengenai sikap kaum Ahlil-Kitab:

وَدَّ كَثِيرٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَوْ يَرُدُّونَكُم مِّن بَعْدِ إِيمَانِكُمْ كُفَّارًا حَسَدًا مِّنْ عِندِ أَنفُسِهِم مِّن بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمُ الْحَقُّ

"Sebahagian besar dari kaum Ahlil-Kitab bercita-cita jika mereka dapat mengembalikan kamu menjadi orang-orang kafir semula, kerana hasad dengki dari hati mereka setelah kebenaran ternyata kepada mereka."

(Surah al-Baqarah: 109)

Dan seterusnya diterangkan dalam ayat berikut:

وَلَن تَرْضَىٰ عَنكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ

"Orang-orang Yahudi dan Nasara tidak akan berpuas hati terhadap engkau hingga engkau mengikut agama mereka."

(Surah al-Baqarah: 120)

Dengan nas-nas yang qat'i ini, Allah S.W.T. mengumum-kan tentang adanya kesatuan matlamat di antara semua kem-kem jahiliyah terhadap Islam dan kaum Muslimin dan tentang keazaman mereka yang kuat untuk mencapai matlamat ini dan untuk

melanjutkan perjuangan ke arah itu di sepanjang zaman tanpa ditentukan dengan keadaan atau zaman tertentu.

Tanpa memahami undang-undang yang pasti itu dalam tabi'at perhubungan-perhubungan di antara kem Islam dan kem-kem jahiliyah dan mentafsirkan gejala-gejala yang tercetus dari undang-undang itu di sepanjang sejarah dengan merujukkan kepadanya, maka kita tidak dapat memahami tabi'at jihad di dalam Islam, juga tidak dapat memahami pertarungan-pertarungan yang berlarutan di antara kem-kem jahiliyah dan kem-kem Islam, dan seterusnya tidak dapat memahami motif-motif para Mujahidin dari angkatan pertama, tidak dapat memahami rahsia-rahsia penaklukan-penaklukan Islam, tidak dapat memahami rahsia-rahsia peperangan-peperangan paganisme dan Peperangan Salib yang tidak pernah direda di sepanjang empat belas abad dan masih terus dilancarkan ke atas zuriat kaum Muslimin walaupun mereka telah terpisah dari hakikat Islam dan apa yang tinggal pada mereka hanya nama Islam sahaja. Inilah yang berlaku di seluruh negeri-negeri yang dikuasai komunis, negeri-negeri penyembah berhala dan negeri-negeri Kristian seperti Rusia, China, Yugoslavia, Albania, India, Kashmir, Habsyah, Zambia, Cyprus, Kenya, Afrika Selatan dan Amerika Syarikat. Ini tidak termasuk tindakan-tindakan penghapusan yang ganas dan jahat terhadap kelompok pelopor kebangkitan Islam di setiap tempat di dunia Islam atau - dengan ungkapan yang lebih halus - di negeri-negeri yang dahulunya Islam. Kuasa-kuasa komunis, paganisme dan Kristian bekerjasama dengan establisment-establisment yang mengendalikan usaha menghapuskan pelopor-pelopor kebangkitan ini dengan menghulurkan bantuan-bantuan yang cukup dan melabuhkan tirai-tirai diam membisu di sekitar tindakan-tindakan ganas mereka untuk menghapuskan kumpulan pelopor kebangkitan Islam yang luhur itu.

Semuanya ini tidak dapat difahami tanpa lebih dahulu memahami undang-undang yang pasti itu dan gejala-gejala yang tercetus darinya.

Undang-undang itu - sebagaimana telah kami terangkan sebelum ini - telah muncul - tidak lama sebelum turunnya Surah At-Taubah dan selepas penaklukan negeri Makkah - dalam dua gejala yang telah kami huraikan sebelum ini. Undang-undang itu muncul dengan jelas dan menyarankan agar satu langkah yang tegas pasti diambil di Semenanjung Tanah Arab sama ada terhadap kaum Musyrikin - yang sedang kita bicarakannya di bahagian ayat-ayat ini - atau terhadap kaum Ahlil-Kitab yang kita akan bicarakannya secara langsung di dalam bahagian ayat-ayat selanjutnya selepas itu.

* * * * * *

Tetapi kejelasan undang-undang itu kepada barisan kepimpinan Islam di waktu ini tidaklah bererti bahawa setiap kelompok dan puak di dalam masyarakat Islam melihat undang-undang itu sejelas itu belaka terutama kepada mereka yang baru menganut Islam dan masih dalam tahap mu'allaf dan lebih-lebih lagi orang-orang yang berhati lemah dan orang-orang yang berpura-pura beriman (Munafiqin)!

Di dalam masyarakat Islam terdapat kalangan-kalangan - mungkin setengahnya dari tokoh-tokoh Muslimin - yang merasa tidak senang terhadap tindakan membatalkan perjanjian-perjanjian dengan seluruh kaum Musyrikin, iaitu pembatalan selepas empat bulan bagi kaum Musyrikin yang mengkhianati perjanjian, juga bagi kaum Musyrikin yang mempunyai perjanjian-perjanjian yang tidak terbatas dengan kaum Muslimin, juga bagi kaum Musyrikin yang tidak pernah memerangi kaum Muslimin walaupun tidak ada perjanjian, juga bagi kaum Musyrikin yang mempunyai perjanjian kurang dari empat bulan, dan pembatalan selepas habis tempoh perjanjian bagi kaum Musyrikin yang mempunyai perjanjian-perjanjian yang terbatas, sedangkan mereka tidak pernah mengurangi sedikit pun komitmen mereka terhadap perjanjian itu dan tidak pernah membantu sesiapa pun untuk menentang kaum Muslimin walaupun kalangan ini merasa senang dengan tindakan membatalkan perjanjian dengan kaum Musyrikin yang telah mengkhianati perjanjian dan kaum Musyrikin yang dikhuatiri melakukan pengkhianatan sebagaimana telah diterangkan di dalam nas-nas atau peraturan-peraturan Marhaliyah yang terkandung dalam Surah al-Anfal:

وَإِمَّا تَخَافَنَّ مِن قَوْمٍ خِيَانَةً فَانۢبِذْ إِلَيْهِمْ عَلَىٰ سَوَآءٍ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْخَآئِنِينَ ٥٨

"Dan jika engkau bimbang apa-apa pengkhianatan dari sesuatu kaum, maka kembalikan perjanjian kepada mereka dengan cara yang adil. Sesungguhnya Allah tidak menyukai para pengkhianat."

(Surah al-Anfal: 58)

Tetapi tindakan membatalkan perjanjian-perjanjian dengan kaum Musyrikin yang lain selepas empat bulan atau selepas habis tempoh perjanjian mungkin di lihat oleh kalangan ini sebagai suatu tindakan yang bertentangan dengan amalan-amalan lumrah yang diketahui mereka, iaitu amalan mengadakan perjanjian dengan mereka yang ingin mengadakan perjanjian, amalan bersikap damai terhadap mereka yang bersikap damai dan amalan tidak mengapa-apakan terhadap mereka yang mengadakan perjanjian damai. Walau bagaimanapun, Allah menghendaki sesuatu tindakan yang lebih besar dari tindakan yang biasa dan menghendaki sesuatu langkah yang final bagi langkah-langkah yang telah diambil sebelum ini.

Di dalam masyarakat Islam juga terdapat kalangan - mungkin setengah-setengahnya dari tokoh-tokoh Muslimin - yang berpendapat bahawa tindakan memerangi seluruh kaum Musyrikin dan memburu mereka sehingga mereka kembali kepada agama Islam adalah tidak perlu setelah Islam mendapat

kemenangan di Semenanjung Tanah Arab dan setelah di sana tidak ada lagi kaum Musyrikin kecuali kumpulan-kumpulan kecil yang bertaburan di sana sini yang tidak dikhuatiri mengancam keselamatan Islam pada hari ini, apatah lagi memang diduga bahawa kumpulan-kumpulan kecil itu akan kembali perlahan-lahan kepada agama Islam di bawah naungan keamanan. Kalangan ini juga tidak sunyi dari perasaan tidak senang apabila tindakan yang keras ini melibatkan pembunuhan kaum kerabat yang dekat, sahabat-sahabat handai dan orang-orang yang mempunyai berbagai hubungan sosial dan ekonomi dengan mereka, sedangkan di sana masih ada harapan mereka akan masuk ke dalam pangkuan Islam tanpa menggunakan tindakan yang keras ini. Walau bagaimanapun, Allah menghendaki agar 'aqidah sahaja dijadikan satu-satunya tali yang mengikat kelompok Muslimin dan agar Semenanjung Tanah Arab menjadi bumi yang bersih untuk Islam, dan seterusnya menjadi tapak yang aman bagi Islam, sedangkan Allah mengetahui bahawa kerajaan Roman yang bertapak di tanah tinggi Syam itu menyimpan niat yang jahat terhadap Islam sebagaimana akan diterangkan kelak.

Di dalam masyarakat Islam juga terdapat kalangan - mungkin setengah-setengahnya dari tokoh-tokoh Muslimin - yang menaruh kebimbangan akan berlakunya kemelesetan ekonomi ekoran dari kelumpuhan hubungan-hubungan dagang dan ekonomi di seluruh Semenanjung Tanah Arab dengan sebab perisytiharan perang terhadap seluruh kaum Musyrikin yang ada di sana. Ia memberi kesan yang buruk di musim haji terutama setelah diumumkan bahawa tiada seorang Musyrik pun yang dibenarkan mengerjakan haji selepas tahun itu dan kaum Musyrikin tidak di benar mengimarahkan masjid-masjid Allah... terutama apabila difikirkan bahawa tindakan yang keras itu adalah tidak perlu, kerana matlamat itu boleh dicapai melalui jalan-jalan damai walaupun lambat, tetapi Allah S.W.T. menghendaki agar 'aqidah dijadikan satu-satunya tali yang mengikat masyarakat Islam sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini dan agar 'aqidah dijadikan asas pertimbangan yang lebih kuat di dalam hati para Mu'minin dari pertimbangan-pertimbangan yang lain seperti pertimbangan hubungan kekerabatan dan hubungan persahabatan atau pertimbangan faedah dan muslihat. Begitu juga Allah S.W.T. mahu mengajar kaum Muslimin bahawa Dialah sahaja yang memegang sumber rezeki, sedangkan punca-punca rezeki yang zahir bukannya merupakan punca-punca rezeki yang tunggal yang diciptakan Allah untuk mereka dengan qudrat kuasa-Nya.

Seterusnya di dalam masyarakat Islam terdapat golongan yang berhati lemah, ragu-ragu dan golongan mu'allaf dan Munafiqin dan lain-lainnya dari mereka yang menganut Islam secara beramai-ramai dan belum lagi terterap dengan ciri-ciri keislaman. Golongan inilah yang takut kepada tindakan untuk membunuh seluruh kaum Musyrikin dan bimbang berlakunya kemelesetan ekonomi akibat lumpuhnya kegiatan perniagaan di musim-musim haji, kekurangan keamanan dalam perdagangan, perjalanan dan putusnya hubungan-hubungan dan komunikasi-komunikasi di samping menghadapi perbelanjaan dan pengorbanan jihad yang menelan jiwa raga dan harta benda. Hati mereka tidak terdorong untuk menanggung semua beban ini. Mereka masuk ke dalam agama Islam yang kuat, menang dan stabil dan ini merupakan sesuatu yang menguntungkan mereka tanpa mengalami kepenatan yang besar, tetapi pengorbanan-pengorbanan yang dikehendaki dari mereka merupakan sesuatu yang tidak kena-mengena dengan mereka, kerana mereka masih baru dengan Islam dan dengan beban-beban tugasnya, tetapi Allah S.W.T. mahu memeriksa barisan dan hati kaum Muslimin dan kerana itu Allah berfirman kepada mereka:

أَمْ حَسِبْتُمْ أَن تُتْرَكُوا۟ وَلَمَّا يَعْلَمِ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ جَٰهَدُوا۟ مِنكُمْ وَلَمْ يَتَّخِذُوا۟ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلَا رَسُولِهِۦ وَلَا ٱلْمُؤْمِنِينَ وَلِيجَةً ۚ وَٱللَّهُ خَبِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٦﴾

"Apakah kamu fikir bahawa kamu akan ditinggalkan (tanpa diuji), sedangkan Allah belum lagi mengetahui adanya mereka (dalam realiti) yang sanggup berjihad dari kalangan kamu dan mereka yang tidak mengambil sahabat-sahabat setia selain Allah, rasul-Nya dan para Mu'minin. Dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(16)

Gejala-gejala yang rumit dan celaru dalam masyarakat Islam yang bercampur aduk - selepas penaklukan negeri Makkah - itu memerlukan penjelasan yang panjang lebar dan terperinci yang diungkap dengan berbagai-bagai uslub dan saranan di dalam ayat-ayat bahagian ini untuk mengubati keladak-keladak yang tidak sihat yang mendap di dalam hati mereka dan menghapuskan ketidakpaduan di dalam barisan mereka di samping menghapuskan kekeliruan-kekeliruan dan salah faham yang berkecamuk hingga di dalam hati setengah-setengah orang Islam yang bersih.

Keadaan-keadaan yang sedemikian memerlukan surah ini dibuka dengan satu perisytiharan umum yang menyatakan pemutusan hubungan dari Allah dan rasul-Nya dengan seluruh kaum Musyrikin dan pengisytiharan itu diungkapkan sekali lagi - selepas disenggangnya oleh satu ayat - dengan kekuatan dan nada tinggi yang sama supaya tidak ada hati seorang Muslim yang ingin mengekalkan hubungan yang baik dengan kaum Musyrikin yang telah diputuskan hubungan mereka oleh Allah dan rasul-Nya:

بَرَآءَةٌ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦٓ إِلَى ٱلَّذِينَ عَٰهَدتُّم مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿١﴾

"(Inilah pernyataan) pemutusan hubungan - daripada Allah dan rasul-Nya (yang dihadapkan) kepada orang-orang Musyrikin yang kamu telah mengadakan perjanjian dengan mereka."(1)

وَأَذَٰنٌ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦٓ إِلَى ٱلنَّاسِ يَوْمَ ٱلْحَجِّ
ٱلْأَكْبَرِ أَنَّ ٱللَّهَ بَرِىٓءٌ مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ۙ وَرَسُولُهُۥ

"Dan (inilah) satu pernyataan dari Allah dan rasul-Nya kepada umat manusia pada hari Haji Akbar bahawa sesungguhnya Allah dan rasul-Nya telah memutuskan hubungan dengan kaum Musyrikin."(3)

Keadaan yang sedemikian juga memerlukan pernyataan yang memberi ketenteraman kepada para Mu'minin dan menakutkan kaum Musyrikin, iaitu pernyataan yang menerangkan bahawa Allah tetap menghinakan orang-orang yang kafir dan orang-orang yang enggan beriman tidak akan dapat melemahkan Allah dan tidak akan terlepas dari 'azab-Nya:

فَسِيحُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّكُمْ غَيْرُ
مُعْجِزِى ٱللَّهِ ۙ وَأَنَّ ٱللَّهَ مُخْزِى ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٢﴾

"Oleh sebab itu (wahai kaum Musyrikin) berjalanlah kamu (dengan bebas dan aman) di bumi ini selama empat bulan dan ketahuilah bahawa kamu tidak akan dapat melemahkan Allah dan sesungguhnya Allah tetap menghinakan orang-orang yang kafir(2).

فَإِن تُبْتُمْ فَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ ۖ وَإِن تَوَلَّيْتُمْ فَٱعْلَمُوٓا۟
أَنَّكُمْ غَيْرُ مُعْجِزِى ٱللَّهِ ۗ وَبَشِّرِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟
بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣﴾

Jika kamu bertaubat, maka ia lebih baik untuk kamu, tetapi jika kamu berpaling, maka ketahuilah bahawa kamu tidak akan dapat melemahkan Allah, dan sampaikan berita gembira kepada orang-orang kafir bahawa mereka akan menerima 'azab yang amat pedih."(3)

Keadaan yang sedemikian juga memerlukan pernyataan membantah terhadap kewajaran kaum Musyrikin mempunyai perjanjian yang diakui di sisi Allah dan rasul-Nya - kecuali mereka yang telah mengadakan perjanjian kemudian menghormati perjanjian itu dengan jujur, maka perjanjian mereka hendaklah dihormati sehingga habis tempohnya selama mereka berlaku jujur - dan di samping itu para Mu'minin diingatkan bahawa kaum Musyrikin bersikap tidak menghormati perjanjian dan mereka tidak silu malu sanggup melakukan pengkhianatan jika mereka dapat menguasai kaum Muslimin. Para Mu'minin selanjutnya diberi gambaran tentang kekufuran kaum Musyrikin dan kepura-puraan mereka memperlihatkan hubungan mesra terhadap mereka kerana mereka takut kekuatan kaum Muslimin:

كَيْفَ يَكُونُ لِلْمُشْرِكِينَ عَهْدٌ عِندَ ٱللَّهِ وَعِندَ
رَسُولِهِۦٓ إِلَّا ٱلَّذِينَ عَٰهَدتُّمْ عِندَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ ۖ
فَمَا ٱسْتَقَٰمُوا۟ لَكُمْ فَٱسْتَقِيمُوا۟ لَهُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ
يُحِبُّ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٧﴾

كَيْفَ وَإِن يَظْهَرُوا۟ عَلَيْكُمْ لَا يَرْقُبُوا۟ فِيكُمْ
إِلًّا وَلَا ذِمَّةً ۚ يُرْضُونَكُم بِأَفْوَٰهِهِمْ وَتَأْبَىٰ قُلُوبُهُمْ
وَأَكْثَرُهُمْ فَٰسِقُونَ ﴿٨﴾

كَيْفَ يَكُونُ لِلْمُشْرِكِينَ عَهْدٌ عِندَ ٱللَّهِ وَعِندَ
رَسُولِهِۦٓ إِلَّا ٱلَّذِينَ عَٰهَدتُّمْ عِندَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ
ٱشْتَرَوْا۟ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ ثَمَنًا قَلِيلًا فَصَدُّوا۟ عَن سَبِيلِهِۦٓ ۚ
إِنَّهُمْ سَآءَ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٩﴾

لَا يَرْقُبُونَ فِى مُؤْمِنٍ إِلًّا وَلَا ذِمَّةً ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ
ٱلْمُعْتَدُونَ ﴿١٠﴾

"Bagaimana orang-orang Musyrikin itu wajar mempunyai perjanjian yang diakui di sisi Allah dan rasul-Nya, kecuali kaum Musyrikin yang kamu telah mengadakan perjanjian dengan mereka berhampiran Masjidil-Haram. Oleh itu selama mereka berlaku lurus terhadap kamu, maka hendaklah kamu berlaku lurus terhadap mereka. Sesungguhnya Allah menyayangi orang-orang yang bertaqwa(7). Bagaimana wajar begitu, sedangkan jika mereka memperolehi kemenangan terhadap kamu, mereka tidak memelihara hubungan kekerabatan dengan kamu dan tidak pula menghormati perjanjian. Mereka menyenangkan hati kamu dengan mulut mereka, sedangkan hati mereka menolak dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasiq(8). Mereka menukar ayat-ayat Allah dengan harga yang sedikit kemudian mereka menghalangi manusia dari jalan Allah. Sesungguhnya amat buruk sekali segala perbuatan yang dilakukan mereka(9). Mereka tidak memelihara hubungan kekerabatan dengan orang Mu'min dan tidak pula menghormati perjanjian dan mereka adalah golongan yang melampaui batas."(10)

Keadaan yang sedemikian juga memerlukan dibangkitkan kenangan-kenangan yang pahit di dalam hati kaum Muslimin dan dirangsangkan perasaan marah dan keinginan menuntut bela dan meluahkan dendam yang sebak dalam dada terhadap musuh-musuh mereka yang sekaligus menjadi musuh-musuh Allah dan agama Allah:

أَلَا تُقَٰتِلُونَ قَوْمًا نَّكَثُوٓا۟ أَيْمَٰنَهُمْ وَهَمُّوا۟
بِإِخْرَاجِ ٱلرَّسُولِ وَهُم بَدَءُوكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ ۚ

أَتَخْشَوْنَهُمْ ۚ فَاللَّهُ أَحَقُّ أَن تَخْشَوْهُ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٣﴾
قَاتِلُوهُمْ يُعَذِّبْهُمُ اللَّهُ بِأَيْدِيكُمْ وَيُخْزِهِمْ وَيَنصُرْكُمْ عَلَيْهِمْ وَيَشْفِ صُدُورَ قَوْمٍ مُّؤْمِنِينَ ﴿١٤﴾
وَيُذْهِبْ غَيْظَ قُلُوبِهِمْ ۗ وَيَتُوبُ اللَّهُ عَلَىٰ مَن يَشَاءُ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١٥﴾

"Mengapa kamu tidak memerangi orang-orang yang telah mencabuli sumpah (perjanjian) mereka dan berazam untuk mengusir Rasulullah dan merekalah yang mula-mula memerangi kamu? Apakah kamu takut kepada mereka, sedangkan Allah itulah yang lebih wajar kamu takuti-Nya jika kamu benar orang-orang yang beriman(13). Perangilah mereka nescaya Allah mengazabkan mereka dengan perantaraan tangan kamu dan menghinakan mereka serta menolong kamu mengalahkan mereka dan menyembuhkan hati orang-orang yang beriman(14). Dan menghapuskan kemarahan hati mereka dan Allah menerima taubat orang-orang yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(15)

Keadaan yang sedemikian juga memerlukan pemisahan yang sempurna di atas landasan 'aqidah dan menentang sentimen-sentimen kekerabatan dan persahabatan kedua-dua sekali serta memberi pilihan di antaranya dengan Allah dan rasul-Nya dan berjihad fi Sabilillah, dan seterusnya meletak kaum Muslimin di persimpangan jalan:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا آبَاءَكُمْ وَإِخْوَانَكُمْ أَوْلِيَاءَ إِنِ اسْتَحَبُّوا الْكُفْرَ عَلَى الْإِيمَانِ ۚ وَمَن يَتَوَلَّهُم مِّنكُمْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٢٣﴾
قُلْ إِن كَانَ آبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ وَإِخْوَانُكُمْ وَأَزْوَاجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَالٌ اقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَارَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسَاكِنُ تَرْضَوْنَهَا أَحَبَّ إِلَيْكُم مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَجِهَادٍ فِي سَبِيلِهِ فَتَرَبَّصُوا حَتَّىٰ يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ﴿٢٤﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil bapa-bapa dan saudara-saudara kamu sebagai sahabat-sahabat setia jika mereka mengutamakan kekufuran dari keimanan dan sesiapa di antara kamu yang mengambil mereka sebagai sahabat-sahabat setia, maka merekalah orang-orang yang zalim(23). Katakanlah: Jika bapa-bapa kamu, anak-anak kamu, saudara-saudara kamu, isteri-isteri kamu, kaum keluarga kamu, harta kekayaan yang diusahakan kamu, perniagaan yang kamu bimbang (dilanda) kemelesetan dan rumah-rumah kediaman yang disayangi kamu itu lebih dicintai kamu dari Allah dan rasul-Nya dan dari berjihad fi Sabilillah, maka tunggulah sehingga Allah membawa keputusan-Nya. Dan Allah tidak memberi hidayat kepada golongan manusia yang fasiq."(24)

Seterusnya keadaan yang sedemikian memerlukan kaum Muslimin diperingatkan dengan pertolongan-pertolongan Allah yang diberikan kepada mereka di berbagai-bagai medan peperangan dan yang paling terkini ialah di hari tercetusnya Peperangan Hunayn, di mana mereka di tewas musuh dan tiada sesiapa yang sanggup menolong melainkan Allah yang mengirim bala tentera malaikat dan mengukuhkan pendirian rasul-Nya:

لَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ فِي مَوَاطِنَ كَثِيرَةٍ ۙ وَيَوْمَ حُنَيْنٍ ۙ إِذْ أَعْجَبَتْكُمْ كَثْرَتُكُمْ فَلَمْ تُغْنِ عَنكُمْ شَيْئًا وَضَاقَتْ عَلَيْكُمُ الْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ ثُمَّ وَلَّيْتُم مُّدْبِرِينَ ﴿٢٥﴾
ثُمَّ أَنزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَىٰ رَسُولِهِ وَعَلَى الْمُؤْمِنِينَ وَأَنزَلَ جُنُودًا لَّمْ تَرَوْهَا وَعَذَّبَ الَّذِينَ كَفَرُوا ۚ وَذَٰلِكَ جَزَاءُ الْكَافِرِينَ ﴿٢٦﴾

"(Wahai orang-orang yang beriman) Sesungguhnya Allah telah memberi pertolongan kepada kamu di berbagai-bagai medan peperangan, juga pada hari Peperangan Hunayn, di mana kamu terpesona dengan bilangan kamu yang ramai, namun ia tidak memberi faedah sedikit pun kepada kamu dan (menyebabkan kamu mengalami kekalahan) hingga bumi yang luas dirasakan kamu sempit, kemudian kamu melarikan diri ke belakang(25). Kemudian Allah menurunkan ketenteraman-Nya ke atas rasul-Nya dan ke atas para Mu'minin serta menurunkan bala tentera malaikat yang tidak dapat di lihat oleh kamu dan menyeksakan orang-orang kafir. Itulah balasan yang setimpal kepada orang-orang kafir."(26)

Pada akhirnya keadaan yang sedemikian juga memerlukan kaum Muslimin diberi keyakinan dari segi pendapatan rezeki yang dikhuatiri mereka akan dilanda kerugian kerana kemelesetan pasaran di musim-musim haji dan kelumpuhan kegiatan perdagangan. Mereka perlu diperingatkan bahawa rezeki itu bergantung kepada kehendak masyi'ah

Allah dan bukannya kepada punca-punca rezeki yang zahir yang difikirkan mereka:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِنَّمَا ٱلۡمُشۡرِكُونَ نَجَسٞ فَلَا يَقۡرَبُواْ ٱلۡمَسۡجِدَ ٱلۡحَرَامَ بَعۡدَ عَامِهِمۡ هَٰذَاۚ وَإِنۡ خِفۡتُمۡ عَيۡلَةٗ فَسَوۡفَ يُغۡنِيكُمُ ٱللَّهُ مِن فَضۡلِهِۦٓ إِن شَآءَۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ حَكِيمٞ ﴿٢٨﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya orang-orang Musyrikin itu adalah najis. Oleh sebab itu janganlah mereka mendekati Masjidil Haram selepas tahun ini. Dan jika kamu bimbang menjadi miskin, maka Allah akan memberi kekayaan kepada kamu dari limpah kurnia-Nya jika ia kehendaki. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(28)

Semua keterangan, penjelasan, saranan, pemberangsangan dan kempen yang panjang, yang menggunakan berbagai-bagai uslub ini membayangkan - sebagaimana telah kami tegaskan sebelum ini - keadaan masyarakat Islam selepas penaklukan negeri Makkah dan selepas masuknya berbagai-bagai anasir manusia yang baru dan ramai ke dalam agama Islam, juga selepas perkembangan horizontal yang begitu cepat, yang telah membawa kepada masyarakat Islam kumpulan-kumpulan manusia yang belum lagi terterap dengan ciri-ciri keislaman. Jika tidak kerana masyarakat Madinah telah sampai - melalui zaman dan tarbiyah Islamiyah yang lama - ke tahap yang stabil, kukuh, bersih, sedar dan bijak tentulah gejala-gejala ini akan menjadi punca-punca bahaya yang besar, yang mengancam kewujudan Islam itu sebagaimana telah kami jelaskan berulang-ulang kali sebelum ini.

Kini cukuplah sekadar ini sahaja tinjauan umum terhadap pembicaraan-pembicaraan yang terkandung dalam bahagian pertama surah ini dan keadaan-keadaan masyarakat Islam di zaman itu yang dibayangkan olehnya. Sekarang marilah kita hadapi ayat-ayat berikut dengan huraian yang terperinci:

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 6)

Perisytiharan Putus Hubungan Dengan Kaum Musyrikin

بَرَآءَةٞ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦٓ إِلَى ٱلَّذِينَ عَٰهَدتُّم مِّنَ ٱلۡمُشۡرِكِينَ ﴿١﴾

فَسِيحُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ أَرۡبَعَةَ أَشۡهُرٖ وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّكُمۡ غَيۡرُ مُعۡجِزِي ٱللَّهِ وَأَنَّ ٱللَّهَ مُخۡزِي ٱلۡكَٰفِرِينَ ﴿٢﴾

وَأَذَٰنٞ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦٓ إِلَى ٱلنَّاسِ يَوۡمَ ٱلۡحَجِّ ٱلۡأَكۡبَرِ أَنَّ ٱللَّهَ بَرِيٓءٞ مِّنَ ٱلۡمُشۡرِكِينَ وَرَسُولُهُۥۚ فَإِن تُبۡتُمۡ فَهُوَ خَيۡرٞ لَّكُمۡۖ وَإِن تَوَلَّيۡتُمۡ فَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّكُمۡ غَيۡرُ مُعۡجِزِي ٱللَّهِۗ وَبَشِّرِ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣﴾

إِلَّا ٱلَّذِينَ عَٰهَدتُّم مِّنَ ٱلۡمُشۡرِكِينَ ثُمَّ لَمۡ يَنقُصُوكُمۡ شَيۡـٔٗا وَلَمۡ يُظَٰهِرُواْ عَلَيۡكُمۡ أَحَدٗا فَأَتِمُّوٓاْ إِلَيۡهِمۡ عَهۡدَهُمۡ إِلَىٰ مُدَّتِهِمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلۡمُتَّقِينَ ﴿٤﴾

فَإِذَا ٱنسَلَخَ ٱلۡأَشۡهُرُ ٱلۡحُرُمُ فَٱقۡتُلُواْ ٱلۡمُشۡرِكِينَ حَيۡثُ وَجَدتُّمُوهُمۡ وَخُذُوهُمۡ وَٱحۡصُرُوهُمۡ وَٱقۡعُدُواْ لَهُمۡ كُلَّ مَرۡصَدٖۚ فَإِن تَابُواْ وَأَقَامُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُاْ ٱلزَّكَوٰةَ فَخَلُّواْ سَبِيلَهُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ﴿٥﴾

وَإِنۡ أَحَدٞ مِّنَ ٱلۡمُشۡرِكِينَ ٱسۡتَجَارَكَ فَأَجِرۡهُ حَتَّىٰ يَسۡمَعَ كَلَٰمَ ٱللَّهِ ثُمَّ أَبۡلِغۡهُ مَأۡمَنَهُۥۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمۡ قَوۡمٞ لَّا يَعۡلَمُونَ ﴿٦﴾

"(Inilah pernyataan) pemutusan hubungan daripada Allah dan rasul-Nya (yang dihadapkan) kepada orang-orang Musyrikin yang kamu telah mengadakan perjanjian dengan mereka(1). Oleh sebab itu (wahai kaum Musyrikin) berjalanlah kamu (dengan bebas dan aman) di bumi negeri ini selama empat bulan dan ketahuilah bahawa kamu tidak akan dapat melemahkan Allah dan sesungguhnya Allah tetap menghinakan orang-orang yang kafir(2). Dan (inilah) satu pernyataan dari Allah dan rasul-Nya kepada umat manusia pada hari Haji Akbar bahawa sesungguhnya Allah dan rasul-Nya memutuskan hubungan dengan kaum Musyrikin. Oleh kerana itu, jika kamu bertaubat, maka ia lebih baik untuk kamu, tetapi jika kamu berpaling, maka ketahuilah bahawa kamu tidak akan dapat melemahkan Allah, dan sampaikan berita gembira kepada orang-orang kafir bahawa mereka akan menerima 'azab yang amat pedih (3). Kecuali orang-orang Musyrikin yang kamu telah mengadakan perjanjian dengan mereka kemudian mereka tidak pernah mengurangi sedikit pun isi perjanjian itu terhadap kamu dan mereka tidak pernah membantu seseorang pun memusuhi kamu, maka sempurnakanlah perjanjian kamu dengan mereka sehingga sampai tempohnya. Sesungguhnya Allah menyayangi orang-orang yang bertaqwa(4). Apabila habis tempoh empat Bulan Haram (di mana kamu diharam berperang), maka bunuhlah kaum Musyrikin di mana sahaja kamu jumpai mereka, tangkaplah mereka, kepungilah mereka dan perhatikan pergerakan mereka di setiap tempat kawalan. Jika mereka

bertaubat, mendirikan solat dan menunaikan zakat, maka berilah kebebasan kepada mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(5). Jika seseorang Musyrikin meminta perlindungan kepada kamu, maka berilah perlindungan kepadanya sehingga ia sempat mendengar Kalamullah kemudian hantarkannya ke tempat yang aman baginya. Layanan yang sedemikian kerana mereka adalah golongan yang tidak mengetahui."(6)

Ayat-ayat ini dan ayat-ayat selepasnya sehingga ayat dua puluh lapan adalah di turun untuk menentukan hubungan-hubungan yang final di antara masyarakat Islam yang mempunyai kedudukan yang teguh di Madinah dan di Semenanjung Tanah Arab umumnya dengan saki-baki kaum Musyrikin di Semenanjung Tanah Arab yang belum lagi masuk ke dalam agama Islam, sama ada mereka telah memeterai perjanjian dengan Rasulullah s.a.w. kemudian mereka membatalkannya apabila mereka melihat bahawa tindakan kaum Muslimin untuk menentang kerajaan Roman – sewaktu angkatan perang Muslimin bertolak untuk berperang dengan tentera Roman di Tabuk – akan memberi akibat yang membinasakan Islam dan para pengikutnya atau sekurang-kurangnya akan melemahkan kekuatan kaum Muslimin, atau mereka tidak meterai perjanjian dengan Rasulullah s.a.w., tetapi mereka tidak pernah bertindak jahat terhadap kaum Muslimin, atau mereka meterai perjanjian yang terhad atau tidak terhad dengan Rasulullah s.a.w. dan mereka menghormati perjanjian itu dan tidak pernah mengurangkan komitmen mereka sedikit pun terhadap perjanjian itu dan tidak pernah membantu sesiapa pun untuk menentang kaum Muslimin. Kepada golongan-golongan kaum Musyrikin inilah diturunkan ayat-ayat ini dan ayat-ayat selepasnya untuk menggariskan bentuk hubungan-hubungan final di antara mereka dengan masyarakat Islam berdasarkan pertimbangan-pertimbangan yang telah kami huraikan agak meluas sama ada dalam kata pengantar surah atau kata pengantar pelajaran ini khususnya.

Uslub ayat-ayat ini dan cara pengungkapannya mengambil bentuk perisytiharan umum dengan nadanya yang tinggi. Dengan demikian tercapailah keselarasan di antara uslub dan cara pengungkapannya dengan maudhu' pembicaraannya serta suasana yang melingkungi maudhu' ini mengikut cara pengungkapan al-Qur'an.[12]

Di sana terdapat berbagai-bagai riwayat mengenai suasana-suasana perisytiharan ini dan cara penyampaiannya dan siapakah yang menyampaikannya. Riwayat yang lebih sahih dan lebih hampir dengan tabi'at suasana, juga lebih selaras dengan realiti kaum Muslimin zaman itu ialah riwayat yang dijelaskan oleh Ibn Jarir ketika beliau menyebut riwayat-riwayat itu. Di sini kami petikkan mana-mana ulasannya yang menggambarkan pandangan kami terhadap hakikat yang berlaku dan mengabaikan ulasan-ulasannya yang tidak secocok dengan pandangan kami, juga ulasan-ulasannya yang bertentangan satu sama lain, kerana tujuan kami bukannya untuk membahaskan riwayat-riwayat itu dan bukan pula untuk membahaskan ulasan-ulasan Ibn Jarir at-Tabari, malah tujuan kami ialah untuk menthabitkan apa yang kami tarjihkan sebagai sesuatu yang benar berlaku berdasarkan riwayat yang ada dan kajian mengenainya:

Ujar at-Tabari dalam satu riwayatnya dengan isnadnya dari Mujahid mengenai ayat:

بَرَآءَةٌ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦٓ إِلَى ٱلَّذِينَ عَٰهَدتُّم مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿١﴾

"(Inilah pernyataan) pemutusan hubungan daripada Allah dan rasul-Nya (yang dihadapkan) kepada orang-orang Musyrikin yang kamu telah mengadakan perjanjian dengan mereka."(1)

Katanya (yang dimaksudkan dengan Musyrikin dalam ayat ini) ialah kaum Musyrikin yang telah mengadakan perjanjian (dengan Rasulullah) iaitu dari suku Mudlij dan orang-orang Arab yang beliau mengikat perjanjian dengan mereka. Katanya: Rasulullah s.a.w. telah datang dari Tabuk setelah selesai urusannya di sana dan beliau mahu mengerjakan ibadat haji, kemudian beliau bersabda: "Oleh kerana kaum Musyrikin turut berkunjung ke Baitullah dan melakukan ibadat tawaf dengan keadaan bertelanjang, maka aku tidak suka mengerjakan haji sehingga perkara itu tidak berlaku". Lalu beliau menghantar Abu Bakr dan Ali Rahmatullahi alayhima. Kedua-duanya telah berkeliling menemui orang ramai di Zul-Majaz dan di tempat-tempat berjual beli dan di semua tempat perhimpunan mereka. Keduanya telah memberitahu kepada orang-orang Musyrikin yang telah mengikat perjanjian (dengan Rasulullah) bahawa mereka diberi kebenaran bergerak bebas dan aman selama empat bulan, iaitu empat Bulan Haram yang berlalu berturut-turut, iaitu dua puluh hari dari akhir bulan Zulhijjah hingga sepuluh hari dari bulan Rabi'ul-Awal, kemudian selepas itu tidak ada lagi perjanjian dengan mereka. Kemudian seluruh mereka diberitahu bahawa mereka akan menghadapi tindakan perang kecuali mereka beriman, tetapi seluruh mereka telah menganut Islam pada masa itu dan tiada seorang pun yang mengambil kesempatan menjelajah dengan bebas.

Ujar at-Tabari setelah beliau mengemukakan sejumlah riwayat-riwayat mengenai hakikat tempoh, iaitu awal dan akhirnya yang dimaksudkan dengannya:

---

[12] *Lihat huraian secara meluas dalam buku* " التصوير الفني في القرآن" *bab* "التناسق الفني" *dan bab* "طريقة القرآن"

"Pendapat yang lebih tinggi kesahihannya mengenai perkara ini ialah pendapat yang mengatakan: Tempoh yang diberikan Allah kepada kaum Musyrikin yang mempunyai perjanjian dengan Rasulullah s.a.w. dan diberi kebenaran bergerak bebas dalam firman-Nya:

فَسِيحُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ

"Oleh sebab itu (wahai kaum Musyrikin) berjalanlah kamu (dengan bebas dan aman) di bumi ini selama empat bulan"(2)

ialah kaum Musyrikin yang mempunyai perjanjian dengan Rasulullah s.a.w. yang telah bertindak menolong pihak lain untuk memusuhi Rasulullah s.a.w. dan telah membatalkan perjanjian mereka sebelum habis tempohnya. Adapun kaum Musyrikin yang tidak membatalkan perjanjian mereka dan tidak pula pernah membantu sesiapa untuk memusuhi Rasulullah s.a.w., maka Allah telah memerintah Nabi s.a.w. supaya menghormati perjanjian di antara beliau dengan mereka hingga habis tempohnya dengan firman-Nya:

إِلَّا ٱلَّذِينَ عَٰهَدتُّم مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ثُمَّ لَمْ يَنقُصُوكُمْ شَيْـًٔا وَلَمْ يُظَٰهِرُوا۟ عَلَيْكُمْ أَحَدًا فَأَتِمُّوٓا۟ إِلَيْهِمْ عَهْدَهُمْ إِلَىٰ مُدَّتِهِمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٤﴾

"Kecuali orang-orang Musyrikin yang kamu telah mengadakan perjanjian dengan mereka kemudian mereka tidak pernah mengurangi sedikit pun isi perjanjian itu terhadap kamu dan mereka tidak pernah membantu seseorang pun memusuhi kamu, sempurnakanlah perjanjian kamu dengan mereka sehingga sampai tempohnya. Sesungguhnya Allah menyayangi orang-orang yang bertaqwa."(4)

"Jika ada orang yang menyangka bahawa firman Allah Taala:

فَٱقْتُلُوا۟ ٱلْمُشْرِكِينَ حَيْثُ وَجَدتُّمُوهُمْ وَخُذُوهُمْ وَٱحْصُرُوهُمْ

"Apabila habis tempoh empat Bulan Haram (di mana kamu diharam berperang), maka bunuhlah kaum Musyrikin di mana sahaja kamu jumpai mereka."(5)

membawa pengertian yang berlainan dari pendapat kami dengan alasan kerana ayat ini mewajibkan kaum Muslimin membunuh sekalian Musyrikin selepas berakhirnya tempoh empat bulan, maka sebenarnya perintah itu bukan bermaksud seperti yang difahamkan olehnya, kerana ayat yang datang selepas ayat ini membuktikan kesahihan pendapat kami dan kemelesetan pendapat orang yang mengatakan: Apabila bulan-bulan Haram itu berlalu, maka diharuskan membunuh sekalian orang Musyrikin sama ada mereka mempunyai perjanjian dengan Rasulullah s.a.w. atau tidak mempunyai perjanjian. Ayat yang datang kemudian itu berbunyi:

كَيْفَ يَكُونُ لِلْمُشْرِكِينَ عَهْدٌ عِندَ ٱللَّهِ وَعِندَ رَسُولِهِۦٓ إِلَّا ٱلَّذِينَ عَٰهَدتُّمْ عِندَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ ۖ فَمَا ٱسْتَقَٰمُوا۟ لَكُمْ فَٱسْتَقِيمُوا۟ لَهُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٧﴾

"Bagaimana mungkin orang-orang Musyrikin itu wajar mempunyai perjanjian yang diakui di sisi Allah dan rasul-Nya, kecuali kaum Musyrikin yang kamu telah mengadakan perjanjian dengan mereka berhampiran Masjidil-Haram. Oleh itu selama mereka berlaku lurus terhadap kamu, maka hendaklah kamu berlaku lurus terhadap mereka. Sesungguhnya Allah menyayangi orang-orang yang bertaqwa."(7)

Mereka juga orang-orang Musyrikin, tetapi Allah memerintah Nabi s.a.w. dan sekalian orang Islam supaya berlaku jujur dalam perjanjian dengan mereka selama mereka berlaku jujur, iaitu tidak membatalkan perjanjian mereka dan tidak menolong mana-mana pihak menentang kaum Muslimin.

"Di dalam cerita-cerita (akhbar) yang menguat satu sama lain dan Rasulullah s.a.w. menceritakan: Sewaktu beliau mengirim Ali Rahimahullahu supaya mengisytiharkan pemutusan hubungan kepada kaum Musyrikin yang mempunyai perjanjian dengan beliau, maka beliau telah menyuruh Ali supaya berucap kepada mereka: 'Sesiapa yang mempunyai perjanjian dengan Rasulullah s.a.w., maka perjanjiannya akan terus dihormati sehingga habis tempohnya. Cerita ini merupakan dalil yang paling jelas atas kesahihan pendapat kami, kerana Allah tidak memerintah Nabi s.a.w. supaya membatalkan perjanjian yang telah diikat oleh beliau dengan kaum Musyrikin hingga ke satu tempoh yang tertentu apabila mereka menghormati perjanjian itu dengan jujur atau tidak membatalkannya. Allah hanya memberi tempoh empat bulan kepada kaum Musyrikin yang telah membatalkan perjanjian mereka atau kepada kaum Musyrikin yang telah mengadakan perjanjian yang tidak terbatas dengan Rasulullah s.a.w. Ada pun kaum Musyrikin yang mengadakan perjanjian yang terbatas hingga suatu tempoh yang tertentu dan mereka tidak membatalkannya, maka Rasulullah s.a.w. telah diperintah supaya menghormati perjanjian itu hingga habis tempohnya. Dan beliau telah mengirim juruhebahnya supaya menghebahkan perkara ini kepada orang-orang Arab yang datang di musim haji."

Ujar at-Tabari lagi dalam satu ulasannya yang lain terhadap riwayat-riwayat yang menyentuh perjanjian-perjanjian itu:

"Cerita-cerita ini dan cerita-cerita yang seumpamanya membuktikan kebenaran pendapat kami, iaitu tempoh empat bulan itu diberikan kepada golongan kaum Musyrikin yang kami katakan itu. Adapun kaum Musyrikin yang mempunyai perjanjian

yang terbatas dengan waktu-waktu yang tertentu, maka Rasulullah s.a.w. telah menghormati perjanjian itu hingga habis tempohnya berlandaskan perintah Allah yang disampaikan kepadanya. Inilah maksud yang zahir dari ayat-ayat yang diturunkan Allah dan disokong oleh cerita-cerita (akhbar) dari Rasulullah s.a.w."

Apabila kita tinggalkan riwayat-riwayat yang lemah dan athar dalam setengah-setengah riwayat yang mungkin ditinggalkan kerana perselisihan politik yang berlaku kemudiannya di antara puak Ali r.a dengan penyokong-penyokong puak Umawi atau ahli sunnah, maka bolehlah kita berkata bahawa Rasulullah s.a.w. telah mengirim Abu Bakr r.a. sebagai Amir Jama'ah haji pada tahun ini, kerana beliau tidak suka menunaikan ibadat haji, sedangkan kaum Musyrikin masih mengerjakan tawaf dengan keadaan bogel. Kemudian apabila turun bahagian awal Surah at-Taubah, maka beliau terus mengirim Ali r.a. menyusuli Abu Bakr, lalu Ali pun mengumumkan kepada orang ramai maksud ayat-ayat Surah at-Taubah itu yang mengandungi hukum-hukum atau peraturan-peraturan yang final dan di antaranya ialah peraturan yang tidak membenarkan mana-mana orang Musyrik mengerjakan ibadat tawaf di Baitullah selepas tahun ini.

At-Tirmizi telah meriwayatkan di dalam kitab at-Tafsir dengan isnadnya dari Ali katanya: "Nabi s.a.w. telah mengirimkan saya ketika diturunkan Surah Bara'ah (at-Taubah) untuk menghebahkan empat perkara: (1) Orang-orang yang bertelanjang tidak dibenarkan melakukan ibadat tawaf. (2) Tiada seorang Musyrik pun yang dibenarkan menghampiri Masjidil-Haram selepas tahun ini. (3) Sesiapa yang mempunyai perjanjian dengan Rasulullah s.a.w., maka perjanjian itu akan dihormati sehingga habis tempohnya. (4) Dan tiada yang dapat masuk Syurga melainkan orang Islam". Khabar ini merupakan khabar yang paling sahih yang datang mengenai persoalan ini. Oleh itu kami rasa cukup dengannya.

* * * * * *

بَرَآءَةٌ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦٓ إِلَى ٱلَّذِينَ عَٰهَدتُّم مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿١﴾

"(Inilah pernyataan) pemutusan hubungan daripada Allah dan rasul-Nya (yang dihadapkan) kepada orang-orang Musyrikin yang kamu telah mengadakan perjanjian dengan mereka."(1)

Perisytiharan umum yang dilaungkan dengan suara yang tinggi ini mengandungi dasar am perhubungan di antara kaum Muslimin dan kaum Musyrikin pada masa itu di Semenanjung Tanah Arab seluruhnya, kerana perjanjian-perjanjian yang diisytiharkan di dalam ayat ini ialah perjanjian-perjanjian yang wujud di antara Rasulullah s.a.w. dengan kaum Musyrikin di Semenanjung Tanah Arab. Perisytiharan pemutusan hubungan Allah dan rasul-Nya dari kaum Musyrikin menentukan sikap setiap Muslim terhadap kaum Musyrikin. Ia diungkapkan dengan nada yang mendalam di dalam hati setiap Muslim hingga tidak ada lagi ruang untuk bertanya dan teragak-agak.

Selepas perisytiharan datang pula keterangan-keterangan, penentuan-penentuan dan huraian-huraian bagi perisytiharan ini:

فَسِيحُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّكُمْ غَيْرُ مُعْجِزِى ٱللَّهِ وَأَنَّ ٱللَّهَ مُخْزِى ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٢﴾

"Oleh sebab itu (wahai kaum Musyrikin) berjalanlah kamu (dengan bebas dan aman) di bumi negeri ini selama empat bulan dan ketahuilah bahawa kamu tidak akan dapat melemahkan Allah dan sesungguhnya Allah tetap menghinakan orang-orang yang kafir."(2)

Ini merupakan keterangan bagi tempoh masa yang diberikan Allah kepada kaum Musyrikin, iaitu selama empat bulan, di mana mereka bebas bergerak, berpindah, berniaga, menyelesaikan kira-kira mereka dan mengubahkan kedudukan dengan aman, mereka tidak akan ditindak secara mengejut dan mendadak dan mereka boleh merasa aman terhadap perjanjian-perjanjian mereka dengan Rasulullah sehingga kaum Musyrikin yang telah membatalkan perjanjian mereka pada kesempatan yang pertama yang diperolehi mereka dan pada detik pertama, menduga bahawa Rasulullah s.a.w. dan angkatan perang kaum Mu'minin tidak akan dapat kembali dari Tabuk kepada keluarga mereka, kerana mereka akan ditawan oleh bala tentera Roman sebagaimana digembar-gemburkan oleh penyebar-penyebar berita angin dan kaum Munafiqin di Madinah. Bilakah perisytiharan putus hubungan dengan kaum Musyrikin itu berlaku? Ia berlaku setelah sekian lama perjanjian-perjanjian itu dimateraikan dan di setiap kali ia dimateraikan setiap kali pula ia dibatalkan... Ia berlaku selepas mengalami siri-siri pengalaman yang panjang dan secara tegas meyakinkan bahawa kaum Musyrikin akan terus berjuang memerangi kaum Muslimin sehingga mereka berjaya mengembalikan mereka dari agama baru kepada agama asal mereka jika mereka mampu berbuat begitu. Di zaman sejarah manakah perisytiharan ini berlaku? Ia berlaku di zaman umat manusia belum lagi mengenal undang-undang selain dari undang-undang rimba, dan di zaman di mana tidak ada perhitungan lain di antara berbagai-bagai masyarakat ini melainkan perhitungan sama ada sesuatu masyarakat ini mempunyai keupayaan untuk menyerang masyarakat yang lain atau tidak, iaitu keupayaan menyerang tanpa memberi amaran dan peringatan, menyerang tanpa menghiraukan perjanjian sebaik sahaja mendapat peluang. Tetapi Islam tetap Islam sejak zaman itu lagi, kerana Islam adalah sistem hidup ciptaan Allah yang tidak ada hubungan dengan zaman dalam segala dasar dan prinsipnya. Justeru itu bukannya zaman yang memaju dan mengembangkan Islam, tetapi

Islamlah yang memaju dan membawa perkembangan kepada masyarakat manusia di sekitar paksinya dan di dalam ruang lingkupnya, di samping itu Islamlah yang menghadapi realiti hidup manusia yang berkembang dan berubah-ubah kerana pengaruhnya dengan menggunakan berbagai-bagai sarana yang baru dan sesuai dengan perubahan dalam masa ia membawa manusia bergerak maju ke depan.

Di samping jangka tempoh yang diberikan kepada kaum Musyrikin, ayat yang berikut menggoncangkan hati mereka dengan hakikat yang tetap akan berlaku. Ia menyedarkan mereka terhadap hakikat ini supaya mereka sedar dan membuka mata, iaitu walaupun mereka dapat bergerak bebas di bumi, namun mereka tidak akan dapat, melemahkan Allah untuk mencari mereka dan mereka tidak akan terlepas dari tangkapan Allah walaupun mereka melarikan diri. Mereka tidak akan terlepas dari nasib kesudahan yang telah ditetapkan Allah kepada mereka, iaitu Allah tetap akan mengira, memalu dan menghina mereka:

وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّكُمۡ غَيۡرُ مُعۡجِزِي ٱللَّهِ وَأَنَّ ٱللَّهَ مُخۡزِي ٱلۡكَٰفِرِينَ ٢

"Dan ketahuilah bahawa kamu tidak akan dapat melemahkan Allah dan sesungguhnya Allah tetap menghinakan orang-orang yang kafir."(2)

Ke manakah mereka akan melepas dan melarikan diri dari Allah hingga Allah tidak berupaya mencari dan menangkap mereka, sedangkan mereka berada di dalam genggaman qudrat-Nya dan seluruh bumi juga berada dalam genggaman qudrat-Nya? Malah Allah telah membuat keputusan untuk menghinakan mereka dan tiada sesiapa yang berkuasa menolak keputusan-Nya?

Kemudian ayat yang berikut menerangkan masa pengumuman perisytiharan pemutusan hubungan ini dan menyampaikannya kepada kaum Musyrikin untuk memberi amaran kepada mereka sehubungan dengan masa yang dijanjikan itu.

وَأَذَٰنٞ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦٓ إِلَى ٱلنَّاسِ يَوۡمَ ٱلۡحَجِّ ٱلۡأَكۡبَرِ أَنَّ ٱللَّهَ بَرِيٓءٞ مِّنَ ٱلۡمُشۡرِكِينَ وَرَسُولُهُۥۚ فَإِن تُبۡتُمۡ فَهُوَ خَيۡرٞ لَّكُمۡۖ وَإِن تَوَلَّيۡتُمۡ فَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّكُمۡ غَيۡرُ مُعۡجِزِي ٱللَّهِۗ وَبَشِّرِ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ٣

"Dan (inilah) satu pernyataan dari Allah dan rasul-Nya kepada umat manusia pada hari Haji Akbar bahawa sesungguhnya Allah dan rasul-Nya telah memutuskan hubungan dengan kaum Musyrikin. Oleh kerana itu, jika kamu bertaubat, maka ia lebih baik untuk kamu, tetapi jika kamu berpaling, maka ketahuilah bahawa kamu tidak akan dapat melemahkan Allah, dan sampaikan berita gembira kepada orang-orang kafir bahawa mereka akan menerima 'azab yang amat pedih."(3)

Riwayat-riwayat telah berselisih dalam menentukan maksud hari Haji Akbar. Apakah hari Haji Akbar itu hari Arafah atau hari korban? Mengikut pendapat yang sahih ialah hari korban. Kata-kata "azan" bererti perisytiharan dan ia diumumkan kepada orang ramai pada musim haji. Perisytiharan pemutusan hubungan Allah dan rasul-Nya dari kaum Musyrikin umumnya – dari segi dasar – kemudian di dalam ayat selanjutnya dikecualikan kaum Musyrikin yang mempunyai perjanjian terbatas, yang dikekalkan sehingga habis tempohnya. Hikmat menjelaskan dasar 'am dari awal lagi dalam bentuk umum amatlah terang, kerana ia menggambarkan tabi'at perhubungan yang final, sedangkan pengecualian itu adalah dikhususkan dengan perjanjian yang berakhir dengan tamatnya tempohnya yang ditentukan itu. Pemahaman seperti ini diilhamkan oleh pandangan yang luas terhadap tabi'at perhubungan yang harus wujud di antara kem yang menjadikan manusia sebagai para hamba kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dengan kem-kem yang menjadikan manusia sebagai para hamba kepada sekutu-sekutu Allah sebagaimana telah kami jelaskan dalam kata pengantar surah dan kata pengantar bahagian ayat-ayat ini.

Setelah membuat perisytiharan pemutusan hubungan secara menyeluruh, maka ayat yang berikut menggalakkan mereka supaya mencari hidayat dan menakutkan mereka dari terus hanyut di dalam kesesatan:

فَإِن تُبۡتُمۡ فَهُوَ خَيۡرٞ لَّكُمۡۖ وَإِن تَوَلَّيۡتُمۡ فَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّكُمۡ غَيۡرُ مُعۡجِزِي ٱللَّهِۗ وَبَشِّرِ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ٣

"Oleh kerana itu jika kamu bertaubat, maka ia lebih baik untuk kamu, tetapi jika kamu berpaling maka ketahuilah bahawa kamu tidak akan dapat melemahkan Allah, dan sampaikan berita gembira kepada orang-orang kafir bahawa mereka akan menerima 'azab yang amat pedih."(3)

Amaran supaya takut kepada kesesatan dan galakan mencari hidayat di dalam ayat Bara'ah ini menunjukkan ciri tabi'at sistem hidup Islam, iaitu Islam adalah sistem hidup yang berlandaskan hidayat sebelum sesuatu yang lain. Islam memberi tempoh kepada kaum Musyrikin bukan semata-mata kerana ia tidak suka menyerang dan membunuh mereka secara mendadak sebagaimana yang telah berlaku di dalam perhubungan-perhubungan antarabangsa di zaman silam dan masih terus berlaku hingga ke zaman kini, tetapi ia memberi tempoh kepada mereka supaya mereka dapat berfikir dengan tenang dan memilih jalan yang lebih baik dan betul. Ia menggalakkan mereka bertaubat dari kepercayaan dan amalan syirik dan kembali kepada Allah Tuhan Yang Maha Esa. Ia menakutkan mereka dari tindakan berpaling dari hidayat Allah kerana perbuatan itu tidak memberi

apa-apa faedah kepada mereka dan ia mengingatkan mereka terhadap balasan 'azab yang amat pedih pada hari Akhirat di samping kehinaan di dunia. Ia menggoncangkan hati mereka dengan goncangan yang kuat supaya sampah-sampah dosa yang mengarati fitrah mereka hilang darinya dan dapatlah fitrah kembali berfungsi mendengar dan menyambut hidayat.

Di samping itu ayat ini juga memberi ketenteraman kepada barisan Muslimin dan kepada setiap hati yang dilambung ketakutan, kebimbangan, kesangsian, perasaan tidak senang dan sangkaan yang bukan-bukan kerana persoalan ini telah menjadi keputusan Allah dan kerana ketentuan nasib kesudahan telah pun ditetapkan sebelum dimulakan lagi.

Setelah dijelaskan dasar umum dalam tata hubungan di antara masyarakat Islam dan masyarakat bukan Islam dengan mengumumkan perisytiharan pemutusan hubungan yang menyeluruh dengan kaum Musyrikin dan pembatalan perjanjian-perjanjian dengan mereka, maka ayat yang berikut pula membuat pengecualian yang khusus mengenai keadaan-keadaan sementara yang kemudian akan ditundukkan kepada dasar umum itu:

إِلَّا ٱلَّذِينَ عَٰهَدتُّم مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ثُمَّ لَمْ يَنقُصُوكُمْ شَيْـًٔا وَلَمْ يُظَٰهِرُوا۟ عَلَيْكُمْ أَحَدًا فَأَتِمُّوٓا۟ إِلَيْهِمْ عَهْدَهُمْ إِلَىٰ مُدَّتِهِمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٤﴾

"Kecuali orang-orang Musyrikin yang kamu telah mengadakan perjanjian dengan mereka kemudian mereka tidak pernah mengurangi sedikit pun isi perjanjian itu terhadap kamu dan mereka tidak pernah membantu seseorang pun memusuhi kamu, maka sempurnakanlah perjanjian kamu dengan mereka sehingga sampai tempohnya. Sesungguhnya Allah menyayangi orang-orang yang bertaqwa."(4)

Pendapat yang lebih sahih mengenai kaum Musyrikin yang dikecualikan oleh ayat ini ialah sekumpulan dari suku Bani Bakr – mereka dari suku Bani Khuzaymah ibn 'Amir dari Bani Bakr ibn Kinanah – yang tidak membatalkan perjanjian mereka yang diadakan di Hudaybiyah bersama kaum Quraysy dan sekutu-sekutunya dan mereka tidak mengambil bahagian dalam pencerobohan ke atas suku Khuzaymah, iaitu pencerobohan yang dibantu oleh Quraysy, dan dengan pencerobohan ini terbatallah perjanjian Hudaybiyah, dan penaklukan negeri Makkah telah berlaku selepas dua tahun diadakan perjanjian itu. Dan perjanjian itu telah dimateraikan selama 10 tahun dari Hudaybiyah. Kumpulan suku Bani Bakr ini tetap mematuhi perjanjiannya dan tetap dengan kepercayaan syiriknya, lalu Rasulullah s.a.w. memerintah supaya dihormati perjanjian mereka sehingga habis tempohnya. Dalil yang menguatkan pendapat kami – iaitu riwayat Muhammad ibn 'Ibad ibn Ja'afar – ialah perkataan as-Suddi yang mengatakan: "Mereka ialah suku Bani Dhamrah dan suku Bani Mudlij iaitu dua kaum dari suku Kinanah, juga perkataan Mujahid yang mengatakan: "Bani Mudlij dan Khuzaimah mempunyai perjanjian dan perjanjian inilah yang dimaksudkan Allah di dalam firman-Nya:

فَأَتِمُّوٓا۟ إِلَيْهِمْ عَهْدَهُمْ إِلَىٰ مُدَّتِهِمْ ۚ

"Maka sempurnakanlah perjanjian kamu dengan mereka sehingga sampai tempohnya."(4)

Tetapi menurut pemerhatian sejarah, suku Khuza'ah telah masuk ke dalam Islam selepas penaklukan negeri Makkah, jadi ayat ini adalah khusus untuk kaum Musyrikin yang terus tinggal dalam kepercayaan syirik mereka sahaja sebagaimana disokong oleh keterangan ayat yang ketujuh yang akan datang dari firman Allah:

كَيْفَ يَكُونُ لِلْمُشْرِكِينَ عَهْدٌ عِندَ ٱللَّهِ وَعِندَ رَسُولِهِۦٓ إِلَّا ٱلَّذِينَ عَٰهَدتُّمْ عِندَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ ۖ فَمَا ٱسْتَقَٰمُوا۟ لَكُمْ فَٱسْتَقِيمُوا۟ لَهُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٧﴾

"Bagaimana mungkin orang-orang Musyrikin itu wajar mempunyai perjanjian yang diakui di sisi Allah dan rasul-Nya, kecuali kaum Musyrikin yang kamu telah mengadakan perjanjian dengan mereka berhampiran Masjidil-Haram. Oleh itu selama mereka berlaku lurus terhadap kamu, maka hendaklah kamu berlaku lurus terhadap mereka. Sesungguhnya Allah menyayangi orang-orang yang bertaqwa."(7)

Kedua-dua kaum dari suku Kinanah ini adalah di antara puak-puak yang memeterai perjanjian berhampiran Masjidil-Haram di Hudaybiyah, kemudian mereka tidak pernah, mengurangi komitmen mereka sedikit pun terhadap kaum Muslimin dan tidak pernah menolong mana-mana pihak memusuhi mereka. Merekalah golongan kaum Musyrikin yang dimaksudkan di dalam pengecualian Al-Qur'an itu awal dan akhir sebagaimana yang difaham oleh angkatan Mufassirin yang pertama, dan pendapat ini juga telah dipilih oleh Ustaz asy-Syeikh Rasyid Redha, tetapi mengikut pendapat Ustaz Muhammad 'Izzat Daruzah bahawa yang dimaksudkan dengan kaum Musyrikin yang memeterai perjanjian itu ialah satu puak Musyrikin yang lain yang tidak disebut di dalam pengecualian yang pertama (dalam ayat 4). Ini berdasarkan kecenderungan beliau kepada membolehkan diadakan perjanjian yang berkekalan di antara kaum Muslimin dan kaum Musyrikin dengan bersandarkan kepada firman Allah:

فَمَا ٱسْتَقَٰمُوا۟ لَكُمْ فَٱسْتَقِيمُوا۟ لَهُمْ ۚ

"Oleh itu selama mereka berlaku lurus terhadap kamu, maka hendaklah kamu berlaku lurus terhadap mereka."(7)

untuk dijadikan dalil bagi keharusan (جواز) memeterai perjanjian yang berkekalan! Pendapat ini adalah terlalu jauh dari tabi'at situasi dan tabi'at sistem hidup ciptaan Islam, juga tabi'at agama itu sendiri sebagaimana telah kami nyatakan berulang-ulang kali.

Islam telah menyempurnakan tanggungjawabnya terhadap kaum Musyrikin yang telah menghormati perjanjian mereka. Islam tidak hanya sekadar memberi tempoh kepada mereka selama empat bulan sahaja seperti yang diberi kepada golongan-golongan Musyrikin yang lain dari mereka, malah ia diberi tempoh sehingga habis tempoh perjanjian mereka. Ini disebabkan kerana mereka tidak pernah mengurangi komitmen mereka sedikit pun terhadap perjanjian itu dan tidak pernah membantu musuh kaum Muslimin. Oleh itu kesetiaan yang sedemikian mewajarkan perjanjian mereka dikekalkan sehingga habis tempohnya. Walaupun begitu itu kedudukan pergerakan masyarakat Islam di masa itu perlu bertindak membersihkan seluruh bumi Semenanjung Tanah Arab dari kepercayaan syirik dan mengubahkan negeri itu sebagai satu-satunya pangkalan yang aman bagi Islam, kerana musuh-musuhnya yang berada di perbatasan Semenanjung Tanah Arab kini telah menyedari bahayanya dan sedang mengemblengkan kekuatan untuk menghadapinya sebagaimana akan diterangkan ketika membicarakan Peperangan Tabuk, dan sebelum itu telah pun berlaku Peperangan Mu'tah yang merupakan suatu amaran bahawa kerajaan Roman sedang mengadakan persiapan untuk menghadapi Islam, lebih-lebih lagi mereka telah pun mengadakan perikatan dengan kerajaan Parsi yang berada di selatan Yaman untuk menentang agama yang baru ini.

Apa yang telah berlaku, mengikut Ibn al-Qayim, ialah seluruh golongan kaum Musyrikin yang dikecualikan Allah dan disuruh menghormati perjanjian dengan mereka sehingga habis tempoh perjanjian itu telah menganut agama Islam sebelum habis tempoh itu, malah golongan-golongan kaum Musyrikin yang lain yang telah membatalkan perjanjian mereka dan diberi tempoh selama empat bulan untuk bergerak dengan bebas dan aman di bumi juga tidak sempat berbuat begitu kerana mereka telah memilih untuk memeluk Islam.

Allah S.W.T. telah mengetahui – ketika mengaturkan langkah da'wah ini – bahawa masanya telah tiba untuk melancarkan tindakan terakhir ini, kerana suasana dan keadaan bumi Arab telah bersedia untuk menerima tindakan itu. Kini jelaslah bahawa tindakan terakhir itu datang tepat dengan waktunya, sesuai dengan realiti yang lahir dan sesuai dengan perencanaan Allah yang tersembunyi, dan inilah yang telah berlaku.

Kini kita sedang berdepan dengan arahan Allah supaya menyempurnakan perjanjian dengan golongan Musyrikin yang menyempurnakan perjanjian mereka:

فَأَتِمُّوٓاْ إِلَيۡهِمۡ عَهۡدَهُمۡ إِلَىٰ مُدَّتِهِمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلۡمُتَّقِينَ ٤

"Maka sempurnakanlah perjanjian kamu dengan mereka sehingga sampai tempohnya. Sesungguhnya Allah menyayangi orang-orang yang bertaqwa."(4)

Dalam ayat ini Allah hubungkan penyempurnaan perjanjian itu dengan ketaqwaan kepada Allah dan kasih sayang-Nya kepada para Muttaqin. Allah jadikan penyempurnaan perjanjian itu suatu ibadat dan ketaqwaan yang sangat disukainya. Inilah dasar akhlak di dalam Islam. Dasar akhlak di dalam Islam bukannya faedah dan kepentingan, bukannya dasar istilah dan adat kebiasaan yang sentiasa berubah, malah dasar akhlak ialah dasar ibadat dan ketaqwaan kepada Allah. Seseorang Muslim harus berakhlak dengan akhlak yang di sukai dan diredhai Allah. Di sinilah terletaknya potensi akhlak di dalam Islam dan di sinilah juga terletaknya sumber kesedaran akhlak yang kuat. Di samping itu dasar akhlak dapat merealisasikan faedah-faedah yang baik bagi manusia, menjaminkan muslihat dan kepentingan mereka dan dapat melahirkan masyarakat yang mengurangkan pergeseran dan percakaran hingga ke tahap maksimun yang mungkin di samping meningkatkan jiwa manusia menjulang tinggi kepada Allah.

Setelah menjelaskan perintah memutuskan hubungan antara Allah dan rasul-Nya dengan seluruh kaum Musyrikin sama ada yang telah memeterai perjanjian atau tidak kecuali kaum Musyrikin yang tidak mengurangkan komitmen mereka sedikit pun terhadap perjanjian mereka dengan kaum Muslimin dan tidak pernah membantu mana-mana pihak yang memusuhi Islam, maka golongan ini dihormati perjanjian mereka hingga sampai tempohnya, maka ayat yang berikut pula menyebut tindakan selanjut yang harus diambil oleh kaum Muslimin selepas habis tempoh yang ditentukan itu:

فَإِذَا ٱنسَلَخَ ٱلۡأَشۡهُرُ ٱلۡحُرُمُ فَٱقۡتُلُواْ ٱلۡمُشۡرِكِينَ حَيۡثُ وَجَدتُّمُوهُمۡ وَخُذُوهُمۡ وَٱحۡصُرُوهُمۡ وَٱقۡعُدُواْ لَهُمۡ كُلَّ مَرۡصَدٖۚ فَإِن تَابُواْ وَأَقَامُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُاْ ٱلزَّكَوٰةَ فَخَلُّواْ سَبِيلَهُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ٥

"Apabila habis tempoh empat bulan haram (di mana kamu diharam berperang), maka bunuhlah kaum Musyrikin di mana sahaja kamu jumpa mereka, tangkaplah mereka, kepungilah mereka dan perhatikan pergerakan mereka di setiap tempat kawalan. Jika mereka bertaubat, mendirikan solat dan menunaikan zakat, maka berilah kebebasan kepada mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(5)

Perisytiharan Putus Hubungan Diiringi Dengan Tindakan Perang

Di sana terdapat pendapat-pendapat yang berbeza mengenai maksud "bulan-bulan haram" yang disebut di dalam firman Allah itu. Apakah bulan-bulan itu ialah bulan-bulan haram yang telah diistilahkan, iaitu bulan Zulkaedah, Zulhijah, Muharam dan Rejab? jika demikian maksudnya, maka waktu yang baki selepas perisytiharan pemutusan hubungan pada hari Haji Akbar ialah hari-hari yang baki dari bulan Zulhijah kemudian bulan Muharam iaitu lima puluh hari. Atau yang dimaksudkan dengannya ialah empat bulan yang diharamkan berperang iaitu mulai dari hari korban dan berakhir pada dua puluh Rabiul-Akhir? Atau tempoh yang pertama itu ialah untuk golongan kaum Musyrikin yang membatalkan perjanjian mereka dan tempoh yang kedua ini untuk golongan kaum Musyrikin yang tidak mempunyai perjanjian atau untuk golongan kaum Musyrikin yang memeterai perjanjian yang tidak terbatas?

Pendapat yang sahih di sini kami ialah empat bulan yang disebut di dalam ayat ini bukannya bulan-bulan haram yang diistilahkan itu, tetapi bulan-bulan itu disifatkan sebagai bulan-bulan haram kerana di dalam bulan-bulan itu mereka diharamkan berperang. Tujuan kaum Musyrikin diberi tempoh di sepanjang bulan-bulan itu ialah untuk memberi kesempatan kepada mereka bergerak bebas dan aman di bumi negeri mereka selama empat bulan. Perintah itu merangkumi seluruh kaum Musyrikin kecuali golongan kaum Musyrikin yang memeterai perjanjian yang terbatas yang termasuk dalam golongan Musyrikin yang diberi tempoh sehingga selesai masa perjanjian itu. Selama Allah telah berfirman:

فَسِيحُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ

"Oleh sebab itu berjalanlah kamu (dengan bebas dan aman) di bumi negeri ini selama empat bulan"(2)

maka pastilah empat bulan yang ditentukan itu bermula dengan hari pengumuman perisytiharan pemutusan hubungan itu. Inilah yang sesuai dengan tabi'at pengumuman itu.

Allah telah memerintah kaum Muslimin – setelah habis tempoh empat bulan supaya mereka membunuh setiap orang musyrik di mana sahaja mereka ditemui atau menawan atau mengepung mereka jika mereka berlindung di mana-mana perkubuan atau mengawal dan mengintip pergerakan mereka supaya mereka tidak terlepas dan melesapkan diri, kecuali kaum Musyrikin yang diperintah supaya dihormati perjanjian mereka sehingga habis tempohnya tanpa diperlaku sebarang tindakan terhadap mereka. Tindakan itu dilakukan kerana kaum Musyrikin telah diberi amaran dan tempoh yang cukup. Di sini jelaslah bahawa mereka bukannya dibunuh secara mendadak dan bukannya ditangkap secara mengejut. Perjanjian-perjanjian mereka secara rasmi telah dicampak balik kepada mereka dan dari awal-awal lagi mereka tahu apakah langkah selanjut yang menunggu mereka.

Tetapi tindakan ini bukannya tindakan penghapusan atau pembalasan dendam, malah ia merupakan sesuatu tindakan amaran dan dorongan supaya memeluk Islam:

فَإِن تَابُوا۟ وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُا۟ ٱلزَّكَوٰةَ فَخَلُّوا۟ سَبِيلَهُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٥﴾

"Jika mereka bertaubat, mendirikan solat dan menunaikan zakat, maka berilah kebebasan kepada mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(5)

Kaum Musyrikin Diberi Kesempatan Bertaubat

Di belakang mereka telah berlalu dua puluh dua tahun, di mana mereka mendengar da'wah dan pandangan Islam, di mana mereka bertindak mengganggu dan menindas kaum Muslimin supaya meninggalkan agama mereka, di mana mereka memerangi kaum Muslimin dan mengaturkan komplot-komplot untuk menumbang kekuasaan mereka dan di mana mereka mengenal toleransi Islam, toleransi rasul-Nya dan pemeluk-pemeluk Islam terhadap mereka. Dua puluh dua tahun itu adalah suatu perjalanan sejarah yang panjang, namun begitu Islam tetap membuka dua tangannya untuk menerima mereka, dan oleh kerana itu Allah memerintah nabi-Nya dan kaum Muslimin yang telah ditindas, diperangi, diusir, diburu dan dibunuh mereka supaya berhenti melakukan tindakan yang keras terhadap kaum Musyrikin jika mereka memilih bertaubat kepada Allah dan menjunjung syi'ar-syi'ar Islam yang membuktikan bahawa mereka telah memeluk Islam, mematuhi perintah-Nya dan mengerjakan tugas-tugas yang diwajibkan ke atas mereka. Ini ialah kerana Allah tidak menolak sesiapa yang bertaubat walau sebesar mana sekalipun dosa-dosa mereka:

إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٥﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(5)

Di sini kami tidak ingin masuk ke dalam perdebatan fiqhi yang panjang lebar yang dibicarakan oleh kitab-kitab tafsir dan kitab-kitab fiqah di sekitar nas-ini:

فَإِن تَابُوا۟ وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُا۟ ٱلزَّكَوٰةَ فَخَلُّوا۟ سَبِيلَهُمْ ۚ

"Jika mereka bertaubat, mendirikan solat dan menunaikan zakat, maka berilah kebebasan kepada mereka"(5)

iaitu perdebatan sama ada apa yang disebut di dalam ayat ini merupakan syarat-syarat Islam dan sesiapa yang meninggalkannya menjadi kafir, dan bila ia menjadi kafir? Dan sama ada orang yang bertaubat

itu cukup dengan memenuhi syarat-syarat ini sahaja tanpa diperlukan menyempurnakan baki rukun-rukun Islam yang lain yang diketahui umum?

Kami tidak fikir bahawa ayat ini menyentuh sesuatu dari perkara-perkara yang diperdebatkan itu, malah ayat ini hanya merupakan suatu nas yang menghadapi suatu realiti kaum Musyrikin di Semenanjung Tanah Arab pada masa itu, di mana seorang musyrik tidak mengumumkan taubatnya dan mendirikan solat dan menunaikan zakat melainkan dengan tujuan menerima Islam seluruhnya, mematuhi segala perintah-Nya dan memasuki ke dalam seluruh peraturannya. Oleh sebab itu ayat ini hanya menyebut taubat, mendirikan solat dan menunaikan zakat sahaja, kerana tiada siapa dari orang-orang Musyrik pada masa itu yang melakukan amalan-amalan ini melainkan pastilah dengan niat masuk Islam dan dengan kerelaannya untuk menerima syarat-syarat dan konsep Islam yang sempurna terutama keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa dengan syahadat La ilaha Ilallah dan pengakuan terhadap kerasulan Muhammad s.a.w. dengan syahadat Muhammad pesuruh Allah.

Di sini jelaslah bahawa ayat ini bukannya bertujuan menerangkan sesuatu hukum, fiqah, malah bertujuan untuk menghadapi satu realiti yang mempunyai konteks-konteksnya, yang tertentu.

Peperangan Islam Bukan Bertujuan Menghapuskan Kaum Musyrikin

Akhirnya, walaupun Islam mengisytiharkan perang ke atas seluruh kaum Musyrikin selepas tamatnya tempoh empat bulan itu, namun Islam tetap juga dengan sifat-sifat toleransinya, keseriusan dan realismenya. Islam bukannya mengisytiharkan peperangan untuk menghapuskan setiap musyrik, malah Islam mengisytiharkannya sebagai kempen hidayat jika ada kemungkinan ke arah itu. Justeru itulah individu-individu musyrik yang tidak terlibat dalam mana-mana kumpulan jahiliyah yang menentang Islam, maka Islam menjamin keamanan kepada mereka di dalam negara Islam dan Allah telah memerintah Rasulullah s.a.w. supaya memberi perlindungan kepada mereka sehingga mereka mendapat kesempatan mendengar Kalamullah dan sempurna disampaikan kepada mereka segala isi kandungan da'wah, beliau juga diperintah supaya menjaga dan mengawal keselamatan mereka sehingga dihantar ke tempat yang aman. Semuanya ini dilakukan untuk mereka walaupun mereka masih dalam agama syirik:

وَإِنْ أَحَدٌ مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ٱسْتَجَارَكَ فَأَجِرْهُ حَتَّىٰ يَسْمَعَ كَلَـٰمَ ٱللَّهِ ثُمَّ أَبْلِغْهُ مَأْمَنَهُۥ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَعْلَمُونَ ﴿٦﴾

"Jika seseorang Musyrikin meminta perlindungan kepada kamu, maka berilah perlindungan kepadanya sehingga ia sempat mendengar Kalamullah kemudian hantarkannya ke tempat yang aman baginya. Layanan yang sedemikian kerana mereka adalah golongan yang tidak mengetahui.(6)

Ayat ini memberi erti bahawa Islam sangat prihatin agar setiap hati mendapat hidayat dan pulang kepada Allah dan agar setiap orang Musyrik yang meminta perlindungan dan keamanan di negeri Islam wajib diberi perlindungan dan keamanan, kerana dalam situasi yang seperti ini Islam berada dalam keadaan aman dari diserang mereka dan dari perpaduan dan komplot mereka yang bertujuan menggugatkan Islam. Oleh sebab itu tiada apa-apa kemudharatan untuk diberikan kepada mereka peluang untuk mendengar Al-Qur'an dan mengenali agama ini (dari dekat) semoga hati mereka terbuka dan bersedia untuk menyambut dan menerima. Dan jika hati mereka tidak juga menyahut (panggilan iman), maka Allah telah mewajibkan warga-warga negara Muslimin supaya menjaga dan mengawal keselamatan mereka selepas mereka dikeluarkan dari negeri Islam hingga mereka sampai ke negeri yang aman!!!

Perlindungan dan keamanan yang diberikan kepada mereka di negeri Islam ini merupakan satu kemuncak yang tinggi, tetapi kemuncak-kemuncak Islam yang semakin tinggi masih kelihatan di sana, kemuncak demi kemuncak dan di antaranya ialah kawalan keselamatan yang diberikan kepada seorang musyrik yang menjadi musuh Islam dan kaum Muslimin dan turut mengganggu, menindas dan memusuhi kaum Muslim di dalam tahun-tahun yang silam, ia terus diberi kawalan keselamatan sehingga ia sampai di negeri yang aman di luar perbatasan negeri Islam!

Itulah jalan menuju hidayat bukannya jalan menuju ke arah penghapusan, hatta walaupun ketika itu Islam berusaha untuk menjadikan negeri itu suatu tapak yang aman bagi Islam.

Orang-orang yang membicarakan jihad dalam Islam dan mengecapkannya sebagai tindakan memaksa manusia memeluk Islam dan orang-orang Islam yang bersikap mempertahankan agama ini merasa terperanjat dengan tuduhan yang sedemikian, lalu mereka tampil berhempas pulas menolak tuduhan itu dengan jawapan bahawa Islam tidak berperang melainkan dengan tujuan mempertahankan keselamatan warganegaranya dalam lingkungan perbatasan negerinya. Orang-orang yang seperti ini perlu melihat kepada kemuncak yang tinggi yang digambarkan dalam arahan yang luhur ini:

وَإِنْ أَحَدٌ مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ٱسْتَجَارَكَ فَأَجِرْهُ حَتَّىٰ يَسْمَعَ كَلَـٰمَ ٱللَّهِ ثُمَّ أَبْلِغْهُ مَأْمَنَهُۥ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَعْلَمُونَ ﴿٦﴾

"Jika seseorang Musyrikin meminta perlindungan kepada kamu, maka berilah perlindungan kepadanya sehingga ia sempat mendengar Kalamullah kemudian hantarkannya ke

tempat yang aman baginya. Layanan yang sedemikian kerana mereka adalah golongan yang tidak mengetahui."(6)

Islam merupakan pemberitahuan kepada mereka yang tidak mengetahui dan merupakan tempat perlindungan kepada mereka yang meminta perlindungan walaupun orang-orang ini dari musuh ketatnya yang pernah menghunuskan mata pedang kepadanya, pernah memerangi dan memusuhinya, tetapi tujuan Islam berperang dengan menggunakan mata pedang ialah untuk menghancurkan kekuatan-kekuatan fizikal yang menghalang individu-individu dari mendengar Kalamullah dan dari mengetahui ilmu-ilmu yang diturunkan Allah, iaitu ia menghalangkan mereka dari hidayat di samping menghalangkan mereka dari membebaskan diri dari menyembah kepada sesama manusia dan membawa mereka menyembah yang lain dari Allah. Apabila kekuatan-kekuatan dan halangan-halangan ini dapat dihancurkan, maka semua individu, di bawah naungan Islam berada dalam keadaan yang aman terhadap 'aqidah mereka. Islam memberitahu dan mengajar mereka, Islam tidak menakut-nakutkan mereka, Islam memberi perlindungan kepada mereka dan tidak membunuh mereka, kemudian Islam mengawal keselamatan mereka sehingga mereka sampai ke negeri yang aman. Semuanya ini diberikan kepada mereka walaupun mereka enggan menerima agama Allah!

Di dunia hari ini terdapat berbagai-bagai sistem hidup ciptaan manusia dan mereka yang menentang sistem-sistem ini tidak akan merasa aman terhadap keselamatan dirinya, hartanya, maruahnya dan kehormatannya sebagai manusia! Kemudian ada sekumpulan orang yang berdiri melihat hal ini di dalam realiti hidup manusia, sedangkan mereka terkumat-kamit dan tergugup-gugup untuk menolak tuduhan palsu terhadap agama Allah yang memburukkan imej agama ini dan menjadi penolakan itu satu usaha yang lucu seolah-olah bercakap di hadapan mata pedang dan meriam di zaman ini dan di setiap zaman.

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 12)

كَيْفَ يَكُونُ لِلْمُشْرِكِينَ عَهْدٌ عِندَ ٱللَّهِ وَعِندَ رَسُولِهِۦٓ إِلَّا ٱلَّذِينَ عَٰهَدتُّمْ عِندَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ ۖ فَمَا ٱسْتَقَٰمُوا۟ لَكُمْ فَٱسْتَقِيمُوا۟ لَهُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٧﴾
كَيْفَ وَإِن يَظْهَرُوا۟ عَلَيْكُمْ لَا يَرْقُبُوا۟ فِيكُمْ إِلًّا وَلَا ذِمَّةً ۚ يُرْضُونَكُم بِأَفْوَٰهِهِمْ وَتَأْبَىٰ قُلُوبُهُمْ وَأَكْثَرُهُمْ فَٰسِقُونَ ﴿٨﴾
ٱشْتَرَوْا۟ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ ثَمَنًا قَلِيلًا فَصَدُّوا۟ عَن سَبِيلِهِۦٓ ۚ إِنَّهُمْ سَآءَ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٩﴾
لَا يَرْقُبُونَ فِى مُؤْمِنٍ إِلًّا وَلَا ذِمَّةً ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُعْتَدُونَ ﴿١٠﴾
فَإِن تَابُوا۟ وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُا۟ ٱلزَّكَوٰةَ فَإِخْوَٰنُكُمْ فِى ٱلدِّينِ ۗ وَنُفَصِّلُ ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿١١﴾
وَإِن نَّكَثُوٓا۟ أَيْمَٰنَهُم مِّنۢ بَعْدِ عَهْدِهِمْ وَطَعَنُوا۟ فِى دِينِكُمْ فَقَٰتِلُوٓا۟ أَئِمَّةَ ٱلْكُفْرِ ۙ إِنَّهُمْ لَآ أَيْمَٰنَ لَهُمْ لَعَلَّهُمْ يَنتَهُونَ ﴿١٢﴾

"Bagaimana mungkin orang-orang Musyrikin itu wajar mempunyai perjanjian yang diakui di sisi Allah dan rasul-Nya, kecuali kaum Musyrikin yang kamu telah mengadakan perjanjian dengan mereka berhampiran Masjidil-Haram. Oleh itu selama mereka berlaku lurus terhadap kamu, maka hendaklah kamu berlaku lurus terhadap mereka. Sesungguhnya Allah menyayangi orang-orang yang bertaqwa(7). Bagaimana wajar begitu, sedangkan jika mereka memperolehi kemenangan terhadap kamu, mereka tidak memelihara hubungan kekerabatan dengan kamu dan tidak pula menghormati perjanjian. Mereka menyenangkan hati kamu dengan mulut mereka, sedangkan hati mereka menolak dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasiq(8). Mereka menukar ayat-ayat Allah dengan harga yang sedikit kemudian mereka menghalangi manusia dari jalan Allah. Sesungguhnya amat buruk sekali segala perbuatan yang dilakukan mereka(9). Mereka tidak memelihara hubungan kekerabatan dengan orang Mu'min dan tidak pula menghormati perjanjian, dan mereka adalah golongan yang melampaui batas(10). Jika mereka bertaubat, mendirikan solat dan menunaikan zakat, maka mereka adalah saudara-saudara seagama dengan kamu. Dan Kami menjelaskan ayat-ayat itu kepada golongan yang ingin mengetahui(11). Dan jika mereka mencabuli sumpah (perjanjian) mereka setelah mengikat perjanjian mereka dan mencela agama kamu, maka perangilah pemimpin-pemimpin kekufuran itu kerana mereka sebenarnya tidak menghormati sumpah (perjanjian) mereka supaya mereka berhenti."(12)

Apabila kumpulan ayat-ayat yang silam selesai menjelaskan hukum-hukum atau peraturan-peraturan final dalam tata hubungan di antara masyarakat Islam dengan masyarakat kaum Musyrikin di Semenanjung Tanah Arab, dan tujuan dari peraturan-peraturan ini ialah untuk menamatkan segala perjanjian damai dengan seluruh kaum Musyrikin, setengahnya selepas tempoh empat bulan dan setengah lagi selepas berakhir tempoh perjanjian mereka dan selepas

terlaksananya peraturan-peraturan ini, maka kedudukan mereka berakhir kepada dua keadaan, iaitu sama ada mereka bertaubat, mendirikan solat dan menunaikan zakat yakni masuk Islam dan menunaikan fardhu-fardhu yang wajib atau menghadapi tindakan dibunuh, dikepung, ditawan dan diintipkan segala pergerakan mereka.

Apabila ayat-ayat yang silam selesai mengakhiri perjanjian-perjanjian dengan kaum Musyrikin, maka kumpulan ayat-ayat yang baru menjelaskan pula – melalui pertanyaan yang bertujuan membantah – bahawa adalah tidak wajar, tidak harus dan tidak tertelan jika di katakan kaum Musyrikin itu mempunyai perjanjian yang teraku di sisi Allah dan rasul-Nya. Ia merupakan bantahan pada dasar itu sendiri dan penolakan pada asasnya lagi yang diungkapkan dengan firman-Nya:

كَيْفَ يَكُونُ لِلْمُشْرِكِينَ عَهْدٌ عِندَ ٱللَّهِ وَعِندَ رَسُولِهِۦٓ

"Bagaimana mungkin orang-orang Musyrikin itu wajar mempunyai perjanjian yang diakui di sisi Allah dan rasul-Nya?"(7)

Oleh kerana bantahan yang termuat di dalam kumpulan ayat yang kedua ini mungkin difaham sebagai memansuhkan peraturan yang telah diterangkan di dalam kumpulan ayat-ayat yang pertama, iaitu peraturan yang memberi tempoh sehingga habis tempoh perjanjian kepada kaum Musyrikin yang menghormati perjanjian mereka dan tidak pernah mengurangi komitmen mereka sedikit pun terhadap perjanjian itu dan tidak pernah membantu mana-mana pihak musuh Islam, maka di dalam ayat yang berikut Al-Qur'an kembali menjelaskan peraturan ini sekali lagi:

إِلَّا ٱلَّذِينَ عَٰهَدتُّمْ عِندَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ ۖ فَمَا ٱسْتَقَٰمُوا۟ لَكُمْ فَٱسْتَقِيمُوا۟ لَهُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٧﴾

"Kecuali kaum Musyrikin yang kamu telah mengadakan perjanjian dengan mereka berhampiran Masjidil-Haram. Oleh itu selama mereka berlaku lurus terhadap kamu, maka hendaklah kamu berlaku lurus terhadap mereka. Sesungguhnya Allah menyayangi orang-orang yang bertaqwa."(7)

Pernyataan baru yang tegas ini menambahkan lagi kejelasan, kerana pernyataan yang pertama itu merupakan satu pernyataan yang umum yang menyuruh menyempurnakan perjanjian dengan kaum Musyrikin yang berlaku lurus terhadap perjanjian mereka sehingga habis tempoh perjanjian itu, kemudian pernyataan baru yang tegas ini membataskan keumuman ini, iaitu penyempurnaan perjanjian itu bergantung kepada kelurusan mereka di masa depan sehingga berakhirnya tempoh perjanjian itu sebagaimana mereka telah berlaku lurus di masa yang silam. Ini adalah suatu cara yang amat halus dan hemat dalam mengungkapkan nas-nas mengenai perhubungan-perhubungan dan muamalah-muamalah tanpa berpada dengan mafhum-mafhum yang tersirat, malah diikuti dengan kenyataan-kenyataan yang muktamad.

Memandang kepada apa yang kami telah jelaskan sebelum ini dalam kata pengantar surah dan kata pengantar ayat-ayat bahagian ini mengenai gejala-gejala dan pertimbangan-pertimbangan yang wujud dalam masyarakat ini di waktu itu terhadap langkah yang tegas dan penting ini, maka rangkaian ayat yang berikut menimbulkan keyakinan di dalam hati kaum Muslimin yang dapat menghapuskan dari mereka perasaan-perasaan serba salah, tidak senang dan bimbang dengan mendedahkan kepada mereka hakikat kaum Musyrikin dan membongkarkan hakikat perasaan-perasaan dan niat-niat mereka yang sebenar terhadap kaum Muslimin, iaitu mereka tidak menghormati perjanjian dengan kaum Muslimin, tidak menaruh perasaan silu malu sedikit pun terhadap mereka, tidak menepati dan tidak terikat dengan perjanjian, tidak segan-segan menceroboh apabila mendapat peluang dan tidak ada jalan untuk mengadakan perjanjian, damai dengan mereka selama mereka tidak masuk ke dalam agama Islam persis seperti kaum Muslimin.

* * * * * *

كَيْفَ يَكُونُ لِلْمُشْرِكِينَ عَهْدٌ عِندَ ٱللَّهِ وَعِندَ رَسُولِهِۦٓ

"Bagaimana mungkin orang-orang Musyrikin itu wajar mempunyai perjanjian yang diakui di sisi Allah dan rasul-Nya?"(7)

Mengapa Kaum Musyrikin Tidak Wajar Dimaterai Perjanjian Pada Dasarnya?

Oleh kerana kaum Musyrikin tidak menta'ati Allah dengan 'ubudiyah yang tulen dan tidak mengi'tirafkan kerasulan rasul-Nya, maka bagaimana mungkin mereka mempunyai perjanjian yang diakui di sisi Allah dan rasul-Nya? Mereka tidak membantah dan mengingkar Uluhiyah yang didakwa oleh manusia yang seperti mereka dan tidak pula membantah dan mengingkar sistem hidup yang diciptakan manusia yang seperti mereka, tetapi mereka sebaliknya membantah dan mengingkarkan Uluhiyah Allah yang mencipta dan memberi rezeki kepada mereka. Mereka dari awal-awal lagi menentang Allah dan rasul-Nya dengan bantahan dan keingkaran sedemikian rupa dan justeru itu bagaimana mungkin mereka mempunyai perjanjian yang,diakui di sisi Allah dan rasul-Nya?

Inilah persoalan yang dibangkitkan oleh pernyataan yang diajukan dalam bentuk bantahan itu. Ia merupakan persoalan yang ditujukan kepada dasar perjanjian itu sendiri bukannya ditujukan kepada satu keadaan tertentu dari keadaan-keadaan perjanjian itu.

Mungkin ini menimbulkan kemusykilan kerana kaum Musyrikin benar-benar telah mengadakan berbagai-bagai perjanjian dengan kaum Musyrikin dan setengah-setengah perjanjian itu pula telah diperintah Allah agar dihormati dengan sempurnanya oleh kaum Muslimin. Di samping itu di sana terdapat perjanjian-perjanjian yang telah dimaterai sebelum tertubuhnya kerajaan Islam di Madinah, iaitu perjanjian-perjanjian dengan kaum Yahudi dan perjanjian-perjanjian dengan kaum Musyrikin, sementara Perjanjian Hudaibiyah pula telah ditandatangani pada tahun yang keenam hijrah. Di samping itu di sana terdapat nas-nas di dalam surah-surah yang lepas yang mengharuskan pemeteraian perjanjian-perjanjian yang seperti ini walaupun diharuskan mengembalikan semula perjanjian itu apabila dibimbangi berlakunya pengkhianatan. Oleh itu apabila dasar mengadakan perjanjian dengan kaum Musyrikin itu di bantah di dalam ayat ini, maka bagaimana pula diharuskan perjanjian-perjanjian yang telah diadakan di masa-masa yang silam dan diakui berkuatkuasa sehingga turunnya bantahan terakhir terhadap dasar pemeteraian perjanjian itu?

Kemusykilan ini tidak mempunyai apa-apa erti apabila tabi'at pergerakan Islam ini difaham dengan betul sebagaimana telah kami jelaskannya di permulaan surah ini dan di permulaan Surah al-Anfal sebelumnya. Sebenarnya perjanjian-perjanjian yang telah lalu itu adalah dibuat dengan tujuan untuk menghadapi realiti yang wujud di masa itu dengan segala sarana yang sesuai dengannya, sedangkan mengikut peraturan yang final kaum Musyrikin tidak wajar mempunyai perjanjian yang diakui di sisi Allah dan rasul-Nya. Perjanjian-perjanjian yang lepas itu tidak lebih dari peraturan-peraturan Marhaliyah di tengah jalan pergerakan Islam yang dari awal lagi memperjuangkan matlamat supaya di bumi ini tidak wujud kesyirikan terhadap Allah dan supaya seluruh keta'atan itu tertentu kepada Allah Yang Maha Esa sahaja. Islam telah mengumumkan matlamat ini pada hari pertama lagi dan ia tidak mengelirukan sesiapa pun tentang matlamat ini. Justeru itu jika keadaan-keadaan realiti memerlukan ia berdamai dengan kaum Musyrikin yang ingin berdamai dengannya, maka bolehlah ia berdamai dengan mereka agar ia dapat menumpukan usahanya untuk menghadapi mereka yang menentang dan menyerangnya. Ia boleh berbaik-baik dengan mereka yang ingin mengadakan hubungan yang baik dengannya dalam mana-mana masa yang tertentu. Ia boleh mengadakan perjanjian dengan mana pihak sahaja yang ingin materai perjanjian dengannya dalam mana-mana peringkat perjuangannya, tetapi Islam tidak akan lupa kepada matlamat terakhirnya walau sedetik pun, di samping tidak lupa bahawa hubungan baik dan perjanjian dengan setengah-setengah kaum Musyrikin itu adalah terhenti pada budi bicara mereka sahaja kerana pada suatu masa nanti mereka akan tetap menyerang dan memerangi Islam. Mereka tidak akan membiarkan Islam begitu sahaja kerana mereka yakin kepada matlamatnya. Mereka tidak akan merasa aman terhadap Islam kecuali ketika mereka membuat persiapan untuk menghadapinya. Justeru itu awal-awal lagi Allah menjelaskan kepada kaum Muslimin:

وَلَا يَزَالُونَ يُقَاتِلُونَكُمْ حَتَّىٰ يَرُدُّوكُمْ عَن دِينِكُمْ إِنِ ٱسْتَطَٰعُوا۟ ۚ

"Dan mereka akan terus memerangi kamu sehingga mereka berjaya mengembalikan kamu dari agama kamu (kepada agama mereka) jika mereka mampu (berbuat begitu)."

(Surah al-Baqarah: 217)

Ini adalah satu penjelasan abadi yang tidak di tentu dengan masa dan tempat yang khusus, satu penjelasan yang benar yang tidak bergantung dengan suasana dan keadaan yang khusus.

Walaupun pada dasarnya dibantah, namun Allah membenarkan agar dihormati perjanjian-perjanjian dengan kaum Musyrikin yang tidak pernah mengurangi komitmen mereka sedikit pun terhadap kaum Muslimin dan tidak pernah membantu mana-mana pihak yang memusuhi Is-lam sehingga habis tempohnya dengan syarat kelurusan kaum Muslimin terhadap perjanjian itu sepanjang tempoh itu diikatkan dengan kelurusan kaum Musyrikin terhadap perjanjian itu dalam tempoh itu:

إِلَّا ٱلَّذِينَ عَٰهَدتُّمْ عِندَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ ۖ فَمَا ٱسْتَقَٰمُوا۟ لَكُمْ فَٱسْتَقِيمُوا۟ لَهُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٧﴾

"Kecuali kaum Musyrikin yang kamu telah mengadakan perjanjian dengan mereka berhampiran Masjidil-Haram. Oleh itu selama mereka berlaku lurus terhadap kamu, maka hendaklah kamu berlaku lurus terhadap mereka. Sesungguhnya Allah menyayangi orang-orang yang bertaqwa."(7)

Golongan Musyrikin yang diisyaratkan oleh ayat ini tentang pemeteraian perjanjian mereka berhampiran dengan Masjidil-Haram itu bukanlah satu golongan Musyrikin yang lain dari golongan Musyrikin yang telah disebut sebelum ini dalam firman Allah:

إِلَّا ٱلَّذِينَ عَٰهَدتُّم مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ثُمَّ لَمْ يَنقُصُوكُمْ شَيْـًٔا وَلَمْ يُظَٰهِرُوا۟ عَلَيْكُمْ أَحَدًا فَأَتِمُّوٓا۟ إِلَيْهِمْ عَهْدَهُمْ إِلَىٰ مُدَّتِهِمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٤﴾

"Kecuali orang-orang Musyrikin yang kamu telah mengadakan perjanjian dengan mereka kemudian mereka tidak pernah mengurangi sedikit pun isi perjanjian itu terhadap kamu dan mereka tidak pernah membantu seseorang pun memusuhi kamu, maka sempurnakanlah perjanjian kamu dengan mereka sehingga sampai

tempohnya. Sesungguhnya Allah menyayangi orang-orang yang bertaqwa"(4)

sebagaimana di faham oleh ahli-ahli tafsir yang baru. Sebenarnya mereka adalah golongan Musyrikin yang sama yang disebut pada kali yang pertama kerana kesesuaian dengan keumuman perisytiharan pemutusan hubungan dengan sebab golongan ini dikecualikan dari keumuman ini, kemudian disebut pula pada kali yang kedua kerana kesesuaian dengan bantahan terhadap dasar pemeteraian perjanjian itu sendiri dengan kaum Musyrikin kerana takut difahamkan bahawa hukum yang umum ini memansuhkan hukum yang pertama. Persoalan taqwa dan kesayangan Allah kepada para Muttaqin di sebut di sini dan di sana dengan nas yang sama untuk menunjukkan bahawa maudhu' yang dibicarakan itu adalah satu maudhu' yang sama. Di samping itu nas yang kedua menyempurnakan syarat-syarat yang disebut di dalam nas yang pertama, kerana nas yang pertama disyaratkan kelurusan mereka pada masa yang silam, sedangkan di dalam nas yang kedua disyaratkan kelurusan mereka pada masa yang akan datang. Ini adalah suatu cara yang amat hemat dalam pengungkapan nas-nas sebagaimana kami telah jelaskan sebelum ini, iaitu suatu kehematan yang tidak dapat diperhatikan kecuali dengan mencantumkan kedua-dua nas yang membicarakan satu maudhu' yang sama itu sebagaimana yang kelihatan jelas dan semestinya begitu.

Kemudian ayat yang berikut kembali membantah dasar pemeteraian perjanjian dengan menyebut sebab-sebab yang berlaku di dalam sejarah dan di dalam realiti:

كَيْفَ وَإِن يَظْهَرُوا عَلَيْكُمْ لَا يَرْقُبُوا فِيكُمْ إِلًّا وَلَا ذِمَّةً ۚ يُرْضُونَكُم بِأَفْوَاهِهِمْ وَتَأْبَىٰ قُلُوبُهُمْ وَأَكْثَرُهُمْ فَاسِقُونَ ﴿٨﴾ اشْتَرَوْا بِآيَاتِ اللَّهِ ثَمَنًا قَلِيلًا فَصَدُّوا عَن سَبِيلِهِ ۚ إِنَّهُمْ سَاءَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩﴾ لَا يَرْقُبُونَ فِي مُؤْمِنٍ إِلًّا وَلَا ذِمَّةً ۚ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُعْتَدُونَ ﴿١٠﴾

"Bagaimana wajar begitu, sedangkan jika mereka memperolehi kemenangan terhadap kamu, mereka tidak memelihara hubungan kekerabatan dengan kamu dan tidak pula menghormati perjanjian. Mereka menyenangkan hati kamu dengan mulut mereka, sedangkan hati mereka menolak dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasiq(8). Mereka menukar ayat-ayat Allah dengan harga yang sedikit kemudian mereka menghalangi manusia dari jalan Allah. Sesungguhnya amat buruk sekali segala perbuatan yang dilakukan mereka(9). Mereka tidak memelihara hubungan kekerabatan dengan orang Mu'min dan tidak pula menghormati perjanjian, dan mereka adalah golongan yang melampaui batas."(10)

Dendam Kesumat Kaum Musyrikin Yang Abadi

Maksudnya, bagaimana kaum Musyrikin wajar mempunyai perjanjian yang diakui di sisi Allah dan rasul-Nya, sedangkan mereka tidak memeterai sesuatu perjanjian dengan kamu kecuali mereka berada dalam keadaan yang lemah untuk menewaskan kamu. Seandainya mereka dapat mengalahkan kamu nescaya mereka akan melakukan berbagai-bagai tindakan terhadap kamu tanpa mempedulikan perjanjian yang wujud di antara kamu dengan mereka dan tanpa memelihara komitmen-komitmen mereka terhadap kamu. Atau mereka akan melakukan apa sahaja perbuatan terhadap kamu tanpa silu malu dan segan. Pendeknya mereka tidak menghormati perjanjian dan tidak mengenal batas apabila mereka bertindak kejam terhadap kamu walaupun batas-batas yang di'tiraf umum dalam masyarakat itu, di mana mereka akan dicela apabila mereka melampaui garisnya. Oleh sebab mereka memendam perasaan marah yang begitu meluap-luap terhadap kamu, maka mereka akan bertindak ganas terhadap kamu dengan cara yang melewati batas, jika mereka mampu berbuat begitu walaupun adanya perjanjian di antara kamu dengan mereka. Jadi, yang menghalangkan mereka dari bertindak jahat terhadap kamu bukan kerana wujudnya perjanjian di antara mereka dengan kamu, malah yang menghalangkan mereka dari bertindak begitu ialah kerana mereka tidak berupaya untuk menguasai dan mengalahkan kamu. Seandainya pada hari ini mereka menyenangkan hati kamu – kerana kamu lebih kuat dari mereka – dengan kata-kata yang lemah lembut dan berpura-pura menghormati perjanjian, namun hati mereka tetap dipenuhi dendam kesumat terhadap kamu dan tetap enggan untuk terus menghormati perjanjian itu. Mereka tidak akan menepati janji mereka terhadap kamu dan tidak pernah menaruh perasaan kasih mesra kepada kamu!

وَأَكْثَرُهُمْ فَاسِقُونَ ﴿٨﴾ اشْتَرَوْا بِآيَاتِ اللَّهِ ثَمَنًا قَلِيلًا فَصَدُّوا عَن سَبِيلِهِ ۚ إِنَّهُمْ سَاءَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩﴾

"...dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasiq. Mereka menukar ayat-ayat Allah dengan harga yang sedikit kemudian mereka menghalangi manusia dari jalan Allah. Sesungguhnya amat buruk sekali perbuatan yang dilakukan mereka."(8-9)

Inilah punca dendam kesumat mereka terhadap kamu, juga punca mereka tidak memenuhi perjanjian mereka terhadap kamu dan seterusnya punca keinginan mereka untuk bertindak kejam dan sewenang-wenang terhadap kamu tanpa segan dan teragak-agak jika mereka mampu berbuat begitu. Semuanya berpunca dari penyelewengan mereka dari agama Allah dan penyimpangan mereka dari hidayat-

Nya. Mereka lebih mementingkan keuntungan yang kecil dari mata benda kehidupan dunia dari ayat-ayat Allah yang diturunkan kepada mereka. Mereka berpegang teguh dengan keuntungan yang sedikit itu dan takut keuntungan itu terlepas dari mereka. Mereka takut Islam akan menghilangkan sesuatu dari kepentingan-kepentingan mereka atau akan menyebabkan mereka terpaksa mengorbankan sebahagian dari harta kekayaan mereka. Oleh sebab itu mereka menghalangi jalan Allah dengan sebab mereka mengutamakan keuntungan yang kecil dari ayat-ayat Allah, iaitu mereka menghalangi diri sendiri dan orang lain dari jalan Allah. (Di dalam ayat yang akan datang mereka disifatkan sebagai pemimpin-pemimpin kekafiran), dan perbuatan yang dilakukan mereka ini adalah suatu perbuatan yang buruk dan keburukannya telah dijelaskan oleh Allah:

إِنَّهُمْ سَآءَ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٩﴾

"Sesungguhnya amat buruk sekali perbuatan yang dilakukan mereka."(9)

Selain dari itu, mereka tidak hanya sekadar menaruh dendam atau sekadar mengatur rancangan yang jahat terhadap diri kamu sahaja, malah mereka menaruh dendam kepada setiap orang yang beriman dan merancangkan tindakan yang jahat terhadap setiap orang Islam. Mereka halakan dendam kesumat dan kemarahan mereka kepada sifat keimanan yang menjadi pegangan kamu, mereka berdendam kepada keimanan itu sendiri. Ini adalah suatu gejala biasa yang dapat di lihat pada musuh-musuh kelompok Mu'min yang bersih dari penganut agama Allah di sepanjang sejarah dan abad. Ia adalah sama dengan apa yang dikatakan ahli-ahli sihir kepada Fir'aun ketika baginda mengancam mereka dengan penyeksaan dan pembunuhan yang paling kejam:

وَمَا تَنقِمُ مِنَّآ إِلَّآ أَنْ ءَامَنَّا بِـَٔايَٰتِ رَبِّنَا لَمَّا جَآءَتْنَا

"Sebenarnya engkau tidak membalas dendam terhadap kami melainkan, semata-mata kerana kami telah beriman kepada ayat-ayat Tuhan kami ketika ia datang kepada kami."

(Surah al-A'raf: 126)

Ia juga sama dengan apa yang di katakan Rasulullah s.a.w. kepada kaum Ahlil-Kitab dengan arahan dari Allah:

قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ هَلْ تَنقِمُونَ مِنَّآ إِلَّآ أَنْ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ

"Katakanlah: Wahai Ahlil-Kitab! Kamu tidak membalas dendam terhadap kami melainkan semata-mata kerana kami beriman kepada Allah."

(Surah al-Ma'idah: 59)

Ia juga sama dengan apa yang diterangkan Allah tentang Ashabul-Ukhdud (para penguasa yang menggali parit) yang telah membakar orang-orang yang beriman:

وَمَا نَقَمُوا۟ مِنْهُمْ إِلَّآ أَن يُؤْمِنُوا۟ بِٱللَّهِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْحَمِيدِ ﴿٨﴾

"Dan mereka tidak membalas dendam terhadap mereka melainkan semata-mata kerana mereka beriman kepada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji."

(Surah al-Buruj: 8)

Di sini jelaslah bahawa keimanan itulah yang menjadi punca kemurkaan dan pembalasan dendam. Justeru itulah mereka menaruh dendam terhadap setiap Mu'min, dan di sa'at mereka membalas dendam, mereka tidak menghiraukan sebarang perjanjian dan tidak pula teragak-agak melakukan segala perbuatan yang jahat dan ganas:

"Mereka tidak memelihara hubungan kekerabatan dengan orang Mu'min dan tidak pula menghormati perjanjian, dan mereka adalah golongan yang melampaui batas."(10)

Sifat keterlaluan merupakan satu sifat yang bertunjang kuat di dalam hati mereka. Ia bermula dari titik kebencian mereka kepada keimanan itu sendiri dan dari tindakan menghalangkan orang lain dari keimanan dan berakhir dengan menentang keimanan dan menunggu peluang bertindak ganas terhadap para Mu'minin tanpa mempedulikan perjanjian dan perhubungan apabila mereka berada dalam posisi yang dapat mengalahkan orang-orang yang beriman dan merasa aman terhadap kekuatan mereka. Di waktu ini mereka sanggup melakukan segala perbuatan yang ganas terhadap orang-orang yang beriman tanpa menghormati perjanjian yang wujud di antara mereka dengan orang-orang Mu'min dan tanpa merasa silu malu, segan dan teragak-agak terhadap perbuatan-perbuatan jahat yang dilakukan mereka ke atas para Mu'minin... apabila mereka merasa aman.

Kemudian dalam ayat yang berikut Allah menjelaskan apakah tindakan yang seharusnya diambil oleh kaum Muslimin untuk menghadapi tindak-tanduk kaum Musyrikin itu:

فَإِن تَابُوا۟ وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُا۟ ٱلزَّكَوٰةَ فَإِخْوَٰنُكُمْ فِى ٱلدِّينِ ۗ وَنُفَصِّلُ ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿١١﴾ وَإِن نَّكَثُوٓا۟ أَيْمَٰنَهُم مِّنۢ بَعْدِ عَهْدِهِمْ وَطَعَنُوا۟ فِى دِينِكُمْ فَقَٰتِلُوٓا۟ أَئِمَّةَ ٱلْكُفْرِ ۙ إِنَّهُمْ لَآ أَيْمَٰنَ لَهُمْ لَعَلَّهُمْ يَنتَهُونَ ﴿١٢﴾

"Jika mereka bertaubat, mendirikan solat dan menunaikan zakat, maka mereka adalah saudara-saudara seagama dengan kamu. Dan Kami menjelaskan ayat-ayat itu kepada

golongan yang ingin mengetahui(11). Dan jika mereka mencabuli sumpah (perjanjian) mereka setelah mengikat perjanjian mereka dan mencela agama kamu, maka perangilah pemimpin-pemimpin kekufuran itu kerana mereka sebenarnya tidak menghormati sumpah (perjanjian) mereka supaya mereka berhenti."(12)

Kaum Muslimin harus siap siaga menghadapi musuh-musuh yang sentiasa menunggu peluang untuk bertindak ganas terhadap mereka. Tiada yang menghalangkan musuh-musuh itu dari bertindak kejam tanpa rahmat kasihan belas ke atas kaum Muslimin melainkan kerana mereka lemah dan tidak berupaya melakukannya. Mereka tidak dihalangkan oleh perjanjian yang dimaterai mereka dan tidak pula oleh perasaan segan dan silu-malu, malah tidak juga dihalangkan oleh keinginan hendak mengekalkan hubungan yang baik. Di sebalik keterangan Ilahi ini terdapat sejarah yang panjang, dan seluruhnya membuktikan bahawa inilah garis rancangan mereka yang semulajadi dan ia tidak akan menyimpang darinya kecuali kerana sesuatu sebab yang mendadak, kemudian ia akan menjurus semula menuju garis semulajadinya yang telah ditentukan.

Sejarah yang panjang dari realiti-realiti yang telah berlaku di samping tabi'at pertarungan yang pasti di antara sistem ciptaan Allah, yang mahu mengeluarkan manusia dari 'ubudiyah kepada sesama manusia dan mengembalikan mereka kepada 'ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, dengan sistem-sistem hidup ciptaan jahiliyah yang memperhambakan manusia kepada manusia, inilah yang dihadapi oleh tatacara pergerakan Islam yang diarahkan Allah S.W.T. supaya melancarkan tindakan yang tegas ini:

فَإِن تَابُوا۟ وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُا۟ ٱلزَّكَوٰةَ فَإِخْوَٰنُكُمْ فِى ٱلدِّينِ ۗ وَنُفَصِّلُ ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿١١﴾

وَإِن نَّكَثُوٓا۟ أَيْمَٰنَهُم مِّنۢ بَعْدِ عَهْدِهِمْ وَطَعَنُوا۟ فِى دِينِكُمْ فَقَٰتِلُوٓا۟ أَئِمَّةَ ٱلْكُفْرِ ۙ إِنَّهُمْ لَآ أَيْمَٰنَ لَهُمْ لَعَلَّهُمْ يَنتَهُونَ ﴿١٢﴾

"Jika mereka bertaubat, mendirikan solat dan menunaikan zakat, maka mereka adalah saudara-saudara seagama dengan kamu. Dan Kami menjelaskan ayat-ayat itu kepada golongan yang ingin mengetahui (11). Dan jika mereka mencabuli sumpah (perjanjian) mereka setelah mengikat perjanjian mereka dan mencela agama kamu, maka perangilah pemimpin-pemimpin kekufuran itu kerana mereka sebenarnya tidak menghormati sumpah (perjanjian) mereka supaya mereka berhenti."(12)

Maksudnya, sama ada mereka masuk ke dalam agama Islam yang dianuti kaum Muslimin dan bertaubat dari dosa-dosa syirik dan pencabulan yang melampaui batas yang dilakukan mereka di masa silam, maka di waktu itu Islam dan kaum Muslimin akan memberi kema'afan terhadap perbuatan-perbuatan yang sewenang-wenang yang dilakukan oleh kaum Musyrikin terhadap mereka, dan dalam waktu yang sama hubungan di antara mereka dengan kaum Muslimin akan disimpulkan di atas landasan 'aqidah dan kedudukan mereka selaku penganut-penganut Islam yang baru akan ditarapkan sebagai saudara-saudara kepada orang-orang Islam yang lama dan dengan demikian gugurlah seluruh sejarah zaman silam dengan segala kejahatan dan kejelikannya dari realiti dan hati.

"Dan Kami menjelaskan ayat-ayat itu kepada golongan yang mengetahui."(11)

Maksudnya, hukum-hukum atau peraturan-peraturan ini hanya dapat dimengerti dan difahami hikmatnya oleh golongan manusia yang mengetahui iaitu golongan para Mu'minin.

Atau sama ada mereka bertindak mencabuli sumpah (perjanjian) setelah, mereka memeterainya dan bertindak mencela agama kaum Muslimin, dan ini bermakna bahawa mereka adalah pemimpin-pemimpin kekafiran yang tidak menghormati sumpah dan perjanjian dan hanya peperangan sahaja yang wajar menjadi jawapan kepada mereka supaya mereka sedar dan kembali ke jalan hidayat. Sebelum ini kami pernah tegaskan bahawa kekuatan kem Islam dan kemenangannya di dalam jihad telah berjaya mengembalikan ramai manusia yang kafir ke pangkuan kebenaran, kerana kekuatan dan kemenangan ini telah memperlihatkan agama yang benar kepada mereka sehingga mereka mengenalinya dan menyedari bahawa kemenangan yang dicapai oleh agama yang benar itu ialah kerana kebenarannya dan kerana ia disokong oleh kekuatan Allah dan seterusnya kerana Rasulullah s.a.w. telah menyampaikan keterangan yang benar kepada mereka bahawa yang memenangi perjuangan ini ialah Allah dan rasul-Nya. Inilah yang mendorong mereka bertaubat dan menerima hidayat bukannya kerana terpaksa, tetapi kerana keyakinan hati setelah mereka melihat kebenaran yang menang itu dengan jelas sebagaimana yang sering berlaku.

* * * * * *

Sejauh manakah ruang lingkup yang memberi luang kepada nas-nas ini bertindak? Sejauh manakah ruang lingkup sejarah dan alam persekitarannya? Adakah nas-nas ini khusus untuk penduduk-penduduk Semenanjung Tanah Arab di zaman yang tertentu itu? Atau apakah nas-nas ini mempunyai dimensi-dimensi zaman dan ruang yang lain?

Nas-nas ini telah menghadapi realiti di Semenanjung Tanah Arab di antara kem Islam dengan kem kaum Musyrikin. Dan tidak syak lagi bahawa hukum-hukum atau peraturan-peraturan yang terkandung di dalam nas-nas ini adalah ditujukan kepada realiti ini dan golongan kaum Musyrikin yang dimaksudkan di

dalam nas-nas ini ialah golongan kaum Musyrikin di Semenanjung Tanah Arab.

Ini memang benar..... tetapi apakah ini ruang lingkup yang penghabisan bagi nas-nas ini?

Kita seharusnya mengkaji sikap kaum Musyrikin terhadap kaum Mu'minin di sepanjang sejarah supaya kita dapat mengetahui sejauh mana ruang lingkup yang sebenar bagi nas-nas Al-Qur'an ini, dan supaya kita dapat melihat sikap kaum Musyrikin sepenuhnya di sepanjang sejarah.

Adapun di Semenanjung Tanah Arab, mungkin sikap kaum Musyrikin itu telah dapat diketahui dari peristiwa-peristiwa sirah yang terkenal dan mungkin huraian yang terkandung dalam juzu' ini dari tafsir Fi Zilalil-Qur'an ini sudah cukup untuk menggambarkan sikap kaum Musyrikin terhadap Islam dan penganut-penganutnya sejak masa pertama da'wah di Makkah hingga ke masa yang dihadapi oleh nas-nas surah ini.

Memang benar bahawa konflik yang berpanjangan masa di antara Islam dengan kepercayaan syirik adalah tidak sama dengan konflik di antara Islam dengan Ahlil-Kitab dari kaum Yahudi dan Kristian. Tetapi hakikat ini tidak menafikan bahawa sikap kaum Musyrikin terhadap kaum Muslimin adalah selama-lamanya sama seperti yang digambarkan oleh ayat-ayat bahagian ini di dalam surah ini:

كَيْفَ وَإِن يَظْهَرُوا عَلَيْكُمْ لَا يَرْقُبُوا فِيكُمْ إِلًّا وَلَا ذِمَّةً يُرْضُونَكُم بِأَفْوَاهِهِمْ وَتَأْبَىٰ قُلُوبُهُمْ وَأَكْثَرُهُمْ فَاسِقُونَ ﴿٨﴾ اشْتَرَوْا بِآيَاتِ اللَّهِ ثَمَنًا قَلِيلًا فَصَدُّوا عَن سَبِيلِهِ إِنَّهُمْ سَاءَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩﴾ لَا يَرْقُبُونَ فِي مُؤْمِنٍ إِلًّا وَلَا ذِمَّةً وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُعْتَدُونَ ﴿١٠﴾

"Bagaimana wajar begitu, sedangkan jika mereka memperolehi kemenangan terhadap kamu, mereka tidak memelihara hubungan kekerabatan dengan kamu dan tidak pula menghormati perjanjian. Mereka menyenangkan hati kamu dengan mulut mereka, sedangkan hati mereka menolak dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasiq(8). Mereka menukar ayat-ayat Allah dengan harga yang sedikit kemudian mereka menghalangi manusia dari jalan Allah. Sesungguhnya amat buruk sekali segala perbuatan yang dilakukan mereka(9). Mereka tidak memelihara hubungan kekerabatan dengan orang Mu'min dan tidak pula menghormati perjanjian dan mereka adalah golongan yang melampaui batas."(10)

Inilah sikap kaum Musyrikin dan kaum Ahlil-Kitab yang berkekalan terhadap kaum Muslimin. Adapun kaum Ahlil-Kitab, kami tundakan pembicaraan mengenai mereka hingga kepada masa yang khusus dengannya di dalam bahagian yang kedua surah ini. Dan adapun kaum Musyrikin maka memang begitulah tabi'at mereka terhadap kaum Muslimin di sepanjang sejarah.

Apabila kita mengira bahawa Islam tidak di mulakan dengan kerasulan Nabi Muhammad s.a.w., malah diakhiri dengan kerasulannya, juga apabila kita mengira bahawa sikap kaum Musyrikin terhadap setiap rasul dan kerasulan sebelum ini adalah pada umumnya menggambarkan sikap syirik terhadap agama Allah, maka dimensi-dimensi konflik itu meluas begitu jauh dan sikap kaum Musyrikin itu dapat di lihat mengikut hakikatnya yang sebenar sebagaimana yang digambarkan oleh nas-nas Al-Qur'an yang asasi itu di sepanjang sejarah manusia seluruhnya tanpa pengecualian.

Apakah tindakan yang telah dilakukan oleh kaum Musyrikin terhadap nabi-nabi Nuh, Hud, Soleh, Ibrahim, Syu'ayb, Musa dan Isa alaihim Salawatullahi wa Salamu Hu, juga terhadap orang-orang yang beriman kepada mereka di zaman mereka masing-masing? Kemudian apakah pula tindakan-tindakan yang telah dilakukan oleh kaum Musyrikin terhadap Nabi Muhammad s.a.w. dan orang-orang yang beriman kepadanya? Mereka tidak menghormati hubungan kekerabatan dan tidak pula menghormati perjanjian apabila mereka dapat mengalah dan menguasai kaum Muslimin.

Peristiwa Kaum Tartar Melanggar Baghdad

Dan apakah pula tindakan-tindakan yang telah dilakukan oleh kaum Musyrikin terhadap kaum Muslimin di zaman serangan besar yang kedua agama syirik yang dilakukan oleh kaum Tatar? Kemudian apakah pula tindakan-tindakan yang telah dilakukan kaum Musyrikin dan kaum Ateis di zaman sekarang terhadap kaum Muslimin di setiap tempat selepas berlalunya empat belas abad? Mereka tidak menghormati hubungan kekerabatan dan tidak pula menghormati perjanjian tepat seperti yang dijelaskan oleh nas-nas Al-Qur'an yang benar dan abadi.

Apabila kaum wathani Tatar melanggar kaum Muslimin di Baghdad maka terjadilah tragedi berdarah yang dicatatkan oleh cerita-cerita sejarah, yang kami rasa cukup dengan mengemukakan petikan-petikan segera dari buku sejarah susunan Abul Fida' (Ibn Kathir) yang bernama "البداية والنهاية" mengenai peristiwa-peristiwa yang berlaku pada tahun 656 Hijrah:

"Mereka menyerang negeri itu lalu membunuh sesiapa sahaja yang dapat dibunuh oleh mereka dari kaum lelaki, kaum perempuan, kanak-kanak, orang-orang tua dan orang-orang muda. Ramai dari penduduk negeri itu masuk di dalam telaga-telaga, tempat-tempat yang semak dan kotor dan menyembunyikan diri di sana berhari-hari lamanya

tanpa keluar. Di antara mereka ada yang berkumpul di kedai-kedai dan menutup pintunya, tetapi askar-askar Tatar membuka kedai-kedai itu sama ada dengan memecahkan pintu-pintunya atau membakarnya kemudian mereka menyerbu masuk mendapatkan mereka. Sebahagian dari mereka melarikan diri di atas sutuh lalu mereka dibunuh di atas sutuh sehingga darah mengalir di lorong-lorong. Inna Lillahi wa Inna Ilaihi Raji'un. Begitu juga mereka dibunuh di masjid-masjid dan di rumah-rumah tumpangan, tiada sesiapa yang terselamat kecuali warga zimmi dari kaum Yahudi dan Kristian dan orang-orang yang dilindungi oleh mereka[13] atau orang-orang yang berlindung di rumah kediaman Perdana Menteri Ibn al-Alqami ar-Rafidhi dan kumpulan saudagar-saudagar yang mendapat keamanan setelah mereka membayar dengan harta mereka yang banyak untuk, menyelamatkan nyawa dan harta mereka. Dan akhirnya bandar Baghdad yang terkenal sebagai bandar yang paling menarik itu kembali menjadi padang runtuhan dengan sekumpulan penduduk-penduduknya yang kecil, yang hidup dalam ketakutan, kebuluran, kehinaan dan kemiskinan.

"Ada beberapa kiraan yang berbeza mengenai jumlah kaum Muslimin yang terkorban di dalam serangan ini. Satu kiraan mengatakan jumlah mereka ialah sebanyak lapan ratus ribu, satu kiraan yang lain mengatakan sejuta jiwa dan satu kiraan lagi mengatakan jumlah korban ialah dua juta jiwa.

"Angkatan tentera Tatar menyerang Baghdad pada hari-hari akhir bulan Muharram, dan pedang-pedang mereka terus membunuh penduduk-penduduknya selama empat puluh hari. Khalifah al-Musta'sim Billah Amirul-Mu'minin telah dibunuh pada hari Rabu hari keempat belas bulan Safar dan kuburnya dihapuskan. Usia beliau ketika itu ialah empat puluh enam tahun empat bulan. Lama masa pemerintahannya lima belas tahun lapan bulan dan beberapa hari. Turut dibunuh bersama beliau ialah putera sulungnya Abu al-'Abbas Ahmad yang berusia dua puluh lima tahun, kemudian putera tengahnya Abu al-Fadhl Abdul Rahman yang berusia dua puluh tiga tahun, sementara anak bongsunya Mubarak telah ditawan bersama tiga orang saudara-saudara perempuannya Fatimah, Khadijah dan Maryam.

"Turut dibunuh ialah guru istana khalifah Syeikh Muhyiddin Yusuf ibn Syeikh Abu al-Farj ibn al-Juzi. Beliau adalah musuh kepada Perdana Menteri. Tiga orang anaknya juga telah dibunuh iaitu Abdullah, Abdul Rahman dan Abdul Karim. Para pembesar kerajaan dibunuh seorang demi seorang. Di antara mereka ialah ad-Duwidar as-Saghir Mujahiduddin Abik, Syihabuddin Sulaiman Syah, sekumpulan amir-amir dan orang-orang besar negeri. Ad-Duwidar as-Saghir itu telah dipanggil dari istana khalifah Bani Abbas, lalu beliau keluar bersama-sama anak-anak" dan isterinya dan dibawa ke tanah perkuburan al-Khilal di hadapan al-Manzarah. Di sini beliau disembelih seperti biri-biri. Anak-anak perempuan beliau dan hamba-hamba sahayanya yang dipilih oleh mereka telah dijadikan tawanan perang. Kepala guru-guru yang menjadi guru khas kepada khalifah iaitu Sadruddin Ali ibn an-Nisyar juga turut dibunuh. Khatib-khatib, imam-imam dan hafiz-hafiz Al-Qur'an juga di bunuh menyebabkan masjid-masjid tidak dapat berfungsi, sembahyang-sembahyang jamaah dan Jumaat tidak diadakan di Baghdad selama beberapa bulan.

"Apabila malapetaka yang telah ditakdirkan Allah itu berakhir setelah berlangsung selama empat puluh hari, bandar Baghdad menjadi bandar yang musnah dan rosak binasa. Tiada sesiapa yang menghuninya kecuali orang-orang yang ganjil dan asing.

Mayat-mayat bertimbun-timbun di jalan-jalan raya seolah-olah anak-anak bukit yang kecil. Rupa mereka berubah apabila mayat-mayat itu di timpa hujan. Kemudian negeri itu menjadi busuk kerana bau mayat-mayat yang reput itu, dan udaranya berubah menyebabkan timbulnya wabak-wabak penyakit yang menular hingga ke negeri Syam. Akibatnya ramai manusia yang mati kerana perubahan dan kerosakan udara. Mereka menderita kerana kenaikan harga barang keperluan, mereka diserang wabak-wabak penyakit, diserang maut dan penyakit taun. Inna Lillahi wa Inna Ilaihi Raji'un.

"Apabila Baghdad diisytiharkan aman, barulah manusia muncul dari bumi, dari lubang-lubang persembunyian mereka, dari parit-parit dan kubur-kubur seolah-olah orang-orang mati yang dibangkitkan dari kubur-kubur. Mereka tidak mengenali satu sama lain. Bapa tidak mengenal anak dan abang tidak mengenal adik, kemudian mereka diserang wabak penyakit yang dahsyat menyebabkan mereka mati menurut jejak korban-korban yang terbunuh sebelum ini......

Inilah gambaran dari satu realiti sejarah apabila kaum Musyrikin berjaya mengalahkan kaum Muslimin. Mereka tidak menghormati hubungan kekerabatan dan tidak pula menghormati perjanjian, tetapi apakah gambaran sejarah peristiwa lama ini merupakan gambaran yang khusus bagi kaum Tatar di zaman itu sahaja?

Kekejaman Kaum Musyrikin Di Zaman Moden

Tidak! Malah realiti sejarah di zaman moden ini juga tidak berbeza dari gambaran peristiwa ini! Tindakan-

[13] *Orang-orang Yahudi dan Kristian termasuk dalam warga zimmi. Merekalah yang melakukan hubungan surat menyurat dengan kaum Tatar supaya menyerang ibukota kerajaan Khalifah ini dan membasmikan Islam dan kaum Muslimin. Merekalah yang menunjuk tempat-tempat yang strategik di bandar Baghdad itu dan memberi kerjasama yang positif dalam malapetaka ini. Mereka mengaturkan sambutan yang baik untuk mengalu-alukan kedatangan askar-askar wathani Tatar supaya mereka membinasakan kaum Muslimin yang telah memberi perlindungan dan keamanan kepada mereka.*

tindakan kaum wathani Hindu terhadap kaum Muslimin semasa Pakistan dipisahkan dari India tidak kurang buruk dan kejamnya dari tindakan-tindakan kaum Tatar di zaman yang lama itu. Seramai lapan juta kaum Muslimin yang berhijrah dari negeri India – kerana takutkan serangan-serangan ganas yang dilancarkan oleh kaum Hindu ke atas kaum Muslimin yang tinggal di India hingga menyebabkan mereka terpaksa memilih berhijrah ke Pakistan – hanya sampai ke pinggir-pinggir negeri Pakistan sejumlah tiga juta orang sahaja, sedangkan lima juta yang lain mati dalam perjalanan kerana diserang hendap oleh gerombolan wathani Hindu yang teratur yang dikenali dengan baiknya oleh kerajaan India. Gerombolan-gerombolan itu dipimpin oleh pegawai-pegawai tinggi kerajaan India dan gerombolan inilah yang menyembelih angkatan Muhajirin Muslimin di sepanjang jalan persis seperti mereka menyembelih kambing-kambing. Mayat-mayat mereka ditinggal untuk dimakan burung-burung helang dan binatang-binatang buas setelah dipotong dan dicaing dengan kejam. Kekejaman-kekejaman ini tidak kurang – jika tidak lebih – dari kekejaman-kekejaman yang dilakukan oleh kaum Tatar terhadap kaum Muslimin di Baghdad. Satu lagi tragedi yang amat kejam, yang dirancang secara teratur ialah tragedi yang dilakukan ke atas penumpang keretapi yang memindahkan pegawai-pegawai Muslimin di seluruh India ke Pakistan, di mana satu persetujuan telah dicapai untuk memindahkan mana-mana pegawai Muslimin dari pejabat-pejabat kerajaan India yang ingin berpindah ke Pakistan. Seramai lima puluh ribu pegawai Muslimin menumpang keretapi ini dan apabila keretapi yang penuh sesat dengan puluhan ribu pegawai Muslimin ini masuk menyeberangi terowong yang terletak di perbatasan di antara India – Pakistan yang terkenal dengan nama "Laluan Khaibar" dan keluar dari muka terowong di sebelah sana, maka tiada yang tinggal di dalam keretapi itu selain dari caingan-caingan daging manusia yang berselerak di dalam gerabak-gerabak keretapi itu. Gerombolan-gerombolan wathani Hindu yang cukup terlatih telah memberhentikan keretapi itu di dalam terowong dan tidak membebaskannya berlepas meneruskan perjalanannya melainkan setelah penumpang-penumpangnya yang berjumlah lima puluh ribu itu menjadi daging-daging cincangan dan darah-darah yang mengalir. Amatlah tepat firman Allah:

كَيْفَ وَإِن يَظْهَرُوا۟ عَلَيْكُمْ لَا يَرْقُبُوا۟ فِيكُمْ إِلًّا وَلَا ذِمَّةً

"Bagaimana wajar begitu, sedangkan jika mereka memperolehi kemenangan terhadap kamu, mereka tidak memelihara hubungan kekerabatan dan tidak pula menghormati perjanjian."(8)

Pembunuhan-pembunuhan yang kejam itu masih terus berlaku dengan berbagai-bagai bentuk hingga ke masa ini.

Kemudian apakah pula tindakan-tindakan kejam yang dilakukan oleh pengganti-pengganti kaum Tatar di negeri komunis China dan Rusia terhadap kaum Muslimin di sana? Mereka telah menghapuskan kaum Muslimin seramai dua puluh enam juta dalam masa suku abad sahaja, iaitu kira-kira sejuta orang dalam setahun. Dan proses penghapusan mereka masih terus berjalan. Ini tidak termasuk cara-cara penyeksaan yang amat kejam yang membuat seluruh anggota menggigil ngeri dan takut.

Satu peristiwa amat kejam telah berlaku di negeri Islam Turkistan, di suatu daerah yang dikuasai China komunis. Kekejaman peristiwa ini menutup kekejaman kaum Tatar. Salah seorang pemimpin Islam di negeri itu telah ditangkap dan dibawa ke tengah jalan raya dan dimasukkan ke dalam, sebuah lubang yang digali khusus untuknya, kemudian penduduk-penduduk Muslimin telah dipaksa membawa buangan najis-najis mereka yang biasanya najis-najis itu diterima oleh kerajaan dari semua penduduk untuk dijadikan baja sebagai balasan pengagihan (makanan yang diberikan kepada mereka) dan mencurahkannya ke atas pemimpin yang ditanam di dalam lubang itu, kerja pembuangan najis itu dilakukan selama tiga hari menyebabkan pemimpin yang malang itu akhirnya tenggelam dan mati lemas dalam longgokan najis itu.

Begitulah juga keganasan yang telah dilakukan oleh Yugoslavia komunis terhadap kaum Muslimin di negeri itu sehingga ia telah menghapuskan sejuta kaum Muslimin dalam masa kerajaan komunis menguasai negeri itu selepas peperangan yang kedua sehingga hari ini. Usaha-usaha penghapusan dan penyeksaan kaum Muslimin dengan cara yang kejam dan ganas itu masih terus dijalankan. Dan di antara contoh-contohnya yang kejam ialah mereka campakkan orang-orang Islam lelaki dan perempuan ke dalam mesin-mesin pengisar daging yang biasanya digunakan untuk mengeluarkan daging kisar. Demikianlah mereka dihancurkan di dalam mesin-mesin itu dan keluar di sebelah yang satu lagi dalam bentuk adunan daging, tulang dan darah. Tindakan-tindakan yang kejam seperti ini masih terus dilakukan sehingga sekarang.

Apa yang berlaku di Yugoslavia berlaku juga di seluruh negeri komunis dan wathani pada hari ini.... di zaman ini. Alangkah tepatnya firman Allah:

كَيْفَ وَإِن يَظْهَرُوا۟ عَلَيْكُمْ لَا يَرْقُبُوا۟ فِيكُمْ إِلًّا وَلَا ذِمَّةً

"Bagaimana wajar begitu, sedangkan jika mereka memperolehi kemenangan terhadap kamu, mereka tidak memelihara hubungan kekerabatan dengan kamu dan tidak pula menghormati perjanjian."(8)

لَا يَرْقُبُونَ فِي مُؤْمِنٍ إِلًّا وَلَا ذِمَّةً ۚ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُعْتَدُونَ ﴿١٠﴾

"Mereka tidak memelihara hubungan kekerabatan dengan orang Mu'min dan tidak pula menghormati perjanjian dan mereka adalah golongan yang melampaui batas."(10)

Tindakan kejam (yang dilakukan oleh kaum Musyrikin terhadap kaum Muslimin itu) di Semenanjung Tanah Arab itu bukanlah suatu kejadian di luar dugaan atau kejadian yang berlaku secara kebetulan dan bersifat sementara sahaja, dan tindakan-tindakan kejam (yang dilakukan oleh kaum Tatar terhadap kaum Muslimin di Baghdad itu) bukanlah sesuatu kejadian di luar dugaan atau kejadian yang berlaku secara kebetulan dan bersifat sementara sahaja! Malah tindakan-tindakan kejam terhadap para Mu'min adalah sesuatu kejadian yang berterusan, sesuatu tindakan tabi'i yang pasti berlaku di mana sahaja adanya kelompok Mu'minin yang beragama dengan agama yang menumpukan Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan di mana adanya kelompok Mulhidin, Musyrikin atau kelompok Atheis yang memperhambakan diri mereka kepada yang lain dari Allah di setiap zaman dan di setiap tempat.

Oleh sebab itu nas-nas Al-Qur'an itu walaupun pada asalnya telah di turun untuk menghadapi peristiwa yang berlaku di alam realiti Semenanjung Tanah Arab dan bertujuan untuk menjelaskan peraturan-peraturan mengadakan perhubungan dengan kaum Musyrikin di Semenanjung Tanah Arab, tetapi nas-nas itu mempunyai ruang lingkup zaman dan tempat yang lebih jauh dari itu lagi, kerana nas-nas itu sentiasa menghadapi tindakan-tindakan ganas yang seperti itu di setiap zaman dan tempat. Dan urusan melaksanakan nas-nas itu adalah bergantung kepada keupayaan melaksanakannya apabila berlaku tindakan kejam yang sama, di mana dilaksanakan nas-nas ini di Semenanjung Tanah Arab dan bukannya bergantung kepada asal hukum atau peraturan itu sendiri dan tidak pula bergantung kepada asal situasi ini sendiri yang tidak berubah mengikut zaman.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 13 - 16)

Peningkatan Daya Juang Dan Keberanian Untuk Menentang Pencabulan Kaum Musyrikin

أَلَا تُقَاتِلُونَ قَوْمًا نَّكَثُوا أَيْمَانَهُمْ وَهَمُّوا بِإِخْرَاجِ الرَّسُولِ وَهُم بَدَءُوكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ ۚ أَتَخْشَوْنَهُمْ ۚ فَاللَّهُ أَحَقُّ أَن تَخْشَوْهُ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٣﴾

قَاتِلُوهُمْ يُعَذِّبْهُمُ اللَّهُ بِأَيْدِيكُمْ وَيُخْزِهِمْ وَيَنصُرْكُمْ عَلَيْهِمْ وَيَشْفِ صُدُورَ قَوْمٍ مُّؤْمِنِينَ ﴿١٤﴾

وَيُذْهِبْ غَيْظَ قُلُوبِهِمْ ۗ وَيَتُوبُ اللَّهُ عَلَىٰ مَن يَشَاءُ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١٥﴾

أَمْ حَسِبْتُمْ أَن تُتْرَكُوا وَلَمَّا يَعْلَمِ اللَّهُ الَّذِينَ جَاهَدُوا مِنكُمْ وَلَمْ يَتَّخِذُوا مِن دُونِ اللَّهِ وَلَا رَسُولِهِ وَلَا الْمُؤْمِنِينَ وَلِيجَةً ۚ وَاللَّهُ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٦﴾

"Mengapa kamu tidak memerangi orang-orang yang telah mencabuli sumpah (perjanjian) mereka dan berazam untuk mengusir Rasulullah dan merekalah yang mula-mula memerangi kamu? Apakah kamu takut kepada mereka, sedangkan Allah itulah yang lebih wajar kamu takuti-Nya jika kamu benar orang-orang yang beriman(13). Perangilah mereka nescaya Allah mengazabkan mereka dengan perantaraan tangan kamu dan menghinakan mereka serta menolong kamu mengalahkan mereka dan menyembuhkan hati orang-orang yang beriman(14). Dan menghapuskan kemarahan hati mereka dan Allah menerima taubat orang-orang yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(15). Apakah kamu fikir bahawa kamu akan di tinggal (tanpa diuji), sedangkan Allah belum lagi mengetahui (dalam realiti) orang-orang yang sanggup berjihad dari kalangan kamu dan orang yang tidak mengambil sahabat setia selain Allah, rasul-Nya dan para Mu'minin. Dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(16)

Bahagian ayat-ayat ini di turun selepas ayat-ayat yang lepas yang mengemukakan bantahan dari segi dasar atas kewajaran kaum Musyrikin mempunyai perjanjian yang terhormat di sisi Allah dan rasul-Nya, di samping mengemukakan perintah memberi alternatif kepada kaum Musyrikin di Semenanjung Tanah Arab sama ada mereka masuk ke dalam agama yang dianuti oleh kaum Muslimin atau menghadapi tindakan perang kecuali mereka yang meminta perlindungan, maka mereka akan diberi perlindungan sehingga mereka dapat mendengar Kalamullah kemudian mereka akan dihantar ke tempat yang aman di luar sempadan negeri Islam, dan seterusnya menjelaskan sebab bantahan itu, iaitu kerana mereka tidak menghormati hubungan kekerabatan dengan orang-orang Mu'min dan tidak pula menghormati perjanjian apabila mereka berupaya menguasai dan mengalahkan orang-orang Mu'minin.

Bahagian ayat-ayat ini di turun untuk menghadapi perasaan-perasaan yang berkecamuk di dalam hati kaum Muslimin dengan berbagai-bagai tahap keimanan mereka yang telah dihuraikan sebelum ini, iaitu perasaan teragak-agak, perasaan takut dan bimbang untuk melaksanakan langkah yang tegas ini, juga keinginan mencari dalihan atau alasan pura-pura kononnya kaum Musyrikin yang belum menganut Islam itu lambat-laun tetap akan menganut Islam juga

tanpa memerlu dilancarkan tindakan perang yang syumul terhadap mereka, juga perasaan takut terancamnya jiwa dan kepentingan-kepentingan mereka dan keinginan menggunakan cara-cara dan sarana-sarana yang mudah.

Nas-nas Al-Qur'an itu menghadapi perasaan-perasaan, kebimbangan-kebimbangan dan dalihan-dalihan ini dengan merangsangkan hati kaum Muslimin supaya mengenangi kembali peristiwa-peristiwa yang silam, yang baru dan yang lama. Ia mengingatkan mereka bagaimana kaum Musyrikin mengkhianati perjanjian yang dimeterai mereka dengan kaum Muslimin, bagaimana mereka tidak menghormati sumpah-sumpah janji mereka, bagaimana kenekatan mereka mengatur rancangan untuk mengusir Rasulullah s.a.w. dari negeri Makkah sebelum Hijrah, ia mengingatkan mereka bahawa kaum Musyrikinlah yang memulakan percerobohan ke atas kaum Muslimin di Madinah. Kemudian ia menimbulkan perasaan malu dan kesedaran terhadap harga, diri dan maruah mereka kerana takut berperang dengan kaum Musyrikin, sedangkan Allah lebih wajar ditakuti mereka jika mereka benar beriman kepada Allah, kemudian ia memberangsangkan mereka bangkit memerangi kaum Musyrikin semoga Allah menyeksakan mereka dengan perantaraan tangan mereka, di mana mereka hanya memainkan peranan sebagai tabir qudrat Allah untuk mengazab dan menghinakan musuh-musuh Allah dan sekaligus musuh-musuh mereka, juga untuk memberi kepuasan kepada hati para Mu'minin yang telah ditindas dan diseksa kerana agama Allah. Kemudian nas-nas itu menghadapi alasan pura-pura atau dalihan-dalihan yang bermain di dalam hati kononnya harapan masih ada bahawa saki-baki kaum Musyrikin yang belum menerima Islam itu lambat-laun akan masuk Islam tanpa perlu ditundukkan dengan peperangan. Ia menghadapi alasan dan dalihan itu dengan menyatakan bahawa harapan yang sebenar masuknya mereka ke dalam Islam adalah lebih kuat bergantung kepada kemenangan kaum Muslimin dan kekalahan kaum Musyrikin. Pada masa itulah dapat diharapkan sebahagian dari mereka - yang diterima Allah taubat mereka - kembali kepada Islam yang kuat dan menang. Pada akhirnya ayat-ayat itu menarik perhatian mereka bahawa Sunnatullah ialah menguji kelompok-kelompok Muslimin dengan tugas-tugas ini untuk menzahirkan hakikat keimanan dan pegangan mereka yang sebenar dan untuk menjelaskan bahawa Sunnatullah itu tetap tidak berubah dan menyimpang dari relnya.

* * * * * *

Sejarah Pengkhianatan Kaum Musyrikin

أَلَا تُقَٰتِلُونَ قَوْمًا نَّكَثُوٓا۟ أَيْمَٰنَهُمْ وَهَمُّوا۟ بِإِخْرَاجِ ٱلرَّسُولِ وَهُم بَدَءُوكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ ۚ أَتَخْشَوْنَهُمْ ۚ فَٱللَّهُ أَحَقُّ أَن تَخْشَوْهُ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٣﴾

"Mengapa kamu tidak memerangi orang-orang yang telah mencabuli sumpah (perjanjian) mereka dan berazam untuk mengusir Rasulullah dan merekalah yang mula-mula memerangi kamu? Apakah kamu takut kepada mereka, sedangkan Allah itulah yang lebih wajar kamu takuti-Nya jika kamu benar orang-orang yang beriman."(13)

Sejarah kaum Musyrikin terhadap kaum Muslimin adalah seluruhnya dipenuhi dengan tindakan-tindakan mengkhianati sumpah dan membatalkan perjanjiannya. Peristiwa pengkhianatan yang paling dekat ialah peristiwa mereka mencabul perjanjian mereka dengan Rasulullah s.a.w. di Hudaybiyah. Di dalam perjanjian ini Rasulullah s.a.w. telah menerima syarat-syarat mereka dengan ilham dari Allah - yang dikira oleh setengah-setengah sahabat besar beliau - sebagai satu penerimaan yang memalukan. Rasulullah s.a.w. telah memenuhi dan menghormati perjanjian itu dengan sebaik-baik dan sejujur-jujurnya, tetapi sebaliknya kaum Musyrikin tidak menghormatinya dan mencabul perjanjian itu selepas dua tahun kemudiannya apabila mereka mendapat peluang yang pertama. Sebelum itu kaum Musyrikin juga yang merancang untuk mengusir Rasulullah s.a.w. di Makkah dan pada akhirnya mereka membuat komplot untuk membunuh beliau sebelum Hijrah. Semuanya itu berlaku di daerah Baitullahil-Haram, di mana (menurut tradisi) seorang pembunuh dari mereka diberi perlindungan dan keamanan terhadap keselamatan darahnya dan hartanya sehingga jika seorang dari mereka menemui orang yang membunuh saudaranya atau bapanya di daerah Baitullahil-Haram itu, maka ia tidak akan melakukan sesuatu tindakan yang buruk terhadapnya. Tetapi layanan yang seperti ini tidak diberikan kepada Muhammad pesuruh Allah, yang berda'wah kepada hidayat, keimanan dan menyembah Allah Yang Maha Esa, malah mereka merancang untuk mengusirnya keluar dari negeri Makkah kemudian membuat komplot untuk membunuhnya di Baitullahil-Haram tanpa silu malu dan segan-segan, yang biasanya di tunjuk mereka terhadap musuh-musuh yang menuntut bela... seterusnya merekalah juga yang merancang untuk memerangi kaum Muslimin di Madinah. Mereka telah menetapkan keazaman mereka - di bawah pimpinan Abu Jahl - untuk menyerang kaum Muslimin walaupun kafilah perdagangan mereka telah terselamat dari kepungan kaum Muslimin sedangkan kerana keselamatan kafilah inilah mereka keluar untuk berperang. Kemudian merekalah juga yang memulakan serangan di dalam Peperangan Uhud dan Peperangan Khandak. Kemudian sekali lagi mereka mengemblengkan kekuatan mereka di Hunayn untuk memerangi kaum Muslimin. Semuanya merupakan peristiwa-peristiwa atau kenangan-kenangan yang baru sahaja berlalu dan semuanya membuktikan keazaman kaum

Musyrikin untuk menghapuskan kaum Muslimin sebagaimana yang digambarkan oleh firman Allah:

وَلَا يَزَالُونَ يُقَٰتِلُونَكُمْ حَتَّىٰ يَرُدُّوكُمْ عَن دِينِكُمْ إِنِ ٱسْتَطَٰعُوا۟

"Dan mereka tidak berhenti memerangi kamu sehingga mereka berjaya mengembalikan kamu dari agama kamu (kepada agama mereka) jika mereka mampu (berbuat begitu)"

(Surah al-Baqarah: 217)

di samping membuktikan tabi'at hubungan di antara kem yang menyembah tuhan-tuhan selain dari Allah dengan kem yang hanya menyembah Allah Yang Maha Esa sahaja.

Ketika rangkaian ayat-ayat surah ini menayangkan filem yang panjang mengenai peristiwa kenangan zaman silam dengan huraian yang pantas dan memberi kesan yang mendalam kepada hati kaum Muslimin, ia lantas bertanya mereka:

أَتَخْشَوْنَهُمْ

"Apakah kamu takut kepada mereka?"(13)

kerana tidak ada sebab yang menghalangkan mereka dari memerangi kaum Musyrikin kecuali kerana mereka takut dan gentar. Kemudian pertanyaan itu diiringi dengan pernyataan yang lebih merangsangkan hati mereka dari pertanyaan itu:

فَٱللَّهُ أَحَقُّ أَن تَخْشَوْهُ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٣﴾

"Sedangkan Allah itulah yang lebih wajar kamu takuti-Nya jika kamu benar-benar beriman."(13)

Orang yang beriman tidak takut dan gentar kepada sesiapa pun kecuali Allah. Jika mereka takut kepada kaum Musyrikin, maka Allah lebih wajar lagi ditakuti mereka. Tidak seharusnya wujud ruang kepada yang lain dari Allah di dalam hati para Mu'minin.

Perasaan-perasaan para Mu'minin akan membongkas apabila dirangsangkan dengan peristiwa-peristiwa kenangan itu. Mereka terus terkenang bagaimana kaum Musyrikin berkomplot untuk melakukan tindakan-tindakan yang buruk terhadap Nabi mereka s.a.w., bagaimana mereka mencabul perjanjian-perjanjian mereka dengan Rasulullah s.a.w. apabila mereka mendapat peluang dan kesempatan yang baik, bagaimana mereka mengambil inisiatif bermusuh dan berperang dengan kaum Muslimin kerana didorong oleh perasaan angkuh dan keinginan bertindak melampaui batas. Dan di tengah-tengah ledakan perasaan-perasaan inilah ayat-ayat yang berikut memberangsangkan kaum Muslimin supaya bangkit berperang:

قَٰتِلُوهُمْ يُعَذِّبْهُمُ ٱللَّهُ بِأَيْدِيكُمْ وَيُخْزِهِمْ وَيَنصُرْكُمْ عَلَيْهِمْ وَيَشْفِ صُدُورَ قَوْمٍ مُّؤْمِنِينَ ﴿١٤﴾

"Perangilah mereka nescaya Allah mengazabkan mereka dengan perantaraan tangan kamu dan menghinakan mereka serta menolong kamu menolong mereka dan menyembuhkan hati orang-orang yang beriman (14) Dan menghapus kemarahan hati mereka..."(15)

Maksudnya, perangilah kaum Musyrikin nescaya Allah jadikan kamu sebagai tabir qudrat kuasa-Nya dan sebagai alat kehendak iradat-Nya untuk mengazabkan kaum Musyrikin dengan perantaraan tangan kamu dan menghinakan mereka dengan kekalahan, sedangkan mereka terpesona dengan kekuatan mereka dan seterusnya dapat menyembuhkan hati golongan para Mu'minin yang ditindas oleh kaum Musyrikin dari perasaan marah yang terpendam di dalam hati mereka dengan memberi kemenangan kepada kebenaran dan kekalahan kepada kebatilan dan menghancurkan pejuang-pejuangnya.

Bukan balasan ini sahaja, tetapi di sana ada lagi kebaikan dan ganjaran yang lain yang dicapai mereka:

وَيَتُوبُ ٱللَّهُ عَلَىٰ مَن يَشَآءُ

"Dan Allah menerima taubat orang-orang yang dikehendaki-Nya."(15)

Kesan Kemenangan Dan Kekuatan Kaum Muslimin

Kemenangan yang dicapai oleh kaum Muslimin kadang-kadang dapat mengembalikan setengah-setengah orang Musyrikin ke pangkuan iman dan dapat membuka mata hati mereka memandang nur hidayat apabila melihat kaum Muslimin mendapat kemenangan, dan apabila mereka sedar wujudnya kekuatan ghaib yang bukan kekuatan manusia membantu kaum Muslimin, dan apabila mereka melihat kesan-kesan keimanan dalam segala situasi perjuangan mereka. Inilah yang telah berlaku. Di waktu inilah kaum Mujahidin Muslimin mendapat pahala dari jihad mereka dan dari usaha mereka memberi hidayat kepada orang-orang yang sesat dan dalam waktu yang sama Islam mendapat kekuatan baru yang ditambahkan kepada kekuatan yang telah sedia ada, iaitu kekuatan dari orang-orang yang baru mendapat hidayat dan bertaubat:

"Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(15)

Iaitu mengetahui segala natijah di sebalik segala premis, dan Maha Bijaksana dalam menilaikan segala natijah tindakan dan pergerakan.

Kemunculan kekuatan Islam dan kestabilannya dapat menarik hati ramai manusia yang selama ini terhalang kerana Islam berada dalam keadaan lemah atau tidak diketahui kekuatan dan pengaruhnya, dan kerja da'wah kepada Islam dapat dipendekkan separuh jalan apabila kaum Muslimin mempunyai kekuatan yang nyata yang menggerunkan musuh.

Allah S.W.T., ketika mentarbiyahkan kelompok Muslimin yang kecil, lemah dan tertindas di Makkah dengan methodologi tarbiyah Al-Qur'an yang unik itu, tidak pernah menjanjikan kepada mereka kecuali satu janji sahaja iaitu Syurga, dan tidak pernah menyuruh mereka kecuali satu perkara sahaja iaitu bersabar, tetapi apabila mereka bersabar dan meminta ganjaran Syurga sahaja bukannya kemenangannya, maka Allah kurniakan kemenangan kepada mereka dan menggalakkan mereka berperang untuk mencapai kemenangan dan mengubati hati mereka dengan kemenangan itu, ini ialah kerana kemenangan di waktu itu bukannya kemenangan untuk mereka, tetapi kemenangan untuk agama Allah dan Kalimatullah dan mereka hanya berfungsi sebagai tabir qudrat kuasanya sahaja.

Kemudian kaum Muslimin diwajib melancarkan jihad ke atas seluruh kaum Musyrikin dan mencampakkan semua perjanjian yang telah dimaterai dengan mereka dan berdiri dalam satu barisan yang padu untuk menentang mereka. Mereka pasti bertindak begitu untuk membongkarkan niat-niat dan rahsia-rahsia hati yang sebenar, juga untuk menghapuskan tabir-tabir yang menjadi tempat persembunyian orang-orang yang tidak ikhlas dan jujur kepada 'aqidah dan seterusnya untuk menolak alasan-alasan dan dalihan yang digunakan oleh setengah-setengah orang Islam yang masih berinteraksi dengan kaum Musyrikin kerana kepentingan mata pencarian mereka, dan mereka yang masih meneruskan hubungan mesra dengan mereka kerana pertalian kekeluargaan atau kepentingan. Tindakan tegas pasti dilakukan untuk menghapuskan tabir-tabir dan dalihan-dalihan itu dan mengisytiharkan pemisahan dengan seluruh kaum Musyrikin supaya terbongkar segala tembelang mereka yang menyimpan niat-niat yang jahat di dalam hati mereka dan tembelang mereka yang masih bersahabat setia dengan yang lain dari Allah, rasul-Nya dan orang-orang yang beriman dan menjadikan hubungan itu sebagai sarana untuk menjaga kepentingan dan pertalian mereka dengan kaum Musyrikin di bawah perlindungan hubungan-hubungan yang tidak jelas di antara berbagai-bagai kem itu:

أَمْ حَسِبْتُمْ أَن تُتْرَكُوا۟ وَلَمَّا يَعْلَمِ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ جَٰهَدُوا۟ مِنكُمْ وَلَمْ يَتَّخِذُوا۟ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلَا رَسُولِهِۦ وَلَا ٱلْمُؤْمِنِينَ وَلِيجَةً ۚ وَٱللَّهُ خَبِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٦﴾

"Apakah kamu fikir bahawa kamu akan ditinggalkan (tanpa diuji), sedangkan Allah belum lagi mengetahui (dalam realiti) mereka yang sanggup berjihad dari kalangan kamu dan mereka yang tidak mengambil sahabat-sahabat setia selain Allah, rasul-Nya dan para Mu'minin. Dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(16)

Di dalam masyarakat Islam di zaman itu - sebagai satu perkara biasa – terdapat satu golongan yang pintar menipu dan menembusi tembok-tembok dan pandai berdalih atau mengemukakan alasan-alasan palsu. Mereka bertindak dan bergerak dari belakang kelompok Muslimin dan mengadakan hubungan sulit dengan musuh-musuh Islam untuk mendapat sesuatu faedah dan muslihat walaupun merugikan kelompok Muslimin. Mereka melakukan tindakan-tindakan itu dengan bergantung kepada keadaan hubungan-hubungan yang tidak jelas dan kepada wujudnya lubang-lubang kelemahan dalam garis pemisahan di antara berbagai-bagai kem dalam masyarakat. Apabila garis pemisahan itu jelas dan diisytiharkan kepada umum, maka terpotonglah jalan penyeludupan golongan itu dan terdedahlah segala lorong dan liku-liku sulit kepada penglihatan umum.

Sesungguhnya demi kepentingan kaum Muslimin dan kepentingan 'aqidah Islam, tabir-tabir itu pastilah dihapuskan dan perhubungan-perhubungan sulit itu pastilah dibongkarkan dan segala lorong-lorong dan liku-liku masuk itu pastilah dikenal dan diketahui supaya pejuang-pejuang yang ikhlas dan jujur itu dapat dibezakan dari pejuang-pejuang yang berpura-pura dan menipu, dan supaya orang ramai dapat mengenal dua kumpulan ini mengikut hakikat mereka yang sebenar walaupun Allah sebelum ini telah mengetahui siapa mereka yang sebenar:

وَٱللَّهُ خَبِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٦﴾

"Dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilaku mereka."(16)

Tetapi Allah hanya mempertanggungjawabkan seseorang itu di atas tindakan dan perilaku yang terbit dari mereka sahaja. Sunnatullah juga menguji manusia untuk membongkarkan segala rahsia mereka yang tersembunyi, mengenal beza barisan-barisan mereka dan memeriksa segala hati mereka. Dan tidak ada ujian yang lebih baik dari ujian dengan kesusahan kesulitan, bebanan-bebanan tugas, penderitaan dan dugaan-dugaan malapetaka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 17 - 22)

مَا كَانَ لِلْمُشْرِكِينَ أَن يَعْمُرُوا۟ مَسَٰجِدَ ٱللَّهِ شَٰهِدِينَ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِم بِٱلْكُفْرِ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَٰلُهُمْ وَفِى ٱلنَّارِ هُمْ خَٰلِدُونَ ﴿١٧﴾

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَٰجِدَ ٱللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ وَأَقَامَ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَى ٱلزَّكَوٰةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا ٱللَّهَ ۖ فَعَسَىٰٓ أُو۟لَٰٓئِكَ أَن يَكُونُوا۟ مِنَ ٱلْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

أَجَعَلْتُمْ سِقَايَةَ ٱلْحَآجِّ وَعِمَارَةَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ كَمَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ وَجَٰهَدَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ لَا يَسْتَوُۥنَ عِندَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٩﴾

ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَهَاجَرُوا۟ وَجَٰهَدُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ أَعْظَمُ دَرَجَةً عِندَ ٱللَّهِ ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَآئِزُونَ ﴿٢٠﴾

يُبَشِّرُهُمْ رَبُّهُم بِرَحْمَةٍ مِّنْهُ وَرِضْوَٰنٍ وَجَنَّٰتٍ لَّهُمْ فِيهَا نَعِيمٌ مُّقِيمٌ ﴿٢١﴾

خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًا ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عِندَهُۥٓ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿٢٢﴾

"Tidak sekali-kali wajar bagi kaum Musyrikin mengimarahkan masjid-masjid Allah, sedangkan mereka sendiri mengakui diri mereka kafir. Itulah orang-orang yang sia-sia amalan mereka dan mereka akan kekal di dalam api Neraka(17). Sesungguhnya orang yang wajar mengimarahkan masjid-masjid Allah ialah orang yang beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat, mendirikan solat dan menunaikan zakat dan ia tidak takut kecuali Allah, semoga mereka termasuk dalam golongan orang-orang yang mendapat hidayat(18). Apakah kamu jadikan (orang-orang) yang memberi minuman kepada orang-orang yang mengerjakan haji itu sama dengan orang-orang yang beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat serta berjihad di jalan Allah? Mereka tidak sama di sisi Allah, dan Allah tidak memberi hidayat kepada golongan manusia yang zalim(19). Orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad di jalan Allah dengan harta benda dan jiwa raga mereka adalah lebih tinggi darjatnya di sisi Allah, dan merekalah orang-orang yang mendapat kejayaan(20). Mereka diberi tabsyir oleh Tuhan mereka bahawa mereka akan mendapat rahmat, keredhaan dan balasan Syurga dari-Nya, di mana mereka memperolehi ni'mat kesenangan yang kekal abadi(21). Mereka hidup kekal di dalamya buat selama-lamanya. Sesungguhnya di sisi Allah disediakan pahala yang amat besar."(22)

Kaum Musyrikin Tidak Berhak Mengimarahkan Rumah-rumah Allah

Selepas pengumuman pemutusan hubungan dengan kaum Musyrikin, maka tidak ada apa-apa keuzuran dan alasan lagi bagi mereka yang tidak mahu berperang dengan kaum Musyrikin. Begitu juga di sana tidak ada sebab yang membuat mereka teragak-agak untuk menafikan kaum Musyrikin dari mengunjungi Baitullah dan mengimarahkannya walaupun kerja-kerja ini telah dilakukan oleh kaum Musyrikin di zaman jahiliyah. Di sini rangkaian ayat-ayat ini menolak kaum Musyrikin sebagai golongan manusia yang berhak mengimarahkan rumah-rumah Allah, kerana hak ini adalah khusus untuk mereka yang beriman kepada Allah dan melaksanakan segala tugas-tugas yang diwajibkan ke atas mereka. Pengendalian kaum Musyrikin mengimarahkan Baitullahil-Haram di zaman jahiliyah dan menguruskan bekalan air kepada jamaah haji tidak dapat mengubahkan dasar ini. Ayat ini menghadapi perasaan-perasaan yang tidak sihat yang berkecamuk di dalam hati setengah-setengah Muslimin yang belum mempunyai pandangan yang terang terhadap dasar agama ini.

* * * * * *

مَا كَانَ لِلْمُشْرِكِينَ أَن يَعْمُرُوا۟ مَسَٰجِدَ ٱللَّهِ شَٰهِدِينَ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِم بِٱلْكُفْرِ ۚ

"Tidak sekali-kali wajar bagi kaum Musyrikin mengimarahkan masjid-masjid Allah, sedangkan mereka sendiri mengakui diri mereka kafir."(17)

Perbuatan itu adalah satu perbuatan yang dibangkang dan dibantah dari awal-awal lagi. Ia tidak mempunyai apa-apa justifikasi kerana ia bertentangan dengan tabi'at segala sesuatu, kerana rumah-rumah Allah itu adalah khusus untuk Allah, tiada nama yang lain disebut di dalam rumah-rumah itu kecuali nama Allah dan tiada sesiapa yang layak disebut namanya bersama nama Allah selain dari-Nya. Jika demikian bagaimana kaum Musyrikin hendak mengimarahkan rumah-rumah Allah, sedangkan hati mereka kosong dari tauhid, sedangkan mereka mempersekutui Allah dan sedangkan mereka sendiri mengaku kafir, iaitu satu pengakuan yang benar, yang tidak dapat di ingkar dan tidak dapat dielak selain dari mengakui kebenarannya.

أُو۟لَٰٓئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَٰلُهُمْ

"Itulah orang-orang yang sia-sia amalan mereka."(17)

Amalan mereka sia-sia sahaja dan di antaranya termasuk amalan mengimarahkan masjid yang seharusnya dilandaskan di atas konsep mentauhidkan Allah.

وَفِى ٱلنَّارِ هُمْ خَٰلِدُونَ ﴿١٧﴾

"Dan mereka akan kekal di dalam api Neraka."(17)

Ibadat Merupakan Terjemahan Dari 'Aqidah

Ibadat merupakan terjemahan dari 'aqidah, apabila 'aqidah tidak sah, maka ibadat juga tidak sah. Pengamalan syi'ar-syi'ar agama dan pengimarahan masjid-masjid tidak mempunyai apa-apa erti selama hati tidak diimarahkan dengan i'tiqad dan kepercayaan yang betul dan dengan amalan yang benar dan terang dan seterusnya dengan keikhlasan kepada Allah sama ada di dalam amalan dan ibadat:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَٰجِدَ ٱللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ

ٱلْـَٔاخِرِ وَأَقَامَ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَى ٱلزَّكَوٰةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا ٱللَّهَ ۖ فَعَسَىٰٓ أُو۟لَـٰٓئِكَ أَن يَكُونُوا۟ مِنَ ٱلْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

"Sesungguhnya orang yang wajar mengimarahkan masjid-masjid Allah ialah orang yang beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat, mendirikan solat dan menunaikan zakat dan ia tidak takut kecuali Allah, semoga mereka termasuk dalam golongan orang-orang yang mendapat hidayat."(18)

Ayat ini hanya menyebut "takut kepada Allah" selepas menyebut dua syarat keimanan dalaman dan amalan luaran. Dan ini bukanlah bererti "takut kepada Allah" suatu pernyataan lebihan, kerana yang dipastikan di sini ialah keikhlasan kepada Allah dan menjauhkan diri dari segala bayangan syirik sama ada di dalam perasaan atau perilaku. Ketakutan seseorang kepada yang lain dari Allah itu merupakan sejenis syirik khafi yang sengaja diperingatkan Al-Qur'an di sini supaya i'tiqad dan amalan seseorang itu, hanya untuk Allah semata-mata. Di waktu ini sahaja para Mu'minin berhak mengimarahkan masjid-masjid Allah dan mengharapkan hidayat dari Allah:

فَعَسَىٰٓ أُو۟لَـٰٓئِكَ أَن يَكُونُوا۟ مِنَ ٱلْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

"Semoga mereka termasuk di dalam golongan orang-orang yang mendapat hidayat."(18)

Tugas hati ialah bertawajjuh kepada Allah dan tugas anggota melaksanakan amalan, kerana Allah, kemudian tawajjuh dan amalan itu akan dibalas Allah dengan hidayat, pencapaian matlamat dan kejayaan.

Inilah dasar yang membolehkan seseorang mendapat hak mengimarahkan rumah-rumah Allah dan menilaikan ibadat-ibadat dan syi'ar-syi'arnya yang dijelaskan Allah kepada kaum Muslimin dan kaum Musyrikin. Oleh sebab itu tidak boleh disamakan orang-orang yang mengimarahkan Baitullah dan mengadakan bekalan air kepada jamaah haji di zaman jahiliyah, di mana 'aqidah mereka tidak tulus kepada Allah dan di mana mereka tidak mendapat apa-apa habuan dari amalan dan jihad, mereka tidak boleh disamakan - dengan semata-mata mengimarahkan masjid dan memberi khidmat kepada jamaah haji - dengan orang-orang yang beriman dengan keimanan yang sebenar dan berjihad di jalan Allah dan berjuang untuk meletakkan Kalimatullah di tempat yang tinggi:

أَجَعَلْتُمْ سِقَايَةَ ٱلْحَآجِّ وَعِمَارَةَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ كَمَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْـَٔاخِرِ وَجَـٰهَدَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ لَا يَسْتَوُۥنَ عِندَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿١٩﴾

"Apakah kamu jadikan (orang-orang) yang memberi minuman kepada orang-orang yang mengerjakan haji itu sama dengan orang yang beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat serta berjihad di jalan Allah? Mereka tidak sama di sisi Allah, dan Allah tidak memberi hidayat kepada golongan manusia yang zalim."(19)

Neraca pertimbangan Allah merupakan satu-satunya neraca pertimbangan yang benar dan penilaian-Nya merupakan satu-satunya penilaian yang tepat:

وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿١٩﴾

"Dan Allah tidak memberi hidayat kepada golongan manusia yang zalim."(19)

Iaitu golongan manusia yang tidak beragama dengan agama yang benar dan tidak membersihkan 'aqidah mereka dari kekotoran syirik walaupun mereka mengimarahkan Baitullah dan mengadakan bekalan air kepada jamaah haji.

Kemudian pengertian ini di akhiri dengan menjelaskan kelebihan para Mu'minin yang berhijrah dan berjihad dan ganjaran-ganjaran yang menunggu mereka iaitu rahmat dan keredhaan Allah, ni'mat kesenangan yang berkekalan dan pahala yang amat besar:

ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَهَاجَرُوا۟ وَجَـٰهَدُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ أَعْظَمُ دَرَجَةً عِندَ ٱللَّهِ ۚ وَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَآئِزُونَ ﴿٢٠﴾

يُبَشِّرُهُمْ رَبُّهُم بِرَحْمَةٍ مِّنْهُ وَرِضْوَٰنٍ وَجَنَّـٰتٍ لَّهُمْ فِيهَا نَعِيمٌ مُّقِيمٌ ﴿٢١﴾

خَـٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًا ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عِندَهُۥٓ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿٢٢﴾

"Orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad di jalan Allah dengan harta benda dan jiwa raga mereka adalah lebih tinggi darjatnya di sisi Allah dan merekalah orang-orang yang mendapat kejayaan(20). Mereka di beri tabsyir oleh Tuhan mereka bahawa mereka akan mendapat rahmat, keredhaan dan balasan Syurga dari-Nya, di mana mereka memperolehi ni'mat kesenangan yang kekal abadi(21). Mereka hidup kekal di dalamnya buat selama-lamanya. Sesungguhnya di sisi Allah disediakan pahala yang amat besar."(22)

Kata sifat pengutamaan (أفعل التفضيل) pada ungkapan "أعظم درجة عندالله" (lebih tinggi darjatnya di sisi Allah) bukannya dimaksudkan dengan pengertiannya yang lahir. Ia bukannya bermaksud bahawa golongan yang lain itu mempunyai darjat yang lebih rendah, malah maksudnya para Mu'minin yang berhijrah dah berjihad diberi darjat kelebihan yang mutlak, sedangkan golongan yang lain (yang hanya mengimarahkan Baitullah dan menyediakan bekalan air kepada jamaah haji) akan sia-sia amalan mereka dan akan kekal di dalam api Neraka.

Golongan ini tidak boleh dibuat perbandingan di antara mereka dengan golongan para Mu'minin yang Muhajirin dan Mujahidin baik dari segi darjat mahupun ni'mat kesenangan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 23 - 24)

Kemudian rangkaian ayat-ayat yang berikut meneruskan saranannya supaya membersihkan perasaan-perasaan dan hubungan yang wujud di dalam hati kelompok Mu'minin dan menumpukannya kepada Allah dan kepada agama Allah. Ia menyaran supaya membebaskan hati mereka dari pertalian-pertalian kekeluargaan, kepentingan dan keni'matan. Ia mengumpulkan segala keni'matan dan kesenangan yang menjadi idaman manusia, juga segala perhubungan dalam hidup mereka, lalu ia meletakkannya dalam satu daun neraca, kemudian ia meletakkan pula cinta kepada Allah, kepada rasul-Nya dan kepada jihad fi Sabilillah dalam satu neraca yang lain untuk dipilih oleh para Muslimin.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوٓا۟ ءَابَآءَكُمْ
وَإِخْوَٰنَكُمْ أَوْلِيَآءَ إِنِ ٱسْتَحَبُّوا۟ ٱلْكُفْرَ عَلَى
ٱلْإِيمَٰنِ ۚ وَمَن يَتَوَلَّهُم مِّنكُمْ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ
ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٢٣﴾
قُلْ إِن كَانَ ءَابَآؤُكُمْ وَأَبْنَآؤُكُمْ وَإِخْوَٰنُكُمْ
وَأَزْوَٰجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَٰلٌ ٱقْتَرَفْتُمُوهَا
وَتِجَٰرَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسَٰكِنُ تَرْضَوْنَهَآ
أَحَبَّ إِلَيْكُم مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَجِهَادٍ فِى
سَبِيلِهِۦ فَتَرَبَّصُوا۟ حَتَّىٰ يَأْتِىَ ٱللَّهُ بِأَمْرِهِۦ ۗ وَٱللَّهُ
لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿٢٤﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil bapa-bapa dan saudara-saudara kamu sebagai sahabat-sahabat setia jika mereka, mengutamakan kekufuran dari keimanan dan sesiapa di antara kamu yang mengambil mereka sebagai sahabat-sahabat setia, maka merekalah orang-orang yang zalim(23). Katakanlah: Jika bapa-bapa kamu, anak-anak kamu, saudara-saudara kamu, isteri-isteri kamu, kaum keluarga kamu, harta kekayaan yang diusahakan kamu, perniagaan yang kamu bimbang (dilanda) kemelesetan dan rumah-rumah kediaman yang disayangi kamu itu lebih dicintai kamu dari Allah dan rasul-Nya dan dari berjihad fi Sabilillah, maka tunggulah sehingga Allah membawa keputusan-Nya. Dan Allah tidak memberi hidayat kepada golongan manusia yang fasiq."(24)

Kewajipan Menumpukan Cinta Kasih Kepada 'Aqidah

'Aqidah Islam tidak sanggup menerima sekutu di dalam hati seorang, sama ada hati itu memberi tumpuan sepenuh kepadanya atau berpisah darinya, tetapi ini bukanlah bererti ia menuntut agar setiap Muslim memutuskan hubungan dengan keluarga, kaum kerabat, suami isteri, anak, harta, kerja, kesenangan dan keni'matan hidup dan bukanlah pula menuntut agar setiap Muslim menjalin kehidupan seorang rahib dan meninggalkan segala keni'matan hidup. Tidak sekali-kali begitu, malah apa yang dikehendaki oleh 'aqidah Islam ialah supaya seorang Muslim mengikhlaskan hati dan menumpukan cinta kasih kepadanya dan menjadikan 'aqidah sebagai penguasa dan pemerintah dan sebagai penggerak dan pendorong dalam hidupnya. Apabila 'aqidah telah mencapai tahap ini, maka tidak ada apa-apa halangan bagi seorang Muslim untuk meni'mati segala ni'mat kesenangan hidup dengan syarat ia bersedia mencampakkan ni'mat-ni'mat kesenangan itu apabila ia bertentangan dengan kehendak-kehendak 'aqidah.

Persimpangan jalannya ialah sama ada 'aqidah yang menerajui hidupnya atau ni'mat kesenangan yang menerajuinya, sama ada 'aqidah yang berkuasa memberi kata pemutus atau ni'mat kesenangan dunia memegang kuasa pemutus. Apabila seorang Muslim itu yakin bahawa hatinya tetap ikhlas kepada 'aqidahnya, maka tiada apa halangan baginya meni'mati keindahan-keindahan ni'mat yang diciptakan Allah dan rezeki-rezeki yang baik yang dikurniakan olehnya dengan syarat ia tidak membazir dan tidak bersikap angkuh dan sombong, malai keni'matan yang seperti itu merupakan sesuatu yang digalakkan memandangkan keni'matan itu dikira sebagai salah satu cara untuk melahirkan kesyukuran kepada Allah yang sememangnya mengurniakan ni'mat-ni'mat kesenangan itu dengan tujuan supaya dapat dini'mati para hamba-Nya agar mereka sentiasa mengingati bahawa Dialah Tuhan yang memberi rezeki dan mengurniakan ni'mat-ni'mat yang melimpah-ruah itu.

* * * * * *

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوٓا۟ ءَابَآءَكُمْ
وَإِخْوَٰنَكُمْ أَوْلِيَآءَ إِنِ ٱسْتَحَبُّوا۟ ٱلْكُفْرَ عَلَى
ٱلْإِيمَٰنِ ۚ

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil bapa-bapa dan saudara-saudara kamu sebagai sahabat-sahabat setia kamu jika mereka mengutamakan kekufuran dari keimanan."(23)

Hubungan Kesetiaan Dengan Allah

Demikianlah putusnya tali hubungan darah dan keturunan apabila putusnya tali hubungan hati dan 'aqidah dan demikianlah terhapusnya kesetiaan

kekerabatan di dalam keluarga apabila terhapusnya hubungan kesetiaan dengan Allah. Kesetiaan yang pertama harus diletakkan pada Allah dan di dalam kesetiaan inilah terikatnya seluruh manusia dan jika kesetiaan ini tidak wujud, maka tidak wujud lagi sebarang kesetiaan yang lain selepas itu, kerana tali hubungan telah terputus.

وَمَن يَتَوَلَّهُم مِّنكُمْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٢٣﴾

"Dan sesiapa di antara kamu yang mengambil mereka sebagai sahabat-sahabat setia, maka merekalah orang-orang yang zalim."(23)

Yang dimaksudkan dengan orang-orang yang zalim di sini ialah orang-orang Musyrikin. Oleh itu kesetiaan kepada keluarga dan kaum yang mengutamakan kekufuran dari keimanan merupakan sesuatu perbuatan syirik yang tidak secocok dengan keimanan.

Rangkaian ayat-ayat ini tidak berpada dengan hanya menjelaskan dasar sahaja, malah dalam ayat yang berikut ia mengemukakan berbagai-bagai jenis perhubungan keinginan dan keni'matan hidup untuk diletakkannya dalam satu daun neraca dan meletakkan 'aqidah dengan segala keperluannya dalam satu daun neraca yang sebelah lagi. Ia meletakkan bapa, anak-anak, saudara-saudara, suami isteri, keluarga (hubungan darah dan keturunan dan hubungan kekerabatan dan perkahwinan), harta benda, perniagaan (keinginan fitrah), rumah-rumah kediaman yang mewah (kesenangan dan keni'matan hidup) dalam satu daun neraca dan meletakkan dalam daun neraca di sebelah lagi kecintaan kepada Allah dan rasul, kecintaan kepada jihad fi Sabilillah dengan segala keperluannya dan kesulitan-kesulitannya, dengan segala ekorannya yang memenatkan, segala kesudahan dan penderitaan-penderitaannya, dengan segala kesakitan dan pengorbanannya dan segala luka-luka dan keguguran di medan pertempuran, iaitu jihad fi Sabilillah yang bersih dari niat hendak mendapat kemasyhuran, nama yang baik dan terkemuka, bersih dari keinginan hendak bermegah-megah dan berbangga, dan seterusnya bersih dari keinginan untuk mendapat kepujian dan sanjungan penduduk dunia. Tanpa niat-niat yang bersih ini, ia tidak berhak menerima sebarang ganjaran dan pahala.

قُلْ إِن كَانَ آبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ وَإِخْوَانُكُمْ وَأَزْوَاجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَالٌ اقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَارَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسَاكِنُ تَرْضَوْنَهَا أَحَبَّ إِلَيْكُم مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَجِهَادٍ فِي سَبِيلِهِ فَتَرَبَّصُوا حَتَّىٰ يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ﴿٢٤﴾

"Katakanlah: Jika bapa-bapa kamu, anak-anak kamu, saudara-saudara kamu, isteri-isteri kamu, kaum keluarga kamu, harta kekayaan yang diusahakan kamu, perniagaan yang kamu bimbang (dilanda) kemelesetan dan rumah-rumah kediaman yang disayangi kamu itu lebih dicintai kamu dari Allah dan rasul-Nya dan dari berjihad fi Sabilillah, maka tunggulah sehingga Allah membawa keputusan-Nya. Dan Allah tidak memberi hidayat kepada golongan manusia yang fasiq."(24)

Itulah satu pilihan yang amat sukar dan berat, tetapi itulah hakikatnya yang sebenar dan jika tidak, maka "tunggulah sehingga Allah membawa keputusan-Nya", dan jika tidak, maka "tunggulah nasib kesudahan" yang akan diterima oleh orang yang fasiq: **"Dan Allah tidak memberi hidayat kepada golongan manusia yang fasiq."**(24).

Kebersihan niat ini bukan sahaja dituntut dari individu Muslim, malah dituntut dari kaum Muslimin dan kerajaan Islam, kerana di sana tidak seharusnya wujud sesuatu pertimbangan yang lain terhadap mana-mana hubungan dan kepentingan yang mengatasi keperluan-keperluan 'aqidah kerana Allah dan keperluan-keperluan jihad fi Sabilillah.

Allah tidak membebankan golongan Mu'minin dengan taklif-taklif yang berat ini melainkan dia mengetahui bahawa fitrah mereka memang sanggup memikulnya, kerana Allah tidak mentaklif seorang melainkan sekadar keupayaannya. Di antara rahmat Allah kepada para hamba-Nya ialah Dia telah meletakkan di dalam fitrah manusia darjat keupayaan yang tinggi untuk menunjukkan keikhlasan niat dan kesanggupan memikul tugas, di samping meletakkan dalam fitrah mereka rasa keni'matan yang tinggi terhadap keikhlasan niat itu, iaitu keni'matan yang tiada tolok bandingnya dengan seluruh keni'matan hidup dunia yang lain, iaitu keni'matan berhubung dengan Allah dan keni'matan mengharapkan keredhaan Allah, keni'matan kerana dapat mengatasi kelemahan dan kejatuhan, keni'matan kerana terselamat dari tekanan nafsu jasmani dan keni'matan kerana dapat meningkatkan diri ke puncak kegemilangan. Dan andainya mereka kalah kepada tekanan kepentingan hidup dunia, maka harapan dan cita-cita menuju ke puncak yang gemilang itu dapat membaharui keinginan mereka yang kuat untuk menyelamatkan diri dari tekanan itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 25 - 27)

Teladan Dari Peperangan Hunayn

Kemudian ayat-ayat yang berikut menyentuh perasaan Muslimin supaya mengingati peristiwa lampau dengan menayangkan lembaran realiti yang pernah dihayati mereka tidak lama sebelum ini, iaitu mengingati medan-medan pertempuran, di mana

mereka mendapat pertolongan dari Allah, sedangkan mereka di waktu itu tidak mempunyai kekuatan dan kelengkapan yang cukup, juga mengingati hari Peperangan Hunayn di mana mereka mengalami kekalahan walaupun bilangan mereka cukup ramai, kemudian Allah mengurniakan pertolongan dengan kekuatan-Nya, pada hari itu hanya dua ribu orang sahaja tawanan yang dibebaskan telah bergabung dengan tentera Muslimin yang menakluk negeri Makkah, pada hari itu hati kaum Muslimin telah dilanda kelalaian dan kelupaan kepada Allah kerana terpesona dengan bilangan mereka yang ramai dan dengan kelengkapan mereka yang kuat. Mereka telah mengalami kekalahan supaya mereka sedar bahawa keikhlasan kepada Allah dan hubungan yang rapat dengan Allah merupakan alat yang paling penting untuk mencapai kemenangan. Ia merupakan alat kemenangan yang tidak akan mengecewakan mereka sebagaimana mereka telah dikecewakan oleh jumlah yang ramai dan kelengkapan yang kuat, juga pernah dikecewakan oleh harta kekayaan, saudara-saudara dan anak-anak yang ramai:

لَقَدْ نَصَرَكُمُ ٱللَّهُ فِى مَوَاطِنَ كَثِيرَةٍ ۙ وَيَوْمَ حُنَيْنٍ ۙ
إِذْ أَعْجَبَتْكُمْ كَثْرَتُكُمْ فَلَمْ تُغْنِ عَنكُمْ
شَيْـًٔا وَضَاقَتْ عَلَيْكُمُ ٱلْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ ثُمَّ
وَلَّيْتُم مُّدْبِرِينَ ﴿٢٥﴾

ثُمَّ أَنزَلَ ٱللَّهُ سَكِينَتَهُۥ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ وَعَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ
وَأَنزَلَ جُنُودًا لَّمْ تَرَوْهَا وَعَذَّبَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ۚ
وَذَٰلِكَ جَزَآءُ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٢٦﴾

ثُمَّ يَتُوبُ ٱللَّهُ مِنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَ عَلَىٰ مَن يَشَآءُ ۗ
وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٧﴾

"Sesungguhnya Allah telah memberi pertolongan kepada kamu di berbagai-bagai medan peperangan, juga di dalam Peperangan Hunayn di mana kamu terpesona dengan bilangan kamu yang ramai, tetapi ia tidak memberi faedah sedikit pun kepada kamu dan (menyebabkan kamu mengalami kekalahan) hingga bumi yang luas dirasa sempit oleh kamu, kemudian kamu melarikan diri ke belakang(25). Kemudian Allah menurunkan ketenteramannya ke atas rasul-Nya dan ke atas para Mu'minin serta menurunkan bala tentera malaikat yang tidak dapat di lihat oleh kamu dan menyeksakan orang-orang kafir. Itulah balasan yang setimpal kepada orang-orang kafir(26). Kemudian selepas itu Allah menerima taubat dari mereka yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(27)

Allah telah mengurniakan pertolongan kepada kaum Muslimin di berbagai-bagai medan peperangan yang masih baru di dalam ingatan mereka, Peristiwa-peristiwa ini dapat diingati mereka dengan hanya melalui isyarat sahaja. Peperangan Hunayn berlaku selepas penaklukan negeri Makkah di dalam bulan Syawal tahun yang kelapan Hijrah, iaitu setelah Rasulullah s.a.w. selesai menakluk Makkah dan segala urusannya selesai diaturkan dan seluruh penduduknya memeluk Islam dan dibebaskan oleh Rasulullah s.a.w. tiba-tiba sampai berita kepada beliau bahawa suku Hawazin telah mengemblengkan kekuatan untuk memerangi beliau. Pemimpin mereka Malik ibn 'Auf an-Nadhri bersama-sama dengan seluruh suku Thaqif, Banu Jasym, Banu Sa'd ibn Bakr dan beberapa kumpulan kecil dari Bani Hilal dan sekumpulan orang-orang dari Bani 'Amr ibn 'Amir dan 'Auf ibn 'Amir datang dengan kaum wanita dan anak-anak mereka termasuk binatang-binatang ternakan mereka, lalu Rasulullah s.a.w. keluar untuk menentang mereka bersama angkatan tenteranya yang telah datang bersama beliau untuk menakluk Makkah, iaitu seramai sepuluh ribu orang yang terdiri dari kaum Muhajirin, kaum Ansar dan suku-suku Arab yang lain dan turut serta bersamanya dua ribu orang dari penduduk Makkah yang telah menganut Islam dan dibebaskan oleh beliau. Angkatan ini telah dibawa oleh Rasulullah s.a.w. untuk menentang musuh. Mereka telah bertembung di sebuah wadi yang terletak di antara Makkah dan Ta'if bernama Hunayn. Di sinilah berlakunya pertempuran di awal pagi yang masih diselubungi kegelapan subuh. Kaum Hawazin telah menyerang hendap ketika angkatan Muslimin turun ke dalam wadi itu. Mereka tidak sedar kecuali sesudah kaum Hawazin menyerang mereka dengan anak-anak panah dan mata pedang. Mereka menyerang serentak seperti seorang lelaki mengikut sebagaimana yang diperintah oleh pemimpin mereka menyebabkan kaum Muslimin terpaksa mengundurkan diri sebagaimana diceritakan oleh Allah S.W.T. Tetapi Rasulullah s.a.w. tetap tidak berganjak dari medan pertempuran. Beliau menunggang baghalnya yang bernama Syahba' menuju ke tengah-tengah musuh, pelana sebelah kanannya dipegang oleh al-Abbas dan pelana sebelah kirinya dipegang oleh Abu Sufyan" ibn al-Harith ibn Abdul Muttalib. Kedua-duanya menghimpit baghal itu supaya ia tidak berlari kuat, sedangkan Rasulullah s.a.w. menyebut-nyebut namanya dan menyeru kaum Muslimin yang berundur itu supaya kembali berjuang. Beliau berseru: "Kembalilah kepada aku, wahai hamba-hamba kesayangan Allah. Kembalilah kepada aku, akulah Rasulullah". Dan dalam situasi itu juga beliau bersabda: "Akulah Nabi, aku tidak berdusta, aku anak cucu Abdul Muttalib". Kira-kira seratus orang sahabat yang tetap tidak berganjak dari medan pertempuran bersama Rasulullah s.a.w. dan kata setengah orang bilangan mereka ialah seramai lapan puluh orang. Di antara mereka ialah Abu Bakr, Umar r.a., al-Abbas, Ali dan al-Fadhl ibn Abbas, Abu Sufyan ibn al-Harith, Ayman ibn Ummi Ayman, Usamah ibn Zayd dan lain-lain lagi r.a. Kemudian Nabi s.a.w. menyuruh bapa saudaranya al-Abbas yang mempunyai suara yang lantang itu supaya berseru dengan setinggi-tinggi suaranya: "Wahai orang-orang yang ikut serta di dalam perjanjian asy-Syajarah

(maksudnya pokok ar-Ridhuan di mana kaum Muslimin yang terdiri dari kaum Muhajirin dan Ansar telah mengadakan perjanjian di bawah pokok ini bahawa mereka tidak akan lari meninggalkan beliau). Al-Abbas terus berseru: "Wahai orang-orang yang ikut di dalam perjanjian as-Samurah", dan kadang-kadang dia berkata: "Wahai orang-orang yang ikut di dalam perjanjian Surah al-Baqarah". Lalu kaum Muslimin yang mengundurkan diri itu menjawab: "Kami sambut seruanmu! Kami sambut seruanmu!" Sambil mereka berpatah-balik menuju kepada Rasulullah s.a.w. sehingga ada orang apabila melihat untanya enggan balik ia terus memakai baju besinya dan turun dari untanya dan melepaskannya dan terus pulang kepada Rasulullah s.a.w. Dan setelah mereka berkumpul di tempat Rasulullah s.a.w., beliau memerintah mereka supaya melancarkan serangan yang sungguh-sungguh. Pada akhirnya kaum Musyrikin kalah dan kaum Muslimin terus memburu mereka, ada yang dibunuh dan ada pula yang ditawan. Sebaik sahaja kumpulan Muslimin yang mengundurkan diri itu pulang kesemuanya kepada Rasulullah s.a.w., maka kumpulan kaum Musyrikin yang ditawan itu, telah dihimpun di hadapan Rasulullah s.a.w.

Inilah satu peperangan, di mana angkatan perang kaum Muslimin bagi pertama kalinya terkumpul seramai dua belas ribu orang. Bilangan yang ramai ini telah membuat mereka terpesona dan terlupa kepada punca pertama kemenangan. Lalu Allah kalahkan mereka di awal pertempuran untuk mengembalikan mereka ke pangkal jalan, kemudian Allah mengurniakan kemenangan kepada mereka dengan kekuatan sekumpulan kecil kaum Muslimin yang tidak berganjak dari Rasulullah s.a.w.

Ayat yang berikut mengulangi tayangan peperangan itu dengan pemandangan fizikalnya yang lahir dan dengan emosi-emosinya yang bersemarak:

لَقَدْ نَصَرَكُمُ ٱللَّهُ فِى مَوَاطِنَ كَثِيرَةٍ ۙ وَيَوْمَ حُنَيْنٍ ۙ إِذْ أَعْجَبَتْكُمْ كَثْرَتُكُمْ فَلَمْ تُغْنِ عَنكُمْ شَيْـًٔا وَضَاقَتْ عَلَيْكُمُ ٱلْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ ثُمَّ وَلَّيْتُم مُّدْبِرِينَ ﴿٢٥﴾

"Sesungguhnya Allah telah memberi pertolongan kepada kamu di berbagai-bagai medan peperangan, juga di dalam Peperangan Hunayn di mana kamu terpesona dengan bilangan kamu yang ramai, tetapi ia tidak memberi faedah sedikit pun kepada kamu dan (menyebabkan kamu mengalami kekalahan) hingga bumi yang luas dirasa sempit oleh kamu, kemudian kamu melarikan diri ke belakang."(25)

(Ayat ini memberi gambaran yang penuh) dari perasaan terpesona kepada bilangan yang ramai kepada goncangan perasaan kerana kekalahan mental, kepada perasaan sempit dan sulit, hingga bumi yang luas dirasa sempit dan menghimpit mereka hingga kepada harakat kekalahan yang nyata, berundur dan lari dari medan pertempuran.

ثُمَّ أَنزَلَ ٱللَّهُ سَكِينَتَهُۥ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ وَعَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ

"Kemudian Allah menurunkan ketenteramannya ke atas rasul-Nya dan ke atas Para Mu'minin..."(26)

Seolah-olah ketenteraman itu sehelai kain yang diturun untuk menambat hati yang melayang dan menenangkan perasaan yang terharu.

وَأَنزَلَ جُنُودًا لَّمْ تَرَوْهَا

"Serta menurunkan bala tentera malaikat yang tidak dapat di lihat oleh kamu..."(26)

Justeru itulah kita tidak mengetahui hakikatnya dan tiada siapa yang mengetahui tentera Tuhanmu melainkan hanya Dia.

وَعَذَّبَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ۚ

"Dan menyeksakan orang-orang kafir..."(26)

dengan pembunuhan, penawanan, rampasan dan kekalahan

وَذَٰلِكَ جَزَآءُ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٢٦﴾

"Dan itulah balasan yang setimpal dengan orang-orang kafir."(26)

ثُمَّ يَتُوبُ ٱللَّهُ مِنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَ عَلَىٰ مَن يَشَآءُ ۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٧﴾

"Kemudian selepas itu Allah menerima taubat dari mereka yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(27)

Bilangan Yang Ramai Bukan Kekuatan Sebenar

Pintu keampunan itu sentiasa terbuka kepada mereka yang bersalah kemudian bertaubat. Peperangan Hunayn yang disebut dalam rangkaian ayat di sini adalah mengemukakan akibat lupakan Allah dan perbuatan bergantung kepada kekuatan yang lain dari kekuatan Allah, juga mendedahkan satu hakikat yang lain secara tersirat, iaitu hakikat kekuatan yang menjadi tapak tegaknya segala 'aqidah. Bilangan yang ramai bukannya kekuatan yang sebenar, malah yang menjadi kekuatan yang sebenar ialah bilangan kecil yang arif dan berhubung rapat dengan Allah, berpendirian teguh dan ikhlas kepada 'aqidah. Bilangan yang ramai kadang-kadang menjadi sebab kekalahan kerana setengah-setengah orang yang masuk di dalam kumpulan ini dan sesat di dalam arusnya adalah terdiri dari orang-orang yang tidak memahami hakikat 'aqidah, di mana mereka hanyut dalam arus dan mempunyai pendirian yang goyah di sa'at dilanda kesusahan yang menimbulkan kekacauan dan semangat kalah dalam barisan. Di

samping itu bilangan yang ramai juga boleh menyebabkan orang-orangnya mudah terpesona dan tidak bersungguh-sungguh menguatkan hubungan mereka dengan Allah kerana terpedaya dengan jumlah mereka yang banyak dan lupakan rahsia kemenangan di dalam perjuangan hidup.

Setiap 'aqidah ditegakkan dengan kekuatan kumpulan pilihan bukannya dengan kekuatan kumpulan buih yang mudah hancur dan hilang dan bukan pula dengan kekuatan kumpulan jerami kering yang mudah diterbangi angin.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 28)

Apabila penjelasan rangkaian ayat-ayat ini sampai ke bahagian ini dan menyentuh perasaan hati kaum Muslimin dengan kenangan kepada peristiwa sejarah yang baru sahaja berlaku, maka ayat yang berikut memberi kata pemutus terhadap kedudukan kaum Musyrikin atau kata abadi mengenai mereka sehingga hari Qiamat:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِنَّمَا ٱلْمُشْرِكُونَ نَجَسٌ فَلَا يَقْرَبُواْ ٱلْمَسْجِدَ ٱلْحَرَامَ بَعْدَ عَامِهِمْ هَٰذَا ۚ وَإِنْ خِفْتُمْ عَيْلَةً فَسَوْفَ يُغْنِيكُمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦٓ إِن شَآءَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٢٨﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya orang-orang Musyrikin adalah najis. Oleh sebab itu janganlah mereka mendekati Masjidil-Haram selepas tahun ini. Dan jika kamu bimbang menjadi miskin, maka Allah akan memberi kekayaan kepada kamu dari limpah kurnia-Nya jika Dia kehendaki sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(28)

Kaum Musyrikin Berjiwa Najis

Orang-orang Musyrikin itu najis. Di sini pengungkapan ayat ini memfizikalkan kenajisan jiwa kaum Musyrikin. Ia menjadikan hakikat dan kewujudan mereka sebagai najis. Mereka dengan keseluruhan diri dan hakikat mereka adalah najis yang dijijikkan dan suatu kekotoran yang harus dibersihkan darinya oleh orang-orang yang mahu menyucikan diri, dan pada hakikatnya najis mereka adalah najis mental bukan najis fizikal yang lahir, kerana tubuh badan mereka tidak najis. Itulah cara Al-Qur'an mengungkapkan sesuatu dalam bentuk fizikal.[14]

نَجَسٌ فَلَا يَقْرَبُواْ ٱلْمَسْجِدَ ٱلْحَرَامَ بَعْدَ عَامِهِمْ هَٰذَا ۚ

"Adalah najis oleh sebab itu janganlah mereka mendekati Masjidil-Haram selepas tahun ini..."(28)

Itulah tujuan mengharamkan kehadiran mereka di Masjidil-Haram hingga ke tahap tidak boleh mendekatinya. Kemudian dikemukakan sebab larangan itu iaitu kerana mereka najis, sedangkan masjid suci.

Tetapi musim kegiatan ekonomi yang ditunggu-tunggu penduduk Makkah dan kegiatan perniagaan yang dihayati kebanyakan penduduk Semenanjung Tanah Arab, juga keberangkatan angkatan perniagaan di musim sejuk dan musim panas yang hampir menjadi asas kehidupan mereka akan hilang semuanya apabila kaum Musyrikin dilarang mengerjakan haji dan apabila diisytiharkan jihad ke atas seluruh kaum Musyrikin. Ya, memang benar begitu, tetapi ini adalah persoalan 'aqidah, dan menurut kehendak Allah seluruh hati hendaklah diikhlaskan kepada 'aqidah. Dan selepas itu Allahlah mengaturkan urusan rezeki mereka di sebalik sebab-sebab biasa yang lumrah.

"Dan jika kamu bimbang menjadi miskin, maka Allah akan memberi kekayaan kepada kamu dari limpah kurnia-Nya jika ia kehendaki."(28). Maksudnya, apabila Allah berkehendak, Ia menukarkan punca-punca rezeki biasa dengan punca-punca rezeki yang lain. Dan apabila Allah berkehendak, Ia menutupkan sesuatu pintu rezeki dan membuka pintu-pintu rezeki yang lain.

"Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(28)

Maksudnya, Allah mentadbirkan segala urusan itu dengan ilmu dan kebijaksanaan, dengan perencanaan yang rapi dan kiraan yang halus.

* * * * * *

Methodologi Al-Qur'an bertindak di dalam masyarakat Islam yang telah mendapat kemenangan, sedangkan para warganya yang mempunyai berbagai-bagai tahap keimanan itu belum lagi diselaraskan.

Sebagaimana kita dapat memerhatikan dari penjelasan ayat-ayat bahagian ini lubang-lubang kelemahan, maka begitu juga kita dapat memerhatikan bagaimana cara Al-Qur'an bertindak menutup lubang-lubang kelemahan itu di samping memerhatikan usaha-usaha yang mengambil masa yang panjang untuk mentarbiyahkan umat Muslimin dengan methodologi Al-Qur'an yang unik ini.

Kemuncak yang menjadi matlamat methodologi Al-Qur'an yang berusaha memindahkan langkah-langkah umat Muslimin supaya sampai kepadanya ialah kemuncak keikhlasan kepada Allah dan keikhlasan kepada agama-Nya, juga kemuncak pemisahan yang berlandaskan asas 'aqidah, iaitu pemisahan dari segala hubungan kekeluargaan dan segala kesenangan hidup dunia, dan pemisahan ini terhurai

---

[14] *Lihat huraian dalam bab* "التخييل الحسي والتجسيم" *dalam buku* "التصوير الفني في القرآن"

dalam penjelasan methodologi Al-Qur'an yang memperkatakan tentang perlunya kesedaran terhadap hakikat perbezaan-perbezaan yang wujud di antara sistem hidup ciptaan Allah yang menjadikan seluruh manusia hamba kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dengan sistem hidup jahiliyah yang menjadikan manusia sebagai tuhan-tuhan kepada satu sama lain. Kedua-dua sistem itu tidak mempunyai titik-titik pertemuan dan tidak dapat hidup bersama.

Tanpa wujudnya kefahaman asas terhadap tabi'at dan hakikat agama Islam dan terhadap tabi'at dan hakikat sistem jahiliyah, maka tiada seorang pun yang berupaya menilaikan hukum-hukum atau peraturan-peraturan Islam yang menjelaskan dasar-dasar muamalah dan perhubungan di antara kem-kem Islam dengan semua kem-kem yang lain:

(Kumpulan ayat-ayat 29 - 35)

قَٰتِلُوا۟ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَلَا بِٱلْيَوْمِ ٱلْـَٔاخِرِ وَلَا يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَلَا يَدِينُونَ دِينَ ٱلْحَقِّ مِنَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ حَتَّىٰ يُعْطُوا۟ ٱلْجِزْيَةَ عَن يَدٍ وَهُمْ صَٰغِرُونَ ﴿٢٩﴾

وَقَالَتِ ٱلْيَهُودُ عُزَيْرٌ ٱبْنُ ٱللَّهِ وَقَالَتِ ٱلنَّصَٰرَى ٱلْمَسِيحُ ٱبْنُ ٱللَّهِ ۖ ذَٰلِكَ قَوْلُهُم بِأَفْوَٰهِهِمْ ۖ يُضَٰهِـُٔونَ قَوْلَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِن قَبْلُ ۚ قَٰتَلَهُمُ ٱللَّهُ ۚ أَنَّىٰ يُؤْفَكُونَ ﴿٣٠﴾

ٱتَّخَذُوٓا۟ أَحْبَارَهُمْ وَرُهْبَٰنَهُمْ أَرْبَابًا مِّن دُونِ ٱللَّهِ وَٱلْمَسِيحَ ٱبْنَ مَرْيَمَ وَمَآ أُمِرُوٓا۟ إِلَّا لِيَعْبُدُوٓا۟ إِلَٰهًا وَٰحِدًا ۖ لَّآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۚ سُبْحَٰنَهُۥ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٣١﴾

يُرِيدُونَ أَن يُطْفِـُٔوا۟ نُورَ ٱللَّهِ بِأَفْوَٰهِهِمْ وَيَأْبَى ٱللَّهُ إِلَّآ أَن يُتِمَّ نُورَهُۥ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٣٢﴾

هُوَ ٱلَّذِىٓ أَرْسَلَ رَسُولَهُۥ بِٱلْهُدَىٰ وَدِينِ ٱلْحَقِّ لِيُظْهِرَهُۥ عَلَى ٱلدِّينِ كُلِّهِۦ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْمُشْرِكُونَ ﴿٣٣﴾

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِنَّ كَثِيرًا مِّنَ ٱلْأَحْبَارِ وَٱلرُّهْبَانِ لَيَأْكُلُونَ أَمْوَٰلَ ٱلنَّاسِ بِٱلْبَٰطِلِ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ ۗ وَٱلَّذِينَ يَكْنِزُونَ ٱلذَّهَبَ وَٱلْفِضَّةَ وَلَا يُنفِقُونَهَا فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ فَبَشِّرْهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٤﴾

يَوْمَ يُحْمَىٰ عَلَيْهَا فِى نَارِ جَهَنَّمَ فَتُكْوَىٰ بِهَا جِبَاهُهُمْ وَجُنُوبُهُمْ وَظُهُورُهُمْ ۖ هَٰذَا مَا كَنَزْتُمْ لِأَنفُسِكُمْ فَذُوقُوا۟ مَا كُنتُمْ تَكْنِزُونَ ﴿٣٥﴾

"Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak pula beriman kepada hari Akhirat dan mereka tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan Allah dan rasul-Nya dan mereka tidak beragama dengan agama yang benar, iaitu orang-orang (Yahudi dan Nasara) yang dikurniakan kitab sehingga mereka sanggup membayar jizyah dengan patuh dan ta'at(29). Dan orang-orang Yahudi telah berkata: Uzayr itu putera Allah dan orang Nasara pula telah berkata: Al-Masih itu putera Allah. Itulah perkataan mereka yang diucapkan dengan mulut mereka. Mereka meniru perkataan orang-orang kafir sebelum ini. Allah binasakan mereka! Bagaimana mereka boleh dipesongkan begitu?(30). Mereka telah mengambil orang-orang alim dan rahib-rahib mereka sebagai tuhan-tuhan selain Allah dan begitulah juga mereka lakukan terhadap al-Masih putera Maryam, sedangkan mereka tidak disuruh melainkan supaya mereka menyembah Tuhan yang satu. Tiada Tuhan kecuali Dia. Maha Suci Allah dari segala apa yang dipersekutukan mereka(31). Mereka mahu memadamkan nur Allah dengan mulut mereka, sedangkan Allah tidak menghendaki kecuali menyempurnakan pancaran nur-Nya walaupun tidak di sukai oleh orang-orang kafir(32). Dialah yang telah mengutuskan rasul-Nya membawa hidayat dan agama yang benar untuk ditonjolkannya mengatasi seluruh agama yang lain walaupun tidak di sukai oleh orang-orang Musyrikin(33). Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya sebilangan besar dari orang-orang alim dan rahib-rahib makan harta orang ramai dengan cara yang tidak betul dan mereka menghalangi orang lain dari jalan Allah. Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak menginfaqkannya di jalan Allah, maka sampaikan berita gembira bahawa mereka akan mendapat 'azab yang amat pedih(34). Pada hari emas dan perak itu dipanaskan di dalam api Neraka Jahannam, lalu dibakarkan dengannya dahi, lambung dan belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka:) inilah harta kekayaan yang kamu simpan untuk diri kamu, oleh itu rasakanlah sekarang harta kekayaan yang disimpan kamu itu"(35).

(Latar belakang ayat dan pokok pembicaraan)

Bahagian yang kedua dari surah ini bertujuan menjelaskan hukum-hukum atau peraturan yang final

mengenai tata hubungan di antara masyarakat Islam dengan kaum Ahlil-Kitab sebagaimana ayat-ayat bahagian yang pertama surah ini bertujuan menjelaskan peraturan-peraturan yang mutakhir mengenai tata hubungan di antara masyarakat Islam dengan masyarakat kaum Musyrikin di Semenanjung Tanah Arab.

Jika nas-nas bahagian yang pertama menghadapi realiti yang wujud di Semenanjung Tanah Arab pada masa itu dan memperkatakan tentang kaum Musyrikin yang berada di sana serta menjelaskan sifat-sifat, kejadian-kejadian dan peristiwa-peristiwa yang mengenai mereka secara langsung, maka nas-nas bahagian yang kedua ini - yang khusus mengenai kaum Ahlil-Kitab - merupakan nas-nas yang umum sama ada dari segi penggunaan kata-katanya atau dari segi pengertian, iaitu semuanya ditujukan kepada seluruh kaum Ahlil-Kitab sama ada yang tinggal di Semenanjung Tanah Arab atau yang tinggal di luarnya.

Peraturan-peraturan final yang dimuat di dalam kumpulan ayat-ayat bahagian ini adalah mengandungi pindaan-pindaan yang pokok mengenai dasar-dasar hubungan yang sebelum ini menjadi asas tata hubungan di antara masyarakat Islam dan kaum Ahlil-Kitab terutama kaum Nasara. Sebelum ini beberapa pertempuran telah berlaku dengan kaum Yahudi, tetapi sehingga waktu ini tidak ada sebarang pergaduhan yang berlaku dengan orang-orang Nasara.

Pindaan yang jelas di dalam peraturan-peraturan yang baru ini ialah perintah membunuh kaum Ahlil-Kitab yang menyeleweng dari agama Allah sehingga mereka sanggup membayar cukai jizyah dengan patuh dan tidak lagi diterima perjanjian-perjanjian damai dari mereka kecuali berlandaskan asas pembayaran jizyah ini. Dalam situasi ini mereka berhak mendapat hak-hak kewarganegaraan zimmi yang disifatkan sebagai mempunyai perjanjian dan wujudnya hubungan damai di antara mereka dengan kaum Muslimin. Tetapi apabila mereka yakin kepada agama Islam sebagai 'aqidah dan me-meluknya, maka mereka dikira dari golongan kaum Muslimin.

Mereka tidak dipaksa memeluk agama Islam sebagai 'aqidah mengikut dasar Islam yang kukuh "tiada paksaan di dalam agama", tetapi mereka tidak dibiarkan bebas dengan agama mereka kecuali mereka sanggup membayar jizyah, dan dengan asas ini wujudnya perjanjian di antara mereka dengan masyarakat Islam.

Pindaan terakhir dalam dasar-dasar hubungan di antara masyarakat Islam dengan masyarakat kaum Ahlil-Kitab tidak dapat difahamkan dengan betul kecuali setelah difahamkan dengan jelas tabi'at hubungan-hubungan yang harus wujud di antara sistem hidup ciptaan Allah dengan sistem-sistem hidup jahiliyah dalam satu aspek, juga setelah difahamkan dengan jelas tabi'at tatacara pergerakan Islam dengan berbagai-bagai peringkat dan sarananya yang sesuai dengan realiti manusia dalam satu aspek yang lain.

Tabi'at hubungan yang pasti wujud di antara sistem hidup ciptaan Allah dan sistem-sistem hidup jahiliyah ialah ketidakmungkinan kedua-duanya hidup bersama melainkan di bawah keadaan-keadaan dan syarat-syarat yang tertentu, iaitu pada dasarnya di sana tidak harus wujud sebarang halangan yang menghalangkan perisytiharan Islam yang bertujuan membebaskan manusia, iaitu supaya mereka menyembah Allah Yang Maha Esa sahaja dan mengeluarkan mereka dari amalan menyembah sesama manusia iaitu sebarang halangan fizikal dari pihak kerajaan atau dari sistem pemerintahan dan dari establishment-establishment di muka bumi ini, kerana sistem ciptaan Allah mahu mendapatkan kedudukan yang dominan untuk membolehkannya mengeluarkan manusia dari menyembah sesama manusia kepada menyembah Allah Yang Maha Esa sahaja sebagaimana yang dinyatakan dalam pengisytiharan umum Islam, sementara tujuan sistem-sistem hidup jahiliyah pula mahu mempertahankan kewujudannya dan menghapuskan pergerakan yang memperjuangkan sistem hidup ciptaan Allah di dunia ini.

Tabi'at tatacara pergerakan Islam ialah menghadapi realiti hidup manusia dengan pergerakan yang sesuai dengannya dan dapat mengatasinya di dalam berbagai-bagai peringkat perjuangan dengan menggunakan sarana-sarana yang berubah-ubah. Peraturan-peraturan Marhaliyah yang berperingkat-peringkat dan peraturan-peraturan yang final dalam tata hubungan di antara masyarakat Islam dan masyarakat-masyarakat jahiliyah merupakan contoh sarana-sarana yang berubah-ubah di dalam peringkat-peringkat perjuangan itu.

Justeru itulah rangkaian ayat-ayat di dalam bahagian ini menggariskan tabi'at hubungan-hubungan ini, dan menentukan hakikat Ahlil-Kitab sebagai: "Syirik", "kafir" dan "batil", dan mengemukakan peristiwa-peristiwa yang menjadi landasan peraturan itu sama ada bukti dari kepercayaan-kepercayaan Ahlil-Kitab dan keserupaan yang wujud di antaranya dengan kepercayaan orang kafir sebelumnya atau dari perilaku dan tindak-tanduk mereka di alam realiti.

Nas-nas yang ada sekarang menjelaskan kaum Musyrikin dengan ciri-ciri berikut:

<u>Pertama</u>: Mereka tidak beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat .

<u>Kedua</u>: Mereka tidak mengharamkan apa yang diharamkan Allah dan rasul-Nya.

<u>Ketiga</u>: Mereka tidak berpegang dengan agama yang benar.

<u>Keempat</u>: Di antara kaum Yahudi ada yang mendakwa: Uzayr putera Allah, dan di antara kaum Nasara pula ada yang mendakwa: al-Masih putera Allah, dan sehubungan dengan kedua-dua dakwaan

ini mereka adalah sependapat dengan dakwaan orang-orang kafir sebelum ini sama ada dari kaum wathani Greek atau kaum wathani Roman atau kaum wathani Fir'aun dan lain-lain kaum yang kafir (selepas ini kami akan jelaskan secara terperinci bahawa kepercayaan trinity di sisi kaum Nasara dan dakwaan dari segolongan mereka, dan dari segolongan kaum Yahudi bahawa Allah mempunyai anak adalah diambil dari kepercayaan-kepercayaan wathani yang terdahulu dan bukannya berasal dari kepercayaan Kristian atau kepercayaan Yahudi).

Kelima: Mereka menjadikan ulama'-ulama' dan paderi-paderi mereka sebagai tuhan-tuhan selain dari Allah sebagaimana mereka jadikan al-Masih sebagai tuhan. Dengan perbuatan ini mereka telah melanggar perintah mentauhidkan Allah dan menumpukan keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, dan kerana perbuatan ini mereka dimasukkan ke dalam golongan Musyrikin.

Keenam: Mereka memerangi agama Allah dan berhasrat untuk memadamkan nur Allah dengan mulut mereka dan kerana itu mereka disifatkan sebagai golongan Kafirin.

Ketujuh: Kebanyakan ulama' dan paderi-paderi mereka makan harta orang ramai secara tidak sebenar dan menyeleweng dari agama Allah.

Berlandaskan sifat-sifat ini dan pernyataan hakikat kedudukan kaum Ahlil-Kitab, maka ditetapkan hukum-hukum dan peraturan-peraturan final yang menjadi asas tata hubungan di antara kaum Ahlil-Kitab dengan kaum Muslimin yang beriman dengan agama Allah dan menghayati sistem hidup ciptaan Allah.

Nampaknya pernyataan mengenai hakikat kedudukan kaum, Ahlil-Kitab yang mutakhir ini merupakan satu pernyataan yang memeranjatkan, kerana ia berlainan dari pernyataan-pernyataan yang silam mengenai mereka mengikut sebagaimana yang dikemukakan oleh kaum orientalis, para mubaligh Kristian dan murid-murid mereka dengan dakwaan bahawa Rasulullah s.a.w. telah mengubahkan pernyataan-pernyataannya dan peraturan-peraturannya terhadap kaum Ahlil-Kitab setelah beliau kuat dan gagah untuk melawan mereka.

Tetapi menurut kajian yang objektif tentang pernyataan-pernyataan Al-Qur'an di dalam ayat-ayat Makkiyah dan Madaniyah mengenai hukum Ahlil-Kitab ternyata ianya tidak pernah berubah sedikit pun sejak datangnya Islam dan dapati kaum Ahlil-Kitab berpegang dengan kepercayaan-kepercayaan mereka yang berada dalam keadaan menyeleweng, tidak benar, syirik dan menolak agama Allah yang benar sehingga melibatkan ajaran-ajaran yang pernah di turun dan dikurniakan kepada mereka sebelum ini. Adapun pindaan-pindaan hanya berlaku dalam peraturan mengadakan hubungan dengan mereka sahaja dan pindaan ini, sebagaimana telah kami tegaskan berkali-kali, adalah tunduk kepada kehendak situasi-situasi dan kedudukan-kedudukan realiti yang sentiasa berubah-ubah, Adapun kedudukan Ahlil-Kitab, maka ia tetap tidak berubah sejak hari pertama diturunkan peraturan Allah terhadap mereka.

Di sini kami ingin membawa beberapa contoh dari pernyataan-pernyataan Al-Qur'an mengenai hakikat kedudukan mereka, kemudian kami bentangkan pendirian-perdirian mereka yang sebenar terhadap Islam dan penganut-penganutnya dan pendirian-pendirian itu telah berakhir dengan penetapan peraturan-peraturan yang final dalam berinteraksi dengan mereka:

Di Makkah di waktu ini tidak ada komuniti orang-orang Yahudi atau Nasara dalam bilangan yang ramai atau mempunyai kedudukan yang penting dalam masyarakat, malah di sana hanya terdapat individu-individu sahaja. Mengikut keterangan Al-Qur'an mereka telah menyambut da'wah Islam yang baru itu dengan gembira. Mereka percaya, menerima dan terus masuk Islam. Mereka mengakui kebenaran Islam dan kebenaran rasul-Nya, juga kebenaran Al-Qur'an selaku kitab yang mengesahkan kebenaran kitab suci yang ada di tangan mereka. Orang-orang ini tidak syak lagi terdiri dari orang-orang Nasara dan Yahudi yang masih kekal berpegang dengan kepercayaan tauhid dan masih memiliki saki baki kitab-kitab suci yang diturunkan kepada mereka. Mengenai orang-orang yang seperti inilah diturunkan ayat-ayat yang berikut:

ٱلَّذِينَ ءَاتَيۡنَٰهُمُ ٱلۡكِتَٰبَ مِن قَبۡلِهِۦ هُم بِهِۦ يُؤۡمِنُونَ ﴿٥٢﴾ وَإِذَا يُتۡلَىٰ عَلَيۡهِمۡ قَالُوٓاْ ءَامَنَّا بِهِۦٓ إِنَّهُ ٱلۡحَقُّ مِن رَّبِّنَآ إِنَّا كُنَّا مِن قَبۡلِهِۦ مُسۡلِمِينَ ﴿٥٣﴾

"Orang-orang yang Kami telah mengurniakan al-Kitab kepada mereka sebelum turunnya Al-Qur'an, mereka adalah beriman kepadanya (Al-Qur'an). Dan apabila dibacakan Al-Qur'an kepada mereka lantas mereka berkata: Kami beriman kepadanya. Ia adalah kitab yang benar dari Tuhan kami. Sesungguhnya kami sebelum diturunkannya adalah orang-orang Muslimin."

(Surah al-Qasas: 52-53)

قُلۡ ءَامِنُواْ بِهِۦٓ أَوۡ لَا تُؤۡمِنُوٓاْۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡعِلۡمَ مِن قَبۡلِهِۦٓ إِذَا يُتۡلَىٰ عَلَيۡهِمۡ يَخِرُّونَۤ لِلۡأَذۡقَانِۤ سُجَّدٗا ﴿١٠٧﴾ وَيَقُولُونَ سُبۡحَٰنَ رَبِّنَآ إِن كَانَ وَعۡدُ رَبِّنَا لَمَفۡعُولٗا ﴿١٠٨﴾ وَيَخِرُّونَ لِلۡأَذۡقَانِ يَبۡكُونَ وَيَزِيدُهُمۡ خُشُوعٗا۩ ﴿١٠٩﴾

"Katakanlah: Sama ada kamu beriman kepada Al-Qur'an atau tidak beriman (tidaklah menjejaskan apa-apa) kerana orang-orang yang telah dikurniakan ilmu sebelumnya apabila

dibacakan kepada mereka Al-Qur'an, mereka lantas menyembamkan muka sujud seraya berkata: Maha Sucilah Tuhan kami. Sesungguhnya janji Tuhan kami tetap terlaksana. Mereka menyembamkan muka sujud sambil menangis dan Al-Qur'an menambahkan khusyu' kepada mereka.

(Surah al-Isra': 107-109)

قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِن كَانَ مِنْ عِندِ ٱللَّهِ وَكَفَرْتُم بِهِۦ وَشَهِدَ
شَاهِدٌ مِّنۢ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ عَلَىٰ مِثْلِهِۦ فَـَٔامَنَ وَٱسْتَكْبَرْتُمْ ۖ
إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٠﴾

"Katakanlah kepada mereka: Terangkanlah kepadaku bagaimana pendapat kamu jika Al-Qur'an datang dari sisi Allah lalu kamu ingkarkannya, sedangkan ada seorang saksi dari Bani Israel telah mengaku kitab yang seperti Al-Qur'an (yang diturunkan sebelumnya) lalu ia beriman tetapi kamu mengambil sikap yang angkuh terhadapnya. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang zalim."

(Surah al-Ahqaf: 10)

وَكَذَٰلِكَ أَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ ۚ فَٱلَّذِينَ
ءَاتَيْنَٰهُمُ ٱلْكِتَٰبَ يُؤْمِنُونَ بِهِۦ ۖ وَمِنْ هَٰٓؤُلَآءِ
مَن يُؤْمِنُ بِهِۦ ۚ وَمَا يَجْحَدُ بِـَٔايَٰتِنَآ إِلَّا ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٤٧﴾

"Dan demikianlah Kami turunkan kitab Al-Qur'an kepadamu, lalu orang-orang yang telah Kami kurniakan kitab Taurat kepada mereka beriman kepadanya (Al-Qur'an), dan di antara mereka (penduduk Makkah) ada yang beriman kepadanya. Dan tiada yang mengingkari ayat-ayat Kami kecuali orang-orang yang kafir."

(Surah al-Ankabut: 47)

أَفَغَيْرَ ٱللَّهِ أَبْتَغِى حَكَمًا وَهُوَ ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ
إِلَيْكُمُ ٱلْكِتَٰبَ مُفَصَّلًا ۚ وَٱلَّذِينَ ءَاتَيْنَٰهُمُ
ٱلْكِتَٰبَ يَعْلَمُونَ أَنَّهُۥ مُنَزَّلٌ مِّن رَّبِّكَ بِٱلْحَقِّ ۖ
فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ ٱلْمُمْتَرِينَ ﴿١١٤﴾

"Apakah wajar bagiku mencari penentu peraturan yang lain dari Allah, sedangkan Dialah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an kepada kamu dengan terperinci? Dan orang-orang yang telah Kami kurniakan Taurat kepada mereka mengetahui bahawa Al-Qur'an itu adalah di turun dari Tuhanmu dengan sebenarnya, oleh kerana itu janganlah sekali-kali kamu tergolong dalam golongan orang-orang yang ingkar."

(Surah al-An'am: 114)

وَٱلَّذِينَ ءَاتَيْنَٰهُمُ ٱلْكِتَٰبَ يَفْرَحُونَ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ ۖ
وَمِنَ ٱلْأَحْزَابِ مَن يُنكِرُ بَعْضَهُۥ ۚ قُلْ إِنَّمَآ أُمِرْتُ
أَنْ أَعْبُدَ ٱللَّهَ وَلَآ أُشْرِكَ بِهِۦٓ ۚ إِلَيْهِ أَدْعُوا۟ وَإِلَيْهِ
مَـَٔابِ ﴿٣٦﴾

"Orang-orang yang Kami telah mengurniakan kitab kepada mereka adalah bergembira dengan kitab yang telah diturunkan kepadamu dan di antara golongan-golongan (Ahlil-Kitab dan Musyrikin) ada yang mengingkari sebahagiannya. Katakanlah! Sesungguhnya aku hanya diperintah menyembah Allah dan tidak mempersekutukan-Nya. Hanya kepada Allah aku berseru dan kepada-Nya juga aku kembali."

(Surah ar-Ra'd: 36)

Sambutan yang seperti ini juga berulang-ulang kali telah ditunjukkan oleh individu-individu yang tinggal di Madinah. Al-Qur'an telah menceritakan beberapa pendirian mereka di dalam surah-surah Madaniyah, di mana setengah-setengahnya menyebut bahawa individu-individu itu adalah dari kaum Nasara.Ini disebabkan kerana orang-orang Yahudi telah mengambil sikap yang berlainan dari sikap yang diambil oleh individu-individu dari golongan mereka yang tinggal di Makkah apabila mereka menyedari kekuatan Islam di Madinah:

وَإِنَّ مِنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ لَمَن يُؤْمِنُ بِٱللَّهِ وَمَآ
أُنزِلَ إِلَيْكُمْ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْهِمْ خَٰشِعِينَ لِلَّهِ لَا
يَشْتَرُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ ثَمَنًا قَلِيلًا ۗ أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ
أَجْرُهُمْ عِندَ رَبِّهِمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ سَرِيعُ
ٱلْحِسَابِ ﴿١٩٩﴾

"Dan di antara Ahlil-Kitab terdapat orang yang beriman kepada Allah dan kepada wahyu yang diturunkan kepada kamu dan kepada wahyu yang diturunkan kepada mereka, sedangkan mereka khusyu' kepada Allah, tidak menukarkan ayat-ayat Allah dengan harga yang sedikit. Mereka memperolehi pahala di sisi Tuhan mereka. Sesungguhnya Allah amat pantas hisab-Nya."

(Surah Aali 'Imran: 199)

لَتَجِدَنَّ أَشَدَّ ٱلنَّاسِ عَدَٰوَةً لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا۟
ٱلْيَهُودَ وَٱلَّذِينَ أَشْرَكُوا۟ ۖ وَلَتَجِدَنَّ أَقْرَبَهُم
مَّوَدَّةً لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّا نَصَٰرَىٰ ۚ
ذَٰلِكَ بِأَنَّ مِنْهُمْ قِسِّيسِينَ وَرُهْبَانًا
وَأَنَّهُمْ لَا يَسْتَكْبِرُونَ ﴿٨٢﴾
وَإِذَا سَمِعُوا۟ مَآ أُنزِلَ إِلَى ٱلرَّسُولِ تَرَىٰٓ أَعْيُنَهُمْ
تَفِيضُ مِنَ ٱلدَّمْعِ مِمَّا عَرَفُوا۟ مِنَ ٱلْحَقِّ ۖ يَقُولُونَ

رَبَّنَآ ءَامَنَّا فَٱكۡتُبۡنَا مَعَ ٱلشَّٰهِدِينَ ٨٣
وَمَا لَنَا لَا نُؤۡمِنُ بِٱللَّهِ وَمَا جَآءَنَا مِنَ ٱلۡحَقِّ وَنَطۡمَعُ أَن يُدۡخِلَنَا رَبُّنَا مَعَ ٱلۡقَوۡمِ ٱلصَّٰلِحِينَ ٨٤
فَأَثَٰبَهُمُ ٱللَّهُ بِمَا قَالُواْ جَنَّٰتٖ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَاۚ وَذَٰلِكَ جَزَآءُ ٱلۡمُحۡسِنِينَ ٨٥

"Sesungguhnya engkau dapati orang-orang yang paling sengit permusuhan mereka terhadap orang-orang yang beriman ialah kaum Yahudi dan kaum Musyrikin dan sesungguhnya engkau dapati orang-orang yang paling dekat hubungan mesra mereka dengan orang-orang yang beriman ialah orang-orang yang berkata: Kamilah kaum Nasara. Hal sedemikian kerana di antara mereka terdapat pendita-pendita dan rahib-rahib, juga kerana mereka tidak bersikap angkuh(82). Dan apabila mereka mendengar wahyu (Al-Qur'an) yang diturunkan kepada rasul (Muhammad) engkau melihat mata mereka digenangi airmata kerana mereka mengetahui kebenarannya, lantas mereka berkata: Wahai Tuhan kami, kami telah beriman dan oleh itu tulislah nama kami bersama, golongan orang-orang yang menyaksikan (kebenaran Al-Qur'an)(83). Dan sudah tentu tidak pantas bagi kami tidak beriman kepada Allah dan kepada kebenaran wahyu yang datang kepada kami, sedangkan kami sangat ingin agar Tuhan kami memasukkan kami ke dalam golongan orang-orang yang soleh(84). Lalu Allah membalas apa yang diucapkan mereka dengan taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, di mana mereka hidup kekal abadi. Dan itulah balasan kepada para Muhsinin."(85)

(Surah al-Ma'idah)

Tetapi sikap individu-individu yang beriman itu bukanlah mencerminkan sikap majoriti kaum Ahlil-Kitab di Semenanjung Tanah Arab terutama kaum Yahudi, kerana kaum Ahlil-Kitab yang majoriti inilah yang menyerang Islam sejak mereka menyedari kekuatan Islam dan bahayanya terhadap mereka di Madinah. Mereka memerangi Islam dengan cara yang amat buruk, di mana mereka menggunakan segala sarana dan cara yang jahat yang diperikan oleh Al-Qur'an di dalam berbagai-bagai ayatnya, dan dalam waktu yang sama mereka secara tegas menolak untuk masuk ke dalam agama Islam dan mereka mengingkar segala bisyarah mengenai kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. yang terkandung di dalam kitab-kitab suci mereka, juga mengenai kitab suci Al-Qur'an yang mengesahkan kebenaran saki-baki kitab-kitab suci yang berada di tangan mereka yang diimani oleh individu-individu yang jujur itu. Para individu inilah sahaja yang mengiktirafkan kebenarannya dan menggunakannya secara terus terang sebagai hujah-hujah untuk menentang orang-orang yang mengingkarkannya. Begitu juga Al-Qur'an mula menurunkan ayat-ayat yang memberi dan mencatatkan keingkaran ini dan seterusnya mendedahkan penyelewengan, kerosakan dan kekarutan-kekarutan yang dilakukan oleh kaum Ahlil-Kitab di dalam berbagai-bagai Surah Madaniyah. Walau bagaimanapun, ayat-ayat Al-Qur'an yang diturunkan di Makkah juga tidak sunyi membuat keterangan-keterangan tentang hakikat pegangan kaum Ahlil-Kitab. Di antaranya ialah ayat-ayat yang berikut:

وَلَمَّا جَآءَ عِيسَىٰ بِٱلۡبَيِّنَٰتِ قَالَ قَدۡ جِئۡتُكُم بِٱلۡحِكۡمَةِ وَلِأُبَيِّنَ لَكُم بَعۡضَ ٱلَّذِي تَخۡتَلِفُونَ فِيهِۖ فَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَأَطِيعُونِ ٦٣
إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ رَبِّي وَرَبُّكُمۡ فَٱعۡبُدُوهُۚ هَٰذَا صِرَٰطٞ مُّسۡتَقِيمٞ ٦٤
فَٱخۡتَلَفَ ٱلۡأَحۡزَابُ مِنۢ بَيۡنِهِمۡۖ فَوَيۡلٞ لِّلَّذِينَ ظَلَمُواْ مِنۡ عَذَابِ يَوۡمٍ أَلِيمٍ ٦٥

"Dan apabila Isa membawa keterangan-keterangan yang jelas dan berkata: Aku telah membawa hikmat kepada kamu dan juga telah menjelaskan kepada kamu beberapa persoalan yang kamu berselisih pendapat mengenainya. Oleh kerana itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atilah kepadaku(63). Sesungguhnya Allah adalah Tuhanku dan Tuhan kamu. Oleh kerana itu hendaklah kamu abdikan diri kamu kepada-Nya. Inilah jalan yang lurus(64). Lalu golongan-golongan yang wujud di antara mereka telah berselisih pendapat, oleh kerana ini celakalah bagi orang-orang yang zalim dari 'azab hari (Qiamat) yang amat pedih."(65)

(Surah az-Zukhruf)

وَمَا تَفَرَّقُوٓاْ إِلَّا مِنۢ بَعۡدِ مَا جَآءَهُمُ ٱلۡعِلۡمُ بَغۡيَۢا بَيۡنَهُمۡۚ وَلَوۡلَا كَلِمَةٞ سَبَقَتۡ مِن رَّبِّكَ إِلَىٰٓ أَجَلٖ مُّسَمّٗى لَّقُضِيَ بَيۡنَهُمۡۚ وَإِنَّ ٱلَّذِينَ أُورِثُواْ ٱلۡكِتَٰبَ مِنۢ بَعۡدِهِمۡ لَفِي شَكّٖ مِّنۡهُ مُرِيبٖ ١٤

"Dan mereka (kaum Ahlil-Kitab) tidak berpecah-belah melainkan sesudah datangnya ilmu yang benar kepada mereka kerana (di dorong) oleh hasad dengki di antara sesama mereka. Dan jika tidak kerana keputusan yang telah ditetapkan Tuhanmu untuk menangguhkan (hukuman 'azab) hingga ke satu masa yang tertentu, sudah tentu mereka telah dibinasakan. Dan sesungguhnya orang-orang yang dikurniakan warisan kitab (Taurat dan Injil) selepas mereka adalah berada dalam keraguan yang menyangsikan (kebenaran kitab itu)."

(Surah asy-Syura: 14)

وَإِذۡ قِيلَ لَهُمُ ٱسۡكُنُواْ هَٰذِهِ ٱلۡقَرۡيَةَ وَكُلُواْ

مِنْهَا حَيْثُ شِئْتُمْ وَقُولُوا۟ حِطَّةٌ وَٱدْخُلُوا۟ ٱلْبَابَ سُجَّدًا نَّغْفِرْ لَكُمْ خَطِيٓـَٔـٰتِكُمْ ۚ سَنَزِيدُ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١٦١﴾ فَبَدَّلَ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ مِنْهُمْ قَوْلًا غَيْرَ ٱلَّذِى قِيلَ لَهُمْ فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِجْزًا مِّنَ ٱلسَّمَآءِ بِمَا كَانُوا۟ يَظْلِمُونَ ﴿١٦٢﴾ وَسْـَٔلْهُمْ عَنِ ٱلْقَرْيَةِ ٱلَّتِى كَانَتْ حَاضِرَةَ ٱلْبَحْرِ إِذْ يَعْدُونَ فِى ٱلسَّبْتِ إِذْ تَأْتِيهِمْ حِيتَانُهُمْ يَوْمَ سَبْتِهِمْ شُرَّعًا وَيَوْمَ لَا يَسْبِتُونَ ۙ لَا تَأْتِيهِمْ ۚ كَذَٰلِكَ نَبْلُوهُم بِمَا كَانُوا۟ يَفْسُقُونَ ﴿١٦٣﴾

"Dan (kenangilah) ketika dikatakan kepada mereka: Tinggallah sahaja di negeri ini dan makanlah dari hasil buminya di mana sahaja kamu suka, dan berdoalah: Gugurlah dosa-dosa dari kami, dan masuklah pintu, kota ini dengan keadaan sujud nescaya Kami ampunkan kesalahan-kesalahan kamu dan Kami akan tambahkan pahala kepada para Muhsinin(161). Kemudian orang-orang yang zalim dari kalangan mereka telah menukarkan perkataan itu dengan perkataan yang tidak diajarkan kepada mereka, lalu Kami lepaskan ke atas mereka 'azab dari langit dengan sebab kezaliman yang telah dilakukan mereka(162). Dan tanyalah mereka (Bani Israel) tentang penduduk negeri yang terletak berdekatan dengan laut ketika mereka melanggar peraturan hari Sabtu (di mana mereka dilarang bekerja), pada hari itu ikan-ikan tangkapan mereka datang kepada mereka dan timbul di permukaan air, sedangkan pada hari bukan Sabtu ikan-ikan ini tidak datang begitu. Demikianlah kami uji mereka dengan sebab penyelewengan yang telah dilakukan mereka."(163)

(Surah al-A'raf)

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكَ لَيَبْعَثَنَّ عَلَيْهِمْ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ مَن يَسُومُهُمْ سُوٓءَ ٱلْعَذَابِ ۗ إِنَّ رَبَّكَ لَسَرِيعُ ٱلْعِقَابِ ۖ وَإِنَّهُۥ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٦٧﴾

"Dan (kenangilah) ketika Tuhanmu mengumumkan bahawa sesungguhnya Dia akan membangkitkan untuk menguasai mereka (Bani Israel) sehingga hari Qiamat, kaum-kaum yang akan membinasakan mereka dengan 'azab yang seburuk-buruknya. Sesungguhnya Tuhanmu amat pantas balasan-Nya dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun dan Maha Pengasih."

(Surah al-A'raf: 167)

فَخَلَفَ مِنۢ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ وَرِثُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ يَأْخُذُونَ عَرَضَ هَٰذَا ٱلْأَدْنَىٰ وَيَقُولُونَ سَيُغْفَرُ لَنَا وَإِن يَأْتِهِمْ عَرَضٌ مِّثْلُهُۥ يَأْخُذُوهُ ۚ أَلَمْ يُؤْخَذْ عَلَيْهِم مِّيثَٰقُ ٱلْكِتَٰبِ أَن لَّا يَقُولُوا۟ عَلَى ٱللَّهِ إِلَّا ٱلْحَقَّ وَدَرَسُوا۟ مَا فِيهِ ۗ وَٱلدَّارُ ٱلْـَٔاخِرَةُ خَيْرٌ لِّلَّذِينَ يَتَّقُونَ ۗ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿١٦٩﴾

"Kemudian selepas mereka datang pula generasi (yang menyeleweng) yang mewarisi kitab Taurat. Mereka mengambil harta benda dunia yang rendah ini dan berkata: Kami akan dikurniakan keampunan, sedangkan apabila datang kepada mereka harta benda dunia yang banyak itu pula nescaya mereka akan mengambil juga. Bukankah mereka telah diikatkan dengan perjanjian Taurat bahawa mereka tidak akan mengatakan sesuatu terhadap Allah kecuali perkara yang benar? Dan bukankah mereka telah mempelajari segala apa yang terkandung di dalam kitab ini? Dan bukankah negeri Akhirat lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa. Apakah kamu tidak berfikir?"

(Surah al-A'raf: 169)

Surah-surah Al-Qur'an yang diturunkan di Madinah mengandungi pernyataan terakhir mengenai hakikat pegangan kaum Ahlil-Kitab. Sarana-sarana dan cara-cara yang paling jahat dan buruk yang telah digunakan oleh kaum Ahlil-Kitab di dalam memerangi agama ini dan para pemeluknya telah diceritakan oleh Al-Qur'an di dalam bahagian-bahagian ayat yang panjang dari Surah-surah al-Baqarah, Aali Imran, an-Nisa', al-Ma'idah dan lainnya sebelum memberi pernyataan terakhir terhadap seluruh kedudukan mereka di dalam Surah at-Taubah. Di sini kami hanya berpada dengan membentangkan contoh-contoh yang tertentu dari pernyataan-pernyataan Al-Qur'an yang banyak itu:

أَفَتَطْمَعُونَ أَن يُؤْمِنُوا۟ لَكُمْ وَقَدْ كَانَ فَرِيقٌ مِّنْهُمْ يَسْمَعُونَ كَلَٰمَ ٱللَّهِ ثُمَّ يُحَرِّفُونَهُۥ مِنۢ بَعْدِ مَا عَقَلُوهُ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٥﴾ وَإِذَا لَقُوا۟ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا وَإِذَا خَلَا بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ قَالُوٓا۟ أَتُحَدِّثُونَهُم بِمَا فَتَحَ ٱللَّهُ عَلَيْكُمْ لِيُحَآجُّوكُم بِهِۦ عِندَ رَبِّكُمْ ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٧٦﴾

أَوَلَا يَعْلَمُونَ أَنَّ ٱللَّهَ يَعْلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا

يُعْلِنُونَ ﴿٧٧﴾
وَمِنْهُمْ أُمِّيُّونَ لَا يَعْلَمُونَ الْكِتَابَ إِلَّا أَمَانِيَّ
وَإِنْ هُمْ إِلَّا يَظُنُّونَ ﴿٧٨﴾
فَوَيْلٌ لِلَّذِينَ يَكْتُبُونَ الْكِتَابَ بِأَيْدِيهِمْ ثُمَّ يَقُولُونَ
هَٰذَا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ لِيَشْتَرُوا بِهِ ثَمَنًا قَلِيلًا ۖ فَوَيْلٌ
لَهُمْ مِمَّا كَتَبَتْ أَيْدِيهِمْ وَوَيْلٌ لَهُمْ مِمَّا
يَكْسِبُونَ ﴿٧٩﴾

"Apakah kamu berangan-angan bahawa mereka akan beriman kepada kamu, sedangkan segolongan dari mereka telah pun mendengar Kalamullah kemudian mereka ubahkannya setelah mereka memahaminya padahal mereka mengetahuinya(75). Dan apabila mereka menemui orang-orang yang beriman, mereka berkata: Kami telah beriman, dan apabila mereka berada sesama mereka, mereka berkata: Apakah kamu menceritakan kepada mereka (orang-orang Islam) apa yang telah diberikan Allah kepada kamu supaya mereka dapat menjadikannya hujah ke atas kamu di sisi Tuhanmu. Apakah tidak kamu berfikir?(76). Apakah mereka tidak mengetahui bahawa Allah mengetahui apa yang dirahsiakan mereka dan apa yang dinyatakan mereka(77). Dan di antaranya ada golongan Ummi yang tidak mengerti kitab Taurat kecuali memasang angan-angan yang karut. Mereka hanya membuat sangkaan-sangkaan sahaja(78). Celakalah mereka yang menulis kitab Taurat dengan tangan mereka sendiri, kemudian mereka mendakwa inilah kitab yang diturun dari sisi Allah untuk membeli keuntungan dunia yang sedikit. Oleh itu celakalah bagi mereka kerana perbuatan yang dilakukan mereka."(79)

(Surah al-Baqarah : 75 - 79)

وَلَقَدْ آتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ وَقَفَّيْنَا مِنْ
بَعْدِهِ بِالرُّسُلِ ۖ وَآتَيْنَا عِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ الْبَيِّنَاتِ
وَأَيَّدْنَاهُ بِرُوحِ الْقُدُسِ ۗ أَفَكُلَّمَا جَاءَكُمْ رَسُولٌ
بِمَا لَا تَهْوَىٰ أَنْفُسُكُمُ اسْتَكْبَرْتُمْ فَفَرِيقًا كَذَّبْتُمْ
وَفَرِيقًا تَقْتُلُونَ ﴿٨٧﴾
وَقَالُوا قُلُوبُنَا غُلْفٌ ۚ بَلْ لَعَنَهُمُ اللَّهُ بِكُفْرِهِمْ فَقَلِيلًا
مَا يُؤْمِنُونَ ﴿٨٨﴾
وَلَمَّا جَاءَهُمْ كِتَابٌ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ مُصَدِّقٌ لِمَا
مَعَهُمْ وَكَانُوا مِنْ قَبْلُ يَسْتَفْتِحُونَ عَلَى الَّذِينَ
كَفَرُوا فَلَمَّا جَاءَهُمْ مَا عَرَفُوا كَفَرُوا بِهِ ۚ
فَلَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الْكَافِرِينَ ﴿٨٩﴾
بِئْسَمَا اشْتَرَوْا بِهِ أَنْفُسَهُمْ أَنْ يَكْفُرُوا بِمَا
أَنْزَلَ اللَّهُ بَغْيًا أَنْ يُنَزِّلَ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ عَلَىٰ مَنْ يَشَاءُ
مِنْ عِبَادِهِ ۖ فَبَاءُوا بِغَضَبٍ عَلَىٰ غَضَبٍ ۚ وَلِلْكَافِرِينَ
عَذَابٌ مُهِينٌ ﴿٩٠﴾
وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ آمِنُوا بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ قَالُوا نُؤْمِنُ بِمَا
أُنْزِلَ عَلَيْنَا وَيَكْفُرُونَ بِمَا وَرَاءَهُ وَهُوَ الْحَقُّ
مُصَدِّقًا لِمَا مَعَهُمْ ۗ قُلْ فَلِمَ تَقْتُلُونَ أَنْبِيَاءَ اللَّهِ
مِنْ قَبْلُ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٩١﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kitab kepada Musa dan Kami iringi selepasnya dengan rasul-rasul yang lain, dan Kami juga telah mengurniakan kepada Isa putera Maryam mu'jizat-mu'jizat yang amat jelas dan Kami membantunya dengan roh al-Qudus (Jibril), apa setiap kali datang seorang rasul kepada kamu membawa pengajaran yang tidak disukai hati kamu, kamu bertindak angkuh? Sebahagian kamu dustakannya dan sebahagian lagi kamu membunuhnya (87). Dan mereka berkata: Hati kami tertutup, malah sebenarnya Allah telah mengutuk mereka dengan sebab kekufuran mereka. Amat sedikit mereka beriman(88). Dan setelah datang kepada mereka kitab dari sisi Allah yang membenarkan kitab yang ada pada mereka dan mereka sebelum itu telah memohon kemenangan ke atas orang-orang (Arab) yang kafir (dengan kedatangan rasul yang akan dibangkitkan itu) tetapi setelah datangnya rasul yang mereka mengetahui (benarnya), mereka terus ingkarkannya. Oleh kerana itu laknat Allah ditimpakan ke atas orang-orang yang kafir(89). Alangkah buruknya perbuatan mereka yang menjual diri sendiri dengan mengingkarkan Al-Qur'an yang telah diturunkan Allah kerana menaruh perasaan hasad dengki disebabkan Allah menurun limpah kurnia-Nya kepada sesiapa yang disukai-Nya di antara para hamba kesayangan-Nya, kerana itu mereka kembali dengan mendapat kemurkaan demi kemurkaan, dan untuk orang-orang yang kafir disediakan 'azab yang amat menghinakan(90). Dan apabila di katakan kepada mereka: Berimanlah kepada apa (Al-Qur'an) yang telah diturunkan Allah, mereka menjawab: Kami hanya beriman kepada apa (at-Taurat) yang diturunkan-Nya kepada kami sahaja, mereka mengingkari (Al-Qur'an) yang diturunkan kemudian darinya. Sedangkan Al-Qur'an itulah yang benar, yang mengesahkan kitab yang ada pada mereka. Katakanlah kepada mereka: Mengapa kamu sebelum ini telah, membunuh para anbia' Allah andainya benar kamu telah beriman?"(91)

(Surah al-Baqarah : 87 - 91)

قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ لِمَ تَكْفُرُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَٱللَّهُ شَهِيدٌ عَلَىٰ مَا تَعْمَلُونَ ﴿٩٨﴾

قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ لِمَ تَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ مَنْ ءَامَنَ تَبْغُونَهَا عِوَجًا وَأَنتُمْ شُهَدَآءُ ۗ وَمَا ٱللَّهُ بِغَٰفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٩٩﴾

"Katakanlah: Wahai Ahlil-Kitab! Mengapakah kamu ingkarkan ayat-ayat Allah, sedangkan Allah menyaksikan segala apa yang dilakukan kamu(98). Katakanlah: "Wahai Ahlil-Kitab! Mengapakah kamu menghalangkan mereka yang beriman dari jalan Allah kerana kamu hendak menjadikannya jalan yang bengkok, sedangkan kamu sekalian saksi-saksi yang mengetahui (kebenarannya) dan Allah tidak sekali-kali lalai dari segala apa yang dilakukan kamu."(99)

(Surah Aali 'Imran : 98 -99)

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ نَصِيبًا مِّنَ ٱلْكِتَٰبِ يُؤْمِنُونَ بِٱلْجِبْتِ وَٱلطَّٰغُوتِ وَيَقُولُونَ لِلَّذِينَ كَفَرُوا۟ هَٰٓؤُلَآءِ أَهْدَىٰ مِنَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ سَبِيلًا ﴿٥١﴾ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ لَعَنَهُمُ ٱللَّهُ ۖ وَمَن يَلْعَنِ ٱللَّهُ فَلَن تَجِدَ لَهُۥ نَصِيرًا ﴿٥٢﴾

"Apakah tidak engkau melihat kepada orang-orang yang di kurniakan sebahagian dari kitab suci? Mereka mempercayai sembahan-sembahan yang palsu dan Taghut dan mereka berkata kepada orang-orang yang kafir: Mereka ini lebih betul jalan mereka dari orang yang beriman(51). Merekalah orang-orang yang telah dilaknatkan Allah dan sesiapa yang telah dilaknatkan Allah, maka engkau tidak akan mendapati sesiapa pun yang sanggup menjadi penolongnya."(52)

(Surah an-Nisa' 51 - 52)

لَقَدْ كَفَرَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْمَسِيحُ ٱبْنُ مَرْيَمَ ۖ وَقَالَ ٱلْمَسِيحُ يَٰبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ رَبِّى وَرَبَّكُمْ ۖ إِنَّهُۥ مَن يُشْرِكْ بِٱللَّهِ فَقَدْ حَرَّمَ ٱللَّهُ عَلَيْهِ ٱلْجَنَّةَ وَمَأْوَىٰهُ ٱلنَّارُ ۖ وَمَا لِلظَّٰلِمِينَ مِنْ أَنصَارٍ ﴿٧٢﴾

لَّقَدْ كَفَرَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّ ٱللَّهَ ثَالِثُ ثَلَٰثَةٍ ۘ وَمَا مِنْ إِلَٰهٍ إِلَّآ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ ۚ وَإِن لَّمْ يَنتَهُوا۟ عَمَّا يَقُولُونَ لَيَمَسَّنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنْهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٧٣﴾

أَفَلَا يَتُوبُونَ إِلَى ٱللَّهِ وَيَسْتَغْفِرُونَهُۥ ۚ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٧٤﴾

مَّا ٱلْمَسِيحُ ٱبْنُ مَرْيَمَ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهِ ٱلرُّسُلُ وَأُمُّهُۥ صِدِّيقَةٌ ۖ كَانَا يَأْكُلَانِ ٱلطَّعَامَ ۗ ٱنظُرْ كَيْفَ نُبَيِّنُ لَهُمُ ٱلْءَايَٰتِ ثُمَّ ٱنظُرْ أَنَّىٰ يُؤْفَكُونَ ﴿٧٥﴾

"Sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang mengatakan bahawa Allah itu ialah al-Masih putera Maryam, sedangkan al-Masih berkata: Wahai Bani Israel, hendaklah kamu menyembah Allah, iaitu Tuhanku dan Tuhan kamu. Sesungguhnya sesiapa yang mempersekutukan Allah nescaya Allah mengharamkan Syurga kepadanya dan tempat kembalinya ialah Neraka. Dan orang-orang yang zalim sama sekali tidak akan mendapat penolong-penolong(72). Sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang mengatakan Allah itu ialah yang ketiga dari tiga (uqnum) dan sebenarnya tiada Tuhan yang lain melainkan Allah Yang Maha Esa. Dan jika mereka tidak berhenti mengeluarkan perkataan ini nescaya orang-orang yang kafir dari kalangan mereka akan disentuh 'azab yang amat pedih(73). Apakah mereka tidak bertaubat kepada Allah dan memohon keampunan dari-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(74). Al-Masih putera Maryam itu tidak lain melainkan hanya seorang rasul yang telah didahului sebelumnya oleh rasul-rasul yang lain dan ibunya adalah seorang wanita yang siddiqah, dan keduanya memakan makanan. Perhatikanlah bagaimana Kami memberi keterangan-keterangan yang jelas kepada mereka dan perhatikanlah pula bagaimana mereka dipesongkan (dari kebenaran)."(75)

(Surah al-Ma'idah : 72 - 75)

Apabila dikaji ayat-ayat ini dan ayat-ayat yang seumpamanya yang begitu banyak dimuat di dalam surah-surah Al-Qur'an yang diturun di Makkah dan di Madinah ternyata bahawa pandangan terhadap hakikat kedudukan dan pegangan kaum Ahlil-Kitab yang menyeleweng dari agama Allah yang betul itu tidak berubah sedikit pun dalam pernyataan-pernyataan Allah yang akhir yang dikemukakan di dalam surah-surah yang akhir, juga ternyata bahawa pernyataan-pernyataan yang menyifatkan mereka sebagai orang-orang yang menyeleweng, fasiq, syirik dan kafir bukanlah sesuatu yang baru dan bukanlah mengungkapkan sesuatu trend yang baru mengenai hakikat i'tikad, di samping itu dapat pula diperhatikan bahawa Al-Qur'anul-Karim tetap merakamkan keimanan dan kesolehan golongan Ahlil-Kitab yang mendapat hidayat dan beramal soleh. Firman Allah (dalam Surah Al-A'raf: ayat 159) memerikan keadaan orang-orang yang soleh dari kalangan mereka:

وَمِن قَوْمِ مُوسَىٰٓ أُمَّةٌ يَهْدُونَ بِٱلْحَقِّ وَبِهِۦ يَعْدِلُونَ ﴿١٥٩﴾

"Dan dari kaum Musa terdapat satu golongan umat (Ahlil-Kitab) yang memberi hidayat kepada manusia dengan agama yang benar dan dengannya mereka berlaku adil."

وَمِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ مَنْ إِنْ تَأْمَنْهُ بِقِنْطَارٍ يُؤَدِّهِ إِلَيْكَ وَمِنْهُمْ مَنْ إِنْ تَأْمَنْهُ بِدِينَارٍ لَا يُؤَدِّهِ إِلَيْكَ إِلَّا مَا دُمْتَ عَلَيْهِ قَائِمًا ۗ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا لَيْسَ عَلَيْنَا فِي الْأُمِّيِّينَ سَبِيلٌ وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٥﴾

"Dan di antara kaum Ahlil-Kitab ada orang yang kalau engkau mengamanahkannya menyimpan sejumlah harta yang banyak dia akan mengembalikannya kepada engkau, dan di antara mereka pula ada orang yang kalau engkau mengamanahkannya menyimpan satu dinar nescaya dia tidak mengembalikannya kepada engkau kecuali engkau terus berdiri mendesakkannya, itu disebabkan kerana mereka mengatakan: Kami tidak menanggung apa-apa dosa (dari perbuatan kami) terhadap orang-orang Ummi, dan mereka mengatakan perkara-perkara dusta terhadap Allah, sedangkan mereka mengetahui."

(Surah Aali 'Imran: 75)

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذِّلَّةُ أَيْنَ مَا ثُقِفُوا إِلَّا بِحَبْلٍ مِنَ اللَّهِ وَحَبْلٍ مِنَ النَّاسِ وَبَاءُوا بِغَضَبٍ مِنَ اللَّهِ وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْمَسْكَنَةُ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ الْأَنْبِيَاءَ بِغَيْرِ حَقٍّ ۚ ذَٰلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿١١٢﴾ لَيْسُوا سَوَاءً ۗ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ أُمَّةٌ قَائِمَةٌ يَتْلُونَ آيَاتِ اللَّهِ آنَاءَ اللَّيْلِ وَهُمْ يَسْجُدُونَ ﴿١١٣﴾ يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُسَارِعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ ۖ وَأُولَٰئِكَ مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١١٤﴾ وَمَا يَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ فَلَنْ يُكْفَرُوهُ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالْمُتَّقِينَ ﴿١١٥﴾

"Kehinaan telah diterapkan ke atas mereka di mana sahaja mereka berada kecuali (jika mereka berpegang) dengan tali (agama) Allah dan dengan tali (perjanjian) manusia. Dan mereka telah kembali dengan kemurkaan dari Allah dan kepapaan, balasan itu kerana mereka ingkarkan ayat-ayat Allah dan membunuh nabi-nabi tanpa suatu alasan yang sebenar. Balasan itu disebabkan kerana mereka melanggar perintah-perintah Allah dan kerana mereka melampaui batas(112). Mereka tidak sama. Di antara kaum Ahlil-Kitab ada segolongan umat yang ta'at dan lurus. Mereka membaca ayat-ayat Allah di waktu malam dan mereka sujud (bersembahyang) (113). Mereka beriman kepada Allah dan hari Akhirat dan mereka menyuruh melakukan perbuatan-perbuatan ma'ruf dan melarang melakukan perbuatan-perbuatan yang mungkar dan mereka bersegera mengerjakan kebajikan-kebajikan dan mereka adalah dari golongan orang-orang yang soleh(114). Dan apa sahaja kebaikan yang dilakukan mereka, maka mereka tidak akan dihapuskan pahalanya, dan Allah Maha Mengetahui terhadap para Muttaqin."(115)

(Surah Aali 'Imran : 112 - 115)

Perkara-perkara yang sebenar diubah dan dipinda ialah perkara-perkara yang menyangkut hukum-hukum atau peraturan-peraturan bermuamalah atau berinteraksi dengan kaum Ahlil-Kitab. Pindaan itu dilakukan dari satu masa ke satu masa, dari satu peringkat ke satu peringkat mengikut tatacara pergerakan Islam dalam menghadapi keadaan-keadaan, tindak-tanduk dan pendirian-pendirian kaum Ahlil-Kitab terhadap kaum Muslimin.

Kaum Muslimin telah menghadapi satu zaman di mana mereka diperintah:

وَلَا تُجَادِلُوا أَهْلَ الْكِتَابِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ ۖ وَقُولُوا آمَنَّا بِالَّذِي أُنْزِلَ إِلَيْنَا وَأُنْزِلَ إِلَيْكُمْ وَإِلَٰهُنَا وَإِلَٰهُكُمْ وَاحِدٌ وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ ﴿٤٦﴾

"Dan janganlah kamu berdebat dengan kaum Ahlil-Kitab melainkan dengan, (menggunakan) cara yang paling baik kecuali terhadap orang-orang yang zalim dari kalangan mereka. Dan katakanlah: Kami beriman dengan kitab yang diturunkan kepada kami dan kitab-kitab yang diturunkan kepada kamu. Tuhan kami dan Tuhan kamu adalah satu dan kepada-Nyalah kami sekalian menyerah dengan penuh kepatuhan."

(Surah al-Ankabut: 44)

قُولُوا آمَنَّا بِاللَّهِ وَمَا أُنْزِلَ إِلَيْنَا وَمَا أُنْزِلَ إِلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ وَالْأَسْبَاطِ وَمَا أُوتِيَ مُوسَىٰ وَعِيسَىٰ وَمَا أُوتِيَ النَّبِيُّونَ مِنْ رَبِّهِمْ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْهُمْ وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ ﴿١٣٦﴾

فَإِنْ آمَنُوا بِمِثْلِ مَا آمَنْتُمْ بِهِ فَقَدِ اهْتَدَوْا ۖ

وَّإِن تَوَلَّوۡاْ فَإِنَّمَا هُمۡ فِي شِقَاقٖۖ فَسَيَكۡفِيكَهُمُ ٱللَّهُۚ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلۡعَلِيمُ ١٣٧

"Katakanlah: Kami beriman kepada Allah dan kepada wahyu yang diturunkan kepada kami dan kepada wahyu yang diturunkan kepada Ibrahim, Ismail, Ishaq, Ya'kub dan anak-anaknya, juga kepada wahyu yang diturunkan kepada Musa, Isa dan kepada wahyu yang diturunkan kepada para anbia' yang lain dari Allah Tuhan mereka. Kami tidak membeza-bezakan seseorang pun di antara mereka dan kepada-Nya kami sekalian menyerah diri dengan penuh kepatuhan(136). Dan seandainya mereka beriman sama dengan apa yang telah diimani kamu, bererti mereka telah mendapat hidayat dan seandainya mereka berpaling, bererti mereka sentiasa berada di dalam perseteruan. Oleh itu Allah akan melindungi engkau (dari kejahatan mereka) dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(137)

(Surah al-Baqarah : 136 - 137)

قُلۡ يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ تَعَالَوۡاْ إِلَىٰ كَلِمَةٖ سَوَآءِۭ بَيۡنَنَا وَبَيۡنَكُمۡ أَلَّا نَعۡبُدَ إِلَّا ٱللَّهَ وَلَا نُشۡرِكَ بِهِۦ شَيۡـٔٗا وَلَا يَتَّخِذَ بَعۡضُنَا بَعۡضًا أَرۡبَابٗا مِّن دُونِ ٱللَّهِۚ فَإِن تَوَلَّوۡاْ فَقُولُواْ ٱشۡهَدُواْ بِأَنَّا مُسۡلِمُونَ ٦٤

"Katakanlah: Wahai Ahlil-Kitab! Marilah kita berpegang kepada satu kata sepakat yang saksama di antara kami dan kamu, iaitu kita jangan menyembah melainkan Allah dan kita jangan mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun, dan janganlah pula setengah kita menjadikan setengah yang lain sebagai tuhan-tuhan selain dari Allah dan jika mereka berpaling, maka katakanlah (kepada mereka): Saksikanlah bahawa kami sekalian adalah golongan orang-orang yang menyerah kepada Allah dengan penuh kepatuhan."

(Surah Aali 'Imran: 64)

وَدَّ كَثِيرٞ مِّنۡ أَهۡلِ ٱلۡكِتَٰبِ لَوۡ يَرُدُّونَكُم مِّنۢ بَعۡدِ إِيمَٰنِكُمۡ كُفَّارًا حَسَدٗا مِّنۡ عِندِ أَنفُسِهِم مِّنۢ بَعۡدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمُ ٱلۡحَقُّۖ فَٱعۡفُواْ وَٱصۡفَحُواْ حَتَّىٰ يَأۡتِيَ ٱللَّهُ بِأَمۡرِهِۦٓۗ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ١٠٩

"Ramai Ahlil-Kitab Yang mengingini agar mereka dapat mengembalikan kamu menjadi kafir semula sesudah kamu beriman kerana hasad dengki dari hati mereka setelah kebenaran terserlah kepada mereka. Oleh itu maafkan mereka dan ampunkan mereka hingga Allah melaksanakan tadbir urusan-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."

(Surah al-Baqarah: 109)

Kemudian Allah melaksanakan tadbir urusan-Nya yang menyerahkan para Mu'minin kepada-Nya, lalu berlakulah berbagai-bagai peristiwa dan berlakulah pindaan kepada peraturan-peraturan dan seterusnya berlakulah tatacara pergerakan Islam yang realistik dan positif itu mengikut relnya hingga lahirlah peraturan-peraturan final yang terkini di dalam surah ini sebagaimana yang dapat kita lihat.

Kini jelaslah bahawa di sana tidak ada sedikit pun perubahan dalam pandangan agama ini terhadap hakikat kedudukan kaum Ahlil-Kitab yang terlibat dalam kerosakan 'aqidah, kesyirikan terhadap Allah dan keingkaran mereka terhadap ayat-ayat Allah. Apa yang berubah hanya dasar bermuamalah atau berinteraksi dengan mereka dan perubahan ini dipengaruhi oleh dasar-dasar yang telah kami ulaskan di awal kata pengantar bahagian ini dalam perenggan-perenggan berikut:

"Pindaan terakhir dalam dasar-dasar hubungan di antara masyarakat Islam dengan masyarakat kaum Ahlil-Kitab tidak dapat difahamkan dengan betul kecuali setelah difahamkan dengan jelas tabi'at hubungan-hubungan yang harus wujud di antara sistem hidup ciptaan Allah dengan sistem-sistem hidup jahiliyah dalam satu aspek juga setelah difahamkan dengan jelas tabi'at tatacara pergerakan Islam dengan berbagai-bagai peringkatnya dan sarananya yang berubah-ubah sesuai dengan realiti manusia dalam satu aspek yang lain ...... hingga akhir."

* * * * * *

Kini kami ingin kemukakan sedikit penjelasan mengenai sikap dan situasi sebenar yang wujud di antara kaum Ahlil-Kitab dengan masyarakat Islam sama ada dari segi yang tetap atau dari segi situasi-situasi sejarah, kerana inilah unsur-unsur pokok yang telah melahirkan peraturan-peraturan yang mutakhir ini.

Sikap dan situasi sebenar yang wujud di antara kaum Ahlil-Kitab dengan masyarakat Islam pastilah dikaji, pertama: Di dalam pernyataan-pernyataan Allah S.W.T. di dalam Al-Qur'an mengenai sikap dan situasi itu memandangkan pernyataan-pernyataan ini merupakan hakikat yang final yang tidak dapat dipertikaikan, di samping memandangkan pernyataan-pernyataan ini - selaku pernyataan Rabbani - tidak terdedah kepada salah silap yang berlaku kepada hasil-hasil istinbat dan pendalilan-pendalilan manusia. Dan kedua: Ia pasti dikajikan di dalam situasi-situasi sejarah yang membenarkan pernyataan-pernyataan Allah itu.

Allah S.W.T. telah menjelaskan sikap kaum Ahlil-Kitab yang sebenar terhadap kaum Muslimin di dalam berbagai-bagai tempat dari kitab suci Al-Qur'an. Kadang-kadang Allah memperkatakan keperihalan mereka sahaja dan kadang-kadang Allah melibatkan mereka bersama-sama orang-orang kafir dari kaum Musyrikin memandangkan di sana wujudnya

persamaan matlamat mereka terhadap Islam dan kaum Muslimin. Matlamat inilah yang mengumpulkan orang-orang kafir dari kaum Ahlil-Kitab dan orang-orang kafir dari kaum Musyrikin. Kadang-kadang Allah S.W.T. menceritakan tentang sikap-sikap yang ditunjuk mereka, yang mendedahkan wujudnya persamaan matlamat dan persamaan susunan pergerakan untuk menghadapi Islam dan kaum Muslimin. Ayat-ayat yang menjelaskan hakikat-hakikat ini adalah begitu ketara dan tegas hingga tidak memerlukan sebarang ulasan. Di antara contoh-contohnya ialah:

مَّا يَوَدُّ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَلَا الْمُشْرِكِينَ أَن يُنَزَّلَ عَلَيْكُم مِّنْ خَيْرٍ مِّن رَّبِّكُمْ

"Orang-orang kafir dari kaum Ahlil-Kitab dan orang-orang kafir dari kaum Musyrikin sama sekali tidak mengingini diturunkan kepada kamu sesuatu kebaikan dari Allah Tuhan kamu."

(Surah al-Baqarah: 105)

وَدَّ كَثِيرٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَوْ يَرُدُّونَكُم مِّن بَعْدِ إِيمَانِكُمْ كُفَّارًا حَسَدًا مِّنْ عِندِ أَنفُسِهِم مِّن بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمُ الْحَقُّ

"Ramai Ahlil-Kitab yang mengingini agar mereka dapat mengembalikan kamu menjadi kafir semula sesudah kamu beriman kerana hasad dengki dari hati mereka setelah kebenaran kelihatan jelas kepada mereka."

(Surah al-Baqarah: 109)

وَلَن تَرْضَىٰ عَنكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ

"Orang-orang Yahudi dan orang-orang Nasara tidak akan berpuas hati sehingga engkau mengikut agama mereka."

(Surah al-Baqarah: 120)

وَدَّت طَّائِفَةٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَوْ يُضِلُّونَكُمْ

"Segolongan Ahlil-Kitab sangat mengingini jika mereka dapat menyesatkan kamu."

(Surah Aali 'Imran: 69)

وَقَالَت طَّائِفَةٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ آمِنُوا بِالَّذِي أُنزِلَ عَلَى الَّذِينَ آمَنُوا وَجْهَ النَّهَارِ وَاكْفُرُوا آخِرَهُ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٧٢﴾

"Dan sekumpulan Ahlil-Kitab telah berkata (sesama mereka): Berimanlah kamu kepada Al-Qur'an yang telah diturunkan kepada orang-orang yang beriman itu di sebelah pagi dan ingkarkannya pula di sebelah petang supaya mereka kembali (menjadi kafir)."(72)

وَلَا تُؤْمِنُوا إِلَّا لِمَن تَبِعَ دِينَكُمْ

"Dan janganlah kamu percaya melainkan kepada orang yang mengikut agama kamu."(73)

(Surah Aali 'Imran : 72 - 73)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن تُطِيعُوا فَرِيقًا مِّنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ يَرُدُّوكُم بَعْدَ إِيمَانِكُمْ كَافِرِينَ ﴿١٠٠﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu mengikut segolongan kaum Ahlil-Kitab nescaya mereka akan mengembalikan kamu menjadi orang-orang kafir setelah kamu beriman."(100)

(Surah Aali 'Imran : 100)

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ أُوتُوا نَصِيبًا مِّنَ الْكِتَابِ يَشْتَرُونَ الضَّلَالَةَ وَيُرِيدُونَ أَن تَضِلُّوا السَّبِيلَ ﴿٤٤﴾

"Apakah engkau tidak melihat kepada orang-orang yang telah di kurniakan sebahagian dari kitab suci? Mereka membeli kesesatan dan mereka mahukan kamu tersesat (dari jalan yang benar)."(44)

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِأَعْدَائِكُمْ

"Dan Allah lebih mengetahui tentang musuh-musuh kamu."(45)

(Surah an-Nisa' : 44 - 45)

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ أُوتُوا نَصِيبًا مِّنَ الْكِتَابِ يُؤْمِنُونَ بِالْجِبْتِ وَالطَّاغُوتِ وَيَقُولُونَ لِلَّذِينَ كَفَرُوا هَٰؤُلَاءِ أَهْدَىٰ مِنَ الَّذِينَ آمَنُوا سَبِيلًا ﴿٥١﴾

"Apakah tidak engkau melihat kepada orang-orang yang telah dikurniakan sebahagian dari kitab suci? Mereka mempercayai sembahan-sembahan yang palsu dan Taghut dan mereka berkata kepada orang-orang kafir: Mereka ini lebih betul jalan mereka dari orang-orang yang beriman."(51)

(Surah an-Nisa' : 51)

Di dalam contoh-contoh ini sahaja sudah cukup untuk menjelaskan sikap sebenar kaum Ahlil-Kitab terhadap kaum Muslimin. Mereka berangan-angan agar kaum Muslimin kembali menjadi kafir kerana ditekan perasaan hasad dengki dari hati mereka setelah terserlah kebenaran kepada mereka. Mereka menentukan sikap mereka yang muktamad terhadap kaum Muslimin dengan menyatakan keazaman mereka yang kukuh untuk terus menjadi orang-orang Yahudi atau orang-orang Kristian. Mereka tidak akan

merasa puas dan senang dan tidak akan berdamai dengan kaum Muslimin melainkan apabila tercapainya matlamat ini, di mana kaum Muslimin meninggalkan 'aqidah Islam secara muktamad. Mereka membuat pengakuan dan pernyataan bahawa kaum Musyrikin yang menyembah berhala itu adalah lebih betul jalan 'aqidah mereka dari kaum Muslimin!....... hingga akhir.

Apabila kita kaji matlamat-matlamat terakhir kaum Musyrikin terhadap Islam dan kaum Muslimin sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah S.W.T. di dalam firman-firman-Nya yang berikut:

وَلَا يَزَالُونَ يُقَـٰتِلُونَكُمْ حَتَّىٰ يَرُدُّوكُمْ عَن دِينِكُمْ إِنِ ٱسْتَطَـٰعُوا۟ ۚ

"Mereka akan terus memerangi kamu sehingga mereka dapat mengembalikan kamu dari agama kamu (kepada kekafiran) jika mereka berupaya."

(Surah al-Baqarah: 217)

وَدَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَوْ تَغْفُلُونَ عَنْ أَسْلِحَتِكُمْ وَأَمْتِعَتِكُمْ فَيَمِيلُونَ عَلَيْكُم مَّيْلَةً وَٰحِدَةً ۚ

"Orang-orang kafir mengingini agar kamu alpa terhadap senjata-senjata dan barang-barang kepunyaan kamu supaya mereka dapat melancarkan serangan serentak ke atas kamu."

(Surah an-Nisa': 102)

إِن يَثْقَفُوكُمْ يَكُونُوا۟ لَكُمْ أَعْدَآءً وَيَبْسُطُوٓا۟ إِلَيْكُمْ أَيْدِيَهُمْ وَأَلْسِنَتَهُم بِٱلسُّوٓءِ وَوَدُّوا۟ لَوْ تَكْفُرُونَ ﴿٢﴾

"Jika mereka dapat menangkap kamu, nescaya mereka menjadi musuh-musuh kamu dan menghulurkan tangan mereka memukul dan membunuh kamu dan menghulurkan lidah mereka dengan kata nista yang jahat dan mereka bercita-cita supaya kamu menjadi kafir."

(Surah al-Mumtahanah: 2)

وَإِن يَظْهَرُوا۟ عَلَيْكُمْ لَا يَرْقُبُوا۟ فِيكُمْ إِلًّا وَلَا ذِمَّةً ۚ

"Dan jika mereka memperolehi kemenangan terhadap kamu, nescaya mereka tidak memelihara hubungan kekerabatan dengan kamu dan tidak pula menghormati perjanjian."

(Surah at-Taubah: 8)

لَا يَرْقُبُونَ فِى مُؤْمِنٍ إِلًّا وَلَا ذِمَّةً ۚ

"Mereka tidak memelihara hubungan kekerabatan dengan orang Mu'min dan tidak pula menghormati perjanjian"

(Surah at-Taubah: 10)

apabila kita mengkaji pernyataan-pertanyaan Allah mengenai kaum Musyrikin nescaya kita dapati bahawa matlamat-matlamat terakhir mereka terhadap Islam dan kaum Muslimin adalah sama dengan, matlamat-matlamat terakhir kaum Ahlil-Kitab terhadap Islam dan kaum Muslimin. Ini menunjukkan pendirian mereka terhadap Islam dan kaum Muslimin adalah sama dengan pendirian kaum Musyrikin.

Di sini juga kita dapat memerhatikan bahawa pernyataan-pernyataan Allah mengenai kedua-dua golongan ini diungkap dengan versi yang muktamad, yang menunjukkan bahawa pernyataan-pernyataan itu bertujuan untuk menjelaskan satu tabi'at yang berterusan bukannya bertujuan menceritakan sesuatu keadaan yang sementara sebagaimana yang dijelaskan dalam firman Allah mengenai kaum Musyrikin:

وَلَا يَزَالُونَ يُقَـٰتِلُونَكُمْ حَتَّىٰ يَرُدُّوكُمْ عَن دِينِكُمْ إِنِ ٱسْتَطَـٰعُوا۟ ۚ

"Mereka akan terus memerangi kamu sehingga mereka dapat mengembalikan kamu dari agama kamu (kepada kekafiran) jika mereka berupaya"

(Surah al-Baqarah: 217)

dan dalam firman-Nya mengenai kaum Ahlil-Kitab:

وَلَن تَرْضَىٰ عَنكَ ٱلْيَهُودُ وَلَا ٱلنَّصَـٰرَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ ۗ

"Dan orang-orang Yahudi dan orang-orang Nasara tidak akan berpuas hati sehingga engkau mengikut agama mereka."

(Surah al-Baqarah: 120)

Apabila kita membuat kajian sedemikian ternyatalah kepada kita dengan jelas - tanpa memerlukan sebarang ta'wilan untuk mentafsirkan ayat-ayat itu - bahawa ayat-ayat itu bertujuan menjelaskan tabi'at hubungan-hubungan yang bertunjang kuat dan berterusan bukannya bertujuan menceritakan satu keadaan sementara dan kebetulan sahaja.

Apabila kita kecualikan kes-kes individu atau beberapa keperihalan golongan-golongan kecil (kaum Ahlil-Kitab) yang diceritakan oleh Al-Qur'an dan dimuatkan dalam peristiwa sejarah, yang memperlihatkan sikap mereka yang mesra terhadap Islam dan kaum Muslimin, di samping memperlihatkan keyakinan mereka terhadap kebenaran Rasulullah s.a.w. dan kebenaran agama Islam dan selepas itu mereka masuk Islam dan menggabungkan diri dalam kelompok Muslimin, iaitu beberapa keperihalan kaum Ahlil-Kitab yang telah kami sentuhkan sebelum ini ... apabila kita kecualikan kes-kes dan keperihalan-keperihalan ini nescaya kita tidak dapat menemukan di sebalik kes-kes individu atau beberapa keperihalan golongan kecil yang terbatas ini kecuali sejarah permusuhan yang degil, sejarah tipu angkara dan peperangan-peperangan

yang terus bersemarak dan tidak pernah reda di sepanjang sejarah.

Mengenai kaum Yahudi, Al-Qur'an telah menceritakan sikap, tindak-tanduk, tipu daya dan peperangan-peperangan mereka terhadap kaum Muslimin di dalam berbagai-bagai surah. Semuanya telah dicatat oleh sejarah tanpa putus-putus walaupun sesa'at sejak hari pertama Islam menghadapi mereka di Madinah hingga sekarang ini.

Kitab Fi Zilal ini bukannya bidang yang sesuai untuk membentangkan sejarah yang panjang ini, namun begitu, kami hanya akan menyentuh sedikit sebanyak tentang peperangan-peperangan gila-gilaan yang telah dilancarkan oleh kaum Yahudi ke atas Islam dan kaum Muslimin di sepanjang sejarah.

Kaum Yahudi telah menyambut Rasulullah s.a.w. dan agama yang dibawa oleh beliau dengan sambutan yang paling buruk yang tidak wajar dilakukan oleh penganut-penganut agama samawi terhadap seorang rasul yang mereka mengetahui kebenarannya dan terhadap agama yang mereka yang yakin kebenarannya.

Mereka telah menyambut kedatangan Rasulullah s.a.w. dengan berbagai konspirasi dan pakatan rahsia, berbagai-bagai pembohongan dan pengeliruan. Mereka menyebarkan berbagai-bagai fitnah dalam barisan Muslimin di Madinah dengan menggunakan segala sarana yang berbelit-belit dan curang yang memang menjadi bidang kemahiran dan kepintaran mereka. Mereka menaburkan keraguan terhadap kerasulan Rasulullah s.a.w., sedangkan mereka tahu kebenarannya. Mereka mengadakan hubungan yang baik dengan kaum Munafiqin Arab dan membekalkan mereka dengan pandangan-pandangan yang keliru dan salah yang disebarkan ke udara, juga dengan melemparkan tuduhan-tuduhan palsu dan pembohongan-pembohongan yang nekad. Apa yang telah dilakukan mereka dalam peristiwa pengalihan kiblat, apa yang telah diaturkan mereka dalam peristiwa fitnah terhadap Aisyah r.a. dan segala apa yang dilakukan mereka dalam setiap kesempatan adalah semuanya merupakan contoh-contoh tipu daya mereka yang jahat. Kerana tindak-tanduk mereka seperti ini, ayat-ayat Al-Qur'an diturunkan. Surah-surah al-Baqarah, Aali 'Imran, al-Nisa' al-Ma'idah, al-Hasyr, al-Ahzab, At-Taubah dan lain-lainnya memuat banyak cerita-cerita mereka: [15]

وَلَمَّا جَآءَهُمْ كِتَٰبٌ مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ مُصَدِّقٌ لِّمَا مَعَهُمْ وَكَانُوا۟ مِن قَبْلُ يَسْتَفْتِحُونَ عَلَى ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ فَلَمَّا جَآءَهُم مَّا عَرَفُوا۟ كَفَرُوا۟ بِهِۦ ۚ فَلَعْنَةُ ٱللَّهِ عَلَى ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٨٩﴾ بِئْسَمَا ٱشْتَرَوْا۟ بِهِۦٓ أَنفُسَهُمْ أَن يَكْفُرُوا۟ بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ بَغْيًا أَن يُنَزِّلَ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ عَلَىٰ مَن يَشَآءُ مِنْ عِبَادِهِۦ ۖ فَبَآءُو بِغَضَبٍ عَلَىٰ غَضَبٍ ۚ وَلِلْكَٰفِرِينَ عَذَابٌ مُّهِينٌ ﴿٩٠﴾

"Dan setelah datang kepada mereka kitab dari sisi Allah yang membenarkan kitab yang ada pada mereka, dan mereka sebelum itu telah memohon, kemenangan ke atas orang-orang (Arab) yang kafir (dengan kedatangan rasul yang akan dibangkitkan itu), tetapi setelah datang rasul yang mereka ketahui (kebenarannya) mereka terus ingkarkannya. Oleh itu laknat Allah ditimpakan ke atas orang-orang yang kafir(89). Alangkah buruknya perbuatan mereka yang menjual diri sendiri dengan mengingkarkan Al-Qur'an yang telah diturunkan Allah kerana menaruh perasaan dengki disebabkan Allah menurunkan limpah kurnia-Nya kepada sesiapa yang disukai-Nya di antara para hamba kesayangan-Nya, kerana itu mereka kembali dengan mendapat kemurkaan demi kemurkaan dan untuk orang-orang yang kafir disediakan 'azab yang amat menghinakan."(90)

(Surah al-Baqarah : 89 - 90)

وَلَمَّا جَآءَهُمْ رَسُولٌ مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ مُصَدِّقٌ لِّمَا مَعَهُمْ نَبَذَ فَرِيقٌ مِّنَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ كِتَٰبَ ٱللَّهِ وَرَآءَ ظُهُورِهِمْ كَأَنَّهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٠١﴾

"Dan setelah datang kepada mereka seorang rasul dari sisi Allah yang membenarkan kitab suci yang ada pada mereka, maka segolongan orang-orang yang dikurniakan kitab itu telah mencampakkan kitab Allah di belakang mereka seolah-olah mereka tidak mengetahui."

(Surah al-Baqarah: 101)

سَيَقُولُ ٱلسُّفَهَآءُ مِنَ ٱلنَّاسِ مَا وَلَّىٰهُمْ عَن قِبْلَتِهِمُ ٱلَّتِى كَانُوا۟ عَلَيْهَا ۚ قُل لِّلَّهِ ٱلْمَشْرِقُ وَٱلْمَغْرِبُ ۚ يَهْدِى مَن يَشَآءُ إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿١٤٢﴾

"Orang-orang yang bodoh dari kalangan orang ramai (kaum Ahlil-Kitab) akan berkata: Apakah sebab yang memalingkan mereka (kaum Muslimin) dari kiblat yang telah dihadapi mereka (selama ini)? Katakanlah: Allah memiliki Timur dan Barat. Dia memberi hidayat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya ke jalan yang lurus."

(Surah al-Baqarah: 142)

---

[15] *Lihat kata pengantar Surah-surah al-Baqarah, Aali-'Imran, an-Nisa' dan al-Ma'idah di dalam cetakan kedua Fi Zilal yang dikemaskinikan.*

يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ لِمَ تَكۡفُرُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَأَنتُمۡ تَشۡهَدُونَ ٧٠ يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ لِمَ تَلۡبِسُونَ ٱلۡحَقَّ بِٱلۡبَٰطِلِ وَتَكۡتُمُونَ ٱلۡحَقَّ وَأَنتُمۡ تَعۡلَمُونَ ٧١ وَقَالَت طَّآئِفَةٞ مِّنۡ أَهۡلِ ٱلۡكِتَٰبِ ءَامِنُواْ بِٱلَّذِيٓ أُنزِلَ عَلَى ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَجۡهَ ٱلنَّهَارِ وَٱكۡفُرُوٓاْ ءَاخِرَهُۥ لَعَلَّهُمۡ يَرۡجِعُونَ ٧٢

"Wahai kaum Ahlil-Kitab! Mengapakah kamu ingkarkan ayat-ayat Allah, sedangkan kamu menyaksikan (kebenarannya)?(70). Wahai kaum Ahlil-Kitab! Mengapa kamu campur adukkan kebenaran dengan kepalsuan dan menyembunyikan kebenaran, sedangkan kamu mengetahui.(71) Dan sekumpulan kaum Ahlil-Kitab telah berkata (sesama mereka): Berfirmanlah kamu kepada Al-Qur'an yang telah diturunkan kepada orang-orang yang beriman itu di sebelah pagi dan ingkarkannya pula di sebelah petang supaya mereka kembali (menjadi kafir)."

(Surah Aali 'Imran : 70 - 72)

وَإِنَّ مِنۡهُمۡ لَفَرِيقٗا يَلۡوُۥنَ أَلۡسِنَتَهُم بِٱلۡكِتَٰبِ لِتَحۡسَبُوهُ مِنَ ٱلۡكِتَٰبِ وَمَا هُوَ مِنَ ٱلۡكِتَٰبِ وَيَقُولُونَ هُوَ مِنۡ عِندِ ٱللَّهِ وَمَا هُوَ مِنۡ عِندِ ٱللَّهِ وَيَقُولُونَ عَلَى ٱللَّهِ ٱلۡكَذِبَ وَهُمۡ يَعۡلَمُونَ ٧٨

"Dan sesungguhnya di antara mereka terdapat sekumpulan orang-orang yang memutarbelitkan lidah mereka dengan kitab Taurat supaya kamu menyangkakannya sebahagian dari kitab Taurat, sedangkan ianya bukan dari Allah dan mereka selalu mengatakan perkara-perkara dusta terhadap Allah, sedangkan mereka mengetahui."

(Surah Aali 'Imran: 78)

قُلۡ يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ لِمَ تَكۡفُرُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَٱللَّهُ شَهِيدٌ عَلَىٰ مَا تَعۡمَلُونَ ٩٨ قُلۡ يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ لِمَ تَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ مَنۡ ءَامَنَ تَبۡغُونَهَا عِوَجٗا وَأَنتُمۡ شُهَدَآءُۗ وَمَا ٱللَّهُ بِغَٰفِلٍ عَمَّا تَعۡمَلُونَ ٩٩

"Katakanlah Wahai kaum Ahlil-Kitab! Mengapakah kamu ingkarkan ayat-ayat Allah, sedangkan Allah menyaksikannya segala apa yang dilakukan kamu.(98) Katakanlah: Wahai kaum Ahlil-Kitab! Mengapakah kamu menghalangkan mereka yang beriman dari jalan Allah kerana kamu hendak menjadikannya jalan yang bengkok, sedangkan kamu sekalian merupakan saksi-saksi yang mengetahui? Dan Allah tidak sekali-kali lalai dari segala apa yang dilakukan kamu."(99)

(Surah Aali 'Imran : 98 - 99)

يَسۡـَٔلُكَ أَهۡلُ ٱلۡكِتَٰبِ أَن تُنَزِّلَ عَلَيۡهِمۡ كِتَٰبٗا مِّنَ ٱلسَّمَآءِۚ فَقَدۡ سَأَلُواْ مُوسَىٰٓ أَكۡبَرَ مِن ذَٰلِكَ فَقَالُوٓاْ أَرِنَا ٱللَّهَ جَهۡرَةٗ فَأَخَذَتۡهُمُ ٱلصَّٰعِقَةُ بِظُلۡمِهِمۡۚ ثُمَّ ٱتَّخَذُواْ ٱلۡعِجۡلَ مِنۢ بَعۡدِ مَا جَآءَتۡهُمُ ٱلۡبَيِّنَٰتُ فَعَفَوۡنَا عَن ذَٰلِكَۚ وَءَاتَيۡنَا مُوسَىٰ سُلۡطَٰنٗا مُّبِينٗا ١٥٣

"Kaum Ahlil-Kitab meminta kepada engkau supaya engkau turunkan kepada mereka sebuah kitab dari langit. Sesungguhnya (sebelum ini) mereka pernah meminta kepada Musa sesuatu yang lebih besar dari itu, iaitu mereka telah berkata (kepada Musa): Perlihatkanlah Allah kepada kami secara terang-terangan. Lalu mereka disambar petir dengan sebab kezaliman mereka, kemudian mereka menyembah patung anak lembu setelah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas."

(Surah an-Nisa': 153)

يُرِيدُونَ أَن يُطۡفِـُٔواْ نُورَ ٱللَّهِ بِأَفۡوَٰهِهِمۡ وَيَأۡبَى ٱللَّهُ إِلَّآ أَن يُتِمَّ نُورَهُۥ وَلَوۡ كَرِهَ ٱلۡكَٰفِرُونَ ٣٢

"Mereka mahu memadamkan nur agama Allah dengan mulut mereka, sedangkan Allah tidak menghendaki kecuali menyempurnakan pancaran nur agama-Nya walaupun tidak di sukai oleh orang-orang kafir."

(Surah At-Taubah: 32)

Demikian juga sejarah telah menyaksi bagaimana kaum Yahudi membatalkan perjanjian-perjanjian mereka sekali demi sekali dan bagaimana mereka melakukan provokasi-provokasi terhadap kaum Muslimin hingga mencetuskan peristiwa-peristiwa perang Bani Qaynuqa', Bani an-Nadhir, Bani Qurayzah dan Khaybar, di samping menyaksi bagaimana kaum Yahudi menghasut dan mengemblengkan kaum Musyrikin Arab di dalam Peperangan al-Ahzab yang terkenal dan masyhur itu.

Kemudian kaum Yahudi terus menyambung gerak tipu daya mereka terhadap Islam dan kaum Muslimin sejak masa itu. Merekalah juga merupakan anasir-anasir teras yang menjadi dalang di dalam usaha menimbulkan peristiwa al-Fitnatul-kubra (huru-hara besar), di mana terbunuhnya al-Khalifah ar-Rasyid Uthman ibn Affan r.a. dan berlaku selepasnya perpecahan perpaduan Islam hingga ke tahap yang parah. Kaum Yahudi juga merupakan kepala penghasut yang menimbulkan selepas itu pergeseran di antara Ali r.a. dengan Muawiyah. Merekalah juga yang memimpin gerakan memalsukan hadith, cerita-cerita dalam sirah rasul dan cerita-cerita bohong di dalam tafsir Al-Qur'an. Merekalah yang menjadi

perintis jalan yang menghasut kaum Tatar menyerang Baghdad dan menumbangkan kerajaan khalifah Islam.

Di dalam sejarah moden, kaum Yahudi juga merupakan dalang-dalang yang berada di sebalik setiap malapetaka yang telah menimpa kaum Muslimin di setiap negeri di muka bumi ini. Merekalah dalang-dalang di sebalik segala usaha untuk menghancurkan gerakan printis kebangkitan Islam dan seterusnya merekalah yang menjadi penaung setiap establishment yang mengendalikan gerakan memerangi printis kebangkitan Islam ini di merata pelosok dunia Islam.

Itulah gerak langkah kaum Yahudi. Adapun gerak langkah kaum Kristian dari kaum Ahlil-Kitab yang lain, mereka telah memperlihatkan sikap perseteruan dan langkah-langkah perang yang tidak kurang degil dan sengitnya dari gerak langkah kaum Yahudi.

Kerajaan Roman dan kerajaan Parsi telah bermusuh dan bersengketa berabad lamanya, tetapi sebaik sahaja munculnya Islam di Semenanjung Tanah Arab dan sebaik sahaja pihak gereja menyedari kekuatan agama yang benar ini telah mengancam agama Kristian yang diada-adakan mereka dan dinamakan mereka sebagai 'aqidah Kristian, sedangkan sebenarnya ia diambil dari kepercayaan-kepercayaan paganisme lama dan kepercayaan-kepercayaan sesat yang diciptakan oleh gereja dan dicampuradukkan dengan saki-baki pengajaran al-Masih dan sejarahnya[16].... sebaik sahaja munculnya Islam, kita melihat kerajaan Roman dan kerajaan Parsi terus melupakan persengketaan-persengketaan lama mereka yang bersejarah, melupakan permusuhan-permusuhan dan perseteruan-perseteruan mereka yang begitu mendalam demi untuk menghadapi agama yang baru ini.

Angkatan tentera Roman berkumpul di sebelah utara bersama-sama tentera kuncu-kuncu mereka dari orang-orang Arab dari kaum Ghasasinah dengan tujuan untuk menyerang agama yang baru ini. Langkah ini telah diambil setelah mereka membunuh al-Harith ibn 'Umayr al-Azadi utusan Rasulullah s.a.w. yang diutus kepada gabenor yang dilantik oleh pihak kerajaan Roman. Tradisi kaum Muslimin menjamin keselamatan para utusan yang dikirim kepada mereka, tetapi kaum Kristian telah membunuh utusan Rasulullah s.a.w. menyebabkan beliau bertindak menghantar angkatan tentera yang dibelai tiga panglima syuhada', iaitu Zayd ibn Harithah, Ja'far ibn Abu Talib dan Abdullah ibn Rawahah di dalam Peperangan Mu'tah. Di sana angkatan Muslimin dapati kerajaan Roman mengumpulkan bala tenteranya, yang mengikut riwayat-riwayat adalah terdiri dari seratus ribu orang-orang Roman bersama tentera kuncu-kuncu mereka di Syam dari suku-suku bangsa Arab yang beragama Kristian yang berjumlah seratus ribu orang pula, sedangkan angkatan tentera Islam tidak melebihi tiga ribu orang sahaja. Peristiwa ini berlaku dalam bulan Jamadilawal tahun yang kelapan Hijrah.

Kemudian tercetus pula Peperangan Tabuk yang menjadi pokok pembicaraan sebahagian terbesar surah ini (huraian terperinci mengenai peperangan ini akan dibentangkan pada tempatnya, insya Allah), kemudian muncul angkatan tentera pimpinan Usamah ibn Za'yd yang telah dibentuk oleh Rasulullah s.a.w. sejurus sebelum kewafatan beliau, kemudian angkatan ini telah dihantar oleh al-Khalifah ar-Rasyid Abu Bakr ke sempadan-sempadan negeri Syam untuk menghadapi perhimpunan-perhimpunan angkatan tentera Roman yang bertujuan untuk menghapuskan agama ini.

Kemudian api hasad dengki dan dendam kesumat kaum Kristian terus bersemarak selepas tercetusnya Peperangan Yarmuk yang memberi kemenangan kepada kaum Muslimin, diiringi pula dengan kemaraan Islam yang berjuang membebaskan tanah-tanah jajahan Empayar Roman di Syam, di utara Afrika dan di kepulauan-kepulauan Laut Putih (Mediterranean), kemudian kejayaan kaum Muslimin menegakkan tapak kerajaan Islam yang kuat di Andalusia di akhir perjuangan mereka.

"Peperangan-peperangan Salib" yang terkenal di dalam sejarah itu bukanlah satu-satunya peperangan yang dilancarkan oleh gereja Kristian terhadap Islam, malah peperangan-peperangan ini telah tercetus jauh lebih awal dari tarikh tersebut. Ia sebenarnya bermula sejak masa yang amat jauh dari itu lagi. Ia bermula sejak kerajaan Roman melupakan permusuhan dan persengketaan mereka dengan kerajaan Parsi dan sejak orang-orang Kristian membantu orang-orang Parsi menentang Islam di selatan Semenanjung Tanah Arab dan selepas itu di dalam Peperangan Mu'tah kemudian di dalam Peperangan Yarmuk. Kemudian peperangan-peperangan mereka semakin bertambah sengit dan ganas di negeri Andalusia ketika tentera Salib menyerang tapak kerajaan Islam di Eropah dan melakukan keganasan menindas, menyeksa dan membunuh berjuta-juta kaum Muslimin di sana, iaitu satu keganasan yang tidak diketahui tolok bandingnya di dalam sejarah. Begitu juga di dalam peperangan-peperangan Salib di Timur Tengah, di mana peperangan dilancarkan ke atas kaum Muslimin dengan keganasan dan kekejaman yang sama. Ia dilakukan tanpa silu malu, tanpa mempedulikan suatu apa dan tanpa memelihara sebarang hubungan dan perjanjian.

Di antara keterangan yang terdapat dalam buku "Tamadun Arab" karangan G. Lebon dari bangsa Perancis yang beragama Kristian ialah:

---

[16] *Lihat bab:* "الفصام النكد" *dalam buku:* "المستقبل لهذا الدين".

"Tindakan pertama yang telah dilakukan oleh Ricardus dari bangsa Inggeris ialah ia telah membunuh di hadapan kem orang-orang Islam seramai tiga ribu tawanan Islam yang telah menyerah diri kepadanya setelah ia berjanji tidak akan menumpahkan darah mereka. Kemudian tiba-tiba Ricardus bertindak sewenang-wenang membunuh dan merompak tawanan-tawanan Islam itu, menyebabkan Solahud-Din al-Ayubi marah. Beliau (adalah seorang pemerintah Islam yang paling agung di masa itu) yang berjiwa besar dan berhati mulia. Beliau memberi layanan yang penuh timbang rasa terhadap penduduk-penduduk Kristian di Baitul-Maqdis dan tidak pernah melakukan tindakan yang buruk terhadap mereka. Beliau telah mengirim bantuan dalam bentuk minuman-minuman penyegar, ubat-ubat dan bekalan kepada panglima Philip (angkatan tentera-tentera Kristian) dan panglima Richard 'Hati Singa' semasa kedua-duanya sakit".[17]

Seorang penulis Kristian yang lain bernama Yorga telah menulis seperti ini juga katanya:

"Angkatan tentera Salib telah memulakan perjalanan mereka dengan seburuk-buruk tindakan yang sial. Sepasukan dari pengunjung-pengunjung Baitul-Maqdis ini telah menumpahkan darah di istana-istana yang ditawan oleh mereka. Mereka melakukan tindakan-tindakan yang amat ganas. Mereka membelah perut (orang-orang Islam) untuk mencari wang-wang dinar dalam usus-usus mereka. Adapun Solahud-Din al-Ayubi sebaik sahaja beliau berjaya merampaskan kembali Baitul-Maqdis (dari tangan tentera Salib), beliau memberi keamanan kepada semua tentera Salib dan memenuhi segala perjanjian terhadap mereka. Tentera-tentera Muslimin telah menunjukkan kemurahan dan timbang rasa terhadap musuh-musuh mereka sehingga al-Malikul-'Adil saudara sultan itu membebaskan seribu hamba dari tawanan-tawanan perang dan memberi kurnia kepada semua orang-orang Arman dan memberi kebenaran kepada ketua paderi membawa Salib dan perhiasan gereja, dan seterusnya membenarkan anak-anak raja perempuan dan raja permaisuri menziarahi suami-suami mereka."

Kitab Fi Zilal ini tidak mempunyai ruang yang cukup untuk membentangkan garis peperangan-peperangan Salib yang panjang di sepanjang sejarah itu, tetapi cukuplah untuk kita simpulkan bahawa Peperangan Salib tidak pernah diberhentikan oleh pihak Kristian. Cukuplah bagi kita mengingati semula apa yang telah berlaku di Zanjibar baru-baru ini, di mana seluruh orang-orang Islam dihapuskan! Dua belas ribu dari mereka dibunuh dan empat ribu yang baki dicampak ke laut dan diusir dari pulau itu. Cukuplah bagi kita mengenangkan kembali apakah yang telah berlaku di Cyprus, di mana bekalan makanan dan air disekat dari kawasan-kawasan yang didiami oleh kaum Muslimin supaya mereka mati lapar dan dahaga di samping mereka dibunuh, disembelih dan diusir. Cukuplah, kita mengingati kembali tindakan-tindakan ganas kerajaan Habsyah terhadap kaum Muslimin Eritrea dan di tengah-tengah negeri Habsyah, juga tindakan-tindakan ganas kerajaan Kenya terhadap seratus ribu kaum Muslimin yang berasal dari Somalia yang ingin bergabung dengan kaum Muslimin di Somalia, dan cukuplah bagi kita mengetahui tindakan-tindakan ganas pejuang-pejuang Kristian terhadap kaum Muslimin di Sudan Selatan.

Untuk menggambarkan peperangan kaum Kristian terhadap Islam, cukuplah kami nukilkan di sini satu perenggan dari sebuah buku yang dikarang oleh seorang Eropah yang diterbit pada tahun 1944 yang berbunyi:

"Dahulu kita memomok-momokkan berbagai-bagai bangsa, tetapi setelah diuji kita tidak mendapat sebarang sebab dan alasan terhadap momokan ini. Dahulu kita momokan ancaman bahaya bangsa Yahudi, ancaman bahaya bangsa Kuning, ancaman bahaya penganut-penganut Bolshevisme, tetapi semua momokan itu tidak tepat dengan gambaran imaginasi kita. Apa yang sebenar kita dapati ialah kaum Yahudi adalah sahabat-sahabat kita yang baik. Berdasarkan hakikat ini setiap pihak yang memusuhi kaum Yahudi adalah sebenarnya musuh ketat kita. Kemudian kita melihat bagaimana penganut-penganut Bolshevisme menjadi sekutu-sekutu kita. Adapun bangsa-bangsa yang berkulit kuning, maka di sana telah wujud kerajaan-kerajaan besar demokratik yang menentang mereka. Tetapi ancaman bahaya yang haqiqi adalah terletak di dalam sistem hidup Islam, terletak pada kekuatannya yang berdaya meluas dan menunduk dan pada dinamikannya, Islam merupakan satu-satunya tembok yang menghalang penjajahan Eropah."[18]

Kami tidak dapat pergi lebih jauh dari ini dalam membentangkan sejarah peperangan yang ganas dilancarkan oleh kaum Kristian terhadap Islam hingga ke masa kini. Kami telah memperkatakan berulang-ulang kali di dalam berbagai-bagai juzu' tafsir Fi Zilal yang silam - sesuai dengan nas-nas Al-Qur'an - mengenai tabi'at konflik yang berlarutan ini serta permasalahan-permasalahan dan bentuk-bentuk rupanya. Oleh itu bagi kami cukuplah dengan keterangan-keterangan segera dan ringkas yang dibentangkan di sini dengan merujukkan kepada setengah-setengah sumber lain yang dekat.[19]

---

[17] *Dinukil dari buku "* الشريعة الإسلامية والقانون الدولى العام*" karangan Ustaz Ali Mansor.*

[18] *Dari buku George Brown yang dinukil dari buku "* التبشير والاستعمار فى البلاد العربية*" oleh Dr. Mustafa Khalidi dan Dr. Umar Farukh.*

[19] *Lihat buku "* الاستعمار والتبشير*" oleh Dr. Mustafa Khalidi dan Dr. Umar Farukh, buku "* الغاية على العالم الإسلامي*" oleh Ustaz al-Baqi dan Muhibbud-Din al-Khatib, buku*

* * * * * *

Demikianlah kita dapat melihat dari keterangan-keterangan segera ini, di samping keterangan-keterangan yang kami bentangkan sebelum ini mengenai tabi'at perisytiharan umum Islam untuk membebaskan umat manusia dan persiapan jahiliyah di seluruh dunia ini untuk menghancurkan pergerakan Islam yang mendokong perisytiharan ini dan menghebohkannya ke seluruh negeri di dunia ini, kita dapat melihat bahawa peraturan-peraturan mutakhir yang diterangkan di dalam surah ini adalah peraturan-peraturan yang secocok dengan seluruh hakikat ini dan ianya bukan peraturan-peraturan yang terbatas dengan sesuatu masa yang tertentu atau terikat dengan sesuatu situasi. Walaupun begitu, namun dalam waktu yang sama peraturan-peraturan yang mutakhir ini tidak memansukhkan peraturan-peraturan Marhaliyah yang telah lepas dalam erti pemansuhan syari'i yang menegahkan peraturan-peraturan Marhaliyah itu di amal di dalam keadaan-keadaan dan situasi-situasi yang sama dengan keadaan-keadaan dan situasi-situasi turunnya peraturan-peraturan itu. Di sana selama-lamanya wujud tabi'at tatacara pergerakan Islam yang menghadapi realiti manusia secara realistik dengan sarana-sarana baru dalam berbagai-bagai peringkat perkembangan.

Sebenarnya peraturan-peraturan mutakhir yang dimuatkan di dalam surah ini adalah menghadapi satu situasi yang tertentu di Semenanjung Tanah Arab. Peraturan-peraturan itu merupakan satu persediaan perundangan bagi gerak langkah seperti yang berlaku di dalam Peperangan Tabuk, iaitu gerak langkah untuk menghadapi angkatan tentera Roman yang berhimpun di perbatasan-perbatasan Semenanjung Tanah Arab bersama-sama dengan orang-orang Arab yang menjadi kuncu-kuncu mereka untuk menyerang Islam dan kaum Muslimin. Peperangan Tabuk merupakan pokok pembicaraan di dalam surah ini, tetapi sikap dan kedudukan kaum Ahlil-Kitab terhadap Islam dan penganut-penganutnya bukanlah hasil dari peringkat perkembangan sejarah yang tertentu, malah ia adalah hasil dari satu hakikat yang berterusan dan tetap, begitu juga peperangan yang dilancarkan mereka ke atas Islam dan kaum Muslimin bukanlah hasil dari sesuatu masa sejarah yang tertentu, malah peperangan itu masih terus dilancarkan mereka dan akan terus dilancarkan kecuali orang-orang Islam semuanya murtad dari agama mereka. Peperangan itu diisytiharkan dengan begitu sengit, konsisten dan degil dengan menggunakan berbagai cara dan sarana di sepanjang sejarah. Oleh sebab itulah peraturan-peraturan yang dikemukakan dalam surah ini merupakan peraturan-peraturan yang bertunjang kuat dan umum, ia tidak terikat dengan zaman dan masa, tetapi pelaksanaan peraturan-peraturan ini harus dilakukan dalam frem tatacara pergerakan Islam yang harus di faham dengan sempurna sebelum peraturan itu sendiri diperkatakan oleh pihak yang ingin membicarakannya dan sebelum meletakkan tanggungjawab nasib anak-anak keturunan kaum Muslimin, kelemahan dan kehancuran mereka sekarang ini di atas bahu agama Allah Yang Maha Kuat dan Gagah.

Undang-undang atau peraturan-peraturan Fiqhiyah di dalam Islam selama-lamanya merupakan hasil dari pergerakan yang berlangsung mengikut tatacara pergerakan Islam. Nas-nas Al-Qur'an tidak dapat difahami kecuali disertakan dengan hakikat ini. Di sana terdapat perbezaan yang jauh di antara pandangan yang melihat nas-nas Al-Qur'an selaku acuan-acuan yang kosong dengan pandangan yang melihat nas-nas Al-Qur'an dalam bentuk pergerakannya yang mengikut sistem Islam. Ia pasti diikat begini: "Pergerakan mengikut sistem Islam", kerana pergerakan itu bukanlah pergerakan bebas yang berada di luar sistem Islam yang mana kita memandang "realiti manusia" sebagai asal biar bagaimana pun bentuk harakat yang diwujudkan olehnya, tetapi "realiti manusia" menjadi satu unsur asasi di dalam memahami hukum-hukum atau peraturan-peraturan apabila ia diwujudkan oleh sistem Islam itu sendiri.

Berdasarkan prinsip ini dapatlah difahami dengan mudah peraturan-peraturan yang final itu dalam tatacara hubungan di antara kaum Ahlil-Kitab dengan masyarakat Islam. Peraturan-peraturan itu bergerak dengan gerakan yang dinamis di dalam bidang-bidangnya yang wujud di alam realiti mengikut tatacara pergerakan yang realistik, positif dan syumul.

Cukuplah bagi kita dengan kata pengantar yang ringkas ini untuk membantu kita menghadapi nas-nas Al-Qur'an yang terkandung di dalam bahagian ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 29)

قَٰتِلُواْ ٱلَّذِينَ لَا يُؤۡمِنُونَ بِٱللَّهِ وَلَا بِٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِ وَلَا يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَلَا يَدِينُونَ دِينَ ٱلۡحَقِّ مِنَ ٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡكِتَٰبَ حَتَّىٰ يُعۡطُواْ ٱلۡجِزۡيَةَ عَن يَدٖ وَهُمۡ صَٰغِرُونَ ٢٩

"Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak pula beriman kepada hari Akhirat dan mereka tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan Allah dan rasul-Nya dan mereka tidak beragama dengan agama yang benar, iaitu orang-orang (Yahudi dan Nasara) yang

---

"الاتجاهات الوطنية فى الادب العاصر" *oleh Doktor Muhammad Husain dan buku* "هل نحن مسلمون" *oleh Muhammad Qutb.*

dikurniakan kitab sehingga mereka sanggup membayar jizyah dengan patuh dan ta'at."(29)

Perisytiharan Perang Terhadap Kaum Ahlil-Kitab

Ayat ini dan ayat-ayat selanjutnya merupakan persiapan untuk menghadapi Peperangan Tabuk dan menghadapi angkatan Roman dan kuncu-kuncunya dari kaum Ghasasinah Arab yang beragama Kristian. Ayat-ayat itu membayangkan bahawa sifat-sifat yang disebut di dalamnya adalah sifat-sifat yang wujud pada kaum yang dihadapkan peperangan itu. Ayat-ayat itu memerikan keadaan yang wujud dengan sifat-sifatnya yang tertentu. Inilah yang dibayangkan oleh penjelasan ayat-ayat Al-Qur'an di tempat-tempat yang seperti ini. Sifat-sifat yang wujud ini tidak disebut di sini sebagai syarat-syarat untuk memerangi kaum Ahlil-Kitab, malah ia disebut sebagai perkara-perkara yang wujud di dalam 'aqidah kaum-kaum itu dan di dalam realiti hidup mereka. Ia merupakan alasan-alasan dan sebab-sebab mengapa mereka diperintah supaya dibunuh. Dan orang-orang yang seperti mereka yang tercakup di dalam peraturan ini ialah setiap orang yang mempunyai 'aqidah dan realiti hidup yang sama dengan 'aqidah dan realiti hidup mereka.

Penjelasan Al-Qur'an telah menggariskan sifat-sifat yang berikut:

Pertama: Mereka tidak beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat.

Kedua: Mereka tidak mengharamkan apa yang diharamkan Allah dan rasul-Nya.

Ketiga: Mereka tidak berpegang dengan agama yang benar.

Kemudian dijelaskan di dalam ayat-ayat selanjutnya bagaimana mereka tidak beriman kepada Allah dan kepada hati Akhirat, dan bagaimana mereka tidak mengharamkan apa yang diharamkan Allah dan rasul-Nya, dan bagaimana mereka tidak berpegang dengan agama yang benar. Semuanya itu disebabkan kerana:

Pertama: Kerana kaum Yahudi berkata: 'Uzayr itu putera Allah dan kerana Orang-orang Kristian berkata: Al-Masih itu putera Allah dan tanggapan ini adalah sama dengan tanggapan orang-orang kafir dari golongan paganis (wathani) sebelum mereka. Oleh sebab itu mereka dikira sama dengan golongan ini dalam tanggapan ini, di mana penganutnya tidak dianggapkan sebagai orang yang berfirman kepada Allah dan kepada hari Akhirat (kami akan jelaskan dengan tepat bagaimana mereka di katakan tidak beriman kepada hari Akhirat).

Kedua: Mereka jadikan ulama'-ulama' dan paderi-paderi mereka dan al-Masih putera Maryam selaku tuhan-tuhan selain dari Allah, dan perbuatan ini adalah bertentangan dengan agama yang benar yang menumpukan seluruh keta'atan itu kepada Allah Yang Maha Esa tanpa sekutu-sekutu yang lain. Perbuatan ini telah menjadikan mereka kaum Musyrikin yang tidak berpegang dengan agama yang benar.

Ketiga: Mereka mahu memadamkan nur agama Allah dengan mulut mereka. Ini bererti mereka menentang agama Allah, sedangkan orang yang benar beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat dan berpegang dengan agama yang benar tidak akan menentang Allah.

Keempat: Adanya sebilangan besar dari ulama'-ulama' dan paderi-paderi mereka yang makan harta orang ramai dengan jalan yang tidak sebenar. Ini bererti mereka tidak mengharamkan apa yang diharamkan Allah dan rasul-Nya (sama ada rasul yang dimaksudkan di sisi rasul mereka atau Nabi Muhammad s.a.w.).

Semua sifat-sifat ini merupakan sifat-sifat yang wujud pada penganut-penganut Kristian di Syam dan di Rom, di samping merupakan sifat-sifat yang wujud pada orang-orang Kristian yang lain dari mereka sejak Majlis-Majlis paderi mengubahkan agama al-Masih a.s. dan menganggapkan Isa a.s. sebagai anak Allah dan menganut kepercayaan, triniti (tiga uqnum). Walaupun di sana wujudnya perbezaan faham di antara berbagai-bagai mazhab dan puak-puak Kristian, namun seluruh mereka bertemu pada kepercayaan triniti di sepanjang sejarah sehingga masa kini!

Di sini jelaslah bahawa perintah di dalam ayat ini merupakan satu perintah yang menjelaskan satu dasar umum dalam mengaturkan hubungan dua hala dengan kaum Ahlil-Kitab yang mempunyai sifat-sifat yang wujud pada orang-orang Arab dan orang-orang Roman yang beragama Kristian itu. Dan keumuman dasar ini tidak menghalangkan perintah-perintah nabawi yang telah mengecualikan individu-individu dan golongan-golongan tertentu dari perintah bunuh seperti kanak-kanak, kaum wanita, orang-orang tua, orang-orang lemah dan kaum paderi yang hidup memencilkan diri untuk beribadat dan tinggal di biara-biara dengan sifat mereka tidak membabitkan diri sebagai pejuang-pejuang. Islam melarang membunuh orang-orang yang bukan pejuang dari mana-mana agama sekali pun. Mereka (kaum Ahlil-Kitab) tidak dikecualikan oleh perintah-perintah nabawi bukannya kerana mereka tidak melakukan pencerobohan yang sebenar terhadap kaum Muslimin, tetapi kerana mereka sama sekali tidak sepatutnya melakukan pencerobohan itu. Oleh sebab itu tidak ada suatu sebab untuk mengikatkan perintah yang umum ini dengan mengatakan bahawa orang-orang yang dimaksudkan dengan perintah bunuh dalam ayat itu ialah orang-orang yang melakukan pencerobohan yang sebenar (terhadap Islam dan kaum Muslimin) sebagaimana yang di katakan oleh cerdik pandai Islam yang berjiwa kalah dalam usaha mereka untuk menepiskan tuduhan terhadap Islam. Kerana pencerobohan itu dari awal-awal lagi telah wujud, iaitu pencerobohan terhadap Uluhiyah Allah dan pencerobohan terhadap manusia dalam bentuk

memperhambakan mereka kepada yang lain dari Allah. Dan apabila Islam bertindak mempertahankan Uluhiyah Allah S.W.T. dan mempertahankan kehormatan dan maruah manusia di bumi ini, maka sudah tentu ia akan dihadapi oleh jahiliyah dengan penentangan, peperangan dan perseteruan. Dan di sini tiada lagi ruang untuk mengelakkan diri dari menghadapi tabi'at segala sesuatu.

Ayat ini memerintah kaum Muslimin supaya memerangi kaum Ahlil-Kitab yang tidak beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat dan menganggapkan 'Uzayr dan al-Masih sebagai anak Allah, maka ia tidak boleh di katakan sebagai orang yang beriman kepada Allah. Begitu juga orang yang mengatakan Allah itu ialah al-Masih ibn Maryam atau Allah itu ialah yang ketiga dari tiga uqnum atau Allah menjelma di dalam jasad al-Masih dan sebagainya dari kefahaman-kefahaman gereja yang diputuskan oleh Majlis-majlis paderi walaupun di sana wujudnya perbezaan-perbezaan faham di kalangan mereka, begitu juga mereka yang mendakwa bahawa mereka tidak akan masuk Neraka kecuali selama beberapa hari sahaja walau sebanyak mana mereka melakukan dosa dengan alasan kerana mereka adalah anak-anak Allah, kekasih-kekasih Allah dan umat pilihan Allah, juga orang-orang yang mendakwa bahawa segala maksiat itu hanya di ampun melalui ijtihad dengan al-Masih dan makan malam yang suci. Tiada keampunan melainkan melalui jalan ini sahaja. Orang-orang ini semua tidak mungkin di katakan sebagai orang-orang yang beriman kepada hari Akhirat.

Ayat ini menyifatkan kaum Ahlil-Kitab itu sebagai orang-orang yang tidak mengharamkan apa yang diharamkan Allah dan rasul-Nya. Sama ada yang dimaksudkan dengan kata-kata "rasul-Nya" itu ialah rasul yang diutuskan Allah kepada mereka atau Nabi Muhammad s.a.w. kerana pengertiannya adalah sama, kerana ayat-ayat selanjutnya menjelaskan sifat mereka sebagai orang-orang yang makan harta orang ramai dengan cara yang tidak sebenar dan perbuatan itu diharamkan dalam setiap agama dan oleh setiap rasul. Contoh yang paling dekat bagi perbuatan makan harta orang lain dengan cara yang tidak sebenar ialah muamalah-muamalah yang berasaskan riba, juga harta yang diambil oleh pegawai-pegawai gereja sebagai bayaran kepada surat keampunan yang dikeluarkan mereka, juga perbuatan menghalangkan orang lain dari agama Allah dan perbuatan menentang agama Allah dengan kekuasaan dan menindas orang-orang yang beriman supaya meninggalkan agama mereka, juga perbuatan memperhambakan manusia kepada yang lain dari Allah dan menundukkan mereka kepada peraturan dan undang-undang yang tidak diturunkan Allah. Semuanya tercakup dalam ungkapan "mereka tidak mengharamkan apa yang diharamkan Allah". Semua sifat ini ada pada kaum Ahlil-Kitab di samping ada pada Ahlil-Kitab di zaman itu. Begitu juga ayat ini memerikan bahawa mereka "tidak beragama dengan agama yang benar". Ini ternyata dari apa yang telah disebutkan terdahulu. Tidak dianggap agama yang benar sebarang i'tikad terhadap Rububiyah sesiapa bersama-sama Rububiyah Allah. Begitu juga tidak dianggap agama yang benar sikap berinteraksi dengan syari'at selain syari'at Allah, memperolehi hukum-hukum selain hukum Allah dan tunduk kepada kuasa selain kuasa Allah. Semua ini ada terdapat di kalangan Ahlil-Kitab sebagaimana yang pernah terdapat di kalangan mereka pada masa dahulu. Syarat yang disyaratkan oleh nas Al-Qur'an ini untuk menyekat pembunuhan terhadap mereka bukannya menganut Islam, kerana tiada paksaan dalam agama, tetapi dengan membayar jizyah dengan ta'at dan patuh. Apakah hikmat dari syarat itu? Mengapakah bayaran jizyah dijadikan tujuan bagi mengakhiri peperangan?

Kaum Ahlil-Kitab dengan sifat-sifat yang seperti ini merupakan penentangan terhadap agama Allah baik dari segi i'tikad mahu pun dari segi perilaku. Ia merupakan penentangan terhadap masyarakat Islam dengan sebab wujudnya pertentangan dasar di antara sistem hidup ciptaan Allah dengan sistem hidup ciptaan jahiliyah yang dapat di lihat pada 'aqidah dan realiti kaum Ahlil-Kitab mengikut sebagaimana yang digambarkan oleh ayat-ayat ini. Di samping itu realiti sejarah juga telah membuktikan wujudnya hakikat pertentangan, percanggahan dan ketidakmungkinan hidup bersama di antara dua sistem itu, ini disebabkan kerana kaum Ahlil-Kitab benar-benar menentang agama Allah dan mengumumkan perang terhadap Islam dan kaum Muslimin tanpa kasihan belas di sepanjang masa menjelang turunnya ayat ini dan di sepanjang masa yang mengiringi turunnya ayat ini hingga kepada hari ini.

Hikmat Diadakan Peraturan Membayar Jizyah

Islam - dengan sifatnya sebagai satu-satunya agama yang benar, yang wujud di muka bumi ini - pastilah bertindak dan bergerak untuk menghapuskan segala halangan, fizikal yang ada di hadapannya dan untuk membebaskan manusia dari agama yang lain dari agama yang benar dengan syarat setiap orang itu diberi kebebasan memilih tanpa sebarang paksaan darinya dan dari halangan-halangan fizikal.

Jika demikian, maka cara yang praktikal untuk menjamin kehapusan halangan-halangan fizikal dan dalam waktu yang sama menjamin ketiadaan paksaan memeluk Islam ialah menghancurkan kekuatan pemerintah-pemerintah yang ditegakkan di atas landasan yang lain dari agama yang benar sehingga mereka menyerah kalah dan mengumumkan penyerahan dirinya dengan membayar jizyah.

Di waktu ini sempurnalah proses pembebasan itu dengan memberi jaminan kebebasan kepada setiap individu untuk memilih agama yang benar mengikut keyakinan hatinya dan jika ia tidak mempunyai keyakinan, maka ia boleh kekal dengan agamanya

dan membayar jizyah untuk merealisasikan beberapa matlamat:

Pertama: Dengan pembayaran jizyah itu bererti ia mengumumkan penyerahan dirinya dan kesanggupannya untuk tidak menentang da'wah agama Allah yang benar dengan kekuatan fizikal.

Kedua: Dengan pembayaran jizyah itu bererti ia turut mengambil bahagian dalam pembiayaan negara untuk mempertahankan keselamatan dirinya, harta bendanya, maruahnya dan kehormatan-kehormatannya yang dijaminkan Islam terhadap warga zimmi (iaitu orang-orang kafir yang membayar jizyah dan dengan pembayaran itu ia menjadi warga yang dijaminkan keselamatan-keselamatan di bawah tanggungjawab kaum Muslimin). Sebarang pencerobohan terhadapnya baik dari dalam mahu pun dari luar akan dipertahankan oleh para Mujahidin Islam.

Ketiga: Turut memberi sumbangan kepada dana Baitul-Mal kaum Muslimin yang menjamin saraan dan bantuan bagi setiap warga yang tidak berupaya bekerja termasuk warga zimmi tanpa dibeza-bezakan di antara mereka dengan kaum Muslimin yang membayar zakat.

Di sini kami tidak ingin memasuki ke dalam perselisihan-perselisihan fiqhiyah mengenai siapakah yang dikenakan jizyah dan siapakah yang tidak dikenakan jizyah, juga mengenai kadar bayaran jizyah, cara-cara pengagihannya dan tempat-tempat pengagihannya, kerana seluruh isu ini tidak lagi dibentangkan kepada kita pada masa ini sebagaimana ia di bentang di zaman fuqaha" yang memberi fatwa dan berijtihad mengenainya di zaman pelaksanaan jizyah.

Pada hari ini isu jizyah merupakan isu "sejarah" bukannya isu "waqi'iyah" yang berlaku di zaman itu, kerana kaum Muslimin pada hari ini tidak berjihad. Ini disebabkan kerana kaum Muslimin yang sebenar tidak wujud pada hari ini. Sebenarnya isu kewujudan Islam yang sebenar dan kewujudan kaum Muslimin yang sebenar merupakan isu yang memerlukan kepada penanganan dan penggarapan.

Sistem hidup Islam - sebagaimana telah kami tegaskan berulang-ulang kali sebelum ini - adalah satu sistem hidup yang waqi'i yang berpijak pada kenyataan yang serius. Sistem ini tidak mahu membincangkan isu-isu yang tergantung-gantung di awan dan menolak untuk berubah kepada perbincangan-perbincangan fikhiyah yang tidak diaplikasikan di alam realiti, kerana di dalam realiti hari ini tidak ada masyarakat Islam yang diperintah oleh syari'at Allah dan dikendalikan urusan hidupnya oleh perundangan (fiqah) Islam. Sistem ini memandang hina terhadap mereka yang menyibukkan diri mereka dan orang ramai dengan perbincangan-perbincangan yang seperti ini mengenai isu-isu yang tidak wujud lagi di zaman ini. Ia menggelarkan mereka sebagai golongan "jikawan" yang selalu berkata: "Jika perkara itu berlaku begini, maka apakah hukumnya mengikut pendapat anda?"

Titik tolak sekarang ialah titik tolak masa pertama manusia mengenal agama Allah, di mana terdapat di suatu tempat di bumi segolongan manusia yang berpegang dengan agama yang benar dan mengucap syahadat "لا إله إلا الله وأن محمدا رسول الله". Oleh kerana itu mereka mengakui bahawa hanya Allah sahaja yang memegang teraju Hakimiyah kuasa pentadbiran dan perundangan dan mereka terapkan konsep ini di dalam realiti hidup mereka, kemudian mereka berjuang dan bertindak di bumi mendokong perisytiharan umum untuk membebaskan manusia (dari perhambaan kepada sesama manusia). Hanya pada masa ini sahaja akan wujudnya ruang-ruang yang memungkinkan untuk mentatbiqkan nas-nas Al-Qur'an dan undang-undang Islam dalam bidang perhubungan-perhubungan di antara masyarakat Islam dengan masyarakat-masyarakat yang lain yang bukan Islam. Hanya pada masa ini sahaja memungkinkan kita memasuki ke dalam perbincangan-perbincangan fikhiyah, usaha-usaha penggubalan undang-undang, dan usaha-usaha mengadakan undang-undang untuk menghadapi situasi-situasi waqi'i yang dihadapi oleh Islam di alam kenyataan bukannya di alam teori-teori!

Apabila kami telah bertindak mentafsirkan ayat ini dari segi asal dan dasar, maka tindakan kami ini ialah kerana ayat ini berhubung kait dengan persoalan i'tikadiyah di samping berhubung kait dengan tabi'at sistem hidup Islam. Kami hanya berhenti setakat ini sahaja dan tidak melewati hingga kepada perbincangan-perbincangan fikhiyah yang far'iyah kerana menghormati sifat serius sistem hidup Islam yang berpijak pada kenyataan dan menjauhkan diri dari situasi yang lucu ini.

(Pentafsiran ayat 30)

Mengapa Kaum Muslimin Diperintah Memerangi Kaum Ahlil-Kitab?

وَقَالَتِ ٱلْيَهُودُ عُزَيْرٌ ٱبْنُ ٱللَّهِ وَقَالَتِ ٱلنَّصَٰرَى ٱلْمَسِيحُ ٱبْنُ ٱللَّهِ ۖ ذَٰلِكَ قَوْلُهُم بِأَفْوَٰهِهِمْ ۖ يُضَٰهِـُٔونَ قَوْلَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِن قَبْلُ ۚ قَٰتَلَهُمُ ٱللَّهُ ۚ أَنَّىٰ يُؤْفَكُونَ ﴿٣٠﴾

"Dan orang-orang Yahudi telah berkata: 'Uzayr itu putera Allah, dan orang Nasara pula telah berkata: Al-Masih itu putera Allah. Itulah perkataan mereka yang diucapkan dengan mulut mereka. Mereka meniru perkataan orang-orang kafir sebelum ini. Allah binasakan mereka! Bagaimana mereka boleh dipesongkan begitu?"(30)

Apabila Allah memerintah kaum Muslimin memerangi kaum Ahlil-Kitab sehingga mereka sanggup membayar jizyah dengan patuh, maka sebenarnya di sana terdapat situasi-situasi di dalam

realiti masyarakat Islam di Madinah - yang telah kami perkatakannya di dalam kata pengantar surah ini dan kata pengantar bahagian pertama darinya yang memerlukan penerangan untuk menguatkan perintah itu dan menjelaskan sebab-sebab dan faktor-faktor yang mempastikan perintah itu, juga memerlukan penerangan untuk menghapuskan kekeliruan dan halangan-halangan yang berkecamuk di dalam hati setengah-setengah orang Islam terhadap perintah itu, terutama keta'atan kepada perintah ini memerlukan kepada kesanggupan berperang melawan bala tentera Roman yang berada di perbatasan-perbatasan negeri Syam, sedangkan kekuatan orang-orang Roman itu digeruni oleh orang-orang Arab sebelum Islam. Mereka menguasai kawasan utara Semenanjung Tanah Arab dalam masa yang lama. Mereka mempunyai penyokong-penyokong dari suku-suku Arab dan sebuah kerajaan yang tunduk kepada pengaruh mereka, iaitu kerajaan Ghasasinah. Sebenarnya peperangan ini bukanlah peperangan pertama yang diceburi kaum Muslimin melawan bangsa Roman, setelah Allah memuliakan bangsa Arab dengan agama Islam dan menjadikan mereka satu umat yang berupaya menentang kerajaan Roman dan kerajaan Parsi, sedangkan dulunya mereka hanya merupakan suku-suku yang tidak pernah sanggup berfikir untuk berperang dengan kerajaan Roman, dan Parsi. Mereka hanya terkenal berani berperang sesama sendiri sahaja, berani melakukan serangan-serangan membalas dendam, merompak dan menyamun. Perasaan gerun dan takut masih melekat di dalam hati mereka terutama di kalangan orang-orang yang belum lagi terterap dengan nilai-nilai Islam yang kuat. Peperangan Mu'tah selaku peperangan besar yang akhir yang tercetus di antara kaum Muslimin dengan kerajaan Roman tidak memberi kemenangan kepada kaum Muslimin. Di dalam peperangan ini kerajaan Roman di katakan telah mengemblengkan tenteranya dan tentera-tentera penyokong-penyokongnya dari orang-orang Arab yang beragama Kristian seramai dua ratus ribu orang.

Semua situasi ini, sama ada mengenai struktur masyarakat Islam pada masa itu atau mengenai kegerunan orang-orang Arab untuk berperang dengan orang-orang Roman dan ditokokkan pula dengan suasana peperangan itu sendiri yang digelarkan sebagai "peperangan kesulitan" kerana situasi-situasi yang menyelubunginya terutama kekeliruan mereka bahawa orang-orang Roman dan penyokong-penyokong mereka dari orang-orang Arab yang beragama Kristian adalah kaum Ahlil-Kitab, seluruh situasi ini memerlukan penerangan dan pernyataan yang kuat untuk menjelaskan kepastian melaksanakan perintah ini dan menghapuskan kekeliruan dan halangan-halangan psikologi, juga menjelaskan sebab-sebab dan faktor-faktor bagi kepastian melaksanakan perintah itu.

Kepercayaan Kaum Ahlil-Kitab Sama Dengan Kepercayaan Kaum Musyrikin

Di dalam ayat ini Al-Qur'an menjelaskan tentang kesesatan 'aqidah kaum Ahlil-Kitab, iaitu 'aqidah mereka sama dengan 'aqidah kaum Musyrikin Arab dan 'aqidah kaum paganis bangsa Roman purba kala dan lainnya. Mereka tidak berpegang teguh dengan 'aqidah yang betul yang dibawa oleh kitab-kitab suci mereka. Oleh itu gelaran mereka sebagai kaum Ahlil-Kitab tidak boleh dijadikan asas pertimbangan selama mereka menyalahi pokok i'tikad yang menjadi asas 'aqidah yang betul di dalam kitab-kitab suci mereka. Yang menarik perhatian kita di sini ialah ayat ini menyebut kaum Yahudi dan tanggapan mereka bahawa 'Uzayr itu putera Allah, sedangkan ayat-ayat ini membicarakan arahan dan persiapan untuk menghadapi angkatan tentera Roman dan sekutu-sekutunya dari orang-orang Arab yang beragama Kristian. Hal ini menurut hemat kami disebabkan kerana dua perkara:

Yang pertama: Oleh sebab nas ayat-ayat ini umum yang mengandungi perintah memerangi seluruh kaum Ahlil-Kitab sehingga mereka sanggup membayar jizyah dengan patuh. Justeru itu, maka ayat ini perlu menjelaskan pokok i'tikad yang menjadi landasan perintah yang umum sehubungan dengan kaum Ahlil-Kitab umumnya sama ada kaum Yahudi atau kaum Kristian.

Yang kedua: Oleh kerana kaum Yahudi telah berhijrah dari negeri Madinah kepada perbatasan-perbatasan negeri Syam setelah mereka terlibat di dalam peperangan yang pahit dengan Islam dan kaum Muslimin sejak kedatangan Rasulullah s.a.w. ke Madinah, dan peperangan itu telah berakhir dengan pengusiran Bani Qaynuqa' dan Bani al-Nadhir ke perbatasan-perbatasan negeri Syam bersama-sama orang-orang Yahudi dari Bani Qurayzah. Oleh sebab kaum Yahudi pada masa itu berada di jalan kemaraan angkatan Islam menuju perbatasan-perbatasan negeri Syam, maka perintah berperang dan penjelasan ayat ini perlulah diungkapkan secara umum yang merangkumi kaum Yahudi juga.

Tanggapan kaum Kristian "al-Masih putera Allah" itu merupakan tanggapan yang diketahui umum dan masyhur di mana-mana. Begitulah 'aqidah mereka hingga ke masa ini sejak ia diselewengkan oleh Pauls, kemudian penyelewengan itu disempurnakan pula oleh Majlis-majlis paderi sebagai-mana kami akan terangkan nanti. Adapun tanggapan "Uzayr putera Allah" bukanlah satu tanggapan yang masyhur dan terkenal pada hari ini. Di dalam kitab-kitab suci Yahudi yang masih wujud hingga sekarang terdapat satu sifr (bab) yang dijodolkan dengan nama 'Uzara iaitu 'Uzayr. Di dalam sifr ini Uzayr disifatkan sebagai seorang penulis kitab Taurat yang mahir, yang membulatkan hatinya untuk mencari syari'at Tuhan, tetapi cerita tanggapan kaum Yahudi yang diceritakan di dalam Al-Qur'an itu merupakan bukti yang kuat

yang menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya, sebahagian kaum Yahudi terutama kaum Yahudi Madinah berpegang dengan tanggapan itu dan terkenal di kalangan mereka. Al-Qur'an menghadapi kaum Yahudi dan kaum Kristian secara realistik, jika apa yang diceritakan oleh Al-Qur'an itu tidak wujud di kalangan mereka sudah tentu cerita ini menjadi alasan bagi mereka untuk mendustakan segala apa yang diceritakan oleh Rasulullah s.a.w. dan sudah tentu kaum Yahudi tidak akan diam dari mempergunakan alasan ini dalam skop yang seluas-luasnya.

Al-Marhum Syeikh Rasyid Ridha telah membentangkan di dalam tafsir al-Manar (mukasurat 378-385) juzu' yang kesepuluh satu saringan yang amat berguna mengenai kedudukan 'Uzara di sisi kaum Yahudi. Di samping itu beliau juga membuat alasan yang baik dan di sini kami petikkan beberapa perenggan yang berguna kepada kami untuk menjelaskan hakikat pegangan kaum Yahudi secara ringkas. Ujar beliau:

"Mengikut Ensaiklopedia Yahudi (cetakan 1903), zaman 'Uzara merupakan sejarah musim bunga agama Yahudi, di mana bunga-bunganya berkembang harum. 'Uzara layak digelarkan sebagai penyiar syari'at jika syari'at itu tidak dibawa oleh Musa (at-Talmud 21). Syari'at itu telah dilupai kaum Yahudi lalu dihidupkan kembali oleh 'Uzara. Jika tidak kerana dosa-dosa Bani Israel sudah tentu mereka dapat melihat mu'jizat-mu'jizat yang di lihat di zaman Musa. Ensaiklopedia Yahudi menyebut bahawa 'Uzara menulis syari'at dengan huruf Assyrian dan dia meletak alamat di atas kalimat-kalimat yang diraguinya, juga menyebut bahawa permulaan sejarah Yahudi dirujukkan kepada zamannya.

"Ujar doktor George Post di dalam Kamus Kitab Suci: 'Uzara ('Aun) adalah seorang kahin Yahudi dan penulis yang terkenal, tinggal di Babil pada masa Artahsyaththa yang bijak dan di dalam tahun yang ketujuh dari zaman pemerintahan-nya baginda membenarkan 'Uzara mengambil sebilangan ramai bangsa Yahudi untuk dibawa ke Jerusalem kira-kira tahun 457 sebelum Masihi ('Uzara muka surah 7), lama masa perjalanannya ialah empat bulan.

"Kemudian beliau berkata lagi: Dalam tradisi bangsa Yahudi 'Uzara diletakkan pada kedudukan yang sama dengan kedudukan Musa dan Ilia. Mereka berkata Uzaralah yang mengasaskan Majlis Perhimpunan Agung dan mengumpulkan sifr-sifr kitab suci Taurat. Dia telah memasukkan huruf-huruf Kaldani sebagai ganti huruf-huruf 'Ibrani tua dan dialah yang menyusun sifr-sifr 'Hari-Hari', "Uzara'- dan 'Nahmiya'.

"Kemudian beliau berkata: Bahasa sifr 'Uzara' dari muka surat 4: 6 - 8 : 19 adalah bahasa Kaldani begitu juga muka surat 7 : 1 - 27, dan bangsa Yahudi selepas mereka kembali dari tawanan dapat memahami bahasa Kaldani lebih banyak dari bahasa 'Ibrani."

"Aku Berkata: Yang masyhur di sisi ahli-ahli sejarah bangsa-bangsa termasuk kaum Ahlil-Kitab bahawa kitab Taurat yang ditulis oleh Musa a.s. dan diletakkannya di dalam Peti Perjanjian atau disimpannya telah hilang sebelum zaman Sulaiman a.s., kerana itu apabila peti itu dibuka di zamannya, maka tidak ada yang didapati selain dari dua luh yang mencatatkan rukun sepuluh [20] sebagaimana engkau melihatnya di dalam sifr al-Muluk yang pertama. Dan 'Uzara inilah yang menulis kitab Taurat dan lainnya selepas peristiwa Bani Israel ditawan dengan menggunakan huruf Kaldani dan bahasa Kaldani yang bercampur dengan sisa-sisa bahasa Ibrani yang kebanyakannya telah dilupai oleh orang-orang Yahudi. Kata kaum Ahlil-Kitab Uzara telah menulis kitab Taurat mengikut sebagaimana yang di wahyu atau dengan ilham dari Allah. Inilah perkara yang tidak diterima oleh orang yang lain dari kaum Ahlil-Kitab dan ia menerima berbagai-bagai bangkangan yang disebut di dalam buku-buku yang khusus membicarakan perkara ini sehingga buku-buku karangan mereka sendiri seperti buku 'Perbendaharaan Hati' yang dikarang oleh Katholik yang berasal dari bangsa Perancis. Dia telah memperuntukkan dua bab, iaitu bab yang kesebelas dan yang keduabelas untuk menyebut setengah-setengah bantahan mengenai sifr-sifr yang lima bagi Nabi Musa. Di antara bantahan itu ialah kata beliau:

"Tersebut dalam sifr 'Uzara (4p 14 bilangan 21) bahawa sifr-sifr yang suci itu telah dibakar di zaman Maharaja Nebuchadnezzar yang bertitah: 'Api telah menghapuskan syari'at engkau dan tiada jalan bagi seseorang untuk mengetahui apa yang engkau buat',[21] keterangan ini ditambahkan pula dengan keterangan bahawa 'Uzara telah menulis semula sifr-sifr yang suci yang telah dimusnahkan api itu dengan wahyu dari roh al-Qudus. Pendapat ini disokong oleh lima orang penulis yang sezaman. Oleh sebab itu kita melihat Tharthulianus, Saint Irene, Saint Jerome, Saint John Keemasan, Saint Bacilius dan lain-lain menggelarkan 'Uzara, sebagai pembaik pulih kitab-kitab suci yang terkenal di sisi kaum Yahudi".

Hingga kepada perkataannya:

"Kami merasa cukup dengan kenyataan ini di sini dan dalam kenyataan ini kami mempunyai dua tujuan: (pertama) seluruh kaum Ahlil-Kitab terhutang budi kepada 'Uzara mengenai pegangan agama mereka dan asal kitab-kitab suci yang ada pada mereka, (kedua) pegangan agama ini lemah, dilupai dan tidak

---

[20] *Peristiwa ini telah dicatatkan di dalam Al-Qur'an (al-Baqarah: 248) "Sesungguhnya tanda ia (Talut) wajar menjadi raja ialah kembalinya peti itu kepada kamu, di dalamnya terdapat ketenteraman dari kamu dan sisa-sisa dari peninggalan keluarga Musa dan keluarga Harun dan peti itu dibawa oleh malaikat."*

[21] *Kita berkata keterangan Al-Qur'an lebih benar, kerana Al-Qur'an menjelaskannya bahawa di sana masih terdapat sisa-sisa kitab suci itu.*

kukuh. Inilah hasil kajian yang disahkan oleh para ilmuan Eropah yang bebas.[22] Mengikut biografi 'Uzara di dalam, Ensiklopedia Britannica selepas menyebut kandungan sifrnya dan sifr Nahmia dari hasil penulisannya mengenai syari'at, di sana terdapat riwayat-riwayat yang lain yang terkemudian darinya yang menyebut bahawa 'Uzara bukan sahaja mengembalikan kepada mereka kitab syari'at yang terbakar, malah mengembalikan semua kitab-kitab suci di dalam bahasa 'Ibrani yang telah rosak, di samping mengembalikan tujuh puluh buah kitab yang bukan undang-undang (Abu Kurayf), kemudian ujar penulis biografi ini: Sekiranya lagenda yang khusus mengenai 'Uzara itu telah ditulis oleh para ahli sejarah dari hasil kajian mereka sendiri tanpa bersandar kepada sebuah buku yang lain, maka penulis-penulis di zaman ini melihat bahawa lagenda 'Uzara itu telah dipalsukan oleh periwayat-periwayat itu. (Lihat muka surat 14 juzu' 9 dari cetakan yang keempat belas tahun 1929).

"Pendekkata, kaum Yahudi sejak dahulu hingga sekarang masih memandang 'Uzara sebagai seorang yang suci hingga setengah-setengah mereka menggelarkannya sebagai anak Allah dan kita tidak mengetahui sama ada gelaran anak Allah itu merupakan gelaran yang bertujuan memuliakan 'Uzara sebagaimana gelaran yang diberikan mereka kepada Israel, Daud dan lainnya atau gelaran itu dimaksudkan dengan pengertian oleh ahlil falsafah mereka (Philon), yang akan datang sebentar lagi, iaitu pengertian yang hampir sama dengan falsafah paganisme Hindu yang berasal dari 'aqidah orang Kristian.[23] Para pentafsir sepakat bahawa menyandarkan pendapat ini kepada kaum Yahudi adalah dimaksudkan sebahagian dari mereka bukannya seluruhnya mereka.

..... "Adapun orang-orang yang mengatakan 'Uzara itu putera Allah adalah dari kaum Yahudi, iaitu sebahagian dari kaum Yahudi Madinah, iaitu orang-orang Yahudi yang diceritakan Allah:

وَقَالَتِ ٱلْيَهُودُ يَدُ ٱللَّهِ مَغْلُولَةٌ غُلَّتْ أَيْدِيهِمْ

"Orang-orang Yahudi berkata: Tangan Allah terbelenggu, sebenar tangan merekalah yang terbelenggu."

(Surah al-Ma'idah: 64)

لَّقَدْ سَمِعَ ٱللَّهُ قَوْلَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّ ٱللَّهَ فَقِيرٌ وَنَحْنُ أَغْنِيَآءُ

"Sesungguhnya Allah telah mendengar perkataan orang-orang yang berkata bahawa Allah itu faqir dan kamilah orang-orang yang kaya."

(Surah Aali 'Imran: 181)

mereka berkata begitu sebagai jawapan kepada firman Allah:

مَّن ذَا ٱلَّذِى يُقْرِضُ ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا

"Siapakah yang sanggup memberi pinjaman yang baik kepada Allah?"

(Surah al-Baqarah: 245)

dan mungkin juga kata-kata 'Uzayr anak Allah itu telah didahului oleh kaum Yahudi yang lain dari kaum Yahudi di Madinah, tetapi tidak dinukilkan kepada kita.

"Ibn Ishaq, Ibn Jarir, Ibn Abi Hattam, Abusy-Syeikh dan Ibn Mardawayh telah meriwayatkan dari Ibn Abbas r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. telah dikunjungi oleh Salam ibn Masykam, Nu'man ibn Aufa, Abu Anas, Syas ibn Qays dan Malik ibn as-Sayf, lalu mereka berkata: Bagaimana kami hendak mengikut anda, sedangkan anda telah meninggalkan kiblat kami dan anda tidak menganggapkan 'Uzara sebagai putera Allah? ... hingga akhir

"Di antara perkara yang umum diketahui ialah setengah-setengah kaum Kristian yang mengatakan al-Masih itu putera Allah adalah dari kaum Yahudi sendiri. Philon seorang ahli falsafah Yahudi dari Iskandariyah yang hidup sezaman dengan al-Masih telah berkata: Allah mempunyai anak, iaitu kalimat-Nya yang dengannya Dia menciptakan segala sesuatu. Berdasarkan pengertian ini tidaklah jauh bahawa setengah-setengah kaum Yahudi yang terdahulu dari

---

[22] *Dalam tafsir Fi Zilal ini kami berkewajipan mengingatkan tentang pengertian kata-kata (para ilmiawan Eropah yang bebas) mengikut sekolah as-Syeikh Muhammad Abduh dan para murid-muridnya kerana pada umumnya sekolah itu terpengaruh kepada method berfikir dan idea-idea Barat yang asing kepada pemikiran Islam yang bersih. Keterpengaruhan inilah yang mendorong sekolah ini memandang penulis-penulis Eropah yang menentang gereja sebagai penulis-penulis yang bebas, begitu juga penulis-penulis yang menulis tentang demokrasi dan kebebasan ala Barat. Sekolah ini juga memandang baik kepada undang-undang dan peraturan Eropah dan menyeru kaum muslimin supaya mengambil apa yang dinamakannya sebagai (fikiran-fikiran, undang-undang dan peraturan yang baik dari Eropah) kerana keterpengaruhan itu. Inilah tempat gelincir yang merbahaya yang disukai Lord Cromer dan pemuka-pemuka kristian yang lain. Perkara ini memerlukan pandangan yang lebih mendalam dan luas di samping memerlukan kepada kebebasan dan sikap berdikari dengan sistem hidup Islam.*

[23] *Kami berpendapat bahawa perkara ini tidak seharusnya diragu-ragukan lagi, kerana Al-Qur'an sendiri menyarankan bahawa perkataan kaum Yahudi "'Uzayr putera Allah" adalah sama dengan perkataan kaum Kristian "al-Masih putera Allah", kedua-duanya sama dengan pengertian yang dimaksudkan oleh orang-orang kafir sebelum ini. Iaitu menyandarkan sifat anak kepada Allah yang mengeluarkan seseorang yang mengatakannya dari agama yang benar dan memasukkannya ke dalam golongan orang-orang kafir dan orang-orang musyrik.*

zaman kebangkitan Muhammad telah mengatakan bahawa 'Uzayr itu anak Allah dengan pengertian ini".

Dari keterangan ini ternyatalah tujuan di sebalik penceritaan Al-Qur'an tentang perkataan kaum Yahudi yang mendakwa 'Uzayr sebagai anak Allah dalam konteks ayat ini, iaitu ia bertujuan menjelaskan hakikat kerosakan i'tikad yang dipegang oleh sebahagian kaum Ahlil-Kitab, iaitu penyelewengan i'tikad yang tidak sesuai dengan mereka yang mengaku beriman kepada Allah atau mengaku berpegang dengan agama yang benar. Inilah sifat asasi yang dikenakan hukuman perang walaupun peperangan ini bukannya bertujuan untuk memaksa mereka menganut Islam, malah bertujuan untuk menghancurkan kekuatan mereka menentang Islam dan menundukkan mereka di bawah ke-kuasaan Islam supaya manusia bebas dari pengaruh tekanan-tekanan yang menyekat kemahuan mereka untuk memilih agama yang benar tanpa paksaan dari sana dan sini.

Adapun dakwaan kaum Kristian bahawa "al-Masih anak Allah" dan Allah ialah yang ketiga dari tiga, maka ia merupakan suatu kepercayaan yang lumrah dan masyhur, yang dipegang oleh semua mazhab agama Kristian sejak Paul mengubahkan agama al-Masih yang berlandaskan tauhid seperti agama-agama samawi yang lain, kemudian penyelewengan itu disempurnakan pula oleh Majlis-majlis paderi yang suci yang telah memusnahkan gagasan tauhid secara habis-habisan.

'Aqidah Triniti Kristian

Sekali lagi kami berpada dengan hanya menukilkan satu saringan yang baik mengenai 'aqidah Kristian dari tafsir al-Manar oleh al-Syeikh Muhammad Rasyid Redha. Ia disebut di bawah judul "Triniti":

"Triniti merupakan istilah yang digunakan oleh kaum Kristian untuk membuktikan kewujudan tiga uqnum pada ketuhanan (اللاهوت) yang dikenali sebagai bapa, sang anak dan roh al-Qudus. Pengajaran ini adalah dari pengajaran-pengajaran gereja Katolik, gereja Timur dan keseluruhan mazhab Protestant kecuali yang jarang. Orang-orang yang berpegang dengan pengajaran ini percaya bahawa ia selaras dan tepat dengan nas-nas kitab suci. Para ahli ilmu ketuhanan Kristian menambahkan berbagai-bagai ulasan dan keterangan yang diambil dari pengajaran Majlis-majlis paderi yang lama dan dari karangan ketua-ketua gereja-gereja yang besar. Pengajaran-pengajaran itu membahaskan cara kelahiran uqnum yang kedua dan kelahiran uqnum yang ketiga dan nisbah hubungan di antara tiga uqnum itu, sifat yang membezakan mereka dan gelaran-gelaran mereka. Walaupun kata-kata triniti itu sendiri tidak terdapat di dalam kitab suci, dan tidak ada satu nas pun yang dapat diambil dari perjanjian lama yang menerangkan pengajaran triniti itu, pengarang-pengarang Kristian di zaman dahulu telah menetap berbagai-bagai ayat yang menunjukkan adanya gambaran uniti pada ketuhanan, tetapi oleh kerana ayat-ayat itu boleh ditafsirkan dengan berbagai-bagai pentafsiran, maka ayat-ayat itu tidak dapat ditampilkan sebagai satu bukti yang muktamad terhadap pengajaran triniti, malah hanya dapat ditampilkan sebagai rumusan kepada wahyu yang jelas dan terang yang dipercayai mereka tersebut di dalam perjanjian baru. Di sana terdapat dua kumpulan ayat-ayat yang besar yang diambil dari perjanjian baru sebagai hujah-hujah untuk mengithbatkan pengajaran ini. Kumpulan pertama ialah ayat-ayat yang menyebut bapa, anak dan roh al-Qudus serentak bersama. Kumpulan kedua ialah ayat-ayat yang menyebut tiga uqnum itu secara berasingan, iaitu ayat yang mengandungi sejenis sifat-sifat mereka yang paling khusus dan nisbah uqnum-uqnum itu terhadap satu sama lain.

"Perdebatan mengenai uqnum-uqnum pada ketuhanan (اللاهوت) adalah bermula di zaman kerasulan (apostolic) dan sebahagian besarnya terbentuk dari pengajaran-pengajaran ahli-ahli falsafah Greek tua (Hellenistic) dan Gnosticisme kerana Theophilus paderi besar Antakiyah dalam abad yang kedua telah menggunakan kata-kata 'trias' dari bahasa Greek dan orang yang pertama menggunakan kata-kata trinitas yang seerti dengan trias dan triniti ialah Tartelianus. Di masa-masa sebelum Majlis paderi Nicaea, perdebatan telah berlaku secara berterusan mengenai pengajaran triniti ini terutama di Timur dan pihak gereja telah menghukumkan kebanyakan fikiran itu sebagai sesat dan bid'ah dan di antaranya termasuk pendapat puak Abyuni yang mengi'tiqadkan al-Masih itu sebagai manusia tulen dan puak Sabili yang mengi'tikadkan sang bapa, sang anak dan roh al-Qudus sebagai imej-imej yang berlainan, yang dengannya Allah mengiklankan dirinya kepada manusia, juga puak Aryusi yang mengi'tikadkan bahawa sang anak itu tidak bersifat azali seperti sang bapa, malah ia adalah ciptaan sang bapa sebelum alam buana ini, oleh sebab itu ia kurang dari sang bapa dan tunduk kepadanya, juga puak Makduni yang menolak roh al-Qudus sebagai satu uqnum.

"Berhubung dengan pengajaran gereja, maka ia telah ditetapkan oleh Majlis Paderi Nicaea pada tahun 325 Masihi dan oleh Majlis Paderi Constantinople pada tahun 381 Masihi. Kedua-dua Majlis Paderi itu telah memutuskan bahawa sang anak dan roh al-Qudus sama dengan sang bapa dalam keesaan ketuhanan dan sang anak telah dilahirkan sejak azali lagi dari sang bapa dan roh al-Qudus terpancar dari sang bapa. Sementara Majlis Paderi Toledo, yang bersidang dalam tahun 589, telah memutuskan bahawa roh al-Qudus adalah terpancar dari sang anak juga. Semua tambahan ini telah di terima dan dipegang oleh seluruh gereja Latin, tetapi pihak gereja Greek, walaupun pada awalnya diam tidak menentang, namun kemudiannya telah menegakkan hujah untuk mengubahkan undang-undang itu dan menganggapkannya sebagai bid'ah.

"Ungkapan (terpancar dari sang anak juga) itu terus menjadi salah satu dari halangan-halangan besar yang

menyekat persatuan di antara gereja Greek dan gereja Katolik. Buku-buku yang ditulis oleh pengikut Luther dan gereja-gereja reformis telah menerima pengajaran Katolik mengenai 'aqidah triniti mengikut sebagaimana yang ada tanpa sebarang perubahan, tetapi sejak abad yang ketiga belas 'aqidah itu telah ditentang oleh sebilangan besar ahli-ahli ilmu ketuhanan dan berbagai-bagai puak yang baru seperti puak Susiniani, puak Germani, puak penganut tauhid dan puak orang ramai dan lain-lain. Mereka mengira 'aqidah triniti ini bertentangan dengan kitab suci dan akal. Swedtiragh menamakan triniti itu kepada uqnum al-Masih yang di tanda dengan triniti, tetapi bukan triniti uqnum-uqnum, malah triniti satu uqnum. Dengan keterangan ini di faham bahawa yang bersifat ketuhanan di dalam tabi'at al-Masih ialah sang bapa, dan ketuhanan yang bersatu dengan manusia al-Masih ialah sang anak, dan ketuhanan yang terpancar darinya ialah roh al-Qudus. Perkembangan mazhab aqliyah yang tersebar luas di gereja-gereja Luther dan gereja-gereja reformis telah melemahkan kepercayaan triniti pada satu ketika di kalangan ramai ahli-ahli ilmu ketuhanan German.

"Mengikut Kant, sang bapa, sang anak dan roh al-Qudus hanya menunjukkan tiga sifat asasi pada ketuhanan, iaitu sifat qudrat, sifat kebijaksanaan dan sifat kasih, atau menunjukkan tiga tindakan tertinggi iaitu mencipta, memelihara dan mengawal. Hegen dan Schelling masing-masing berusaha untuk mewujudkan asas imaginasi bagi pengajaran triniti. Usaha keduanya telah diikuti oleh ahli-ahli ilmu ketuhanan German yang mutakhir. Mereka berusaha mempertahankan pengajaran triniti dengan cara-cara yang berlandaskan imaginasi dan ilmu ketuhanan. Setengah-setengah ahli ilmu ketuhanan yang berpegang kepada wahyu tidak berpegang dengan pengajaran yang mengatakan fikiran gereja itu adalah betul belaka sebagaimana yang telah diputuskan oleh Majlis Paderi Nicaea dan Majlis Paderi Constantinople yang universal. Di masa mutakhir terdapat ramai pembela-pembela yang menyokong pendapat-pendapat puak Sabili khususnya".

Dari keterangan ringkas yang berguna ini ternyatalah bahawa semua puak dan mazhab-mazhab Kristian yang berasaskan gereja tidak berpegang dengan agama yang benar yang berlandaskan i'tikad mentauhidkan Allah, yang tiada tolok bandingnya dan tiada siapa pun yang terpancar darinya!

Seringkali puak Aryusi menyifatkan diri mereka sebagai penganut-penganut tauhid. Kata-kata itu sangat mengelirukan, kerana puak Aryusi sebenarnya tidak menganut fahaman tauhid yang di faham dari agama Allah yang benar, malah mereka hanya mencampuraduk. Apabila mereka membuat pengakuan bahawa al-Masih tidak bersifat azali seperti Allah - ini memang benar - maka dalam masa yang sama juga mereka membuat pengakuan bahawa al-Masih itu anak Tuhan dan ia diciptakan dari sang bapa sebelum dijadikan alam buana ini. Kepercayaan yang seperti ini tidak sedikit pun dikira sebagai kepercayaan tauhid yang haqiqi!

Allah telah menghukumkan dengan hukuman kafir yang terus terang ke atas mereka yang mengatakan al-Masih itu putera Allah, dan ke atas mereka yang mengatakan al-Masih itu Allah, juga ke atas mereka yang mengatakan Allah itu yang ketiga dari tiga uqnum. Sifat kekafiran dan sifat keimanan tidak berkumpul dalam satu 'aqidah dan tidak pula di dalam satu hati kerana kedua-duanya dua perkara yang berlainan.

Ulasan Al-Qur'an atas perkataan kaum Yahudi: ... "'Uzayr putera Allah", dan atas perkataan kaum Kristian: Al-Masih putera Allah", membuktikan bahawa perkataan mereka adalah sama dengan perkataan, kepercayaan dan tanggapan-tanggapan orang-orang kafir yang terdahulu dari mereka:

"Itulah perkataan mereka yang diucapkan dengan mulut mereka. Mereka meniru perkataan orang-orang kafir sebelum ini."(30)

Ayat ini membuktikan bahawa perkataan ini adalah keluar dari mereka sendiri dan bukannya perkataan yang dihubungkan kepada mereka. Oleh sebab itulah ayat ini menyebut "dengan mulut mereka" untuk memberi gambaran yang fizikal dan realistik mengikut cara penggambaran Al-Qur'an, kerana ia dapat di faham bahawa perkataan mereka adalah diucapkan oleh mulut mereka sendiri. Jadi, kata-kata "dengan mulut mereka" itu bukanlah kata-kata tambahan yang tidak bermakna. Maha Suci Allah dari mengeluarkan perkataan yang tidak bermakna. Kata-kata itu bukannya kata-kata lebihan yang tidak perlu, malah itulah cara pengungkapan Al-Qur'an melukiskan gambaran, iaitu ia menghadirkan gambaran "perkataan" itu dan mengubahkannya kepada gambaran yang realistik seolah-olah gambaran kata-kata itu boleh didengar dan boleh di lihat. Selain dari itu kata-kata itu menyampaikan satu pengertian penjelasan yang lain di samping mengilhamkan dan menampilkan gambaran itu, iaitu perkataan ini tidak mempunyai hakikat di alam kenyataan, malah ia semata-mata perkataan yang diucapkan mulut mereka, sedangkan di sebaliknya tidak ada maudhu' dan hakikat.

Kemudian tibalah pula kita di suatu sudut yang lain dari i'jaz Al-Qur'an yang membuktikan sumber Rabbaninya, iaitu firman Allah:

يُضَٰهِـُٔونَ قَوْلَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِن قَبْلُ

"Mereka meniru perkataan orang-orang kafir sebelum ini."(30)

Dahulu para Mufassirin mengatakan tentang ayat ini bahawa maksud ayat ini ialah perkataan kaum Ahlil-Kitab bahawa 'Uzayr dan al-Masih itu putera Allah adalah sama dengan perkataan kaum Musyrikin Arab yang mendakwa malaikat sebagai anak Allah. Ini memang betul, tetapi tujuan nas Al-Qur'an ini lebih jauh dari itu lagi. Dan maksud yang lebih jauh itu belum lagi jelas kecuali baru-baru ini sahaja, iaitu setelah dikaji 'aqidah-'aqidah paganisme di India, Mesir tua dan Greek. Kajian itu mendedahkan asal punca 'aqidah-'aqidah kaum Ahlil-Kitab yang menyeleweng dan sesat terutama kaum Kristian, dan menunjukkan bagaimana 'aqidah-'aqidah paganisme itu menyerap masuk mula-mula ke dalam ajaran Paul, kemudian akhirnya menyerap ke dalam ajaran-ajaran Majlis-majlis Paderi.

Kepercayaan triniti Mesir yang terdiri dari Uzuris (Osiris), Isis dan huris merupakan asas paganisme Fir'aun, di mana Uzuris mewakili (sang bapa) dan Huris mewakili (sang anak) di dalam triniti ini.

Tersebut di dalam ilmu ketuhanan Iskandariyah yang dipelajari sekian banyak tahun sebelum al-Masih bahawa "kalimat" merupakan tuhan yang kedua dan ia juga digelar sebagai "putera Allah yang sulung".

Orang-orang Hindu juga mempercayai 'aqidah tiga uqnum atau tiga situasi penjelmaan tuhan-tuhan iaitu "Brahma" dalam situasi penciptaan "Visnu" dalam situasi pemeliharaan dan penjagaan dan "Siva" dalam situasi pembinasaan dan permusnahan. Di dalam 'aqidah ini, 'Visnu" merupakan "sang anak" yang terpancar dan berubah dari ketuhanan di dalam Brahma.

Orang-orang Assiria beriman kepada kalimat dan mereka namakannya (Mardukh) dan mereka beri'tikad bahawa Mardukh ialah putera Allah yang sulung.

Orang-orang Greek juga mempercayai tuhan yang mempunyai tiga uqnum dan apabila kahin-kahin mereka mula menampilkan persembahan-persembahan, maka mereka merenjis tempat persembahan itu dengan air suci sebanyak tiga kali dan mereka mengambil dupa dari pendupaannya dengan tiga jari dan merenjis para hadirin di sekitar tempat persembahan itu dengan air suci sebanyak tiga kali sebagai isyarat kepada 'aqidah triniti. Inilah upacara-upacara ibadat yang diambil oleh gereja dengan segala kepercayaan paganisme yang ada di sebaliknya dan mencantumkannya dengan kepercayaan Kristian yang menyerupai perkataan orang-orang kafir sebelum ini.

Kajian 'aqidah-'aqidah paganisme tua yang tidak diketahui umum semasa turunnya Al-Qur'an bersama nas Al-Qur'an yang menerangkan "bahawa mereka meniru perkataan orang kafir sebelum ini di samping membuktikan bahawa kaum Ahlil-Kitab tidak berpegang dengan agama yang benar dan tidak beriman kepada Allah dengan keimanan yang benar, juga membuktikan salah satu dari sudut i'jaz Al-Qur'anul-Karim yang menunjukkan sumbernya dari Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Pakar.

Selepas penerangan dan penjelasan ini, maka ayat yang menjelaskan hakikat kekafiran dan kesyirikan kaum Ahlil-Kitab di akhiri dengan firman Allah Taala:

قَـٰتَلَهُمُ ٱللَّهُ ۚ أَنَّىٰ يُؤْفَكُونَ ﴿٣٠﴾

"Allah binasakan mereka, bagaimana mereka boleh dipesongkan begitu?"(30)

Ya, Allah binasakan mereka bagaimana mereka boleh dipalingkan dari kebenaran yang jelas dan ringkas itu kepada kepercayaan paganisme yang rumit dan kabur dan tidak betul di sisi insan yang berakal dan berhati nurani?

* * * * * *

Kemudian rangkaian ayat-ayat yang berikut berpindah ke satu lembaran yang lain dari lembaran-lembaran penyelewengan kaum Ahlil-Kitab yang dapat di lihat pada kali ini bukan sahaja di dalam perkataan dan i'tikad mereka, malah dapat di lihat dalam realiti hidup mereka yang berlandaskan i'tikad yang rosak itu:

(Diiringi Jilid Yang Kelima)

JUZU' KE-10

SURAH AT-TAUBAH

SAMBUNGAN SURAH AT-TAUBAH

(Pentafsiran ayat 31)

اتَّخَذُوا أَحْبَارَهُمْ وَرُهْبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَالْمَسِيحَ ابْنَ مَرْيَمَ وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا إِلَٰهًا وَاحِدًا ۖ لَا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۚ سُبْحَانَهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٣١﴾

"Mereka telah mengambil orang-orang alim dan rahib-rahib mereka sebagai tuhan-tuhan selain Allah dan begitulah juga mereka lakukan terhadap al-Masih putera Maryam, sedangkan mereka tidak disuruh melainkan supaya mereka menyembah Tuhan yang satu. Tiada Tuhan kecuali Dia. Maha Suci Allah dari segala apa yang dipersekutukan mereka."(31)

Di dalam ayat ini terdapat kesinambungan arah pembicaraan ayat-ayat di bahagian ini dari surah ini, iaitu pembicaraan untuk menghapuskan kekeliruan bahawa mereka adalah kaum Ahlil-Kitab dan kerana itu mereka adalah orang-orang yang berpegang dengan agama Allah. Oleh sebab itu ayat ini menjelaskan bahawa mereka tidak lagi berpegang dengan agama Allah berdasarkan pengakuan dari realiti hidup mereka selepas pengakuan dari i'tiqad mereka. Mereka telah diperintah supaya menyembah Allah yang Maha Esa sahaja, tetapi mereka mengambil ulama'-ulama' dan rahib-rahib mereka sebagai tuhan-tuhan selain Allah sebagaimana mereka mengambil al-Masih sebagai tuhan. Ini adalah perbuatan syirik mereka terhadap Allah, dan Maha Suci Allah dari syirik mereka. Di sini jelaslah bahawa mereka tidak beriman kepada Allah dari segi i'tiqad dan kefahaman, begitu juga mereka tidak berpegang dengan agama yang benar dari segi realiti dan amalan.

Makna Mempertuhankan Rahib Dan Ulama'

Sebelum kami jelaskan bagaimana mereka mengambil ulama'-ulama' dan rahib-rahib mereka sebagai tuhan-tuhan selain Allah, kami ingin mengemukakan riwayat-riwayat yang sahih yang mengandungi pentafsiran Rasulullah s.a.w. mengenai ayat ini.

Kata-kata "أحبار" adalah kata-kata jama' bagi kata-kata "حبر" dengan "ح" baris di atas atau baris di bawah yang bererti orang-orang alim dari kaum Ahlil-Kitab dan kata-kata ini banyak dipakai kepada ulama'-ulama' kaum Yahudi. Kata-kata "الرهبان" adalah kata-kata jama' bagi kata-kata "راهب". Kata-kata ini dipakai dalam kalangan-kalangan kaum Kristian kepada mereka yang menumpukan hidup mereka kepada beramal ibadat kepada Allah dan biasanya mereka tidak berkahwin dan tidak berusaha mencari kehidupan.

Tersebut di dalam kitab "الدّرّ المنثور" ...... at-Tirmizi telah meriwayatkan satu riwayat yang disifatkannya sebagai hadith Hasan. Dan mereka yang turut sama meriwayatkan hadith ini ialah Ibn al-Munzir, Ibn Abu Hatim, Abusy-Syeikh, Ibn Mardawayh dan al-Bayhaqi di dalam sunannya dan orang-orang yang lain dari mereka dari 'Adi ibn Hatim r.a. katanya: Saya datang menemui Nabi s.a.w. ketika beliau sedang membaca Al-Qur'an Surah Bara'ah:

اتَّخَذُوا أَحْبَارَهُمْ وَرُهْبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ

"Mereka telah mengambil orang-orang alim dan rahib-rahib mereka sebagai tuhan-tuhan selain Allah"

Lalu beliau bersabda: "Walaupun mereka tidak pernah menyembah orang-orang alim dan rahib-rahib tetapi apabila orang-orang alim dan rahib-rahib menghalalkan sesuatu kepada mereka nescaya mereka menghalalkannya dan apabila mereka mengharamkan sesuatu nescaya mereka mengharamkannya."

Tersebut dalam tafsir Ibn Kathir: Imam Ahmad, at-Tirmizi dan Ibn Jarir telah meriwayat hadith tersebut dari berbagai-bagai saluran dari 'Adi ibn Hatim r.a. katanya: Apabila da'wah Rasulullah s.a.w. sampai kepadanya ia terus lari ke negeri Syam. Dia telah menganut agama Kristian dalam masa jahiliyah. Tiba-tiba saudara perempuannya bersama sekumpulan kaumnya telah ditawan oleh kaum Muslimin. Kemudian Rasulullah s.a.w. membebaskan saudara perempuannya dan Allah memberi hidayat kepadanya. Lalu ia pulang mendapatkan saudaranya 'Adi dan memberangsangkannya supaya memeluk Islam dan pergi menemui Rasulullah s.a.w. Lalu 'Adi datang ke Madinah. Dia adalah ketua kaum Ta'y dan bapanya Hatim al-Ta'y seorang dermawan yang termasyhur murah hati. Kedatangannya telah menjadi buah mulut orang ramai. Dia masuk menemui Rasulullah s.a.w. dengan memakai kalung salib di lehernya yang diperbuat dari perak. Ketika itu beliau sedang membaca ayat:

اتَّخَذُوا أَحْبَارَهُمْ وَرُهْبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ

"Mereka telah mengambil orang-orang alim dan rahib-rahib mereka sebagai tuhan-tuhan selain Allah."

(Kata 'Adi) lalu aku berkata: "Mereka tidak pernah menyembah rahib-rahib mereka". Jawab Rasulullah: "Itu benar, tetapi mereka telah mengharamkan perkara yang halal dan menghalalkan perkara yang haram kepada mereka, lalu mereka ikut rahib-rahib mereka, itulah makna mereka menyembah mereka......"

Ujar as-Suddi: Mereka meminta nasihat dari tokoh-tokoh agama mereka dan mencampakkan kitab Allah di belakang mereka. Oleh sebab itu Allah berfirman:

وَمَآ أُمِرُوٓاْ إِلَّا لِيَعۡبُدُوٓاْ إِلَٰهٗا وَٰحِدٗا

"Mereka tidak disuruh melainkan supaya mereka menyembah Tuhan yang satu."

Iaitu Tuhan yang apabila Ia mengharamkan sesuatu, maka itulah yang haram dan apabila Ia menghalalkan sesuatu, maka itulah yang halal dan apa yang disyari'atkan olehnya dipatuhi dan apa yang diputuskan olehnya dilaksanakan.

Ujar al-Alusi dalam tafsirnya: "Kebanyakan Mufassirin berpendapat: Yang dimaksudkan dengan tuhan-tuhan dalam ayat ini bukannya mereka mempercayai ulama'-ulama' dan rahib-rahib itu sebagai tuhan-tuhan alam ini, malahan maksudnya mereka patuh menjunjung suruhan-suruhan dan larangan-larangan mereka."

Bertolak dari nas Al-Qur'an yang jelas dan dari pentafsiran Rasulullah s.a.w. sendiri yang merupakan kata pemutus, juga berlandaskan kefahaman-kefahaman para Mufassirin angkatan pertama dan angkatan muta'akhir, maka jelaslah kepada kita hakikat-hakikat 'aqidah dan agama yang amat penting, yang kami sentuhkannya di sini dengan seringkas mungkin:

- Erti penyembahan atau ibadat ialah mengikut undang-undang dan peraturan. Pengertian ini berdasarkan nas Al-Qur'an dan pentafsiran Rasulullah s.a.w. sendiri. Kaum Yahudi dan kaum Kristian tidak mengambil ulama'-ulama' dan rahib-rahib mereka sebagai tuhan-tuhan dengan erti kata mereka mengi'tiqadkan ketuhanan mereka atau melakukan upacara-upacara ibadat kepada mereka. Walaupun begitu, perbuatan mereka telah dihukumkan Allah sebagai syirik di dalam ayat ini dan sebagai kufur di dalam ayat selanjutnya semata-mata kerana mereka telah menerima undang-undang dan peraturan yang dibuat oleh ulama'-ulama' dan rahib-rahib itu dan mengikutinya dengan patuh. Ini sahaja – tanpa i'tiqad dan tanpa melakukan upacara ibadat – sudah cukup untuk menganggapkan orang yang melakukan perbuatan ini sebagai seorang yang mempersekutukan Allah, iaitu perbuatan syirik yang mengeluarkannya dari barisan para Mu'minin dan memasukkannya ke dalam barisan para Kafirin.

- Nas Al-Qur'an menyamakan perbuatan syirik dan perbuatan mengambil tuhan-tuhan selain Allah di antara kaum Yahudi yang menerima dan menta'ati undang-undang dan peraturan yang dibuat oleh ulama'-ulama' mereka dengan kaum Kristian yang mengi'tiqadkan ketuhanan al-Masih dan melakukan upacara-upacara ibadat kepadanya. Kedua-dua perbuatan ini adalah sama sahaja, di mana orang yang melakukannya dianggap sebagai musyrik terhadap Allah, dan mengeluarkannya dari barisan Mu'minin dan memasukkannya ke dalam barisan para Kafirin.

- Perbuatan syirik terhadap Allah terlaksana dengan tindakan memberi kuasa perundangan kepada yang lain dari Allah walaupun tidak disertai dengan syirik i'tiqad yang mempercayainya sebagai tuhan atau tidak disertai dengan perbuatan melakukan upacara ibadat kepadanya sebagaimana telah dijelaskan dalam perenggan yang lepas. Di sini kami ingin menambahkannya supaya lebih jelas lagi.

Hakikat-hakikat ini – walaupun pada awalnya disebut dalam rangkaian ayat-ayat ini dengan tujuan untuk menghadapi situasi-situasi yang wujud di dalam masyarakat Islam pada masa itu iaitu situasi keraguan dan kebimbangan untuk berperang dengan orang-orang Roman, juga untuk menjelaskan kekeliruan bahawa orang-orang Yahudi dan Kristian adalah beriman kepada Allah kerana mereka kaum Ahlil-Kitab – maka hakikat-hakikat ini juga merupakan hakikat-hakikat umum yang berguna kepada kita untuk menentukan "hakikat agama" yang umum.[1]

Agama yang benar, yang satu-satunya diterimai Allah ialah agama Islam. Allah tidak menerima dari seluruh manusia satu agama yang lain dari Islam. Agama Islam tidak direalisasi kecuali dengan menjunjung syari'at Allah sahaja selepas mengi'tiqadkan ketuhanan-Nya sahaja dan melakukan upacara-upacara ibadat kepada-Nya sahaja. Apabila manusia mengikut syari'at yang lain dari syari'at Allah, maka berlakulah kepada mereka hukuman yang berlaku kepada kaum Yahudi dan kaum Kristian, iaitu hukuman bahawa mereka adalah kaum Musyrikin yang tidak beriman kepada Allah walaupun mereka mendakwa beriman kepada Allah, kerana sifat musyrik ini terpalit pada mereka sebaik sahaja mereka mengikut dan mematuhi undang-undang dan peraturan ciptaan manusia yang lain dari undang-undang ciptaan Allah tanpa sebarang bantahan dari mereka yang menunjukkan bahawa mereka mengikut undang-undang itu kerana paksaan yang dikenakan ke atas mereka dan tidak dapat ditolak oleh mereka dan menunjukkan bahawa mereka tidak redha melanggar syari'at Allah.

Istilah "agama" telah menjadi kabur dalam hati manusia pada masa ini sehingga mereka mengira agama itu hanya sebagai 'aqidah yang tersemat di dalam hati dan sebagai upacara-upacara ibadat yang dikerjakan mereka sahaja. Inilah tanggapan orang-orang Yahudi yang telah dihukum oleh nas yang kukuh ini dan oleh

---

[1] *Perenggan-perenggan yang ditebalkan huruf-hurufnya selepas ini membuktikan bahawa asy-Syahid Sayyid Qutb tidak pernah mensyirik atau mengkafirkan masyarakat-masyarakat Islam yang memakai undang-undang yang lain dari syari'at Allah secara mutlak dan sewenang-wenang sebagaimana yang mahu ditonjolkan oleh musuh-musuh aliran pemikiran Islamiyyah beliau dan pembaca-pembaca tulisan beliau yang tidak teliti, malah dalam perenggan-perenggan ini beliau mengaitkan pengalaman undang-undang asing yang salah itu dengan kerelaan hati kaum Muslimin tanpa sebarang bantahan dari mereka yang menunjukkan bahawa mereka mengikut undang-undang itu kerana paksaan yang dikenakan ke atas mereka dan tidak dapat ditolak oleh mereka dan menunjukkan bahawa mereka tidak redha melanggar syari'at Allah. (Penterjemah).*

pentafsiran Rasulullah s.a.w. bahawa mereka bukannya orang-orang yang beriman kepada Allah, malah mereka telah mempersekutukan Allah dan melanggar perintah-Nya yang menyuruh mereka supaya menyembah Tuhan Yang Maha Esa sahaja, malah mereka telah disifatkan Allah sebagai orang-orang yang mengambil ulama'-ulama' mereka sebagai tuhan-tuhan selain Allah.

Pengertian pertama agama ialah keta'atan, iaitu kepatuhan dan menjunjung perintah dan keta'atan ini dapat di lihat pada amalan mengikut dan menjunjung syari'at Allah di samping dapat di lihat pada amalan melakukan syi'ar-syi'ar ibadat kepada Allah, hakikat ini adalah serius, ia tidak menerima sikap yang goyah yang masih menganggap orang-orang yang mengikut syari'at-syari'at yang bukan dari ciptaan Allah – tanpa sebarang bantahan yang menunjukkan bahawa mereka tidak rela melanggar syari'at Allah – sebagai orang-orang yang beriman kepada Allah dan sebagai orang-orang Muslimin semata-mata dengan alasan kerana mereka mengi'tiqadkan Uluhiyah Allah Ta'ala dan melakukan syi'ar-syi'ar ibadat kepada Allah. Sikap yang goyah ini merupakan gejala yang paling merbahaya yang dialami oleh agama Islam di zaman ini. Ia merupakan senjata yang paling ampuh yang digunakan oleh musuh-musuh Islam untuk memeranginya. Mereka begitu gemar menggunakan label Islam ke atas establishment-establishment dan tokoh-tokoh tertentu, sedangkan Allah menghukumkan orang-orang yang seperti mereka sebagai golongan Musyrikin yang tidak berpegang dengan agama yang benar dan sebagai orang-orang yang telah bertuhankan tuhan-tuhan yang lain dari Allah sekiranya musuh-musuh Islam begitu gemar menggunakan label Islam ke atas establishment-establishment dan tokoh-tokoh itu, maka kewajipan pembela-pembela agama ini ialah mencabutkan label yang palsu itu dan membongkarkan kesyirikan, kekafiran dan perbuatan bertuhankan tuhan-tuhan yang lain dari Allah yang tersorok di bawahnya.

وَمَآ أُمِرُوٓاْ إِلَّا لِيَعْبُدُوٓاْ إِلَٰهًا وَٰحِدًا ۖ لَّآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۚ سُبْحَٰنَهُۥ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٣١﴾

"Mereka tidak disuruh melainkan supaya mereka menyembah Tuhan yang satu. Tiada Tuhan kecuali Dia. Maha Suci Allah dari segala apa yang dipersekutukan mereka."(31)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 32 - 33)

Sikap Dan Keazaman Kaum Ahlil-Kitab Terhadap Islam

Kemudian rangkaian ayat-ayat yang berikut menapak selangkah lagi ke depan memberangsangkan para Mu'minin supaya mereka sanggup berperang:

يُرِيدُونَ أَن يُطْفِـُٔواْ نُورَ ٱللَّهِ بِأَفْوَٰهِهِمْ وَيَأْبَى ٱللَّهُ إِلَّآ أَن يُتِمَّ نُورَهُۥ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٣٢﴾ هُوَ ٱلَّذِىٓ أَرْسَلَ رَسُولَهُۥ بِٱلْهُدَىٰ وَدِينِ ٱلْحَقِّ لِيُظْهِرَهُۥ عَلَى ٱلدِّينِ كُلِّهِۦ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْمُشْرِكُونَ ﴿٣٣﴾

"Mereka mahu memadamkan nur Allah dengan mulut mereka, sedangkan Allah tidak menghendaki kecuali menyempurnakan pancaran nur-Nya walaupun tidak disukai oleh orang-orang kafir(32). Dialah yang telah mengutuskan Rasul-Nya membawa hidayat dan agama yang benar untuk ditonjolkannya mengatasi seluruh agama yang lain walaupun tidak disukai oleh orang-orang Musyrikin."(33)

Kaum Ahlil-Kitab tidak hanya sekadar berhenti di tahap penyelewengan dari agama yang benar, penyembahan tuhan-tuhan yang lain dari Allah dan ketidakimanan kepada Allah dan hari Akhirat mengikut konsep keimanan yang betul kepada Allah dan hari Akhirat, malah mereka mengisytiharkan perang terhadap agama yang benar. Mereka berhasrat untuk memadamkan nur Allah di muka bumi ini, iaitu nur yang wujud dalam agama ini dan di dalam da'wah yang memperjuangkannya di muka bumi ini, juga di dalam sistem hidup Islam yang mahu mencorakkan kehidupan manusia mengikut peraturannya.

يُرِيدُونَ أَن يُطْفِـُٔواْ نُورَ ٱللَّهِ بِأَفْوَٰهِهِمْ

"Mereka mahu memadamkan nur Allah dengan mulut mereka."

Maksudnya, mereka memerangi nur Allah sama ada dengan pembohongan-pembohongan, konspirasi-konspirasi dan fitnah-fitnah yang dihamburkan mereka atau dengan hasutan-hasutan yang memberangsangkan pengikut-pengikut dan kuncu-kuncu mereka supaya memerangi agama ini dan para penganutnya dan menghalangkan perkembangannya sebagaimana situasi yang dihadapi oleh ayat-ayat ini dan sebagaimana yang berlaku di sepanjang sejarah agama ini.

وَيَأْبَى ٱللَّهُ إِلَّآ أَن يُتِمَّ نُورَهُۥ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٣٢﴾

"Sedangkan Allah tidak menghendaki kecuali menyempurnakan pancaran nur-Nya walaupun tidak disukai oleh orang-orang kafir."(32)

Itulah janji yang benar dari Allah yang membuktikan keteguhan Sunnatullah yang tidak berganjak dan berubah dari ketetapan-Nya untuk menyempurnakan pancaran nur-Nya dengan menonjolkan agama-Nya walaupun tidak di sukai oleh orang-orang kafir.

Itulah janji yang mententeramkan hati para Mu'min dan mendorong mereka mara terus di jalan perjuangan yang penuh dengan kesulitan, tipu daya dan penentangan dari orang-orang kafir (yang dimaksudkan di sini ialah kaum Ahlil-Kitab yang disebut sebelum ini), dan janji ini juga mengandungi amaran dan peringatan kepada orang-orang kafir itu dan orang-orang yang seumpama mereka di sepanjang zaman.

Ayat yang berikut menguatkan lagi janji dan amaran itu:

هُوَ ٱلَّذِىٓ أَرْسَلَ رَسُولَهُۥ بِٱلْهُدَىٰ وَدِينِ ٱلْحَقِّ لِيُظْهِرَهُۥ عَلَى ٱلدِّينِ كُلِّهِۦ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْمُشْرِكُونَ ﴿٣٣﴾

"Dialah yang telah mengutuskan Rasul-Nya membawa hidayat dan agama yang benar untuk ditonjolkannya mengatasi seluruh agama yang lain walaupun tidak disukai oleh orang-orang Musyrikin."(33)

Dari ayat ini ternyata bahawa yang dimaksudkan dengan agama yang benar itu ialah agama yang telah disebut dalam firman Allah:

قَٰتِلُوا۟ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَلَا بِٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ وَلَا يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَلَا يَدِينُونَ دِينَ ٱلْحَقِّ مِنَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ حَتَّىٰ يُعْطُوا۟ ٱلْجِزْيَةَ عَن يَدٍ وَهُمْ صَٰغِرُونَ ﴿٢٩﴾

"Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak pula beriman kepada hari Akhirat dan mereka tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan Allah dan Rasul-Nya dan mereka tidak beragama dengan agama yang benar, iaitu orang-orang (Yahudi dan Nasara) yang dikurniakan kitab sehingga mereka sanggup membayar jizyah dengan patuh dan ta'at."(29)

Inilah agama yang dibawa oleh utusan Allah yang akhir dan mereka yang tidak berpegang dengan agama ini termasuk dalam golongan orang-orang yang diperintah supaya diperangi.

Tujuan ini adalah betul mengikut mana-mana asas pentafsiran kami terhadap ayat ini, kerana yang dimaksudkan dengan agama yang benar pada umumnya ialah keta'atan dan kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dalam bidang-bidang i'tiqad, syi'ar-syi'ar ibadat, undang-undang dan peraturan-peraturan. Inilah asas seluruh agama Allah. Itulah agama yang diwakili oleh agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. di zaman akhir ini. Oleh sebab itu mana-mana individu atau kaum yang tidak menta'ati dan mematuhi Allah Yang Maha Esa sahaja dalam urusan i'tiqad, syi'ar-syi'ar ibadat, undang-undang dan peraturan secara total akan terangkul dalam istilah orang-orang yang tidak berpegang dengan agama yang benar dan tergolong dalam maksud ayat yang mengisytiharkan perang terhadap mereka .... dengan syarat disesuaikan dengan tabi'at tatacara pergerakan Islam, peringkat-peringkat perkembangannya dan cara-caranya yang sentiasa berubah-ubah sebagaimana telah kami jelaskan berulang-ulang kali.

هُوَ ٱلَّذِىٓ أَرْسَلَ رَسُولَهُۥ بِٱلْهُدَىٰ وَدِينِ ٱلْحَقِّ لِيُظْهِرَهُۥ عَلَى ٱلدِّينِ كُلِّهِۦ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْمُشْرِكُونَ ﴿٣٣﴾

"Dialah Yang telah mengutuskan Rasul-Nya membawa hidayat dan agama yang benar untuk ditonjolkannya mengatasi seluruh agama yang lain walaupun tidak disukai oleh orang-orang Musyrikin."(33)

Ayat ini menguatkan janji Allah yang pertama:

وَيَأْبَى ٱللَّهُ إِلَّآ أَن يُتِمَّ نُورَهُۥ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٣٢﴾

"Sedangkan Allah tidak menghendaki kecuali menyempurnakan pancaran nur-Nya walaupun tidak di sukai orang-orang kafir"(32)

tetapi ia menguatkannya di dalam bentuk yang lebih jelas dan tepat lagi, kerana nur Allah yang hendak disempurnakan pancarannya itu ialah agama yang benar yang dibawa oleh Rasul-Nya yang akhir yang mahu ditonjolkannya supaya mengatasi seluruh agama yang lain.

Agama yang benar – sebagaimana yang telah kami jelaskan sebelum ini – ialah kepatuhan dan keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dalam bidang-bidang i'tiqad, ibadat dan perundangan yang terangkum semua sekali. Agama yang benar ini dapat dilihat pada setiap agama samawi yang dibawa oleh para rasul sebelum ini. Ia sudah tentu tidak termasuk agama-agama yang menyeleweng, sesat dan bercampuraduk dengan kepercayaan-kepercayaan karut paganisme sebagaimana yang dipegang oleh kaum Yahudi dan kaum Kristian pada hari ini. Begitu juga ia tidak termasuk sistem-sistem hidup ciptaan manusia dan establisment-establisment yang menggunakan label agama dan mewujudkan di bumi ini tuhan-tuhan yang lain dari Allah dalam bentuk mengikut dan menjunjung undang-undang dan peraturan yang tidak diturunkan Allah.

Allah S.W.T. telah menegaskan bahawa Dia telah mengutuskan Rasul-Nya membawa hidayat dan agama yang benar untuk ditonjolkannya sebagai satu-satunya agama yang mengatasi segala agama yang lain, dan justeru itu kita harus memahami "agama" dengan pengertiannya yang luas yang telah kami jelaskan sebelum ini supaya kita memahami dimensi-dimensi janji Allah ini.

Agama ialah "kepatuhan dan keta'atan" dan dalam takrif ini termasuk setiap sistem hidup, setiap aliran pemikiran dan peraturan yang diikuti dan dipatuhi oleh manusia.

Allah S.W.T. telah mengumumkan keputusan-Nya untuk menonjolkan agama yang benar yang dibawa oleh Rasul-Nya mengatasi seluruh agama yang lain dengan pengertiannya yang syumul dan umum ini.

Keta'atan dan kepatuhan hanya tertentu kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan penonjolan (yang dijanjikan Allah itu) hanya untuk sistem hidup yang memusatkan kepatuhan dan keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja.

Penonjolan dan dominasi agama yang benar ini telah direalisasikan di tangan Rasulullah s.a.w., para khalifahnya dan tokoh-tokoh yang datang selepas mereka dalam masa yang begitu lama, di mana agama yang benar mempunyai kedudukan yang lebih menonjol dan dominan, sedangkan agama-agama yang lain yang tidak menumpukan keta'atan dan kepatuhan kepada Allah berada dalam keadaan ketakutan dan goyah. Kemudian pendokong-pendokong agama yang benar ini mulai menjauhkan diri darinya selangkah demi selangkah akibat faktor-faktor yang mempengaruhi struktur masyarakat-masyarakat Islam dari satu aspek dan akibat peperangan yang berlarutan yang dilancarkan dengan berbagai-bagai cara dan taktik oleh musuh-musuhnya yang terdiri dari kaum paganisme dan kaum Ahlil-Kitab.

Walau bagaimanapun, ini bukannya perjalanan yang terakhir... janji Allah tetap terbuka menunggu kelompok Muslimin yang sanggup mengibarkan benderanya dan mara ke hadapan dari titik tolak yang dimulakan oleh langkah-langkah Rasulullah s.a.w. yang mendokong agama yang benar dan bergerak dengan nur Allah...

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 34 - 35)

Kemudian ayat-ayat yang berikut menghayunkan langkahnya yang terakhir di dalam bahagian itu di surah ini. Ia menggambarkan bagaimana kaum Ahlil-Kitab tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan Allah dan Rasul-Nya setelah mengisyaratkan kepada hakikat ini dalam firman-Nya:

ٱتَّخَذُوٓا۟ أَحْبَارَهُمْ وَرُهْبَٰنَهُمْ أَرْبَابًا مِّن دُونِ ٱللَّهِ

"Mereka telah mengambil orang-orang alim dan rahib-rahib mereka sebagai tuhan-tuhan selain Allah...."(31)

Dan ayat ini telah ditafsirkan oleh Rasulullah s.a.w. bahawa perkara ini berlaku disebabkan ulama'-ulama' mereka telah menghalalkan perkara yang haram dan mengharamkan perkara yang halal lalu diikuti oleh mereka. Oleh sebab itu Allah menyatakan bahawa mereka tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan Allah, malah mereka mengharamkan apa yang telah diharamkan kepada mereka oleh para ulama' dan para rahib mereka.

Ayat yang berikut menghayunkan langkah terakhir untuk menerangkan hakikat ini yang ditujukan kepada orang-orang yang beriman. Di dalam ayat ini ia menjelaskan kepada mereka hakikat kaum Ahlil-Kitab:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِنَّ كَثِيرًا مِّنَ ٱلْأَحْبَارِ وَٱلرُّهْبَانِ لَيَأْكُلُونَ أَمْوَٰلَ ٱلنَّاسِ بِٱلْبَٰطِلِ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ ۗ وَٱلَّذِينَ يَكْنِزُونَ ٱلذَّهَبَ وَٱلْفِضَّةَ وَلَا يُنفِقُونَهَا فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ فَبَشِّرْهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٤﴾

يَوْمَ يُحْمَىٰ عَلَيْهَا فِى نَارِ جَهَنَّمَ فَتُكْوَىٰ بِهَا جِبَاهُهُمْ وَجُنُوبُهُمْ وَظُهُورُهُمْ ۖ هَٰذَا مَا كَنَزْتُمْ لِأَنفُسِكُمْ فَذُوقُوا۟ مَا كُنتُمْ تَكْنِزُونَ ﴿٣٥﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya sebilangan besar dari orang-orang alim dan rahib-rahib makan harta orang ramai dengan cara yang tidak betul dan mereka menghalangi orang lain dari jalan Allah. Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak menginfaqkannya di jalan Allah, maka sampaikan berita gembira bahawa mereka akan mendapat 'azab yang amat pedih(34). Pada hari emas dan perak itu dipanaskan di dalam api Neraka Jahannam, lalu dengannya dibakarkan dahi, lambung dan belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka: Inilah harta kekayaan yang kamu simpan untuk diri kamu, oleh itu rasakanlah sekarang harta kekayaan yang disimpan kamu itu."(35)

Pendedahan Tembelang Para Ulama' Dan Para Rahib

Di dalam ayat yang pertama ia menjelaskan peranan yang dimainkan oleh para ulama' dan para rahib yang telah dijadikan kaum Ahlil-Kitab sebagai tuhan-tuhan selain dari Allah. Mereka telah mengikuti dengan patuh segala peraturan mu'amalah dan ibadat yang diperundangkan oleh ulama'-ulama' dan rahib-rahib mereka. Di sini para ulama' dan rahib telah meletakkan diri mereka sebagai tuhan-tuhan, dan kaum mereka juga telah menjadikan mereka sebagai tuhan-tuhan yang dipatuhi dan diikuti. Mereka telah memakan harta orang ramai secara haram dan menghalangkan mereka dari agama Allah dengan peraturan-peraturan yang telah diperundangkan mereka.

Perbuatan mereka memakan harta orang ramai secara haram itu berlaku di dalam berbagai bentuk dan masih terus berlaku sehingga hari ini.

Di antaranya ialah wang bayaran yang diambil oleh mereka kerana mengeluarkan fatwa yang menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal untuk kepentingan mereka yang berharta dan berkuasa. Di antaranya lagi ialah wang bayaran yang diambil oleh paderi-paderi kerana menerima pengakuan bersalah dan kerana keampunan mereka terhadap kesalahan-kesalahan itu mengikut kuasa yang diberikan kepada gereja mengikut dakwaan mereka. Di antaranya pula ialah wang riba yang merupakan pintu harta haram yang paling luas dan paling keji di samping berbagai-bagai harta haram yang lain.

Begitu juga harta yang dipungut dari orang ramai untuk memerangi agama yang benar. Para rahib, para paderi, ketua-ketua paderi dan para pope telah mengumpul ratusan juta di dalam Peperangan-peperangan Salib dan sehingga sekarang mereka masih mengumpul dana-dana untuk gerakan mengembang agama Kristian dan kajian-kajian hal ehwal timur (oriental studies) dengan tujuan untuk menghalangkan manusia dari agama Allah.

Kita harus memerhatikan kehalusan ungkapan Al-Qur'an dan keadilan Ilahi di dalam firman Allah yang berikut:

إِنَّ كَثِيرًا مِّنَ الْأَحْبَارِ وَالرُّهْبَانِ

"Sesungguhnya sebilangan besar dari orang-orang alim dan rahib-rahib."

Ungkapan ini bertujuan mengelakkan hukuman dari golongan kecil yang tidak melakukan kesalahan ini. Di dalam mana-mana kelompok manusia tentu sahaja terdapat individu-individu yang masih ada sisa-sisa kebaikan pada mereka, dan Allah Tuhanmu tidak menzalimi sesiapa pun.

Kebanyakan ulama' dan para rahib menyimpan harta yang dimakan mereka secara haram. Sejarah kaum Ahlil- Kitab telah menyaksi betapa banyaknya harta kekayaan yang jatuh ke tangan ahli-ahli agama kemudian mengalir ke gereja-gereja dan biara-biara. Mereka pernah dilalui satu zaman, di mana ulama'-ulama' dan paderi-paderi lebih kaya dari raja-raja dan empayar-empayar yang zalim.

Ayat di bawah ini menggambarkan keseksaan yang dialami mereka di negeri Akhirat kerana kesalahan menyimpan harta kekayaan, juga menggambarkan keazaman yang diwarisi setiap mereka yang menyimpan emas dan perak tanpa membelanjakannya ke jalan Allah. Ayat ini menggambarkan mereka dalam satu adegan dari adegan-adegan penggambaran yang hebat dan mengerikan:

وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٤﴾

"Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak menginfaqkan di jalan Allah, maka sampaikan berita gembira kepada mereka bahawa mereka akan mendapat 'azab yang amat pedih."(34)

"Pada hari emas dan perak itu dipanaskan di dalam api Neraka Jahannam, lalu dengannya dibakarkan dahi, lambung dan belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka:) inilah harta kekayaan yang kamu simpan untuk diri kamu, oleh itu rasakanlah sekarang harta kekayaan yang disimpan kamu itu."(35)

Adegan ini digambarkan dengan terperinci sebegini rupa. Ia dibentangkan dari langkah-langkah pertama hingga ke langkah-langkah yang akhir dengan tujuan untuk memanjangkan adegan itu di dalam imaginasi dan tanggapan. Pemanjangan ini memang dimaksudkan.

وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٤﴾

"Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak menginfaqkan di jalan Allah, maka sampaikan berita gembira kepada mereka bahawa mereka akan mendapat 'azab yang amat pedih."(34)

Setelah menceritakan 'azab itu secara ringkas dan kabur, ayat itu pun berhenti sejenak.

Kemudian ayat yang berikut mula memperincikan gambaran 'azab yang ringkas itu:

يَوْمَ يُحْمَىٰ عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ

"Pada hari emas dan perak itu dipanaskan di dalam api Neraka."

Para pendengar menunggu proses pemanasan itu! Kini emas dan perak itu telah dipanaskan hingga menjadi merah dan siap sedia untuk bertindak. Kini pelaksanaan 'azab yang amat pedih telah dimulakan, di mana dahi-dahi diselar dengan emas dan perak yang panas memerah, setelah itu lambung-lambung pula diselar, kemudian belakang-belakang pula turut diselar. Setelah selesai 'azab selaran ini, diikuti pula dengan 'azab penghinaan dan kecaman:

هَٰذَا مَا كَنَزْتُمْ لِأَنفُسِكُمْ

"Inilah harta kekayaan yang kamu simpan untuk diri kamu."

Harta yang kamu simpan itu memang menyeronokkan, kemudian ia berubah menjadi alat penyeksaan yang amat pedih.

فَذُوقُوا۟ مَا كُنتُمْ تَكْنِزُونَ ﴿٣٥﴾

"Oleh itu rasakanlah sekarang harta kekayaan yang disimpan kamu itu."(35)

Rasakanlah harta kekayaan itu sendiri dan selaran harta itulah yang dirasakan kamu menyelar lambung, belakang dan dahi kamu.

Itulah satu pemandangan yang ngeri dan menakutkan, yang dibentangkan dengan terperinci, panjang dan perlahan-perlahan.

Pemandangan itu pada mulanya dibentangkan untuk menggambarkan nasib kesudahan kebanyakan ulama' dan para rahib kaum Ahlil-Kitab kemudian untuk menggambarkan nasib kesudahan penyimpan-penyimpan emas dan perak yang tidak dibelanjakan di jalan Allah. Penjelasan ayat-ayat ini juga merupakan penjelasan muqaddimah bagi peperangan yang sulit di masa itu.

Di sini kita harus berhenti sebentar untuk membuat ulasan sejauh mana maksud pernyataan Rabbani ini yang memperkatakan tentang hakikat 'aqidah, agama, perangai dan perilaku kaum Ahlil-Kitab sebagai tambahan kepada keterangan-keterangan ringkas yang kami telah bentangkan di dalam perenggan-perenggan yang lepas.

Pernyataan yang dapat menghapuskan kekeliruan mengenai kedudukan kaum, Ahlil-Kitab bahawa mereka masih mempunyai suatu pegangan yang betul di dalam agama Allah adalah lebih mustahak dan lebih perlu dari pernyataan mengenai kedudukan kaum Musyrikin Arab yang terang-terangan mempersekutui Allah dan mengakui diri mereka sebagai kafir berlandaskan 'aqidah-'aqidah dan syi'ar-syi'ar ibadat mereka yang lahir. Pernyataan itu lebih perlu kerana hati kaum Muslimin tidak dapat mengadakan titik tolak yang sempurna untuk menghadapi jahiliyah kecuali setelah ia mengenali aspek jahiliyah dengan sempurna, sedangkan aspek jahiliyah itu begitu jelas terdedah dan terbuka kepada kaum Musyrikin Arab, tetapi tidak begitu jelas terbuka kepada kaum Ahlil-Kitab. (Mereka yang mendakwa bahawa kaum Ahlil-Kitab masih mempunyai suatu pegangan yang betul di dalam agama Allah adalah sama dengan kebanyakan orang-orang sekarang yang mendakwa diri mereka sebagai orang-orang Islam).

Titik tolak yang sempurna untuk menghadapi kaum Musyrikin memerlukan banyak pernyataan di dalam surah ini memandangkan situasi-situasi latar belakang yang telah kami jelaskan dalam muqaddimah surah ini dan dalam kata pengantar bahagian pertama ayat-ayat surah ini, di mana Allah menjelaskan kepada kaum Mu'minin:

كَيْفَ يَكُونُ لِلْمُشْرِكِينَ عَهْدٌ عِندَ ٱللَّهِ وَعِندَ رَسُولِهِۦٓ إِلَّا ٱلَّذِينَ عَـٰهَدتُّمْ عِندَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ ۖ فَمَا ٱسْتَقَـٰمُوا۟ لَكُمْ فَٱسْتَقِيمُوا۟ لَهُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٧﴾

كَيْفَ وَإِن يَظْهَرُوا۟ عَلَيْكُمْ لَا يَرْقُبُوا۟ فِيكُمْ إِلًّا وَلَا ذِمَّةً ۚ يُرْضُونَكُم بِأَفْوَٰهِهِمْ وَتَأْبَىٰ قُلُوبُهُمْ وَأَكْثَرُهُمْ فَـٰسِقُونَ ﴿٨﴾

ٱشْتَرَوْا۟ بِـَٔايَـٰتِ ٱللَّهِ ثَمَنًا قَلِيلًا فَصَدُّوا۟ عَن سَبِيلِهِۦٓ ۚ إِنَّهُمْ سَآءَ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٩﴾

لَا يَرْقُبُونَ فِى مُؤْمِنٍ إِلًّا وَلَا ذِمَّةً ۚ وَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُعْتَدُونَ ﴿١٠﴾

"Bagaimana mungkin orang-orang Musyrikin itu wajar mempunyai perjanjian yang diakui di sisi Allah dan Rasul-Nya, kecuali kaum Musyrikin yang kamu telah mengadakan perjanjian dengan mereka berhampiran Masjidil-Haram. Oleh itu selama mereka berlaku lurus terhadap kamu, maka hendaklah kamu berlaku lurus terhadap mereka. Sesungguhnya Allah menyayangi orang-orang yang bertaqwa(7). Bagaimana wajar begitu, sedangkan jika mereka memperolehi kemenangan terhadap kamu, mereka tidak memelihara hubungan kekerabatan dengan kamu dan tidak pula menghormati perjanjian. Mereka menyenangkan hati kamu dengan mulut mereka, sedangkan hati mereka menolak dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasiq(8). Mereka menukar ayat-ayat Allah dengan harga yang sedikit kemudian mereka menghalangi manusia dari jalan Allah. Sesungguhnya amat buruk sekali segala perbuatan yang dilakukan mereka(9). Mereka tidak memelihara hubungan kekerabatan dengan orang Mu'min dan tidak pula menghormati perjanjian dan mereka adalah golongan yang melampaui batas".(10).

أَلَا تُقَـٰتِلُونَ قَوْمًا نَّكَثُوٓا۟ أَيْمَـٰنَهُمْ وَهَمُّوا۟ بِإِخْرَاجِ ٱلرَّسُولِ وَهُم بَدَءُوكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ ۚ أَتَخْشَوْنَهُمْ ۚ فَٱللَّهُ أَحَقُّ أَن تَخْشَوْهُ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٣﴾

قَـٰتِلُوهُمْ يُعَذِّبْهُمُ ٱللَّهُ بِأَيْدِيكُمْ وَيُخْزِهِمْ وَيَنصُرْكُمْ عَلَيْهِمْ وَيَشْفِ صُدُورَ قَوْمٍ مُّؤْمِنِينَ ﴿١٤﴾

وَيُذْهِبْ غَيْظَ قُلُوبِهِمْ ۗ وَيَتُوبُ ٱللَّهُ عَلَىٰ مَن يَشَآءُ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١٥﴾

"Mengapa kamu tidak memerangi orang-orang yang telah mencabuli sumpah (perjanjian) mereka dan berazam untuk mengusir Rasulullah dan merekalah yang mula-mula

memerangi kamu? Apakah kamu takut kepada mereka, sedangkan Allah itulah yang lebih wajar kamu takuti-Nya jika kamu benar orang-orang yang beriman(13). Perangilah mereka nescaya Allah meng'azabkan mereka dengan perantaraan tangan kamu dan menghinakan mereka serta menolong kamu mengalahkan mereka dan menyembuhkan hati orang-orang yang beriman(14). Dan menghapuskan kemarahan hati mereka, dan Allah menerima taubat orang-orang yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(15)

مَا كَانَ لِلْمُشْرِكِينَ أَن يَعْمُرُوا مَسَاجِدَ اللَّهِ شَاهِدِينَ عَلَىٰ أَنفُسِهِم بِالْكُفْرِ ۚ أُولَٰئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ وَفِي النَّارِ هُمْ خَالِدُونَ ﴿١٧﴾

"Tidak sekali-kali wajar bagi kaum Musyrikin mengimarahkan masjid-masjid Allah, sedangkan mereka sendiri mengakui diri mereka kafir. Itulah orang-orang yang sia-sia amalan mereka dan mereka akan kekal di dalam api Neraka."(17)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا آبَاءَكُمْ وَإِخْوَانَكُمْ أَوْلِيَاءَ إِنِ اسْتَحَبُّوا الْكُفْرَ عَلَى الْإِيمَانِ ۚ وَمَن يَتَوَلَّهُم مِّنكُمْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٢٣﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil bapa-bapa dan saudara-saudara kamu sebagai sahabat-sahabat setia jika mereka mengutamakan kekufuran dari keimanan, dan sesiapa di antara kamu yang mengambil mereka sebagai sahabat-sahabat setia, maka merekalah orang-orang yang zalim."(23)

Dan lain-lain pernyataan....

Seandainya tindakan untuk memerangi kaum Musyrikin memerlukan semua kempen ini – sedangkan kedudukan mereka amat jelas – memandangkan situasi-situasi yang wujud dan melatari masyarakat Islam pada masa itu, maka tindakan untuk memerangi kaum Ahlil-Kitab memerlukan kempen-kempen yang lebih keras dan mendalam lagi, iaitu kempen yang bertujuan – pertamanya – untuk membuang label Ahlil-Kitab dari kaum Ahlil-Kitab yang tidak lagi mempunyai apa-apa hakikat di sebaliknya dan mendedahkan mereka kepada hakikat mereka yang sebenar, iaitu mereka adalah kaum Musyrikin yang sama seperti kaum Musyrikin Arab dan mereka adalah kaum Kafirin yang sama dengan kaum Kafirin yang lain. Mereka memerangi Allah dan agama-Nya yang benar sama seperti yang dilakukan oleh kaum Musyrikin dan Kafirin yang lain. Mereka adalah golongan insan yang sesat yang memakan harta orang ramai secara haram dan menghalangkan mereka dari jalan Allah sebagaimana yang dijelaskan dalam nas-nas yang tegas dan terus terang yang berikut:

قَاتِلُوا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا بِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَا يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَلَا يَدِينُونَ دِينَ الْحَقِّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حَتَّىٰ يُعْطُوا الْجِزْيَةَ عَن يَدٍ وَهُمْ صَاغِرُونَ ﴿٢٩﴾ وَقَالَتِ الْيَهُودُ عُزَيْرٌ ابْنُ اللَّهِ وَقَالَتِ النَّصَارَى الْمَسِيحُ ابْنُ اللَّهِ ۖ ذَٰلِكَ قَوْلُهُم بِأَفْوَاهِهِمْ ۖ يُضَاهِئُونَ قَوْلَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِن قَبْلُ ۚ قَاتَلَهُمُ اللَّهُ ۚ أَنَّىٰ يُؤْفَكُونَ ﴿٣٠﴾ اتَّخَذُوا أَحْبَارَهُمْ وَرُهْبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِّن دُونِ اللَّهِ وَالْمَسِيحَ ابْنَ مَرْيَمَ وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا إِلَٰهًا وَاحِدًا ۖ لَّا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۚ سُبْحَانَهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٣١﴾ يُرِيدُونَ أَن يُطْفِئُوا نُورَ اللَّهِ بِأَفْوَاهِهِمْ وَيَأْبَى اللَّهُ إِلَّا أَن يُتِمَّ نُورَهُ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ ﴿٣٢﴾ هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ ﴿٣٣﴾ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّ كَثِيرًا مِّنَ الْأَحْبَارِ وَالرُّهْبَانِ لَيَأْكُلُونَ أَمْوَالَ النَّاسِ بِالْبَاطِلِ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ ۗ وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٤﴾

"Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak pula beriman kepada hari Akhirat dan mereka tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan Allah dan Rasul-Nya dan mereka tidak beragama dengan agama yang benar, iaitu orang-orang (Yahudi dan Nasara) yang dikurniakan kitab sehingga mereka sanggup membayar jizyah dengan patuh dan ta'at(29). Dan orang-orang Yahudi telah berkata: Uzayr itu putera Allah, dan orang Nasara pula

telah berkata: Al-Masih itu putera Allah. Itulah perkataan mereka yang diucapkan dengan mulut mereka. Mereka meniru perkataan orang-orang kafir sebelum ini. Allah binasakan mereka! Bagaimana mereka boleh dipesongkan begitu?(30). Mereka telah mengambil orang-orang alim dan rahib-rahib mereka sebagai tuhan-tuhan selain Allah dan begitulah juga mereka lakukan terhadap al-Masih putera Maryam, sedangkan mereka tidak disuruh melainkan supaya mereka menyembah Tuhan yang satu. Tiada Tuhan kecuali Dia. Maha Suci Allah dari segala apa yang dipersekutukan mereka(31). Mereka mahu memadamkan nur Allah dengan mulut mereka, sedangkan Allah tidak menghendaki kecuali menyempurnakan pancaran nur-Nya walaupun tidak disukai oleh orang-orang kafir(32). Dialah yang telah mengutuskan Rasul-Nya membawa hidayat dan agama yang benar untuk ditonjolkannya mengatasi seluruh agama yang lain walaupun tidak di sukai oleh orang-orang Musyrikin(33). Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya sebilangan besar dari orang-orang alim dan rahib-rahib makan harta orang ramai dengan cara yang tidak betul dan mereka menghalangi orang lain dari jalan Allah. Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak menginfaqkannya di jalan Allah, maka sampaikan berita gembira bahawa mereka akan mendapat 'azab yang amat pedih."(34)

Pernyataan-pernyataan itu ditambahkan pula dengan pernyataan-pernyataan Al-Qur'an yang tegas di dalam surah-surah Makkiyah dan Madaniyah mengenai hakikat kedudukan kaum Ahlil-Kitab yang berakhir dengan kesudahan menjadi kaum Musyrikin dan Kafirin yang keluar dari agama Allah yang dibawa oleh para anbiya' mereka sebelum ini, lebih-lebih lagi sikap yang telah diambil mereka terhadap agama Allah yang terakhir, yang mana dengan sikap dan pendirian ini mereka akan ditentukan sama ada kafir atau beriman.

Sebelum ini kaum Ahlil-Kitab telah dicabar bahawa mereka tidak sedikit pun berpegang dengan agama Allah dalam firman-Nya yang berikut:

قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ لَسْتُمْ عَلَىٰ شَىْءٍ حَتَّىٰ تُقِيمُوا۟ ٱلتَّوْرَىٰةَ وَٱلْإِنجِيلَ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْكُم مِّن رَّبِّكُمْ ۗ وَلَيَزِيدَنَّ كَثِيرًا مِّنْهُم مَّآ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ طُغْيَٰنًا وَكُفْرًا ۖ فَلَا تَأْسَ عَلَى ٱلْقَوْمِ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٦٨﴾

"Katakanlah: Wahai kaum Ahlil-Kitab! Kamu tidak berpegang dengan agama sedikit pun sehingga kamu menegakkan ajaran Taurat dan Injil dan kitab yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu (Al-Qur'an). Sesungguhnya kitab yang diturunkan kepadamu (Muhammad) itu menyebabkan ramai dari mereka bertambah melampaui dan kufur. Kerana itu janganlah engkau bersedih terhadap golongan manusia yang kafir itu.

(Surah al-Ma'idah: 68)

Begitu juga sebelum ini mereka telah disifatkan sebagai orang-orang yang kafir dan mereka telah digabungkan dengan kaum Musyrikin dalam sifat kekafiran ini sama ada mereka kaum Yahudi atau kaum Kristian atau mereka terangkul dalam sifat "kaum Ahlil-Kitab" di dalam firman Allah yang berikut:

وَقَالَتِ ٱلْيَهُودُ يَدُ ٱللَّهِ مَغْلُولَةٌ ۚ غُلَّتْ أَيْدِيهِمْ وَلُعِنُوا۟ بِمَا قَالُوا۟ ۘ بَلْ يَدَاهُ مَبْسُوطَتَانِ يُنفِقُ كَيْفَ يَشَآءُ ۚ وَلَيَزِيدَنَّ كَثِيرًا مِّنْهُم مَّآ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ طُغْيَٰنًا وَكُفْرًا ۚ

"Kaum Yahudi berkata: Tangan Allah terbelenggu (bakhil), tangan merekalah yang terbelenggu. Dan merekalah yang ditimpa la'nat dengan sebab kata-kata yang diucapkan mereka malah sebenarnya tangan Allah sentiasa terbuka (murah). Dia membelanjakannya mengikut bagaimana yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya kitab yang diturunkan kepadamu (Muhammad) dari Tuhanmu menyebabkan ramai dari mereka bertambah melampaui dan kufur."

(Surah al-Ma'idah: 64)

لَقَدْ كَفَرَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْمَسِيحُ ٱبْنُ مَرْيَمَ ۖ

"Sesungguhnya telah kafirlah mereka yang berkata bahawa Allah itu ialah al-Masih putera Maryam."(72)

لَّقَدْ كَفَرَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّ ٱللَّهَ ثَالِثُ ثَلَٰثَةٍ ۘ

"Sesungguhnya telah kafirlah mereka yang berkata bahawa Allah itu ialah yang ketiga dari tiga uqnum."(73)

(Surah al-Ma'idah)

لَمْ يَكُنِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ وَٱلْمُشْرِكِينَ مُنفَكِّينَ حَتَّىٰ تَأْتِيَهُمُ ٱلْبَيِّنَةُ ﴿١﴾

"Orang-orang yang kafir dari golongan Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin tidak akan terlepas (dari kepercayaan-kepercayaan agama mereka yang menyeleweng itu) sehingga datang kepada mereka bukti yang jelas."

(Surah al-Bayyinah: 1)

Selain dari ayat-ayat ini terdapat banyak lagi ayat-ayat yang kami telah bentangkan setengah-setengahnya sebelum ini. Al-Qur'anul-Karim sama ada yang diturunkan di Makkah atau di Madinah adalah penuh dengan pernyataan-pernyataan yang seperti ini.

Makna Hak Istimewa Yang Diberikan Kepada Kaum Ahlil-Kitab

Seandainya hukum-hukum Al-Qur'an telah memberi beberapa hak istimewa kepada kaum Ahlil-Kitab yang tidak diberi kepada kaum Musyrikin seperti menghalalkan makanan mereka kepada orang-orang Islam, mengharuskan orang Islam berkahwin dengan perempuan-perempuan mereka yang baik (muhsanat), maka keistimewaan itu bukanlah berlandaskan kerana mereka mempunyai sesuatu pegangan yang betul dari agama Allah yang benar, malah mereka diberi pertimbangan kerana pada dasarnya mereka mempunyai agama dan kitab suci,

walaupun mereka tidak menegakkan ajarannya. Oleh sebab itu mereka boleh diadili dengan agama dan kitab suci asal mereka yang didakwa dipegang oleh mereka. Di sinilah perbezaan kedudukan kaum Ahlil-Kitab dari kaum Musyrikin yang paganis yang tidak mempunyai kitab suci, kerana mereka tidak mempunyai sesuatu asal yang dapat dirujukkan mereka kepadanya dan dihukumkan mereka dengannya. Adapun pernyataan-pernyataan Al-Qur'an mengenai hakikat 'aqidah dan agama yang dipegang oleh kaum Ahlil-Kitab, maka pernyataan-pernyataan itu amat terang dan tegas menjelaskan bahawa mereka tidak mempunyai apa-apa pegangan yang betul di dalam agama Allah setelah mereka meninggalkan kitab-kitab suci dan agama mereka dan mengambil agama dari kefahaman-kefahaman yang diciptakan oleh ulama'-ulama', rahib-rahib, Majlis-majlis Perhimpunan para paderi dan gereja-gereja mereka dan pernyataan Allah itu merupakan kata pemutus dalam persoalan ini.

Yang penting sekarang ialah menonjolkan maksud pernyataan Rabbani ini tentang hakikat 'aqidah dan agama yang dipegang oleh kaum Ahlil-Kitab....

Label "Ahlil-Kitab" yang mengeliru dan tidak mempunyai sebarang hakikat di sebalik itu telah menghalangkan titik tolak Islam yang sempurna untuk menentang jahiliyah. Oleh sebab itu pastilah dihapuskan label Ahlil-Kitab itu dan menelanjanginya dari pengertiannya yang mengeliru dan mendedahkan hakikat mereka yang sebenar. Di samping itu kami tidak mengabai situasi-situasi yang wujud dan melatari masyarakat Islam pada masa itu sebagaimana kami telah jelaskan sebelum ini sama ada situasi-situasi yang mengenai struktur organik masyarakat Islam di waktu itu atau mengenai situasi-situasi peperangan itu sendiri yang berlaku di musim panas dan dalam keadaan-keadaan yang penuh dengan kesulitan dan kesukaran, juga mengenai perasaan takut dan bimbang untuk berperang dengan tentera Roman, kerana orang-orang Arab sebelum Islam memang tersemat di dalam hati mereka perasaan memandang hebat dan takut kepada bangsa Roman, tetapi yang lebih mendalam dari itu lagi ialah perasaan keraguan yang sedang berkecamuk di dalam hati kaum Muslimin apabila mereka diperintah memerangi kaum Ahlil-Kitab secara total, sedangkan mereka kaum Ahlil-Kitab.

Penggunaan Label Islam Untuk Menentang Islam

Musuh-musuh Islam yang mengawasi pergerakan-pergerakan kebangkitan Islam di dalam generasi ini adalah mengawasinya dengan pengalaman yang luas tentang tabi'at jiwa manusia dan sejarah pergerakan Islam. Oleh sebab itu mereka begitu gemar memasang label Islam pada establisment-establisment, pergerakan-pergerakan, aliran-aliran pemikiran, nilai-nilai, tradisi-tradisi dan idea-idea yang disedia, ditegak dan dilancarkan mereka untuk menghancurkan kebangkitan Islam yang baru di merata pelosok dunia. Mereka berbuat begitu supaya label Islam yang palsu itu dapat menghalangkan titik tolak perjuangan yang sebenar untuk menentang jahiliyah yang haqiqi yang berselindung di sebalik label Islam yang palsu itu.

Mereka terpaksa melakukan kesilapan yang berulang-ulang kali dalam mengumumkan hakikat setengah-setengah establisment dan pergerakan, juga dalam mendedahkan wajah buruk jahiliyah yang menentang Islam di dalam establishment-establishment dan pergerakan-pergerakan itu. Contoh yang paling dekat ialah pergerakan Kamal Ataturk yang non-Islamik dan kafir di negeri Turki. Mereka terpaksa berbuat begitu kerana mereka benar-benar perlu untuk menghapuskan fenomena terakhir perpaduan umat Muslimin di bawah panji-panji 'aqidah, iaitu fenomena menegakkan sistem pemerintahan "khalifah" walaupun sistem ini cuma merupakan suatu fenomena sahaja, namun ia merupakan mata rantai Islam terakhir yang terhurai sebelum terhurainya mata rantai solat sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w:

ينقض هذا الدين عروة عروة فأولها الحكم ،

وآخرها الصلاة

"Mata rantai agama ini terhurai satu demi satu, pertama mata rantai pemerintahan dan akhirnya mata rantai solat."

Tetapi musuh-musuh Islam yang hati-hati – yang terdiri dari kaum Ahlil-Kitab dan kaum mulhidin (Atheis) yang tidak pernah bersatu kecuali di dalam perjuangan menentang Islam – sebaik sahaja mereka melewati zon terpaksa mendedah wajah non-Islamik dan kafir di dalam pergerakan Ataturk, mereka kembali pula dengan usaha yang amat berhati-hati untuk menutup dan melindungi establishment-establishment yang muncul selepas itu yang serupa dengan pergerakan Ataturk dari segi tujuan keagamaannya dengan mengunakan tabir Islam. Mereka begitu berhati-hati memasang label yang palsu ke atas establishment-establishment itu, yang merupakan establishment-establishment yang lebih merbahaya kepada Islam dari pergerakan Ataturk yang terbuka itu. Mereka menggunakan berbagai-bagai cara untuk melindungi hakikat establishment-establishment itu, yang ditubuh dan dibantu mereka dari segi ekonomi, politik dan idea. Mereka menyediakan untuk establisment-establisment itu segala sarana perlindungan dengan menggunakan biro-biro perisik dan alat-alat media massa antarabangsa mereka, malahan menggunakan segala daya, tipu helah dan pengalaman yang dimiliki mereka. Kaum Ahlil-Kitab dan kaum mulhidin bekerjasama menghulurkan berbagai-bagai bantuan kepada establishment-establishment ini supaya dapat melaksanakan tugas ini yang, belum lagi dapat diselesaikan oleh Peperangan-peperangan Salib dahulu dan sekarang, di mana Peperangan-peperangan Salib ini merupakan satu konflik terbuka di antara Islam dan musuh-musuhnya yang lahir dan terbuka.

Orang-orang yang lurus yang mendakwa diri mereka sebagai "orang-orang Islam" telah tertipu dengan label yang palsu ini. Di antara mereka termasuk ramai penda'wah Islam di dunia ini. Oleh kerana itu mereka merasa keberatan untuk menghapuskan label palsu yang menyembunyikan jahiliyah di sebaliknya. Mereka keberatan untuk menyifatkan establishment-establishment ini dengan sifat-sifatnya yang sebenar yang tersembunyi di sebalik label yang mengelirukan itu, iaitu sifat-sifat syirik dan kufur yang terang-terangan. Mereka keberatan untuk menyifatkan orang-orang yang berminat dengan establishment-establishment ini dengan sifat-sifat mereka yang sebenar. Semuanya ini menghalangkan titik tolak perjuangan Islam yang haqiqi dan sempurna untuk menghadapi jahiliyah ini secara terang-terangan tanpa merasa keberatan dan bersalah untuk menyifatkannya dengan sifat-sifatnya yang sebenar yang wujud di alam kenyataan.

Demikianlah label yang palsu itu melaksanakan fungsi yang merbahaya, iaitu melumpuhkan pergerakan-pergerakan kebangkitan Islam dan menjadi penghalang bagi kesedaran yang sebenar dan titik tolak perjuangan yang sebenar untuk menghadapi jahiliyah abad dua puluh yang berusaha untuk menghapuskan sisa-sisa akar umbi agama Islam. [2]

Para penda'wah yang lurus itu – pada hemat saya lebih merbahaya kepada pergerakan-pergerakan kebangkitan Islam dari musuh-musuh Islam yang hati-hati, yang memasang label Islam di atas establisment-establisment, pergerakan-pergerakan, trend-trend pemikiran, gagasan-gagasan, nilai-nilai dan tradisi-tradisi yang diwujud dan dibantu oleh mereka untuk menghapuskan agama Islam.

Agama Islam tetap menang selama-lamanya apabila kesedaran terhadap hakikatnya dan terhadap hakikat jahiliyah sampai ke tahap yang tertentu di dalam hati kelompok Muslimin, di mana-mana zaman dan tempat sekali pun. Bahaya yang haqiqi yang mengancam agama ini bukannya terletak pada musuh-musuhnya yang kuat, hati-hati dan terlatih, malah terletak pada kawan-kawannya yang lurus, tertipu dan merasa keberatan dan bersalah pada bukan tempatnya, kawan-kawannya yang membiarkan musuh-musuh mereka berselindung di sebalik label yang menipu Islam, sedangkan mereka menyerang Islam di sebalik label yang palsu itu.

Kewajipan pertama para penda'wah Islam di muka bumi ini ialah menghapuskan label-label palsu yang dipasang pada establisment-establisment jahiliyah, label-label yang mempertahankan establishment-establishment yang ditubuhkan untuk menghapuskan akar umbi agama Islam di seluruh dunia ini. Yang harus menjadi titik tolak perjuangan mana-mana pergerakan Islam ialah menelanjangi jahiliyah dari baju-bajunya yang palsu dan mendedahkannya dengan hakikatnya yang sebenar, iaitu hakikat syirik dan kufur, juga menyifatkan manusia-manusia dengan sifat-sifat yang mempotretkan realiti mereka yang sebenar supaya pergerakan Islam dapat menghadapi mereka dengan tindakan yang sempurna, juga supaya manusia-manusia itu sendiri menyedari kedudukan yang sebenar yang diakhiri mereka, iaitu hakikat kedudukan yang diakhiri oleh kaum Ahlil-Kitab sebagaimana yang diterangkan oleh Allah Yang Maha Bijaksana dan mendalam ilmu-Nya, semoga kesedaran itu merangsangkan mereka untuk mengubahkan keadaan diri mereka supaya Allah mengubahkan keseksaan, kecelakaan dan penderitaan pedih yang sedang dialami mereka.

Segala perasaan keberatan yang bukan pada tempatnya yang wajar, segala penipuan dengan kulit luar, dengan fenomena-fenomena yang lahir dan dengan label-label palsu merupakan penghalang bagi titik tolak perjuangan yang pertama bagi mana-mana pergerakan Islamiyah di semua tempat di bumi ini, dan akan membolehkan musuh-musuh Islam menjalankan tipu daya mereka dengan usaha memasang label-label palsu setelah terbongkar rahsia pergerakan "Ataturk" di dalam sejarah moden dan menyebabkan pergerakan itu lemah untuk mara setapak lagi setelah dihapuskan sistem khilafah, yang merupakan fenomena terakhir dari fenomena-fenomena perpaduan Islam yang berlandaskan 'aqidah. Ini memandangkan kerana tembelang tujuan pergerakan itu telah terbuka begitu jelas menyebabkan seorang penulis Kristian yang sangat pintar dan lihai iaitu Wilfred Cantwell Smith menulis di dalam bukunya "*Islam Di Dalam Sejarah Moden*", di mana beliau sekali lagi berusaha melindungi pergerakan Ataturk dan menolak tuduhan tidak percayakan Allah dari pergerakan itu dan seterusnya menganggapkan pergerakan itu sebagai satu pergerakan kebangkitan Islam yang paling agung dan paling betul di dalam sejarah moden!!!

(Kumpulan ayat-ayat 36 - 37)

إِنَّ عِدَّةَ ٱلشُّهُورِ عِندَ ٱللَّهِ ٱثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِى
كِتَٰبِ ٱللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ مِنْهَآ
أَرْبَعَةٌ حُرُمٌ ذَٰلِكَ ٱلدِّينُ ٱلْقَيِّمُ فَلَا تَظْلِمُوا۟
فِيهِنَّ أَنفُسَكُمْ وَقَٰتِلُوا۟ ٱلْمُشْرِكِينَ
كَآفَّةً كَمَا يُقَٰتِلُونَكُمْ كَآفَّةً وَٱعْلَمُوٓا۟
أَنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٣٦﴾

إِنَّمَا ٱلنَّسِىٓءُ زِيَادَةٌ فِى ٱلْكُفْرِ يُضَلُّ
بِهِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ يُحِلُّونَهُۥ عَامًا وَيُحَرِّمُونَهُۥ

---

[2] *Lihat buku "جاهلية القرن العشرين" oleh Muhammad Qutb*

عَامًا لِّيُوَاطِـُٔواْ عِدَّةَ مَا حَرَّمَ ٱللَّهُ فَيُحِلُّواْ مَا
حَرَّمَ ٱللَّهُۚ زُيِّنَ لَهُمۡ سُوٓءُ أَعۡمَٰلِهِمۡۗ وَٱللَّهُ لَا
يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلۡكَٰفِرِينَ ٣٧

"Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi Allah ialah dua belas bulan yang tercatat di dalam kitab Allah pada hari Dia menciptakan langit dan bumi dan di antaranya ialah empat Bulan Haram. Itulah ketetapan agama yang lurus. Oleh sebab itu janganlah kamu menzalimi diri kamu di dalam bulan-bulan haram itu. Dan perangilah kaum Musyrikin seluruhnya sebagaimana mereka memerangi kamu seluruhnya dan ketahuilah bahawa Allah tetap bersama para Muttaqin(36). Sesungguhnya perbuatan mengundurkan Bulan Haram itu menambahkan kekafiran, dengan perbuatan itu menyebabkan orang-orang kafir menjadi sesat, mereka menghalalkannya pada satu tahun dan mengharamkannya pada tahun yang lain agar mereka dapat menyesuaikan dengan bilangan bulan yang diharamkan Allah. Oleh itu mereka menghalalkan apa yang telah diharamkan Allah. Mereka dipesonakan syaitan memandang baik perbuatan mereka yang buruk, dan Allah tidak memberi hidayat kepada golongan manusia yang kafir".(37)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Bahagian ayat-ayat ini merupakan selingan untuk menghapuskan halangan-halangan untuk keluar berjihad menentang angkatan tentera Roman dan sekutu-sekutunya yang terdiri dari orang-orang Arab yang beragama Kristian di utara Semenanjung Tanah Arab, ini disebabkan kerana seruan menyertai di dalam Peperangan Tabuk ini berlaku di dalam bulan Rejab, yang merupakan salah satu dari bulan-bulan haram. Tetapi di sana ada sesuatu sebab yang mempunyai hubungan dengan kejadian ini, iaitu bulan Rejab pada tahun ini bukannya berada di dalam masanya yang haqiqi akibat perbuatan mengundurkan Bulan Haram yang disebut di dalam ayat yang kedua sebagaimana kami akan terangkan nanti. Mengikut riwayat, bulan Zulhijjah pada tahun itu juga bukannya berada dalam masanya yang haqiqi, malah ia berada di dalam bulan Zulkaedah. Di sini seolah-olah bulan Rejab berada di dalam bulan Jamadil-akhir. Kekacauan ini berlaku akibat kekacauan jahiliyah dalam mematuhi tradisi-tradisinya dan ketiadaan komitmen yang tetap menjunjung pantang larang mereka kecuali komitmen secara kulit luar sahaja, juga akibat dari ta'wilan-ta'wilan dan fatwa-fatwa yang terbit dari manusia, kerana urusan menentukan halal dan haram di zaman jahiliyah adalah diserahkan kepada manusia.

Keterangan isu ini ialah begini: Allah S.W.T. telah mengharamkan bulan-bulan haram yang empat, iaitu tiga bulan yang berturut-turut: Zulkaedah, Zulhijjah dan Muharam dan bulan keempat yang menunggal ialah bulan Rejab. Yang jelasnya pengharaman ini adalah disertakan dengan kefardhuan haji pada bulan-bulannya yang diketahui umum sejak Nabi Ibrahim dan Ismail lagi. Walaupun banyak perubahan-perubahan – yang telah dilakukan oleh orang-orang Arab di dalam agama Ibrahim dan walaupun penyelewengan-penyelewengan itu begitu kuat berlaku di zaman jahiliyah mereka sebelum Islam, namun mereka tetap kekal menghormati bulan-bulan haram ini, kerana pertaliannya dengan musim haji yang menjadi asas kehidupan penduduk-penduduk negeri Hijaz terutama penduduk Makkah agar di sana wujudnya suasana aman damai yang meliputi Semenanjung Tanah Arab di mana dapat dilangsungkan musim haji, pergerakan berpindah dan aktiviti perniagaan pada musim itu.

Kemudian selepas itu setengah-setengah qabilah Arab menghadapi keperluan-keperluan yang bertentangan dengan tradisi pengharaman bulan-bulan ini. Di sini bermulalah permainan hawa nafsu dan muncullah orang yang memberi fatwa menghalalkan salah satu dari bulan-bulan haram itu dengan jalan mengundurkan bulan itu pada satu tahun dan mendahulukannya pada tahun yang lain, dengan demikian bilangan bulan-bulan yang diharamkan itu tetap empat, tetapi tubuh bulan-bulan itu sendiri berubah-berubah "agar mereka dapat menyesuaikan dengan bilangan bulan yang diharamkan Allah. Oleh itu mereka menghalalkan apa yang telah diharamkan Allah". Apabila berlaku di dalam tahun yang kesembilan ini, di mana bulan Rejab yang haqiqi bukan bulan Rejab tahun itu dan bulan Zulhijjah yang haqiqi bukannya bulan Zulhijjah tahun itu, malah bulan Rejab yang haqiqi ialah bulan Jamadilakhir tahun itu dan bulan Zulhijjah yang haqiqi ialah bulan Zulkaedah tahun itu, sedangkan seruan berperang berlaku dalam bulan Jamadil-akhir, tetapi bulan ini berada dalam bulan Rejab dari segi nama dengan sebab perbuatan mereka yang mengundurkan Bulan Haram. Oleh sebab itulah turunnya ayat-ayat ini untuk membatalkan amalan mengundurkan Bulan Haram ini dan untuk menyatakan bahawa perbuatan ini pada dasarnya adalah bertentangan dengan agama Allah yang telah menentukan kuasa menghalal dan mengharam (kuasa perundangan seluruhnya) itu sebagai kuasa yang khusus bagi Allah sahaja dan perbuatan mana-mana manusia menggunakan kuasa ini tanpa izin Allah adalah satu perbuatan yang kufur, malah menambahkan kekufuran. Oleh kerana itu ayat ini menghapuskan kekeliruan yang berkecamuk di dalam hati kaum Muslimin (kononnya peperangan di bulan itu) bererti menghalalkan bulan Rejab dan sekaligus menjelaskan sesuatu dasar dari dasar-dasar 'aqidah yang asasi, iaitu kuasa membuat undang-undang halal dan haram itu hanya tertentu bagi Allah sahaja, sambil menghubungkan hakikat ini dengan kuasa asal yang menciptakan seluruh alam buana ini, iaitu pada hari Allah menciptakan langit dan bumi. Kuasa mengadakan undang-undang dan peraturan bagi manusia merupakan cabang dari kuasa Allah yang telah mengadakan undang-undang bagi seluruh alam buana termasuk manusia. Sebarang penyelewengan dari dasar ini bererti bertentangan dengan dasar penciptaan dan pembinaan alam buana ini, malah

perbuatan ini menambahkan kekufuran dan menyesatkan orang-orang yang kafir. [3]

Ada satu hakikat lagi yang dijelaskan oleh nas-nas ini, iaitu hakikat yang ada kaitannya dengan penjelasan yang telah dibuat secara langsung di dalam bahagian ayat-ayat yang silam, iaitu kaum Ahlil-Kitab itu dianggap sebagai kaum Musyrikin dan digabungkan dalam kumpulan kaum Musyrikin dari segi permusuhan mereka terhadap Islam dan kewajipan kaum Muslimin berjihad menentang mereka. Perintah memerangi mereka yang terkandung dalam ayat itu merangkumi seluruh mereka iaitu seluruh kaum Musyrikin dan seluruh kaum Ahlil-Kitab sebagaimana mereka memerangi seluruh kaum Muslimin. Perkara ini merupakan hakikat yang diakui oleh realiti sejarah dan dijelaskan oleh pernyataan-pernyataan dari Allah sendiri. Pernyataan-pernyataan itu menerangkan adanya persamaan matlamat di antara kaum Musyrikin dan kaum Ahlil-Kitab terhadap Islam dan kaum Muslimin dan wujudnya barisan bersama di antara mereka apabila peperangan itu bertujuan untuk mengganyang Islam dan kaum Muslimin walaupun di antara mereka sebelum ini telah tercetus permusuhan-permusuhan, pembalasan-pembalasan dendam dan perselisihan faham dalam pentafsiran-pentafsiran yang berhubung dengan 'aqidah mereka. Semuanya itu tidak menjejaskan hasrat perpaduan mereka untuk menghalang kemaraan Islam dan tidak menghalangkan kerjasama mereka untuk melenyapkan kewujudan Islam.

Hakikat yang terakhir ini yang menjelaskan bahawa kaum Ahlil-Kitab adalah kaum Musyrikin yang sama dengan kaum Musyrikin Arab dan kedua-dua golongan ini bekerjasama memerangi seluruh kaum Muslimin dan kerana itu kaum Muslimin wajib memerangi seluruh mereka, kemudian hakikat ini ditokok pula kepada hakikat yang pertama iaitu perbuatan mengundurkan Bulan Haram adalah suatu perbuatan yang menambahkan kekafiran kerana ia mengadakan undang-undang dan peraturan yang berlainan dari undang-undang dan peraturan yang telah diturunkan Allah. Ini adalah satu perbuatan kufur yang ditokok kepada kekufuran i'tiqad yang menambahkan lagi kekafiran itu. Kedua-dua hakikat ini merupakan titik kesesuaian yang mengikat kedua-dua ayat ini dengan ayat-ayat sebelumnya dan ayat-ayat kemudiannya di dalam rangkaian ayat-ayat ini yang memperkatakan tentang halangan-halangan yang menghalangkan mereka dari keluar berperang di dalam Peperangan Tabuk, di samping menghalangkan titik tolak perjuangan Islam terhadap kaum Musyrikin dan kaum Ahlil- Kitab.

* * * * * *

[3] *Lihat bab* "شريعة كونية" *dalam buku* "معالم في الطريق"

(Pentafsiran ayat-ayat 36 - 37)

Tipu Helah Menundakan Bulan Haram

إِنَّ عِدَّةَ ٱلشُّهُورِ عِندَ ٱللَّهِ ٱثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِى كِتَٰبِ ٱللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ مِنْهَآ أَرْبَعَةٌ حُرُمٌ ذَٰلِكَ ٱلدِّينُ ٱلْقَيِّمُ

"Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi Allah ialah dua belas bulan yang tercatat di dalam kitab Allah pada hari Dia menciptakan langit dan bumi dan di antaranya ialah empat Bulan Haram. Itulah ketetapan agama yang lurus...."(36)

Ayat ini merujukkan "ukuran zaman" dan penentuan peredarannya kepada tabi'at alam buana yang difitrahkan oleh Allah dan kepada asal kejadian langit dan bumi. Ia mengisyaratkan bahawa di sana wujudnya satu peredaran zaman yang tetap yang dibahagikan kepada dua belas bulan dan ketetapan peredaran ini dibuktikan dengan ketetapan bilangan bulan-bulan. Oleh sebab itu ia tidak lebih dalam satu peredaran dan kurang dalam satu peredaran yang lain. Semuanya tercatat dalam kitab Allah yakni di dalam undang-undang-Nya yang menjadi asas peraturan alam ini. Peredaran zaman itu tetap beredar mengikut peraturannya, ia tidak meleset dan terdedah kepada kekurangan dan kelebihan, kerana ia beredar mengikut satu undang-undang yang tetap. Itulah undang-undang alam yang dikehendaki Allah sejak hari Dia menciptakan langit dan bumi.

Isyarat ayat ini yang membuktikan kemantapan undang-undang alam yang dijadikan sebagai kata pengantar untuk mengharamkan bulan-bulan haram dan menentukan nama-namanya adalah bertujuan untuk menjelaskan bahawa penentuan dan pengharaman ini merupakan sebahagian dari undang-undang Allah yang sama tetap dengannya, yang tidak harus diubah mengikut kehendak nafsu dan tidak harus diganjak dahulu dan kemudian, kerana ia serupa dengan pusingan peredaran zaman yang berlaku dengan perencanaan yang tetap mengikut undang-undang yang tidak pernah berubah:

ذَٰلِكَ ٱلدِّينُ ٱلْقَيِّمُ

"Itulah ketetapan agama yang lurus."

Agama ini adalah sesuai dengan undang-undang alam yang kukuh yang menjadi asas tegaknya langit dan bumi sejak Allah menciptakan keduanya.

Demikianlah nas yang pendek ini mengandungi satu rangkaian yang panjang dari pengertian-pengertian dan maksud-maksud yang menarik yang mengiringi, merintis jalan dan menguatkan satu sama lain. Ia merangkumi berbagai-bagai hakikat alam, yang mana sains moden bekerja dengan sungguh-sungguh untuk sampai kepada hakikat-hakikat itu dengan perantaraan berbagai-bagai method ujikajinya. Nas ini juga menghubungkan di antara undang-undang fitrah

kejadian alam buana dengan lunas-lunas agama ini dan fardhu-fardhunya untuk menyatakan di dalam hati dan fikiran manusia betapa mendalam akar umbinya agama ini, betapa kukuh dan lama asas-asasnya. Semuanya itu diungkap dalam dua puluh satu kalimat yang pada lahirnya kelihatan biasa, ringkas, mudah di faham dan lumrah.

ذَٰلِكَ ٱلدِّينُ ٱلْقَيِّمُ ۚ فَلَا تَظْلِمُوا۟ فِيهِنَّ أَنفُسَكُمْ ۚ

"Itulah ketetapan agama yang lurus. Oleh sebab itu janganlah kamu menzalimi diri kamu di dalam bulan-bulan haram itu..."(36)

Maksudnya, janganlah kamu menzalimi diri kamu di dalam bulan-bulan haram ini, yang mana pengharamannya berhubung rapat dengan undang-undang alam yang menjadi asas tegaknya langit dan bumi. Undang-undang itu ialah Allah itulah Pengatur undang-undang manusia dan Dialah juga Pengatur undang-undang alam. Justeru itu janganlah kamu menzalimi diri kamu dengan perbuatan menghalalkan pengharaman bulan-bulan itu yang telah dikehendaki Allah untuk menjadikan bulan-bulan itu satu tempoh yang aman, istirehat dan damai agar kamu tidak melanggar kehendak Allah, kerana perbuatan melanggar kehendak Allah adalah menzalimi diri sendiri dan mendedahkan kepada 'azab Allah pada hari Akhirat dan kepada ketakutan dan kegelisahan di dunia apabila seluruh masa menjadi neraka peperangan di mana tiada gencatan senjata dan tiada aman damai.

وَقَٰتِلُوا۟ ٱلْمُشْرِكِينَ كَآفَّةً كَمَا يُقَٰتِلُونَكُمْ كَآفَّةً ۚ

"Dan perangilah kaum Musyrikin seluruhnya sebagaimana mereka memerangi kamu seluruhnya..." (36)

Perintah ini harus dilakukan pada bulan-bulan yang lain dari bulan-bulan haram selama kaum Musyrikin tidak memulakan peperangan itu, dan andainya mereka memulakan peperangan itu di dalam bulan-bulan haram, maka peperangan itu wajiblah ditentang dengan peperangan, kerana keengganan melawan dari satu pihak akan melemahkan kekuatan pihak yang baik yang diharap dapat mengawal, memelihara kehormatan-kehormatan dan mencegahkan kekuatan jahat yang menceroboh, kekuatan yang menimbulkan kerosakan di bumi dan mengacau-bilaukan undang-undang. Oleh sebab itu tindakan menentang pencerobohan dalam situasi yang seperti ini merupakan sarana untuk memelihara kehormatan bulan-bulan haram dari pencerobohan dan penghinaan.

وَقَٰتِلُوا۟ ٱلْمُشْرِكِينَ كَآفَّةً كَمَا يُقَٰتِلُونَكُمْ كَآفَّةً ۚ

"Dan perangilah kaum Musyrikin seluruhnya sebagai-mana mereka memerangi kamu seluruhnya...." (36)

Maksudnya, perangilah seluruh mereka tanpa dikecualikan seorang atau sekumpulan pun dari mereka kerana mereka juga memerangi kamu tanpa dikecualikan seorang atau sekumpulan pun dari kamu. Peperangan ini pada hakikatnya ialah peperangan di antara syirik dan tauhid, di antara kekufuran dan keimanan dan di antara hidayat dan kesesatan. Ia merupakan pertarungan di antara dua kem yang berbeza, yang tidak mungkin wujud di antara keduanya perdamaian yang berkekalan dan tidak mungkin diadakan di antara keduanya sesuatu persetujuan yang sempurna, kerana perselisihan di antara keduanya bukanlah perselisihan secara kebetulan atau perselisihan juzu', bukan perselisihan kerana kepentingan-kepentingan yang boleh dicarikan jalan penyelesaian dan bukan perselisihan kerana garis-garis sempadan yang boleh diaturkan semula. Umat Muslimin akan tertipu tentang hakikat pertarungan di antara mereka dengan kaum Musyrikin iaitu kaum paganisme dan kaum Ahlil-Kitab jika mereka memahami atau difahamkan bahawa pertarungan ini ialah pertarungan ekonomi atau pertarungan perkauman atau pertarungan kerana tanah air atau pertarungan strategik. Tidak sekali-kali begitu. Ia adalah pertarungan 'aqidah sebelum segala pertarungan yang lain, pertarungan sistem hidup yang lahir dari 'aqidah ini.[4] Di dalam pertarungan ini penyelesaian-penyelesaian separuh-paruh tidak berguna dan ia tidak boleh diselesaikan dengan perjanjian-perjanjian dan tindak-tanduk muslihat. Ia hanya boleh diselesaikan dengan peperangan dan perjuangan yang total. Itulah Sunnatullah yang tidak berubah dan itulah undang-undang Allah yang ditegakkan di atasnya langit dan bumi, 'aqidah-'aqidah dan agama-agama, dhamir dan hati. Itulah undang-undang yang tercatat di dalam kitab Allah sejak hari Allah menciptakan langit dan bumi.

وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٣٦﴾

"Dan ketahuilah bahawa Allah tetap bersama para Muttaqin."(36)

Oleh kerana kemenangan akan dicapai oleh mereka yang menahankan diri dari mencabul perkara-perkara yang diharamkan Allah, menghalalkan perkara-perkara yang dilarangkan Allah dan mengubahkan undang-undang Allah. Oleh kerana itu kaum Muslimin tidak seharusnya berhenti dari memerangi kaum Musyrikin umumnya dan tidak seharusnya merasa takut untuk melancarkan jihad yang syumul. Itulah jihad fi Sabilillah, di mana mereka berhenti di garis-garis batasnya dan adab-adab caranya, dan dengan jihad inilah mereka bertawajjuh kepada Allah, bermuraqabah dengan-Nya dalam keadaan-keadaan sulit dan keadaan-keadaan nyata. Mereka tetap akan mencapai kemenangan, kerana Allah bersama mereka dan sesiapa yang Allah bersama dengannya, maka tidak syak lagi ia akan mendapat kemenangan.

---

[4] *Lihat bab* "لا اله الا الله منهج حياة" *dalam buku* "معالم في الطريق"

إِنَّمَا ٱلنَّسِيٓءُ زِيَادَةٞ فِي ٱلۡكُفۡرِۖ يُضَلُّ بِهِ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ يُحِلُّونَهُۥ عَامٗا وَيُحَرِّمُونَهُۥ عَامٗا لِّيُوَاطِـُٔواْ عِدَّةَ مَا حَرَّمَ ٱللَّهُ فَيُحِلُّواْ مَا حَرَّمَ ٱللَّهُۚ زُيِّنَ لَهُمۡ سُوٓءُ أَعۡمَٰلِهِمۡۗ وَٱللَّهُ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلۡكَٰفِرِينَ ٣٧

"Sesungguhnya perbuatan mengundurkan Bulan Haram itu menambahkan kekafiran, dengan perbuatan itu menyebabkan orang-orang kafir menjadi sesat, mereka menghalalkannya pada satu tahun dan mengharamkannya pada tahun yang lain agar mereka dapat menyesuaikan dengan bilangan bulan yang diharamkan Allah. Oleh itu mereka menghalalkan apa yang telah diharamkan Allah. Mereka dipesonakan syaitan memandang baik perbuatan mereka yang buruk dan Allah tidak memberi hidayat kepada golongan manusia yang kafir."(37)

Ujar Mujahid r.a.: Ada seorang lelaki dari Bani Kinanah datang setiap tahun di musim haji dengan menunggang himar kepunyaannya. Lalu dia berkata: "Wahai sekalian yang hadir! Aku tidak boleh dicela dan dikecewa dan kata-kata aku tidak boleh ditolak. Kami telah mengharamkan bulan Muharam dan mengundurkan bulan Safar". Kemudian apabila datang tahun depan selepasnya dia mengeluarkan perkataan yang sama dan berkata: "Kami telah mengharamkan bulan Safar dan mengundurkan bulan Muharam". Itulah maksud firman Allah "agar mereka dapat menyesuaikan dengan bilangan bulan yang telah diharamkan Allah". Ujar Mujahid: Iaitu empat bulan. Dan dengan itu bererti mereka menghalalkan apa yang telah diharamkan Allah dengan mengundurkan Bulan Haram ini.

Ujar Abdul Rahman ibn Zayd ibn Aslam. Lelaki dari Bani Kinanah ini bernama al-Kalammas yang hidup di dalam jahiliyah. Orang-orang Arab di zaman jahiliyah tidak menyerang satu sama lain di dalam Bulan Haram. Apabila seorang menemui orang yang membunuh bapanya di bulan-bulan itu ia tidak akan menyerangnya, tetapi bagi lelaki ini ia berkata: "Keluarkan kami!"Jawabnya "Kita undurkannya sahaja pada tahun ini. Kedua-duanya ialah bulan Muharam dan bulan Safar. Pada tahun hadapan kita qada' dan jadikan kedua-duanya Bulan Haram". Ujar Abdul Rahman, lelaki itu telah berbuat begitu dan apabila tiba tahun hadapan dia berkata: "Jangan berperang di bulan Safar dan haramkan bulan itu bersama bulan Muharam. Kedua-duanya diharamkan".

Inilah dua cerita mengenai ayat ini dan merupakan dua bentuk pengunduran Bulan Haram. Dalam gambaran yang pertama diharamkan bulan Safar sebagai ganti bulan Muharam, kerana bilangan bulan-bulan yang diharamkan itu ialah empat bulan, tetapi bulan-bulan itu bukannya bulan-bulan yang ditentukan Allah dengan sebab ia menghalalkan bulan Muharam. Di dalam gambaran yang kedua, diharamkan tiga bulan dalam satu tahun dan pada tahun yang lain diharamkan lima bulan. Jadi jumlah bulan-bulan yang diharamkan itu ialah lapan bulan dengan purata empat bulan setahun, tetapi pengharaman bulan Muharam telah luput pada salah satu dari dua tahun dan kehalalan bulan Safar juga luput pada tahun yang keduanya.

Kedua-duanya merupakan perbuatan menghalalkan apa yang diharamkan Allah dan merupakan perbuatan melanggar peraturan Allah.

زِيَادَةٞ فِي ٱلۡكُفۡرِۖ

"Menambahkan kekafiran...."(37)

Iaitu kekafiran kerana menggunakan kuasa perundangan kemudian ditambahkan kekafiran ini kepada kekafiran i'tiqad.

يُضَلُّ بِهِ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ

"Menyebabkan orang-orang kafir menjadi sesat..."(37)

Mereka tertipu dengan perbuatan mempermain-main, mengubah dan menta'wilkan undang-undang dan peraturan Allah.

زُيِّنَ لَهُمۡ سُوٓءُ أَعۡمَٰلِهِمۡۗ

"Mereka dipesonakan syaitan memandang baik perbuatan mereka yang buruk..."(37)

Kerana itu mereka memandang perbuatan mereka yang keji itu sebagai baik, perbuatan mengubahkan peraturan Allah yang buruk itu sebagai bagus dan cantik, sedangkan mereka tidak menyedari bahawa perbuatan-perbuatan ini menyebabkan mereka berada di dalam kesesatan dan kekafiran yang semakin bertambah berat.

وَٱللَّهُ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلۡكَٰفِرِينَ ٣٧

"Dan Allah tidak memberi hidayat kepada manusia yang kafir."(37)

Iaitu orang-orang yang menutup hati mereka dari hidayat dan menyembunyikan bukti-bukti hidayat dari hati mereka dan dengan perbuatan ini mereka wajar ditinggalkan Allah di dalam kegelapan dan kesesatan.

(Kumpulan ayat-ayat 38 - 41)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مَا لَكُمۡ إِذَا قِيلَ لَكُمُ ٱنفِرُواْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ ٱثَّاقَلۡتُمۡ إِلَى ٱلۡأَرۡضِۚ أَرَضِيتُم بِٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا مِنَ ٱلۡأٓخِرَةِۚ فَمَا مَتَٰعُ ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا فِي ٱلۡأٓخِرَةِ إِلَّا قَلِيلٌ ٣٨

إِلَّا تَنفِرُوا۟ يُعَذِّبْكُمْ عَذَابًا أَلِيمًا وَيَسْتَبْدِلْ قَوْمًا غَيْرَكُمْ وَلَا تَضُرُّوهُ شَيْـًٔا ۗ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٣٩﴾

إِلَّا تَنصُرُوهُ فَقَدْ نَصَرَهُ ٱللَّهُ إِذْ أَخْرَجَهُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ثَانِىَ ٱثْنَيْنِ إِذْ هُمَا فِى ٱلْغَارِ إِذْ يَقُولُ لِصَـٰحِبِهِۦ لَا تَحْزَنْ إِنَّ ٱللَّهَ مَعَنَا ۖ فَأَنزَلَ ٱللَّهُ سَكِينَتَهُۥ عَلَيْهِ وَأَيَّدَهُۥ بِجُنُودٍ لَّمْ تَرَوْهَا وَجَعَلَ كَلِمَةَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ٱلسُّفْلَىٰ ۗ وَكَلِمَةُ ٱللَّهِ هِىَ ٱلْعُلْيَا ۗ وَٱللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٤٠﴾

ٱنفِرُوا۟ خِفَافًا وَثِقَالًا وَجَـٰهِدُوا۟ بِأَمْوَٰلِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٤١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa jika dikatakan kepada kamu: Keluarlah beramai-ramai berperang untuk Sabilullah, lantas kamu merasa keberatan dan ingin duduk tidak bergerak di bumi? Apakah kamu lebih berpuas hati dengan kehidupan dunia dari kehidupan Akhirat? Sedangkan keni'matan hidup dunia hanya sedikit sahaja dibandingkan dengan keni'matan hidup di Akhirat(38). Jika kamu tidak keluar beramai-ramai untuk berperang nescaya Allah akan menyeksakan kamu dengan azab yang amat pedih dan menukarkan kamu dengan satu kaum yang lain dan kamu tidak dapat mendatangkan sesuatu kemudharatan kepada-Nya, dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu(39). Jika kamu tidak menolongnya (Nabi Muhammad), maka sesungguhnya Allah telah pun menolongnya ketika ia diusir (dari Makkah) oleh orang-orang kafir dan ketika kedua-duanya berlindung di dalam gua, di mana ia berkata kepada sahabatnya (Abu Bakr): Janganlah anda berdukacita kerana Allah bersama kita lalu Allah menurunkan ketenteraman-Nya ke atasnya dan membantunya dengan bala tentera-Nya (malaikat) yang tidak dapat dilihat oleh kamu dan Allah jadikan kalimat orang-orang kafir itu berada di tempat yang paling rendah, sedangkan Kalimatullah itulah kalimat yang paling tinggi dan Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana(40). Keluarlah beramai-ramai berperang dalam semua keadaan, baik dalam keadaan ringan mahupun dalam keadaan berat. Dan berjihadlah dengan harta benda dan jiwa raga kamu untuk Sabilullah, kerana perjuangan itu lebih baik kepada kamu jika kamu mengetahui". (41).

Kerahan Untuk Menghadapi Peperangan Mu'tah

Bahagian ini dari rangkaian ayat-ayat surah ini adalah ditarjihkan turun selepas perintah kerahan am bagi Peperangan Tabuk. Pada ketika itu Rasulullah mendapat berita bahawa angkatan bala tentera Roman telah dikumpulkan di perbatasan Semenanjung Tanah Arab di Syam untuk memerangi beliau, dan Sri Maharaja Heraclius telah memberi perbelanjaan setahun kepada sahabat-sahabat baginda. Turut serta dalam angkatan mereka ialah suku-suku Arab yang terdiri dari suku-suku Lakhm, Juzam, 'Amilah dan Ghassan, dan mereka telah menghantar pasukan-pasukan printis mereka ke Balqa' dari jajahan Syam. Beliau mengerah orang ramai supaya keluar memerangi angkatan Roman. Kebiasaan Rasulullah s.a.w. jarang keluar di dalam sesuatu peperangan melainkan beliau sembunyikan peperangan itu dengan sesuatu yang lain sebagai salah satu muslihat peperangan kecuali Peperangan Tabuk kerana beliau telah mengumumkan dengan terus terang kerana tempat peperangan itu jauh dan waktunya sangat sulit disebabkan panas, di mana bayang-bayang begitu selesa, buah-buahan sedang masak dan membuat orang ramai lebih suka menetap di kampung halaman masing-masing. Di waktu inilah mula lahirnya gejala-gejala yang tidak sihat di dalam masyarakat Islam yang telah kami jelaskannya dalam kata pengantar surah ini, dan di waktu inilah juga kaum Munafiqin mendapat peluang-peluang untuk mematahkan semangat perjuangan kaum Muslimin. Mereka berkata-kata, "Janganlah kamu keluar berperang di musim panas". Mereka menakutkan-nakutkan kaum Muslimin dengan perjalanan yang jauh dan dengan kekuatan angkatan tentera Roman. Faktor-faktor ini membuat setengah-setengah orang ramai keberatan untuk keluar berperang. Inilah persoalan yang dihuraikan oleh ayat tadi.

(Pentafsiran ayat-ayat 38 - 41)

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَا لَكُمْ إِذَا قِيلَ لَكُمُ ٱنفِرُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ٱثَّاقَلْتُمْ إِلَى ٱلْأَرْضِ ۚ أَرَضِيتُم بِٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا مِنَ ٱلْـَٔاخِرَةِ ۚ فَمَا مَتَـٰعُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا فِى ٱلْـَٔاخِرَةِ إِلَّا قَلِيلٌ ﴿٣٨﴾

إِلَّا تَنفِرُوا۟ يُعَذِّبْكُمْ عَذَابًا أَلِيمًا وَيَسْتَبْدِلْ قَوْمًا غَيْرَكُمْ وَلَا تَضُرُّوهُ شَيْـًٔا ۗ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٣٩﴾

إِلَّا تَنصُرُوهُ فَقَدْ نَصَرَهُ ٱللَّهُ إِذْ أَخْرَجَهُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ثَانِىَ ٱثْنَيْنِ إِذْ هُمَا فِى ٱلْغَارِ إِذْ يَقُولُ لِصَـٰحِبِهِۦ لَا تَحْزَنْ إِنَّ ٱللَّهَ مَعَنَا ۖ فَأَنزَلَ ٱللَّهُ

سَكِينَتَهُۥ عَلَيْهِ وَأَيَّدَهُۥ بِجُنُودٍ لَّمْ تَرَوْهَا وَجَعَلَ كَلِمَةَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ٱلسُّفْلَىٰ ۗ وَكَلِمَةُ ٱللَّهِ هِىَ ٱلْعُلْيَا ۗ وَٱللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٤٠﴾ ٱنفِرُوا۟ خِفَافًا وَثِقَالًا وَجَٰهِدُوا۟ بِأَمْوَٰلِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٤١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa jika dikatakan kepada kamu: Keluarlah beramai-ramai berperang untuk Sabilullah, lantas kamu merasa keberatan dan ingin duduk tidak bergerak di bumi? Apakah kamu lebih berpuas hati dengan kehidupan dunia dari kehidupan Akhirat? Sedangkan keni'matan hidup dunia hanya sedikit sahaja dibandingkan dengan keni'matan hidup di Akhirat(38). Jika kamu tidak keluar beramai-ramai untuk berperang nescaya Allah akan menyeksakan kamu dengan azab yang amat pedih dan menukarkan kamu dengan satu kaum yang lain dan kamu tidak dapat mendatangkan sesuatu kemudharatan kepada-Nya, dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu(39). Jika kamu tidak menolongnya (Nabi Muhammad), maka sesungguhnya Allah telah pun menolongnya ketika ia diusir (dari Makkah) oleh orang-orang kafir dan ketika kedua-duanya berlindung di dalam gua, di mana ia berkata kepada sahabatnya (Abu Bakr): Janganlah anda berdukacita kerana Allah bersama kita lalu Allah menurunkan ketenteraman-Nya ke atasnya dan membantunya dengan bala tentera-Nya (malaikat) yang tidak dapat dilihat oleh kamu dan Allah jadikan kafir orang-orang kafir itu berada di tempat yang paling rendah, sedangkan Kalimatullah itulah kalimat yang paling tinggi dan Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana(40). Keluarlah beramai-ramai berperang dalam semua keadaan, baik dalam keadaan ringan mahupun dalam keadaan berat. Dan berjihadlah dengan harta benda dan jiwa raga kamu untuk Sabilullah, kerana perjuangan itu lebih baik kepada kamu jika kamu mengetahui."(41)

Ayat-ayat yang dikemukakan tadi merupakan permulaan kecaman yang ditujukan kepada orang-orang yang ponteng dari keluar berperang, juga merupakan ancaman pertama bahawa mereka akan menerima padah yang buruk akibat mereka keberatan keluar berjihad fi Sabilillah. Ayat-ayat ini juga mengingatkan mereka tentang pertolongan Allah yang telah memberi kemenangan kepada Rasul-Nya sebelum adanya seorang yang lain bersama beliau dan seterusnya mengingatkan mereka tentang qudrat kuasa Allah yang berupaya mengulangi kemenangan itu tanpa kehadiran mereka dan di waktu ini mereka tidak mendapat sesuatu apa selain dari dosa ponteng dan cuai.

Ketakutan Berperang Kerana Cintakan Dunia

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَا لَكُمْ إِذَا قِيلَ لَكُمُ ٱنفِرُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ٱثَّاقَلْتُمْ إِلَى ٱلْأَرْضِ ۚ

"Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa jika dikatakan kepada kamu: Keluarlah beramai-ramai berperang untuk Sabilillah, lantas kamu merasa keberatan dan ingin duduk tidak bergerak di bumi?"(38)

Itulah keberatan cintakan dunia, itulah keberatan keinginan-keinginan dunia yang tamak dan itulah keberatan kefahaman-kefahaman dan pemikiran-pemikiran cintakan dunia. Itulah rasa keberatan kerana takut jiwa melayang dan harta kekayaan dunia hilang. Itulah keberatan kerana takut hilang keni'matan-keni'matan, kepentingan-kepentingan dan kesenangan. Itulah rasa keberatan kerana ingin hidup senang, istirehat dan stabil. Itulah rasa keberatan kerana hendak mempertahankan keselamatan diri yang fana, ajal yang terbatas dan matlamat hidup yang dekat. Itulah rasa keberatan dari tabi'at daging, darah dan tanah. Kata-kata "اثاقلتم" dengan nada bunyinya yang berat telah menyampaikan semua bayangan dari pengertian ini. Ia menggambarkan dengan nada bunyinya tubuh yang rilek dan berat dan walaupun diangkat oleh beberapa orang dengan susah payah, namun ia terus jatuh juga ke bumi dengan berat kerana graviti bumi yang menarik tubuh itu ke bawah dan melawan daya terbang roh dan daya luncur cita-cita yang tinggi.[5]

Kesanggupan keluar berperang fi sabilillah merupakan gerak luncur yang terlepas dari ikatan bumi, merupakan penerbangan yang mengatasi berat daging dan darah. Dan merupakan kerealisasian konsep yang luhur pada manusia, di samping merupakan kemenangan unsur cita-cita tinggi yang wujud dalam diri manusia dan mengatasi unsur keterikatan dan keperluan, cita-cita untuk mencapai keabadian yang berkesinambungan dan mencapai keselamatan dari kefanaan yang tertentu:

أَرَضِيتُم بِٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا مِنَ ٱلْءَاخِرَةِ ۚ فَمَا مَتَٰعُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا فِى ٱلْءَاخِرَةِ إِلَّا قَلِيلٌ ﴿٣٨﴾

"Apakah kamu lebih berpuas hati dengan kehidupan dunia dari kehidupan Akhirat? Sedangkan keni'matan dunia itu hanya sedikit sahaja dibandingkan dengan keni'matan hidup di Akhirat."(38)

Tiada seorang Muslim yang beriman kepada Allah sanggup menolak kerahan berperang fi Sabilillah kecuali aqidahnya telah dimasuki sesuatu kecacatan dan kecuali keimanannya telah dilanda kelemahan. Oleh sebab itulah Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

من مات ولم يغزو ولم يحدث نفسه بغزو مات
على شعبة من شعب النفاق

---

[5] *Mengikut qira'ah Hafas dan qira'ah ini memberi gambaran yang lebih kuat dari qira'ah "تثاقلتم" (saling memberat-beratkan diri di bumi)*

"Barang siapa yang mati dengan tidak pernah berperang dan tidak pernah bercita-cita untuk berperang, nescaya ia mati di atas satu cabangan nifaq (hipokrit)."

Nifaq suatu kecacatan yang masuk ke dalam aqidah dan mengganggu kesihatan dan kesempurnaannya. Nifaqlah yang mendorong seorang yang beriman mengelakkan dirinya dari berjihad kerana takut mati dan jatuh miskin, sedangkan ajal di tangan Allah dan rezeki datang dari sisi Allah, dan keni'matan hidup dunia hanya sedikit sahaja dibandingkan dengan keni'matan hidup Akhirat.

Oleh sebab itulah mereka diancam oleh firman Allah:

إِلَّا تَنفِرُوا۟ يُعَذِّبْكُمْ عَذَابًا أَلِيمًا وَيَسْتَبْدِلْ قَوْمًا غَيْرَكُمْ وَلَا تَضُرُّوهُ شَيْـًٔا ۗ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٣٩﴾

"Jika kamu tidak keluar beramai-ramai untuk berperang nescaya Allah akan menyeksakan kamu dengan azab yang amat pedih dan menukarkan kamu dengan satu kaum yang lain dan kamu tidak dapat mendatangkan sesuatu kemudharatan kepada-Nya, dan Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(39)

Ayat ini ditujukan kepada golongan Muslimin yang tertentu dalam satu situasi yang tertentu, tetapi maksudnya merangkumi setiap orang yang beriman kepada Allah, dan azab yang mengancam mereka bukan hanya azab di Akhirat sahaja, malah azab di dunia juga, iaitu 'azab kehinaan yang menimpa golongan Muslimin yang enggan berjihad dan berjuang, juga azab kekalahan kepada musuh, azab penafian dari kebaikan dan kebajikan dan azab dieksploitasi oleh musuh. Di samping 'azab-'azab ini semuanya, mereka mengalami kerugian jiwa dan harta benda berganda-ganda lebih banyak dari kerugian yang dialami mereka di dalam perjuangan dan jihad. Mereka mempersembahkan korban-korban di altar kehinaan berganda-ganda lebih banyak dari korban-korban yang diperlukan oleh maruah kehormatan jika mereka mempersembahkan tebusan kepadanya. Tiada umat yang meninggal jihad melainkan mereka akan ditimpakan Allah dengan azab kehinaan. Mereka terpaksa membayar dengan hina-dina berkali-kali lebih banyak dari apa yang diperlukan oleh perjuangan melawan musuh.

وَيَسْتَبْدِلْ قَوْمًا غَيْرَكُمْ

"Dan menukarkan kamu dengan satu kaum yang lain."..(39)

yang berdiri teguh di atas aqidah dan sanggup membayar harga kemuliaan dan mengalahkan musuh-musuh Allah:

وَلَا تَضُرُّوهُ شَيْـًٔا ۗ

"Dan kamu tidak dapat mendatangkan sesuatu kemudharatan kepada-Nya..."(39)

Kamu tidak di nilaikan sedikit pun dan tidak dimasukkan dalam kiraan-Nya.

وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٣٩﴾

"Dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(39)

Dia berkuasa menghapuskan kamu dan menukarkan kamu dengan satu kaum yang lain. Dia berkuasa mengabaikan kamu dari penilaian dan kiraan.

Peningkatan perasaan keunggulan yang mengatasi keberatan bumi dan kelemahan jiwa bererti menegakkan kewujudan insan yang mulia di samping menegakkan kehidupannya dalam erti kata hidup yang tinggi. Rasa keberatan dan keinginan tidak mahu bergerak dari bumi dan menyerah diri kepada ketakutan bererti membunuh kewujudan insan yang mulia di samping merupakan ketiadaan nilai dalam pertimbangan Allah dan di dalam kiraan roh yang membezakan manusia dari haiwan.

Contoh Dari Peristiwa Hijrah

Kemudian Allah membawa contoh dari inti sari sejarah yang diketahui mereka, di mana Allah menolong Rasul-Nya mendapat kemenangan tanpa apa-apa pertolongan dan setia kawan dari mereka. Kemenangan dan pertolongan itu hanya datang dari sisi Allah sahaja. Dia mengurniakan pertolongan itu kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya:

إِلَّا تَنصُرُوهُ فَقَدْ نَصَرَهُ ٱللَّهُ إِذْ أَخْرَجَهُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ثَانِىَ ٱثْنَيْنِ إِذْ هُمَا فِى ٱلْغَارِ إِذْ يَقُولُ لِصَٰحِبِهِۦ لَا تَحْزَنْ إِنَّ ٱللَّهَ مَعَنَا ۖ فَأَنزَلَ ٱللَّهُ سَكِينَتَهُۥ عَلَيْهِ وَأَيَّدَهُۥ بِجُنُودٍ لَّمْ تَرَوْهَا وَجَعَلَ كَلِمَةَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ٱلسُّفْلَىٰ ۗ وَكَلِمَةُ ٱللَّهِ هِىَ ٱلْعُلْيَا ۗ وَٱللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٤٠﴾

"Jika kamu tidak menolongnya (Nabi Muhammad), maka sesungguhnya Allah telah pun menolongnya ketika ia diusir (dari Makkah) oleh orang-orang kafir dan ketika kedua-duanya berlindung di dalam gua, di mana ia berkata kepada sahabatnya (Abu Bakr): Janganlah anda berdukacita kerana Allah bersama kita. Lalu Allah menurunkan ketenteraman-Nya ke atasnya dan membantunya dengan bala tentera-Nya (malaikat) yang tidak dapat di lihat oleh kamu dan Allah jadikan kalimat orang-orang kafir itu berada di tempat yang paling rendah, sedangkan Kalimatullah, itulah kalimat yang paling tinggi dan Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(40)

Peristiwa itu berlaku ketika kaum Quraisy merasa tidak senang terhadap Nabi Muhammad s.a.w. sebagaimana kuasa yang zalim selalunya tidak senang terhadap kalimat yang benar, yang tidak dapat ditolak dan ditanggung olehnya. Mereka telah mengaturkan

berbagai-bagai konspirasi terhadap beliau dan pada akhirnya memutuskan untuk menghapuskan beliau. Lalu Allah memberitahu kepada beliau pakatan sulit yang telah dirancangkan mereka terhadap beliau dan mewahyukan kepadanya supaya keluar dari negeri Makkah. Beliau secara diam-diam keluar sendirian sahaja kecuali hanya ditemani oleh sahabatnya Abu Bakr as-Siddiq. Beliau keluar tanpa dikawal bala tentera dan tanpa membawa kelengkapan, sedangkan musuhnya ramai dan mempunyai kekuatan yang begitu nyata. Ayat-ayat yang berikut melukiskan pemandangan Rasulullah s.a.w. bersama sahabatnya:

إِذْ هُمَا فِى ٱلْغَارِ

"Ketika keduanya berlindung di dalam gua."

Sedangkan kaum Quraisy menurut jejak keduanya dan Abu Bakr as-Siddiq r.a. di waktu itu merasa begitu cemas bukan terhadap keselamatan dirinya, tetapi terhadap keselamatan sahabatnya s.a.w. Dia takut mereka dapat melihat keduanya dan menangkap sahabatnya yang dikasihi, lantas dia membisikkan kepada sahabatnya: "Jika salah seorang dari musuh itu melihat ke arah dua kakinya tentulah dia akan nampak kita berada di bawah kakinya", tetapi Rasulullah s.a.w. yang telah dilimpahkan Allah ketenteraman di dalam hatinya menenangkan hati sahabatnya seraya berkata: "Janganlah bimbang, walaupun kita hanya berdua, tetapi yang menigai (ke tiga) kita ialah Allah".

Tetapi apakah akibatnya? Walaupun seluruh kekuatan fizikal berada di pihak musuh, dan Rasulullah s.a.w. bersama sahabatnya tidak mempunyai apa-apa kekuatan, namun Rasulullah s.a.w. telah mendapat kemenangan dari pertolongan Allah yang telah membantunya dengan bala tentera malaikat yang tidak dapat di lihat oleh manusia, sedangkan orang-orang kafir telah menerima kekalahan dan kehinaan:

وَجَعَلَ كَلِمَةَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ٱلسُّفْلَىٰ ۗ

"Dan Allah jadikan kalimat orang-orang kafir berada di tempat yang paling rendah."

Sementara Kalimatullah tetap berada di tempat yang paling tinggi dan tetap menang, kuat dan lulus:

وَكَلِمَةُ ٱللَّهِ هِىَ ٱلْعُلْيَا ۗ

"Sedangkan Kalimatullah itulah kalimat yang paling tinggi."

Ada qira'ah yang membaca "Kalimatullah" dengan barisan di atas, tetapi qira'ah yang membaca dengan baris di hadapan itu memberi makna yang lebih kuat, kerana ia memberi makna penjelasan. Maksudnya, Kalimatullah itu adalah kalimat yang paling tinggi dari segi tabi'at dan dasar tanpa dikaitkan dengan sesuatu insiden yang tertentu.

وَٱللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٤٠﴾

"Dan Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(40)

"*Maha Perkasa*" Tuhan yang tidak akan membiarkan para hamba kesayangan-Nya dihina, dan "*Maha Bijaksana*" Tuhan yang menentukan kemenangan dan pertolongan pada sa'atnya yang wajar kepada mereka yang berhak menerimanya.

Itulah contoh bagaimana Allah menolong Rasul-Nya dan kalimat-Nya dan Allah berkuasa mengulangi pertolongan-Nya kepada golongan Muslimin yang lain yang tidak bertindak berat dan berlambat-lambat. Itulah satu contoh dari alam realiti jika mereka masih memerlukan bukti walaupun setelah mendapat penjelasan dari Allah.

Di bawah bayangan contoh dari alam realiti yang berkesan ini Allah menyeru mereka supaya, seluruh mereka keluar berperang tanpa diganggu sebarang halangan jika mereka benar-benar ingin mendapat kebaikan di alam bumi dan di alam Akhirat:

ٱنفِرُوا۟ خِفَافًا وَثِقَالًا وَجَٰهِدُوا۟ بِأَمْوَٰلِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٤١﴾

"Keluarlah beramai-ramai berperang dalam semua keadaan baik dalam keadaan ringan mahupun dalam keadaan berat. Dan berjihadlah dengan harta benda dan jiwa raga kamu untuk Sabilullah, kerana perjuangan itu lebih baik kepada kamu jika kamu mengetahui."(41)

Keluarlah berperang dalam segala keadaan dan berjihadlah dengan jiwa raga dan harta benda kamu dan janganlah mencari-cari alasan-alasan dan dalihan-dalihan dan janganlah tunduk kepada halangan-halangan dan dalihan-dalihan.

ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٤١﴾

"Kerana perjuangan itu lebih baik kepada kamu jika kamu mengetahui."(41)

Para Mu'minin, yang ikhlas telah memahami "kebaikan dalam perjuangan ini" lalu mereka keluar berperang walaupun dirintangi berbagai-bagai halangan dan walaupun mereka dapati berbagai-bagai keuzuran dan alasan di hadapan mereka, jika mereka mahu berpegang dengan alasan-alasan dan keuzuran-keuzuran itu. Lalu Allah bukakan pintu hati manusia dan negeri-negeri kepada mereka dan meneguhkan Kalimatullah dengan perjuangan mereka dan memuliakan mereka dengan Kalimatullah serta merealisasikan di tangan mereka mu'jizat kejayaan di dalam sejarah berbagai-bagai penaklukan dan pembukaan negara.

Abu Talhah r.a. telah membaca Surah Bara'ah dan apabila tiba pada ayat ini beliau berkata: "Aku lihat Tuhan kita menyeru kita tua dan muda supaya keluar berperang, oleh itu wahai anak-anakku, sediakan kelengkapan perang untukku". Lalu anak-anaknya

menjawab: "Allah cucurkan rahmat ke atas ayahanda! Ayahanda telah ikut berperang bersama Rasulullah s.a.w. sehingga beliau wafat dan ikut berperang bersama Abu Bakr hingga beliau wafat dan seterusnya ikut berperang bersama Umar sehingga beliau wafat. Oleh itu cukuplah kami sahaja yang berperang mewakili ayahanda". Tetapi beliau menolak, lalu beliau turut meredahi lautan (untuk berperang), tiba-tiba beliau meninggal dunia. Mereka tidak menemui sebuah pulau pun di lautan itu untuk mengkebumikan beliau kecuali setelah belayar selama sembilan hari, namun mayatnya tidak berubah lalu mereka kebumikannya di pulau itu.

Mengikut riwayat Ibn Jarir dengan isnadnya dari Abu Rasyid al-Harrani katanya: "Saya temui al-Miqdad ibn al-Aswad pahlawan Rasulullah s.a.w. duduk di atas sebuah peti dari peti-peti penukar wang. Itulah satu-satunya peti lebihan dari peti-petinya yang banyak. Ia mahu berperang lalu saya berkata kepadanya: 'Allah telah menguzurkan anda dari berperang'. Jawab beliau "Kami didatangi surah "البعوث"[6]

ٱنفِرُواْ خِفَافًا وَثِقَالًا

"Keluarlah beramai-ramai berperang dalam semua keadaan, baik dalam keadaan ringan mahupun dalam keadaan berat."

Menurut riwayat Ibn Jarir lagi dengan isnadnya dari Hayan ibn Zayd as-Syar'i katanya: Saya keluar untuk berperang bersama-sama Safwan ibn Amr - beliau adalah wali kota Homs dekat al-Afsus menuju Jarajimah, dan di sana saya lihat seorang yang sangat tua menunggang kenderaannya. Kedua keningnya jatuh di atas dua matanya. Dia dari penduduk negeri Damsyik yang menarik perhatian saya lalu saya menemuinya dan berkata: "Pakcik! Allah telah menguzurkan pakcik dari berperang". Ujar Hayan: Orang tua itu mengangkat dua keningnya dan berkata: "Wahai anak saudaraku, Allah telah mengerah kita keluar berperang dalam semua keadaan baik ringan atau berat. Ingatlah! Sesiapa yang disayangi Allah akan diujinya. Kemudian dia mengembalikannya dan mengekalkannya. Sesungguhnya Allah menguji para hamba-Nya yang bersyukur, sabar dan mengingati-Nya dan tidak menyembah melainkan Allah Azzawajalla sahaja.

Dengan sikap serius seperti inilah mereka menjunjung perintah Allah dan dengan sikap inilah Islam berkembang maju di bumi dan berjuang menyelamatkan manusia dari menyembah sesama manusia kepada menyembah Allah Yang Maha Esa dan seterusnya dengan sikap inilah terlaksananya mu'jizat kejayaan di dalam penaklukan-penaklukan Islam yang unik untuk membebaskan umat manusia.

[6] *Di sana terdapat berbagai-bagai gelaran Surah Bara'ah. Ia di gelarkan "الفاضحة" pendedah rahsia golongan Munafiqin dan antaranya ialah "المبعثرة، المعبرة، المتفرة"، "المثيرة" dan "البعوث" yang bererti penggerak dan pengungkap isi hati, penggerak hati Mujahidin, "المتكلة، المخزية، المدمدمة"* dan "المشردة"

(Terjemahan ayat-ayat 42 - 92)

لَوْ كَانَ عَرَضًا قَرِيبًا وَسَفَرًا قَاصِدًا لَّٱتَّبَعُوكَ
وَلَٰكِنۢ بَعُدَتْ عَلَيْهِمُ ٱلشُّقَّةُ ۚ وَسَيَحْلِفُونَ
بِٱللَّهِ لَوِ ٱسْتَطَعْنَا لَخَرَجْنَا مَعَكُمْ يُهْلِكُونَ
أَنفُسَهُمْ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ إِنَّهُمْ لَكَٰذِبُونَ ﴿٤٢﴾
عَفَا ٱللَّهُ عَنكَ لِمَ أَذِنتَ لَهُمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكَ ٱلَّذِينَ
صَدَقُواْ وَتَعْلَمَ ٱلْكَٰذِبِينَ ﴿٤٣﴾
لَا يَسْتَـْٔذِنُكَ ٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْـَٔاخِرِ أَن
يُجَٰهِدُواْ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌۢ بِٱلْمُتَّقِينَ ﴿٤٤﴾
إِنَّمَا يَسْتَـْٔذِنُكَ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْـَٔاخِرِ
وَٱرْتَابَتْ قُلُوبُهُمْ فَهُمْ فِى رَيْبِهِمْ يَتَرَدَّدُونَ ﴿٤٥﴾
وَلَوْ أَرَادُواْ ٱلْخُرُوجَ لَأَعَدُّواْ لَهُۥ عُدَّةً وَلَٰكِن كَرِهَ ٱللَّهُ
ٱنۢبِعَاثَهُمْ فَثَبَّطَهُمْ وَقِيلَ ٱقْعُدُواْ مَعَ ٱلْقَٰعِدِينَ ﴿٤٦﴾
لَوْ خَرَجُواْ فِيكُم مَّا زَادُوكُمْ إِلَّا خَبَالًا وَلَأَوْضَعُواْ
خِلَٰلَكُمْ يَبْغُونَكُمُ ٱلْفِتْنَةَ وَفِيكُمْ سَمَّٰعُونَ
لَهُمْ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌۢ بِٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٤٧﴾
لَقَدِ ٱبْتَغَوُاْ ٱلْفِتْنَةَ مِن قَبْلُ وَقَلَّبُواْ لَكَ ٱلْأُمُورَ
حَتَّىٰ جَآءَ ٱلْحَقُّ وَظَهَرَ أَمْرُ ٱللَّهِ وَهُمْ كَٰرِهُونَ ﴿٤٨﴾
وَمِنْهُم مَّن يَقُولُ ٱئْذَن لِّى وَلَا تَفْتِنِّىٓ ۚ أَلَا فِى ٱلْفِتْنَةِ
سَقَطُواْ ۗ وَإِنَّ جَهَنَّمَ لَمُحِيطَةٌۢ بِٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٤٩﴾
إِن تُصِبْكَ حَسَنَةٌ تَسُؤْهُمْ ۖ وَإِن تُصِبْكَ
مُصِيبَةٌ يَقُولُواْ قَدْ أَخَذْنَآ أَمْرَنَا مِن قَبْلُ
وَيَتَوَلَّواْ وَّهُمْ فَرِحُونَ ﴿٥٠﴾
قُل لَّن يُصِيبَنَآ إِلَّا مَا كَتَبَ ٱللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَىٰنَا ۚ
وَعَلَى ٱللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿٥١﴾

قُلْ هَلْ تَرَبَّصُونَ بِنَآ إِلَّآ إِحْدَى ٱلْحُسْنَيَيْنِ ۖ وَنَحْنُ
نَتَرَبَّصُ بِكُمْ أَن يُصِيبَكُمُ ٱللَّهُ بِعَذَابٍ مِّنْ عِندِهِۦٓ
أَوْ بِأَيْدِينَا ۖ فَتَرَبَّصُوٓا۟ إِنَّا مَعَكُم مُّتَرَبِّصُونَ ﴿٥٢﴾

"Jika perkara yang diserukan engkau itu merupakan suatu manfaat yang senang dicapai dan suatu perjalanan yang mudah tentu mereka akan menurutmu, tetapi tempat yang dituju engkau itu dirasa amat jauh oleh mereka. Dan mereka akan bersumpah dengan nama Allah, 'Jika kami mampu tentulah kami keluar bersama kamu', mereka membinasakan diri mereka sendiri dan Allah memang mengetahui bahawa mereka adalah pendusta-pendusta(42). Allah telah memaafkan engkau. Mengapa engkau benarkan mereka (tidak ikut berperang) sebelum jelas kepadamu orang-orang yang benar (berada dalam keuzuran) dan sebelum engkau mengetahui orang-orang yang berdusta(43). Orang-orang yang benar beriman kepada Allah dan hari Akhirat tidak akan meminta kebenaran kepadamu untuk tidak ikut berjihad dengan harta benda dan jiwa raga mereka dan Allah Maha Mengetahui dengan para Muttaqin(44). Sesungguh-nya orang-orang yang sanggup meminta kebenaran kepadamu (untuk tidak ikut berjihad) ialah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan hari Akhirat, sedangkan hati mereka ragu-ragu dan oleh sebab itu mereka terumbang-ambing di dalam keraguan mereka (45). Dan jika mereka benar mahu keluar berperang tentulah mereka telah mengadakan persediaan untuknya, tetapi Allah sebenarnya tidak suka mereka terdorong keluar berperang, lalu Allah menghalangkan mereka dan mereka diseru: Tinggallah bersama-sama orang-orang yang tidak ikut berperang(46). Jika mereka keluar bersama kamu, maka mereka tidak menambahkan suatu apa kepada kamu selain dari kekacauan dan mereka akan segera meresap di dalam kalangan kamu untuk menyebarkan fitnah terhadap kamu. Sedangkan di dalam kalangan kamu ada golongan yang suka mendengar percakapan mereka. Dan Allah Maha Mengetahui orang-orang yang zalim(47). Sesungguhnya sebelum ini mereka telah pun berusaha menimbulkan fitnah terhadap kamu dan mereka telah mengaturkan berbagai-bagai tipudaya terhadapmu hingga datanglah kebenaran dan munculnya agama Allah, sedangkan mereka tidak menyukainya(48). Di antara mereka ada yang berkata: (Wahai Rasulullah,) benarkan saya tidak ikut berperang dan jangan dedahkan saya kepada fitnah (perempuan). Ingatlah sebenarnya mereka telah jatuh ke dalam fitnah (azab) dan sesungguhnya Neraka Jahannam mengepungi seluruh orang-orang kafir(49). Dan jika engkau mendapat sesuatu kebaikan ia menjadikan mereka berdukacita dan jika engkau di timpa sesuatu bencana, mereka berkata: Kami telah memikirkan urusan kami dengan hati-hati sebelum ini dan mereka beredar dari situ dengan penuh gembira(50). Katakanlah: Tiada suatu yang akan menimpa kami kecuali apa yang telah ditetapkan Allah kepada kami. Dialah Pelindung kami dan hanya kepada Allah Para Mu'minin bertawakkal (51). Katakanlah: Tiada yang kamu tunggu-tunggu terhadap kami kecuali salah satu dua kebaikan yang paling besar (kemenangan atau mati syahid), sedangkan apa yang kami tunggu-tunggu terhadap kamu ialah kamu akan ditimpakan Allah dengan azab dari sisi-Nya atau azab dari tangan kami. Oleh sebab itu tunggulah kamu dan kami juga menunggu bersama kamu."(52)

قُلْ أَنفِقُوا۟ طَوْعًا أَوْ كَرْهًا لَّن يُتَقَبَّلَ مِنكُمْ ۖ
إِنَّكُمْ كُنتُمْ قَوْمًا فَـٰسِقِينَ ﴿٥٣﴾
وَمَا مَنَعَهُمْ أَن تُقْبَلَ مِنْهُمْ نَفَقَـٰتُهُمْ إِلَّآ
أَنَّهُمْ كَفَرُوا۟ بِٱللَّهِ وَبِرَسُولِهِۦ وَلَا يَأْتُونَ
ٱلصَّلَوٰةَ إِلَّا وَهُمْ كُسَالَىٰ وَلَا يُنفِقُونَ
إِلَّا وَهُمْ كَـٰرِهُونَ ﴿٥٤﴾
فَلَا تُعْجِبْكَ أَمْوَٰلُهُمْ وَلَآ أَوْلَـٰدُهُمْ ۚ إِنَّمَا يُرِيدُ ٱللَّهُ
لِيُعَذِّبَهُم بِهَا فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَتَزْهَقَ أَنفُسُهُمْ
وَهُمْ كَـٰفِرُونَ ﴿٥٥﴾
وَيَحْلِفُونَ بِٱللَّهِ إِنَّهُمْ لَمِنكُمْ وَمَا هُم مِّنكُمْ وَلَـٰكِنَّهُمْ
قَوْمٌ يَفْرَقُونَ ﴿٥٦﴾
لَوْ يَجِدُونَ مَلْجَـًٔا أَوْ مَغَـٰرَٰتٍ أَوْ مُدَّخَلًا لَّوَلَّوْا۟ إِلَيْهِ
وَهُمْ يَجْمَحُونَ ﴿٥٧﴾
وَمِنْهُم مَّن يَلْمِزُكَ فِى ٱلصَّدَقَـٰتِ فَإِنْ أُعْطُوا۟
مِنْهَا رَضُوا۟ وَإِن لَّمْ يُعْطَوْا۟ مِنْهَآ إِذَا هُمْ يَسْخَطُونَ ﴿٥٨﴾
وَلَوْ أَنَّهُمْ رَضُوا۟ مَآ ءَاتَىٰهُمُ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَقَالُوا۟
حَسْبُنَا ٱللَّهُ سَيُؤْتِينَا ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ وَرَسُولُهُۥٓ
إِنَّآ إِلَى ٱللَّهِ رَٰغِبُونَ ﴿٥٩﴾
إِنَّمَا ٱلصَّدَقَـٰتُ لِلْفُقَرَآءِ وَٱلْمَسَـٰكِينِ وَٱلْعَـٰمِلِينَ
عَلَيْهَا وَٱلْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِى ٱلرِّقَابِ وَٱلْغَـٰرِمِينَ
وَفِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ ۖ فَرِيضَةً مِّنَ
ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾
وَمِنْهُمُ ٱلَّذِينَ يُؤْذُونَ ٱلنَّبِىَّ وَيَقُولُونَ هُوَ أُذُنٌ ۚ
قُلْ أُذُنُ خَيْرٍ لَّكُمْ يُؤْمِنُ بِٱللَّهِ وَيُؤْمِنُ
لِلْمُؤْمِنِينَ وَرَحْمَةٌ لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مِنكُمْ ۚ
وَٱلَّذِينَ يُؤْذُونَ رَسُولَ ٱللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٦١﴾

يَحْلِفُونَ بِاللَّهِ لَكُمْ لِيُرْضُوكُمْ وَاللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ
أَحَقُّ أَن يُرْضُوهُ إِن كَانُوا مُؤْمِنِينَ ﴿٦٢﴾

"Katakanlah: Belanjakanlah harta kamu dengan sukarela atau terpaksa, namun ia tidak akan diterima dari kamu, kerana sesungguhnya kamu adalah satu golongan manusia yang fasiq(53). Dan tiada yang menghalang mereka dari diterima perbelanjaan mereka kecuali kerana mereka mengingkarkan Allah dan Rasul-Nya dan mereka tidak mengerjakan solat melainkan dengan keadaan malas dan mereka tidak membelanjakan harta mereka melainkan dengan perasaan benci(54). Oleh kerana itu janganlah kamu dikagumi harta kekayaan dan anak-anak mereka. Sesungguhnya Allah hendak mengazabkan mereka dengan ni'mat harta dan anak-anak itu di dalam kehidupan dunia dan kelak nyawa mereka akan melayang, sedangkan mereka berada dalam keadaan kafir(55). Dan mereka bersumpah dengan nama Allah bahawa mereka dari golongan kamu, sedangkan sebenarnya mereka bukan dari golongan kamu, tetapi mereka adalah orang-orang pengecut(56). Seandainya mereka mendapat tempat perlindungan atau gua-gua atau lubang tentulah mereka akan menuju kepadanya dengan berlari segera(57). Dan di antara mereka ada yang mencelamu tentang pembahagian sedekah-sedekah, jika mereka diberi sebahagian darinya, mereka bersenang hati dan jika mereka tidak diberi sebahagian darinya mereka terus marah(58). Dan jika mereka berpuas hati dengan apa yang diberikan Allah dan Rasul-Nya kepada mereka dan berkata: "Cukuplah anugerah Allah kepada kami, Allah tetap akan mengurniakan kepada kami dari limpah kurnia-Nya juga Rasul-Nya. Sesungguhnya kami amat gemar kepada Allah" (tentulah lebih baik kepada mereka) (59). Sesungguhnya zakat itu hanya untuk orang-orang faqir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mualaf yang dijinakkan hati mereka, untuk memerdekakan para hamba, untuk orang-orang yang menanggung hutang, untuk Sabilullah dan untuk orang-orang yang merantau sebagai suatu kefardhuan dari Allah. Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (60). Di antara mereka (kaum Munafiqin) ada orang-orang yang menyakiti Nabi dan mereka mengatakan bahawa Nabi mempercayai segala apa yang didengari-nya. Katakanlah: Dia mempercayai segala yang baik untuk kamu. Dia beriman kepada Allah dan mempercayai para Mu'minin dan Dia menjadi rahmat kepada orang-orang yang beriman dari kalangan, kamu. Dan orang-orang yang menyakiti Rasulullah, mereka akan mendapat azab yang amat pedih(61). Mereka bersumpah kepada kamu dengan nama Allah untuk mendapat keredhaan kamu, sedangkan Allah dan Rasul-Nya itulah yang lebih wajar bagi mereka mendapat keredhaan-Nya, jika mereka benar orang-orang yang beriman"(62).

أَلَمْ يَعْلَمُوٓا أَنَّهُۥ مَن يُحَادِدِ اللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَأَنَّ لَهُۥ
نَارَ جَهَنَّمَ خَالِدًا فِيهَا ذَٰلِكَ الْخِزْيُ الْعَظِيمُ ﴿٦٣﴾
يَحْذَرُ الْمُنَافِقُونَ أَن تُنَزَّلَ عَلَيْهِمْ سُورَةٌ
تُنَبِّئُهُم بِمَا فِي قُلُوبِهِمْ قُلِ اسْتَهْزِءُوٓا إِنَّ اللَّهَ
مُخْرِجٌ مَّا تَحْذَرُونَ ﴿٦٤﴾

وَلَئِن سَأَلْتَهُمْ لَيَقُولُنَّ إِنَّمَا كُنَّا نَخُوضُ
وَنَلْعَبُ قُلْ أَبِاللَّهِ وَءَايَاتِهِۦ وَرَسُولِهِۦ كُنتُمْ
تَسْتَهْزِءُونَ ﴿٦٥﴾
لَا تَعْتَذِرُوا قَدْ كَفَرْتُم بَعْدَ إِيمَانِكُمْ إِن نَّعْفُ عَن
طَآئِفَةٍ مِّنكُمْ نُعَذِّبْ طَآئِفَةًۢ بِأَنَّهُمْ كَانُوا
مُجْرِمِينَ ﴿٦٦﴾
الْمُنَافِقُونَ وَالْمُنَافِقَاتُ بَعْضُهُم مِّنۢ بَعْضٍ
يَأْمُرُونَ بِالْمُنكَرِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمَعْرُوفِ
وَيَقْبِضُونَ أَيْدِيَهُمْ نَسُوا اللَّهَ فَنَسِيَهُمْ إِنَّ
الْمُنَافِقِينَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٦٧﴾
وَعَدَ اللَّهُ الْمُنَافِقِينَ وَالْمُنَافِقَاتِ وَالْكُفَّارَ
نَارَ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا هِيَ حَسْبُهُمْ وَلَعَنَهُمُ
اللَّهُ وَلَهُمْ عَذَابٌ مُّقِيمٌ ﴿٦٨﴾
كَالَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ كَانُوٓا أَشَدَّ مِنكُمْ قُوَّةً وَأَكْثَرَ
أَمْوَالًا وَأَوْلَادًا فَاسْتَمْتَعُوا بِخَلَاقِهِمْ فَاسْتَمْتَعْتُم
بِخَلَاقِكُمْ كَمَا اسْتَمْتَعَ الَّذِينَ مِن قَبْلِكُم
بِخَلَاقِهِمْ وَخُضْتُمْ كَالَّذِي خَاضُوٓا أُولَٰٓئِكَ
حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأُولَٰٓئِكَ
هُمُ الْخَاسِرُونَ ﴿٦٩﴾
أَلَمْ يَأْتِهِمْ نَبَأُ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ قَوْمِ نُوحٍ
وَعَادٍ وَثَمُودَ وَقَوْمِ إِبْرَاهِيمَ وَأَصْحَابِ مَدْيَنَ
وَالْمُؤْتَفِكَاتِ أَتَتْهُمْ رُسُلُهُم بِالْبَيِّنَاتِ فَمَا
كَانَ اللَّهُ لِيَظْلِمَهُمْ وَلَٰكِن كَانُوٓا أَنفُسَهُمْ
يَظْلِمُونَ ﴿٧٠﴾
وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ

يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنكَرِ وَيُقِيمُونَ
الصَّلَوٰةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَوٰةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ ۚ
أُو۟لَٰٓئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾
وَعَدَ اللَّهُ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَٰتِ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن
تَحْتِهَا الْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا وَمَسَٰكِنَ طَيِّبَةً
فِى جَنَّٰتِ عَدْنٍ ۚ وَرِضْوَٰنٌ مِّنَ اللَّهِ أَكْبَرُ ۚ ذَٰلِكَ
هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿٧٢﴾

"Tidakkah mereka mengetahui bahawa sesiapa yang menentang Allah dan Rasul-Nya, maka dia akan mendapat balasan hidup kekal di dalam Neraka Jahannam. Itulah penghinaan yang paling besar(63). Orang-orang Munafiqin itu takut diturunkan kepada mereka suatu surah yang mendedahkan kepada mereka segala isi hati mereka. Katakanlah: Teruskan ejekan kamu itu, sesungguhnya Allah tetap akan mendedahkan segala apa yang ditakuti kamu(64). Dan jika engkau bertanya mereka (tentang ejekan-ejekan itu) nescaya mereka menjawab: Kami hanya berbual-bual dan bermain-main sahaja Katakanlah: Apakah wajar kamu mengejek-ngejek Allah, ayat-ayat-Nya dan Rasul-Nya?(65). Janganlah kamu berdalih. Sebenarnya kamu telah kafir kembali setelah kamu beriman. Jika Kami memaafkan segolongan dari kamu, maka Kami tetap akan mengazabkan segolongan yang lain, kerana mereka adalah orang-orang yang berdosa(66). Orang-orang Munafiqin lelaki dan perempuan adalah bekerjasama satu sama lain. Mereka menyuruh melakukan kemungkaran dan melarang melakukan kebaikan dan mereka sentiasa menggenggam tangan mereka (bakhil). Mereka telah melupakan Allah, kerana itu Allah telah melupakan mereka. Sesungguhnya orang-orang Munafiqin itulah orang-orang yang fasiq(67). Allah mengancam orang-orang Munafiqin lelaki dan perempuan serta orang-orang kafir dengan balasan hidup kekal abadi dalam Neraka Jahannam. Itulah balasan yang cukup untuk mereka dan Allah telah mengutuk mereka dan mereka akan mendapat keseksaan yang kekal(68). (Kamu) adalah seperti orang-orang yang sebelum kamu. Mereka lebih kuat dari kamu dan lebih banyak mempunyai harta kekayaan dan anak-anak. Mereka telah meni'mati habuan (keni'matan dunia) mereka dan kamu juga telah meni'mati habuan (keni'matan dunia) kamu sebagaimana orang-orang sebelum kamu telah meni'mati habuan (keni'matan dunia) dan kamu juga telah berkecimpung di dalam kebatilan sama seperti mereka. Merekalah orang-orang yang sia-sia amalan mereka di dunia dan Akhirat, dan merekalah orang-orang yang rugi(69). Apakah tidak sampai kepada mereka berita orang-orang sebelum mereka, iaitu kaum Nuh, kaum 'Ad, kaum Thamud, kaum Ibrahim, penduduk Madyan, penduduk negeri-negeri yang telah dibinasakan. Para Rasul mereka telah datang kepada mereka membawa pengajaran-pengajaran yang jelas. Allah tidak sekali-kali menzalimi mereka, tetapi merekalah yang menzalimi diri sendiri(70). Para Mu'minin dan para Mu'minat adalah rakan-rakan setia terhadap satu sama lain. Mereka menyuruh melakukan segala yang ma'ruf dan melarang melakukan segala yang mungkar. Mereka mendirikan solat, menunaikan zakat dan menta'ati Allah dan Rasul-Nya. Merekalah orang-orang yang akan dirahmati Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (71). Allah telah menjanjikan para Mu'minin dan para Mu'minat dengan balasan taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, di mana mereka hidup kekal abadi, juga dengan tempat-tempat kediaman yang selesa di taman-taman Syurga 'Adni, dan pengurniaan keredhaan dari Allah adalah balasan yang lebih besar lagi. Itulah keberuntungan yang amat besar"(72).

يَٰٓأَيُّهَا النَّبِىُّ جَٰهِدِ الْكُفَّارَ وَالْمُنَٰفِقِينَ وَاغْلُظْ
عَلَيْهِمْ ۚ وَمَأْوَىٰهُمْ جَهَنَّمُ ۖ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ ﴿٧٣﴾
يَحْلِفُونَ بِاللَّهِ مَا قَالُوا۟ وَلَقَدْ قَالُوا۟ كَلِمَةَ الْكُفْرِ
وَكَفَرُوا۟ بَعْدَ إِسْلَٰمِهِمْ وَهَمُّوا۟ بِمَا لَمْ يَنَالُوا۟ ۚ وَمَا
نَقَمُوٓا۟ إِلَّآ أَنْ أَغْنَىٰهُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُۥ مِن فَضْلِهِۦ ۚ
فَإِن يَتُوبُوا۟ يَكُ خَيْرًا لَّهُمْ ۖ وَإِن يَتَوَلَّوْا۟ يُعَذِّبْهُمُ اللَّهُ
عَذَابًا أَلِيمًا فِى الدُّنْيَا وَالْءَاخِرَةِ ۚ وَمَا لَهُمْ فِى
الْأَرْضِ مِن وَلِىٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿٧٤﴾
وَمِنْهُم مَّنْ عَٰهَدَ اللَّهَ لَئِنْ ءَاتَىٰنَا مِن فَضْلِهِۦ
لَنَصَّدَّقَنَّ وَلَنَكُونَنَّ مِنَ الصَّٰلِحِينَ ﴿٧٥﴾
فَلَمَّآ ءَاتَىٰهُم مِّن فَضْلِهِۦ بَخِلُوا۟ بِهِۦ وَتَوَلَّوا۟
وَّهُم مُّعْرِضُونَ ﴿٧٦﴾
فَأَعْقَبَهُمْ نِفَاقًا فِى قُلُوبِهِمْ إِلَىٰ يَوْمِ يَلْقَوْنَهُۥ بِمَآ
أَخْلَفُوا۟ اللَّهَ مَا وَعَدُوهُ وَبِمَا كَانُوا۟ يَكْذِبُونَ ﴿٧٧﴾
أَلَمْ يَعْلَمُوٓا۟ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ سِرَّهُمْ وَنَجْوَىٰهُمْ
وَأَنَّ اللَّهَ عَلَّٰمُ الْغُيُوبِ ﴿٧٨﴾
الَّذِينَ يَلْمِزُونَ الْمُطَّوِّعِينَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ
فِى الصَّدَقَٰتِ وَالَّذِينَ لَا يَجِدُونَ إِلَّا جُهْدَهُمْ
فَيَسْخَرُونَ مِنْهُمْ ۙ سَخِرَ اللَّهُ مِنْهُمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ
أَلِيمٌ ﴿٧٩﴾
اسْتَغْفِرْ لَهُمْ أَوْ لَا تَسْتَغْفِرْ لَهُمْ إِن تَسْتَغْفِرْ لَهُمْ
سَبْعِينَ مَرَّةً فَلَن يَغْفِرَ اللَّهُ لَهُمْ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَفَرُوا۟

بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦۗ وَٱللَّهُ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلۡفَٰسِقِينَ ٨٠
فَرِحَ ٱلۡمُخَلَّفُونَ بِمَقۡعَدِهِمۡ خِلَٰفَ رَسُولِ ٱللَّهِ وَكَرِهُوٓاْ
أَن يُجَٰهِدُواْ بِأَمۡوَٰلِهِمۡ وَأَنفُسِهِمۡ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَقَالُواْ
لَا تَنفِرُواْ فِي ٱلۡحَرِّۗ قُلۡ نَارُ جَهَنَّمَ أَشَدُّ حَرّٗاۚ لَّوۡ كَانُواْ
يَفۡقَهُونَ ٨١
فَلۡيَضۡحَكُواْ قَلِيلٗا وَلۡيَبۡكُواْ كَثِيرٗا جَزَآءَۢ بِمَا كَانُواْ
يَكۡسِبُونَ ٨٢

"Wahai Nabi! Perangilah orang-orang kafir dan orang-orang Munafiqin dan kasarilah mereka. Tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali(73). Mereka bersumpah dengan nama Allah bahawa mereka tidak berkata begitu. Sebenarnya mereka telah mengeluarkan perkataan yang kufur dan mereka telah kafir kembali selepas keislaman mereka dan mereka telah mengingini untuk melakukan sesuatu yang tidak mungkin dicapai mereka. Mereka tidak menaruh dendam melainkan kerana Allah dan Rasul-Nya telah memberi kesenangan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya. Oleh itu jika mereka bertaubat, maka itu adalah lebih baik kepada mereka. Dan jika mereka enggan nescaya Allah akan menyeksakan mereka dengan azab yang amat pedih di dunia dan di Akhirat dan mereka tidak akan memperolehi di bumi ini sebarang pelindung dan sebarang penolong(74). Dan di antara mereka ada orang yang berjanji dengan Allah, iaitu jika Allah mengurniakan kami sebahagian dari limpah kurnia-Nya nescaya kami akan mengeluarkan sedekah dan tetap berada di dalam golongan orang-orang yang soleh(75). Tetapi setelah Allah mengurniakan kepada mereka sebahagian dari limpah kurnia-Nya mereka terus bakhil dengan pengurniaan itu dan berpaling (dari janji itu) dan mereka adalah orang-orang yang sentiasa membelakangi (perjanjian)(76). Lalu Allah menimbulkan sifat hipokrit di dalam hati mereka hingga sampai pada hari mereka menemui Allah kerana mereka telah memungkiri apa yang dijanjikan mereka dengan Allah dan kerana mereka berdusta(77). Tidakkah mereka tahu bahawa Allah mengetahui rahsia dan bisikan mereka dan bahawa Allah Maha Mengetahui segala urusan yang ghaib(78). Orang-orang (Munafiq) yang mencela orang-orang Mu'min yang memberi sedekah secara sukarela, juga mencela orang-orang yang tidak mempunyai wang untuk bersedekah kecuali sekadar kemampuan mereka serta mengejek mereka, maka Allah telah membalas ejekan mereka dan mereka akan memperolehi azab yang amat pedih(79). (Sama sahaja) sama ada engkau memohon ampun untuk mereka atau engkau tidak memohon ampun untuk mereka. Sekali pun tujuh kali engkau memohon ampun untuk mereka, maka Allah tetap tidak akan mengampunkan mereka. Hukuman itu disebabkan kerana mereka telah kafir terhadap Allah dan Rasul-Nya dan Allah sekali-kali tidak memberi hidayat kepada golongan orang-orang yang fasiq(80). Orang-orang yang ditinggal (tidak ikut berperang) telah bergembira dengan kedudukan mereka yang tertinggal di belakang Rasulullah dan mereka memang tidak suka berjihad dengan harta benda dan jiwa raga mereka untuk Sabilullah dan mereka telah berkata: Janganlah kamu keluar berperang di dalam panas terik ini. Katakanlah: Api Neraka Jahannam itu lebih panas lagi jika mereka mengerti(81). Oleh itu hendaklah mereka sedikit ketawa dan banyak menangis sebagai balasan terhadap perbuatan-perbuatan yang diusahakan mereka(82).

فَإِن رَّجَعَكَ ٱللَّهُ إِلَىٰ طَآئِفَةٖ مِّنۡهُمۡ فَٱسۡتَـٔۡذَنُوكَ
لِلۡخُرُوجِ فَقُل لَّن تَخۡرُجُواْ مَعِيَ أَبَدٗا وَلَن تُقَٰتِلُواْ مَعِيَ
عَدُوًّاۖ إِنَّكُمۡ رَضِيتُم بِٱلۡقُعُودِ أَوَّلَ مَرَّةٖ فَٱقۡعُدُواْ مَعَ
ٱلۡخَٰلِفِينَ ٨٣
وَلَا تُصَلِّ عَلَىٰٓ أَحَدٖ مِّنۡهُم مَّاتَ أَبَدٗا وَلَا تَقُمۡ عَلَىٰ قَبۡرِهِۦٓۖ
إِنَّهُمۡ كَفَرُواْ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَمَاتُواْ وَهُمۡ فَٰسِقُونَ ٨٤
وَلَا تُعۡجِبۡكَ أَمۡوَٰلُهُمۡ وَأَوۡلَٰدُهُمۡۚ إِنَّمَا يُرِيدُ ٱللَّهُ أَن
يُعَذِّبَهُم بِهَا فِي ٱلدُّنۡيَا وَتَزۡهَقَ أَنفُسُهُمۡ وَهُمۡ
كَٰفِرُونَ ٨٥
وَإِذَآ أُنزِلَتۡ سُورَةٌ أَنۡ ءَامِنُواْ بِٱللَّهِ وَجَٰهِدُواْ مَعَ رَسُولِهِ
ٱسۡتَـٔۡذَنَكَ أُوْلُواْ ٱلطَّوۡلِ مِنۡهُمۡ وَقَالُواْ ذَرۡنَا نَكُن
مَّعَ ٱلۡقَٰعِدِينَ ٨٦
رَضُواْ بِأَن يَكُونُواْ مَعَ ٱلۡخَوَالِفِ وَطُبِعَ عَلَىٰ قُلُوبِهِمۡ
فَهُمۡ لَا يَفۡقَهُونَ ٨٧
لَٰكِنِ ٱلرَّسُولُ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مَعَهُۥ جَٰهَدُواْ
بِأَمۡوَٰلِهِمۡ وَأَنفُسِهِمۡۚ وَأُوْلَٰٓئِكَ لَهُمُ ٱلۡخَيۡرَٰتُۖ
وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُفۡلِحُونَ ٨٨
أَعَدَّ ٱللَّهُ لَهُمۡ جَنَّٰتٖ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُ
خَٰلِدِينَ فِيهَاۚ ذَٰلِكَ ٱلۡفَوۡزُ ٱلۡعَظِيمُ ٨٩
وَجَآءَ ٱلۡمُعَذِّرُونَ مِنَ ٱلۡأَعۡرَابِ لِيُؤۡذَنَ لَهُمۡ وَقَعَدَ
ٱلَّذِينَ كَذَبُواْ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥۚ سَيُصِيبُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ
مِنۡهُمۡ عَذَابٌ أَلِيمٞ ٩٠
لَّيۡسَ عَلَى ٱلضُّعَفَآءِ وَلَا عَلَى ٱلۡمَرۡضَىٰ وَلَا عَلَى ٱلَّذِينَ

لَا يَجِدُونَ مَا يُنفِقُونَ حَرَجٌ إِذَا نَصَحُوا لِلَّهِ
وَرَسُولِهِ مَا عَلَى الْمُحْسِنِينَ مِن سَبِيلٍ وَاللَّهُ
غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٩١﴾
وَلَا عَلَى الَّذِينَ إِذَا مَا أَتَوْكَ لِتَحْمِلَهُمْ قُلْتَ
لَا أَجِدُ مَا أَحْمِلُكُمْ عَلَيْهِ تَوَلَّوا وَّأَعْيُنُهُمْ
تَفِيضُ مِنَ الدَّمْعِ حَزَنًا أَلَّا يَجِدُوا مَا يُنفِقُونَ ﴿٩٢﴾

"Jika Allah mengembalikan engkau kepada satu puak dari mereka (Munafiqin) lalu mereka meminta keizinan engkau untuk keluar berperang, maka katakanlah kepada mereka: Kamu tidak akan keluar berperang bersamaku buat selama-lamanya dan kamu tidak akan memerangi seorang musuh pun bersamaku, kerana pada kali yang pertama dulu, kamu telah pun rela untuk tidak keluar berperang. Oleh itu sekarang tinggallah kamu bersama-sama mereka yang tidak keluar berperang(83). Dan janganlah engkau menyembahyangkan jenazah seseorang pun dari mereka yang telah mati buat selama-lamanya dan jangan sekali-kali engkau berdiri di kuburnya, kerana mereka telah kafir terhadap Allah dan Rasul-Nya dan kerana mereka mati dalam keadaan fasiq(84). Dan janganlah engkau dipesonakan oleh harta kekayaan dan anak-anak mereka yang ramai. Sebenarnya Allah mahu menyeksakan mereka dengan harta dan anak-anak mereka di dunia ini dan agar nyawa mereka tercabut dalam keadaan kafir(85). Apabila turun satu surah (yang menyeru:) Berimanlah kamu kepada Allah dan berjihadlah bersama Rasul-Nya nescaya orang-orang yang mempunyai keupayaan (berjihad) dari kalangan mereka meminta kebenaran kepadamu untuk tidak ikut (berjihad) dan mereka berkata: Biarkanlah kami tinggal bersama orang-orang yang tidak ikut berperang(86). Mereka rela berada bersama orang-orang yang ponteng dari berjihad dan hati mereka telah dikunci mati, maka kerana itu mereka tidak dapat memahami(87). Tetapi Rasulullah dan orang-orang yang beriman yang ada bersamanya telah berjihad dengan harta benda dan jiwa raga mereka, dan merekalah orang-orang yang memperolehi berbagai-bagai kebajikan-Nya dan merekalah orang-orang yang beruntung(88). Allah telah menyediakan untuk mereka taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, di mana mereka hidup kekal abadi. Itulah keberuntungan yang besar(89). Dan datanglah kepada Rasulullah orang-orang yang mahu mengemukakan alasan-alasan keuzuran dari orang-orang A'arab (penduduk padang pasir) supaya mereka diberi kebenaran untuk tidak ikut berjihad, sedangkan orang-orang yang mendustakan Allah dan Rasul-Nya juga tidak ikut berperang. Orang-orang yang kafir dari kalangan mereka akan ditimpa azab yang amat pedih(90). Tiada apa-apa dosa ke atas orang-orang yang lemah dan tiada apa-apa dosa ke atas orang-orang yang sakit dan tiada pula apa-apa dosa keatas orang-orang yang tidak mempunyai apa-apa harta benda untuk dibelanjakannya (kerana jihad fi Sabilillah) apabila mereka berlaku ikhlas kepada Allah dan Rasul-Nya. Tiada jalan untuk mengalahkan para muhsinin. Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(91). Dan tiada apa-apa dosa ke atas orang-orang yang datang menemui engkau supaya engkau memberi kenderaan kepada mereka lalu engkau menjawab: Aku tidak boleh mendapat apa-apa kenderaan untuk kamu. Lalu mereka kembali, sedangkan mata mereka melimpah dengan air mata kerana sedih tidak mempunyai apa-apa harta benda yang dapat dibelanjakan mereka(92).

Dari sini Al-Qur'an memulakan ceritanya tentang golongan-golongan yang telah, memperlihatkan gejala-gejala kelemahan di dalam barisan Muslimin terutama golongan Munafiqin yang meresap masuk di dalam barisan-barisan Muslimin dengan nama Islam setelah Islam menang dan kuat. Pada hemat mereka, untuk mendapat keselamatan dan keuntungan mereka perlu menundukkan kepala mereka kepada Islam dan mengatur tipu daya mereka terhadap Islam dari dalam barisan-barisan Muslimin setelah mereka dapati sukar untuk mengaturkan tipudaya terhadap Islam dari luar barisan-barisan Muslimin.

Di dalam bahagian ini kita akan melihat segala gejala yang telah kami bicarakannya dalam kata pengantar surah ini mengikut sebagaimana yang digambarkan oleh penjelasan ayat-ayat Al-Qur'an. Kami kira gejala-gejala itu akan dapat difahami dengan jelas dengan pertolongan kata pengantar yang telah kami kemukakan sebelum ini.

(Pentafsiran ayat-ayat 42 - 48)

Sambutan Berjihad Dari Golongan Yang Bergoyang Keimanan

لَوْ كَانَ عَرَضًا قَرِيبًا وَسَفَرًا قَاصِدًا لَّاتَّبَعُوكَ
وَلَٰكِن بَعُدَتْ عَلَيْهِمُ الشُّقَّةُ وَسَيَحْلِفُونَ
بِاللَّهِ لَوِ اسْتَطَعْنَا لَخَرَجْنَا مَعَكُمْ يُهْلِكُونَ
أَنفُسَهُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ إِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ ﴿٤٢﴾

عَفَا اللَّهُ عَنكَ لِمَ أَذِنتَ لَهُمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكَ الَّذِينَ
صَدَقُوا وَتَعْلَمَ الْكَاذِبِينَ ﴿٤٣﴾

لَا يَسْتَأْذِنُكَ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ أَن
يُجَاهِدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالْمُتَّقِينَ ﴿٤٤﴾

إِنَّمَا يَسْتَأْذِنُكَ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ
وَارْتَابَتْ قُلُوبُهُمْ فَهُمْ فِي رَيْبِهِمْ يَتَرَدَّدُونَ ﴿٤٥﴾

وَلَوْ أَرَادُوا الْخُرُوجَ لَأَعَدُّوا لَهُ عُدَّةً وَلَٰكِن كَرِهَ اللَّهُ
انبِعَاثَهُمْ فَثَبَّطَهُمْ وَقِيلَ اقْعُدُوا مَعَ الْقَاعِدِينَ ﴿٤٦﴾

لَوْ خَرَجُوا۟ فِيكُم مَّا زَادُوكُمْ إِلَّا خَبَالًا وَلَأَوْضَعُوا۟ خِلَٰلَكُمْ يَبْغُونَكُمُ ٱلْفِتْنَةَ وَفِيكُمْ سَمَّٰعُونَ لَهُمْ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌۢ بِٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٤٧﴾

لَقَدِ ٱبْتَغَوُا۟ ٱلْفِتْنَةَ مِن قَبْلُ وَقَلَّبُوا۟ لَكَ ٱلْأُمُورَ حَتَّىٰ جَآءَ ٱلْحَقُّ وَظَهَرَ أَمْرُ ٱللَّهِ وَهُمْ كَٰرِهُونَ ﴿٤٨﴾

"Jika perkara yang diserukan engkau itu merupakan suatu manfa'at yang senang dicapai dan suatu perjalanan yang mudah tentu mereka akan menurutmu, tetapi tempat yang dituju engkau itu dirasa amat jauh oleh mereka. Dan mereka akan bersumpah dengan nama Allah, 'Jika kami mampu tentulah kami keluar bersama kamu,' mereka membinasakan diri mereka sendiri dan Allah memang mengetahui bahawa mereka adalah pendusta-pendusta(42). Allah telah mema'afkan engkau. Mengapa engkau benarkan mereka (tidak ikut berperang) sebelum jelas kepadamu orang-orang yang benar (berada dalam keuzuran) dan sebelum engkau mengetahui orang-orang yang berdusta(43). Orang-orang yang benar beriman kepada Allah dan hari Akhirat tidak akan meminta kebenaran kepadamu untuk tidak ikut berjihad dengan harta benda dan jiwa raga mereka dan Allah Maha Mengetahui dengan para Muttaqin(44). Sesungguhnya orang-orang yang sanggup meminta kebenaran kepadamu (untuk tidak ikut berjihad) ialah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan hari Akhirat, sedangkan hati mereka ragu-ragu dan oleh sebab itu mereka terumbang-ambing di dalam keraguan mereka(45). Dan jika mereka benar mahu keluar berperang tentulah mereka telah mengadakan persediaan untuknya, tetapi Allah sebenarnya tidak suka mereka terdorong keluar berperang lalu Allah menghalangkan mereka dan mereka diseru: Tinggallah bersama-sama orang-orang yang tidak ikut berperang(46). Jika mereka keluar bersama kamu, maka mereka tidak menambahkan suatu apa kepada kamu selain dari kekacauan dan mereka akan segera meresap di dalam kalangan kamu untuk menyebarkan fitnah terhadap kamu. Sedangkan di dalam kalangan kamu ada golongan yang suka mendengar percakapan mereka. Dan Allah Maha Mengetahui orang-orang yang zalim(47). Sesungguhnya sebelum ini, mereka telah pun berusaha menimbulkan fitnah terhadap kamu dan mereka telah mengaturkan berbagai-bagai tipu daya terhadapmu hingga datanglah kebenaran dan munculnya agama Allah, sedangkan mereka tidak menyukainya."(48)

Jika perkara yang diserukan Rasul itu merupakan salah satu perkara dari perkara-perkara manfa'at dunia yang dekat atau merupakan satu perjalanan yang pendek dan aman akibatnya tentulah mereka akan mengikut engkau, tetapi ia adalah satu jarak perjalanan yang amat jauh, yang tidak sanggup ditempuh oleh orang-orang yang berhemah rendah dan bertekad lemah. Ia adalah suatu kesulitan yang penuh bahaya yang mencemaskan orang-orang yang berjiwa kerdil dan berhati pengecut. Ia adalah suatu ufuk yang amat tinggi yang tidak sanggup didaki oleh orang-orang yang berhati kecil dan berbadan kerdil.

Itulah contoh yang berulang-ulang pada umat manusia yang dilukiskan oleh rangkai kata yang agung ini:

لَوْ كَانَ عَرَضًا قَرِيبًا وَسَفَرًا قَاصِدًا لَّٱتَّبَعُوكَ وَلَٰكِنۢ بَعُدَتْ عَلَيْهِمُ ٱلشُّقَّةُ ۚ

"Jika perkara yang diserukan engkau itu merupakan sesuatu manfa'at yang senang dicapai dan suatu perjalanan yang mudah tentu mereka akan menurutmu, tetapi tempat yang dituju engkau itu dirasa amat jauh oleh mereka."

Oleh kerana itu jumlah yang ramai ialah orang-orang yang gugur di tengah jalan mendaki kemuncak yang luhur, jumlah yang banyak ialah orang-orang yang capek dan letih lesu kerana jarak perjalanan begitu jauh. Justeru itu mereka tidak sanggup mengikut angkatan dan cenderung kepada sesuatu manfa'at yang remeh-temeh atau tuntutan yang mudah. Inilah golongan ramai yang dikenali umat manusia setiap zaman dan tempat. Mereka bukannya satu golongan kecil yang kebetulan, mereka adalah contoh-contoh manusia yang berulang-ulang. Mereka hidup di pinggir hayat walaupun mereka merasa telah mencapai berbagai-bagai manfa'at dan tuntutan. Mereka menjauhkan diri dari bayaran yang mahal, sedangkan bayaran yang murah tidak dapat membeli kecuali barangan yang enteng dan murah.

وَسَيَحْلِفُونَ بِٱللَّهِ لَوِ ٱسْتَطَعْنَا لَخَرَجْنَا مَعَكُمْ

"Mereka akan bersumpah dengan nama Allah, 'Jika kami mampu tentulah kami keluar bersama kamu."

Itulah pembohongan yang sentiasa menemani kelemahan... tiada yang sanggup berbohong kecuali orang-orang yang lemah walaupun kadang-kadang mereka nampak kuat dan gagah perkasa. Si kuat melawan dan si lemah berpusing-pusing. Inilah adat dan kaedah yang tidak pernah meleset di dalam mana-mana situasi dan hari.

يُهْلِكُونَ أَنفُسَهُمْ

"Mereka membinasakan diri mereka sendiri."

Dengan sumpah dan pembohongan ini, yang disangkakan mereka sebagai jalan selamat di sisi manusia, tetapi Allah mengetahui yang benar dan mendedahkannya kepada manusia. Oleh sebab itu si pembohong binasa di dunia kerana pembohongannya, juga binasa di Akhirat di mana penafian tidak berguna.

وَٱللَّهُ يَعْلَمُ إِنَّهُمْ لَكَٰذِبُونَ ﴿٤٢﴾

"Dan Allah memang mengetahui bahawa mereka adalah pendusta-pendusta."(42)

عَفَا ٱللَّهُ عَنكَ لِمَ أَذِنتَ لَهُمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكَ ٱلَّذِينَ صَدَقُوا۟ وَتَعْلَمَ ٱلْكَٰذِبِينَ ﴿٤٣﴾

"Allah telah mema'afkan engkau. Mengapa engkau benarkan mereka (tidak ikut berperang) sebelum jelas kepadamu orang-orang yang benar (berada dalam keuzuran) dan sebelum engkau mengetahui orang-orang yang berdusta."(43)

Itulah layanan Allah yang lembut terhadap Rasul-Nya. Allah mema'afkan beliau sebelum mengemukakan kecaman terhadapnya. Orang-orang yang ponteng berjihad telah berlindung di sebalik kebenaran Rasulullah s.a.w. yang mengizinkan mereka tidak keluar berperang setelah mereka mengemukakan alasan-alasan keuzuran masing-masing dan sebelum jelas kepada beliau sama ada alasan-alasan itu benar atau dusta. Sebenarnya mereka tidak akan ikut berjuang bersama angkatan Rasulullah s.a.w. walaupun beliau tidak mengizinkan mereka. Di waktu inilah terdedahnya hakikat mereka yang sebenar dan gugurlah dari mereka tabir nifaq yang melindungi mereka. Kini mereka muncul di hadapan orang ramai dengan hakikat diri mereka yang sebenar dan tidak dapat lagi menyembunyikan diri di belakang kebenaran yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w.

Apabila perkara ini tidak berlaku, maka Al-Qur'an sendiri mendedahkan hakikat mereka dan menjelaskan ciri-ciri dasar yang membezakan para Mu'minin dari para Munafiqin.

لَا يَسْتَأْذِنُكَ ٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ أَن
يُجَٰهِدُوا۟ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌۢ بِٱلْمُتَّقِينَ ﴿٤٤﴾
إِنَّمَا يَسْتَأْذِنُكَ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ
وَٱرْتَابَتْ قُلُوبُهُمْ فَهُمْ فِى رَيْبِهِمْ يَتَرَدَّدُونَ ﴿٤٥﴾

"Orang-orang yang benar beriman kepada Allah dan hari Akhirat tidak akan meminta kebenaran kepadamu untuk tidak ikut berjihad dengan harta benda dan jiwa raga mereka dan Allah Maha Mengetahui dengan para Muttaqin(44). Sesungguhnya orang-orang yang sanggup meminta kebenaran kepadamu (untuk tidak ikut berjihad) ialah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan hari Akhirat, sedangkan hati mereka ragu-ragu dan oleh sebab itu mereka terumbang-ambing di dalam keraguan mereka."(45)

Inilah ciri asas yang tidak mungkir, iaitu orang-orang yang beriman kepada Allah dan mempercayai hari Akhirat tidak akan menunggu kebenaran untuk melaksanakan kewajipan jihad, mereka tidak akan teragak-agak untuk menyambut kerahan berjihad fi Sabilillah dengan harta benda dan jiwa raga mereka, malah mereka akan terus keluar berjihad sama ada dalam keadaan ringan atau berat kerana menjunjung perintah Allah, kerana yakin bertemu dengan Allah, kerana percaya kepada balasan-Nya dan kerana mencari keredhaan-Nya. Mereka akan berjuang dengan penuh sukarela tanpa memerlukan pemberangsangan dari orang lain, lebih-lebih lagi keizinan mereka. Orang-orang yang memohon kebenaran untuk tidak ikut berjuang itu ialah orang-orang yang kosong hati mereka dari keimanan. Merekalah yang teragak-agak dan mencari alasan dan dalihan semoga mendapat sesuatu halangan yang menghalangkan mereka dari memikul tugas-tugas 'aqidah, yang mereka berpura-pura dengannya dan meragui kebenarannya.

Jalan menuju Allah adalah jalan yang jelas dan terang. Hanya orang yang tidak mengetahui jalan itu sahaja yang ragu-ragu dan teragak-agak, atau orang yang mengetahui jalan itu tetapi sengaja menjauhkannya untuk mengelakkan dirinya dari kesulitan-kesulitan perjuangan jalan itu.

Orang-orang yang ponteng dari perjuangan itu sememangnya berupaya untuk keluar berjihad. Mereka mempunyai alat-alat dan kelengkapan yang cukup:

وَلَوْ أَرَادُوا۟ ٱلْخُرُوجَ لَأَعَدُّوا۟ لَهُۥ عُدَّةً

"Dan jika mereka benar-benar mahu berperang tentulah mereka telah mengadakan persediaan untuknya."(46)

Di antara mereka termasuk Abdullah Ibn Ubay Ibn Abi Salul dan al-Jidd Ibn Qays. Kedua-duanya adalah pembesar-pembesar dan hartawan-hartawan kaum mereka.

وَلَٰكِن كَرِهَ ٱللَّهُ ٱنۢبِعَاثَهُمْ

"Tetapi Allah sebenarnya tidak suka mereka terdorong keluar berperang."

Kerana Allah mengetahui tabi'at dan hipokrit mereka di samping mengetahui niat-niat mereka yang jahat terhadap kaum Muslimin sebagaimana akan diterangkan nanti.

فَثَبَّطَهُمْ

"Lalu Allah menghalangkan mereka."

Maksudnya, Allah tidak membangkitkan semangat mereka untuk keluar berperang.

وَقِيلَ ٱقْعُدُوا۟ مَعَ ٱلْقَٰعِدِينَ ﴿٤٦﴾

"Dan mereka diseru : Tinggallah bersama-sama orang yang tidak ikut berperang."(46)

Maksudnya, tinggallah kamu bersama-sama orang-orang tua, wanita-wanita dan kanak-kanak yang tidak berupaya untuk berperang dan berjihad. Inilah tempat kamu yang sesuai dengan semangat kamu yang rendah, hati kamu yang ragu-ragu dan jiwa kamu yang kosong dari keyakinan.

Itu lebih baik kepada da'wah Islamiyah dan kepada kaum Muslimin:

لَوْ خَرَجُوا۟ فِيكُم مَّا زَادُوكُمْ إِلَّا خَبَالًا وَلَأَوْضَعُوا۟
خِلَٰلَكُمْ يَبْغُونَكُمُ ٱلْفِتْنَةَ وَفِيكُمْ سَمَّٰعُونَ

لَهُمْ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالظَّالِمِينَ ﴿٤٧﴾

"Jika mereka keluar bersama kamu, maka mereka tidak menambahkan suatu apa kepada kamu selain dari kekacauan dan mereka akan segera meresap di dalam kalangan kamu untuk menyebarkan fitnah terhadap kami. Sedangkan di dalam kalangan kamu ada golongan yang suka mendengar percakapan mereka. Dan Allah Maha Mengetahui orang-orang yang zalim."(47)

Penyertaan Kaum Munafiqin Dalam Perjuangan Hanya Memecahkan Perpaduan Barisan

Hati-hati yang tidak mempunyai pendirian yang teguh boleh menyebarkan kelemahan di dalam barisan perjuangan, dan hati-hati yang khianat merupakan bahaya yang mengancam angkatan tentera. Seandainya golongan Munafiqin itu keluar berperang, mereka bukan sahaja tidak menambahkan kekuatan kepada kaum Muslimin, malah menambahkan kekacuan di dalam barisan mereka, kerana mereka akan bertindak menimbulkan pergeseran, fitnah dan pecah belah dan melumpuhkan semangat perjuangan, sedangkan di dalam golongan kaum Muslimin ada orang-orang yang suka mendengar percakapan mereka, tetapi Allah yang sentiasa memelihara da'wah-Nya dan memelihara perjuangan-perjuangan yang ikhlas telah menyelamatkan para Mu'minin dari huru-hara dan membiarkan golongan Munafiqin yang bersemangat lemah itu ponteng tidak ikut keluar berperang:

وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالظَّالِمِينَ ﴿٤٧﴾

"Dan Allah Maha Mengetahui orang-orang yang zalim."(47)

Yang dimaksudkan dengan orang-orang yang zalim di sini ialah "orang-orang yang mempersekutukan Allah", kerana Allah telah menggabungkan mereka ke dalam golongan kaum Musyrikin.

Zaman silam mereka telah menyaksi betapa busuknya hati mereka. Mereka telah menentang Rasulullah s.a.w. dengan segala keupayaan yang ada pada mereka sehingga mereka kalah dan menyerah, tetapi penyakit lama tetap bersarang di dalam hati mereka:

لَقَدِ ابْتَغَوُا الْفِتْنَةَ مِن قَبْلُ وَقَلَّبُوا لَكَ الْأُمُورَ حَتَّىٰ جَاءَ الْحَقُّ وَظَهَرَ أَمْرُ اللَّهِ وَهُمْ كَارِهُونَ ﴿٤٨﴾

"Sesungguhnya sebelum ini, mereka telah pun berusaha menimbulkan fitnah terhadap kamu dan mereka telah mengaturkan berbagai-bagai tipudaya terhadapmu hingga datanglah kebenaran dan munculnya agama Allah, sedangkan mereka tidak menyukainya."(48)

Peristiwa itu berlaku sewaktu kedatangan Rasulullah s.a.w. ke Madinah sebelum Allah mengurniakan kepadanya kedudukan yang mengatasi musuh-musuhnya. Kemudian tibalah kebenaran dan menanglah Kalimatullah menyebabkan mereka terpaksa menundukkan kepala mereka kepada-Nya dengan hati yang penuh dengan kebencian dan mereka terus menunggu-nunggu agar Islam dan kaum Muslimin dilanda malapetaka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 49 - 52)

Kemudian ayat-ayat berikut mula membentangkan contoh-contoh kaum Munafiqin dan alasan-alasan keuzuran mereka yang bohong dan setelah itu ia mendedahkan angan-angan yang tersembunyi di dalam hati mereka agar Rasulullah s.a.w. dan kaum Muslimin dilanda malapetaka.

وَمِنْهُم مَّن يَقُولُ ائْذَن لِّي وَلَا تَفْتِنِّي ۚ أَلَا فِي الْفِتْنَةِ سَقَطُوا ۗ وَإِنَّ جَهَنَّمَ لَمُحِيطَةٌ بِالْكَافِرِينَ ﴿٤٩﴾ إِن تُصِبْكَ حَسَنَةٌ تَسُؤْهُمْ ۖ وَإِن تُصِبْكَ مُصِيبَةٌ يَقُولُوا قَدْ أَخَذْنَا أَمْرَنَا مِن قَبْلُ وَيَتَوَلَّوا وَّهُمْ فَرِحُونَ ﴿٥٠﴾ قُل لَّن يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا ۚ وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ﴿٥١﴾ قُلْ هَلْ تَرَبَّصُونَ بِنَا إِلَّا إِحْدَى الْحُسْنَيَيْنِ ۖ وَنَحْنُ نَتَرَبَّصُ بِكُمْ أَن يُصِيبَكُمُ اللَّهُ بِعَذَابٍ مِّنْ عِندِهِ أَوْ بِأَيْدِينَا ۖ فَتَرَبَّصُوا إِنَّا مَعَكُم مُّتَرَبِّصُونَ ﴿٥٢﴾

"Di antara mereka ada yang berkata: '(Wahai Rasulullah), benarkan saya tidak ikut berperang dan jangan didedahkan saya kepada fitnah (perempuan). Ingatlah! Sebenarnya mereka telah jatuh di dalam fitnah ('azab) dan sesungguhnya Neraka Jahannam mengepungi seluruh orang-orang kafir'(49). Dan jika engkau mendapat sesuatu kebaikan ia menjadikan mereka berdukacita dan jika engkau ditimpa sesuatu bencana, mereka berkata: Kami telah memikirkan urusan kami dengan hati-hati sebelum ini dan mereka beredar dari situ dengan penuh gembira(50). Katakanlah: Tiada suatu yang akan menimpa kami kecuali apa yang telah ditetapkan Allah kepada kami. Dialah Pelindung kami. Dan hanya kepada Allah para Mu'minin harus bertawakkal(51). Katakanlah: Tiada yang kamu tunggu-tunggu terhadap kami kecuali salah satu dari dua kebaikan yang paling besar (kemenangan atau mati syahid), sedangkan apa yang kami tunggu-tunggu terhadap kamu ialah kamu ditimpakan Allah dengan 'azab dari sisi-Nya atau 'azab dari tangan kami. Oleh sebab itu tunggulah kamu dan kami juga menunggu bersama kamu."(52)

Jawapan Kepada Alasan-alasan Dusta

Menurut riwayat Muhammad Ibn Ishaq daripada az- Zuhri dan Yazid Ibn Roman dan Abdullah Ibn Abu Bakr dan Asim Ibn Qatadah, mereka berkata: Rasulullah s.a.w. telah bersabda pada suatu hari ketika beliau bersiap sedia (untuk menghadapi peperangan Tabuk) kepada al-Jidd Ibn Qays saudara Bani Salamah: "Wahai Jidd, apakah engkau sanggup berperang dengan bangsa kuning (bangsa Roman)?" Jawab al-Jidd: "Wahai Rasulullah, dapatkah anda benarkan saya agar tidak ikut dalam peperangan ini, tolonglah jangan dedahkan saya kepada fitnah (godaan) perempuan? Demi Allah, kaum saya semua tahu, tiada seorang yang lebih terpesona kepada perempuan selain dari saya. Dan saya benar-benar takut jika saya melihat perempuan bangsa Roman bahawa saya tidak dapat menahan diri saya dan tergoda kepada mereka". Lalu Rasulullah s.a.w. berpaling meninggalkannya seraya bersabda: "Aku benarkan engkau tidak ikut berperang". Gara-gara dalihan al-Jidd Ibn Qays inilah diturunkan ayat ini.

Dengan menggunakan alasan dan dalihan-dalihan yang seperti inilah kaum Munafiqin mengemukakan sebab-sebab keuzuran mereka dari turut berperang. Alasan mereka telah dijawab oleh Allah:

أَلَا فِي ٱلْفِتْنَةِ سَقَطُوا۟ ۗ وَإِنَّ جَهَنَّمَ لَمُحِيطَةٌۢ بِٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٤٩﴾

"Ingatlah, sebenarnya mereka telah jatuh di dalam fitnah ('azab) dan sesungguhnya Neraka Jahannam mengepungi seluruh orang-orang kafir."(49)

Ayat ini melukis satu pemandangan, di mana fitnah itu digambarkan seolah-olah sebuah lubang, di mana jatuhnya orang-orang yang ditimpakan 'azab dan Neraka Jahannam seolah-olah sedang mengepung di belakang mereka, di mana segala pintu dan jalan-jalan keluar ditutup kepada mereka menyebabkan mereka tidak dapat melepaskan diri. Ini adalah suatu kiasan yang menggambarkan bahawa kesalahan mereka telah dilakukan dengan sempurna dan pastilah menerima 'azab sebagai balasan kerana berbohong dan mengelakkan diri dari ikut berperang bersama Rasulullah s.a.w. dan kerana mereka menjatuhkan diri ke tahap yang paling rendah hingga sanggup mengemukakan alasan-alasan keuzuran yang palsu, juga sebagai penjelasan terhadap kekafiran mereka walaupun mereka berpura-pura Islam dan bersikap hipokrit. Mereka tidak mahu Rasulullah s.a.w. dan orang-orang Islam mendapat apa-apa kebaikan, malah mereka akan bersedih dan berdukacita andainya Rasulullah dan orang-orang Muslimin mendapat sesuatu kebaikan.

إِن تُصِبْكَ حَسَنَةٌ تَسُؤْهُمْ ۖ

"Dan jika engkau mendapat sesuatu kebaikan, ia menjadikan mereka berdukacita."

Sebaliknya mereka akan bergembira jika orang-orang Islam ditimpa kesusahan dan kesulitan:

وَإِن تُصِبْكَ مُصِيبَةٌ يَقُولُوا۟ قَدْ أَخَذْنَآ أَمْرَنَا مِن قَبْلُ

"Dan jika engkau ditimpa sesuatu bencana, mereka berkata: Kami telah memikirkan urusan kami dengan hati-hati sebelum ini."

Maksudnya, kami mengambil sikap berhati-hati agar kami tidak ditimpakan malapetaka bersama orang-orang Islam dan kerana itu kami mengelakkan diri dari ikut berperang dan berjuang bersama mereka.

وَيَتَوَلَّوا۟ وَّهُمْ فَرِحُونَ ﴿٥٠﴾

"Dan mereka beredar dari situ dengan penuh gembira."(50)

Kerana selamat dari malapetaka dan kerana kaum Muslimin ditimpa bala.

Semangat Bertawakkal Kepada Allah Dan Menerima Qadha' Qadarnya Dengan Penuh Kerelaan

Ini disebab kerana mereka melihat sesuatu dari permukaan lahirnya sahaja dan mereka mengira bala dan malapetaka itu sebagai buruk belaka dalam semua keadaan. Mereka menyangka bahawa mereka telah mencapai kebaikan apabila mereka telah berjaya mengelakkan diri mereka dari keluar berperang. Hati mereka kosong dari semangat berserah kepada Allah, semangat redha menerima qadha' dan qadar- Nya dan memandang adanya kebaikan di sebaliknya. Seorang Muslim yang tulen tetap berusaha dan tampil ke muka tanpa gentar dan takut dengan keyakinan bahawa segala sesuatu yang diperolehinya sama ada baik atau buruk adalah bergantung kepada kehendak Allah dan Allah tetap membantu dan menolongnya:

قُل لَّن يُصِيبَنَآ إِلَّا مَا كَتَبَ ٱللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَىٰنَا ۚ وَعَلَى ٱللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿٥١﴾

"Katakanlah: Tiada sesuatu yang akan menimpa kami kecuali apa yang telah ditetapkan Allah kepada kami. Dialah Pelindung kami. Dan hanya kepada Allah para Mu'minin bertawakkal."(51)

Allah telah menetapkan kemenangan kepada kelompok Mu'minin dan menjanjikannya kepada mereka di akhir perjuangan. Apa sahaja kesusahan yang menimpa mereka dan apa sahaja ujian yang dihadapi mereka, maka semuanya merupakan persediaan untuk menerima pertolongan dan kemenangan yang telah dijanjikan Allah agar para Mu'minin menerima kemenangan itu dengan hati yang jelas setelah melalui ujian-ujian dan menggunakan sarana-sarananya yang dikehendaki oleh Sunnatullah agar kemenangan itu merupakan suatu kemenangan yang sukar dan mahal bukannya suatu kemenangan yang murah, juga merupakan

suatu kemuliaan yang dilindungi oleh wira-wira yang berjiwa perkasa yang siap sedia untuk menghadapi segala ujian dan bersemangat tabah dan sabar untuk memberi segala pengorbanan. Dan Allahlah yang memberi pertolongan dan bantuan:

وَعَلَى ٱللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿٥١﴾

"Dan hanya kepada Allah para Mu'minin harus bertawakkal."(51)

Tetapi kepercayaan kepada qadha' dan qadar Allah dan penyerahan diri yang total kepada Allah tidaklah menafikan keperluan atau kewajipan menyediakan lebih dahulu kelengkapan-kelengkapan perjuangan dan peperangan sedaya upaya berdasarkan perintah Allah yang terang dan jelas:

وَأَعِدُّوا۟ لَهُم مَّا ٱسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ

"Dan sediakanlah untuk menghadapi mereka segala apa sahaja kekuatan yang mampu disediakan kamu."

(Surah al-Anfal: 60)

Mereka yang tidak menjunjung perintah Allah tidak boleh disifatkan sebagai orang yang bertawakkal dengan tawakkal yang sebenar, begitu juga orang yang tidak menggunakan sebab-sebab yang dijadikan Allah untuk mendapatkan sesuatu atau orang yang tidak mengikut Sunnatullah yang beroperasi tanpa memilih kasih dan tanpa mengambil hati seseorang pun.

Tetapi nasib seorang Mu'min itu adalah baik belaka sama ada ia mendapat kemenangan atau gugur syahid di medan pertempuran, sedangkan nasib orang yang kafir itu adalah buruk belaka sama ada ia ditimpa 'azab dari Allah secara langsung atau dari tangan orang-orang yang beriman:

قُلْ هَلْ تَرَبَّصُونَ بِنَآ إِلَّآ إِحْدَى ٱلْحُسْنَيَيْنِ ۖ وَنَحْنُ نَتَرَبَّصُ بِكُمْ أَن يُصِيبَكُمُ ٱللَّهُ بِعَذَابٍ مِّنْ عِندِهِۦٓ أَوْ بِأَيْدِينَا ۖ فَتَرَبَّصُوٓا۟ إِنَّا مَعَكُم مُّتَرَبِّصُونَ ﴿٥٢﴾

"Katakanlah: Tiada yang kamu tunggu-tunggu terhadap kami kecuali salah satu dua kebaikan yang paling besar (kemenangan atau mati syahid), sedangkan apa yang kami tunggu-tunggu terhadap kamu ialah kamu akan ditimpakan Allah dengan 'azab dari sisi-Nya atau 'azab dari tangan kami. Oleh sebab itu tunggulah kamu dan kami juga menunggu bersama kamu."(52)

Nasib Seorang Pejuang Muslim Adalah Baik Belaka

Apakah nasib yang ditunggu-tunggu oleh kaum Munafiqin terhadap pejuang-pejuang Mu'minin? Jawabnya, itulah nasib yang paling baik dalam segala keadaan, iaitu kemenangan yang meninggikan Kalimatullah sebagai balasan yang diperolehi mereka di dunia ini atau gugur syahid demi memperjuangkan kebenaran, dan itulah setinggi-tinggi darjah di sisi Allah. Dan apakah pula nasib yang ditunggu-tunggu kaum Mu'minin terhadap kaum Munafiqin? Jawapnya itulah 'azab Allah yang ditimpakan ke atas mereka sebagaimana sebelum ini telah ditimpakan ke atas orang-orang yang mendustakan Allah dan Rasul-Nya atau 'azab dari tindakan kaum Muslimin terhadap mereka sebagaimana sebelum ini telah berlaku ke atas kaum Musyrikin:

فَتَرَبَّصُوٓا۟ إِنَّا مَعَكُم مُّتَرَبِّصُونَ ﴿٥٢﴾

"Oleh sebab itu tunggullah kamu dan kami juga menunggu bersama kamu."(52)

Akibatnya diketahui umum, iaitu golongan Mu'minin tetap menerima kesudahan yang baik.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 53 - 54)

Allah Menolak Infaq Dan Ibadat Kaum Munafiqin

Setengah-setengah orang yang mengemukakan alasan-alasan untuk mengelakkan diri dari turut berjihad itu telah menawarkan harta mereka kepada Rasulullah s.a.w. dengan tujuan "memegang tongkat di tengahnya" mengikut taktik kaum Munafiqin di setiap zaman dan tempat, tetapi tipu muslihat mereka telah ditolak oleh Allah apabila Dia memerintah Rasul-Nya supaya mengisytiharkan bahawa infaq mereka tidak diterima di sisi Allah, kerana mereka menginfaqkan harta mereka dengan tujuan riya' dan menyelamatkan diri dari ketakutan, bukannya kerana didorong oleh keimanan dan kepercayaan. Sama ada mereka menginfaqkan harta mereka dengan kerelaan hati kerana infaq merupakan suatu jalan untuk mengelirukan kaum Muslimin atau mereka menginfaqkan harta mereka secara terpaksa kerana takut terbuka tembelang mereka, maka di dalam kedua-dua keadaan ini, infaq mereka tetap ditolak dan tidak diterima. Ia tidak akan mendapat sebarang pahala dan tidak pula dikira di sisi Allah:

قُلْ أَنفِقُوا۟ طَوْعًا أَوْ كَرْهًا لَّن يُتَقَبَّلَ مِنكُمْ ۖ إِنَّكُمْ كُنتُمْ قَوْمًا فَٰسِقِينَ ﴿٥٣﴾ وَمَا مَنَعَهُمْ أَن تُقْبَلَ مِنْهُمْ نَفَقَٰتُهُمْ إِلَّآ أَنَّهُمْ كَفَرُوا۟ بِٱللَّهِ وَبِرَسُولِهِۦ وَلَا يَأْتُونَ ٱلصَّلَوٰةَ إِلَّا وَهُمْ كُسَالَىٰ وَلَا يُنفِقُونَ إِلَّا وَهُمْ كَٰرِهُونَ ﴿٥٤﴾

"Katakanlah: Belanjakanlah hartamu dengan sukarela atau terpaksa, namun ia tidak akan diterima dari kamu, kerana sesungguhnya kamu adalah satu golongan manusia yang fasiq(53). Dan tiada yang menghalang mereka dari diterima perbelanjaan mereka kecuali kerana mereka mengingkarkan Allah dan Rasul-Nya dan mereka tidak mengerjakan solat melainkan dengan keadaan malas dan mereka tidak membelanjakan harta mereka melainkan dengan perasaan benci."(54)

Itulah gambaran kaum Munafiqin di setiap zaman. Mereka diburu ketakutan, mereka melakukan putar belit, hati mereka menyeleweng dan dimasuki penyakit. Itulah gejala-gejala kaum Munafiqin yang tidak berjiwa. Itulah kepura-puraan yang melahirkan sikap-sikap yang tidak tersemat di dalam hati nurani:

وَلَا يَأْتُونَ ٱلصَّلَوٰةَ إِلَّا وَهُمْ كُسَالَىٰ

"Dan mereka tidak mengerjakan solat melainkan dengan keadaan malas."

Maksudnya, mereka mengerjakan solat dengan bentuknya yang lahir tanpa hakikat. Mereka tidak mengerjakannya dengan betul, tekun dan jujur. Mereka mengerjakannya dengan keadaan malas, kerana motif yang mendorongkan mereka mengerjakan solat bukannya lahir dari lubuk hati mereka, malah mereka semacam ditolak dan dipaksa mengerjakannya. Oleh kerana itu mereka merasa bahawa mereka dipaksa melakukannya. Begitu juga keadaan mereka sewaktu mengerjakan amalan-amalan infaq, iaitu mereka melakukannya dengan perasaan benci dan terpaksa.

Allah sekali-kali tidak akan menerima harakat-harakat ibadat yang lahir tanpa didorong oleh 'aqidah dan tanpa disertai perasaan yang mendorong mereka. Motif itulah tonggak amalan dan niat itulah kayu ukur amalan yang betul.

Mereka yang menginfaqkan harta mereka dengan perasaan benci adalah manusia-manusia yang mempunyai harta kekayaan dan anak pinak yang ramai di samping mempunyai pangkat dan darjat yang terhormat di kalangan kaum mereka. Tetapi semuanya ini tidak memberi apa-apa makna di sisi Allah, begitu juga ia tidak seharusnya memberi apa-apa erti di sisi Rasulullah dan para Mu'minin, kerana harta kekayaan dan pangkat kebesaran itu bukannya sesuatu ni'mat yang dilimpahkan ke atas mereka supaya mereka dapat bersenang-senang dengannya, malah ia merupakan ujian dari Allah untuk meng'azabkan mereka dengannya:

****

(Pentafsiran ayat 55)

فَلَا تُعْجِبْكَ أَمْوَٰلُهُمْ وَلَآ أَوْلَٰدُهُمْ ۚ إِنَّمَا يُرِيدُ ٱللَّهُ لِيُعَذِّبَهُم بِهَا فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَتَزْهَقَ أَنفُسُهُمْ وَهُمْ كَٰفِرُونَ ﴿٥٥﴾

"Oleh kerana itu janganlah kamu dikagumi harta kekayaan dan anak-anak mereka. Sesungguhnya Allah hendak meng'azabkan mereka dengan ni'mat harta dan anak-anak itu di dalam kehidupan dunia, dan kelak nyawa mereka akan melayang, sedangkan mereka berada dalam keadaan kafir."(55)

Harta Dan Anak Menjadi Bala Kepada Kaum Munafiqin

Harta kekayaan dan anak-pinak kadang-kadang merupakan suatu ni'mat yang dikurniakan Allah kepada mana-mana hamba-Nya apabila Allah mentaufikkannya ke arah mensyukuri ni'mat-Nya dan ke arah menggunakannya untuk kerja-kerja yang baik di bumi dan untuk bertawajjuh kepada Allah. Oleh kerana itu ia merasakan hatinya begitu tenteram, tenang dan yakin kepada destininya. Setiap kali ia menginfaqkan harta kekayaan ia mengharapkan pahalanya dari Allah dan merasa bahawa dia telah menyimpan suatu bekalan untuk dirinya, dan setiap kali ia ditimpa kesusahan kerana harta benda atau anak-anaknya ia mengharapkan pahala dari Allah lalu hatinya diselubungi ketenteraman dan terhibur kerana ia meletakkan harapannya pada Allah. Kadang-kadang kekayaan dan anak pinak itu merupakan suatu bala yang ditimpakan Allah ke atas mana-mana hamba- Nya, kerana Allah mengetahui hatinya rosak dan dimasuki penyakit, justeru itu ia dilanda perasaan gelisah dan keluh kesah terhadap harta kekayaan dan anak-anaknya menyebabkan hidupnya berubah menjadi sebuah Neraka dunia. Tekanan perasaan tamak dan sayangkan harta dan anak menyebabkan ia tidak dapat tidur nyenyak lalu merosakkan sarafnya. Dia tiba-tiba membelanjakan harta kekayaannya pada perkara-perkara yang merosak dan mendatangkan akibat yang buruk kepadanya. Dia menderita kerana anak-anaknya apabila mereka sakit dan ia juga menderita kerana mereka apabila mereka sihat. Di sana terdapat ramai manusia yang hidup terseksa dan menderita kerana anak-anak mereka akibat sesuatu sebab yang tertentu.

Orang-orang Munafiqin di zaman Rasulullah s.a.w. itu dan mereka yang seumpamanya di setiap zaman memiliki harta kekayaan dan anak-anak yang ramai. Kehidupan mereka yang lahir mengkagumi orang ramai, sedangkan pada hakikatnya harta dan anak-anak mereka merupakan semacam keseksaan kepada mereka, iaitu keseksaan dalam kehidupan dunia, dan kemudian hidup mereka menuju ke lubang gaung, maut dalam kekafiran. Semoga kita dilindungi Allah dari destinasi ini!

Ungkapan:

وَتَزْهَقَ أَنفُسُهُمْ

"Dan kelak nyawa mereka melayang"(55)

memberi makna bayangan lari atau binasa kepada kaum Munafiqin, iaitu makna bayangan yang mencemaskan, di mana tidak terdapat ketenteraman dan ketenangan. Bayangan ini sesuai dengan bayangan penderitaan di dalam kehidupan dunia yang disebabkan oleh harta kekayaan dan anak-anak. Itulah bayangan kegelisahan dan kesusahan hidup di dunia dan Akhirat. Dan sudah tentu tiada seorang pun yang ingin mendapat kesenangan-kesenangan kulit luar seperti ini, sedangkan di dalamnya penuh kesusahan.

(Pentafsiran ayat-ayat 56 - 57)

Pendedahan Tembelang Kaum Munafiqin

Kaum Munafiqin memasukkan diri mereka ke dalam barisan Muslimin bukan kerana didorong oleh keimanan dan kepercayaan, malah kerana didorong oleh ketakutan dan keinginan menjaga keselamatan diri, di samping didorong oleh ketamakan. Kemudian mereka sanggup bersumpah bahawa mereka adalah dari golongan orang-orang yang memeluk Islam dan beriman dengan penuh keyakinan dan kepercayaan. Oleh sebab itulah surah ini mendedahkan hakikat diri mereka yang sebenar. Ia merupakan surah pembuka tembelang dan membuka tabir putar-belit mereka dan mengoyak tabir hipokrit mereka:

وَيَحْلِفُونَ بِٱللَّهِ إِنَّهُمْ لَمِنكُمْ وَمَا هُم مِّنكُمْ وَلَٰكِنَّهُمْ قَوْمٌ يَفْرَقُونَ ﴿٥٦﴾
لَوْ يَجِدُونَ مَلْجَـًٔا أَوْ مَغَٰرَٰتٍ أَوْ مُدَّخَلًا لَّوَلَّوْاْ إِلَيْهِ وَهُمْ يَجْمَحُونَ ﴿٥٧﴾

"Dan mereka bersumpah dengan nama Allah bahawa mereka dari golongan kamu, sedangkan sebenarnya mereka bukan dari golongan kamu, tetapi mereka adalah orang-orang pengecut(56). Seandainya mereka mendapat tempat perlindungan atau gua-gua atau lubang tentulah mereka akan menuju kepadanya dengan berlari segera."(57)

Maksudnya, mereka adalah manusia-manusia pengecut dan ungkapan ayat yang berikut melukiskan sifat pengecut itu dengan satu pemandangan yang digambarkan dengan harakat hati yang dijelmakan dalam harakat jasad yang dapat dilihat dengan mata:

لَوْ يَجِدُونَ مَلْجَـًٔا أَوْ مَغَٰرَٰتٍ أَوْ مُدَّخَلًا لَّوَلَّوْاْ إِلَيْهِ وَهُمْ يَجْمَحُونَ ﴿٥٧﴾

"Seandainya mereka mendapat tempat perlindungan atau gua-gua atau lubang tentulah mereka akan menuju kepadanya dengan berlari segera." (57)

Maksudnya, mereka selama-lamanya bercita-cita untuk mendapat tempat perlindungan dengan aman atau mendapat gua atau lubang untuk persembunyian. Mereka berada di dalam kecemasan dan diburu oleh ketakutan batin dan kepengecutan rohaniyah dan justeru itulah mereka:

وَيَحْلِفُونَ بِٱللَّهِ إِنَّهُمْ لَمِنكُمْ

"Mereka bersumpah dengan nama Allah bahawa mereka dari golongan kamu."

Mereka bersumpah dengan menggunakan kata-kata yang tegas untuk melindungi rahsia di dalam hati mereka dan untuk mengelakkan diri dari terbuka tembelang dan seterusnya untuk mengamankan diri mereka. Itulah gambaran sifat pengecut, takut, dolak dalik dan riya' yang hina. Gambaran ini tidak dapat digambarkan kecuali oleh uslub Al-Qur'an yang mengkagumkan ini, iaitu uslub yang menonjolkan harakat-harakat jiwa yang dapat ditanggap pancaindera mengikut cara penggambaran Al-Qur'an yang seni, yang memberi saranan yang mendalam.

(Pentafsiran ayat-ayat 58 - 60)

Kemudian penjelasan ayat-ayat surah ini terus menyambung pembicaraannya tentang kaum Munafiqin, iaitu tentang perkataan-perkataan dan tindak-tanduk yang keluar dari mereka, di samping membongkarkan niat-niat mereka yang jahat, yang cuba dilindungi mereka tetapi gagal. Di antara mereka ada yang menyindir Nabi s.a.w. tentang cara pengagihan zakat yang dilakukan beliau dan menuduh beliau tidak berlaku adil dalam pengagihan itu, sedangkan beliau seorang yang ma'sum dan berakhlak tinggi. Di antara mereka ada yang mengatakan bahawa beliau mendengar dan mempercayai segala apa yang didengar dan diceritakan kepadanya, sedangkan beliau seorang Nabi yang bijaksana dan jauh pandangannya, juga seorang pemikir dan pentadbir yang bijak. Di antara mereka ada pula yang mengeluarkan perkataan-perkataan yang jahat dan kafir secara sembunyi-sembunyi dan apabila rahsianya terbongkar ia terus berbohong dan bersumpah untuk mengelakkan dirinya dari tanggungjawab apa yang telah dikatakannya. Di antara mereka ada yang takut diturunkan Allah kepada Rasul-Nya satu surah yang mendedahkan sifat hipokrit mereka kepada kaum Muslimin.

Di samping menjelaskan ragam-ragam kaum Munafiqin itu, ia diiringi pula dengan sebuah pertanyaan yang menerangkan tabi'at hipokrit dan kelakuan kaum Munafiqin. Ia menghubungkan mereka dengan kaum kafir yang telah berlaku sebelum mereka, dan telah dibinasakan Allah setelah mereka meni'mati habuan keni'matan hidup dunia hingga sampai kepada satu tempoh yang tertentu. Pernyataan ini bertujuan untuk mendedahkan perbezaan-perbezaan di antara tabi'at kaum Munafiqin dengan tabi'at para Mu'minin yang benar-benar ikhlas kepada 'aqidah dan tidak pernah menunjukkan sifat-sifat hipokrit.

وَمِنْهُم مَّن يَلْمِزُكَ فِى ٱلصَّدَقَٰتِ فَإِنْ أُعْطُواْ مِنْهَا رَضُواْ وَإِن لَّمْ يُعْطَوْاْ مِنْهَآ إِذَا هُمْ يَسْخَطُونَ ﴿٥٨﴾
وَلَوْ أَنَّهُمْ رَضُواْ مَآ ءَاتَىٰهُمُ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَقَالُواْ حَسْبُنَا ٱللَّهُ سَيُؤْتِينَا ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ وَرَسُولُهُۥٓ إِنَّآ إِلَى ٱللَّهِ رَٰغِبُونَ ﴿٥٩﴾
إِنَّمَا ٱلصَّدَقَٰتُ لِلْفُقَرَآءِ وَٱلْمَسَٰكِينِ وَٱلْعَٰمِلِينَ

عَلَيْهَا وَٱلْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِى ٱلرِّقَابِ وَٱلْغَٰرِمِينَ وَفِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ ٱللَّهِ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

"Dan di antara mereka ada yang mencelamu tentang pembahagian sedekah-sedekah, jika mereka diberi sebahagian darinya, mereka bersenang hati dan jika mereka tidak diberi sebahagian darinya, mereka terus marah(58). Jika mereka berpuas hati dengan apa yang diberikan Allah dan Rasul-Nya kepada mereka dan berkata: Cukuplah anugerah Allah kepada kami, Allah tetap akan mengurniakan kepada kami dari limpah kurnia-Nya, juga Rasul-Nya. Sesungguhnya kami amat gemar kepada Allah (tentulah lebih baik kepada mereka)(59). Sesungguhnya zakat itu hanya untuk orang-orang faqir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mu'allaf yang dijinakkan hati mereka, untuk memerdekakan para hamba, untuk orang-orang yang menanggung hutang, untuk Sabilullah dan untuk orang-orang yang merantau sebagai suatu kefardhuan dari Allah. Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(60)

Mereka Mempertikaikan Keadilan Pengagihan Zakat

Maksudnya, di antara kaum Munafiqin terdapat orang-orang yang mengkritik dan mengecam engkau, mereka mempertikaikan keadilan engkau dalam pengagihan harta zakat dan mendakwa bahawa engkau memilih kasih dalam pengagihan. Mereka berkata begitu bukan kerana membela keadilan dan bukan kerana mempertahankan kebenaran dan bukan juga kerana keghairahan terhadap agama, malah mereka berkata begitu kerana membela kepentingan diri mereka dan kerana ketamakan mereka dan seterusnya kerana keghairahan mereka terhadap faedah peribadi mereka:

فَإِنْ أُعْطُوا۟ مِنْهَا رَضُوا۟

"Jika mereka diberi sebahagian darinya, mereka bersenang hati."

وَإِن لَّمْ يُعْطَوْا۟ مِنْهَآ إِذَا هُمْ يَسْخَطُونَ ﴿٥٨﴾

"Dan jika mereka tidak diberi sebahagian darinya mereka terus marah."(58)

Di sana terdapat berbagai-bagai riwayat tentang nuzul ayat ini. Riwayat-riwayat itu menceritakan peristiwa-peristiwa tertentu tentang orang-orang tertentu yang telah mengkritik dan mempertikaikan keadilan Rasulullah s.a.w. dalam pengagihan harta zakat.

Menurut riwayat al-Bukhari dan an-Nasa'i dari Abu Said al-Khudri r.a katanya: Ketika Nabi s.a.w. sedang melakukan pembahagian zakat tiba-tiba datang Zul-Khuwaysar at-Tamimi dan berkata kepada beliau: "Wahai Rasulullah! Bahagilah dengan adil!" Lantas beliau menjawab: "Celakalah engkau, siapa lagi yang berlaku adil jika aku tidak berlaku adil?" Lalu Umar Ibn al-Khattab r.a menyampuk "Benarkan saya memanggal leher orang ini". Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Biarkan dia. Dia mempunyai sahabat-sahabat yang ramai, yang mana seseorang dari kamu akan memandang kecil kepada solatnya dibandingkan dengan solat mereka, juga memandang kecil kepada puasanya dibandingkan dengan puasa mereka. Mereka keluar dari agama laksana keluarnya anak panah dari busurnya ketika dipanah". Ujar Abu Said: "Kerana merekalah diturunkan ayat:

وَمِنْهُم مَّن يَلْمِزُكَ فِى ٱلصَّدَقَٰتِ ..."

Mengikut riwayat Ibn Mardawayh dari Ibn Mas'ud r.a. katanya: Apabila Nabi s.a.w. selesai membahagikan harta rampasan Peperangan Hunayn aku dengar seorang lelaki berkata: "Pembahagian ini dibuat bukan kerana Allah", lalu aku datang menemui Nabi s.a.w. dan menceritakan perkara itu kepadanya lalu beliau bersabda:

رحمة الله على موسى لقد أوذي بأكثر من هذا فصبر

"Allah cucurkan rahmat ke atas Musa. Beliau telah disakiti hatinya lebih banyak dari ini, tetapi beliau bersabar"

lalu turunlah ayat "وَمِنْهُم مَّن يَلْمِزُكَ فِى ٱلصَّدَقَٰتِ".

Mengikut riwayat Sanid dan Ibn Jarir daripada Daud Ibn Abu Asim katanya: Apabila harta zakat telah dibawa kepada Nabi s.a.w. ia terus membahagikannya di situ juga sehingga habis, tiba-tiba seorang lelaki dari kaum Ansar berkata: "Pembahagian ini tidak adil", lalu turunlah ayat ini.

Ujar Qatadah mengenai ayat" وَمِنْهُم مَّن يَلْمِزُكَ فِى ٱلصَّدَقَٰتِ" katanya: Maksudnya di antara mereka ada orang yang mencela engkau dalam pembahagian sedekah, lalu ia menyebut seorang lelaki Badwi yang masih baru dengan perilaku kekampungannya datang menemui Nabi s.a.w. semasa beliau sedang membahagi emas dan perak lalu ia berkata: "Wahai Muhammad, demi Allah, jika Allah menyuruh engkau berlaku adil, nescaya engkau tidak dapat berlaku adil". Nabi s.a.w. terus menjawab: "Celakalah engkau, sesiapa lagi yang dapat berlaku adil kepada engkau selepas aku?"

Walau bagaimanapun, nas Al-Qur'an menjelaskan bahawa perkataan itu adalah perkataan sekumpulan kaum Munafiqin. Mereka mengeluarkan perkataan itu bukan kerana ghairah terhadap agama, tetapi kerana marah tidak mendapat habuan untuk dirinya. Itulah tanda hipokrit mereka secara terang-terangan. Tiada seseorang yang beriman dengan agama ini sanggup meragui akhlak Nabi s.a.w. yang bersih. Beliau terkenal, sebagai seorang yang sentiasa berkata benar, jujur dan amanah sebelum beliau diangkat menjadi Rasul, sedangkan keadilan merupakan satu cabang dari amanah-amanah Allah yang dibebankan ke atas bahu para Mu'minin lebih-lebih lagi ke atas Nabi bagi para Mu'minin. Di sini jelas bahawa nas-nas ini menceritakan kejadian-kejadian dan gejala-gejala yang telah berlaku sebelum ini, tetapi ia menceritakannya semasa berlakunya peperangan

untuk menggambarkan keadaan-keadaan kaum Munafiqin yang berterusan dan bersambung-sambung sebelum tercetusnya peperangan dan semasa berlakunya peperangan.

Sehubungan dengan kejadian ini ayat yang berikut menggariskan jalan yang patut diikuti oleh para Mu'minin yang beriman dengan sebenar:

Adab Sopan Seorang Mu'min

وَلَوْ أَنَّهُمْ رَضُوا۟ مَآ ءَاتَىٰهُمُ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَقَالُوا۟ حَسْبُنَا ٱللَّهُ سَيُؤْتِينَا ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ وَرَسُولُهُۥٓ إِنَّآ إِلَى ٱللَّهِ رَٰغِبُونَ ﴿٥٩﴾

"Dan jika mereka berpuas hati dengan apa yang diberikan Allah dan Rasul-Nya kepada mereka dan berkata: Cukuplah anugerah Allah kepada kami, Allah tetap akan mengurniakan kepada kami dari limpah kurnia-Nya juga Rasul-Nya. Sesungguhnya kami amat gemar kepada Allah (tentulah lebih baik kepada mereka)."(59)

Inilah adab sopan hati dan lidah, juga adab sopan keimanan, iaitu redha dan berpuas hati dengan pembahagian Allah dan Rasul-Nya, iaitu keredhaan yang lahir dari persetujuan dan keyakinan hati, bukan keredhaan yang lahir dari keadaan terpaksa. Sikap berpada dengan pemberian Allah yang memberi secukupnya kepada hamba-Nya, sikap menaruh harapan kepada limpah kurnia Allah dan Rasul-Nya, sikap gemar dan menyayangi Allah yang bersih dari segala faedah kebendaan dan dari segala perasaan loba duniawi... itulah adab sopan keimanan yang sebenar yang melimpahi hati Mu'min. Inilah adab sopan yang tidak dikenali oleh hati kaum Munafiqin kerana jiwa mereka tidak pernah merasai kemanisan iman dan hati mereka tidak pernah diterangi nur keyakinan.

Setelah menjelaskan adab sopan yang layak terhadap Allah dan Rasul yang harus dijunjung dengan penuh kerelaan, maka ayat yang berikut menjelaskan pula bahawa urusan pengagihan zakat itu bukan urusan Rasul, malah ia adalah urusan Allah, kefardhuan yang ditetapkan Allah dan pengagihan yang diaturkan Allah. Tugas Rasul dalam urusan ini hanya sebagai pelaksana atau penguatkuasa fardhu zakat yang telah ditetapkan pembahagiannya oleh Allah Tuhan semesta alam. Harta zakat ini diambil dari orang-orang kaya sebagai fardhu yang diwajibkan Allah, dan dikembalikan kepada faqir miskin sebagai fardhu yang diwajibkan Allah. Ia diperuntukkan kepada kumpulan-kumpulan manusia yang ditentukan oleh Al-Qur'an dan bukannya diserahkan kepada pemilihan seseorang sekalipun pemilihan Rasul.

Kefardhuan Zakat Dan Hakikatnya

إِنَّمَا ٱلصَّدَقَٰتُ لِلْفُقَرَآءِ وَٱلْمَسَٰكِينِ وَٱلْعَٰمِلِينَ عَلَيْهَا وَٱلْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِى ٱلرِّقَابِ وَٱلْغَٰرِمِينَ وَفِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ ٱللَّهِ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

"Sesungguhnya zakat itu hanya untuk orang-orang faqir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mu'allaf yang dijinakkan hati mereka, untuk memerdekakan para hamba, untuk orang-orang yang menanggung hutang, untuk Sabilullah dan untuk orang-orang yang merantau sebagai suatu kefardhuan dari Allah. Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(60)

Dengan nas ini zakat mengambil tempatnya di dalam syari'at Islam dan mengambil tempatnya di dalam sistem hidup Islam bukan sebagai pemberian sukarela dan tidak pula sebagai pemberian ihsan dari orang-orang yang diwajibkan zakat ke atas mereka, malah ia merupakan kefardhuan yang diwajibkan Allah. Ia bukannya pengurniaan dan bukan pula pemberian secara serampangan dari pegawai pembahagi dan pengagih. Ia adalah kefardhuan yang ditentukan Allah. Ia merupakan salah satu dari kefardhuan-kefardhuan Islam. Ia dikumpulkan oleh kerajaan Islam mengikut satu peraturan yang tertentu untuk menjalankan perkhidmatan sosial yang tertentu. Ia bukannya pemberian ihsan dari pemberi dan bukan pula pengemis dari pihak penerima. Ia sekali-kali tidak begitu. Sistem kemasyarakatan Islam tidak pernah dan tidak akan ditegakkan di atas pengemis atau meminta sedekah.

Asas kehidupan dalam sistem hidup Islam ialah bekerja dengan segala jenis pekerjaan. Kewajipan kerajaan Islam ialah menyediakan peluang pekerjaan bagi setiap orang yang mampu bekerja dan menjamin upahan yang baik. Orang-orang yang mampu bekerja tidak berhak diberi zakat, kerana zakat merupakan cukai takaful kemasyarakatan di antara orang-orang yang mampu dan orang-orang yang tidak mampu. Ia diatur dan dikendalikan oleh kerajaan dalam urusan pengumpulan dan pengagihan apabila masyarakat itu ditegakkan di atas asas Islam yang betul dan menguatkuasakan syari'at Islam dan tidak mengambil undang-undang dan peraturan yang lain darinya.

Daripada Ibn Umar r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

لا تحل الصدقة لغني ولا لذي مرة سوي

"Zakat tidak halal bagi orang kaya dan tidak pula halal bagi orang yang kuat dan sihat."

(Diriwayatkan oleh Ahmad, Abu Daud dan at- Tarmizi)

Daripada Abdullah Ibn 'Adi Ibn al-Khiar katanya: Ada dua orang lelaki menceritakan kepadanya bahawa duaka (mereka berdua) telah menemui Nabi s.a.w. meminta zakat dari beliau lalu beliau memandang duaka dengan teliti dan apabila beliau melihat duaka kuat-kuat belaka beliau pun bersabda:

إن شئتما أعطيتكما ولا حظ فيها لغني
ولا لقوي مكتسب

"Jika duaka (kamu berdua) suka aku boleh berikan zakat itu kepada duaka, tetapi sebenarnya dalam harta zakat tidak ada habuan bagi orang kaya dan tidak pula bagi orang kuat yang boleh berusaha."

(Diriwayatkan oleh Ahmad, Abu Daud dan An- Nasa'i)

Zakat merupakan salah satu cabang dari cabang-cabang sistem takaful kemasyarakatan di dalam Islam. Sistem takaful ini jauh lebih merangkumi dan lebih luas dari zakat, kerana ia dilaksanakan di dalam beberapa peraturan yang merangkumi seluruh cabang kehidupan dan seluruh aspek perhubungan manusia, dan zakat merupakan satu peraturan asasi dari peraturan-peraturan kehidupan ini. [7]

Zakat dipungut dengan kadar satu persepuluh dan separuh dari satu persepuluh dan satu perempat dari satu persepuluh dari harta pokok mengikut jenis-jenis harta. Ia dipungut dari setiap orang yang memiliki paun (wang Mesir) kira-kira dua puluh nisab yang lebih dari keperluannya dan dilalui haul (mengikut nisab lama wang paun Mesir di zaman pengarang tafsir ini). Dengan ini bererti kebanyakan individu umat turut menyumbang dalam kumpulan hasil zakat, kemudian wang kumpulan zakat ini dibelanjakan kepada asnaf yang diterangkan di dalam ayat tadi. Kumpulan pertama yang berhak menerima zakat ialah kumpulan orang-orang faqir dan orang-orang miskin. Orang-orang faqir ialah orang-orang yang mempunyai pendapatan yang tidak mencukupi dan orang-orang miskin juga sama dengan orang-orang faqir tetapi mereka sabar dan pemalu oleh kerana itu mereka tidak memperlihatkan kemiskinan mereka dan tidak pula meminta-minta kepada orang lain.

Ramai orang-orang yang membayar zakat pada sesuatu tahun kadang-kadang pada tahun selanjutnya menjadi orang-orang yang berhak menerima zakat kerana kekurangan wang di tangan mereka untuk menampung keperluan hidup. Oleh itu dari aspek ini zakat merupakan jaminan sosial ("social security"). Setengah orang pula tidak pernah menyumbang dalam kumpulan wang hasil zakat, tetapi mereka berhak menerimanya. Dari aspek ini juga zakat merupakan jaminan sosial, dan keduanya merupakan kefardhuan yang ditetapkan Allah. Penunaian zakat dapat membersihkan diri seorang di samping merupakan amal ibadat kepada Allah. Ia menyelamatkan seorang dari perangai bakhil dan kikir dan dapat mengatasinya dengan menunaikan zakat.

إِنَّمَا ٱلصَّدَقَٰتُ لِلْفُقَرَآءِ وَٱلْمَسَٰكِينِ

"Sesungguhnya zakat itu hanya untuk orang-orang faqir dan orang miskin."

Keterangan mengenai kedua-dua golongan ini telah pun dikemukakan.

وَٱلْعَٰمِلِينَ عَلَيْهَا

"Dan untuk pengurus-pengurus zakat."

وَٱلْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ

"Dan para mu'allaf yang dijinakkan hati mereka."

Mereka terdiri dari beberapa golongan. Di antaranya ialah golongan mu'allaf yang baru memeluk Islam, dan tujuan diberi zakat kepada mereka ialah supaya mereka berpegang teguh dengan agama Islam. Di antaranya ialah golongan mu'allaf yang diharapkan dapat dijinakkan hati mereka supaya menganut agama Islam. Di antaranya ialah golongan mu'allaf yang telah memeluk Islam dan berpegang teguh dengannya dan diharap dapat menarik hati orang-orang yang seperti mereka di kalangan kaum mereka supaya memeluk Islam setelah mereka melihat saudara-saudara mereka mendapat rezeki yang lumayan. Di sana terdapat perselisihan fiqhiyah di sekitar gugurnya habuan kaum mu'allaf selepas kemenangan Islam....... Tetapi tatacara pergerakan Islam akan terus menghadapi di dalam berbagai-bagai peringkat perjuangannya banyak kes-kes yang memerlukan diberi peruntukan kewangan yang seperti itu kepada kumpulan-kumpulan manusia yang tertentu sebagai bantuan kepada mereka supaya berpegang teguh dengan agama Islam jika mereka ditentang dan rezeki-rezeki mereka dihimpit kerana keislaman mereka, atau sebagai dorongan untuk mendekatkan mereka kepada Islam seperti tokoh-tokoh penting bukan Islam yang diharap dapat memberi manfa'at kepada Islam melalui da'wah kepada Islam dan mempertahankannya di sana sini. Dengan memahami hakikat ini dapatlah kita melihat betapa sempurnanya hakikat kebijaksanaan Allah dalam mentadbirkan urusan kaum Muslimin di dalam berbagai-bagai situasi dan keadaan.

وَفِى ٱلرِّقَابِ

"Dan untuk memerdekakan para hamba."

Iaitu semasa perhambaan menjadi undang-undang antarabangsa, di mana mu'amalah yang sama dilakukan dengan memperhambakan tawanan-tawanan perang yang berlaku di antara kaum Muslimin dan musuh-musuh mereka. Islam terpaksa bertindak melakukan mua'malah yang sama sehingga dunia internasional bersetuju mengadakan satu peraturan yang lain dari sistem memperhambakan tawanan perang. Peruntukan wang zakat ini digunakan untuk menolong mereka yang hendak memerdekakan diri dari tuan mereka dengan menunaikan bayaran yang tertentu kepadanya melalui pertolongan bantuan dari wang zakat atau dengan

---

[7] *Lihat huraian bab "التكافل الإجتماعي" dalam buku "العدالة الإجتماعية" dan buku "دراسات إسلامية", juga lihat huraian ini dalam juzu' yang ke tiga dari Tafsir Fi Zilal ini, iaitu bahagian akhir Surah Al-Baqarah.*

membeli hamba-hamba itu dan memerdekakan mereka dengan wang zakat dengan pengetahuan kerajaan.

وَٱلْغَٰرِمِينَ

"Dan untuk orang-orang yang menanggung hutang."

Iaitu orang-orang yang menanggung beban hutang yang bukan kerana maksiat. Mereka berhak diberi zakat untuk menjelaskan hutang mereka. Ini adalah lebih baik dari mengisytiharkan mereka sebagai muflis-muflis sebagaimana yang dilakukan oleh tamadun kebendaan Barat terhadap peniaga-peniaga yang menanggung beban hutang walaupun berpunca dari mana-mana sebab sekalipun. Islam merupakan satu sistem takaful, di mana warga yang mulia tidak dibiarkan jatuh dan warga yang amanah tidak dibiarkan hilang dan manusia tidak dibenarkan memakan satu sama lain dalam bentuk undang-undang pemerintahan sebagaimana yang berlaku dalam undang-undang dunia atau undang-undang riba.

وَفِي سَبِيلِ ٱللَّهِ

"Dan untuk Sabilullah."

Ini adalah satu bab yang luas yang merangkumi segala kepentingan kelompok Muslimin yang merealisasikan Kalimatullah.

وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ

"Dan untuk orang yang merantau."

Iaitu musafir yang putus perbelanjaan walaupun dia seorang yang kaya di negerinya.

Inilah sistem zakat yang menjadi buah mulut yang diperkatakan di zaman ini, di mana ia dituduh sebagai satu sistem mengemis dan satu pemberian secara ihsan [8], sedangkan zakat merupakan satu kewajipan sosial yang ditunaikan dalam bentuk ibadat Islamiyah dan dengan perantaraannya Allah membersihkan hati manusia dari perangai bakhil dan kikir dan menjadikannya tali ikatan saling bertimbang rasa dan takaful di antara individu-individu umat Muslimin, yang menyelesakan suasana hidup manusia dan menyembuhkan luka-luka mereka dan sekaligus merealisasikan jaminan sosial dalam skop yang seluas-luasnya. Seterusnya zakat mengekalkan sifat ibadat yang menghubungkan di antara hati manusia dengan Allah Pencipta mereka di samping menghubungkan di antara seorang dengan orang ramai:

فَرِيضَةً مِّنَ ٱللَّهِ

"Sebagai suatu kefardhuan dari Allah"

Tuhan yang mengetahui segala sesuatu yang mendatangkan kebaikan kepada manusia dan mentadbirkan urusan mereka dengan kebijaksanaan.

وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

"Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(60)

(Pentafsiran ayat-ayat 61 - 66)

Selepas menerangkan peraturan-peraturan zakat yang menjadi asas rujukan dalam pengagihan dan pembahagian zakat, iaitu satu penerangan yang mendedahkan kejahilan orang-orang yang mencela dan mengkritik Rasulullah s.a.w. di samping mendedahkan kebiadaban mereka apabila mereka mencela Rasulullah yang bersifat amanah dan jujur... selepas penerangan ini, rangkaian ayat-ayat berikut membentangkan jenis-jenis kaum Munafiqin dan segala apa yang dikata dan dilakukan mereka:

وَمِنْهُمُ ٱلَّذِينَ يُؤْذُونَ ٱلنَّبِيَّ وَيَقُولُونَ هُوَ أُذُنٌ ۚ
قُلْ أُذُنُ خَيْرٍ لَّكُمْ يُؤْمِنُ بِٱللَّهِ وَيُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِينَ
وَرَحْمَةٌ لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مِنكُمْ ۚ وَٱلَّذِينَ يُؤْذُونَ
رَسُولَ ٱللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٦١﴾
يَحْلِفُونَ بِٱللَّهِ لَكُمْ لِيُرْضُوكُمْ وَٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ
أَحَقُّ أَن يُرْضُوهُ إِن كَانُوا۟ مُؤْمِنِينَ ﴿٦٢﴾
أَلَمْ يَعْلَمُوٓا۟ أَنَّهُۥ مَن يُحَادِدِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَأَنَّ لَهُۥ
نَارَ جَهَنَّمَ خَٰلِدًا فِيهَا ۚ ذَٰلِكَ ٱلْخِزْىُ ٱلْعَظِيمُ ﴿٦٣﴾
يَحْذَرُ ٱلْمُنَٰفِقُونَ أَن تُنَزَّلَ عَلَيْهِمْ سُورَةٌ
تُنَبِّئُهُم بِمَا فِى قُلُوبِهِمْ ۚ قُلِ ٱسْتَهْزِءُوٓا۟ إِنَّ ٱللَّهَ
مُخْرِجٌ مَّا تَحْذَرُونَ ﴿٦٤﴾
وَلَئِن سَأَلْتَهُمْ لَيَقُولُنَّ إِنَّمَا كُنَّا نَخُوضُ وَنَلْعَبُ ۚ
قُلْ أَبِٱللَّهِ وَءَايَٰتِهِۦ وَرَسُولِهِۦ كُنتُمْ تَسْتَهْزِءُونَ ﴿٦٥﴾
لَا تَعْتَذِرُوا۟ قَدْ كَفَرْتُم بَعْدَ إِيمَٰنِكُمْ ۚ إِن نَّعْفُ عَن
طَآئِفَةٍ مِّنكُمْ نُعَذِّبْ طَآئِفَةًۢ بِأَنَّهُمْ كَانُوا۟
مُجْرِمِينَ ﴿٦٦﴾

---

[8] *Lihat buku "السلام العالمي و الإسلام" dalam maudhu' "الزكاة"*

"Di antara mereka (kaum Munafiqin) ada orang-orang yang menyakiti Nabi dan mereka mengatakan bahawa Nabi mempercayai segala apa yang didengarinya. Katakanlah: Dia mempercayai segala yang baik untuk kamu. Dia beriman kepada Allah dan mempercayai para Mu'minin dan dia menjadi rahmat kepada orang-orang yang beriman dari kalangan kamu. Dan orang-orang yang menyakiti Rasulullah, mereka akan mendapat 'azab yang amat pedih(61). Mereka bersumpah kepada kamu dengan nama Allah untuk mendapat keredhaan kamu, sedangkan Allah dan Rasul-Nya itulah yang lebih wajar bagi mereka mendapat keredhaan-Nya jika mereka benar-benar orang-orang yang beriman(62). Tidakkah mereka mengetahui bahawa sesiapa yang menentang Allah dan Rasul-Nya, maka dia akan mendapat balasan hidup kekal di dalam Neraka Jahannam. Itulah penghinaan yang paling besar(63). Orang-orang munafiqin itu takut diturunkan kepada mereka suatu surah, yang mendedahkan kepada mereka segala isi hati mereka. Katakanlah: Teruskan ejekan kamu itu, sesungguhnya Allah tetap akan mendedahkan segala apa yang ditakuti kamu(64). Dan jika engkau bertanya mereka (tentang ejekan-ejekan itu) nescaya mereka menjawab: Kami hanya berbual-bual dan bermain-main sahaja. Katakanlah: Apakah wajar kamu mengejek-ngejek Allah, ayat-ayat-Nya dan Rasul-Nya?(65). Janganlah kamu berdalih. Sebenarnya kamu telah kafir kembali setelah kamu beriman. Jika Kami mema'afkan segolongan dari kamu, maka Kami tetap akan meng'azabkan segolongan yang lain, kerana mereka adalah orang-orang yang berdosa."(66)

Kebiadaban Kaum Munafiqin Terhadap Rasulullah

Itulah kebiadaban terhadap Rasulullah s.a.w. yang dilihat dalam satu bentuk yang lain dari bentuk kritik terhadap cara beliau mengagihkan zakat. Mereka dapati Nabi s.a.w. menunjukkan adab sopan yang tinggi apabila mendengar orang lain bercakap kepadanya. Beliau mendengar dengan penuh perhatian dan toleransi dan melayani mereka mengikut keadaan mereka yang zahir berdasarkan lunas-lunas syari'atnya. Beliau sentiasa memberi senyumannya dan melapangkan dadanya, tetapi mereka namakan adab sopan yang tinggi ini dengan nama yang lain dan menyifatkannya dengan hakikat yang lain. Mereka mengatakan beliau sebagai seorang yang mempercayai apa sahaja perkataan yang disampaikan kepadanya, baik perkataan bohong mahupun menipu dan putar belit. Beliau tidak mengetahui perkataan yang bertujuan menipu dan bohong. Siapa sahaja yang bercakap dengan bersumpah-sumpah, beliau akan membenarkannya dan sesiapa sahaja yang pandai menyelit perkataan-perkataan dusta akan diterima oleh beliau. Mereka mengeluarkan perkataan ini kepada satu sama lain untuk menenteramkan hati mereka bahawa Nabi s.a.w. tidak mengetahui hakikat mereka yang sebenar atau mengetahui rahsia hipokrit mereka. Atau mereka berkata begitu kepada Rasulullah s.a.w. dengan tujuan mencerca beliau kerana mendengar orang-orang Mu'min yang jujur yang telah menyampaikan kepada beliau berita-berita yang diketahui mereka tentang keperihalan-keperihalan kaum Munafiqin, tindak-tanduk mereka dan perkataan-perkataan mereka terhadap Rasulullah s.a.w., dan kaum Muslimin. Kedua-dua tujuan itu telah disebut dalam riwayat-riwayat yang menerangkan sebab nuzul ayat ini. Kedua-duanya termasuk dalam keumuman ayat ini dan kedua-duanya dilakukan oleh kaum Munafiqin.

Al-Qur'an mengambil perkataan mereka untuk diberi jawapan yang tepat:

وَيَقُولُونَ هُوَ أُذُنٌ

"Dan mereka mengatakan bahawa Nabi mempercayai segala apa yang didengarinya."

Ini memang benar, tetapi:

قُلْ أُذُنُ خَيْرٍ لَّكُمْ

"Katakanlah: Dia mempercayai segala yang baik untuk kamu."

Ia seorang pendengar yang baik yang mendengar wahyu kemudian ia menyampaikannya kepada kamu dan di dalam wahyu itulah terkandung segala sesuatu yang baik bagi kamu. Dia pendengar yang baik yang mendengar percakapan kamu dengan adab sopan. Ia tidak mencabar kamu terhadap sikap hipokrit kamu, ia tidak menuduh kamu menipu dan tidak pula mencerca sifat riya' kamu.

يُؤْمِنُ بِاللَّهِ

"Dia beriman kepada Allah."

Oleh kerana itu ia mempercayai segala berita yang disampaikan Allah tentang kamu dan orang-orang yang lain dari kamu.

وَيُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِينَ

"Dan mempercayai para Mu'minin."

Maksudnya, ia percaya kepada mereka kerana ia mengetahui mereka mempunyai keimanan yang tulen yang memelihara mereka dari berdusta, memutar-belit dan riya'.

وَرَحْمَةٌ لِّلَّذِينَ آمَنُوا مِنكُمْ

"Dan dia menjadi rahmat kepada orang-orang yang beriman di kalangan kamu."

Iaitu ia memimpin mereka kepada kebaikan.

وَالَّذِينَ يُؤْذُونَ رَسُولَ اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٦١﴾

"Dan orang-orang yang menyakiti Rasulullah, mereka akan mendapat 'azab yang amat pedih."(61)

Itulah keprihatinan Allah terhadap Rasul-Nya. Dia tidak membenarkan Rasul-Nya disakiti.

يَحْلِفُونَ بِاللَّهِ لَكُمْ لِيُرْضُوكُمْ وَاللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَقُّ أَن يُرْضُوهُ إِن كَانُوا مُؤْمِنِينَ ﴿٦٢﴾

"Mereka bersumpah kepada kamu dengan nama Allah untuk mendapat keredhaan kamu, sedangkan Allah dan

Rasul-Nya itulah yang lebih wajar bagi mendapat keredhaan-Nya jika mereka benar-benar orang-orang yang beriman."(62)

Maksudnya, mereka bersumpah kepada kamu dengan nama Allah untuk mendapat keredhaan kamu mengikut cara golongan Munafiqin di setiap zaman. Mereka berkata dan bertindak di belakang, kemudian mereka takut menghadapinya dan merasa lemah untuk berterus terang. Oleh sebab itu mereka mengecil dan merendahkan diri mereka kepada orang ramai untuk mendapat keredhaan mereka.

وَاللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ أَحَقُّ أَن يُرْضُوهُ إِن كَانُوا۟ مُؤْمِنِينَ ﴿٦٢﴾

"Sedangkan Allah dan Rasul-Nya itulah yang lebih wajar bagi mereka mendapat keredhaan-Nya jika mereka benar-benar orang-orang yang beriman."(62)

Apakah yang ada pada manusia? Sejauh manakah kekuatan mereka? Tetapi orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak tunduk kepada-Nya biasanya tunduk dan takut kepada manusia yang sama sepertinya, sedangkan mereka lebih wajar tunduk kepada Allah, di mana seluruh manusia sama sahaja di hadapan-Nya, di mana tiada orang yang tunduk kepada-Nya menjadi hina dina, malah yang menjadi hina dina ialah orang yang tunduk kepada para hamba-Nya, dan tiada orang yang takut kepada Allah menjadi kecil dan kerdil, malah yang menjadi kecil dan kerdil ialah orang yang berpaling dari Allah dan takut kepada yang lain dari Allah iaitu takut kepada para hamba-Nya.

أَلَمْ يَعْلَمُوٓا۟ أَنَّهُۥ مَن يُحَادِدِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَأَنَّ لَهُۥ نَارَ جَهَنَّمَ خَٰلِدًا فِيهَا ۚ ذَٰلِكَ ٱلْخِزْىُ ٱلْعَظِيمُ ﴿٦٣﴾

"Tidakkah mereka mengetahui bahawa sesiapa yang menentang Allah dan Rasul-Nya, maka dia akan mendapat balasan hidup kekal di dalam api Neraka Jahannam. Itulah penghinaan yang paling besar."(63)

Pertanyaan ini dikemukakan dengan tujuan untuk mencela dan mengecam perbuatan mereka. Mereka mendakwa beriman, sedangkan orang yang beriman sedar bahawa tindakan memerangi Allah dan Rasul-Nya merupakan dosa yang paling besar dan Neraka Jahannam menunggu mana-mana hamba yang melakukan tindakan itu. Kehinaan itulah balasan yang setimpal terhadap tindakan penderhaka. Jika mereka benar-benar beriman kepada Allah seperti yang didakwa mereka, bagaimana mereka tidak mengetahui hukum ini?

Mereka takut kepada manusia dan kerana itu mereka bersumpah kepada mereka untuk mendapat keredhaan mereka dan supaya manusia-manusia itu menafikan berita-berita buruk yang sampai kepada mereka tentang diri mereka. Tetapi bagaimana mereka tidak takut kepada Allah yang menciptakan manusia ketika mereka menyakiti Rasul-Nya dan menentang agamanya. Bukankah ini bermakna seolah-olah mereka memerangi Allah sendiri? Maha Suci Allah dari mana-mana manusia yang mahu memerangi-Nya! Ayat ini membesar-besarkan dosa dan kesalahan yang dilakukan mereka serta menakut-nakutkan mereka yang menyakiti Rasulullah dan mengaturkan secara diam-diam tipu daya terhadap agamanya.

Mereka begitu takut dan pengecut untuk menghadapi Rasul dan orang-orang Mu'minin yang ada bersamanya. Mereka takut Allah mendedahkan rahsia mereka dan takut Rasulullah s.a.w. mengetahui niat mereka:

يَحْذَرُ ٱلْمُنَٰفِقُونَ أَن تُنَزَّلَ عَلَيْهِمْ سُورَةٌ تُنَبِّئُهُم بِمَا فِى قُلُوبِهِمْ ۚ قُلِ ٱسْتَهْزِءُوٓا۟ إِنَّ ٱللَّهَ مُخْرِجٌ مَّا تَحْذَرُونَ ﴿٦٤﴾

وَلَئِن سَأَلْتَهُمْ لَيَقُولُنَّ إِنَّمَا كُنَّا نَخُوضُ وَنَلْعَبُ ۚ قُلْ أَبِٱللَّهِ وَءَايَٰتِهِۦ وَرَسُولِهِۦ كُنتُمْ تَسْتَهْزِءُونَ ﴿٦٥﴾ لَا تَعْتَذِرُوا۟ قَدْ كَفَرْتُم بَعْدَ إِيمَٰنِكُمْ ۚ إِن نَّعْفُ عَن طَآئِفَةٍ مِّنكُمْ نُعَذِّبْ طَآئِفَةًۢ بِأَنَّهُمْ كَانُوا۟ مُجْرِمِينَ ﴿٦٦﴾

"Orang-orang Munafiqin itu takut diturunkan kepada mereka suatu surah yang mendedahkan kepada mereka segala isi hati mereka. Katakanlah: Teruskan ejekan kamu itu, sesungguhnya Allah tetap akan mendedahkan segala apa yang ditakuti kamu(64). Dan jika engkau bertanya mereka tentang ejekan-ejekan itu, nescaya mereka menjawab: Kami hanya berbual-bual dan bermain-main sahaja. Katakanlah, apakah wajar kamu mengejek-ngejek Allah, ayat-ayat-Nya dan Rasul-Nya?(65). Janganlah kamu berdalih. Sebenarnya kamu telah kembali kafir setelah kamu beriman. Jika Kami memaafkan segolongan dari kamu, maka Kami tetap akan meng'azabkan segolongan yang lain, kerana mereka adalah orang-orang yang berdosa."(66)

Kebimbangan Kaum Munafiqin

Nas ini suatu nas umum yang menyatakan kebimbangan kaum Munafiqin terhadap kemungkinan Allah menurunkan Al-Qur'an yang mendedahkan rahsia dan isi kandungan hati mereka dan menyebabkan segala niat jahat mereka yang tersembunyi selama ini itu terdedah kepada orang ramai. Di sana terdapat beberapa riwayat mengenai peristiwa-peristiwa tertentu yang menjadi sebab nuzulnya ayat-ayat ini.

Ujar Abu Ma'syar al-Madini dari Muhammad Ibn Ka'b al-Qurazi dan lainnya, kata mereka: Ada seorang lelaki dari kaum Munafiqin berkata: "Aku tidak nampak qari-qari kita itu melainkan orang-orang yang paling lahap makan di kalangan kita dan paling dusta lidahnya dan paling pengecut ketika menghadapi musuh" (mereka maksudkan qari-qari Al-Qur'an), kemudian perkataan orang ini disampaikan kepada

Rasulullah s.a.w., lalu dia datang hendak menemui Rasulullah s.a.w. ketika beliau berlepas menaiki untanya, lalu dia berkata: "Wahai Rasulullah, kami hanya berbual-bual dan bermain-main sahaja". Lantas dijawab oleh beliau (ayat 65 - 66): **"Apakah kamu mengejek-ngejek Allah, ayat-ayat-Nya dan Rasul-Nya? Janganlah kamu berdalih. Sebenarnya kamu telah kembali kafir setelah kamu beriman. Jika Kami mema'afkan segolongan dari kamu, maka Kami tetap akan meng'azabkan segolongan yang lain, kerana mereka adalah orang-orang yang berdosa"** (orang itu bergantung pada kuda beliau) dan kedua kakinya berlanggar dengan batu, tetapi Rasulullah s.a.w. tidak menoleh kepadanya walaupun ia bergantung pada pedang Rasulullah s.a.w.

Ujar Muhammad Ibn Ishaq: Ketika itu ada segolongan kaum Munafiqin di antara mereka termasuk Wadi'ah Ibn Thabit saudara Bani Umaiyah Ibn Zaid Ibn 'Amr Ibn 'Auf dan seorang lelaki dari suku Asyja' sekutu Bani Salamah yang benama Makhsyi Ibn Humayr sedang berjalan bersama Rasulullah s.a.w. yang sedang berlepas menuju Tabuk, lalu setengah-setengah mereka berbual-bual sesama mereka: "Apakah kamu fikir berperang dengan bangsa kulit kuning (bangsa Roman) itu sama dengan berperang dengan sesama Arab? Demi Allah, kami seolah-olah nampak kamu besok dibelenggu mereka dengan tali". Mereka berkata begitu dengan tujuan untuk menakut-nakutkan orang-orang yang beriman. Lalu Makhsyi Ibn Humayr berkata: "Demi Allah, aku bercita-cita aku dibicarakan dan setiap orang dari kita patut dihukum seratus kali sebat agar kita selamat dari diturunkan ayat Al-Qur'an yang mendedahkan rahsia kita kerana perkataan kamu ini". Menurut cerita yang sampai kepada saya, Rasulullah s.a.w. telah bersabda kepada Ammar Ibn Yasir: "Selamatkan mereka kerana mereka telah terbakar dan tanya mereka apakah perkataan-perkataan yang telah diucapkan mereka dan jika mereka ingkar katakanlah kepada mereka: Sebenarnya kamu telah berkata begini, begini". Lalu 'Ammar pun pergi menemui mereka dan menyampaikan apa yang telah dikatakan oleh Rasulullah kepada mereka. Lalu mereka pun datang untuk meminta ma'af kepada beliau. Ketika itu beliau berhenti di atas kenderaannya. Kemudian Wadi'ah ibn Thabit berkata sambil memegang ikat tunggang unta beliau: "Ya Rasulullah, kami hanya berbual-bual dan bermain-main sahaja". Kemudian Makhsyi Ibn Humayr berkata: "Wahai Rasulullah, hinalah nama saya dan nama bapa saya". Orang yang dima'af di dalam ayat ini ialah Makhsyi Ibn Humayr. Ia kemudian dinamakan dengan nama Abdul Rahman dan ia telah berdoa kepada Allah agar ia mati terbunuh sebagai seorang syahid di suatu tempat yang tidak diketahui. Kemudian beliau gugur syahid di dalam Peperangan al-Yamamah dan mayatnya tidak dapat dikesan.

Menurut riwayat yang dikeluarkan oleh Ibn al-Munzir dan Ibn Abu Hatim dan Abu asy-Syeikh daripada Qatadah katanya: Semasa Rasulullah s.a.w. dalam perjalanan menuju ke Tabuk untuk berperang dan di hadapannya didahului oleh sekumpulan kaum Munafiqin lalu mereka berkata sesama mereka: "Apakah orang ini (Nabi) berharap dapat menakluk istana-istana dan kubu-kubu di negeri Syam? Jauh sekali, jauh sekali", kemudian Allah memberitahu perkara ini kepada Nabi-Nya lalu beliau memerintah sahabat-sahabatnya: "Tahan penunggang-penunggang itu!" Lantas beliau datang menemui mereka dan bersabda: "Bukankah kamu telah berkata begini, begini?". Jawab mereka: "Wahai Nabi Allah, kami hanya berbual-bual dan bermain-main sahaja". Lalu Allah menurun ayat-ayat yang mendedahkan rahsia mereka sebagaimana yang kamu dengar.

Kata-kata: "Kami hanya berbual-bual dan bermain-main sahaja" seolah-olah perkara-perkara besar seperti ini wajar dipermain-mainkan mereka, sedangkan ia mempunyai pertalian yang rapat dengan dasar 'aqidah.

قُلْ أَبِٱللَّهِ وَءَايَٰتِهِۦ وَرَسُولِهِۦ كُنتُمْ تَسْتَهْزِءُونَ ٦٥

"Apakah wajar kamu mengejek-ngejek Allah, ayat-ayat- Nya dan Rasul-Nya?"(65)

Oleh sebab kesalahan itu amat besar, maka Allah hadapi mereka dengan terus terang dan menyatakan bahawa mereka telah melafazkan kata-kata kekafiran dan telah kembali menjadi kafir setelah mereka menzahirkan keimanan mereka, dan seterusnya mengancamkan mereka dengan 'azab. Walaupun setengah mereka telah terlepas dari 'azab ini kerana mereka segera bertaubat dan kembali kepada keimanan yang betul, namun Allah tidak melepaskan setengah mereka yang lain yang terus kekal di dalam hipokrit mereka dan mempermainkan ayat-ayat Allah dan Rasul-Nya di samping mempermain-mainkan 'aqidah dan agama mereka:

بِأَنَّهُمْ كَانُوا۟ مُجْرِمِينَ ٦٦

"Kerana mereka adalah orang-orang yang berdosa."(66)

(Pentafsiran ayat-ayat 67 - 68)

Apabila penjelasan ayat-ayat sampai ke tahap ini di dalam mengemukakan contoh perkataan-perkataan, tindakan-tindakan dan kefahaman-kefahaman kaum Munafiqin, ia teruskan pula menjelaskan hakikat kaum Munafiqin secara umum, iaitu ia membentangkan sifat-sifat pokok yang membezakan kaum Munafiqin dari para Mu'minin yang sebenar dan menentukan 'azab keseksaan yang menunggu seluruh mereka:

ٱلْمُنَٰفِقُونَ وَٱلْمُنَٰفِقَٰتُ بَعْضُهُم مِّنۢ بَعْضٍ ۚ
يَأْمُرُونَ بِٱلْمُنكَرِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمَعْرُوفِ
وَيَقْبِضُونَ أَيْدِيَهُمْ ۚ نَسُوا۟ ٱللَّهَ فَنَسِيَهُمْ ۗ إِنَّ

ٱلْمُنَٰفِقِينَ هُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿٦٧﴾ وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلْمُنَٰفِقِينَ وَٱلْمُنَٰفِقَٰتِ وَٱلْكُفَّارَ نَارَ جَهَنَّمَ خَٰلِدِينَ فِيهَا ۚ هِىَ حَسْبُهُمْ ۚ وَلَعَنَهُمُ ٱللَّهُ ۖ وَلَهُمْ عَذَابٌ مُّقِيمٌ ﴿٦٨﴾

"Orang-orang Munafiqin lelaki dan perempuan adalah bekerjasama satu sama lain, mereka menyuruh melakukan kemungkaran dan melarang melakukan kebaikan dan mereka sentiasa menggenggam tangan mereka (bakhil). Mereka telah melupakan Allah, kerana itu Allah melupakan mereka. Sesungguhnya orang-orang Munafiqin itulah orang-orang yang fasiq(67). Allah mengancam orang-orang Munafiqin lelaki dan perempuan serta orang-orang kafir dengan balasan hidup kekal abadi dalam Neraka Jahannam. Itulah balasan yang cukup untuk mereka dan Allah telah mengutuk mereka dan mereka akan mendapat keseksaan yang kekal."(68)

Balasan Yang Menunggu Kaum Munafiqin

Kaum Munafiqin lelaki dan perempuan adalah dari jenis tanah yang sama dan dari jenis tabi'at yang sama. Walaupun kaum Munafiqin di setiap zaman dan tempat tidak sama perbuatan dan perkataan mereka, tetapi semuanya berpunca dari satu tabi'at dan mengalir dari satu matair sahaja, iaitu hati yang busuk dan keji, suka mencerca, suka melakukan konspirasi, lemah untuk bersemuka dan pengecut untuk berterus terang. Itulah ciri-ciri mereka yang pokok. Perilaku mereka menyuruh melakukan kemungkaran dan melarang melakukan kebaikan, bakhil mengeluarkan wang kecuali dengan tujuan riya' atau menunjuk-nunjuk kepada orang ramai. Mereka bukan sahaja menyuruh melakukan kemungkaran dan melarang melakukan kebaikan, tetapi memandang ringan kepada perbuatan-perbuatan itu. Mereka melakukan perbuatan-perbuatan itu melalui gerakan konspirasi, bisik-membisik, cela-mencela, kritik-mengkritik, kerana mereka tidak berani berterus-terang kecuali mereka merasa aman. Mereka lupakan Allah dan justeru itu mereka hanya memperhitungkan kira-kira manusia dan kepentingan mereka sahaja. Mereka hanya takut kepada orang-orang yang kuat dan berkorban untuk mereka serta mengampu menurut liuk mereka. Oleh sebab itulah mereka dilupakan Allah, mereka tidak diberikan sebarang nilai dan perhitungan di sisi Allah. Demikianlah kedudukan mereka di dunia di kalangan manusia dan kedudukan mereka di Akhirat di sisi Allah. Orang ramai hanya memberi perhitungan dan penghormatan kepada orang-orang yang kuat dan berani berterus-terang mengemukakan pendapat-pendapat mereka, orang-orang yang berdiri teguh mempertahankan 'aqidah mereka, orang-orang yang sanggup menghadapi dunia dengan fikiran-fikiran mereka, orang-orang yang berani berperang dan berdamai di siang hari. Orang-orang inilah yang melupakan manusia dan mengingati Allah Tuhan manusia. Justeru itu mereka tidak gentar kepada kritikan manusia demi mempertahankan kebenaran. Merekalah orang-orang yang diingati Allah di samping diingati dan dihormati manusia.

إِنَّ ٱلْمُنَٰفِقِينَ هُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿٦٧﴾

"Sesungguhnya orang-orang Munafiqin itulah orang-orang yang fasiq."(67)

Maksudnya, mereka terkeluar dari keimanan dan menyeleweng dari jalan yang benar. Allah seterusnya mengancam bahawa mereka akan menerima nasib yang sama dengan orang-orang kafir:

وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلْمُنَٰفِقِينَ وَٱلْمُنَٰفِقَٰتِ وَٱلْكُفَّارَ نَارَ جَهَنَّمَ خَٰلِدِينَ فِيهَا ۚ هِىَ حَسْبُهُمْ ۚ

"Allah mengancam orang-orang Munafiqin lelaki dan perempuan serta orang-orang kafir dengan balasan hidup kekal abadi dalam Neraka Jahannam. Itulah balasan yang cukup untuk mereka."

Maksudnya, itulah balasan yang setimpal dengan kesalahan mereka.

وَلَعَنَهُمُ ٱللَّهُ ۖ

"Dan Allah telah mengutuk mereka."

Maksudnya, mereka diusirkan dari rahmat Allah.

وَلَهُمْ عَذَابٌ مُّقِيمٌ ﴿٦٨﴾

"Dan mereka akan mendapat keseksaan yang kekal."(68)

(Pentafsiran ayat-ayat 69 - 70)

Contoh-contoh Yang Sama Dari Sejarah

Tabi'at yang fasiq, menyeleweng dan sesat ini bukan merupakan sesuatu yang baru. Di dalam sejarah manusia terdapat berbagai-bagai contoh dan bandingan. Sejarah umat manusia sebelum ini telah mencatatkan banyak contoh-contoh tabi'at manusia yang seperti ini. Mereka telah menerima nasib yang sejajar dengan penyelewengan mereka dari fitrah yang sihat dan dari jalan yang betul setelah mereka meni'mati habuan keni'matan hidup dunia yang telah ditetapkan Allah kepada mereka di bumi ini. Mereka adalah manusia-manusia yang amat kuat, amat kaya dengan harta dan anak-pinak, tetapi semuanya tidak dapat menolong mereka sedikit pun.

Ayat Al-Qur'an yang berikut mengingatkan kaum Musyrikin terhadap sejarah generasi-generasi sebelum mereka dan membuka mata mereka bahawa mereka sedang mengikuti jejak generasi-generasi itu dan memperingatkan mereka agar tidak menerima nasib kesudahan mereka semoga mereka mendapat hidayat:

كَٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ كَانُوٓا۟ أَشَدَّ مِنكُمْ قُوَّةً وَأَكْثَرَ أَمْوَٰلًا وَأَوْلَٰدًا فَٱسْتَمْتَعُوا۟ بِخَلَٰقِهِمْ فَٱسْتَمْتَعْتُم

بِخَلَٰقِكُمْ كَمَا ٱسْتَمْتَعَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكُم بِخَلَٰقِهِمْ وَخُضْتُمْ كَٱلَّذِى خَاضُوٓا۟ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَٰلُهُمْ فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْخَٰسِرُونَ ﴿٦٩﴾

"(Kamu) adalah seperti orang-orang yang sebelum kamu. Mereka lebih kuat dari kamu dan lebih banyak mempunyai harta kekayaan dan anak-anak. Mereka telah meni'mati habuan (keni'matan dunia) mereka dan kamu juga telah meni'mati habuan (keni'matan dunia) kamu sebagaimana orang-orang sebelum kamu telah meni'mati habuan (keni'matan dunia) mereka dan kamu juga telah berkecimpung di dalam kebathilan sama seperti mereka. Merekalah orang-orang yang sia-sia amalan mereka di dunia dan Akhirat, dan merekalah orang-orang yang rugi."(69)

Itulah sikap terpesona dengan kekuatan dan terpedaya dengan harta kekayaan dan anak-anak yang ramai. Bagi mereka yang mempunyai hati yang sentiasa berhubung dengan kekuatan Ilahi yang agung, mereka tidak terpesona dengan kekuatan sementara yang dikurniakan kepada mereka di dunia ini, kerana mereka sentiasa takut kepada Allah yang lebih kuat. Mereka menggunakan kekuatan yang ada pada mereka untuk menjunjung perintah Allah dan meninggikan kalimat-Nya. Mereka tidak terpedaya dengan harta kekayaan dan anak-pinak, kerana mereka benar-benar mengetahui dan insaf siapakah yang mengurniakan ni'mat-ni'mat itu kepada mereka. Mereka mensyukuri limpah kurnia-Nya dengan penuh minat. Mereka menggunakan harta kekayaan dan menghalakan anak-anak mereka ke arah menjunjung perintah-perintah Allah, tetapi mereka yang mempunyai hati yang menyeleweng dan sesat dari sumber yang memberi kekuatan dan keni'matan-keni'matan itu, mereka bertindak sewenang-wenang dan melakukan kejahatan di bumi. Mereka berpoya-poya dalam keni'matan dan makan dan minum seperti haiwan ternakan:

أُو۟لَٰٓئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَٰلُهُمْ فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ ۖ

"Merekalah orang-orang yang sia-sia amalan mereka di dunia dan Akhirat."

Maksudnya, amalan-amalan mereka sia-sia dari awal lagi, kerana ia laksana tumbuhan tanpa akar, tumbuhan-tumbuhan yang tidak mantap, tidak subur dan tidak berbunga.

وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْخَٰسِرُونَ ﴿٦٩﴾

"Dan merekalah orang-orang yang rugi."(69)

Maksudnya, mereka kerugian segala-gala. Ini merupakan satu pernyataan ringkas tanpa perincian dan penentuan tentang kerugian itu.

Kemudian ayat yang berikut mengalihkan hala bicaranya dengan mereka kepada hala bicara yang umum seolah-olah ia melahirkan rasa takjubnya terhadap orang-orang yang terus berjalan di jalan orang-orang yang binasa tanpa mengambil i'tibar dan contoh teladan:

أَلَمْ يَأْتِهِمْ نَبَأُ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ قَوْمِ نُوحٍ وَعَادٍ وَثَمُودَ وَقَوْمِ إِبْرَٰهِيمَ وَأَصْحَٰبِ مَدْيَنَ وَٱلْمُؤْتَفِكَٰتِ ۚ أَتَتْهُمْ رُسُلُهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ ۖ فَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيَظْلِمَهُمْ وَلَٰكِن كَانُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿٧٠﴾

"Apakah tidak sampai kepada mereka berita-berita orang-orang sebelum mereka, iaitu kaum Nuh, kaum 'Ad, kaum Thamud, kaum Ibrahim, penduduk Madyan dan penduduk negeri-negeri yang telah dibinasakan. Para rasul mereka telah datang kepada mereka membawa pengajaran-pengajaran yang jelas. Allah tidak sekali-kali menzalimi mereka, tetapi merekalah yang menzalimi diri sendiri."(70)

Mereka yang berpoya-poya di dalam keni'matan itu tidak sedar dan terus menurut jejak orang-orang yang telah binasa tanpa mengambil i'tibar dan pengajaran. Apakah berita orang-orang sebelum mereka tidak sampai kepada mereka, iaitu berita mereka yang menjalani jalan yang sama dengan mereka seperti berita kaum Nuh yang telah ditenggelami banjir dan digulung arus lautan maut yang ngeri, kaum 'Ad yang telah dibinasakan dengan ribut taufan yang dahsyat, kaum Thamud yang telah dibinasakan dengan ledakan yang kuat, kaum Ibrahim di mana Seri Maharaja mereka yang zalim yang telah dibinasakan dan Ibrahim telah diselamatkan dari kekejamannya, juga penduduk Madyan yang telah ditimpa gempa bumi dan mati tercekik dan penduduk-penduduk perkampungan-perkampungan kaum Lut yang telah dibinasakan Allah habis-habisan kecuali segelintir sahaja yang selamat. Apakah berita-berita kebinasaan kaum-kaum ini tidak sampai kepada mereka. Para Rasul yang diutuskan Allah kepada mereka telah membawa pengajaran-pengajaran yang jelas, tetapi mereka telah mendustakan mereka, lalu Allah binasakan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka:

فَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيَظْلِمَهُمْ وَلَٰكِن كَانُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿٧٠﴾

"Allah tidak sekali-kali menzalimi mereka, tetapi merekalah yang menzalimi diri sendiri."(70)

Hati yang menyeleweng menjadi angkuh dan sewenang-wenang dengan sebab memiliki kekuatan, kerana itu ia lupa daratan. Ia menjadi buta dengan sebab ni'mat-ni'mat kesenangan dan kemewahan, kerana itu ia tidak nampak dan tidak dapat melihat. Pengajaran dan contoh teladan zaman silam tidak berguna melainkan kepada mereka yang terbuka mata batinnya untuk memahami Sunnatullah yang tidak pernah meleset, tidak pernah berhenti dan tidak

pernah memilih kasih terhadap sesiapa pun. Ramai orang yang diujikan Allah dengan ni'mat kuasa dan kesenangan telah menyebabkan penglihatan mereka kabur dan mata hati mereka ditutupi selaput, kerana itu mereka tidak dapat melihat kebinasaan manusia jagoan yang kuat dan berkuasa sebelum mereka. Mereka tidak dapat menyedari nasib kesudahan manusia-manusia zalim dan bermaharajalela di zaman silam. Di waktu inilah berlakunya keputusan Allah terhadap mereka dan seterusnya berlakulah Sunnatullah ke atas mereka, iaitu mereka ditimpa 'azab dari Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Kuat semasa mereka sedang asyik berpoya-poya dengan kesenangan dan kemewahan dan mabuk khayal dengan kekuatan dan kuasa mereka, sedangkan qudrat Allah mengepung di sekeliling mereka.

Kelalaian, kebutaan dan kejahilan itulah yang selalunya kita nampak menemani ni'mat kekuatan/kuasa, ni'mat kesenangan dan kemewahan. Kita dapat melihat gejala ini di setiap zaman dan tempat kecuali mereka yang mendapat rahmat Allah dari para hamba-Nya yang ikhlas dan jujur.

****

(Pentafsiran ayat-ayat 71 - 72)

Di sebelah barisan kaum Munafiqin dan kaum Kafirin terdapat barisan kaum Mu'minin yang tulen. Kedua-dua golongan ini mempunyai tabi'at yang berlainan, perilaku yang berlainan dan destinasi yang berlainan:

وَٱلۡمُؤۡمِنُونَ وَٱلۡمُؤۡمِنَٰتُ بَعۡضُهُمۡ أَوۡلِيَآءُ بَعۡضٖۚ يَأۡمُرُونَ بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَيَنۡهَوۡنَ عَنِ ٱلۡمُنكَرِ وَيُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤۡتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَيُطِيعُونَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓۚ أُوْلَٰٓئِكَ سَيَرۡحَمُهُمُ ٱللَّهُۗ إِنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٞ ﴿٧١﴾ وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ وَٱلۡمُؤۡمِنَٰتِ جَنَّٰتٖ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا وَمَسَٰكِنَ طَيِّبَةٗ فِي جَنَّٰتِ عَدۡنٖۚ وَرِضۡوَٰنٞ مِّنَ ٱللَّهِ أَكۡبَرُۚ ذَٰلِكَ هُوَ ٱلۡفَوۡزُ ٱلۡعَظِيمُ ﴿٧٢﴾

"Para Mu'minin dan Para Mu'minat adalah rakan-rakan setia terhadap satu sama lain. Mereka menyuruh melakukan segala yang ma'ruf dan melarang melakukan segala yang mungkar. Mereka mendirikan solat, menunaikan zakat dan menta'ati Allah dan Rasul-Nya. Merekalah orang-orang yang akan dirahmati Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana(71). Allah telah menjanjikan Para Mu'minin dan Para Mu'minat dengan balasan taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, di mana mereka hidup kekal abadi, juga dengan tempat-tempat kediaman yang selesa di taman-taman Syurga 'Adni, dan pengurniaan keredhaan dari Allah adalah balasan yang lebih besar lagi. Itulah keberuntungan yang amat besar."(72)

Sifat-sifat Utama Kelompok Muslimin

Jika para Munafiqin lelaki dan perempuan itu bekerjasama di antara satu sama lain kerana mereka mempunyai pembawaan dan tabi'at yang sama, maka para Mu'minin lelaki dan perempuan adalah rakan-rakan setia terhadap satu sama lain. Para Munafiqin lelaki dan perempuan walaupun mereka mempunyai tabi'at yang sama, namun mereka tidak sampai ke tahap rakan-rakan setia terhadap satu sama lain, kerana semangat setiakawan itu memerlukan keberanian, kesanggupan saling membantu dan kesediaan memikul, tugas-tugas yang meminta pengorbanan, sedangkan tabi'at nifaq/hipokrit enggan berbuat begitu walaupun di antara sesama mereka. Sebenarnya kaum Munafiqin itu adalah individu-individu yang lemah dan kerdil. Mereka bukannya satu kelompok yang padu, kuat dan saling membantu, walaupun pada lahirnya mereka kelihatan mempunyai ciri keserupaan tabi'at, perangai dan perilaku.

Pengungkapan Al-Qur'an yang halus tidak mengabaikan ciri pengertian ini apabila kedua-dua golongan disifatkan seperti berikut:

ٱلۡمُنَٰفِقُونَ وَٱلۡمُنَٰفِقَٰتُ بَعۡضُهُم مِّنۢ بَعۡضٖۚ

"Orang-orang Munafiqin lelaki dan perempuan adalah bekerjasama satu sama lain." (67)

وَٱلۡمُؤۡمِنُونَ وَٱلۡمُؤۡمِنَٰتُ بَعۡضُهُمۡ أَوۡلِيَآءُ بَعۡضٖۚ

"Para Mu'minin dan para Mu'minat adalah rakan-rakan setia terhadap satu sama lain." (71)

Tabi'at seorang Mu'min ialah tabi'at umat yang beriman, iaitu tabi'at bersatu padu, tabi'at bertakaful dan saling membantu untuk mewujudkan kebaikan dan menolak kejahatan.

يَأۡمُرُونَ بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَيَنۡهَوۡنَ عَنِ ٱلۡمُنكَرِ

"Mereka menyuruh melakukan segala yang ma'ruf dan melarang melakukan segala yang mungkar."

Usaha-usaha untuk mewujudkan kebaikan dan menolak kejahatan itu memerlukan hubungan setiakawan yang erat dan semangat gotong-royong dan saling membantu. Kerana inilah umat yang beriman dapat berdiri dalam satu barisan yang padu dan tidak dapat dimasuki faktor-faktor pemecah belah, tetapi apabila terdapat perpecahan dalam kelompok orang-orang yang beriman, maka di sana pasti ada resapan unsur yang asing dari tabi'atnya dan dari 'aqidahnya dan unsur inilah yang membawa bibit perpecahan itu, di sana pasti ada udang di sebalik batu atau ada penyakit yang menghalangkan wujudnya ciri utama kelompok Mu'minin yang dijelaskan dalam firman Allah Yang Maha Mengetahui:

"Rakan-rakan setia terhadap satu sama lain."

Dengan semangat setiakawan inilah mereka melaksanakan tugas al-amru bil-ma'ruf dan an-nahyu 'anil-munkar dan berjuang meninggikan Kalimatullah dan merealisasikan arahan-arahan Allah kepada umat Muslimin di muka bumi ini.

وَيُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ

"Dan mereka mendirikan solat."

Iaitu ibadat yang menghubungkan mereka dengan Allah.

وَيُؤْتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ

"Dan mereka menunaikan zakat."

Iaitu suatu kefardhuan yang menghubungkan di antara warga kelompok Muslimin dan merealisasikan semangat setiakawan dan perpaduan dalam bentuk material dan spiritual.

وَيُطِيعُونَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ

"Dan mereka menta'ati Allah dan Rasul-Nya."

Iaitu mereka tidak mempunyai keinginan selain dari melaksanakan perintah Allah dan Rasul-Nya dan tidak mempunyai perlembagaan selain dari syari'at Allah dan Rasul-Nya dan tidak mempunyai sistem hidup selain dari agama Allah dan Rasul-Nya, dan mereka tidak mempunyai pilihan selain dari keputusan Allah dan Rasul-Nya. Dengan pendirian ini mereka dapat menyatukan cara hidup, matlamat dan jalan perjuangan mereka dan terselamat dari tersimpang-siur mengikut jalan-jalan yang lain dari jalan Allah yang tunggal, lurus dan sampai kepada-Nya.

أُو۟لَـٰٓئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ ٱللَّهُ

"Merekalah orang-orang yang akan dirahmati Allah."

Rahmat Allah itu bukannya hanya berada di Akhirat sahaja, malah pertama ia wujud di bumi ini. Rahmat Allah menyelubungi individu yang melaksanakan tugas-tugas al-amru bil-ma'ruf dan an-nahyu 'anil-mungkar, mendirikan solat dan menunaikan zakat dan menyelubungi kelompok yang soleh seperti ini. Rahmat Allah dikurniakan dalam bentuk ketenteraman hati, dalam bentuk perhubungan dengan Allah, dalam bentuk perlindungan dan keterpeliharaan dari keadaan-keadaan huru-hara dan kejadian-kejadian yang dahsyat. Rahmat Allah juga dikurniakan dalam bentuk kebaikan kelompok, perpaduan di antara para anggotanya dan seterusnya dalam bentuk keyakinan dan ketenteraman para individunya terhadap kehidupan dan dalam bentuk keyakinan mendapat keredhaan Allah.

Keempat-empat sifat yang wujud pada kelompok Mu'minin iaitu sifat menyuruh melakukan segala yang ma'ruf, melarang melakukan segala yang mungkar, mendirikan solat dan mengeluarkan zakat adalah bertentangan dengan sifat-sifat yang wujud pada kaum Munafiqin iaitu menyuruh melakukan segala yang mungkar, melarang melakukan segala yang ma'ruf, lupakan Allah dan bersifat bakhil. Rahmat Allah yang dilimpahkan kepada kelompok Mu'minin bertentangan dengan la'nat Allah yang ditimpakan ke atas kaum Munafiqin dan kaum Kafirin. Itulah sifat-sifat yang dijanjikan Allah sebagai syarat untuk dikurniakan kemenangan dan kedudukan yang kuat di bumi kepada kaum Muslimin agar mereka merealisasikan sifat-sifat itu dalam kepimpinan mereka membimbing umat manusia:

"Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(71)

Yakni Allah berkuasa membantu kelompok Mu'minin supaya mereka menjadi rakan-rakan setia terhadap satu sama lain untuk melaksanakan tugas-tugas yang besar ini dan Maha Bijaksana dalam mengaturkan kemenangan dan kedudukan yang kuat kepada mereka agar mereka dapat mewujudkan kebaikan-kebaikan di bumi dan mengawal Kalimatullah di antara para hamba-Nya.

Seandainya 'azab Neraka Jahannam menunggu kaum Munafiqin dan Kafirin, di samping ditunggu la'nat Allah dan kelupaan Allah terhadap mereka mengakibatkan mereka menjadi lemah dan tidak mendapat sesuatu apa, maka ni'mat kesenangan di dalam Syurga pula menunggu para Mu'minin:

جَنَّـٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَـٰرُ خَـٰلِدِينَ فِيهَا
وَمَسَـٰكِنَ طَيِّبَةً فِى جَنَّـٰتِ عَدْنٍ

"Dengan balasan taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, di mana mereka hidup kekal abadi, juga dengan tempat-tempat kediaman yang selesa di taman-taman Syurga 'Adni."

Maksudnya, tempat-tempat kediaman untuk hidup dalam suasana yang penuh tenteram. Dan selain dari ni'mat-ni'mat itu mereka akan mendapat ni'mat yang lebih besar lagi:

وَرِضْوَٰنٌ مِّنَ ٱللَّهِ أَكْبَرُ

"Dan pengurniaan keredhaan dari Allah adalah lebih besar lagi."

Ni'mat Keredhaan Allah Yang Agung

Syurga dengan segala ni'mat kesenangannya adalah kelihatan kecil dan hampir terlindung dalam bulatan-bulatan cahaya ni'mat keredhaan Allah Yang Maha Pemurah itu.

"Dan pengurniaan keredhaan dari Allah adalah lebih besar lagi."

Detik perhubungan dengan Allah, detik syuhud kebesaran Allah, detik kebebasan dari penjara adunan nutfah dan dari keberatan bumi dan kerungsingan-kerungsingan yang dekat, detik cetusan pancaran nur di dalam hati manusia yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar, detik sorotan sinaran Rauhullah yang menerangi liku-liku roh, jika setiap detik-detik dari detik-detik agung ini yang dihayati oleh segolongan kecil manusia di sa'at kejernihan jiwa akan membuat segala keni'matan dan harapan kelihatan begitu kecil di sampingnya, maka bagaimana pula dengan kesan keredhaan Allah yang mengenangi roh-roh yang meni'matinya dengan tidak putus-putus?

ذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ﴿٧٢﴾

"Itulah keberuntungan yang amat besar."(72)

(Pentafsiran ayat-ayat 73 - 74)

Selepas menjelaskan sifat-sifat para Mu'minin yang tulen dan sifat-sifat para Munafiqin yang mendakwa beriman, maka dalam ayat-ayat yang berikut Allah memerintah Nabi-Nya supaya memerangi kaum Kafirin dan Munafiqin. Dan di dalam ayat-ayat itu juga al-Qur'anul-Karim menerangkan bahawa kaum Munafiqin itu telah melafazkan kata-kata kufur dan telah kembali menjadi kafir selepas mereka menganut Islam. Mereka telah merancang suatu perkataan jahat terhadap Rasulullah s.a.w. yang telah digagalkan oleh Allah, iaitu satu rancangan yang telah diilhamkan oleh kekafiran mereka. Al-Qur'an melahirkan rasa takjubnya terhadap dendam kesumat mereka kepada Rasulullah s.a.w., sedangkan tujuan dibangkitkan beliau ialah untuk memberi kebajikan dan kesenangan kepada mereka. Kemudian Al-Qur'an mengajak mereka bertaubat dan menakutkan mereka dari hidup yang berlarutan di dalam kekafiran dan hipokrit:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ جَٰهِدِ ٱلْكُفَّارَ وَٱلْمُنَٰفِقِينَ وَٱغْلُظْ عَلَيْهِمْ ۚ وَمَأْوَىٰهُمْ جَهَنَّمُ ۖ وَبِئْسَ ٱلْمَصِيرُ ﴿٧٣﴾
يَحْلِفُونَ بِٱللَّهِ مَا قَالُوا۟ وَلَقَدْ قَالُوا۟ كَلِمَةَ ٱلْكُفْرِ وَكَفَرُوا۟ بَعْدَ إِسْلَٰمِهِمْ وَهَمُّوا۟ بِمَا لَمْ يَنَالُوا۟ ۚ وَمَا نَقَمُوٓا۟ إِلَّآ أَنْ أَغْنَىٰهُمُ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ مِن فَضْلِهِۦ ۚ فَإِن يَتُوبُوا۟ يَكُ خَيْرًا لَّهُمْ ۖ وَإِن يَتَوَلَّوْا۟ يُعَذِّبْهُمُ ٱللَّهُ عَذَابًا أَلِيمًا فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ ۚ وَمَا لَهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ مِن وَلِىٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿٧٤﴾

"Wahai Nabi! Perangilah orang-orang kafir dan orang-orang Munafiqin dan kasarilah mereka. Tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali(73). Mereka bersumpah dengan nama Allah bahawa mereka tidak berkata begitu. Sebenarnya mereka telah mengeluarkan perkataan yang kufur dan mereka telah kafir kembali selepas keislaman mereka dan mereka telah mengingini untuk melakukan sesuatu yang tidak mungkin dicapai mereka. Mereka tidak menaruh dendam melainkan kerana Allah dan Rasul-Nya telah memberi kesenangan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya. Oleh itu jika mereka bertaubat, maka itu adalah lebih baik kepada mereka, dan jika mereka enggan nescaya Allah akan menyeksakan mereka dengan 'azab yang amat pedih di dunia dan di Akhirat, dan mereka tidak akan memperolehi di bumi ini sebarang pelindung dan penolong."(74)

Rasulullah s.a.w. telah banyak berlembut dengan kaum Munafiqin, banyak memejam mata dan mema'afkan tindak-tanduk mereka. Kini kesabarannya telah sampai ke kemuncaknya dan toleransinya telah sampai ke batasnya. Kini beliau diperintah Allah supaya memulakan langkah baru terhadap mereka. Allah menggabungkan mereka dalam kumpulan Kafirin dan memerintah Rasul-Nya supaya memerangi dua golongan ini dengan keras, kasar dan tanpa rahmat kasihan belas.

Di sana ada tempat-tempat untuk berlemah-lembut dan ada pula tempat-tempat untuk berkasar, jika masa berlemah-lembut telah berakhir, maka masa berkeras dan berkasar perlu dimulakan, dan jika masa bersabar telah berlalu, maka masa bertindak tegas perlu dimulakan. Setiap harakat ada keperluan-keperluannya dan setiap program ada peringkat-peringkatnya. Bersikap lemah-lembut kadang-kadang membahayakan dan bersikap menangguh-nangguh kadang-kadang membawa mudharat.

Para ulama' tidak sepakat tentang maksud melancarkan jihad dan bertindak kasar terhadap kaum Munafiqin; Apakah kekasaran itu dilakukan dengan mata pedang sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ali Karramallahu wajhahu, dan dipilih oleh Ibn Jarir, Rahimahullah atau kekasaran itu ditunjukkan dalam berinteraksi dan menghadapi mereka dan mendedahkan niat-niat buruk mereka kepada umum sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas r.a.? Tetapi yang telah berlaku – sebagaimana akan diterangkan nanti – ialah Rasulullah s.a.w. tidak pernah membunuh orang-orang Munafiqin.

يَحْلِفُونَ بِٱللَّهِ مَا قَالُوا۟ وَلَقَدْ قَالُوا۟ كَلِمَةَ ٱلْكُفْرِ وَكَفَرُوا۟ بَعْدَ إِسْلَٰمِهِمْ وَهَمُّوا۟ بِمَا لَمْ يَنَالُوا۟

"Mereka bersumpah dengan nama Allah bahawa mereka tidak berkata begitu. Sebenarnya mereka telah mengeluarkan perkataan yang kufur dan mereka telah kafir kembali selepas keislaman mereka dan mereka telah mengingini untuk melakukan sesuatu yang tidak mungkin dicapai mereka."

Peristiwa Kebiadaban Abdullah Ibn Ubay

Nas yang umum ini membentangkan keadaan kaum Munafiqin di dalam berbagai-bagai situasi mereka di samping memberi isyarat kepada rancangan jahat yang telah dilakukan mereka berulang-ulang kali terhadap Rasulullah s.a.w. dan kaum Muslimin. Di sana terdapat beberapa riwayat yang menentukan satu peristiwa khusus yang menyebabkan turunnya ayat ini.

Ujar Qatadah, ayat ini turun kerana Abdullah Ibn Ubay. Ceritanya begini: Dua orang lelaki dari suku Juhani dan dari kaum Ansar telah berkelahi. Lelaki dari suku Juhani itu telah berjaya mengalahkan orang Ansar, lalu Abdullah berkata kepada kaum Ansar: "Mengapa kamu tidak menolong saudara kamu? Demi Allah, kedudukan kita dengan Muhammad ini adalah sama dengan kata-kata pepatah: Jika engkau gemukkan anjing engkau, nescaya ia akan menggigit engkau". Kemudian dia berkata lagi: "Jika kita pulang ke Madinah nanti orang yang paling mulia akan mengusir keluar orang yang paling hina dari Madinah". Seorang lelaki dari kaum Muslimin datang menyampaikan cerita ini kepada Nabi s.a.w., kemudian Nabi memanggil Abdullah dan menyoalnya, lalu ia bersumpah dengan nama Allah bahawa dia tidak berkata begitu kemudian Allah menurunkan ayat ini.

Mengikut riwayat al-Imam Abu Ja'far Ibn Jarir dengan isnadnya dari Ibn Abbas katanya: Pada suatu masa Rasulullah s.a.w. duduk di bawah bayang sepohon kayu lalu beliau bersabda: "Ada seorang manusia akan datang menemui kamu dan ia akan melihat kamu dengan mata syaitan. Oleh itu apabila orang ini datang, maka janganlah kamu bercakap dengannya". Tidak lama kemudian muncullah seorang lelaki berpakaian biru, lalu Rasulullah s.a.w. memanggilnya kemudian bersabda: "Mengapa awak dan sahabat-sahabat awak mencaci maki saya? "Lelaki itu terus pergi dan kemudian datang membawa sahabat-sahabatnya lalu mereka bersumpah dengan nama Allah bahawa mereka tidak berkata begitu, dan akhirnya beliau mema'afkan mereka, lalu Allah turunkan ayat ini.

Diriwayatkan dari 'Urwah Ibn az-Zubayr dan lainnya bahawa ayat ini diturunkan kerana al-Julas Ibn Suwayd bin as-Samit. Dia mempunyai seorang anak tiri lelaki dari isterinya benama 'Umayr Ibn Sa'd. Al-Julas telah berkata: "Jika apa yang dibawa oleh Muhammad itu benar, maka kita adalah lebih buruk (bodoh) dari keldai yang kita tunggangi ini." Lantas dibalas oleh 'Umayr: "Demi Allah, wahai al-Julas, andalah seorang insan yang paling saya sayangi, seorang insan yang terbukti paling baik di sisi saya, seorang insan yang paling berat bagi saya jika ia ditimpa sesuatu yang tidak diingini. Anda telah mengeluarkan satu perkataan jika saya sebut akan memalukan saya dan jika saya sembunyi akan membinasakan saya, tetapi salah satu dari keduanya lebih mudah bagi saya dari yang satu lagi": Lalu dia menceritakan perkara ini kepada Rasulullah s.a.w., tetapi al-Julas tidak mengaku dan bersumpah dengan nama Allah bahawa dia tidak berkata begitu. Lalu Allah menurunkan ayat ini. Al- Julas kemudian berkata: "Memang benar saya telah berkata begitu dan Allah menawarkan taubat kepada saya, lalu saya terus bertaubat", dan taubatnya diterima Allah.

Tetapi riwayat-riwayat ini tidak selaras dengan ungkapan nas Al-Qur'an:

"Dan mereka telah mengingini untuk melakukan sesuatu yang tidak mungkin dicapai mereka."

Pakatan Membunuh Rasulullah

Di sana terdapat riwayat-riwayat yang menguatkan satu sama lain bahawa yang dimaksudkan dengan ungkapan ini ialah rancangan jahat yang telah diaturkan oleh sekumpulan kaum Munafiqin sewaktu pulang dari peperangan untuk membunuh Rasulullah s.a.w. secara tipu helah, ketika beliau balik dari Tabuk. Justeru itu kami memilih salah satu dari riwayat-riwayat ini:

Ujar al-Imam Ahmad Rahimahullah: Kami telah diceritakan oleh Yazid, kami telah dikhabarkan oleh al-Walid Ibn Abdullah Ibn Jami' dari Abu at-Tufayl katanya: Apabila Rasulullah s.a.w. pulang dari Peperangan Tabuk, beliau menyuruh seorang juruhebah agar menghebahkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah mengambil jalan bukit. Oleh itu janganlah ada seorang yang lain mengambil jalan itu. Ketika Rasulullah s.a.w. dipandu oleh Huzayfah dan dari belakangnya diikuti oleh 'Ammar, tiba-tiba datang sekumpulan penunggang-penunggang unta betina yang membungkus muka mereka lalu mereka menyerang 'Ammar yang sedang memandu kenderaan Rasulullah s.a.w. Kemudian 'Ammar r.a. tampil memukul muka penungang-penungang unta itu, lalu Rasulullah s.a.w. berkata kepada Huzayfah, "Cukup! Cukup!" Dan apabila Rasulullah turun dari kenderaannya dan 'Ammar kembali, beliau bersabda kepada 'Ammar, "Apakah engkau kenal orang-orang itu?" Jawab Ammar: "Saya kenal kebanyakan penunggang-penunggang unta itu, dan mereka membungkus muka mereka". Beliau bertanya lagi: "Apakah engkau tahu tujuan mereka?" Jawab 'Ammar: "Hanya Allah dan Rasul-Nya sahaja yang lebih mengetahui". Kemudian ia bersabda: "Mereka mahu mengejutkan kenderaan Rasulullah dengan tujuan menjatuhkannya". Kata at-Tufayl: Kemudian 'Ammar bertanya seorang dari sahabat Rasulullah s.a.w.: "Setahu awak berapa ramai penghuni-penghuni di jalan bukit itu?!" Jawab sahabat itu: "Empat belas orang lelaki". Kata 'Ammar: "Jika awak dari mereka, maka jumlahnya jadi lima belas orang semuanya". Ujar Abu at-Tufayl: Kemudian Rasulullah s.a.w. membilang tiga orang dari mereka dan mereka berkata: "Demi Allah, saya tidak dengar pengumuman juruhebah Rasulullah s.a.w. dan kami

tidak mengetahui tujuan orang-orang itu". Lantas Ammar berkata: "Aku bersaksi bahawa dua belas orang yang baki lagi itu akan diperangi Allah dan Rasul-Nya di dunia ini dan di hari Akhirat di mana saksi-saksi akan memberi keterangan."

Peristiwa ini mendedahkan niat jahat kaum Munafiqin. Sama ada peristiwa ini atau peristiwa lain yang serupa dengannya yang dimaksudkan oleh ayat ini, namun peristiwa itu nampak jelas menimbulkan kehairanan mengapa hati mereka sampai begini sekali sanggup menyimpan niat khianat yang seperti itu. Ayat yang berikut melahirkan keta'jubannya terhadap mereka:

وَمَا نَقَمُوٓا۟ إِلَّآ أَنْ أَغْنَىٰهُمُ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ مِن فَضْلِهِۦ ۚ

"Mereka tidak menaruh dendam melainkan kerana Allah dan Rasul-Nya telah memberi kesenangan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya."

Selama itu Islam tidak pernah melakukan sesuatu kejahatan terhadap mereka hingga menyebabkan mereka menaruh dendam yang seburuk itu terhadap Islam kecuali mungkin kerana kesenangan yang melimpahi mereka selepas kedatangan Islam atau mungkin kemewahan yang dini'mati mereka dengan ekoran dan kemunculan Islam itu telah menjadi punca kemarahan dan dendam mereka.

Kemudian ayat yang berikut mengulas sikap mereka yang aneh ini setelah mendedahkan niat-niat mereka yang jahat, kemudian ia menyampaikan keputusan yang mu'tamad:

Keputusan Allah Yang Muktamad

فَإِن يَتُوبُوا۟ يَكُ خَيْرًا لَّهُمْ ۖ وَإِن يَتَوَلَّوْا۟ يُعَذِّبْهُمُ ٱللَّهُ عَذَابًا أَلِيمًا فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْـَٔاخِرَةِ ۚ وَمَا لَهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ مِن وَلِىٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿٧٤﴾

"Oleh itu jika mereka bertaubat, maka itu adalah lebih baik kepada mereka, dan jika mereka enggan nescaya Allah akan menyeksakan mereka dengan 'azab yang amat pedih di dunia dan di Akhirat, dan mereka tidak akan memperolehi di bumi ini sebarang pelindung dan penolong."(74)

Selepas ini semuanya, pintu taubat terus dibuka selebar-lebarnya. Oleh itu sesiapa yang ingin mendapat kebaikan kepada dirinya, maka hendaklah ia masuk ke dalam pintu yang terbuka itu dan sebaliknya sesiapa yang mahu meneruskan perjalanannya di jalan yang bengkok, maka akibatnya juga jelas, iaitu ia akan mendapat 'azab keseksaan yang berat di dunia dan Akhirat dan tidak akan memperolehi pelindung dan penolong di dunia ini. Setiap orang bebas memilih dan dialah sahaja yang bertanggungjawab:

فَإِن يَتُوبُوا۟ يَكُ خَيْرًا لَّهُمْ ۖ وَإِن يَتَوَلَّوْا۟ يُعَذِّبْهُمُ ٱللَّهُ عَذَابًا أَلِيمًا فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْـَٔاخِرَةِ ۚ وَمَا لَهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ مِن وَلِىٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿٧٤﴾

"Oleh itu jika mereka bertaubat, maka itu adalah lebih baik kepada mereka, dan jika mereka enggan nescaya Allah akan menyeksakan mereka dengan 'azab yang amat pedih di dunia dan Akhirat, dan mereka tidak akan memperolehi di bumi ini sebarang pelindung dan penolong."(74)

(Pentafsiran ayat-ayat 75 - 78)

Kemudian rangkaian ayat-ayat ini terus membentangkan contoh-contoh para Munafiqin, keperihalan dan perkataan-perkataan yang diucapkan mereka sebelum dan dalam masa berlakunya Peperangan Tabuk:

وَمِنْهُم مَّنْ عَٰهَدَ ٱللَّهَ لَئِنْ ءَاتَىٰنَا مِن فَضْلِهِۦ لَنَصَّدَّقَنَّ وَلَنَكُونَنَّ مِنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٧٥﴾ فَلَمَّآ ءَاتَىٰهُم مِّن فَضْلِهِۦ بَخِلُوا۟ بِهِۦ وَتَوَلَّوا۟ وَّهُم مُّعْرِضُونَ ﴿٧٦﴾ فَأَعْقَبَهُمْ نِفَاقًا فِى قُلُوبِهِمْ إِلَىٰ يَوْمِ يَلْقَوْنَهُۥ بِمَآ أَخْلَفُوا۟ ٱللَّهَ مَا وَعَدُوهُ وَبِمَا كَانُوا۟ يَكْذِبُونَ ﴿٧٧﴾

"Dan di antara mereka ada orang yang berjanji dengan Allah, iaitu jika Allah mengurniakan kami sebahagian dari limpah kurnia-Nya nescaya Kami akan mengeluarkan sedekah dan tetap berada di dalam golongan orang-orang yang soleh(75). Tetapi setelah Allah mengurniakan kepada mereka sebahagian dari limpah kurnia-Nya, mereka terus bakhil dengan pengurniaan itu dan berpaling (dari janji itu) dan mereka adalah orang-orang yang sentiasa membelakangi (perjanjian)(76). Lalu Allah menimbulkan sifat hipokrit di dalam hati mereka hingga sampai pada hari mereka menemui Allah kerana mereka telah memungkiri apa yang dijanjikan mereka dengan Allah dan kerana mereka berdusta."(77)

Kaum Munafiqin Tidak Menepati Janji

Maksudnya, di antara para Munafiqin ada yang telah berjanji dengan Allah jika Allah mengurniakan ni'mat kesenangan dan rezeki kepadanya nescaya ia akan mengeluarkan sedekah dan melakukan amalan-amalan yang soleh, tetapi perjanjian ini hanya dijanjikan semasa ia miskin dan susah, semasa ia mengharap dan menginginі pemberian Allah, tetapi apabila Allah memperkenankan permohonannya dan mengurniakan rezeki dari limpah kurnia-Nya, ia terus lupakan janjinya dan menjadi bakhil dan enggan menunjukkan perjanjiannya. Perbuatan mungkir janji dan berdusta dengan Allah menyebabkan sifat

hipokrit bertapak kukuh di dalam hatinya sehingga ia mati dan menemui Allah dengan sifat itu.

Hati manusia memang lemah dan bakhil kecuali mereka yang dipeliharakan Allah, dan ia tidak dapat membersihkannya dari sifat bakhil kecuali ia dipenuhi keimanan dan bebas dari keperluan-keperluan bumi, kecuali ia bebas dari belenggu-belenggu tamak dan haloba kepada kepentingan-kepentingan yang dekat, kerana hati yang bebas ini sentiasa mengharapkan gantian rezeki yang lebih banyak dan bercita-cita mendapat keredhaan Allah yang lebih besar. Hati yang Mu'min sentiasa menghayati ketenteraman dengan keimanan. Justeru itu ia tidak takut miskin apabila ia menginfaqkan hartanya di jalan Allah, kerana ia percaya bahawa apa yang ada di tangan manusia lambat-laun akan habis dan apa yang ada di sisi Allah tetap kekal. Kepercayaan inilah yang mendorongnya menginfaqkan harta kekayaannya di jalan Allah dengan penuh kerelaan dan dengan tujuan membersihkan dirinya serta yakin terhadap akibatnya walaupun ia tidak mempunyai wang dan memerlukannya, kerana ia akan mendapat gantian yang lebih besar dari sisi Allah.

Tetapi apabila hati itu kosong dari keimanan yang sebenar, maka tabi'at bakhil semula jadi itu akan bergerak aktif di dalam hati itu setiap kali ia diseru supaya mengeluarkan derma atau sedekah, kerana kebimbangan menjadi miskin sentiasa terbayang-bayang di matanya dan menghalangkannya dari menginfaqkan hartanya. Dan akhirnya ia terpenjara di dalam kebakhilan dan ketakutan tanpa menghayati keamanan dan ketenteraman.

Orang yang berjanji dengan Allah kemudian ia memungkiri janjinya dan orang yang berdusta dengan Allah dan tidak memenuhi janjinya, maka hatinya tidak terselamat dari sifat nifaq/hipokrit. Sabda Rasulullah s.a.w.:

آية المنافق ثلاث: إذا حدث كذب،
وإذا وعد أخلف، و إذا ائتمن خان

"Tanda seorang Munafiq itu tiga: Jika bercakap ia berdusta dan jika ia berjanji ia mungkiri dan jika diberi amanah ia khianati."

(Tercatat dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim)

Oleh sebab itu sudah semestinya perbuatan memungkiri janji dan berdusta dengan Allah mengakibatkan sifat nifaq itu terus kekal di dalam hati kumpulan Munafiqin yang disebut di dalam ayat ini:

فَأَعْقَبَهُمْ نِفَاقًا فِي قُلُوبِهِمْ إِلَىٰ يَوْمِ يَلْقَوْنَهُ بِمَا
أَخْلَفُوا اللَّهَ مَا وَعَدُوهُ وَبِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ ﴿٧٧﴾
أَلَمْ يَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ سِرَّهُمْ وَنَجْوَاهُمْ

"Lalu Allah menimbulkan sifat hipokrit di dalam hati mereka hingga sampai pada hari mereka menemui Allah kerana mereka telah memungkiri apa yang dijanjikan mereka dengan Allah dan kerana mereka berdusta(77). Tidakkah mereka tahu bahawa Allah mengetahui rahsia dan bisikan mereka dan bahawa Allah Maha Mengetahui segala urusan yang ghaib."(78)

Maksudnya, apakah mereka tidak tahu – sedangkan mereka mendakwa beriman – bahawa Allah mengetahui segala rahsia hati mereka, mengetahui segala percakapan yang berlangsung di antara mereka, yang dikira sebagai rahsia-rahsia di antara mereka, kerana perkara itu dibisik-bisikkan mereka jauh dari orang ramai? Apakah mereka tidak tahu bahawa Allah mengetahui segala sesuatu yang ghaib, tersembunyi dan terlindung? Apakah mereka tidak tahu bahawa Allah mengetahui hakikat niat-niat yang terpendam di dalam dada mereka? Jika mereka tahu tentulah mereka tidak menyembunyikan sebarang niat mereka dari Allah dan tentulah mereka tidak sanggup memungkiri perjanjian mereka dengan Allah atau membuat janji-janji dusta dengan-Nya.

Cerita Tha'labah Yang Ditolak Zakatnya

Di sana terdapat beberapa riwayat mengenai sebab nuzul tiga ayat ini. Di antaranya yang kami ingin sebutkan di sini ialah sebuah riwayat dari Ibn Jarir dan Ibn Abu Hatim dari Mu'an dengan isnadnya dari Abu Umamah al-Bahili dari Tha'labah Ibn Hatib al-Ansari katanya: Dia berkata kepada Rasulullah s.a.w.: "Do'akan kepada Allah supaya mengurniakan kekayaan kepada saya". Katanya: Jawab Rasulullah s.a.w.: "Malang sungguh engkau ini, wahai Tha'labah, harta yang sedikit yang disyukuri itu lebih baik dari harta yang banyak yang tidak dapat ditanggung oleh engkau" Katanya: Kemudian beliau bersabda sekali lagi: "Apakah engkau tidak suka jadi seperti Nabi Allah? Demi jiwaku di tangan Allah, jika aku mahu gunung-ganang menjadi emas dan perak yang berjalan bersamaku tentulah gunung-ganang itu berjalan". Kata Tha'labah Ibn Hatib al- Ansari: "Demi Allah yang telah menguatkan anda membawa agama yang benar, jika anda berdoa kepada Allah lalu Allah mengurniakan harta kekayaan kepada saya, nescaya saya akan tunaikan sedekah kepada setiap orang yang berhak menerimanya". Lalu Rasulullah s.a.w. berdoa: "Ya Allah, ya Tuhanku, kurniakanlah harta kekayaan kepada Tha'labah". Kata rawi: Lalu Tha'labah menternak kambing dan tidak lama kemudian kambingnya membiak seperti ulat hingga kawasan di Madinah itu menjadi sempit dan Tha'labah terpaksa mencari tempat yang jauh dari Madinah dan tinggal di sebuah kawasan pelembahan dari pelembahan-pelembahan Madinah. Kini dia hanya dapat sembahyang Zohor dan 'Asar sahaja secara berjamaah di Madinah dan meninggalkan solat-solat yang lain. Kemudian ternakannya bertambah biak dan banyak dan dia tinggal semakin jauh dari Madinah hingga ia

terpaksa meninggalkan solat berjamaah kecuali hari Jumaat sahaja. Kemudian ternakannya terus membiak hingga ia terpaksa meninggalkan solat Jumaat. Kini dia hanya bertanya penunggang-penunggang (dari Madinah) pada hari Jumaat untuk mendapat berita-berita dari mereka. Pada suatu hari Rasulullah bertanya: "Apakah yang telah dibuat, oleh Tha'labah?" Jawab sahabat-sahabatnya: "Ya Rasulullah, Tha'labah menternak kambing dan kambingnya membiak begitu banyak hingga kawasan di Madinah menjadi sempit kepadanya". Lalu mereka mencerita hal ehwal Tha'labah kepada beliau dan beliau terus merungut: "Malang sungguh engkau ini, wahai Tha'labah, malang sungguh engkau ni, wahai Tha'labah, malang sungguh engkau ini, wahai Tha'labah! "Lalu Allah Jalla Thana'uHu menurunkan ayat "خُذْ مِنْ أَمْوَٰلِهِمْ صَدَقَةً" (Surah at-taubah 103) (Ambillah dari sebahagian harta mereka bayaran zakat) dan turunlah fardhu-fardhu zakat. Kemudian Rasulullah s.a.w. menghantar dua orang utusan untuk memungut zakat dari orang-orang Islam; seorang dari suku Juhaynah dan seorang lagi dari suku Bani Sulaym dan beliau telah menulis kepada duaka (kedua-duanya) peraturan memungut zakat dari orang-orang Islam dan bersabda kepada duaka: "Hendaklah duaka (engkau berdua) temui Tha'labah dan si anu dari Bani Sulaym dan ambil zakat duaka". Kemudian kedua utusan itu keluar menemui Tha'labah dan menuntut zakatnya dan membaca surat Rasulullah s.a.w. kepadanya lalu dia berkata: "Ini tidak lain melainkan cukai jizyah. Ini tidak lain melainkan serupa dengan cukai jizyah, aku tidak tahu apakah bayaran ini sebenarnya. Pergilah duaka kepada orang lain, dan apabila duaka selesai memungut dari mereka, maka datanglah semula kepada saya". Adapun si anu dari Bani Sulaym sebaik sahaja ia mendengar kedatangan dua orang utusan Rasulullah s.a.w., ia terus memeriksa unta-untanya yang terbaik dan mengasingkannya untuk dijadikan bayaran zakat. Kemudian dia menyambut kedatangan kedua utusan itu dan menyerahkan unta-unta itu. Apabila duaka melihat unta-unta itu duaka terus berkata: "Anda tidak wajib mengeluarkan zakat dengan unta-unta yang terbaik ini, kami tidak mahu mengambil unta-unta seperti ini dari anda". Lalu lelaki itu menjawab: "Ambillah unta-unta ini, saya berikannya dengan kerelaan hati saya. Unta-unta ini sememangnya saya sediakannya untuk zakat". Lalu kedua-dua utusan itu mengambil unta-unta itu dan meneruskan perjalanan menemui orang ramai untuk memungut zakat. Kemudian akhirnya duaka kembali menemui Tha'labah, lalu ia berkata: "Tunjukkan surat duaka itu kepada saya". Setelah membaca surat itu ia berkata: "Ini tidak lain melainkan cukai jizyah. Ini tidak lain melainkan serupa dengan cukai jizyah, baliklah dulu sehingga saya faqir sebaik-baiknya". Kedua-dua utusan itu balik dan menemui Nabi s.a.w. Sebaik sahaja beliau melihat kedua utusan itu, beliau terus berkata sebelum bercakap dengan duaka: "Sungguh malang Tha'labah ini". Kemudian beliau berdoa kepada Allah supaya melimpahkan kerberkatan kepada lelaki dari Bani Sulaym itu. Kemudian kedua utusan itu melaporkan kepada beliau apa yang telah dilakukan oleh Tha'labah dan lelaki dari Bani Sulaym itu, lalu Allah menurunkan ayat:

وَمِنْهُم مَّنْ عَٰهَدَ ٱللَّهَ لَئِنْ ءَاتَىٰنَا مِن فَضْلِهِۦ لَنَصَّدَّقَنَّ وَلَنَكُونَنَّ مِنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٧٥﴾

"Dan di antara mereka ada orang yang berjanjikan dengan Allah iaitu jika Allah mengurniakan sebahagian dari limpah kurnia-Nya nescaya kami akan mengeluarkan sedekah dan tetap berada di dalam golongan orang-orang yang soleh."(75)

Kebetulan ketika itu ada seorang lelaki dari keluarga Tha'labah di majlis Rasulullah s.a.w. Setelah ia mendengar apa yang berlaku itu ia terus keluar menemui Tha'labah dan berkata kepadanya, "Malang sungguh engkau ini, wahai Tha'labah! Allah telah menurunkan ayat begini, begini mengenai engkau". Lalu Tha'labah keluar menemui Nabi s.a.w. dan memohon kepada beliau supaya menerima zakatnya, tetapi beliau bersabda kepadanya: "Sesungguhnya Allah telah menghalang aku dari menerima zakat engkau". Lalu Tha'labah mengaut tanah dan mencurahkan di atas kepalanya (kerana menyesal) dan beliau terus bersabda kepadanya: "Inilah akibat perbuatan engkau. Aku telah menyuruh engkau, tetapi engkau tidak menta'atinya". Apabila Rasulullah s.a.w. enggan menerima zakatnya ia pun pulang ke rumahnya. Beliau tidak menerima zakat Tha'labah walau sedikit pun sehingga beliau wafat. Kemudian Tha'labah datang menemui Abu Bakr r.a. setelah beliau dilantik menjadi khalifah lalu ia berkata kepadanya: "Anda tahu kedudukan saya di sisi Rasulullah dan kedudukan saya di kalangan kaum Ansar. Oleh itu terimalah zakat dari saya". Jawab Abu Bakr: "Rasulullah s.a.w. sendiri tidak menerima zakat dari engkau, bagaimana pula saya?" Abu Bakr tidak menerima zakat dari Tha'labah sehingga beliau wafat. Apabila Umar r.a. dilantik menjadi khalifah, Tha'labah datang menemui beliau dan berkata kepadanya: "Wahai Amirul-Mu'minin, terimalah zakat saya". Jawab beliau, "Jika Rasulullah s.a.w. tidak menerima zakat dari engkau dan Abu Bakr juga tidak menerimanya, maka bagaimana pula saya?" Beliau tidak menerima zakat Tha'labah sehingga beliau wafat. Apabila Uthman r.a. dilantik menjadi khalifah, Tha'labah datang menemuinya dan berkata kepadanya: "Terimalah zakat saya". Jawab beliau: "Jika Rasulullah s.a.w. tidak menerimanya, Abu Bakr juga tidak menerima, malah Umar juga tidak menerimanya. Bagaimana pula saya?" Beliau tidak menerima zakat Tha'labah dan dia telah mati dalam zaman pemerintahannya. Sama ada peristiwa ini menemani turunnya ayat ini atau peristiwa yang lain, maka nas ini me-rupakan satu nas yang umum. Ia menggambarkan satu keadaan yang umum dan melukiskan satu contoh jiwa manusia yang berlaku berulang-ulang kali, iaitu contoh manusia yang tidak yakin, di mana keimanan belum bertapak kukuh, di dalam hatinya. Jika riwayat ini benar menghubungkan peristiwa ini dengan nuzul ayat ini maka kearifan Rasulullah s.a.w. yang mengetahui bahawa perbuatannya memungkiri perjanjian dan berdusta

dengan Allah telah mengakibatkan timbulnya sifat nifaq di dalam hati mereka yang memungkiri perjanjian itu sehingga sampai pada hari mereka menemui Allah... maka ke'arifan inilah yang mendorong beliau tidak mahu menerima zakat dari Tha'labah dan taubatnya yang lahir. Beliau tidak melayaninya dengan hakikatnya yang zahir mengikut kehendak biasa syari'at, malah beliau melayaninya dengan ilmunya yang mengetahui hakikat Tha'labah yang sebenar, yang tidak diraguinya, kerana ia merupakan pemberitaan dari Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Mendalam Ilmu-Nya. Tindakan yang dilakukan Rasulullah s.a.w. menolak zakat Tha'labah itu adalah suatu tindakan disiplin tanpa menganggapkannya sebagai seorang yang murtad yang boleh dikenakan hukuman murtad dan tanpa menganggapkannya sebagai seorang Islam yang boleh diterima zakatnya. Ini tidak pula boleh diertikan bahawa zakat itu digugurkan dari orang-orang Munafiqin dari segi syari'at, kerana syari'at mempersalahkan manusia dengan keadaan mereka yang zahir dalam persoalan yang tidak diketahui dengan yakin seperti dalam peristiwa Tha'labah yang khusus ini, dan justeru itu peristiwa ini tidak boleh dijadikan ukuran.

Tetapi peristiwa ini mendedahkan kepada kita bagaimana pandangan angkatan-angkatan Muslimin yang pertama kepada fardhu zakat. Mereka yang mengira zakat sebagai sesuatu ni'mat yang dikurniakan kepada mereka. Sesiapa yang mengharamkan penunaian zakat atau diharamkan menerima zakat darinya, maka dialah seorang insan yang benar-benar rugi yang wajar diucapkan kepadanya dengan kata-kata kasihan belas kerana ia ditimpa bala (ditolak zakatnya). Mereka memandang begitu kerana mereka memahami hakikat yang terkandung di dalam firman Allah:

خُذْ مِنْ أَمْوَٰلِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِم بِهَا

"Ambillah dari sebahagian harta mereka bayaran zakat yang membersih dan menyucikan diri mereka." (103)

Oleh itu zakat merupakan suatu keuntungan yang diperolehi mereka bukannya suatu kerugian yang ditanggung mereka. Inilah perbezaan di antara kefardhuan yang ditunaikan dengan maksud mencari keredhaan Allah dan bayaran cukai yang ditunaikan kerana ia diwajibkan oleh undang-undang dan dikenakan hukuman jika gagal membayarnya.

(Pentafsiran ayat-ayat 79 - 80)

Kini ayat-ayat yang berikut membentangkan sejenis kefahaman yang lain dari kefahaman-kefahaman kaum Munafiqin terhadap zakat, iaitu satu kefahaman yang bertentangan dengan kefahaman yang sebenar yang dipegang oleh orang-orang Mu'minin yang tulen di samping mendedahkan sejenis budaya mencaci dan mencela, mengejek dan membidas yang lahir dari tabi'at kaum Munafiqin yang menyeleweng dan diserapi penyakit:

ٱلَّذِينَ يَلْمِزُونَ ٱلْمُطَّوِّعِينَ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ فِى ٱلصَّدَقَٰتِ وَٱلَّذِينَ لَا يَجِدُونَ إِلَّا جُهْدَهُمْ فَيَسْخَرُونَ مِنْهُمْ سَخِرَ ٱللَّهُ مِنْهُمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٧٩﴾

"Orang-orang (Munafiq) yang mencela orang-orang Mu'min yang memberi sedekah secara sukarela, juga mencela orang-orang yang tidak mempunyai wang untuk bersedekah kecuali sekadar kemampuan mereka serta mengejek mereka, maka Allah telah membalas ejekan mereka dan mereka akan memperolehi azab yang amat pedih."(79)

Kisah yang diceritakan mengenai sebab nuzul ayat ini menggambarkan pandangan kaum Munafiqin yang sesat terhadap tabi'at infaq fi Sabilillah dan motif-motifnya yang tersemat di dalam hati.

Derma Abdul Rahman Ibn 'Auf Dan Derma 'Uqayl

Ibn Jarir telah mengeluarkan satu riwayat dari saluran Yahya ibn Kathir dan dari saluran Qatadah dan Ibn Abu Hatim dari saluran al-Hakam ibn Aban dari 'Ikrimah - dengan lafaz-lafaz yang berlain-lainan - katanya: Rasulullah s.a.w. telah menggalakkan kaum Muslimin mengeluarkan sedekah (untuk menghadapi Peperangan Tabuk) lalu Abdur-Rahman ibn 'Auf datang menemui beliau dengan membawa wang sebanyak empat ribu serta berkata kepadanya: "Ya Rasulullah, saya ada wang sebanyak lapan ribu, saya bawa kepada anda separuh dari wang itu dan saya simpan separuh". Lantas beliau bersabda: Allah berkati harta yang disimpankan anda dan harta yang disedekahkan anda". Kemudian datang Abu Uqayl membawa segantang buah tamar dan berkata: "Ya Rasulullah, saya hanya memperolehi dua gantang buah tamar, segantang saya peruntukan kepada Allah dan segantang lagi saya peruntukan kepada keluarga saya". Kata rawi: Pemberian ini telah diejek dan dicela oleh orang-orang Munafiqin. Mereka berkata: Pemberian yang dilakukan oleh Abdur-Rahman ibn 'Auf itu adalah didorong oleh keinginan riya'". Mereka mengejek Abu Uqayl: Bukankah Allah dan Rasul-Nya tidak perlu kepada pemberian segantang tamar ini?

Dalam riwayat-riwayat yang lain, mereka mengejek-ngejek Abu Uqayl, sedangkan ia bertungkus-lumus bekerja untuk mendapatkan dua gantang tamar sebagai upahannya dan segantang darinya telah dibawa kepada Rasulullah s.a.w. Mereka berkata: Abu Uqayl berbuat begitu dengan tujuan untuk menonjolkan dirinya!

Demikianlah mereka mengejek-ngejek dan mencela orang-orang Mu'min yang mengeluarkan sedekah dengan ikhlas dan sukarela hati mereka dan dengan tujuan untuk turut memberi sumbangan kepada tabung jihad mengikut kemampuan masing-masing. Ini disebabkan kerana orang-orang Munafiqin itu

tidak memahami motif kesukarelaan yang mendorong hati yang beriman. Mereka tidak memahami kepekaan hati nurani yang tidak akan tenteram kecuali dengan mengorbankan harta dengan penuh sukarela. Mereka tidak memahami perasaan-perasaan spontan yang bersemarak untuk menyahut seruan iman, seruan berkorban dan memberi sumbangan. Oleh sebab itu mereka mengejek dermawan yang memberi sumbangan yang banyak sebagai bertujuan kerana riya' dan mengejek dermawan yang memberi sumbangan yang sedikit sebagai bertujuan untuk menonjolkan diri. Mereka melukakan perasaan dermawan yang kaya yang menghulurkan derma yang banyak dan menghinakan dermawan yang tidak berada kerana menghulurkan derma yang kecil. Kerana itu tiada seorang ahli kebajikan pun yang terselamat dari celaan dan kecaman mereka, sedangkan mereka sendiri ponteng dari berjihad dan bakhil mengeluar sedekah. Mereka tidak menginfaqkan harta mereka di jalan Allah kecuali dengan tujuan menunjuk-nunjukkan kepada orang ramai. Mereka tidak memahami niat-niat dan motif-motif orang lain melainkan motif riya' yang rendah ini sahaja.

Oleh itu ayat berikut menghadapkan kepada mereka dengan jawapan yang tegas:

سَخِرَ ٱللَّهُ مِنْهُمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٧٩﴾

"Allah telah membalas ejekan mereka dan mereka akan memperolehi azab yang amat pedih."(79)

Alangkah dahsyat balasan ejekan itu dan alangkah buruknya akibat balasan ejekan itu, apakah ertinya ejekan dari segelintir manusia yang kecil, lemah dan fana dibandingkan dengan balasan ejekan Allah Pencipta Yang Maha Gagah dan azab keseksaan Allah yang menunggu mereka. Itulah balasan yang sungguh ngeri dan menakutkan.

ٱسْتَغْفِرْ لَهُمْ أَوْ لَا تَسْتَغْفِرْ لَهُمْ إِن تَسْتَغْفِرْ لَهُمْ
سَبْعِينَ مَرَّةً فَلَن يَغْفِرَ ٱللَّهُ لَهُمْ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَفَرُوا۟
بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلْفَـٰسِقِينَ ﴿٨٠﴾

"(Sama sahaja) sama ada engkau memohon ampun untuk mereka atau tidak memohon ampun untuk mereka sekalipun tujuh puluh kali engkau memohon ampun untuk mereka, maka Allah tetap tidak akan mengampunkan mereka. Hukuman itu disebabkan kerana mereka telah kafir terhadap Allah dan Rasul-Nya dan Allah sekali-kali tidak memberi hidayat kepada golongan orang-orang yang fasiq."(80)

Orang-orang Munafiqin yang mencela para dermawan yang memberi sedekah dengan sukarela ini telah ditentukan nasib kesudahan mereka yang tidak akan berubah:

فَلَن يَغْفِرَ ٱللَّهُ لَهُمْ

"Maka Allah tetap tidak akan mengampunkan mereka."

Permohonan untuk mendapat keampunan tidak lagi berguna kepada mereka. Sama sahaja sama ada dipohon keampunan atau tidak.

Yang jelas biasanya Rasulullah s.a.w. memohon keampunan untuk mereka yang melakukan kesalahan semoga Allah menerima taubat mereka, tetapi bagi orang-orang ini beliau telah dimaklumkan bahawa nasib kesudahan mereka telah pun ditetapkan Allah dan tidak dapat dipindakan lagi:

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَفَرُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى
ٱلْقَوْمَ ٱلْفَـٰسِقِينَ ﴿٨٠﴾

"Hukuman itu disebabkan kerana mereka telah kafir terhadap Allah dan Rasul-Nya dan Allah sekali-kali tidak memberi hidayat kepada golongan orang-orang yang fasiq."(80)

Mereka yang telah menyeleweng dari jalan yang lurus itu tidak dapat diharap akan kembali ke pangkal jalan. Hati mereka telah pun rosak dan tidak dapat diharap lagi menjadi baik.

إِن تَسْتَغْفِرْ لَهُمْ سَبْعِينَ مَرَّةً فَلَن يَغْفِرَ ٱللَّهُ لَهُمْ

"Sekalipun tujuh puluh kali engkau memohon ampun untuk mereka, maka Allah tetap tidak akan mengampunkan mereka."

Bilangan *"tujuh puluh kali"* biasanya digunakan untuk maksud menyatakan banyak bukannya untuk maksud bilangan sebanyak itu. Pengertiannya yang umum, mereka tidak mempunyai harapan untuk mendapat keampunan, kerana tiada jalan untuk mereka bertaubat. Apabila hati manusia yang telah rosak itu sampai ke tahap yang tertentu, maka ia tidak akan menjadi baik lagi. Begitu juga kesesatan apabila sampai ke tahap yang tertentu, maka ia tidak dapat diharap mendapat hidayat lagi dan Allah Maha Mengetahui tabi'at hati.

(Pentafsiran ayat-ayat 81 - 85)

Rangkaian ayat-ayat yang berikut sekali lagi kembali membicarakan tentang orang-orang yang tidak ikut berjihad bersama Rasulullah s.a.w. di dalam Peperangan Tabuk:

فَرِحَ ٱلْمُخَلَّفُونَ بِمَقْعَدِهِمْ خِلَـٰفَ رَسُولِ ٱللَّهِ وَكَرِهُوٓا۟
أَن يُجَـٰهِدُوا۟ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَقَالُوا۟
لَا تَنفِرُوا۟ فِى ٱلْحَرِّ ۗ قُلْ نَارُ جَهَنَّمَ أَشَدُّ حَرًّا ۚ لَّوْ كَانُوا۟
يَفْقَهُونَ ﴿٨١﴾
فَلْيَضْحَكُوا۟ قَلِيلًا وَلْيَبْكُوا۟ كَثِيرًا جَزَآءًۢ بِمَا كَانُوا۟
يَكْسِبُونَ ﴿٨٢﴾

فَإِن رَّجَعَكَ ٱللَّهُ إِلَىٰ طَآئِفَةٖ مِّنۡهُمۡ فَٱسۡتَـٔۡذَنُوكَ لِلۡخُرُوجِ فَقُل لَّن تَخۡرُجُواْ مَعِيَ أَبَدٗا وَلَن تُقَٰتِلُواْ مَعِيَ عَدُوًّاۖ إِنَّكُمۡ رَضِيتُم بِٱلۡقُعُودِ أَوَّلَ مَرَّةٖ فَٱقۡعُدُواْ مَعَ ٱلۡخَٰلِفِينَ ﴿٨٣﴾

وَلَا تُصَلِّ عَلَىٰٓ أَحَدٖ مِّنۡهُم مَّاتَ أَبَدٗا وَلَا تَقُمۡ عَلَىٰ قَبۡرِهِۦٓۖ إِنَّهُمۡ كَفَرُواْ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَمَاتُواْ وَهُمۡ فَٰسِقُونَ ﴿٨٤﴾ وَلَا تُعۡجِبۡكَ أَمۡوَٰلُهُمۡ وَأَوۡلَٰدُهُمۡۚ إِنَّمَا يُرِيدُ ٱللَّهُ أَن يُعَذِّبَهُم بِهَا فِي ٱلدُّنۡيَا وَتَزۡهَقَ أَنفُسُهُمۡ وَهُمۡ كَٰفِرُونَ ﴿٨٥﴾

"Orang-orang yang ditinggalkan itu (tidak ikut berperang) telah bergembira dengan kedudukan mereka yang tertinggal di belakang Rasulullah dan mereka memang tidak suka berjihad dengan harta benda dan jiwa raga untuk Sabilullah dan mereka telah berkata: Janganlah kamu keluar berperang dalam panas terik. Katakanlah: Api Neraka Jahannam itu lebih panas lagi jika mereka mengerti(81). Oleh itu hendaklah mereka sedikitkan ketawa dan banyakkan menangis sebagai balasan terhadap perbuatan yang diusahakan mereka (82). Jika Allah mengembalikan engkau kepada satu puak dari mereka (Munafiqin) lalu mereka meminta keizinan engkau untuk keluar berperang, maka katakanlah kepada mereka: Kamu tidak akan keluar berperang bersamaku buat selama-lamanya dan kamu tidak akan memerangi seorang musuh pun bersamaku, kerana pada kali yang pertama dulu kamu telah pun rela untuk tidak keluar berperang. Oleh itu sekarang tinggallah kamu bersama-sama mereka yang tidak keluar berperang(83). Dan janganlah engkau menyembahyangkan jenazah seseorang pun dari mereka yang telah mati buat selama-lamanya dan janganlah sekali-kali engkau berdiri di kuburnya, kerana mereka telah kafir terhadap Allah dan Rasul-Nya dan kerana mereka mati di dalam keadaan fasiq(84). Dan janganlah engkau dipesonakan oleh harta kekayaan dan anak-anak mereka yang ramai. Sebenarnya Allah mahu menyeksakan mereka dengan harta dan anak-anak mereka di dunia ini dan agar nyawa mereka tercabut dalam keadaan kafir."(85)

Barisan Munafiqin Yang Runtuh Semangat Dan Daya Juang

Orang-orang Munafiqin yang terpengaruh kepada kepentingan dunia, terpengaruh kepada keinginan beristirehat, terpengaruh kepada tabi'at bakhil dan kikir dan tidak ikut berjihad kerana kelemahan semangat, kesusutan maruah dan kehormatan diri dan kekosongan hati dari keimanan ... orang-orang yang ditinggalkan itu (ungkapan ini membayangkan mereka segolongan orang yang diabaikan sedemikian rupa seolah-olah barang-barang remeh yang ditinggalkan begitu sahaja) bergembira kerana terselamat dari malapetaka peperangan dan dapat beristirehat dan bersenang-senang **"di belakang Rasulullah"** dan membiarkan para Mujahidin bergelut dengan panas terik, dengan kesulitan dan penat jerih peperangan. Mereka memperhitungkan keselamatan diri sebagai matlamat yang diimpikan oleh kaum lelaki dan **"mereka memang tidak suka berjihad dengan harta benda dan jiwa raga mereka untuk Sabilullah dan mereka telah berkata: Janganlah kamu keluar berperang dalam panas terik".** Inilah perkataan orang-orang yang lemah semangat perjuangan yang tidak layak dengan kaum lelaki.

Mereka merupakan contoh manusia yang lemah semangat dan kemahuan. Kebanyakan mereka takut dan benci kepada kepenatan dan kesusahan. Mereka mementingkan kerehatan yang murah dari perjuangan yang mulia. Mereka mengutamakan keselamatan yang hina dari menghadapi bahaya yang mulia. Mereka rebah bergelimpangan kerana letih lesu di belakang barisan pejuang-pejuang yang bersemangat, yang terus mara di medan perjuangan dan sedar dengan tugas-tugas da'wah. Mereka tidak teragak-agak menempuh jalan perjuangan mereka yang penuh dengan ranjau dan duri, kerana mereka mengetahui dengan fitrah mereka bahawa perjuangan melawan ranjau dan duri merupakan tabi'at semula jadi manusia dan perjuangan ini adalah lebih cita rasa dan lebih indah dari ponteng dan istirehat yang dungu, yang tidak sesuai dengan sifat kaum lelaki.

Ayat yang berikut menjawab perkataan mereka dengan ejekan yang mengandungi kebenaran:

وَقَالُواْ لَا تَنفِرُواْ فِي ٱلۡحَرِّۗ قُلۡ نَارُ جَهَنَّمَ أَشَدُّ حَرّٗاۚ لَّوۡ كَانُواْ يَفۡقَهُونَ ﴿٨١﴾

"Dan mereka telah berkata: Janganlah kamu keluar berperang dalam panas terik. Katakanlah: Api Neraka Jahannam itu lebih panas lagi jika mereka mengerti."(81)

Jika mereka takut kepada panas dunia dan lebih mementing istirehat di bawah naungan bayang yang teduh, maka bagaimana mereka hendak menghadapi panas Neraka yang jauh lebih panas dari panas dunia dan lebih panjang masanya? Ini merupakan satu ejekan yang pahit tetapi benar. Pilihan hanya di antara dua: Berjihad fi Sabilillah dalam masa yang pendek di bawah sorotan panas matahari dunia atau terlontar dalam Neraka Jahannam yang tidak diketahui lama masanya melainkan Allah:

فَلۡيَضۡحَكُواْ قَلِيلٗا وَلۡيَبۡكُواْ كَثِيرٗا جَزَآءَۢ بِمَا كَانُواْ يَكۡسِبُونَ ﴿٨٢﴾

"Oleh itu hendaklah mereka sedikitkan ketawa dan banyakkan menangis sebagai balasan terhadap perbuatan yang diusahakan mereka."(82)

Itulah gelak ketawa di bumi pada hari-harinya yang pendek dan itulah tangisan di hari-hari Akhirat yang amat panjang, di mana sehari di sisi Tuhanmu seolah-olah seperti seribu tahun dari tahun-tahun yang dihitungkan mereka.

جَزَآءَۢ بِمَا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿٨٢﴾

"Sebagai balasan terhadap perbuatan yang diusahakan mereka."(82)

Itulah balasan yang setimpal dengan perbuatan dan itulah balasan yang adil dan halus. Mereka yang lebih mementingkan kerehatan dari kepenatan di sa'at kesusahan dan tidak ikut bersama kelompok ke medan peperangan pada kali yang pertama adalah orang-orang yang tidak layak untuk perjuangan dan tidak dapat diharap untuk berjihad dan mereka tidak seharusnya ditangani dengan toleransi dan sikap "tidak apa", malah tidak seharusnya diberi peluang untuk mendapat kehormatan berjihad yang telah ditinggalkan mereka dengan penuh kerelaan:

Kumpulan Ponteng Tidak Wajar Diberi Penghormatan Memasuki Barisan Kembali

فَإِن رَّجَعَكَ ٱللَّهُ إِلَىٰ طَآئِفَةٍ مِّنْهُمْ فَٱسْتَـْٔذَنُوكَ لِلْخُرُوجِ فَقُل لَّن تَخْرُجُوا۟ مَعِىَ أَبَدًا وَلَن تُقَـٰتِلُوا۟ مَعِىَ عَدُوًّا ۖ إِنَّكُمْ رَضِيتُم بِٱلْقُعُودِ أَوَّلَ مَرَّةٍ فَٱقْعُدُوا۟ مَعَ ٱلْخَـٰلِفِينَ ﴿٨٣﴾

"Jika Allah mengembalikan engkau kepada satu puak dari mereka (Munafiqin) lalu mereka minta keizinan engkau untuk keluar berperang maka katakanlah kepada mereka: Kamu tidak akan keluar berperang bersamaku buat selama-lamanya dan kamu tidak akan memerangi seorang musuh pun bersamaku, kerana pada kali pertama dulu kamu telah pun rela untuk tidak keluar berperang. Oleh itu sekarang tinggallah kamu bersama-sama mereka yang tidak keluar berperang."(83)

Perjuangan-perjuangan da'wah memerlukan pejuang-pejuang yang bersifat keras, cekal, istiqamah, teguh dan bertekad waja, yang tahan menghadapi perjuangan yang panjang dan sukar. Barisan yang dimasuki manusia-manusia yang lemah tidak tahan menghadapi perjuangan kerana mereka akan mengkhianatinya di sa'at-sa'at yang gawat, di mana mereka akan menaburkan rasa kecewa, kelemahan semangat perjuangan dan kekacauan di dalam barisan. Justeru itu mereka yang bersemangat lemah dan ponteng dari berjihad pastilah dibuang jauh dari barisan demi untuk menyelamatkan barisan dari kelemahan dan kekalahan. Bersikap toleran terhadap unsur-unsur yang ponteng dari barisan di sa'at-sa'at yang gawat kemudian mereka kembali balik ke dalam barisan di sa'at-sa'at yang senang lenang merupakan suatu jenayah terhadap barisan seluruhnya dan terhadap da'wah yang diperjuangkan dengan penuh pahit getir:

فَقُل لَّن تَخْرُجُوا۟ مَعِىَ أَبَدًا وَلَن تُقَـٰتِلُوا۟ مَعِىَ عَدُوًّا ۖ

"Kamu tidak akan keluar berperang bersamaku buat selama-lamanya dan kamu tidak akan memerangi seorang musuh pun bersamaku."

إِنَّكُمْ رَضِيتُم بِٱلْقُعُودِ أَوَّلَ مَرَّةٍ

"Kerana pada kali yang pertama dulu kamu telah pun rela untuk tidak keluar berperang."

Maksudnya, dengan perbuatan itu kamu telah hilang kehormatan untuk keluar berjihad dan kehormatan untuk memasuki pasukan jihad. Oleh kerana jihad merupakan suatu beban tanggungjawab yang tidak dapat dipikul melainkan oleh mereka yang berkelayakan, maka di sini tidak ada toleransi dan etiket mulut manis:

فَٱقْعُدُوا۟ مَعَ ٱلْخَـٰلِفِينَ ﴿٨٣﴾

"Oleh itu sekarang, tinggallah kamu bersama mereka yang tidak keluar berperang."(83)

Iaitu bersama kumpulan yang sama dengan kamu yang tidak ikut berjihad dan duduk beristirehat di rumah.

Inilah peraturan perjuangan yang digariskan Allah Taala kepada Nabi-Nya yang mulia. Inilah peraturan perjuangan da'wah dan pejuang-pejuangnya untuk selama-lamanya, justeru itu pejuang-pejuang da'wah di setiap zaman dan tempat hendaklah mengetahui peraturan ini.

Di samping memerintah Rasul-Nya s.a.w. supaya jangan membenarkan gerombolan ponteng di sa'at-sa'at yang gawat itu pulang semula ke dalam barisan, maka Allah juga memerintah beliau supaya jangan memberi sebarang tanda penghormatan kepada mereka:

وَلَا تُصَلِّ عَلَىٰٓ أَحَدٍ مِّنْهُم مَّاتَ أَبَدًا وَلَا تَقُمْ عَلَىٰ قَبْرِهِۦٓ ۖ إِنَّهُمْ كَفَرُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَمَاتُوا۟ وَهُمْ فَـٰسِقُونَ ﴿٨٤﴾

"Dan janganlah engkau menyembahyangkan jenazah seseorang pun dari mereka yang telah mati buat selama-lamanya dan jangan sekali-kali engkau berdiri di kuburnya, kerana mereka telah kafir terhadap Allah dan Rasul-Nya dan kerana mereka mati di dalam keadaan fasiq."(84)

Para Mufassirin telah menyebut beberapa peristiwa tertentu yang dimaksudkan oleh ayat ini, tetapi sebenarnya maksud ayat ini lebih umum dari peristiwa-peristiwa yang tertentu itu. Ia menjelaskan salah satu dasar penilaian di dalam peraturan kelompok yang berjuang demi menegakkan aqidah, iaitu dasar tiada toleransi untuk memberi tanda-tanda penghormatan kepada mereka yang lebih mengutamakan istirehat dari perjuangan yang sukar, dan dasar yang tiada etiket mulut manis dalam menilaikan kedudukan individu-individu dalam barisan perjuangan. Satu-satunya ukuran penilaian ini ialah

sifat sabar, gigih, bersemangat waja, tabah dan bertekad yang tidak mengenal lemah dan lembut.

Sebab larangan ini telah dinyatakan dalam ayat yang berikut:

إِنَّهُمْ كَفَرُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَاتُوا وَهُمْ فَاسِقُونَ ﴿٨٤﴾

"Kerana mereka telah kafir terhadap Allah dan Rasul-Nya dan kerana mereka mati di dalam keadaan fasiq."(84)

Sebab ini merupakan sebab khusus bagi larangan yang menegah Rasulullah s.a.w. dari menyembahyang mayat dan berdiri di kubur orang yang Munafiq, tetapi dasar ini sebagaimana telah kami sebut - adalah lebih luas dari peristiwa yang tertentu. Sembahyang jenazah dan berdiri di kubur merupakan suatu penghormatan. Justeru itu kaum Muslimin wajib jangan memberi penghormatan ini kepada mereka yang meninggalkan barisan di sa'at perjuangan supaya nilai penghormatan ini kekal dan supaya nilai para pejuang itu diukur dengan pengorbanan yang diberikan mereka dalam perjuangan sabilullah, diukur dengan kesabaran dan kegigihan mereka berkorban dan berkorban dengan keikhlasan mereka memberi jiwa raga dan harta benda kepada Allah tanpa mengundurkan diri di sa'at-sa'at yang gawat kemudian kembali semula ke dalam barisan dengan mendapat penghormatan.

Mereka tidak berhak mendapat penghormatan yang zahir di mata kelompok Muslimin, juga tidak berhak mendapat penghormatan batin di alam hati nurani mereka:

وَلَا تُعْجِبْكَ أَمْوَالُهُمْ وَأَوْلَادُهُمْ ۚ إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ أَنْ يُعَذِّبَهُمْ بِهَا فِي الدُّنْيَا وَتَزْهَقَ أَنْفُسُهُمْ وَهُمْ كَافِرُونَ ﴿٨٥﴾

"Dan janganlah engkau dipesonakan oleh harta kekayaan dan anak-anak mereka yang ramai. Sebenarnya Allah mahu menyeksakan mereka dengan harta dan anak-anak mereka di dunia ini dan agar nyawa mereka tercabut dalam keadaan kafir."(85)

Maksud umum dari ayat ini telah pun dijelaskan dan di sana terdapat sebab nuzul yang berbeza-beza. Yang dimaksudkan di sini ialah menyarankan supaya tidak diberikan penilaian kepada harta benda dan anak-anak mereka, kerana sikap terpesona kepada harta benda dan anak-anak mereka merupakan sejenis penghormatan perasaan terhadap mereka, sedangkan mereka tidak berhak menerima penghormatan baik yang zahir mahu pun yang batin, malah yang wajar diterima mereka ialah penghinaan dan pengabaian, terhadap diri mereka dan segala kepunyaan mereka.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 86 - 90)

وَإِذَا أُنْزِلَتْ سُورَةٌ أَنْ آمِنُوا بِاللَّهِ وَجَاهِدُوا مَعَ رَسُولِهِ اسْتَأْذَنَكَ أُولُو الطَّوْلِ مِنْهُمْ وَقَالُوا ذَرْنَا نَكُنْ مَعَ الْقَاعِدِينَ ﴿٨٦﴾

رَضُوا بِأَنْ يَكُونُوا مَعَ الْخَوَالِفِ وَطُبِعَ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ فَهُمْ لَا يَفْقَهُونَ ﴿٨٧﴾

لَٰكِنِ الرَّسُولُ وَالَّذِينَ آمَنُوا مَعَهُ جَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ ۚ وَأُولَٰئِكَ لَهُمُ الْخَيْرَاتُ ۖ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٨٨﴾

أَعَدَّ اللَّهُ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا ۚ ذَٰلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿٨٩﴾

وَجَاءَ الْمُعَذِّرُونَ مِنَ الْأَعْرَابِ لِيُؤْذَنَ لَهُمْ وَقَعَدَ الَّذِينَ كَذَبُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ ۚ سَيُصِيبُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٩٠﴾

"Apabila turun satu surah (yang menyeru) berimanlah kamu kepada Allah dan berjihadlah bersama Rasul-Nya nescaya orang-orang yang mempunyai keupayaan (berjihad) dari kalangan mereka meminta kebenaran kepadamu (untuk tidak ikut berjihad) dan mereka berkata: "Biarkanlah kami tinggal bersama-sama orang-orang yang tidak ikut berperang(86). Mereka rela berada bersama orang-orang yang ponteng dari berjihad dan hati mereka telah dikunci mati, maka kerana itu mereka tidak dapat memahami(87). Tetapi Rasulullah dan orang-orang yang beriman yang ada bersamanya telah berjihad dengan harta benda dan jiwa raga mereka dan merekalah orang-orang yang meraih berbagai-bagai kebajikan dan merekalah orang-orang yang beruntung(88). Allah telah menyediakan untuk mereka taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, di mana mereka hidup kekal abadi. Itulah keberuntungan yang besar (89). Dan datanglah kepada Rasulullah orang-orang yang mahu mengemukakan alasan-alasan keuzuran dari orang-orang A'arab (penduduk padang pasir) supaya mereka diberi kebenaran untuk tidak ikut berjihad, dan orang-orang yang mendustakan Allah dan Rasul-Nya telah tidak ikut berperang. Orang-orang yang kafir dari kalangan mereka akan ditimpa azab yang amat pedih."(90)

Antara Tabi'at Keimanan Dan Tabi'at Hipokrit

Itulah dua tabi'at: Tabi'at hipokrit, lemah dan rendah diri dan tabi'at keimanan, kekuatan dan

keperwiraan. Itulah dua garis: Garis bengkok, ponteng dan berpuas hati dengan kedudukan yang rendah dan garis istiqamah, pengorbanan dan kehormatan.

Apabila turun surah yang mengarah supaya berjihad, maka datanglah orang-orang yang berkeupayaan dan memiliki alat-alat dan sarana-sarana berperang dan berkorban... tetapi mereka datang bukan untuk mengepalai barisan sesuai dengan keupayaan yang dikurniakan Allah kepada mereka, juga sebagai bersyukur terhadap ni'mat itu, tetapi mereka datang untuk menunjukkan kelemahan diri dan mengemukakan keuzuran. Dan seterusnya memohon supaya mereka dibenarkan tidak ikut berperang dan tinggal bersama-sama kaum perempuan tanpa berjuang mempertahankan kehormatan kelompok dan kampung halaman dan tanpa merasa hina dan kecil diri dengan kepontengan mereka yang keji itu selama mereka terselamat. Pencinta-pencinta keselamatan atau Awang-Awang Selamat sememangnya tidak mempunyai perasaan malu, dan keinginan kepada keselamatan sememangnya menjadi matlamat orang yang rela dengan kedudukan yang rendah:

رَضُوا بِأَن يَكُونُوا مَعَ الْخَوَالِفِ وَطُبِعَ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ فَهُمْ لَا يَفْقَهُونَ ﴿٨٧﴾

"Mereka rela berada bersama orang-orang yang ponteng dari berjihad dan hati mereka telah dikunci mati, maka kerana itu mereka tidak dapat memahami."(87)

Jika mereka mengerti tentulah mereka dapat memahami hakikat kekuatan, kehormatan dan survival yang mulia yang wujud di sebalik jihad dan dapat memahami hakikat kelemahan, kehinaan dan kehapusan yang hina yang wujud di sebalik kepontengan dari berjihad.

Kehinaan ada cukainya dan kemuliaan juga ada cukainya, tetapi cukai kehinaan lebih berat di kebanyakan masa, tetapi setengah-setengah orang yang berjiwa lemah merasakan cukai kemuliaan itu lebih berat dan tidak tertanggung dan justeru itu ia memilih kehinaan kerana mengelakkan diri dari bayaran-bayaran yang tinggi dan akibatnya ia hidup dengan kehidupan yang remeh dan murah, hidup dalam keadaan cemas dan gelisah, takut kepada bayangan sendiri dan terkejut dengan gemanya. Segala tempikan disangkakan serangan dan mereka begitu tamak dan cinta kepada hidup. Mereka yang berjiwa rendah dan hina ini membayar cukainya yang lebih berat dari cukai kemuliaan. Mereka membayar cukainya dengan sempurna, mereka membayarnya dengan jiwa mereka, dengan martabat diri mereka dan nama baik mereka, malah mereka seringkali membayar cukai itu dengan darah dan harta mereka tanpa disedari mereka, dan termasuk dalam golongan ini ialah *"orang-orang yang rela berada bersama orang-orang yang ponteng dari berjihad dan hati mereka telah dikunci mati, maka kerana itu mereka tidak dapat memahami."*

لَٰكِنِ الرَّسُولُ وَالَّذِينَ آمَنُوا مَعَهُ

"Tetapi Rasulullah dan orang-orang yang beriman yang ada bersamanya"

merupakan sekumpulan manusia dari jenis yang lain......

جَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ

"Mereka telah berjihad dengan harta benda dan jiwa raga mereka"

yakni mereka telah melaksanakan tugas-tugas aqidah dan menunaikan kewajipan keimanan dan mereka telah bekerja keras untuk menegakkan kekuatan dan kemuliaan yang tidak boleh dicapai dengan duduk berehat.

وَأُولَٰئِكَ لَهُمُ الْخَيْرَاتُ

"Dan merekalah orang-orang yang meraih berbagai-bagai kebajikan"

iaitu kebajikan-kebajikan dunia dan Akhirat. Di dunia mereka mendapat kekuatan, kemuliaan, keuntungan dan pengaruh yang tinggi. Sementara di Akhirat mereka mendapat balasan yang sempurna dan keredhaan Allah Yang Maha Pemurah....

وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٨٨﴾

"Dan merekalah orang-orang yang beruntung"(88)

keberuntungan di dunia dengan menjalani kehidupan yang mulia dan lurus dan keberuntungan di Akhirat dengan mendapat pahala yang amat besar:

أَعَدَّ اللَّهُ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا ۚ ذَٰلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿٨٩﴾

"Allah telah menyediakan untuk mereka taman Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, di mana mereka hidup kekal abadi. Itulah keberuntungan yang besar."(89)

وَجَاءَ الْمُعَذِّرُونَ مِنَ الْأَعْرَابِ لِيُؤْذَنَ لَهُمْ وَقَعَدَ الَّذِينَ كَذَبُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ ۚ سَيُصِيبُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٩٠﴾

"Dan datanglah kepada Rasulullah orang-orang yang mahu mengemukakan alasan-alasan keuzuran dari orang-orang A'arab (penduduk padang pasir) supaya mereka diberi kebenaran untuk tidak ikut berjihad, dan orang-orang yang mendustakan Allah dan Rasul-Nya telah tidak ikut berperang. Orang-orang yang kafir dari kalangan mereka akan ditimpa azab yang amat pedih."(90)

Golongan yang pertama memang golongan yang mempunyai keuzuran-keuzuran yang sebenar dan mereka memang wajar diberi kebenaran jika mereka memohon untuk tidak ikut berjihad, tetapi golongan yang satu lagi memang ponteng dari berjihad. Mereka

tidak mempunyai sebarang keuzuran. Mereka telah berbohong kepada Allah dan Rasul-Nya dan kumpulan yang kafir dari kalangan mereka menunggu azab yang amat pedih, tetapi kumpulan yang bertaubat dan tidak kafir tidak disebut nasib kesudahan mereka, semoga nasib kesudahan mereka berlainan dari nasib kesudahan kumpulan yang kafir ini.

(Pentafsiran ayat-ayat 91 - 92)

Pada akhirnya tanggungjawab keluar berperang itu dibataskan kepada kumpulan-kumpulan yang tertentu kerana tugas keluar berperang itu bukanlah suatu tugas yang dikenakan ke atas siapa sahaja sama ada berkeupayaan atau tidak berkeupayaan, kerana Islam adalah agama mudah dan Allah tidak mentaklifkan seseorang, melainkan sekadar keupayaannya. Orang-orang yang tidak berupaya berperang mereka tidak dikenakan apa-apa dosa kerana mereka diberi keuzuran:

Kumpulan Dibebaskan Dari Tugas Jihad

لَّيْسَ عَلَى ٱلضُّعَفَآءِ وَلَا عَلَى ٱلْمَرْضَىٰ وَلَا عَلَى ٱلَّذِينَ لَا يَجِدُونَ مَا يُنفِقُونَ حَرَجٌ إِذَا نَصَحُوا۟ لِلَّهِ وَرَسُولِهِۦ ۚ مَا عَلَى ٱلْمُحْسِنِينَ مِن سَبِيلٍ ۚ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٩١﴾

وَلَا عَلَى ٱلَّذِينَ إِذَا مَآ أَتَوْكَ لِتَحْمِلَهُمْ قُلْتَ لَآ أَجِدُ مَآ أَحْمِلُكُمْ عَلَيْهِ تَوَلَّوا۟ وَّأَعْيُنُهُمْ تَفِيضُ مِنَ ٱلدَّمْعِ حَزَنًا أَلَّا يَجِدُوا۟ مَا يُنفِقُونَ ﴿٩٢﴾

"Tiada dosa ke atas orang-orang yang lemah dan tiada dosa ke atas orang-orang yang sakit dan tiada pula dosa ke atas orang-orang yang tidak mempunyai apa harta benda untuk dibelanjakannya (kerana jihad fi Sabilillah) apabila mereka berlaku ikhlas kepada Allah dan Rasul-Nya. Tiada jalan untuk menyalahkan para Muhsinin dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(91). Dan tiada dosa ke atas orang-orang yang datang menemui engkau supaya engkau memberi kenderaan kepada mereka lalu engkau menjawab "aku tidak boleh mendapat apa-apa kenderaan untuk kamu" lalu mereka kembali, sedangkan mata mereka melimpah dengan air mata kerana (sedih) tidak mempunyai apa-apa harta benda yang dapat dibelanjakan mereka."(92)

Tiada apa-apa kesalahan ke atas orang-orang yang lemah dari berperang kerana sesuatu kecacatan pada dirinya atau kerana tua. Begitu juga tiada apa-apa kesalahan ke atas orang-orang sakit yang tidak mampu bergerak dan berpenat lelah dan tiada apa-apa kesalahan ke atas orang-orang yang tidak berada, yang tidak mampu mengadakan bekalan-bekalan yang diperlukan dalam menghadapi peperangan. Tiada apa-apa kesalahan ke atas mereka jika mereka tidak dapat turun ke medan pertempuran selama hati mereka ikhlas terhadap Allah dan Rasul-Nya, iaitu selama mereka tidak menipu dan membuat helah, kemudian selepas itu mereka melaksanakan tugas - tugas lain yang mampu dilakukan mereka - yang lain dari berperang - seperti tugas-tugas mengawal, menjaga atau mengendalikan urusan kaum perempuan dan kanak-kanak dalam negeri Islam atau lain-lain pekerjaan yang berguna kepada kaum Muslimin. Tiada apa-apa kesalahan ke atas mereka selama mereka melakukan kerja-kerja yang baik sekadar terdaya oleh mereka. Pendeknya tiada apa-apa kesalahan ke atas para Muhsinin. Kesalahan itu hanya dikenakan ke atas mereka yang melakukan kerja-kerja yang tidak baik.

Begitu juga tiada apa-apa kesalahan ke atas orang-orang yang berupaya berperang, tetapi mereka tidak berupaya mendapat kenderaan untuk membawa mereka ke medan pertempuran. Apabila mereka tidak dapat mengambil bahagian di dalam peperangan kerana tidak ada kenderaan, maka hati mereka menjadi begitu sedih hingga mengalir air mata mereka. Mereka bersedih kerana tidak mempunyai harta untuk dibelanjakan di jalan Allah.

Itulah satu gambaran yang menarik yang menggambarkan hasrat keinginan yang tulen untuk berjihad dan itulah gambaran kesedihan yang sebenar kerana dinafikan ni'mat berjihad. Itulah satu cerita yang benar yang dirakamkan oleh riwayat-riwayat tentang sekumpulan Muslimin di zaman Rasulullah s.a.w. Walaupun riwayat-riwayat itu tidak sepakat dalam menentukan nama-nama mereka, namun ia sepakat dalam merakamkan cerita yang benar itu.

Menurut riwayat al-'Aufi dari Ibn Abbas katanya: Cerita itu berlaku apabila Rasulullah s.a.w. menyuruh kaum Muslimin tampil berperang bersama beliau, lalu sekumpulan dari para sahabatnya datang menemui beliau, di antara mereka termasuk Abdullah ibn Mughaffal ibn Maqwi al-Mazini, mereka berkata kepada beliau: "Ya Rasulullah, dapatkan kenderaan untuk kami". Jawab beliau: "Demi Allah aku tidak mampu mendapatkan kenderaan untuk kamu". Mereka balik sambil menangis. Mereka begitu sedih kerana tidak dapat berjihad dan kerana tidak mempunyai belanja dan kenderaan. Apabila Allah melihat betapa tingginya kasih mereka kepada Allah dan Rasul-Nya, maka Dia menurunkan ayat yang memaafkan keuzuran mereka dalam kitab suci-Nya.

Ujar Mujahid: Ayat ini diturunkan kerana Bani Muqarrin suku Muzainah.

Ujar Muhammad ibn Ka'b: Mereka terdiri dari tujuh orang. Dari Bani 'Amr ibn 'Auf: Salim ibn 'Auf, dan dari Bani Waqif: Harami ibn 'Umar, dan dari Bani Mazin ibn an-Najjar: Abdur-Rahman ibn Ka'b yang dipanggil dengan nama Abu Layla dan dari Bani al-Mu'alla: Fadhlullah, dan dari Bani Salamah: 'Amr ibn 'Atmah dan Abdullah ibn 'Amr al-Muzany.

Ujar Ibn Ishaq ketika menceritakan Peperangan Tabuk: Kemudian sekumpulan lelaki datang menemui Rasulullah s.a.w. dengan keadaan menangis. Mereka terdiri dari tujuh orang dari kaum Ansar dan lainnya dari Bani 'Amr ibn 'Auf, Salim ibn 'Umayr, 'Aliyah ibn Zaid saudara Bani Harithah dan Abu Layla Abdur-Rahman ibn Ka'b saudara Bani Mazin dan 'Amr ibn al-Hamam ibn al-Jamuh saudara Bani Salamah dan Abdullah ibn al-Mughaffal al-Muzani. Kata setengah-setengah orang ialah Abdullah ibn 'Amr al-Muzany dan Harami ibn Abdullah saudara Bani Waqif dan 'Iyaadh ibn Sariyah al-Fazari. Mereka meminta kenderaan dari Rasulullah s.a.w. kerana mereka miskin lalu beliau menjawab: "Aku tidak mampu mendapatkan kenderaan untuk kamu". Mereka pun balik dengan mata yang melimpah dengan air mata kerana sedih tidak mempunyai belanja untuk berjihad.

Dengan semangat inilah Islam mencapai kemenangan dan dengan semangat inilah kalimatnya berada di tempat yang mulia. Marilah kita melihat dan bandingkan diri kita dengan mereka. Di manakah kita? Lihatlah, di manakah semangat kita dibandingkan dengan semangat mereka. Kemudian marilah kita menuntut kemenangan dan kemuliaan jika kita merasa diri kita memiliki sebahagian dari perasaan mereka. Jika tidak, marilah kita betulkan diri kita dan hampirkan diri kita kepada Allah.

(Tamat Juzu' Yang Kesepuluh)

JUZU' KE-11

SURAH AT-TAUBAH

SAMBUNGAN SURAH AT-TAUBAH

JUZU' YANG KESEBELAS

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kata Pengantar)

Juzu' ini terdiri dari baki Surah at-Taubah, yang sebahagian terbesarnya termuat di dalam juzu' yang kesepuluh, dan dari Surah Yunus. Mula-mula kami akan teruskan peranan kami bersama baki Surah at-Taubah. Adapun Surah Yunus, maka kami akan membuat kata pengenalannya di tempatnya nanti dalam juzu' ini, Insya Allah.

Dalam juzu' yang kesepuluh dalam kata pengantar Surah at-Taubah telah dimuatkan dengan perenggan-perenggan yang berikut yang menjelaskan tabi'at surah ini, latar belakang dan suasana-suasana yang melingkungi turunnya ayat-ayat ini, juga menjelaskan kepentingannya dalam menghuraikan tata perhubungan-perhubungan yang muktamad di antara masyarakat Islam dan seluruh masyarakat-masyarakat yang lain di samping menghuraikan tabi'at tatacara pergerakan Islam.:

"Surah ini ialah Surah Madaniyah dari antara surah-surah Al-Qur'an yang akhir diturunkan jika ia tidak merupakan surah terakhir Al-Qur'an. Justeru itu ia mengandungi peraturan-peraturan atau hukum-hukum yang muktamad mengenai tata hubungan di antara umat Muslimin dan seluruh umat yang lain, di samping mengandungi penjelasan masyarakat Islam itu sendiri, penentuan nilai-nilainya dan darjat-darjatnya, kedudukan-kedudukan setiap kumpulan dan setiap kelas dari kelas-kelasnya serta huraian yang halus dan jelas mengenai realiti masyarakat ini secara keseluruhannya dan realiti setiap kumpulan dan kelas.

"Surah ini – bertolak dari pertimbangan ini – mempunyai kepentingan yang khusus dalam menjelaskan tabi'at tatacara pergerakan, fasa-fasa dan langkah-langkahnya – apabila ditinjau peraturan-peraturan muktamad yang terkandung di dalam surah ini bersama-sama dengan peraturan-peraturan Marhaliyah yang diterangkan di dalam surah sebelumnya tinjauan ini akan mendedahkan sejauh mana fleksibiliti dan ketegasan sistem hidup Islam. Tanpa dibuat tinjauan yang seperti ini, maka gambaran peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip itu akan bercampuraduk sebagaimana yang pernah berlaku apabila diambil ayat-ayat yang mengandungi peraturan-peraturan Marhaliyah lalu dijadikan peraturan-peraturan yang muktamad, kemudian ayat-ayat yang mengandungi hukum-hukum yang muktamad ini dikehendaki ditafsir dan dita'wilkan supaya sesuai dengan peraturan Marhaliyah itu terutama dalam pembicaraan mengenai jihad di dalam Islam dan mengenai tata perhubungan masyarakat Islam dengan masyarakat Islam, dengan masyarakat-masyarakat lain yang bukan Islam...... "

* * * * * *

Begitu juga kami telah sebut dalam kata pengantar surah ini bahawa surah ini mempunyai bahagian-bahagian – walaupun maudhu'nya, suasananya dan latarbelakangnya sama – dan setiap bahagian bertugas menerangkan peraturan-peraturan atau hukum-hukum yang muktamad dalam maudhu' pembicaraannya. Bahagian yang pertama menerangkan peraturan-peraturan perhubungan yang muktamad di antara kaum Muslimin dan kaum Musyrikin di Semenanjung Tanah Arab. Bahagian yang kedua menerangkan peraturan-peraturan perhubungan yang muktamad di antara kaum Muslimin dan kaum Ahlil-Kitab umumnya, kemudian bahagian yang ketiga mengancam golongan Muslimin yang bertindak berat dan berlengah-lengah apabila diseru supaya membuat persediaan untuk menghadapi Peperangan Tabuk, iaitu peperangan menentang bala tentera Ahlil-Kitab yang berkumpul di perbatasan-perbatasan Semenanjung Tanah Arab untuk melakukan serangan mengejut ke atas Islam dan kaum Muslimin. Sementara bahagian yang keempat membukti tembelang dan mendedahkan tindak-tanduk kaum Munafiqin di dalam masyarakat Islam dan memerikan keadaan-keadaan psikologi dan tindakan yang dilakukan mereka, di samping menerangkan kedudukan dan pendirian mereka di dalam Peperangan Tabuk dan sebelumnya dan semasa berlakunya peperangan itu dan selepasnya, juga mendedahkan hakikat niat-niat, tipu helah dan alasan-alasan keuzuran mereka yang dusta untuk mengelakkan diri dari keluar berperang, juga usaha-usaha mereka menaburkan kelemahan semangat, fitnah dan bibit-bibit perpecahan di dalam barisan Muslimin, menyakiti Rasulullah s.a.w. dan para Mu'minin yang tulen. Pendedahan ini disertai dengan amaran memperingatkan golongan Mu'min yang tulen dari tipu daya kaum Munafiqin, menggariskan batas hubungan di antara kedua golongan itu, mengadakan pemisahan di antara keduanya dan menggariskan ciri-ciri perbezaan di antara dua golongan itu dengan sifat-sifat dan amalan-amalan masing-masing.

* * * * * *

Empat bahagian ini telah dihuraikan semuanya di dalam juzu' yang kesepuluh kecuali baki pembicaraan mengenai orang-orang yang tidak ikut berjihad dan batas-batas tanggungjawab mengelakkan diri dari berjihad.

Ayat yang terakhir di dalam juzu' yang kesepuluh ialah:

لَّيْسَ عَلَى ٱلضُّعَفَآءِ وَلَا عَلَى ٱلْمَرْضَىٰ وَلَا عَلَى ٱلَّذِينَ

لَا يَجِدُونَ مَا يُنفِقُونَ حَرَجٌ إِذَا نَصَحُوا لِلَّهِ
وَرَسُولِهِۦ مَا عَلَى ٱلْمُحْسِنِينَ مِن سَبِيلٍ وَٱللَّهُ
غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٩١﴾
وَلَا عَلَى ٱلَّذِينَ إِذَا مَآ أَتَوْكَ لِتَحْمِلَهُمْ قُلْتَ
لَآ أَجِدُ مَآ أَحْمِلُكُمْ عَلَيْهِ تَوَلَّوا۟ وَّأَعْيُنُهُمْ
تَفِيضُ مِنَ ٱلدَّمْعِ حَزَنًا أَلَّا يَجِدُوا۟ مَا يُنفِقُونَ ﴿٩٢﴾

"Tiada dosa ke atas orang-orang yang lemah dan tiada dosa ke atas orang-orang yang sakit, dan tiada pula dosa ke atas orang-orang yang tidak mempunyai apa-apa harta benda untuk dibelanjakannya (kerana jihad fi Sabilillah) apabila mereka berlaku ikhlas kepada Allah dan Rasul-Nya. Tiada jalan untuk menyalahkan para Muhsinin, dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(91). Dan tiada dosa ke atas orang-orang yang datang menemui engkau supaya engkau memberi kenderaan kepada mereka, lalu engkau menjawab: Aku tidak mampu mendapat apa-apa kenderaan untuk kamu. Lalu mereka kembali, sedangkan mata mereka melimpah dengan air mata kerana (sedih) tidak mempunyai apa-apa harta benda yang dapat dibelanjakan mereka."(92)

Ayat-ayat pelengkap yang menjadi titik mula juzu' ini ialah firman Allah:

إِنَّمَا ٱلسَّبِيلُ عَلَى ٱلَّذِينَ يَسْتَـْٔذِنُونَكَ وَهُمْ
أَغْنِيَآءُ ۚ رَضُوا۟ بِأَن يَكُونُوا۟ مَعَ ٱلْخَوَالِفِ وَطَبَعَ
ٱللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ فَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٩٣﴾
يَعْتَذِرُونَ إِلَيْكُمْ إِذَا رَجَعْتُمْ إِلَيْهِمْ ۚ قُل لَّا
تَعْتَذِرُوا۟ لَن نُّؤْمِنَ لَكُمْ قَدْ نَبَّأَنَا ٱللَّهُ مِنْ
أَخْبَارِكُمْ ۚ وَسَيَرَى ٱللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُۥ
ثُمَّ تُرَدُّونَ إِلَىٰ عَٰلِمِ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا
كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٩٤﴾
سَيَحْلِفُونَ بِٱللَّهِ لَكُمْ إِذَا ٱنقَلَبْتُمْ إِلَيْهِمْ لِتُعْرِضُوا۟
عَنْهُمْ ۖ فَأَعْرِضُوا۟ عَنْهُمْ ۖ إِنَّهُمْ رِجْسٌ ۖ وَمَأْوَىٰهُمْ
جَهَنَّمُ جَزَآءًۢ بِمَا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿٩٥﴾
يَحْلِفُونَ لَكُمْ لِتَرْضَوْا۟ عَنْهُمْ ۖ فَإِن تَرْضَوْا۟
عَنْهُمْ فَإِنَّ ٱللَّهَ لَا يَرْضَىٰ عَنِ ٱلْقَوْمِ ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿٩٦﴾

"Sesungguhnya jalan (untuk menyalahkan perbuatan tidak ikut berperang itu) hanya dikenakan ke atas orang-orang yang meminta kebenaran kepadamu (supaya dikecualikan dari keluar berperang) sedangkan mereka kaya. Mereka rela tinggal bersama orang-orang yang tidak dapat ikut berperang dan Allah telah mengunci mati hati mereka dan kerana itu mereka tidak mengetahui(93). Mereka akan mengemukakan kepada kamu alasan keuzuran mereka apabila kamu kembali kepada mereka. Katakanlah: Janganlah kamu mengemukakan alasan keuzuran kamu, kami tidak akan percaya kepada kamu lagi kerana Allah telah menceritakan kepada kami berita-berita mengenai kamu. Allah dan Rasul-Nya akan melihat tindak-tanduk kamu, kemudian kamu akan dikembalikan kepada Yang Maha Mengetahui urusan yang ghaib dan yang nyata dan Dialah yang akan menceritakan kepada kamu segala apa yang dilakukan kamu(94). Mereka akan bersumpah kepada kamu dengan nama Allah apabila kamu kembali kepada mereka (dari medan perang) supaya kamu berpaling dari mereka (tidak mencelakan mereka), oleh itu berpalinglah dari mereka kerana sesungguhnya mereka adalah najis, dan tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam sebagai balasan atas segala apa yang dilakukan mereka(95). Mereka bersumpah kepada kamu supaya kamu redha terhadap mereka, tetapi jika kamu redha terhadap mereka, maka sesungguhnya Allah tidak akan redha terhadap golongan orang-orang yang fasiq."(96)

Ini adalah sebahagian dari pemberitaan Allah kepada Nabi s.a.w. mengenai peristiwa masa depan yang akan berlaku kepada kaum Munafiqin yang telah ponteng dari berjihad dan yang akan mengemukakan alasan-alasan keuzuran mereka apabila beliau kembali dengan selamat dari medan peperangan bersama-sama pejuang-pejuang kaum Muslimin yang tulen. Ayat-ayat ini juga merupakan arahan kepada Rasulullah dan kepada kelompok Muslimin tentang bagaimana seharusnya mereka menghadapi kaum Munafiqin itu dan berinteraksi dengan mereka.

* * * * * *

Selepas itu datang pula bahagian yang kelima dari surah ini yang mengklasifikasikan masyarakat Islam secara umumnya dalam tempoh di antara pembukaan negeri Makkah dan Peperangan Tabuk. Dan dari klasifikasi ini kita dapat mengetahui – sebagaimana telah kami katakan – bahawa di samping golongan Muslimin perintis yang ikhlas dari kaum Muhajirin dan kaum Ansar – selaku tapak masyarakat Islam yang padu dan kuat – di sana terdapat kelompok-kelompok yang lain, iaitu kelompok A'arab (penghuni desa padang pasir). Di antara mereka ada golongan yang ikhlas dan ada golongan talam dua muka, dan golongan kaum Munafiqin dari penduduk negeri Madinah. Di sana juga terdapat satu golongan yang lain lagi yang mencampuradukkan di antara amalan-amalan yang soleh dengan amalan-amalan yang jahat. Mereka belum lagi sempurna diterapkan dengan ciri-ciri Islamiyah atau belum lagi dileburkan dengan sempurna di dalam acuan-acuan Islam. Di samping itu ada lagi satu kelompok yang tidak diketahui keadaan dan nasib kesudahan mereka yang sebenar. Urusan mereka terserah kepada Allah mengikut ilmu-Nya yang mengetahui keadaan dan

nasib kesudahan mereka yang sebenar. Dan seterusnya di sana terdapat satu golongan yang melakukan gerakan konspirasi dengan berselindung di sebalik nama Islam. Mereka mengaturkan tipu daya-tipu daya dan mengadakan hubungan-hubungan sulit dengan musuh-musuh Islam dari luar. Nas-nas Al-Qur'an yang berikut memperkatakan tentang semua kelompok ini dengan ringkas dan jelas, di samping menerangkan bagaimana cara melayani dan menangani kelompok-kelompok itu di dalam masyarakat Islam. Rasulullah s.a.w. dan para Muslimin yang tulen di arah mengikut cara-cara menangani setiap kelompok itu di dalam ayat-ayat ini:

ٱلْأَعْرَابُ أَشَدُّ كُفْرًا وَنِفَاقًا وَأَجْدَرُ أَلَّا يَعْلَمُوا۟ حُدُودَ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٩٧﴾
وَمِنَ ٱلْأَعْرَابِ مَن يَتَّخِذُ مَا يُنفِقُ مَغْرَمًا وَيَتَرَبَّصُ بِكُمُ ٱلدَّوَآئِرَ ۚ عَلَيْهِمْ دَآئِرَةُ ٱلسَّوْءِ ۗ وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٩٨﴾

وَمِنَ ٱلْأَعْرَابِ مَن يُؤْمِنُ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ وَيَتَّخِذُ مَا يُنفِقُ قُرُبَٰتٍ عِندَ ٱللَّهِ وَصَلَوَٰتِ ٱلرَّسُولِ ۚ أَلَآ إِنَّهَا قُرْبَةٌ لَّهُمْ ۚ سَيُدْخِلُهُمُ ٱللَّهُ فِى رَحْمَتِهِۦٓ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٩٩﴾

وَٱلسَّٰبِقُونَ ٱلْأَوَّلُونَ مِنَ ٱلْمُهَٰجِرِينَ وَٱلْأَنصَارِ وَٱلَّذِينَ ٱتَّبَعُوهُم بِإِحْسَٰنٍ رَّضِىَ ٱللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا۟ عَنْهُ وَأَعَدَّ لَهُمْ جَنَّٰتٍ تَجْرِى تَحْتَهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًا ۚ ذَٰلِكَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ﴿١٠٠﴾
وَمِمَّنْ حَوْلَكُم مِّنَ ٱلْأَعْرَابِ مُنَٰفِقُونَ ۖ وَمِنْ أَهْلِ ٱلْمَدِينَةِ ۖ مَرَدُوا۟ عَلَى ٱلنِّفَاقِ لَا تَعْلَمُهُمْ ۖ نَحْنُ نَعْلَمُهُمْ ۚ سَنُعَذِّبُهُم مَّرَّتَيْنِ ثُمَّ يُرَدُّونَ إِلَىٰ عَذَابٍ عَظِيمٍ ﴿١٠١﴾
وَءَاخَرُونَ ٱعْتَرَفُوا۟ بِذُنُوبِهِمْ خَلَطُوا۟ عَمَلًا صَٰلِحًا وَءَاخَرَ سَيِّئًا عَسَى ٱللَّهُ أَن يَتُوبَ عَلَيْهِمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٠٢﴾
خُذْ مِنْ أَمْوَٰلِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِم بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ ۖ إِنَّ صَلَوٰتَكَ سَكَنٌ لَّهُمْ ۗ وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

"Orang-orang A'arab itu lebih kental kekufuran dan kemunafiqan mereka dan lebih wajar tidak mengetahui batas-batas hukum yang diturunkan Allah kepada Rasul-Nya, dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (97). Dan sebahagian dari orang-orang Arab (yang Munafiqin) memandang apa yang dibelanjakan mereka untuk Sabilullah itu sebagai bayaran yang merugikan dan mereka menunggu-nunggu agar kamu dilanda pancaroba-pancaroba zaman. Sebenarnya di atas merekalah wajar ditimpakan pancaroba-pancaroba yang buruk. Dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui (98). Dan sebahagian dari orang-orang A'arab itu ada yang beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat dan memandang apa yang dibelanjakan mereka untuk Sabilullah itu sebagai amalan yang mendekatkan diri mereka kepada Allah dan sebagai jalan untuk mendapat rahmat dari do'a-do'a Rasulullah. Ketahuilah bahawa segala apa yang dibelanjakan mereka merupakan amalan yang baik bagi mereka. Allah akan memasukkan mereka ke dalam rahmat-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(99). Dan angkatan perintis Islam yang pertama dari para Muhajirin dan Ansar, juga orang-orang yang mengikuti mereka dengan sebaik-baiknya, maka Allah redha terhadap mereka dan mereka redha terhadap Allah. Allah telah menyediakan untuk mereka taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, di mana mereka hidup kekal abadi. Itulah kejayaan yang amat besar(100). Dan diantara orang-orang A'arab yang berada di sekeliling kamu terdapat orang-orang Munafiqin dan golongan ini juga terdapat di dalam kalangan penduduk Madinah. Mereka tetap berdegil dengan sikap munafiq itu. Kamu tidak mengenali mereka, tetapi Kami mengenali mereka. Kami akan menyeksakan mereka dua kali kemudian mereka akan dikembalikan kepada 'azab yang amat besar(101). Dan ada pula golongan lain yang mengakui dosa-dosa mereka. Mereka telah mencampurkan amalan-amalan yang baik dengan amalan-amalan yang jahat. Semoga Allah menerima taubat mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(102). Ambillah (wahai Muhammad) dari harta mereka bahagian sedekah yang membersihkan diri mereka dan menyuburkan harta mereka dan berdo'alah ke atas mereka. Sesungguhnya do'amu itu memberi ketenteraman kepada mereka. Dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(103)

وَءَاخَرُونَ مُرْجَوْنَ لِأَمْرِ ٱللَّهِ إِمَّا يُعَذِّبُهُمْ وَإِمَّا يَتُوبُ عَلَيْهِمْ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١٠٦﴾

وَٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُوا۟ مَسْجِدًا ضِرَارًا وَكُفْرًا وَتَفْرِيقًۢا بَيْنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ وَإِرْصَادًا لِّمَنْ حَارَبَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ مِن قَبْلُ ۚ وَلَيَحْلِفُنَّ إِنْ أَرَدْنَآ إِلَّا ٱلْحُسْنَىٰ ۖ وَٱللَّهُ يَشْهَدُ إِنَّهُمْ لَكَٰذِبُونَ ﴿١٠٧﴾

لَا تَقُمْ فِيهِ أَبَدًا ۚ لَّمَسْجِدٌ أُسِّسَ عَلَى التَّقْوَىٰ مِنْ أَوَّلِ
يَوْمٍ أَحَقُّ أَن تَقُومَ فِيهِ ۚ فِيهِ رِجَالٌ يُحِبُّونَ أَن
يَتَطَهَّرُوا ۚ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُطَّهِّرِينَ ﴿١٠٨﴾

"Dan ada pula golongan lain yang ditangguhkan hukuman (terhadap mereka) kepada keputusan Allah sama ada Dia meng'azabkan mereka atau menerima taubat mereka. Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(106). Dan di antara mereka ada pula orang-orang yang mendirikan masjid dengan tujuan untuk menimbulkan kemudaratan (kepada orang-orang yang beriman), menegakkan kekufuran dan memecah-belahkan para Mu'minin, juga untuk dijadikan pengkalan intipan bagi mereka yang memerangi Allah dan Rasul-Nya sebelum ini. Mereka bersumpah: Tujuan kami tidak lain melainkan semata-mata untuk kebajikan. Sedangkan Allah menjadi saksi bahawa mereka adalah para pembohong(107). Janganlah engkau mendirikan solat di dalam masjid itu buat selama-lamanya. Sesungguhnya Masjid (Quba') yang dibinakan di atas landasan taqwa sejak hari yang pertama lagi itu adalah lebih wajar engkau mendirikan solat di dalamnya, di mana terdapat orang-orang yang suka membersihkan diri dan Allah menyayangi orang-orang yang banyak membersihkan diri."(108)

Dan kami akan cuba menerangkan siapakah yang dimaksudkan dengan kelompok-kelompok itu ketika kami menghuraikan ayat-ayat ini dengan terperinci selepas ini nanti.

* * * * * *

Bahagian yang keenam dan terakhir dari surah ini mengandungi penjelasan tentang tabi'at bai'ah atau perjanjian setia Islamiyah dengan Allah untuk berjihad di jalan-Nya, juga tentang tabi'at jihad, peraturannya, caranya dan kewajipan berjihad bagi penduduk Madinah dan orang-orang A'arab yang berada di sekitar mereka. Bahagian ini juga memuat pernyataan tentang perlunya diadakan perpisahan yang total di antara kaum Muslimin dengan kaum-kaum yang lain berdasarkan 'aqidah sahaja, di samping mengadakan hubungan di antara mereka dengan kaum-kaum yang lain berasaskan hubungan 'aqidah sahaja termasuk hubungan dengan kaum keluarga mereka sendiri (yang tidak se'aqidah dengan mereka). Bahagian ini juga seterusnya mengandungi penerangan tentang nasib kesudahan orang-orang yang ponteng dari peperangan, tetapi mereka bukan dari kumpulan Munafiqin dan bukan pula dari kumpulan yang mengadakan konspirasi-konspirasi yang jahat, di samping menerangkan beberapa keperihalan kaum Munafiqin dan pendirian mereka yang jelas terhadap perintah-perintah Al-Qur'an, semuanya itu dijelaskan di dalam ayat-ayat yang berikut:

إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَىٰ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُم
بِأَنَّ لَهُمُ الْجَنَّةَ ۚ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيَقْتُلُونَ
وَيُقْتَلُونَ ۖ وَعْدًا عَلَيْهِ حَقًّا فِي التَّوْرَاةِ وَالْإِنجِيلِ
وَالْقُرْآنِ ۚ وَمَنْ أَوْفَىٰ بِعَهْدِهِ مِنَ اللَّهِ ۚ فَاسْتَبْشِرُوا
بِبَيْعِكُمُ الَّذِي بَايَعْتُم بِهِ ۚ وَذَٰلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿١١١﴾

"Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang yang beriman jiwa raga dan harta benda mereka dengan bayaran bahawa mereka akan memperolehi Syurga. Mereka berjuang di jalan Allah lalu mereka membunuh atau dibunuh. Itulah janji Allah yang benar di dalam Taurat, Injil dan Al-Qur'an. Siapakah yang lebih menepati janjinya dari Allah? Oleh itu bergembiralah dengan jual beli yang kamu telah lakukan itu. Dan itulah suatu kejayaan yang amat besar."(111)

مَا كَانَ لِلنَّبِيِّ وَالَّذِينَ آمَنُوا أَن يَسْتَغْفِرُوا
لِلْمُشْرِكِينَ وَلَوْ كَانُوا أُولِي قُرْبَىٰ مِن بَعْدِ
مَا تَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُمْ أَصْحَابُ الْجَحِيمِ ﴿١١٣﴾
وَمَا كَانَ اسْتِغْفَارُ إِبْرَاهِيمَ لِأَبِيهِ إِلَّا عَن
مَّوْعِدَةٍ وَعَدَهَا إِيَّاهُ فَلَمَّا تَبَيَّنَ لَهُ أَنَّهُ عَدُوٌّ لِّلَّهِ
تَبَرَّأَ مِنْهُ ۚ إِنَّ إِبْرَاهِيمَ لَأَوَّاهٌ حَلِيمٌ ﴿١١٤﴾

"Tidaklah wajar bagi Nabi dan orang-orang yang beriman memohon keampunan (kepada Allah) untuk orang-orang Musyrikin walaupun mereka dari kaum kerabat sendiri setelah ternyata kepada mereka bahawa orang-orang Musyrikin itu adalah penghuni Neraka(113). Dan tiadalah permohonan keampunan yang dilakukan oleh Ibrahim untuk bapanya itu melainkan kerana adanya suatu perjanjian yang telah dijanjikan Allah kepadanya, tetapi setelah ternyata bahawa bapanya adalah musuh Allah, ia terus berlepas diri darinya. Sesungguhnya Ibrahim adalah seorang yang sangat merendahkan dirinya kepada Allah dan sangat sabar."(114)

لَّقَد تَّابَ اللَّهُ عَلَى النَّبِيِّ وَالْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنصَارِ
الَّذِينَ اتَّبَعُوهُ فِي سَاعَةِ الْعُسْرَةِ مِن بَعْدِ مَا كَادَ
يَزِيغُ قُلُوبُ فَرِيقٍ مِّنْهُمْ ثُمَّ تَابَ عَلَيْهِمْ ۚ إِنَّهُ
بِهِمْ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١١٧﴾

وَعَلَى الثَّلَاثَةِ الَّذِينَ خُلِّفُوا حَتَّىٰ إِذَا ضَاقَتْ عَلَيْهِمُ
الْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ وَضَاقَتْ عَلَيْهِمْ أَنفُسُهُمْ وَ
ظَنُّوا أَن لَّا مَلْجَأَ مِنَ اللَّهِ إِلَّا إِلَيْهِ ثُمَّ تَابَ عَلَيْهِمْ
لِيَتُوبُوا ۚ إِنَّ اللَّهَ هُوَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ ﴿١١٨﴾

"Sesungguhnya Allah telah mengurniakan taubat ke atas Nabi, para Muhajirin dan para Ansar yang keluar mengikutinya di sa'at yang gawat setelah hati segolongan dari mereka hampir-hampir menyeleweng kemudian Allah menerima taubat mereka. Sesungguhnya Allah Maha Penyayang dan Maha Pengasih(117). Dan mengurniakan taubat ke atas tiga orang yang telah ditangguhkan keputusan terhadap mereka sehingga bumi yang luas menjadi sempit kepada mereka dan hati mereka juga dirasa begitu picik dan mereka yakin tiada tempat perlindungan dari kemurkaan Allah melainkan kembali kepada-Nya, kemudian Allah mengurniakan taubat ke atas mereka supaya mereka sentiasa bertaubat. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat dan Maha Pengasih."(118)

مَا كَانَ لِأَهْلِ الْمَدِينَةِ وَمَنْ حَوْلَهُم مِّنَ الْأَعْرَابِ أَن يَتَخَلَّفُوا عَن رَّسُولِ اللَّهِ وَلَا يَرْغَبُوا بِأَنفُسِهِمْ عَن نَّفْسِهِ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ لَا يُصِيبُهُمْ ظَمَأٌ وَلَا نَصَبٌ وَلَا مَخْمَصَةٌ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا يَطَئُونَ مَوْطِئًا يَغِيظُ الْكُفَّارَ وَلَا يَنَالُونَ مِنْ عَدُوٍّ نَّيْلًا إِلَّا كُتِبَ لَهُم بِهِ عَمَلٌ صَالِحٌ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٢٠﴾

وَلَا يُنفِقُونَ نَفَقَةً صَغِيرَةً وَلَا كَبِيرَةً وَلَا يَقْطَعُونَ وَادِيًا إِلَّا كُتِبَ لَهُمْ لِيَجْزِيَهُمُ اللَّهُ أَحْسَنَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٢١﴾

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُوا كَافَّةً ۚ فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ﴿١٢٢﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قَاتِلُوا الَّذِينَ يَلُونَكُم مِّنَ الْكُفَّارِ وَلْيَجِدُوا فِيكُمْ غِلْظَةً ۚ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ ﴿١٢٣﴾

وَإِذَا مَا أُنزِلَتْ سُورَةٌ فَمِنْهُم مَّن يَقُولُ أَيُّكُمْ زَادَتْهُ هَٰذِهِ إِيمَانًا ۚ فَأَمَّا الَّذِينَ آمَنُوا فَزَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَهُمْ يَسْتَبْشِرُونَ ﴿١٢٤﴾

وَأَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِم مَّرَضٌ فَزَادَتْهُمْ رِجْسًا إِلَىٰ رِجْسِهِمْ وَمَاتُوا وَهُمْ كَافِرُونَ ﴿١٢٥﴾

أَوَلَا يَرَوْنَ أَنَّهُمْ يُفْتَنُونَ فِي كُلِّ عَامٍ مَّرَّةً أَوْ مَرَّتَيْنِ ثُمَّ لَا يَتُوبُونَ وَلَا هُمْ يَذَّكَّرُونَ ﴿١٢٦﴾

وَإِذَا مَا أُنزِلَتْ سُورَةٌ نَّظَرَ بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ هَلْ يَرَاكُم مِّنْ أَحَدٍ ثُمَّ انصَرَفُوا ۚ صَرَفَ اللَّهُ قُلُوبَهُم بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَفْقَهُونَ ﴿١٢٧﴾

"Tidaklah wajar bagi penduduk Madinah dan orang-orang A'arab yang tinggal di sekitar mereka mengelakkan diri dari ikut berperang bersama, Rasulullah dan tidak pula wajar bagi mereka menyintai diri mereka hingga tidak menghiraukan diri Rasulullah. Hal itu disebabkan kerana tiada kedahagaan, tiada kepenatan, tiada kelaparan di dalam perjuangan fi Sabilillah, tiada tempat yang dipijak mereka yang menimbulkan kemarahan orang-orang kafir dan tiada kecederaan yang diterima mereka dari musuh melainkan semuanya ditulis sebagai amalan yang soleh kepada mereka. Sesungguhnya Allah tidak sekali-kali mensia-siakan pahala para Muhsinin (120). Dan begitu juga tiada perbelanjaan yang dibelanjakan mereka (untuk Sabilullah) sama ada kecil atau besar dan tiada wadi yang dilintasi mereka melainkan semuanya ditulis (sebagai amalan yang soleh) kepada mereka, kerana Allah hendak memberi balasan yang sebaik-baiknya terhadap segala amalan yang dilakukan mereka(121). Dan tidaklah wajar bagi orang-orang yang beriman keluar semuanya untuk berperang. Oleh itu hendaklah sekumpulan dari setiap puak dari mereka keluar untuk memperdalamkan kefahaman di dalam agama dan untuk memberi peringatan kepada kaum mereka apabila mereka kembali kepada mereka supaya mereka berwaspada(122). Wahai orang-orang yang beriman! Perangilah orang-orang kafir yang berada berdekatan dengan kamu dan biarlah mereka menemui sikap yang keras dan kasar di kalangan kamu, dan ketahuilah bahawa Allah bersama-sama para Muttaqin (123). Dan apabila diturunkan sesuatu surah, maka di antara mereka (kaum Munafiqin) ada yang bertanya: Siapakah di antara kamu yang bertambah keimanannya dengan turunnya surah ini? Adapun orang-orang yang beriman, maka surah ini telah menambahkan keimanan mereka dan mereka bergembira(124). Dan adapun orang-orang yang berpenyakit di dalam hati mereka, maka surah itu menambahkan lagi noda kekufuran di atas noda kekufuran yang telah sedia ada dan mereka telah mati dalam keadaan kafir(125). Apakah mereka tidak berfikir bahawa mereka diuji (dengan bala dan kesusahan) pada setiap tahun sekali atau dua kali, kemudian mereka tidak bertaubat dan tidak pula mereka mengambil pengajaran(126). Dan apabila diturunkan sesuatu surah, mereka memandang satu sama lain seraya bertanya: Adakah seseorang Islam melihat kamu?

Kemudian mereka beredar dari situ. Allah telah memalingkan hati mereka kerana mereka adalah satu golongan orang-orang yang tidak mengerti."(127)

Pada akhirnya surah ini ditamatkan dengan keterangan mengenai sifat Rasulullah s.a.w. dan dengan arahan Allah kepada Rasul-Nya supaya beliau bertawakal kepada-Nya sahaja dan merasa cukup dengan pemeliharaan dan penjagaan-Nya:

لَقَدْ جَآءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ
عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُم بِٱلْمُؤْمِنِينَ
رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾
فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَقُلْ حَسْبِىَ ٱللَّهُ لَآ إِلَـٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ عَلَيْهِ
تَوَكَّلْتُ ۖ وَهُوَ رَبُّ ٱلْعَرْشِ ٱلْعَظِيمِ ﴿١٢٩﴾

"Sesungguhnya telah didatangi kepada kamu seorang Rasul dari kalangan kamu sendiri. Ia prihatin terhadap segala kesusahan yang dialami kamu dan ia begitu prihatin terhadap kamu, dan ia amat sayang dan kasihi terhadap para Mu'minin(128). Dan jika mereka berpaling (dari keimanan) maka katakanlah: Cukuplah Allah menjadi pelindungku! Tiada Tuhan selain Dia. Kepada-Nya aku berserah dan Dia Tuhan yang memiliki Arasy yang agung."(129)

Selepas tinjauan sepintas lalu ini kami akan huraikan baki nas-nas Al-Qur'an di dalam surah ini dengan terperinci.

(Pentafsiran ayat-ayat 93 - 96)

Hukuman Orang Yang Ponteng Dari Jihad

إِنَّمَا ٱلسَّبِيلُ عَلَى ٱلَّذِينَ يَسْتَـْٔذِنُونَكَ وَهُمْ
أَغْنِيَآءُ ۚ رَضُوا۟ بِأَن يَكُونُوا۟ مَعَ ٱلْخَوَالِفِ وَطَبَعَ
ٱللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ فَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٩٣﴾
يَعْتَذِرُونَ إِلَيْكُمْ إِذَا رَجَعْتُمْ إِلَيْهِمْ ۚ قُل لَّا
تَعْتَذِرُوا۟ لَن نُّؤْمِنَ لَكُمْ قَدْ نَبَّأَنَا ٱللَّهُ مِنْ
أَخْبَارِكُمْ ۚ وَسَيَرَى ٱللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُۥ
ثُمَّ تُرَدُّونَ إِلَىٰ عَـٰلِمِ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَـٰدَةِ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا
كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٩٤﴾
سَيَحْلِفُونَ بِٱللَّهِ لَكُمْ إِذَا ٱنقَلَبْتُمْ إِلَيْهِمْ لِتُعْرِضُوا۟
عَنْهُمْ ۖ فَأَعْرِضُوا۟ عَنْهُمْ ۖ إِنَّهُمْ رِجْسٌ ۖ وَمَأْوَىٰهُمْ
جَهَنَّمُ جَزَآءًۢ بِمَا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿٩٥﴾
يَحْلِفُونَ لَكُمْ لِتَرْضَوْا۟ عَنْهُمْ ۖ فَإِن تَرْضَوْا۟
عَنْهُمْ فَإِنَّ ٱللَّهَ لَا يَرْضَىٰ عَنِ ٱلْقَوْمِ ٱلْفَـٰسِقِينَ ﴿٩٦﴾

"Sesungguhnya jalan (untuk menyalahkan perbuatan tidak ikut berperang itu) hanya dikenakan ke atas orang-orang yang meminta kebenaran kepadamu (supaya dikecualikan dari keluar berperang) sedangkan mereka kaya. Mereka rela tinggal bersama orang-orang yang tidak dapat ikut berperang dan Allah telah mengunci mati hati mereka dan kerana itu mereka tidak mengetahui (93). Mereka akan mengemukakan kepada kamu alasan keuzuran mereka apabila kamu kembali kepada mereka. Katakanlah: Janganlah kamu mengemukakan alasan keuzuran kamu, kami tidak akan percaya kepada kamu lagi kerana Allah telah menceritakan kepada kami berita-berita mengenai kamu. Allah dan Rasul-Nya akan melihat tindak-tanduk kamu, kemudian kamu akan dikembalikan kepada Yang Maha Mengetahui urusan yang ghaib dan yang nyata dan Dialah yang akan menceritakan kepada kamu segala apa yang dilakukan kamu(94). Mereka akan bersumpah kepada kamu dengan nama Allah apabila kamu kembali kepada mereka (dari medan perang) supaya kamu berpaling dari mereka (tidak mencelakan mereka), oleh itu berpalinglah dari mereka kerana sesungguhnya mereka adalah najis, dan tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam sebagai balasan atas segala apa yang dilakukan mereka(95). Mereka bersumpah kepada kamu supaya kamu redha terhadap mereka, tetapi jika kamu redha terhadap mereka, maka sesungguhnya Allah tidak akan redha terhadap golongan orang-orang yang fasiq."(96)

Maksudnya, tiada apa-apa dosa di atas orang-orang yang lemah, orang-orang yang sakit dan orang-orang miskin yang tidak mempunyai harta untuk dibelanjakan di jalan Allah dan tidak pula disanggupi Rasulullah s.a.w. untuk mengadakan kenderaan yang dapat membawa mereka ke medan pertempuran... tiada apa-apa dosa di atas mereka seandainya mereka tidak ikut berjihad, malah dosa dan kesalahan hanya terbeban ke atas mereka yang meminta kebenaran dari Rasulullah s.a.w. untuk menghindarkan diri dari ikut berperang, sedangkan mereka tergolong dari orang-orang kaya yang berkeupayaan untuk keluar berperang. Mereka tidak mengalami sebarang keuzuran yang sebenar yang menghalangkan mereka dari ikut berperang, malah dosa dan kesalahan itu hanya terbeban di atas orang-orang yang berkeupayaan yang rela duduk di rumah bersama mereka yang tidak dapat ikut berperang.

Orang-orang inilah yang menanggung dosa kerana tidak ikut berperang dan kerana meminta kebenaran untuk tidak ikut berperang. Merekalah orang-orang yang sengaja menarik diri dan merasa begitu berat untuk keluar berjihad. Mereka tidak menunaikan kewajipan mereka terhadap Allah, sedangkan Allah telah mengurniakan kekayaan dan keupayaan kepada mereka. Mereka tidak membayar hak mereka kepada Islam yang selama ini memberi perlindungan, kemuliaan dan kekuatan kepada mereka. Mereka tidak menunaikan kewajipan mereka kepada

masyarakat yang menjadi gelanggang hidup mereka, di mana mereka dimulia dan diberi perlindungan dan pemeliharaan. Oleh sebab itulah Allah memilih ungkapan berikut untuk memerikan keadaan mereka:

رَضُوا بِأَن يَكُونُوا مَعَ الْخَوَالِفِ

"Mereka rela tinggal bersama orang-orang yang tidak dapat ikut berperang."

Itulah gambaran kejatuhan semangat perjuangan dan kelemahan tekad di samping gambaran kerelaan untuk tinggal bersama kaum perempuan, kanak-kanak dan orang-orang tua yang terpaksa duduk di rumah kerana tidak berupaya memikul tugas-tugas berjihad, dan orang-orang itu memanglah dima'afkan dari tugas itu. Adapun mereka sama sekali tidak dima'afkan.

وَطَبَعَ اللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ فَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٩٣﴾

"Dan Allah telah mengunci mati hati mereka dan kerana itu mereka tidak mengetahui."(93)

Maksudnya, Allah telah menutup pintu kesedaran dan pengetahuan mereka, iaitu Allah mematikan alat-alat penerimaan dan penanggapan dalam jiwa mereka, kerana mereka rela diri mereka hidup lumpuh, kaku beku, berat penat dan menghindarkan diri dari melakukan kegiatan, pergerakan yang cergas, dinamis, terbuka, bebas dan tampil ke hadapan. Seseorang yang mengutamakan keselamatan yang hina dan kerehatan yang kaku beku membayangkan jiwanya kosong dari dorongan bercita-cita, dorongan mencari citarasa yang baru, dorongan melakukan ujian-ujian dan mendapatkan ilmu pengetahuan, di samping kosong dari motif menonjolkan kewujudan dan kehadiran, motif melahirkan rasa terpengaruh dan memberi pengaruh di dalam realiti kehidupan. Kerehatan yang kaku beku itu akan menutup lubang-lubang pengetahuan dan perasaan, menutup mati hati dan akal, sedangkan pergerakan merupakan alamat hayat dan sekaligus merupakan penggerak kehidupan. Kesanggupan menghadapi bahaya merangsangkan potensi-potensi jiwa dan tenaga-tenaga akal yang tersembunyi, menguat-nguatkan otot-otot dan membongkarkan bakat-bakat tersembunyi yang membongkar ketika diperlukan, di samping melatih tenaga-tenaga manusia bekerja dan menguatkannya untuk menyambut cabaran-cabaran. Semuanya ini merupakan aneka ragam ilmu pengetahuan dan keterbukaan jiwa yang tidak dapat dini'mati oleh pencinta-pencinta kerehatan yang kaku beku dan keselamatan yang hina itu.

Kemudian ayat yang berikut terus memerikan keadaan orang-orang yang kaya dan berupaya berperang yang rela tinggal di rumah bersama orang-orang yang sememangnya tidak berupaya untuk berjihad.

Disebalik keinginan untuk hidup rehat dan mementingkan keselamatan diri terletak kejatuhan semangat, kerendahan jiwa, kepala yang tak sanggup mendongak dan hati yang tidak sanggup menghadapi cabaran dan berterus terang:

يَعْتَذِرُونَ إِلَيْكُمْ إِذَا رَجَعْتُمْ إِلَيْهِمْ ۚ قُل لَّا تَعْتَذِرُوا لَن نُّؤْمِنَ لَكُمْ قَدْ نَبَّأَنَا اللَّهُ مِنْ أَخْبَارِكُمْ ۚ وَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ ثُمَّ تُرَدُّونَ إِلَىٰ عَالِمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٩٤﴾

"Mereka akan mengemukakan kepada kamu alasan keuzuran mereka apabila kamu kembali kepada mereka. Katakanlah: Janganlah kamu mengemukakan alasan keuzuran kamu, kami tidak akan percaya kepada kamu lagi kerana Allah telah menceritakan kepada kami berita-berita mengenai kamu. Allah dan Rasul-Nya akan melihat tindak-tanduk kamu, kemudian kamu akan dikembalikan kepada Yang Maha Mengetahui urusan yang ghaib dan yang nyata dan Dialah yang akan menceritakan kepada kamu segala apa yang dilakukan kamu."(94)

Cerita ini disampaikan Allah kepada Rasul-Nya s.a.w. dan kepada kaum Mu'minin yang tulen tentang peristiwa yang akan berlaku kepada kaum Munafiqin yang ponteng dari peperangan itu selepas beliau pulang dari medan perang. Cerita ini merupakan salah satu bukti yang menunjukkan bahawa ayat-ayat ini diturunkan semasa beliau di dalam perjalanan pulang dan sebelum sampai ke Madinah.

Mereka akan mengemukakan kepada kamu alasan-alasan dusta mengapa mereka tidak dapat ikut berperang bersama kamu, kerana mereka malu menunjukkan belang mereka yang sebenar dan malu mendedahkan sebab-sebabnya yang haqiqi, iaitu kelemahan iman, mementingkan keselamatan diri dan kebaculan untuk berjihad.

Pemberitaan Dari Allah

قُل لَّا تَعْتَذِرُوا لَن نُّؤْمِنَ لَكُمْ قَدْ نَبَّأَنَا اللَّهُ مِنْ أَخْبَارِكُمْ ۚ

"Katakanlah: Janganlah kamu mengemukakan alasan keuzuran kamu, kami tidak akan percaya kepada kamu lagi kerana Allah telah menceritakan kepada kami berita-berita mengenai kamu."(94)

Maksudnya, tak usahlah kamu mengeluarkan alasan-alasan keuzuran kamu, kami tidak akan percaya kepada kamu dan tidak akan menerima keislaman kamu yang lahir sebagaimana kami lakukan sebelum ini, kerana Allah telah mendedahkan hakikat dan isi kandungan hati kamu kepada kami. Dia telah menceritakan kepada kami motif-motif sebenar perbuatan kamu dan realiti keadaan kamu. Semuanya

tidak lagi terlindung kepada kami hingga membuat kami tidak nampak kecuali keadaan kamu yang lahir sahaja sebagaimana keadaan kami sebelum ini melihat kamu.

Pengungkapan tidak percaya, tidak akui dan tidak yakin yang disampaikan oleh firman Allah:

لَن نُّؤْمِنَ لَكُمْ

"Kami tidak akan percaya kepada kamu lagi"

adalah membawa makna yang khusus, kerana keimanan itu ialah pengakuan, kepercayaan dan keyakinan, yakni pengakuan dengan kata-kata, keyakinan dengan akal dan kepercayaan dengan hati, iaitu kepercayaan orang yang beriman terhadap Tuhannya dan kepercayaan timbal balik di antaranya dengan para Mu'minin yang bersama-sama dengannya. Pengungkapan Al-Qur'an selama-lamanya mempunyai makna dan saranannya yang halus.

قُل لَّا تَعْتَذِرُوا۟

"Katakanlah: Janganlah kamu kemukakan alasan-alasan keuzuran kamu"

kerana perkataan kamu tidak berguna dan percakapan kamu tidak boleh dipegang, tetapi tunjukkan buktinya dengan amalan. Jika amalan kamu membuktikan kebenaran percakapan kamu, maka itulah yang dipegang dan jika tidak, maka percakapan sahaja tidak boleh dipegang, dipercayai dan diyakini:

وَسَيَرَى ٱللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُۥ

"Allah dan Rasul-Nya akan melihat tindak-tanduk kamu."

Segala tindak-tanduk dan niat-niat yang tersembunyi sebaliknya tidak terlindung kepada Allah, dan Rasulullah s.a.w. akan menimbang kebenaran percakapan kamu dengan amalan kamu. Dan amalan inilah yang menjadi dasar bermu'amalah dengan kamu di dalam masyarakat Islam.

Walau bagaimanapun segala apa yang berlaku di muka bumi ini tidak berakhir dalam masa hidup di dunia ini, malah selepas hidup di dunia ini akan diadakan perhitungan semula dan balasan yang didasarkan di atas ilmu Allah yang mutlak yang mengetahui segala yang lahir dan segala yang tersembunyi:

ثُمَّ تُرَدُّونَ إِلَىٰ عَـٰلِمِ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَـٰدَةِ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٩٤﴾

"Kemudian kamu akan dikembalikan kepada Yang Maha Mengetahui urusan yang ghaib dan yang nyata dan Dialah yang akan menceritakan kepada kamu segala apa yang dilakukan kamu."(94)

"Urusan yang ghaib" ialah perkara-perkara yang terlindung dari pengetahuan manusia dan "urusan yang nyata" ialah segala perkara yang dilihat dan diketahui manusia. Dengan pengertian inilah Allah S.W.T. disifatkan sebagai "Yang Maha Mengetahui segala urusan yang ghaib dan yang nyata". Dan dengan pengertian yang lebih syumul dan luas ialah Allah S.W.T. mengetahui segala makhluk yang wujud di alam nyata ini dan mengetahui segala alam ghaib yang wujud di sebalik alam ini. Firman Allah: **"Dan Dialah yang akan menceritakan kepada kamu segala apa yang dilakukan kamu"** mengandungi satu isyarat yang dimaksudkan, iaitu mereka sememangnya tahu perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka, tetapi Allah S.W.T. lebih mengetahui lagi dari mereka hingga Dia Berkuasa menceritakannya kepada mereka satu persatu. Berapa banyak motif yang sulit yang mendorong seseorang melakukan sesuatu perbuatan, sedangkan ia sendiri tidak mengetahuinya, tetapi Allah lebih mengetahuinya darinya. Berapa banyak natijah perbuatan ini berlaku di luar pengetahuan si pelakunya, sedangkan Allah lebih mengetahui darinya. Dan yang dimaksudkan dengan natijah – sudah tentu – ialah natijah penceritaan itu, iaitu hisab dan balasan yang setimpal terhadap perbuatan-perbuatan itu, tetapi natijah ini tidak disebut di dalam ayat, malah yang disebut ialah penceritaan itu sendiri kerana sesuai dengan isyarat yang wujud dalam konteks ini.

سَيَحْلِفُونَ بِٱللَّهِ لَكُمْ إِذَا ٱنقَلَبْتُمْ إِلَيْهِمْ لِتُعْرِضُوا۟ عَنْهُمْ ۖ فَأَعْرِضُوا۟ عَنْهُمْ ۖ إِنَّهُمْ رِجْسٌ ۖ وَمَأْوَىٰهُمْ جَهَنَّمُ جَزَآءًۢ بِمَا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿٩٥﴾

"Mereka akan bersumpah kepada kamu dengan nama Allah apabila kamu kembali kepada mereka (dari medan perang) supaya kamu berpaling dari mereka (tidak mencelakan mereka), oleh itu berpalinglah dari mereka kerana sesungguhnya mereka adalah najis, dan tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam sebagai balasan atas segala apa yang dilakukan mereka."(95)

Kumpulan Ponteng Jihad Merupakan Kumpulan Manusia Yang Najis

Ini satu lagi penceritaan dari Allah kepada Nabi-Nya s.a.w. tentang apa yang akan dilakukan oleh kaum Munafiqin ketika beliau kembali kepada mereka dari medan peperangan bersama para Mu'minin yang tulen dengan selamat, sedangkan mereka menyangka bahawa pejuang-pejuang Mu'minin itu tidak akan pulang lagi selepas bertempur dengan tentera Roman.

Allah telah mengetahui dan menceritakan kepada Nabi-Nya bahawa mereka akan bersumpah dengan nama Allah ketika mengemukakan alasan-alasan keuzuran dengan tujuan agar para Mu'minin tidak mengambil salah dan mema'afkan perbuatan mereka yang mengelakkan diri dari turut serta di dalam peperangan itu.

Kemudian Allah mengarahkan Rasul-Nya supaya jangan menghirau mereka, tetapi bukan dalam erti mema'afkan perbuatan mereka, malah dalam erti kata mengabai dan menjauhi diri dari mereka dengan alasan kerana mereka merupakan manusia najis yang perlu dijauhi dan dijaga dari mereka:

فَأَعْرِضُوا عَنْهُمْ ۖ إِنَّهُمْ رِجْسٌ ۖ

"Oleh itu berpalinglah dari mereka kerana sesungguhnya mereka adalah najis."

Itulah pernyataan yang bertujuan memfizikalkan najis mental, kerana tubuh badan mereka bukannya najis, malah yang najis ialah jiwa dan amalan mereka, tetapi gambaran memfizikalkan najis jiwa dan amalan ini lebih buruk dan lebih kotor lagi, malah lebih menjijikkan dan menghinakan lagi.

Orang-orang yang tinggal diam tidak bergerak di dalam suatu kelompok yang berjuang sedangkan mereka berupaya untuk bergerak, orang-orang yang tinggal diam tidak bergerak kerana mengutamakan keselamatan diri dari berjihad merupakan longgokan najis yang kotor, yang menodai jiwa dan menyakiti perasaan orang lain. Mereka adalah sama dengan bangkai yang busuk yang menyakiti dan menjangkiti orang-orang yang hidup.

وَمَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ جَزَاءً بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٥﴾

"Dan tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam sebagai balasan atas segala apa yang dilakukan mereka."(95)

Mereka mengira mereka berjaya mendapat keuntungan kerana dapat mengelakkan diri dari berjihad. Mereka menyangka mereka berjaya mendapat keselamatan dan kerehatan dan berjaya dapat memelihara kesihatan dan harta kekayaan mereka, tetapi sebenarnya mereka adalah insan-insan yang najis di dunia dan tidak mendapat apa-apa habuan di negeri Akhirat. Itulah suatu kerugian yang mutlak, yang merangkumi segala jenis dan bentuk kerugian. Dan tiada kata-kata yang lebih benar dari kata-kata Allah.

Ayat yang berikut terus memberitakan tentang tindakan yang akan dilakukan oleh kaum Munafiqin selepas kepulangan para Mujahidin:

يَحْلِفُونَ لَكُمْ لِتَرْضَوْا عَنْهُمْ ۖ فَإِن تَرْضَوْا
عَنْهُمْ فَإِنَّ اللَّهَ لَا يَرْضَىٰ عَنِ الْقَوْمِ الْفَاسِقِينَ ﴿٩٦﴾

"Mereka bersumpah kepada kamu supaya redha terhadap mereka, tetapi jika kamu redha terhadap mereka, maka sesungguhnya Allah tidak akan redha terhadap golongan orang-orang yang fasiq."(96)

Mula-mula mereka memohon kepada kaum Muslimin supaya tidak mengambil salah dan mema'afkan perbuatan mereka, kemudian mereka beransur-ansur meluaskan permohonan mereka untuk mendapat keredhaan kaum Muslimin demi menjamin keamanan dan kesejahteraan hidup mereka di dalam masyarakat Islam dan seterusnya untuk menjamin agar kaum Muslimin terus melayani mereka mengikut keislaman mereka yang lahir sebagaimana yang telah dilakukan mereka di masa-masa yang silam, di mana mereka tidak dilayani dengan kasar seperti yang diperintah oleh ayat ini, yang menggariskan tata perhubungan yang muktamad di antara kaum Muslimin dan kaum Munafiqin yang hidup dalam kalangan mereka.

Tetapi di dalam ayat ini Allah telah menjelaskan dengan tegas bahawa mereka telah menyeleweng dari agama Allah dengan tindakan mereka yang telah ponteng dari berjihad, iaitu suatu tindakan yang didorongkan oleh sifat hipokrit mereka dan seterusnya menjelaskan bahawa Allah tidak melimpahkan keredhaan-Nya kepada orang-orang menyeleweng dari agamanya, walaupun mereka mampu mempengaruhi kaum Muslimin dengan sumpah dan alasan-alasan keuzuran hingga berjaya mendapat keredhaan mereka. Allah telah pun menetapkan hukuman-Nya terhadap mereka dan dalam kes ini, keredhaan manusia – walaupun mereka kaum Muslimin – tidak dapat mengubahkan kemurkaan Allah, dan tidak berguna kepada mereka walau sedikit pun. Satu-satunya jalan untuk mencapai keredhaan Allah ialah bertaubat dari penyelewengan itu dan kembali semula kepada agama Allah yang lurus.

Demikianlah Allah mendedahkan tembelang kaum Munafiqin – di dalam kalangan kaum Muslimin – yang mengelakkan diri dari tugas berjihad tanpa keuzuran di samping menjelaskan tata perhubungan yang muktamad di antara kaum Muslimin dan kaum Munafiqin sebagaimana sebelum ini Allah telah menjelaskan tata perhubungan di antara kaum Muslimin dan kaum Musyrikin dan di antara kaum Muslimin dan kaum Ahlil-Kitab. Dan surah ini merupakan peraturan muktamad yang terakhir.

(Kumpulan ayat-ayat 97 - 110)

الْأَعْرَابُ أَشَدُّ كُفْرًا وَنِفَاقًا وَأَجْدَرُ أَلَّا يَعْلَمُوا حُدُودَ
مَا أَنزَلَ اللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٩٧﴾
وَمِنَ الْأَعْرَابِ مَن يَتَّخِذُ مَا يُنفِقُ مَغْرَمًا وَيَتَرَبَّصُ
بِكُمُ الدَّوَائِرَ ۚ عَلَيْهِمْ دَائِرَةُ السَّوْءِ ۗ وَاللَّهُ سَمِيعٌ
عَلِيمٌ ﴿٩٨﴾
وَمِنَ الْأَعْرَابِ مَن يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ
وَيَتَّخِذُ مَا يُنفِقُ قُرُبَاتٍ عِندَ اللَّهِ وَصَلَوَاتِ الرَّسُولِ ۚ

أَلَآ إِنَّهَا قُرْبَةٌ لَّهُمْ ۚ سَيُدْخِلُهُمُ ٱللَّهُ فِى رَحْمَتِهِۦٓ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٩٩﴾

وَٱلسَّٰبِقُونَ ٱلْأَوَّلُونَ مِنَ ٱلْمُهَٰجِرِينَ وَٱلْأَنصَارِ وَٱلَّذِينَ ٱتَّبَعُوهُم بِإِحْسَٰنٍ رَّضِىَ ٱللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا۟ عَنْهُ وَأَعَدَّ لَهُمْ جَنَّٰتٍ تَجْرِى تَحْتَهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًا ۚ ذَٰلِكَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ﴿١٠٠﴾

وَمِمَّنْ حَوْلَكُم مِّنَ ٱلْأَعْرَابِ مُنَٰفِقُونَ ۖ وَمِنْ أَهْلِ ٱلْمَدِينَةِ ۖ مَرَدُوا۟ عَلَى ٱلنِّفَاقِ لَا تَعْلَمُهُمْ ۖ نَحْنُ نَعْلَمُهُمْ ۚ سَنُعَذِّبُهُم مَّرَّتَيْنِ ثُمَّ يُرَدُّونَ إِلَىٰ عَذَابٍ عَظِيمٍ ﴿١٠١﴾

وَءَاخَرُونَ ٱعْتَرَفُوا۟ بِذُنُوبِهِمْ خَلَطُوا۟ عَمَلًا صَٰلِحًا وَءَاخَرَ سَيِّئًا عَسَى ٱللَّهُ أَن يَتُوبَ عَلَيْهِمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٠٢﴾

خُذْ مِنْ أَمْوَٰلِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِم بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ ۖ إِنَّ صَلَوٰتَكَ سَكَنٌ لَّهُمْ ۗ وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

أَلَمْ يَعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ هُوَ يَقْبَلُ ٱلتَّوْبَةَ عَنْ عِبَادِهِۦ وَيَأْخُذُ ٱلصَّدَقَٰتِ وَأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٠٤﴾

وَقُلِ ٱعْمَلُوا۟ فَسَيَرَى ٱللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُۥ وَٱلْمُؤْمِنُونَ ۖ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عَٰلِمِ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾

وَءَاخَرُونَ مُرْجَوْنَ لِأَمْرِ ٱللَّهِ إِمَّا يُعَذِّبُهُمْ وَإِمَّا يَتُوبُ عَلَيْهِمْ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١٠٦﴾

وَٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُوا۟ مَسْجِدًا ضِرَارًا وَكُفْرًا وَتَفْرِيقًۢا بَيْنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ وَإِرْصَادًا لِّمَنْ حَارَبَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ مِن قَبْلُ ۚ وَلَيَحْلِفُنَّ إِنْ أَرَدْنَآ إِلَّا ٱلْحُسْنَىٰ ۖ وَٱللَّهُ يَشْهَدُ إِنَّهُمْ لَكَٰذِبُونَ ﴿١٠٧﴾

لَا تَقُمْ فِيهِ أَبَدًا ۚ لَّمَسْجِدٌ أُسِّسَ عَلَى ٱلتَّقْوَىٰ مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَن تَقُومَ فِيهِ ۚ فِيهِ رِجَالٌ يُحِبُّونَ أَن يَتَطَهَّرُوا۟ ۚ وَٱللَّهُ يُحِبُّ ٱلْمُطَّهِّرِينَ ﴿١٠٨﴾

أَفَمَنْ أَسَّسَ بُنْيَٰنَهُۥ عَلَىٰ تَقْوَىٰ مِنَ ٱللَّهِ وَرِضْوَٰنٍ خَيْرٌ أَم مَّنْ أَسَّسَ بُنْيَٰنَهُۥ عَلَىٰ شَفَا جُرُفٍ هَارٍ فَٱنْهَارَ بِهِۦ فِى نَارِ جَهَنَّمَ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٠٩﴾

لَا يَزَالُ بُنْيَٰنُهُمُ ٱلَّذِى بَنَوْا۟ رِيبَةً فِى قُلُوبِهِمْ إِلَّآ أَن تَقَطَّعَ قُلُوبُهُمْ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١١٠﴾

"Orang-orang A'arab (Badwi) itu lebih kental kekufuran dan kemunafiqan mereka dan lebih wajar tidak mengetahui batas-batas hukum yang diturunkan Allah kepada Rasul-Nya, dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(97). Dan sebahagian dari orang-orang A'arab (yang Munafiqin) memandang apa yang dibelanjakan mereka untuk Sabilullah itu sebagai bayaran yang merugikan dan ia menunggu-nunggu agar kamu dilanda pancaroba-pancaroba zaman. Sebenarnya di atas merekalah ditimpakan pancaroba yang buruk itu. Dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui(98). Dan sebahagian dari orang-orang A'arab itu ada yang beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat dan memandang apa yang dibelanjakan mereka untuk Sabilullah itu sebagai amalan yang mendekatkan diri mereka kepada Allah dan sebagai jalan untuk mendapat rahmat dari do'a-do'a Rasulullah. Ketahuilah, bahawa segala apa yang dibelanjakan mereka merupakan amalan yang baik bagi mereka. Allah akan memasukkan mereka ke dalam rahmat-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(99). Dan angkatan perintis Islam yang pertama dari para Muhajirin dan Ansar, juga orang-orang yang mengikut mereka dengan sebaik-baiknya, maka Allah redha terhadap mereka dan mereka juga redha terhadap Allah. Allah telah menyediakan untuk mereka taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, di mana mereka hidup kekal abadi. Itulah kejayaan yang amat besar(100). Dan di antara orang-orang A'arab yang berada di sekeliling kamu terdapat orang-orang Munafiqin dan golongan ini juga terdapat di dalam kalangan penduduk Madinah. Mereka tetap berdegil dengan sikap Munafiq itu. Kamu tidak mengenali mereka, tetapi Kami mengenali mereka. Kami akan menyeksakan mereka dua kali kemudian mereka akan dikembalikan kepada 'azab yang amat besar(101). Dan ada pula golongan lain yang mengakui dosa-dosa mereka. Mereka telah mencampurkan amalan-amalan yang baik dengan amalan-amalan yang jahat. Semoga Allah menerima taubat mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(102). Ambillah (wahai Muhammad) dari

harta mereka bahagian sedekah yang membersihkan diri mereka dan menyuburkan harta mereka dan berdo'alah terhadap mereka. Sesungguhnya do'amu itu memberi ketenteraman kepada mereka. Dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui(103). Tidakkah mereka mengetahui bahawa Allah berhak menerima taubat dari para hamba-Nya dan menerima sedekah. Dan sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat dan Maha Pengasih(104). Dan katakanlah: Bekerjalah kamu, Allah dan Rasul-Nya serta para Mu'minin akan melihat pekerjaan kamu itu dan kamu akan dikembalikan kepada Allah yang mengetahui segala urusan yang ghaib dan segala urusan yang nyata dan Dialah yang akan memberitakan kepada kamu segala apa yang dilakukan kamu(105). Dan ada pula golongan yang ditangguhkan hukuman (terhadap mereka) kepada keputusan Allah sama ada Dia meng'azabkan mereka atau menerima taubat mereka dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(106). Dan di antara mereka ada pula orang-orang yang mendirikan masjid dengan tujuan untuk menimbulkan kemudaratan (kepada orang-orang yang beriman), menegakkan kekufuran dan memecahbelahkan para Mu'minin, juga untuk dijadikan pengkalan intipan bagi mereka yang memerangi Allah dan Rasul-Nya sebelum ini. Dan mereka bersumpah: Tujuan kami tidak lain melainkan semata-mata untuk kebajikan. Sedangkan Allah menyaksi bahawa mereka adalah para pembohong (107). Janganlah engkau mendirikan solat di dalam masjid itu buat selama-lamanya. Sesungguhnya Masjid (Quba') yang dibinakan di atas landasan taqwa sejak hari pertama lagi itu adalah lebih wajar engkau mendirikan solat di dalamnya, di mana terdapat orang-orang yang suka membersihkan diri dan Allah menyayangi orang-orang yang banyak membersihkan diri(108). Apakah orang yang mendirikan bangunannya di atas landasan taqwa dan keredhaan Allah itu lebih baik atau orang yang mendirikan bangunannya di tepi jurang yang runtuh lalu bangunan itu roboh bersama dengannya ke dalam api Neraka Jahannam? Dan Allah tidak memberi hidayat kepada golongan orang-orang yang zalim(109). Bangunan yang dibinakan mereka terus menjadi punca keraguan didalam hati mereka kecuali hati mereka putus (kerana mati). Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana".(110)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Keseluruhan pelajaran ini mengklasifikasikan masyarakat Islam pada masa itu semasa berlakunya Peperangan Tabuk – ia menggambarkan puak-puak dan peringkat-peringkat keimanan yang wujud di dalam struktur umum masyarakat Islam yang organik itu dan setiap puak berbeza-beza dengan sifat-sifat dan perilaku-perilaku masing-masing.

Kami telah menghuraikan secara terperinci di dalam juzu' yang kesepuluh tentang sebab-sebab sejarah yang membentuk berbagai-bagai tahap keimanan di dalam kelompok Muslimin di Madinah. Oleh itu di sini kami petikkan beberapa perenggan akhir dari huraian itu untuk mengingatkan kembali latarbelakang-latarbelakang yang melingkungi berbagai-bagai tahap keimanan dalam masyarakat Islam yang tunggal itu:

..... "Penentangan kaum Quraysy yang begitu degil dan lama terhadap Islam merupakan penghalang yang kuat, yang menyekat pengaliran Islam di Semenanjung Tanah Arab. Selama ini kaum Quraysy merupakan pihak tertinggi yang memegang kata pemutus dalam urusan-urusan keagamaan di Semenanjung Tanah Arab di samping menerajui pengaruh ekonomi, politik dan moral. Penentangan kaum Quraysy terhadap agama yang baru dalam bentuknya yang begitu degil itu merupakan faktor yang berjaya memalingkan orang-orang Arab di seluruh Semenanjung Tanah Arab dari menganut agama itu atau setidak-tidaknya merupakan faktor yang menyebabkan mereka teragak-agak atau menunggu-nunggu sehingga perjuangan di antara kaum Quraysy dengan anak buahnya Nabi Muhammad itu selesai. Apabila kaum Quraysy mengaku kalah selepas pembukaan Makkah dan kemudian diikuti oleh suku Hawazin dan Thaqif di Ta'if, sedangkan ketiga-tiga suku Yahudi yang kuat di Madinah telah pun dihancurkan kekuasaan mereka buat selama-lamanya, iaitu suku-suku Bani Qaynuqa' dan Bani an-Nadhir telah diusir ke Syam dan suku Bani Qurayzah telah dihapuskan dan kaum Yahudi di Khaybar pada akhirnya telah menyerah diri... seluruh peristiwa ini menandakan zaman kemasukan manusia berduyun-duyun ke dalam agama Allah atau zaman pengaliran Islam di merata pelusuk Semenanjung Tanah Arab di dalam jangka masa setahun sahaja.

"Tetapi perkembangan horizontal Islam ini telah membawa kembali dalam bentuk yang lebih luas gejala-gejala lama yang telah lahir dalam masyarakat Islam selepas Peperangan Badar setelah masyarakat Islam di waktu itu hampir-hampir bersih dari gejala-gejala yang tidak sihat itu berkat pengaruh tarbiah Islamiyah yang lama masa dan berterusan selama kira-kira tujuh tahun selepas peperangan besar Badar. Sekiranya tidak kerana keseluruhan masyarakat Madinah telah berubah menjadi asas yang kukuh dan bersih bagi 'aqidah Islam dan tapak yang teguh kepada masyarakat Islam tentulah perkembangan horizontal Islam yang pantas di Semenanjung Tanah Arab itu akan membawa bahaya yang besar, tetapi Allah yang mengatur dan mengendalikan urusan perkembangan ini telah menyediakan angkatan perintis pertama para Muhajirin dan Ansar untuk menjadi tapak yang kukuh bagi 'aqidah Islam selepas perkembangan yang agak luas setelah mencapai kemenangan di dalam Peperangan Badar. Begitu juga Allah S.W.T. telah menyediakan keseluruhan masyarakat Islam di Madinah untuk menjadi tapak yang kuat selepas perkembangan Islam yang sangat pantas itu setelah negeri Makkah ditaklukkan. Allah Maha Mengetahui di manakah ia hendak meletakkan risalah-Nya...

"Awal-awal gejala buruk yang muncul ialah pada masa Peperangan Hunayn yang diceritakan di dalam surah ini (at-Taubah):

لَقَدْ نَصَرَكُمُ ٱللَّهُ فِى مَوَاطِنَ كَثِيرَةٍ وَيَوْمَ حُنَيْنٍ
إِذْ أَعْجَبَتْكُمْ كَثْرَتُكُمْ فَلَمْ تُغْنِ عَنكُمْ

شَيْـًٔا وَضَاقَتْ عَلَيْكُمُ ٱلْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ ثُمَّ
وَلَّيْتُم مُّدْبِرِينَ ﴿٢٥﴾
ثُمَّ أَنزَلَ ٱللَّهُ سَكِينَتَهُۥ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ وَعَلَى
ٱلْمُؤْمِنِينَ وَأَنزَلَ جُنُودًا لَّمْ تَرَوْهَا وَعَذَّبَ ٱلَّذِينَ
كَفَرُوا۟ ۚ وَذَٰلِكَ جَزَآءُ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٢٦﴾

"(Wahai orang-orang yang beriman) sesungguhnya Allah telah memberi pertolongan kepada kamu di berbagai-bagai medan peperangan, juga pada hari Peperangan Hunayn, di mana kamu terpesona dengan bilangan kamu yang ramai, namun ia tidak memberi faedah sedikit pun kepada kamu. Dan (menyebabkan kamu mengalami kekalahan-kekalahan) hingga bumi yang luas dirasakan kamu sempit kemudian kamu melarikan diri ke belakang (25). Kemudian Allah menurunkan ketenteraman-Nya ke atas Rasul-Nya dan ke atas para Mu'minin serta menurunkan bala tentera malaikat yang tidak dapat dilihat oleh kamu dan menyeksakan orang-orang yang kafir. Itulah balasan terhadap orang-orang kafir."(26)

Di antara sebab-sebab yang menonjol bagi kekalahan ini pada mulanya ialah apabila dua ribu orang yang mendapat pengampunan pada hari penaklukan Makkah telah memeluk Islam pada hari itu dan turut keluar bersama sepuluh ribu tentera Muslimin dari Madinah yang telah menakluk negeri Makkah itu. Penyertaan dua ribu orang ini dalam angkatan sepuluh ribu tentera Muslimin itu menjadi punca timbulnya kerosakan imbangan di dalam barisan Muslimin ditambah pula dengan faktor tindakan mengejut suku Hawazin. Ini disebabkan kerana angkatan tentera ini bukan semuanya dari bala tentera angkatan pertama Muslimin yang menjadi teras masyarakat Islam yang kukuh dan bersih, yang telah dididik dan diselaraskan dengan sempurna dalam satu jangka masa yang lama, iaitu di antara Peperangan Badar dan penaklukan negeri Makkah.

"Begitu juga gejala-gejala yang muncul dalam masa tercetusnya Peperangan Tabuk, iaitu gejala-gejala yang tidak sihat yang timbul sebagai hasil tabi'i dari perkembangan horizontal Islam yang pantas itu atau dari kemasukan berbagai-bagai kelompok manusia yang baru ke dalam Islam dengan berbagai-bagai tahap keimanan dan disiplin, gejala-gejala inilah yang dibicarakan oleh Surah at-Taubah dan yang memerlukan penjelasan yang terperinci dengan uslub penerangan yang beraneka ragam sebagaimana telah kami sebut petikan-petikan ayat yang mewakili setiap bahagian surah ini".[1]

Berdasar kepada keterangan ringkas ini kita ikuti seterusnya nas-nas pelajaran ini secara terperinci:

[1] *Lihat huraian yang panjang lebar dalam juzu' yang kesepuluh.*

(Pentafsiran ayat-ayat 97 - 99)

Perangai Dan Tabi'at Kaum Badwi

ٱلْأَعْرَابُ أَشَدُّ كُفْرًا وَنِفَاقًا وَأَجْدَرُ أَلَّا يَعْلَمُوا۟ حُدُودَ
مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٩٧﴾
وَمِنَ ٱلْأَعْرَابِ مَن يَتَّخِذُ مَا يُنفِقُ مَغْرَمًا وَيَتَرَبَّصُ
بِكُمُ ٱلدَّوَآئِرَ ۚ عَلَيْهِمْ دَآئِرَةُ ٱلسَّوْءِ ۗ وَٱللَّهُ سَمِيعٌ
عَلِيمٌ ﴿٩٨﴾
وَمِنَ ٱلْأَعْرَابِ مَن يُؤْمِنُ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ
وَيَتَّخِذُ مَا يُنفِقُ قُرُبَٰتٍ عِندَ ٱللَّهِ وَصَلَوَٰتِ ٱلرَّسُولِ ۚ
أَلَآ إِنَّهَا قُرْبَةٌ لَّهُمْ ۚ سَيُدْخِلُهُمُ ٱللَّهُ فِى رَحْمَتِهِۦٓ ۗ
إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٩٩﴾

"Orang-orang A'arab (Badwi) itu lebih kental kekufuran dan kemunafiqan mereka dan lebih wajar tidak mengetahui batas-batas hukum yang diturunkan Allah kepada Rasul-Nya, dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(97). Dan sebahagian dari orang-orang A'arab (yang Munafiqin) memandang apa yang dibelanjakan mereka untuk Sabilullah itu sebagai bayaran yang merugikan dan mereka menunggu-nunggu agar kamu dilanda pancaroba-pancaroba zaman. Sebenarnya di atas merekalah ditimpakan pancaroba-pancaroba yang buruk itu. Dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui(98). Dan sebahagian dari orang-orang A'arab itu ada yang beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat dan memandang apa yang dibelanjakan mereka untuk Sabilullah itu sebagai amalan yang mendekatkan diri mereka kepada Allah dan sebagai jalan untuk mendapat rahmat dari do'a-do'a Rasulullah. Ketahuilah bahawa segala apa yang dibelanjakan mereka merupakan yang baik bagi mereka. Allah akan memasukkan mereka ke dalam rahmat-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(99)

Ayat-ayat ini dimulakan dengan mengklasifikasikan orang-orang A'arab yang terdiri dari beberapa qabilah yang tinggal di sekitar Madinah. Mereka pernah memainkan peranan menyerang negeri Islam di Madinah sebelum mereka memeluk Islam. Apabila mereka menganut agama Islam, maka secara umumnya mereka tergolong dalam dua golongan yang disifatkan di dalam ayat-ayat ini.

Ayat-ayat ini memulakan pembicaraan mengenai dua golongan ini dengan menjelaskan asas umum tabi'at orang-orang A'arab:

ٱلْأَعْرَابُ أَشَدُّ كُفْرًا وَنِفَاقًا وَأَجْدَرُ أَلَّا يَعْلَمُوا۟ حُدُودَ
مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٩٧﴾

"Orang-orang A'arab (Badwi) itu lebih kental kekufuran dan kemunafiqan mereka dan lebih wajar tidak mengetahui batas-batas hukum yang diturunkan Allah kepada Rasul-Nya, dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(97)

Pengungkapan yang umum ini menggambarkan satu sifat yang tetap orang-orang Badwi dan kehidupan mereka yang kasar. Keadaan mereka begitu kental dengan sifat-sifat yang kufur dan Munafiq. Mereka memang wajar jika mereka tidak mengetahui batas-batas hukum yang diturunkan Allah kepada Rasul-Nya, dan kewajaran ini adalah lahir dari situasi-situasi hidup mereka yang membentuk tabi'at dan kelakuan mereka yang kasar dan jakun, situasi-situasi hidup mereka yang jauh dari ilmu pengetahuan yang mengenali batas-batas hukum, situasi hidup yang membuat mereka bersifat kebendaan dan menjadikan nilai kebendaan sebagai nilai yang dominan di dalam kalangan mereka walaupun keimanan telah berjaya mengubahkan tabi'at-tabi'at mereka, meningkatkan nilai-nilai hidup mereka dan menghubungkan mereka dengan kemuncak nilai-nilai yang gemilang, yang mengatasi nilai-nilai kebendaan.

Di sana terdapat banyak riwayat yang mengisahkan tentang kekasaran perilaku orang-orang A'arab. Di antara riwayat yang dimuatkan oleh Ibn Kathir dalam tafsirnya ialah:

"Kata al-'Amasy daripada Ibrahim katanya: Ada seorang A'arabi duduk menghadapi Zayd ibn Suhaym ketika ia sedang menceritakan hal dirinya kepada sahabat-sahabatnya. Tangannya telah mendapat kecederaan pada hari Peperangan "Nahawond" lalu orang A'arabi itu berkata: "Demi Allah, saya sangat tertarik dengan cerita awak, tetapi tangan awak yang cedera itu meragukan saya". Jawab Zayd: "Apa yang meragukan awak? Itulah tangan kiri!" Kata orang A'arabi itu: "Demi Allah, saya tidak tahu tangan kanan atau tangan kiri yang mereka potong." lalu Zayd ibn Suhaym berkata: "Memang tepat apa yang telah dikatakan Allah dan Rasul-Nya:

ٱلْأَعْرَابُ أَشَدُّ كُفْرًا وَنِفَاقًا وَأَجْدَرُ أَلَّا يَعْلَمُوا۟ حُدُودَ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ

"Orang-orang A'arab (Badwi) itu lebih kental kekufuran dan kemunafiqan mereka dan lebih wajar tidak mengetahui batas-batas hukum yang diturunkan Allah kepada Rasul-Nya."(97)

"Ujar al-Imam Ahmad: Kami telah diceritakan oleh Abdul Rahman ibn Mahdi kami telah diceritakan oleh Sufyan daripada Abu Musa, daripada Wahb ibn Munabbih, daripada Ibn Abbas, daripada Rasulullah s.a.w. sabdanya:

من سكن البادية جفا، ومن اتبع الصيد غفل، ومن أتى السلطان افتتن

"Sesiapa yang tinggal di padang sahara berkelakuan kasar dan siapa yang mengikut binatang buruan menjadi lalai dan siapa yang mendampingi orang yang berkuasa menjadi terpesona."

Oleh sebab perilaku yang kasar itu merupakan sifat penduduk-penduduk Padang Sahara, maka Allah S.W.T. tidak membangkitkan seorang rasul pun dari kalangan mereka, malah kebangkitan rasul itu berlaku di dalam kalangan penduduk kota atau bandar sebagaimana firman Allah:

وَمَآ أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُّوحِىٓ إِلَيْهِم مِّنْ أَهْلِ ٱلْقُرَىٰٓ

"Dan kami tidak utuskan sebelum engkau melainkan lelaki-lelaki yang kami wahyukan kepada mereka dari penduduk-penduduk kota."

(Surah Yusuf: 109)

"Apabila seorang A'arab memberi hadiah kepada Rasulullah s.a.w., maka beliau membalaskannya dengan berganda-ganda hingga A'arab itu berpuas hati. Beliau bersabda: 'Aku suka tidak menerima hadiah melainkan dari orang Quraysy atau orang Thaqif atau orang Daus', kerana orang-orang ini dari penduduk kota-kota Makkah, Ta'if, Madinah dan Yaman. Akhlak mereka lebih lembut dari orang-orang A'arab yang memang mempunyai tabi'at yang kasar."

"Kata hadith Muslim: Kami telah diceritakan oleh Abu Bakr ibn Abu Shaybah dan Abu Kurayb kedua-duanya berkata: Kami telah diceritakan oleh Abu Usamah dan Ibn Numayr dari Hisyam dari bapanya dari Aisyah katanya: Ada sekumpulan orang-orang Arab datang mengadap Rasulullah s.a.w. lalu mereka bertanya (sahabat-sahabat Rasulullah): 'Adakah kamu mencium anak-anak kamu?' Jawab para sahabat, 'Ya, Lantas mereka berkata: 'Tetapi kami, demi Allah, tidak pernah mencium mereka'. Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: 'Apakah dayaku, jika Allah telah mencabut perasaan rahmat kasihan belas dari hati kamu?... "

Banyak lagi riwayat-riwayat yang mendedahkan kekasaran, tabi'at dan perilaku orang-orang A'arab sehingga selepas mereka memeluk Islam. Justeru itulah kekufuran dan kemunafiqan mereka amat kental dan memang wajar andainya mereka tidak mengetahui batas-batas hukum yang diturunkan Allah kepada Rasul-Nya. Ini disebabkan kerana mereka begitu lama terdidik dengan kelakuan kasar ketika mereka mengalah dan menguasai orang-orang lain atau terbiasa dengan perilaku hipokrit dan menyeleweng apabila mereka dikalah dan kuasai orang lain atau terbiasa dengan kelakuan menceroboh dan melanggar peraturan-peraturan kerana didesak kehendak-kehendak keperluan di dalam kehidupan Padang Sahara mereka.

"Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(97)

Yakni Allah amat mengetahui keperihalan-keperihalan, sifat-sifat dan tabi'at para hamba-Nya dan amat bijaksana mengagihkan kebolehan, ciri-ciri, potensi-potensi, bakat-bakat dan mengadakan berbagai-bagai bangsa dan masyarakat.

Selepas, menjelaskan sifat pokok yang umum, yang terdapat pada orang-orang A'arab, maka ayat-ayat yang berikut mengkategorikan mereka kepada beberapa jenis golongan mengikut tahap-tahap keimanan yang membawa perubahan-perubahan di dalam hati mereka, di samping membawa perbezaan-perbezaan di antara hati-hati yang telah bersebati dengan kemanisan keimanan dan hati-hati yang masih disarangi sisa-sisa kekufuran yang wujud di dalam realiti masyarakat Islam pada masa itu:

Golongan Munafiqin Kaum Badwi

"Dan sebahagian dari orang-orang Arab (yang Munafiqin) memandang apa yang dibelanjakan mereka untuk Sabilullah itu sebagai bayaran yang merugikan dan mereka menunggu-nunggu agar kamu dilanda pancaroba-pancaroba zaman.Sebenarnya di atas merekalah ditimpakan pancaroba-pancaroba yang buruk itu. Dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(98)

Di dalam ayat ini Allah menyegerakan pembicaraannya mengenai golongan Munafiqin dari kalangan orang-orang A'arab sebelum membicarakan tentang golongan Mu'minin di kalangan mereka. Ini mungkin bertujuan untuk menghubungkan golongan Munafiqin dari orang-orang A'arab dengan golongan Munafiqin di kalangan penduduk negeri Madinah yang telah dibicarakan di dalam bahagian ayat-ayat yang silam agar suasana pembicaraan tentang Munafiqin bersambung dari Munafiqin Madinah dengan Munafiqin dari kalangan orang-orang A'arab.

وَمِنَ ٱلْأَعْرَابِ مَن يَتَّخِذُ مَا يُنفِقُ مَغْرَمًا

"Dan sebahagian dari orang-orang Arab (yang Munafiqin) memandang apa yang dibelanjakan mereka untuk Sabilullah sebagai bayaran yang merugikan."(98)

Dia terpaksa membelanjakan hartanya untuk zakat dan membiayai peperangan-peperangan kaum Muslimin untuk menunjukkan keislamannya secara berpura-pura supaya dapat meni'mati hak-hak istimewa hidup di dalam masyarakat Islam dan untuk mengambil hati kaum Muslimin sebagai pihak yang berkuasa di Semenanjung Tanah Arab pada masa itu. Dia menganggap segala apa yang dibelanjakannya itu sebagai suatu kerugian yang membosankannya bukan sebagai bantuan untuk menolong para Mujahidin Islam dan bukan pula kerana keinginan agar Islam dan kaum Muslimin mencapai kemenangan.

وَيَتَرَبَّصُ بِكُمُ ٱلدَّوَآئِرَ

"Dan ia menunggu-nunggu agar kamu dilanda pancaroba-pancaroba zaman."

Maksudnya, mereka menunggu-nunggu supaya kaum Muslimin ditimpa malapetaka kekalahan dan bercita-cita supaya mereka tidak akan kembali dari medan peperangan dengan selamat.

Ayat yang berikut dengan segera menyampaikan do'a Allah yang membinasakan mereka dan do'a dari Allah bererti malapetaka yang terkandung dalam do'a itu tetap akan menimpa mereka:

عَلَيْهِمْ دَآئِرَةُ ٱلسَّوْءِ

"Sebenarnya di atas mereka ditimpakan pancaroba-pancaroba yang buruk itu."(98)

(Pengungkapan dengan) kata-kata دائرة (bulatan atau lingkungan) seolah-olah malapetaka yang buruk itu merupakan suatu lingkungan yang mengepung mereka, yang tidak dapat dihindari mereka. Pengungkapan ini memfizikalkan suatu yang niskala (abstrak) dengan menggunakan pengkhayalan yang mendalam dan menghidupkan kesan pengertian malapetaka itu.

وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٩٨﴾

"Dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(98)

Sifat Allah Yang Maha Mendengar dan Maha Mengetahui yang disebut di sini amat sesuai dengan suasana musuh-musuh kaum Muslimin yang sedang mengharap dan menunggu-nunggu agar mereka ditimpa malapetaka, juga sesuai dengan suasana hipokrit yang tersembunyi di dalam hati kaum Munafiqin itu dan terlindung di sebalik perilaku-perilaku mereka yang lahir. Allah mendengar segala kata-kata yang diucapkan mereka dan Allah Mengetahui segala apa yang dizahir dan disembunyikan mereka.

Di sana terdapat pula satu golongan orang-orang A'arab yang lain, yang mana hati mereka telah diterapkan kemanisan iman:

وَمِنَ ٱلْأَعْرَابِ مَن يُؤْمِنُ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْآخِرِ وَيَتَّخِذُ مَا يُنفِقُ قُرُبَٰتٍ عِندَ ٱللَّهِ وَصَلَوَٰتِ ٱلرَّسُولِ ۚ أَلَآ إِنَّهَا قُرْبَةٌ لَّهُمْ ۚ سَيُدْخِلُهُمُ ٱللَّهُ فِى رَحْمَتِهِۦٓ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٩٩﴾

"Dan sebahagian dari orang-orang A'arab itu ada yang beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat dan memandang apa yang dibelanjakan mereka untuk Sabilullah

itu sebagai amalan yang mendekatkan diri mereka kepada Allah dan sebagai jalan untuk mendapat rahmat dari do'a-do'a Rasulullah. Ketahuilah, bahawa segala apa yang dibelanjakan mereka merupakan amalan yang baik bagi mereka. Allah akan memasukkan mereka ke dalam rahmat-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(99)

Keimanan mereka kepada Allah dan kepada hari Akhirat itulah yang mendorong mereka menginfaqkan harta mereka untuk Sabilullah dan bukannya kerana takut kepada manusia dan bukan pula mengampu-ngampu pihak yang berkuasa dan seterusnya bukan kerana perhitungan untung rugi di dunia manusia.

Golongan A'arab yang beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat ini mahukan infaq mereka menjadi amalan-amalan yang mendekatkan diri mereka kepada Allah dan ingin mendapat rahmat dari do'a-do'a Rasulullah yang membuktikan keredhaan beliau terhadap mereka dan diterima di sisi Allah apabila beliau mendo'akan orang-orang yang beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat dan menginfaqkan harta mereka dengan tujuan mendekatkan pendampingan mereka dengan Allah dan mencapai keredhaan-Nya: Justeru itu ayat yang berikut dengan segera menjelaskan bahawa infaq mereka merupakan amalan yang mendekatkan mereka di sisi Allah:

أَلَآ إِنَّهَا قُرْبَةٌ لَّهُمْ ۚ

"Ketahuilah, bahawa segala apa yang dibelanjakan mereka merupakan amalan yang baik bagi mereka"

dan seterusnya mentabsyirkan (memberi berita gembira) bahawa mereka akan memperolehi balasan yang baik yang dijanjikan Allah:

سَيُدْخِلُهُمُ ٱللَّهُ فِى رَحْمَتِهِۦٓ ۗ

"Allah akan memasukkan mereka ke dalam rahmat-Nya."

Di dalam ayat ini rahmat difizikalkan seolah-olah sebuah rumah yang bakal dimasuki mereka sebagai tandingan kepada "malapetaka" yang difizikalkan dengan satu bulatan atau lingkungan yang buruk yang menimpa golongan orang-orang A'arab yang lain, yang menganggap segala infaq mereka sebagai bayaran-bayaran yang merugikan mereka dan bercita-cita agar kaum Muslimin ditimpa malapetaka.

إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٩٩﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(99)

Maksudnya, Allah sentiasa menerima taubat dan infaq para hamba-Nya dan sentiasa mengampunkan dosa mereka dan sentiasa bersedia mengurniakan rahmat kepada mereka yang memohon rahmat.

(Pentafsiran ayat-ayat 100 - 106)

Selepas mengkategorikan orang-orang A'arab secara ringkas, maka ayat-ayat yang berikut terus mengklasifikasikan seluruh masyarakat Islam dari penduduk-penduduk kota dan penduduk-penduduk desa Padang Sahara kepada empat kelas keimanan, iaitu kelas angkatan perintis Islam yang pertama dari kaum Muhajirin dan kaum Ansar dan orang-orang yang mengikut mereka dengan sebaik-baiknya, kelas Munafiqin yang menampilkan sifat hipokrit dari penduduk-penduduk kota Madinah dan orang A'arab di desa-desa Padang Sahara, kelas orang-orang yang mencampurkan amalan-amalan yang soleh dengan amalan-amalan yang jahat dan kelas orang-orang yang ditangguhkan hukuman ke atas mereka sehingga Allah menentukan keputusan-Nya terhadap mereka:

وَٱلسَّٰبِقُونَ ٱلْأَوَّلُونَ مِنَ ٱلْمُهَٰجِرِينَ وَٱلْأَنصَارِ
وَٱلَّذِينَ ٱتَّبَعُوهُم بِإِحْسَٰنٍ رَّضِىَ ٱللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا۟
عَنْهُ وَأَعَدَّ لَهُمْ جَنَّٰتٍ تَجْرِى تَحْتَهَا ٱلْأَنْهَٰرُ
خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًا ۚ ذَٰلِكَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ﴿١٠٠﴾
وَمِمَّنْ حَوْلَكُم مِّنَ ٱلْأَعْرَابِ مُنَٰفِقُونَ ۖ وَمِنْ أَهْلِ
ٱلْمَدِينَةِ ۖ مَرَدُوا۟ عَلَى ٱلنِّفَاقِ لَا تَعْلَمُهُمْ ۖ نَحْنُ نَعْلَمُهُمْ ۚ
سَنُعَذِّبُهُم مَّرَّتَيْنِ ثُمَّ يُرَدُّونَ إِلَىٰ عَذَابٍ عَظِيمٍ ﴿١٠١﴾
وَءَاخَرُونَ ٱعْتَرَفُوا۟ بِذُنُوبِهِمْ خَلَطُوا۟ عَمَلًا صَٰلِحًا
وَءَاخَرَ سَيِّئًا عَسَى ٱللَّهُ أَن يَتُوبَ عَلَيْهِمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ
غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٠٢﴾
خُذْ مِنْ أَمْوَٰلِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِم بِهَا وَصَلِّ
عَلَيْهِمْ ۖ إِنَّ صَلَوٰتَكَ سَكَنٌ لَّهُمْ ۗ وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾
أَلَمْ يَعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ هُوَ يَقْبَلُ ٱلتَّوْبَةَ عَنْ عِبَادِهِۦ
وَيَأْخُذُ ٱلصَّدَقَٰتِ وَأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٠٤﴾
وَقُلِ ٱعْمَلُوا۟ فَسَيَرَى ٱللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُۥ وَٱلْمُؤْمِنُونَ ۖ

وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عَٰلِمِ ٱلۡغَيۡبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمۡ تَعۡمَلُونَ ١٠٥
وَءَاخَرُونَ مُرۡجَوۡنَ لِأَمۡرِ ٱللَّهِ إِمَّا يُعَذِّبُهُمۡ وَإِمَّا يَتُوبُ عَلَيۡهِمۡۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٞ ١٠٦

"Dan angkatan perintis Islam yang pertama dari para Muhajirin dan Ansar, juga orang-orang yang mengikut mereka dengan sebaik-baiknya, maka Allah redha terhadap mereka dan mereka redha terhadap Allah. Allah telah menyediakan untuk mereka taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, di mana mereka hidup kekal abadi. Itulah kejayaan yang amat besar(100). Dan diantara orang-orang Arab yang berada di sekeliling kamu terdapat orang-orang Munafiqin, dan golongan ini juga terdapat di dalam kalangan penduduk Madinah. Mereka tetap berdegil dengan sikap Munafiq itu. Kamu tidak mengenali mereka, tetapi Kami mengenali mereka. Kami akan menyeksakan mereka dua kali kemudian mereka akan dikembalikan kepada 'azab yang amat besar(101). Dan ada pula golongan lain yang mengakui dosa-dosa mereka. Mereka telah mencampurkan amalan-amalan yang baik dengan amalan-amalan yang jahat. Semoga Allah menerima taubat mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(102). Ambillah (wahai Muhammad) dari harta mereka bahagian sedekah yang membersihkan diri mereka dan menyuburkan harta mereka dan berdo'alah ke atas mereka. Sesungguhnya do'amu itu memberi ketenteraman kepada mereka. Dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui(103). Tidakkah mereka mengetahui bahawa Allah berhak menerima taubat dari para hamba-Nya dan menerima sedekah. Dan sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat dan Maha Pengasih(104). Dan katakanlah: Bekerjalah kamu, Allah dan Rasul-Nya serta para Mu'minin akan melihat pekerjaan kamu itu dan kamu akan dikembalikan kepada Allah yang mengetahui segala urusan yang ghaib dan segala urusan yang nyata dan Dialah yang akan memberitakan kepada kamu segala apa yang dilakukan kamu(105). Dan ada pula golongan lain yang ditangguhkan hukuman (terhadap mereka) kepada keputusan Allah sama ada Dia meng'azabkan mereka atau menerima taubat mereka dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(106)

Yang nampak jelas ialah klasifikasi ini diturunkan oleh ayat-ayat ini selepas golongan angkatan perang kaum Muslimin kembali dari Tabuk dan selepas penampilan alasan-alasan keuzuran yang dilakukan oleh kaum Munafiqin dan kaum Mu'minin yang mengelakkan diri dari jihad sama ada mereka yang mengemukakan alasan keuzuran mereka dengan jujur dan benar atau mereka yang menambatkan diri mereka di tiang masjid hingga ikatannya di buka oleh Rasulullah s.a.w. sendiri, juga termasuk mereka yang tidak mengemukakan sebarang alasan keuzuran kerana mengharapkan bahawa Allah akan menerima taubat mereka kerana mereka bercakap benar. Mereka terdiri dari tiga orang yang tidak ikut berperang bersama Rasulullah s.a.w. dan mereka belum lagi menerima sebarang hukuman sehingga Allah menerima taubat mereka sebagaimana akan diterangkan nanti. Kumpulan-kumpulan ini merupakan jenis-jenis insan yang berada di sekeliling pergerakan da'wah Islamiyah di Semenanjung Tanah Arab selepas tercetus Peperangan Tabuk.

Di sini Allah S.W.T. telah mendedahkan seluruh kawasan bumi pergerakan da'wah Islamiyah dengan segala penghuninya kepada Rasulullah s.a.w. dan kepada angkatan para Mu'minin yang tulen yang ada bersama beliau. Pendedahan mutakhir yang lengkap ini dibuat di sa'at-sa'at menghampiri perjalanan akhir dalam pusingan pertama perjalanan agama ini di tempat lahirnya yang pertama sebelum berlepas ke seluruh muka bumi membawa perisytiharan umumnya bahawa 'Ubudiyah dan keta'atan hanya tertentu kepada Allah sahaja serta berjuang membebaskan umat manusia di muka bumi ini dari 'Ubudiyah kepada sesama manusia dalam, segala bentuk dan rupanya.

Sebelum bertolak dan bertindak, pergerakan Islamiyah perlu melihat dan meninjau bumi perjuangannya dengan segala jenis manusia yang ada di sana. Pendedahan ini perlu pada setiap langkah perjuangan supaya para pejuangnya benar-benar mengetahui di manakah tempat mereka harus berpijak di setiap langkah perjalanan mereka.

Angkatan Teras Dan Perintis Dan Angkatan Yang Mengikut Jejak Langkah Mereka

وَٱلسَّٰبِقُونَ ٱلۡأَوَّلُونَ مِنَ ٱلۡمُهَٰجِرِينَ وَٱلۡأَنصَارِ وَٱلَّذِينَ ٱتَّبَعُوهُم بِإِحۡسَٰنٖ رَّضِيَ ٱللَّهُ عَنۡهُمۡ وَرَضُواْ عَنۡهُ وَأَعَدَّ لَهُمۡ جَنَّٰتٖ تَجۡرِي تَحۡتَهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدٗاۚ ذَٰلِكَ ٱلۡفَوۡزُ ٱلۡعَظِيمُ ١٠٠

"Dan angkatan perintis Islam yang pertama dari para Muhajirin dan Ansar, juga orang-orang yang mengikut mereka dengan sebaik-baiknya, maka Allah redha terhadap mereka dan mereka redha terhadap Allah. Allah telah menyediakan untuk mereka taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, di mana mereka hidup kekal abadi. Itulah kejayaan yang amat besar."(100)

Kelas kaum Muslimin yang terdiri dari tiga kumpulan, iaitu angkatan perintis dari kaum Muhajirin, angkatan perintis dari kaum Ansar dan angkatan Muslimin yang mengikut mereka dengan sebaik-baiknya, merupakan angkatan yang membentuk tapak asas yang kukuh bagi masyarakat Islam di Semenanjung Tanah Arab selepas penaklukan negeri Makkah sebagaimana telah kami jelaskan di dalam juzu' yang kesepuluh di dalam kata pengantarnya. Angkatan inilah yang menjadi teras yang memegang seluruh masyarakat ini baik dalam masa kesulitan mahupun di dalam masa kesenangan, tetapi ujian kesenangan dan kemewahan seringkali menjadi lebih sukar dan lebih merbahaya dari ujian kesusahan dan kesulitan.

Kami cenderung menganggapkan angkatan perintis kaum Muhajirin ialah golongan orang-orang Islam yang berhijrah ke Madinah sebelum Peperangan Badar begitu juga angkatan perintis dari kaum Ansar. Adapun angkatan Muslimin yang menurut mereka dengan sebaik-baiknya yang dimaksudkan oleh ayat ini yang memperkatakan tentang peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam masa Peperangan Tabuk ialah golongan Muslimin yang mengikuti perjalanan Muhajirin dan Ansar dan beriman seperti keimanan dua angkatan ini serta menunjukkan prestasi-prestasi perjuangan yang baik seperti mereka dan berjaya meningkat ke tahap keimanan mereka walaupun angkatan perintis ini melebihi mereka dengan sebab mereka lebih dulu berjuang dan menghadapi masa kesulitan sebelum berlakunya Peperangan Badar, iaitu masa kesulitan yang paling buruk (di dalam sejarah perjuangan Islam).

Di sana terdapat berbagai-bagai pendapat mengenai siapakah yang dikatakan angkatan perintis yang pertama dari kaum Muhajirin dan Ansar itu. Ada pendapat yang mengatakan bahawa mereka ialah golongan Muslimin yang berhijrah ke Madinah dan membantu perjuangan Islam sebelum Peperangan Badar. Ada yang berpendapat bahawa mereka ialah golongan Muslimin yang sempat mendirikan solat ke arah dua kiblat. Ada pula yang berpendapat bahawa mereka ialah golongan Muslimin yang menyertai Peperangan Badar. Ada yang berpendapat bahawa mereka ialah golongan Muslimin yang berpindah dan membantu perjuangan Islam sebelum perjanjian Hudaybiah dan seterusnya ada yang berpendapat bahawa mereka ialah golongan Muslimin yang turut serta di dalam Perjanjian ar-Ridhwan, tetapi mengikut pendapat kami, setelah meneliti fasa-fasa pembinaan masyarakat Islam dan pembentukan tahap-tahap keimanannya, bahawa asas perhitungan yang kami pegang itu adalah lebih kuat. Wallahu 'alam.

Barangkali di sini elok kami sebutkan kembali perenggan-perenggan yang telah kami huraikan di dalam juzu' yang kesepuluh mengenai fasa-fasa pembinaan masyarakat Islam dan pembentukan tahap-tahap keimanannya agar ia terbentang di hadapan mata paras pembaca juzu' ini, dan ia lebih baik dari semata-mata merujukkan pembaca kepada juzu' yang telah lepas supaya hakikat ini lebih akrab kepadanya, dan ia dapat melihat dan mengikuti perkembangan dan seterusnya dapat memahami klasifikasi terakhir masyarakat Islam yang dijelaskan di dalam ayat-ayat yang sedang kita hadapinya di sini:

"Pergerakan Islam lahir di Makkah di atas batu uji yang amat sulit. Sebaik sahaja jahiliyah – yang diwakili kaum Quraysy – menyedari bahaya yang sebenar, yang diancam oleh da'wah "لا إله إلا الله محمد رسول الله" yang melahirkan pemberontakan terhadap setiap kuasa dunia yang tidak diambil dari kuasa Allah dan penentangan terhadap setiap Taghut yang wujud di muka bumi serta mendorong manusia melarikan diri dari kuasa ini kepada kuasa Allah... sebaik sahaja jahiliyah menyedari bahaya yang serius dari kelompok pergerakan organik yang baru, yang dicetuskan oleh da'wah tauhid di bawah kepimpinan Rasulullah s.a.w., iaitu kelompok pergerakan yang menumpukan keta'atan dan kepatuhannya kepada Allah dan Rasul-Nya sejak hari pertama lagi dan menentang kepimpinan jahiliyah yang diwakili kaum Quraysy, di samping menentang undang-undang dan peraturan yang wujud di dalam jahiliyah ini.... sebaik sahaja jahiliyah yang diwakili pada mulanya oleh kaum Quraysy itu menyedari bahaya-bahaya tersebut, ia terus melancarkan penentangan yang membabi buta terhadap da'wah, kelompok dan kepimpinan yang baru ini. Segala senjata yang dimilikinya dalam bentuk mengadakan gangguan, tipu daya, fitnah, penindasan, helah dan muslihat telah ditumpukan kepada da'wah Islamiyah itu.

"Masyarakat jahiliyah secara mendadak bangkit mempertahankan diri dari bahaya yang mengancam kewujudannya. Ia menggunakan segala alat yang digunakan oleh setiap makhluk yang hidup untuk menyelamatkan diri dari bahaya maut. Ini adalah satu reaksi biasa yang tidak dapat dielak setiap kali munculnya da'wah yang memperjuangkan konsep Rububiyah Allah yang menguasai semesta alam dalam sebuah masyarakat jahiliyah yang berlandaskan prinsip Rububiyah kepada sesama manusia atau setiap kali munculnya da'wah baru dalam kelompok pergerakan yang baru, yang bergerak di bawah kepimpinan yang baru dan menentang kelompok jahiliyah yang lama dengan penentangan yang sama handal.

"Di waktu inilah setiap individu di dalam kelompok Islam yang baru itu terdedah kepada gangguan dan penindasan dalam segala bentuk dan ragam hingga seringkali sampai ke tahap menumpahkan darah. Pada masa ini tiada siapa yang sanggup membuat pengakuan لا إله إلا الله محمد رسول الله dan menggabungkan diri di dalam kelompok Islam yang baru lahir dan menyatakan keta'atannya kepada kepimpinan yang baru itu, kecuali mereka yang menyerahkan jiwa raga mereka kepada Allah dan bersedia untuk menghadapi gangguan, penindasan, kelaparan, pemencilan diri, penyeksaan dan pembunuhan hingga kadang-kadang sampai ke tahap yang paling buruk.

"Melalui pengalaman-pengalaman yang sedemikian, Islam dapat mewujudkan satu tapak yang kukuh yang terdiri dari individu-individu yang paling handal dan kuat di dalam masyarakat Arab di zaman itu. Adapun individu-individu yang tidak sanggup menghadapi tekanan-tekanan ini, mereka meninggalkan agama yang dianuti mereka dan kembali semula kepada jahiliyah, tetapi golongan ini sangat kecil, kerana seluruh risiko yang seperti ini memang diketahui umum sebelum ini. Oleh sebab itu dari awal-awal lagi tiada siapa yang sanggup berpindah dari jahiliyah kepada Islam dan menjalani jalan berduri yang penuh dengan bahaya yang

ditakuti itu melainkan individu-individu yang terpilih, istimewa dan unik sifatnya.

"Demikianlah Allah memilih angkatan perintis pertama kaum Muhajirin dari individu-individu yang unik dan cemerlang untuk menjadi tapak yang kukuh bagi agama Islam di Makkah, di samping menjadi tapak yang kukuh agama Islam selepas itu di Madinah bersama-sama angkatan perintis pertama kaum Ansar walaupun di peringkat awal mereka tidak digelarkan dengan istilah Ansar sebagaimana orang-orang yang berpindah ke Madinah di gelarkan kaum Muhajirin, namun kesanggupan mereka mengadakan Bai'ah al-'Aqabah dengan Rasulullah s.a.w. membuktikan bahawa mereka mempunyai sifat-sifat keperibadian yang tulen, yang sesuai dengan tabi'at agama Islam. Ujar Ibn Kathir di dalam tafsirnya: Dan kata Muhammad ibn Ka'b al-Qurazi dan lainnya: Ujar Abdullah ibn Rawahah r.a. kepada Rasulullah s.a.w. (iaitu pada malam Bai'ah al-'Aqabah): 'Kemukakan syarat-syarat yang dikehendaki anda untuk Tuhan anda dan diri anda'. Lalu beliau bersabda: "Syarat saya untuk Tuhan saya ialah kamu hendaklah mengabdikan diri kamu kepada-Nya dan janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan suatu apa, dan syarat untuk diri saya pula ialah kamu hendaklah mempertahankan diri saya sebagaimana kamu mempertahankan diri kamu dan harta benda kamu.' Lalu mereka bertanya: 'Apakah ganjaran untuk kami jika kami lakukan semuanya itu?' Jawab beliau: 'Syurga'. Lantas mereka berkata: 'Perjanjian ini amat menguntungkan kami, kami tidak akan membatal atau meminta dibatalkannya.'

"Kaum Ansar yang telah mengadakan bai'ah ini dengan Rasulullah s.a.w. tidak mengharapkan sesuatu yang lain di sebaliknya kecuali ganjaran Syurga. Mereka telah mengikatkan bai'ah itu dan mengumumkan bahawa mereka tidak akan membatalkan dan tidak pula akan menerima dibatalkan oleh Rasulullah s.a.w. Mereka berbuat begitu kerana mereka tahu bahawa mereka bukannya mengadakan satu perjanjian yang enteng, malah mereka yakin bahawa kaum Quraysy dan seluruh orang A'arab akan memusuhi mereka, mereka yakin bahawa selepas perjanjian itu, mereka tidak akan hidup damai dengan pendokong-pendokong jahiliyah yang bertapak kuat di sekeliling mereka di Semenanjung Tanah Arab dan di kalangan mereka di Madinah."

"Dari sini jelaslah bahawa kaum Ansar memang mengetahui segala risiko dari perjanjian ini. Mereka juga mengetahui bahawa mereka tidak dijanjikan apa-apa balasan di dunia ini dan menghadapi risiko-risiko ini walaupun dalam bentuk kemenangan mengalahkan musuh. Mereka tidak dijanjikan dengan sesuatu ganjaran yang lain dari ganjaran Syurga. Di samping itu cerita ini membuktikan sejauh mana kesedaran mereka terhadap Syurga dan sejauh mana keinginan mereka untuk hidup di dalam Syurga. Oleh sebab itu tidak syak lagi mereka tergolong sama dalam angkatan perintis pertama kaum Muhajirin yang telah membina dan menyediakan masyarakat ini. Mereka merupakan tapak dan teras yang kukuh bagi masyarakat Islam di peringkat ditegakkan di Madinah."

"Tetapi masyarakat Madinah tidak terus kekal bersih dan jernih kerana agama Islam telah tersebar di merata pelusuk Madinah menyebabkan sebilangan besar penduduknya yang kebanyakannya terdiri dari golongan yang mempunyai kedudukan di kalangan kaum mereka terpaksa mengikut langkah kaum mereka demi menjaga kedudukan di kalangan mereka sehingga apabila tercetus Peperangan Badar, maka pembesar mereka iaitu Abdullah ibn Ubay ibn Salul telah berkata: 'Perkara ini telah menentukan arahnya' lalu dia berpura-pura menganut agama Islam. Sudah tentu ramai di antara mereka telah dihanyut oleh arus itu lalu memeluk agama Islam secara ikut-ikutan sahaja walaupun mereka tidak bersikap Munafiq, tetapi mereka belum lagi memahami ajaran Islam yang sebenar dan belum lagi terterap dengan ciri-ciri Islam yang sejati. Situasi yang seperti ini telah mengakibatkan wujudnya ketidakpaduan dalam pembinaan masyarakat Madinah yang berpunca dari perbezaan tahap-tahap keimanan warga masyarakat."

"Di sinilah methodologi tarbiyah Al-Qur'an yang unik memulakan operasinya untuk mendidik berbagai-bagai anasir warga masyarakat Islam yang baru ini dan untuk berusaha membina semula keselarasan dan kesesuaian di antara tahap-tahap 'aqidah, tahap-tahap akhlak dan perilaku berbagai-bagai jenis warga dan manusia yang masuk ke dalam badan masyarakat yang baru itu.

"Apabila kita mengkaji surah-surah Madaniyah dengan tertib nuzulnya secara lebih kurang kita dapat melihat betapa besarnya usaha yang dicurahkan dalam operasi yang berterusan untuk meleburkan semula berbagai-bagai anasir manusia dalam masyarakat Islam terutama anasir-anasir yang terus masuk di dalam masyarakat ini walaupun di halang oleh kaum Quraysy yang degil yang telah berusaha menghasut setiap qabilah Arab yang tinggal di Semenanjung Tanah Arab, dan walaupun dihalang oleh orang-orang Yahudi yang telah berusaha mengemblengkan anasir-anasir yang menentang agama dan masyarakat yang baru ini. Situasi ini memerlukan kepada operasi-operasi melebur dan menyusun semula anasir-anasir di dalam masyarakat dalam bentuk yang berterusan, yang tidak mengenal lemah dan alpa walaupun sedetik.

"Walaupun seluruh usaha ini telah dilancarkan, namun gejala-gejala kelemahan, kemunafiqan, kesangsian, kebakhilan berkorban dengan jiwa raga dan harta benda dan ketakutan untuk menghadapi bahaya masih terus muncul dari semasa ke semasa terutama di masa-masa yang gawat dan terutama gejala-gejala ketidakjelasan 'aqidah yang memutuskan hubungan di antara seorang Muslim dengan kaum kerabatnya yang mendokong jahiliyah. Ayat-ayat Al-

Qur'an di dalam surah-surah yang berturut-turut mendedahkan kepada kita tabi'at gejala-gejala itu, di mana methodologi tarbiah Al-Qur'an cuba mengubatinya dengan berbagai-bagai uslub Rabbaniyah yang unik".

"Tetapi tapak masyarakat Islam di Madinah pada keseluruhannya masih lagi utuh, kerana ia ditegakkan di atas satu tapak yang kukuh dan bersih, iaitu tapak angkatan perintis Islam yang terdiri dari kaum Muhajirin dan Ansar yang telah melahirkan perpaduan yang kukuh dan menjadi teras yang kuat yang membolehkannya untuk menghadapi gejala-gejala kelemahan dan bahaya-bahaya yang lahir dari anasir-anasir (warga masyarakat yang baru) yang belum lagi sempurna menjalani proses peleburan, pematangan dan penyelarasannya.

"Sedikit demi sedikit anasir-anasir yang baru ini dilebur, dibersih dan diselaraskan dengan angkatan teras masyarakat, dan semakin hari semakin bertambah kurang bilangan anasir-anasir sumbang yang terdiri dari orang-orang yang bersemangat lemah, orang-orang Munafiqin, orang-orang yang teragak-agak dan takut-takut, juga orang-orang yang belum lagi mempunyai pandangan 'aqidah yang jelas dan sempurna yang dapat dijadikannya sebagai asas hubungan mereka dengan orang-orang lain (yang bukan Islam) sehingga tidak lama menjelang penaklukan negeri Makkah, masyarakat Islam hampir-hampir mencapai tahap keselarasan yang sempurna dengan angkatan yang kukuh dan bersih dan hampir-hampir pada keseluruhannya mencapai tahap contoh yang menjadi matlamat methodologi tarbiyah Rabbani yang unik itu.

"Namun begitu dalam masyarakat Islam di waktu itu masih terdapat darjat-darjat prestasi yang tidak sama yang dilahirkan oleh pergerakan 'aqidah itu sendiri, iaitu di sana muncul kumpulan-kumpulan Mu'min yang berbeza-beza darjat mereka dari kumpulan-kumpulan Mu'minin yang lain mengikut prestasi yang dicapai mereka di dalam pergerakan 'aqidah, juga mengikut senioriti dan ketabahan mereka di dalam perjuangan. Kumpulan-kumpulan yang mendapat darjat keutamaan ialah angkatan pertama kaum Muhajirin dan kaum Ansar, pejuang-pejuang yang menyertai Peperangan Badar, para sahabat yang mengambil bahagian di dalam perjanjian ar-Ridhwan di Hudaybiyah. Kemudian turut mendapat keutamaan secara umum ialah para dermawan yang menginfaqkan harta mereka untuk perjuangan fi Sabilillah sebelum penaklukan negeri Makkah serta turut ke medan pertempuran, kemudian datang nas-nas Al-Qur'an dan hadith-hadith Nabi di samping kedudukan-kedudukan amali mereka di dalam masyarakat Islam menguatkan darjat-darjat keutamaan ini, iaitu darjat-darjat keutamaan yang diwujud dan ditetapkan oleh pergerakan 'aqidah ....

"Walau bagaimanapun, namun perbezaan golongan-golongan ini dengan darjat-darjat keimanan mereka masing-masing yang dicetuskan oleh pergerakan Islam itu sama, sekali tidak menghalangkan jurang tahap-tahap keimanan yang berbeza-beza itu dari menjadi semakin bertambah dekat dan selaras di dalam masyarakat Madinah sebelum penaklukan negeri Makkah, juga tidak menghalangkan hilangnya sebahagian besar dari gejala-gejala ketidak paduan di dalam barisan Muslimin, dan sebahagian besar dari gejala-gejala kelemahan, semangat kesangsian, kebakhilan untuk berkorban jiwa raga dan harta benda, ketidakjelasan 'aqidah dan sikap hipokrit dari masyarakat Islam di Madinah, yang pada keseluruhannya dapat dianggap sebagai tapak Islam.

"Tetapi penaklukan negeri Makkah yang berlaku pada tahun yang kelapan Hijrah dan ekoran-ekorannya seperti kemasukan suku-suku Hawazin dan Thaqif di Ta'if ke dalam Islam, yang merupakan dua kekuatan kaum yang besar di Semenanjung Tanah Arab selepas kaum Quraysy menyebabkan masyarakat Islam kembali terdedah kepada curahan berbagai-bagai kelompok manusia baru yang begitu ramai. Mereka masuk ke dalam agama Islam dengan berbagai-bagai tahap keimanan. Ada yang menganut Islam dengan perasaan benci, ada yang berpura-pura menganut Islam (Munafiq), ada yang hanyut dan terikut-ikut masuk Islam kerana kedudukannya yang kuat dan menonjol, dan ada pula golongan muallaf yang belum terterap dengan hakikat-hakikat ajaran Islam yang pokok dan belum lagi sebati dengan roh Islam yang haqiqi..."

Dari petikan-petikan ini ternyata dengan jelas kepada kita kedudukan angkatan perintis Islam yang pertama yang terdiri dari kaum Muhajirin dan kaum Ansar serta orang-orang yang mengikut mereka dengan sebaik-baiknya selepas itu hingga berjaya mencapai tahap keimanan mereka dan tahap prestasi mereka di dalam pergerakan Islam. Dari petikan-petikan ini juga kita dapat memahami hakikat peranan mereka selanjutnya di dalam usaha pembinaan Islam dan usaha menterjemahkan Islam di dalam realiti amalan-amalan hidup yang berkesan di dalam sejarah umat manusia seluruhnya sebagaimana kita dapat melihat hakikat mereka yang dibayangkan Allah di dalam firman-Nya:

رَّضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ

"Allah redha terhadap mereka dan mereka redha terhadap Allah."

Keredhaan Yang Bertimbal-balik

Keredhaan Allah terhadap mereka ialah keredhaan yang diiringi ganjaran dan balasan yang baik. Keredhaan ini sendiri merupakan ganjaran dan balasan yang paling tinggi dan paling mulia. Keredhaan mereka terhadap Allah ialah kepercayaan

mereka yang kuat terhadap Allah S.W.T., keyakinan mereka kepada perencanaan-perencanaan Allah, sangkaan mereka yang baik terhadap qada' dan keputusan-keputusan Allah, kesyukuran mereka terhadap limpah kurnia Allah dan kesabaran mereka menghadapi ujian-ujian Allah. Pernyataan dengan ungkapan redha di sana sini melahirkan suasana keredhaan dan puas hati yang syumul, yang bertimbal balik, yang limpah dan datang pergi di antara Allah S.W.T. dengan golongan para hamba-Nya yang terpilih. Pernyataan ini mengangkatkan darjat golongan manusia pilihan itu hingga mereka dapat saling membalas keredhaan dengan Tuhan mereka Yang Maha Tinggi, sedangkan mereka hanya para hamba ciptaan-Nya sahaja. Itulah situasi-situasi keadaan dan suasana yang tidak dapat diungkapkan dengan susunan kata-kata manusia, tetapi ia dapat dicium dan dilihat dari celah-celah ayat Al-Qur'an dengan jiwa yang arif, hati yang terbuka dan tanggapan yang rapi.

Itulah keadaan mereka yang berterusan dengan Allah: "Allah redha terhadap mereka dan mereka redha terhadap Allah", dan di sana ada tanda bahawa keredhaan ini sedang menunggu mereka:

وَأَعَدَّ لَهُمْ جَنَّٰتٍ تَجْرِي تَحْتَهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ
فِيهَآ أَبَدًا ۚ ذَٰلِكَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ﴿١٠٠﴾

"Allah telah menyediakan untuk mereka taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, di mana mereka hidup kekal abadi. Itulah kejayaan yang amat besar."(100)

Maksudnya, manakah lagi balasan yang lebih besar dari keredhaan dan Syurga. Itulah tahap keimanan yang tinggi dan tandingannya ialah tahap keimanan yang berikut:

وَمِمَّنْ حَوْلَكُم مِّنَ ٱلْأَعْرَابِ مُنَٰفِقُونَ ۖ وَمِنْ أَهْلِ
ٱلْمَدِينَةِ ۖ مَرَدُوا۟ عَلَى ٱلنِّفَاقِ لَا تَعْلَمُهُمْ ۖ نَحْنُ نَعْلَمُهُمْ ۚ
سَنُعَذِّبُهُم مَّرَّتَيْنِ ثُمَّ يُرَدُّونَ إِلَىٰ عَذَابٍ عَظِيمٍ ﴿١٠١﴾

"Dan di antara orang-orang A'arab yang ada di sekeliling kamu terdapat orang-orang Munafiqin dan golongan ini juga terdapat di dalam kalangan penduduk Madinah. Mereka tetap berdegil dengan sikap Munafiq itu. Kamu tidak mengenali mereka, tetapi Kami mengenali mereka. Kami akan menyeksakan mereka dua kali kemudian mereka akan dikembalikan kepada azab yang amat besar."(101)

Golongan Munafiqin Yang Pintar

Huraian dan pendedahan mengenai kaum Munafiqin umumnya telah pun dijelaskan sebelum ini sama ada golongan Munafiqin dari penduduk Madinah atau golongan Munafiqin dari orang-orang A'arab, tetapi huraian yang dikemukakan oleh ayat ini di sini ialah mengenai sekumpulan Munafiqin yang khusus, iaitu sekumpulan Munafiqin yang sangat pintar, degil dan licin mengaturkan tindak-tanduk mereka hingga pergerakan mereka terlindung dari perhatian Rasulullah s.a.w. walaupun beliau mempunyai firasat yang begitu tajam dan pengalaman yang begitu luas. Bagaimana boleh berlaku?

Allah S.W.T. menjelaskan bahawa kumpulan Munafiqin ini terdapat dalam kalangan penduduk Madinah dan kalangan orang-orang A'arab yang berada di sekitar kota Madinah dan sekaligus meyakinkan Rasulullah s.a.w. dan para Mu'minin yang ada bersama beliau bahawa mereka akan terus terselamat dari angkara dan tipu daya kumpulan Munafiqin yang licin dan pintar ini. Dan di samping itu juga Allah memberi amaran kepada kumpulan Munafiqin yang licin dan pintar ini bahawa Dia tidak akan membiarkan mereka, malah akan mengazabkan mereka dengan keseksaan yang berlipat ganda di dunia dan Akhirat:

لَا تَعْلَمُهُمْ ۖ نَحْنُ نَعْلَمُهُمْ ۚ سَنُعَذِّبُهُم مَّرَّتَيْنِ ثُمَّ
يُرَدُّونَ إِلَىٰ عَذَابٍ عَظِيمٍ ﴿١٠١﴾

"Kamu tidak mengenali mereka, tetapi Kami mengenali mereka. Kami akan menyeksakan mereka dua kali kemudian mereka akan dikembalikan kepada azab yang amat besar."(101)

Azab keseksaan dua kali itu akan ditimpakan ke atas mereka di dunia. Pentafsiran yang lebih dekat mengenai dua kali keseksaan ini ialah keseksaan kegelisahan dan kecemasan yang dialami mereka kerana takut terbuka tembelang mereka di dalam masyarakat Islam dan keseksaan menghadapi maut, di mana roh mereka di soal, muka dan punggung mereka dibelasah oleh malaikat. Atau itulah keseksaan perasaan kecewa dan hina yang mengazabkan mereka kerana kemenangan kaum Muslimin dan keseksaan perasaan takut terbuka rahsia hipokrit mereka dan takut ditindakkan dengan peperangan yang berat. Wallahu 'alam.

Di antara dua tahap keimanan yang bertentangan itu terdapat pula dua tahap yang terletak di antara keduanya. Pertama:

وَءَاخَرُونَ ٱعْتَرَفُوا۟ بِذُنُوبِهِمْ خَلَطُوا۟ عَمَلًا صَٰلِحًا
وَءَاخَرَ سَيِّئًا عَسَى ٱللَّهُ أَن يَتُوبَ عَلَيْهِمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ
غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٠٢﴾

خُذْ مِنْ أَمْوَٰلِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِم بِهَا وَصَلِّ
عَلَيْهِمْ ۖ إِنَّ صَلَوٰتَكَ سَكَنٌ لَّهُمْ ۗ وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

أَلَمْ يَعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ هُوَ يَقْبَلُ ٱلتَّوْبَةَ عَنْ عِبَادِهِۦ وَيَأْخُذُ ٱلصَّدَقَٰتِ وَأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٠٤﴾ وَقُلِ ٱعْمَلُوا۟ فَسَيَرَى ٱللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُۥ وَٱلْمُؤْمِنُونَ ۖ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عَٰلِمِ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾

"Dan ada pula golongan lain yang mengakui dosa-dosa mereka. Mereka telah mencampurkan amalan-amalan yang baik dengan amalan-amalan yang jahat. Semoga Allah menerima taubat mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(102). Ambillah (wahai Muhammad) dari harta mereka bahagian sedekah yang membersihkan diri mereka dan menyuburkan harta mereka dan berdo'alah terhadap mereka. Sesungguhnya do'amu itu memberi ketenteraman kepada mereka. Dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui(103). Tidakkah mereka mengetahui bahawa Allah berhak menerima taubat dari para hamba-Nya dan menerima sedekah. Dan sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat dan Maha Pengasih(104). Dan katakanlah: Bekerjalah kamu, Allah dan Rasul-Nya serta para Mu'minin akan melihat pekerjaan kamu itu dan kamu akan dikembalikan kepada Allah yang mengetahui segala urusan yang ghaib dan segala urusan yang nyata dan Dialah yang akan memberitakan kepada kamu segala apa yang dilakukan kamu."(105)

Arahan Allah kepada Rasul-Nya supaya melakukan suatu tindakan yang tertentu ke atas kumpulan ini membuktikan bahawa kumpulan ini suatu kumpulan yang telah ditentukan dengan orang-orangnya kepada Rasulullah s.a.w. sebagaimana yang dapat difaham dari zahir keterangan ayat-ayat ini.

Mengikut riwayat, ayat-ayat ini telah diturunkan mengenai satu kumpulan khas yang tertentu yang terdiri dari mereka yang tidak ikut berperang bersama Rasulullah s.a.w. di dalam Peperangan Tabuk kemudian mereka mengalami tekanan dosa perbuatan mereka lalu mereka mengakui dosa-dosa mereka dan mengharapkan Allah menerima taubat mereka. Mereka ponteng dari berperang dan itulah amalan mereka yang jahat, mereka menyesal dan bertaubat dan itulah amalan mereka yang baik.

Ujar Abu Ja'afar ibn Jarir at-Tabari: Saya telah diceritakan dari al-Husin ibn al-Farj katanya: Saya dengar Abu Mu'az berkata: Kami telah dikhabarkan oleh Ubayd ibn Salman katanya: Saya dengar adh-Dhahak berkata mengenai firman Allah:

وَءَاخَرُونَ ٱعْتَرَفُوا۟ بِذُنُوبِهِمْ خَلَطُوا۟ عَمَلًا صَٰلِحًا وَءَاخَرَ سَيِّئًا

"Dan ada pula golongan lain yang mengakui dosa-dosa mereka. Mereka telah mencampurkan amalan-amalan yang baik dengan amalan-amalan yang jahat."(102)

Cerita Abu Lubabah Dan Sahabat-sahabatnya

Katanya ayat ini diturunkan kerana Abu Lubabah dan rakan-rakannya. Mereka tidak ikut berperang bersama Nabi s.a.w. di dalam Peperangan Tabuk. Apabila Rasulullah s.a.w. berangkat pulang dari medan peperangan dan berada berhampiran dengan kota Madinah, mereka menyesali perbuatan mereka yang ponteng dari berjihad bersama Rasulullah seraya berkata: "Sebenarnya kita tidak patut tinggal di tempat yang teduh meni'mati aneka makanan dan perempuan, sedangkan Nabi Allah berada di medan peperangan dan kesusahan. Demi Allah kita akan ikatkan diri kita di tiang-tiang masjid dan kita tidak akan lepaskan diri kita sehingga Nabi Allah s.a.w. sendiri melepaskan kita dan memaafkan kita". Lalu mereka mengikatkan diri kecuali tiga orang sahaja yang tidak ikut mengikat diri mereka. Apabila Rasulullah s.a.w. pulang dari medan peperangan dan lalu di masjid dan melihat mereka, beliau pun bertanya? Siapa mereka, "Lalu diceritakan kepada beliau, "Itulah Abu Lubabah dan rakan-rakannya yang tidak ikut berperang bersama anda. Wahai Rasulullah, mereka sendiri yang mengikatkan diri mereka sebagaimana yang anda lihat. Mereka telah berjanji dengan Allah bahawa mereka tidak akan melepaskan diri mereka sehingga anda sendiri yang melepaskan mereka". Jawab Nabi Allah s.a.w., "Aku tidak dapat melepaskan mereka sehingga aku diperintah melepaskan mereka dan aku tidak dapat memaafkan mereka sehingga Allah sendiri memaafkan mereka, kerana mereka sendiri yang tidak suka ikut berperang bersama kaum Muslimin". Lalu Allah menurunkan ayat:

وَءَاخَرُونَ ٱعْتَرَفُوا۟ بِذُنُوبِهِمْ خَلَطُوا۟ عَمَلًا صَٰلِحًا وَءَاخَرَ سَيِّئًا عَسَى ٱللَّهُ أَن يَتُوبَ عَلَيْهِمْ ۚ

"Dan ada pula golongan lain yang mengakui dosa-dosa mereka. Mereka telah mencampurkan amalan-amalan yang baik dengan amalan-amalan yang jahat semoga Allah menerima taubat mereka."(102)

Kata-kata "عسى" atau "semoga" dari Allah itu bermakna wajib atau tetap, yakni Allah tetap menerima taubat mereka. Kemudian Nabi Allah melepaskan mereka dan memaafkan mereka.

Di samping itu di sana terdapat berbagai-bagai riwayat yang lain mengenai sebab nuzulnya ayat ini. Di antaranya ialah riwayat yang mengatakan bahawa ayat ini diturunkan kerana Abu Lubabah seorang sahaja, kerana di dalam peperangan Bani Quraizah, Abu Lubabah mengingatkan mereka (orang-orang Yahudi) bahawa mereka akan disembelih dengan menggunakan isyarat pada lehernya, tetapi riwayat ini ditolak, kerana bagaimana mungkin ayat-ayat ini bertujuan menceritakan apa yang telah berlaku kepada Bani Quraizah. Begitu juga di sana terdapat riwayat yang mengatakan ayat ini diturunkan kerana

orang-orang A'arab. Ibn Jarir telah mengulaskan riwayat-riwayat ini semuanya dengan katanya:

"Pendapat yang lebih betul di antara riwayat-riwayat itu ialah pendapat yang mengatakan bahawa ayat ini diturunkan kerana satu kumpulan yang telah mengaku kesalahan terhadap perbuatan mereka yang tidak ikut berperang bersama Rasulullah s.a.w. dalam peperangan melawan bala tentera Roman apabila beliau berangkat ke Tabuk, dan orang-orang yang diturunkan ayat ini kerana mereka adalah terdiri dari satu kumpulan dan salah seorang dari mereka ialah Abu Lubabah.

"Sebab kami berkata pendapat ini lebih betul ialah kerana Allah S.W.T. telah berfirman:

وَءَاخَرُونَ ٱعْتَرَفُوا۟ بِذُنُوبِهِمْ

"Dan ada pula golongan lain yang mengakui dosa-dosa mereka."

"Dalam ayat ini Allah menceritakan tentang satu kumpulan yang telah mengaku melakukan kesalahan-kesalahan mereka dan orang yang mengaku bersalah dan mengikatkan diri di tiang masjid dalam peristiwa kepungan Bani Quraizah itu bukannya Abu Lubabah seorang sahaja dan jika begitulah kedudukannya dan ditambah pula dengan keterangan Allah "dan ada pula golongan lain yang mengakui dosa-dosa mereka" yang menjelaskan adanya satu kumpulan yang telah mengaku membuat kesalahan, maka dapatlah difaham bahawa kumpulan yang diceritakan Allah itu bukannya seorang sahaja, malah ternyata bahawa keterangan itu ialah mengenai satu kumpulan dan tiada kumpulan lain yang melakukan perbuatan itu mengikut nukilan ahli sejarah dan peristiwa dan mengikut kata sepakat ahli ta'wil kecuali kumpulan yang ponteng dari menyertai Peperangan Tabuk, maka di sini ternyatalah bahawa apa yang kami katakan itu adalah benar, di mana kami tegaskan salah seorang dari kumpulan itu ialah Abu Lubabah, kerana wujudnya kata sepakat ahli ta'wil dalam persoalan ini."

Setelah Allah menyebut sifat kumpulan orang-orang ponteng yang meminta maaf dan bertaubat, maka Allah iringi pula dengan firman-Nya:

عَسَى ٱللَّهُ أَن يَتُوبَ عَلَيْهِمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٠٢﴾

"Semoga Allah menerima taubat mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(102)

Mengikut ibn Jarir "kata-kata semoga dari Allah itu bererti tetap atau wajib". Ia merupakan harapan kepada Allah yang berkuasa memenuhi harapan. Maha Suci Allah! Pengakuan bersalah yang dilakukan sedemikian rupa dan kesedaran terhadap tekanan perasaan bersalah merupakan bukti bahawa hati mereka hidup dan peka, dan kerana itulah taubat mereka mempunyai harapan diterima Allah dan permohonan keampunan mereka dapat diharap diperkenankan Allah Yang Maha Pengampun dan Maha Penyayang. Dan sememangnya Allah telah menerima taubat mereka dan mengampunkan kesalahan mereka.

Kemudian Allah memerintah Nabi-Nya s.a.w.:

خُذْ مِنْ أَمْوَٰلِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِم بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ ۖ إِنَّ صَلَوٰتَكَ سَكَنٌ لَّهُمْ ۗ وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

"Ambillah (wahai Muhammad) dari harta mereka bahagian sedekah yang membersihkan diri mereka dan menyuburkan harta mereka dan berdo'alah terhadap mereka. Sesungguhnya do'amu itu memberi ketenteraman kepada mereka. Dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(103)

Kepekaan yang membangkitkan penyesalan dan keinginan bertaubat di dalam hati kumpulan itu adalah layak diberi keyakinan dan wajar dikurniakan simpati yang mencurahkan hasrat dan cita-cita dan membuka pintu harapan kepada mereka ... walaupun Rasulullah s.a.w. selaku pemimpin pergerakan, pendidik umat dan penegak peraturan telah memutuskan untuk menunjukkan sikap yang tegas terhadap perbuatan mereka sehingga datang kepada beliau perintah yang tertentu dari Allah mengenai mereka.

Ujar Ibn Jarir: Saya telah diceritakan oleh Muhammad ibn Sa'ad katanya: Saya telah diceritakan oleh bapa saya katanya: Saya telah diceritakan oleh bapa saudara saya katanya: Saya telah diceritakan oleh bapa saya dari bapanya dari Ibn Abbas katanya: Apabila Rasulullah s.a.w. membebaskan Abu Lubabah dan dua orang rakannya,[2] mereka pun balik lalu membawa harta kepada Rasulullah s.a.w. seraya berkata: "Ambillah harta kami ini dan dermakannya bagi pihak kami serta do'akanlah ke atas kami". Kemudian mereka berkata lagi: "Pohonkanlah keampunan Allah kepada kami dan bersihkan diri kami!" Jawab Rasulullah s.a.w. "Saya tidak boleh mengambil sedikit pun dari harta ini sehingga saya diperintah oleh Allah". Lalu Allah menurunkan ayat:

خُذْ مِنْ أَمْوَٰلِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِم بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ ۖ إِنَّ صَلَوٰتَكَ سَكَنٌ لَّهُمْ ۗ

"Ambillah (wahai Muhammad) dari harta mereka bahagian sedekah yang membersihkan diri mereka dan menyuburkan harta mereka dan berdo'alah ke atas mereka. Sesungguhnya do'amu itu memberi ketenteraman kepada mereka"(103)

---

2 *Mengikut riwayat yang lain tiga orang dan satu riwayat lagi tujuh orang. Ada pula riwayat yang mengatakan sepuluh orang dan tiga orang dari mereka tidak mengikatkan diri di tiang masjid.*

Lalu beliau pun berdo'a, "Ya Allah, aku pohon kepada-Mu keampunan terhadap kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan mereka".

Setelah turun ayat ini Rasulullah s.a.w. telah mengambil sebahagian dari harta mereka dan menyedekahkannya bagi pihak mereka.

Demikianlah Allah S.W.T. mengurniakan keampunan kepada mereka kerana kebaikan hati dan keikhlasan taubat mereka dan memerintah Rasul-Nya s.a.w. supaya mengambil sebahagian dari harta mereka untuk dijadikan sedekah bagi pihak mereka, juga supaya memanjatkan do'a yang baik terhadap mereka, kerana pengertian asal kata-kata "الصلاة" ialah do'a. Hikmat menerima sedekah dari mereka ialah untuk mengembalikan rasa keanggotaan mereka yang sempurna di dalam masyarakat Islam, dalam ertikata mereka sanggup turut serta memikul kewajipan-kewajipan dan bebanan-bebanan masyarakat dan dalam ertikata mereka tidak dibuang dan disingkirkan dari masyarakat. Kesediaan mereka menghulurkan derma sukarela merupakan suatu amalan yang membersihkan diri mereka dan menyuburkan (harta) mereka, dan kesan dari do'a Rasulullah s.a.w. terhadap mereka ialah memberi ketenteraman dan ketenangan kepada mereka.

"Dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui"(103)

Maksudnya, Allah mendengar do'a para hamba-Nya dan mengetahui kandungan isi hati mereka. Dan Allah membuat keputusan-Nya mengikut apa yang didengar dan yang diketahui-Nya dan keputusan-Nya merupakan keputusan hakim Yang Maha Mendengar dan Maha Mengetahui. Dialah sahaja yang berhak membuat keputusan-keputusan terhadap para hamba-Nya, kerana itulah Dia yang berhak menerima taubat dan harta sedekah mereka, sedangkan tugas Rasulullah s.a.w. hanya melaksanakan perintah Allah bukannya membuat keputusan-keputusan itu dari pendapat dirinya sendiri. Untuk menjelaskan hakikat ini Allah menyampaikan firman-Nya di dalam ayat yang berikut:

أَلَمْ يَعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ هُوَ يَقْبَلُ ٱلتَّوْبَةَ عَنْ عِبَادِهِۦ وَيَأْخُذُ ٱلصَّدَقَٰتِ وَأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٠٤﴾

"Tidakkah mereka mengetahui bahawa Allah berhak menerima taubat dari para hamba-Nya dan menerima sedekah. Dan sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat dan Maha Pengasih?"(104)

Inilah pernyataan dalam bentuk pertanyaan yang bererti hendaklah mereka mengetahui bahawa hanya Allah yang berhak menerima taubat dan menerima sedekah. Dialah sahaja yang berkuasa menerima taubat dan memberi rahmat kepada hamba-Nya dan tiada suatu pun dari kuasa itu dimiliki oleh yang lain dari Allah. Justeru itulah Rasulullah s.a.w. enggan melepaskan kumpulan yang ponteng berperang bersama beliau dari tali yang mengikatkan mereka di tiang-tiang masjid, juga enggan menerima sedekah mereka setelah Allah mengizinkan beliau membebaskan mereka. Beliau bertindak begitu kerana kuasa itu bukan terletak di tangannya. Hanya Allah sahaja yang berhak bertindak begitu bukannya beliau. Tugas beliau hanya menjunjung perintah Allah sama ada menerima sedekah atau tidak menerima, sama ada membebas atau tidak membebas mereka dan sebagainya dari tindakan-tindakan beliau yang lain. Semuanya dilakukan beliau atas perintah Allah. Demikianlah kata Ibn Jarir.

Pada akhirnya Allah tujukan ayat yang berikut kepada kumpulan ponteng jihad yang telah bertaubat itu:

وَقُلِ ٱعْمَلُوا۟ فَسَيَرَى ٱللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُۥ وَٱلْمُؤْمِنُونَ ۖ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عَٰلِمِ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾

"Dan katakanlah: Bekerjalah kamu, Allah dan Rasul-Nya serta para Mu'minin akan melihat pekerjaan kamu itu, dan kamu akan dikembalikan kepada Allah yang mengetahui segala urusan yang ghaib dan segala urusan yang nyata dan Dialah yang akan memberitakan kepada kamu segala apa yang dilakukan kamu."(105)

Ini ialah kerana sistem hidup Islam ialah sistem hidup yang berpijak di bumi kenyataan. Ia tidak cukup dengan perasaan dan niat sahaja selagi ia tidak berubah kepada pergerakan yang wujud di alam kenyataan. Niat yang baik itu memang mempunyai tempatnya yang wajar, tetapi niat itu sendiri bukannya wadah hukuman dan balasan, malah niat dikira bersama tindakan dan amalan kerana niatlah yang menentukan nilai amalan itu. Inilah maksud hadith:

إنما الأعمال بالنيات

"Segala amalan itu hanya dinilaikan dengan niat."

Jadi yang pokoknya ialah amalan dan tindakan bukannya semata-mata niat.

* * * * * *

Golongan kedua ialah golongan yang belum lagi diputuskan kedudukan mereka, dan nasib mereka adalah terserah kepada keputusan Allah:

وَءَاخَرُونَ مُرْجَوْنَ لِأَمْرِ ٱللَّهِ إِمَّا يُعَذِّبُهُمْ وَإِمَّا يَتُوبُ عَلَيْهِمْ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١٠٦﴾

"Dan ada pula golongan lain yang ditangguhkan hukuman (terhadap mereka) kepada keputusan Allah sama ada Dia

mengazabkan mereka atau menerima taubat mereka dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(106)

Mereka merupakan golongan terakhir dari kumpulan yang ponteng berjihad di dalam Peperangan Tabuk yang bukan dari golongan Munafiqin, golongan yang meminta maaf, mengaku bersalah dan bertaubat. Golongan ini belum lagi diputuskan kedudukannya sehingga turunnya ayat ini.

Kisah Tiga Rakan Sejawat Yang Ponteng

Nasib kedudukan mereka terserah kepada Allah yang masih tidak diketahui mereka, juga masih tidak diketahui oleh orang ramai. Menurut riwayat, ayat ini diturun kerana tiga orang yang ponteng dari Peperangan Tabuk, iaitu ia diturun dengan tujuan untuk mengumumkan taubat mereka dan keputusan Allah tentang kedudukan mereka. Mereka yang terbabit ialah Mararah ibn ar-Rabi', Ka'ab ibn Malik dan Hilal ibn Umayah. Mereka telah mengelak diri dari menyertai Peperangan Tabuk kerana malas dan ingin bersenang-senang dan beristirehat di bawah bayangan teduh dari cuaca panas terik di tengahari pada masa itu. Di samping itu mereka mempunyai suatu keperihalan dengan Rasulullah s.a.w. yang akan dihuraikan dengan terperinci di tempatnya nanti di dalam pelajaran yang akan datang.

Menurut riwayat Ibn Jarir dengan isnadnya dari ibn Abbas katanya: Apabila turun ayat:

خُذْ مِنْ أَمْوَٰلِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِم بِهَا

"Ambillah (wahai Muhammad) dari harta mereka bahagian sedekah yang membersihkan diri mereka"

maka Rasulullah s.a.w. terus mengambil harta mereka, iaitu harta Abu Lubabah dan dua orang rakannya dan mensedekahkan harta itu bagi pihak mereka. Sedangkan tiga orang lagi yang tidak mengikut langkah Abu Lubabah dan tidak mengikatkan diri mereka di tiang masjid ditinggalkan begitu sahaja tanpa disebut apa-apa mengenai kedudukan mereka. Tidak ada ayat yang diturun untuk memaafkan mereka dan ini menyebabkan mereka berada dalam keadaan gelisah dan serba salah hingga bumi yang luas dirasakan sempit. Merekalah orang-orang yang dimaksudkan di dalam ayat yang berikut:

"Dan ada pula golongan lain yang ditangguhkan hukuman (terhadap mereka) kepada keputusan Allah sama ada Dia mengazabkan mereka atau menerima taubat mereka dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(106)

Orang ramai mengira kumpulan ini akan binasa jika tidak ada ayat yang diturunkan untuk memaafkan mereka, dan setengah-setengahnya pula berharap semoga Allah memberi keampunan kepada mereka. Oleh sebab itu mereka merupakan kumpulan yang menunggu keputusan Allah hingga pada akhirnya turunlah ayat yang berikut:

لَّقَد تَّابَ ٱللَّهُ عَلَى ٱلنَّبِىِّ وَٱلْمُهَٰجِرِينَ وَٱلْأَنصَارِ ٱلَّذِينَ ٱتَّبَعُوهُ فِى سَاعَةِ ٱلْعُسْرَةِ

"Sesungguhnya Allah telah mengurniakan taubat ke atas Nabi, para Muhajirin dan para Ansar yang keluar mengikutinya di sa'at yang gawat".

(mereka keluar bersama beliau menuju ke negeri Syam).

مِنۢ بَعْدِ مَا كَادَ يَزِيغُ قُلُوبُ فَرِيقٍ مِّنْهُمْ ثُمَّ تَابَ عَلَيْهِمْ ۚ إِنَّهُۥ بِهِمْ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١١٧﴾

"Setelah hati segolongan dari mereka hampir-hampir menyeleweng kemudian Allah menerima taubat ke atas mereka. Sesungguhnya Allah Maha Penyayang dan Maha Pengasih."(117)

Kemudian Allah berfirman.

وَعَلَى ٱلثَّلَٰثَةِ ٱلَّذِينَ خُلِّفُوا۟

"Dan mengurniakan taubat ke atas tiga orang yang telah ditangguhkan keputusan terhadap mereka"(118)

(iaitu orang-orang yang menunggu keputusan Allah kemudian diturunkan taubat yang merangkumi mereka, dan penderitaan mereka telah diperikan Allah).

حَتَّىٰٓ إِذَا ضَاقَتْ عَلَيْهِمُ ٱلْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ وَضَاقَتْ عَلَيْهِمْ أَنفُسُهُمْ وَظَنُّوٓا۟ أَن لَّا مَلْجَأَ مِنَ ٱللَّهِ إِلَّآ إِلَيْهِ ثُمَّ تَابَ عَلَيْهِمْ لِيَتُوبُوٓا۟ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١١٨﴾

"Sehingga bumi yang luas menjadi sempit kepada mereka dan hati mereka juga dirasa begitu picik dan mereka yakin tiada tempat perlindungan dari kemurkaan Allah melainkan kembali kepada-Nya. Kemudian Allah mengurniakan taubat ke atas mereka supaya mereka sentiasa bertaubat. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat dan Maha Pengasih."(118)

(Riwayat yang sama juga telah diriwayatkan dengan isnadnya dari Ikrimah dan dari Mujahid, juga dari adh-Dhahak dan Qatadah dan seterusnya dari Ibn Ishaq) riwayat ini adalah lebih rajih. Wallahu 'alam.

Oleh sebab kedudukan golongan ini ditangguhkan, maka kami ingin menangguhkan pembicaraannya hingga sampai di tempatnya, Insya Allah.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 107 - 110)

وَٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُواْ مَسۡجِدٗا ضِرَارٗا وَكُفۡرٗا وَتَفۡرِيقَۢا
بَيۡنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ وَإِرۡصَادٗا لِّمَنۡ حَارَبَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ
مِن قَبۡلُۚ وَلَيَحۡلِفُنَّ إِنۡ أَرَدۡنَآ إِلَّا ٱلۡحُسۡنَىٰۖ
وَٱللَّهُ يَشۡهَدُ إِنَّهُمۡ لَكَٰذِبُونَ ١٠٧
لَا تَقُمۡ فِيهِ أَبَدٗاۚ لَّمَسۡجِدٌ أُسِّسَ عَلَى ٱلتَّقۡوَىٰ مِنۡ أَوَّلِ
يَوۡمٍ أَحَقُّ أَن تَقُومَ فِيهِۚ فِيهِ رِجَالٞ يُحِبُّونَ أَن
يَتَطَهَّرُواْۚ وَٱللَّهُ يُحِبُّ ٱلۡمُطَّهِّرِينَ ١٠٨
أَفَمَنۡ أَسَّسَ بُنۡيَٰنَهُۥ عَلَىٰ تَقۡوَىٰ مِنَ ٱللَّهِ وَرِضۡوَٰنٍ
خَيۡرٌ أَم مَّنۡ أَسَّسَ بُنۡيَٰنَهُۥ عَلَىٰ شَفَا جُرُفٍ هَارٖ فَٱنۡهَارَ
بِهِۦ فِي نَارِ جَهَنَّمَۗ وَٱللَّهُ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ١٠٩
لَا يَزَالُ بُنۡيَٰنُهُمُ ٱلَّذِي بَنَوۡاْ رِيبَةٗ فِي قُلُوبِهِمۡ إِلَّآ
أَن تَقَطَّعَ قُلُوبُهُمۡۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ١١٠

"Dan di antara mereka ada pula orang-orang yang mendirikan masjid dengan tujuan untuk menimbulkan kemudharatan (kepada orang-orang yang beriman), menegakkan kekufuran dan memecahbelahkan para Mu'minin, juga untuk dijadikan pengkalan intipan bagi mereka yang memerangi Allah dan Rasul-Nya sebelum ini. Mereka bersumpah: Tujuan kami tidak lain melainkan semata-mata untuk kebajikan. Sedangkan Allah menyaksi bahawa mereka adalah para pembohong(107). Janganlah engkau mendirikan solat di dalam masjid itu buat selama-lamanya. Sesungguhnya Masjid Quba' yang dibinakan di atas landasan taqwa sejak hari pertama lagi itu adalah lebih wajar engkau mendirikan solat di dalamnya, di mana terdapat orang-orang yang suka membersihkan diri dan Allah menyayangi orang-orang yang banyak membersihkan diri(108). Apakah orang yang mendirikan bangunannya di atas landasan taqwa dan keredhaan Allah itu lebih baik atau orang-orang yang mendirikan bangunannya di tepi jurang yang runtuh lalu bangunan itu roboh bersama dengannya ke dalam api Neraka Jahannam? Dan Allah tidak memberi hidayat kepada golongan orang-orang yang zalim(109). Bangunan yang dibinakan mereka terus menjadi punca keraguan di dalam hati mereka kecuali hati mereka putus (kerana mati). Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(110)

Kisah Pembinaan Masjid Dhirar

Kisah pembinaan Masjid Dhirar merupakan satu kisah yang menonjol di dalam Peperangan Tabuk. Oleh sebab itulah kumpulan Munafiqin yang membangunkan masjid ini diasingkan dari seluruh golongan Munafiqin yang lain dan diadakan satu pembicaraan khusus dan berasingan mengenai mereka setelah selesai membicarakan secara umum puak-puak dan golongan-golongan manusia yang wujud di dalam masyarakat Islam pada masa itu.

Ujar Ibn Kathir di dalam tafsirnya: Sebab nuzulnya ayat-ayat yang mulia ini ialah sebelum datangnya Rasulullah s.a.w. ke Madinah, di sana ada seorang lelaki dari kaum Khazraj yang bernama Abu 'Amir ar-Rahib atau (Abu 'Amir Paderi). Dia menganut agama Kristian dalam masa jahiliyah dan pandai membaca ilmu Ahlil-Kitab dan melakukan amalan ibadat secara Kristian di dalam jahiliyah. Ia mempunyai kedudukan yang terhormat di kalangan kaum Khazraj. Apabila Rasulullah s.a.w. berhijrah ke Madinah dan seluruh kaum Muslimin berkumpul di bawah kepimpinannya dan kedudukan Islam berada di tempat yang tinggi dan setelah Allah memberi kemenangan yang besar kepada kaum Muslimin di dalam Peperangan Badar, maka cahaya kegemilangan Abu 'Amir yang terkutuk itu menjadi malap dan secara terbuka ia bangkit menentang Rasulullah s.a.w. dan keluar melarikan diri dari Madinah dan bercantum dengan kafirin Makkah dari kaum Musyrikin Quraisy dan menyokong perjuangan mereka menentang Rasulullah s.a.w. Mereka bergabung dengan suku-suku Arab yang sehaluan dengan mereka dan datang ke Madinah pada tahun Peperangan Uhud, di mana kaum Muslimin telah menerima kekalahan di dalam peperangan itu. Allah 'Azzawajalla telah menguji mereka dan kesudahan yang baik akhirnya dicapai oleh golongan orang-orang yang bertaqwa. Abu 'Amir yang sesat ini telah menggali lubang-lubang parit di kawasan yang terletak di antara barisan Muslimin dan barisan kafirin menyebabkan Rasulullah s.a.w. terjatuh ke dalam salah satu lubang-lubang ini dan mendapat kecederaan pada hari itu. Muka beliau mendapat luka-luka, gigi depan bawahnya patah dan kepalanya pecah Salawatullah wa SalaamuHu 'alaihi. Di awal pertarungan itu Abu 'Amir tampil menemui kaumnya dari kaum Ansar lalu berbicara dengan mereka dan mengajak mereka supaya menyokong perjuangannya, tetapi apabila mereka mengetahui tujuan percakapannya, mereka terus berkata kepadanya: "Allah tidak akan memberi kesenangan kepada awak! Wahai si fasiq! Wahai seteru Allah!" Mereka terus mencaci dan memakinya! Dan menyebabkannya terpaksa pulang kembali seraya merungut: "Demi Allah, kaumku telah di timpa malapetaka selepas pemergianku!"

Rasulullah s.a.w. telah menyeru Abu 'Amir kepada agama Allah sebelum ia melarikan diri dan membaca kepadanya ayat-ayat Al-Qur'an, tetapi ia terus

melawan dan enggan menganut Islam, lalu Rasulullah s.a.w. berdo'a, kepada Allah agar Abu 'Amir mati terbuang di tempat yang jauh dan padah do'a beliau telah tertimpa di atasnya. Hal itu berlaku begini: Apabila Peperangan Uhud tamat dan Abu 'Amir melihat perjuangan Rasulullah s.a.w. bertambah kuat dan meningkat maju, ia terus berangkat menemui Heracclius Sri Maharaja Roman meminta bantuan baginda untuk melawan Rasulullah s.a.w., lalu baginda berjanji untuk menghantar bantuan itu dan memberi galakan yang memberangsangkannya. Ia tinggal di sana sebagai tamu di raja dah menulis surat kepada sekumpulan kaumnya dari orang-orang Ansar yang Munafiqin dan ragu-ragu terhadap da'wah Rasulullah, di mana ia menjanjikan mereka dan memberangsangkan mereka bahawa dia akan membawa satu angkatan tentera untuk memerangi dan mengalahkan Rasulullah s.a.w., juga untuk menyekat usaha da'wahnya. Di samping itu ia menyuruh mereka mengadakan satu markas, di mana orang-orang dari utusannya dapat pergi ke sana untuk menyampaikan surat-suratnya dan dalam satu masa yang sama ia dapat berfungsi sebagai pusat intipannya apabila dia pulang nanti kepada mereka selepas itu. Lalu mereka merancang mendirikan sebuah masjid yang berhampiran dengan Masjid Quba'. Kemudian mereka berusaha membangunkan masjid itu dengan binaan yang kukuh dan berjaya menyiapkannya sebelum Rasulullah s.a.w. keluar ke Tabuk. Kemudian mereka datang menemui Rasulullah s.a.w. dan menjemput beliau datang bersembahyang di masjid itu dengan alasan bahawa kedatangan beliau bersembahyang di masjid itu membuktikan persetujuan dan restu beliau terhadap pembinaannya. Mereka juga telah menyebut kepada beliau bahawa tujuan mereka membina masjid itu ialah untuk memberi kemudahan kepada orang-orang yang lemah dan orang-orang yang sakit dari kalangan mereka di malam-malam yang dingin. Tetapi Allah telah memelihara Rasulullah s.a.w. dari bersembahyang di masjid itu lalu beliau menjawab: "Sekarang kami sibuk bersiap untuk keluar bermusafir, tetapi selepas kami pulang nanti, insya Allah..." Apabila Rasulullah s.a.w. pulang dari Tabuk ke Madinah dan berada kira-kira sehari atau setengah hari lagi jarak perjalanannya ke Madinah, Jibril a.s. turun menyampaikan berita Masjid Dhirar yang digunakan oleh para pengasasnya sebagai pusat kekufuran dan memecah belah di antara kaum Muslimin yang bersembahyang di dalam masjid asal mereka, iaitu Masjid Quba' yang dibinakan dari awal-awal lagi di atas landasan taqwa, lalu Rasulullah s.a.w. menghantarkan orang-orangnya supaya meruntuhkan masjid itu sebelum beliau tiba di Madinah (demikianlah telah diriwayatkan dengan isnadnya dari ibn Abbas dari Sa'id ibn Jubayr, Marwah ibn az-Zubir dan Qatadah).

Inilah Masjid Dhirar yang Allah telah memerintah Rasul-Nya s.a.w. supaya jangan mendirikan solat di dalamnya dan supaya terus mendirikan solat di dalam masjid yang pertama iaitu Masjid Quba' yang dibina di atas landasan taqwa sejak hari pertama lagi dan yang menampung para Mu'minin yang gemar membersihkan diri, dan Allah amat menyayangi orang-orang yang membersihkan diri.

Inilah Masjid Dhirar yang telah digunakan di zaman Rasulullah s.a.w. sebagai pusat untuk memperdayakan Islam dan kaum Muslimin. Tujuan pembinaannya adalah semata-mata untuk merosakkan kaum Muslimin, untuk menyebarkan kekufuran terhadap Allah dan untuk melindungkan orang-orang yang mengaturkan komplot-komplot yang jahat terhadap kaum Muslimin di dalam gelap, juga untuk tujuan bekerjasama dengan musuh-musuh Islam dengan menggunakan tabir Islam.

Berbagai-bagai Bentuk Masjid Dhirar Di Zaman Moden

Masjid Dhirar ini masih terus mengambil berbagai-bagai bentuk yang lain, yang sesuai dengan kemajuan alat-alat media yang jahat yang digunakan oleh musuh-musuh Islam. Ia mengambil bentuk sesuatu aktiviti yang pada lahirnya memperjuangkan Islam dan pada batinnya menghancurkan Islam atau memburukkan imej Islam atau menggambarkannya dengan imej yang palsu, lemah dan tidak mantap. Ia mengambil bentuk institusi-institusi menyerang Islam atau ebtablisment-establisment yang memakai papan tanda agama dan berselindung di sebaliknya untuk menyerang Islam. Ia mengambil bentuk berbagai badan dan pertubuhan dan seterusnya ia mengambil bentuk buku-buku dan kajian-kajian yang memperkatakan tentang Islam dengan tujuan untuk melalaikan kumpulan Muslimin yang melihat Islam sedang disembelih dan dihancurkan. Badan-badan dan buku-buku inilah yang melalai dan mententeramkan mereka bahawa Islam berada di tempat yang baik dan tidak perlu ditakuti dan dibimbangi. Dan seterusnya ia mengambil berbagai-bagai bentuk yang lain lagi.

Kerana wujudnya Masjid-masjid Dhirar yang sebegitu banyak, maka ia perlu didedahkan kepada umum, perlu diturunkan papan-papan tandanya yang palsu dan perlu dijelaskan hakikatnya dan tujuan-tujuan jahat yang tersembunyi di sebaliknya. Kita perlu mencontohi pendedahan Masjid Dhirar yang dilakukan di zaman Rasulullah s.a.w. dengan penjelasan yang kuat dan terus terang: "Dan di antara mereka ada pula orang-orang yang mendirikan masjid dengan tujuan untuk menimbulkan kemudharatan (kepada orang-orang yang beriman), menegakkan kekufuran dan memecahbelahkan para Mu'minin, juga untuk dijadikan pengkalan intipan bagi mereka yang memerangi Allah dan Rasul-Nya sebelum ini. Mereka sanggup bersumpah! "Tujuan kami tidak lain melainkan semata-mata untuk kebajikan." Sedangkan Allah menyaksi bahawa mereka adalah para pembohong".

وَٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُواْ مَسْجِدًا ضِرَارًا وَكُفْرًا وَتَفْرِيقًۢا

بَيْنَ الْمُؤْمِنِينَ وَإِرْصَادًا لِّمَنْ حَارَبَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ مِن قَبْلُ ۚ وَلَيَحْلِفُنَّ إِنْ أَرَدْنَا إِلَّا الْحُسْنَىٰ ۖ وَاللَّهُ يَشْهَدُ إِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ ﴿١٠٧﴾

لَا تَقُمْ فِيهِ أَبَدًا ۚ لَّمَسْجِدٌ أُسِّسَ عَلَى التَّقْوَىٰ مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَن تَقُومَ فِيهِ ۚ فِيهِ رِجَالٌ يُحِبُّونَ أَن يَتَطَهَّرُوا ۚ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُطَّهِّرِينَ ﴿١٠٨﴾

أَفَمَنْ أَسَّسَ بُنْيَانَهُ عَلَىٰ تَقْوَىٰ مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانٍ خَيْرٌ أَم مَّنْ أَسَّسَ بُنْيَانَهُ عَلَىٰ شَفَا جُرُفٍ هَارٍ فَانْهَارَ بِهِ فِي نَارِ جَهَنَّمَ ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿١٠٩﴾

لَا يَزَالُ بُنْيَانُهُمُ الَّذِي بَنَوْا رِيبَةً فِي قُلُوبِهِمْ إِلَّا أَن تَقَطَّعَ قُلُوبُهُمْ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١١٠﴾

"Dan di antara mereka ada pula orang-orang yang mendirikan masjid dengan tujuan untuk menimbulkan kemudharatan (kepada orang-orang yang beriman), menegakkan kekufuran dan memecahbelahkan para Mu'minin, juga untuk dijadikan pengkalan intipan bagi mereka yang memerangi Allah dan Rasul-Nya sebelum ini. Mereka sanggup bersumpah: Tujuan kami tidak lain melainkan semata-mata untuk kebajikan. Sedangkan Allah menyaksi bahawa mereka adalah para pembohong(107). Janganlah engkau mendirikan solat di dalam masjid itu buat selama-lamanya. Sesungguhnya Masjid Quba' yang dibinakan di atas landasan taqwa sejak hari pertama lagi itu adalah lebih wajar engkau mendirikan solat di dalamnya, di mana terdapat orang-orang yang suka membersihkan diri dan Allah menyayangi orang-orang yang banyak membersihkan diri(108). Apakah orang yang mendirikan bangunannya di atas landasan taqwa dan keredhaan Allah itu lebih baik atau orang yang mendirikan bangunannya di tepi jurang yang runtuh lalu bangunan itu roboh bersama dengannya ke dalam api Neraka Jahannam? Dan Allah tidak memberi hidayat kepada golongan orang-orang yang zalim(109). Bangunan yang dibinakan mereka terus menjadi punca keraguan di dalam hati mereka kecuali hati mereka putus (kerana mati). Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(110)

Pengungkapan Al-Qur'an yang unik di sini telah melukiskan satu gambaran yang penuh dengan pergerakan yang menjelaskan nasib kesudahan setiap Masjid Dhirar yang dibangunkan berhampiran dengan Masjid at-Taqwa, dan tujuan pembinaannya ialah untuk merosakkan kaum Muslimin. Gambaran itu juga bertujuan mendedahkan matlamat setiap percubaan yang mengeliru, yang mendokong niat yang buruk di sebaliknya dan seterusnya bertujuan meyakinkan pejuang-pejuang Muslimin yang bersih agar terselamat dari segala tipu daya yang dirancangkan untuk mereka biarpun perancang-perancang yang jahat itu memakai pakaian-pakaian orang-orang yang berjuang untuk kebaikan:

أَفَمَنْ أَسَّسَ بُنْيَانَهُ عَلَىٰ تَقْوَىٰ مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانٍ خَيْرٌ أَم مَّنْ أَسَّسَ بُنْيَانَهُ عَلَىٰ شَفَا جُرُفٍ هَارٍ فَانْهَارَ بِهِ فِي نَارِ جَهَنَّمَ ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿١٠٩﴾

"Apakah orang yang mendirikan bangunannya di atas landasan taqwa dan keredhaan Allah itu lebih baik atau orang yang mendirikan bangunannya di tepi jurang yang runtuh lalu bangunan itu roboh bersama dengannya ke dalam api Neraka Jahannam? Dan Allah tidak memberi hidayat kepada golongan orang-orang yang zalim."(109)

Marilah kita berhenti melihat sejenak kepada asas binaan taqwa yang kuat dan kukuh kemudian selepas itu marilah pula kita melihat kepada asas binaan Masjid Dhirar di sebelah lagi yang begitu cepat bergoncang kerana ia dibinakan di tepi jurang yang runtuh, dan dibangunkan di atas tanah yang tidak kuat dan mudah runtuh. Kini kita dapat melihat bangunan itu sedang terumbang-ambing dan bergoyang-goyang, sedang runtuh dan tumbang, dan ia kini telah ditelan gaung dan ditelan api Neraka. Alangkah dahsyatnya!

وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿١٠٩﴾

"Dan Allah tidak memberi hidayat kepada golongan manusia yang zalim."(109)

Iaitu golongan Musyrikin dan kafirin yang telah membina bangunan itu untuk tujuan menggugatkan agama Islam.

Itulah satu pemandangan yang menarik, penuh dengan harakat yang mengharukan yang dilukis dan digerakkan oleh selengkar kata-kata untuk meyakinkan pejuang-pejuang agama yang benar terhadap destinasi da'wah mereka ketika menghadapi kempen-kempen tipu daya, kekufuran dan hipokrit, juga untuk meyakinkan para pembina yang membangunkan bangunan yang berlandaskan taqwa apabila mereka menghadapi para pembina yang membangunkan bangunan yang berlandaskan tipu daya dan hasrat merosakkan kaum Muslimin.

Ada satu lagi pemandangan yang dilukiskan oleh pengungkapan Al-Qur'an yang unik, di mana digambarkan kesan-kesan Masjid Dhirar di dalam jiwa pembina-pembinanya yang jahat, malah dalam jiwa pembina seluruh Masjid Dhirar yang lain:

لَا يَزَالُ بُنْيَانُهُمُ الَّذِي بَنَوْا رِيبَةً فِي قُلُوبِهِمْ إِلَّا

أَن تَقَطَّعَ قُلُوبُهُمْ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١١٠﴾

"Bangunan yang dibinakan mereka terus menjadi punca keraguan di dalam hati mereka kecuali hati mereka putus (kerana mati). Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(110)

Tepi jurang yang mudah runtuh itu telah runtuh bersama Masjid Dhirar yang didirikan di atasnya. Ia runtuh dan terhumban jatuh di dalam Neraka Jahannam. Itulah seburuk-buruk tempat kediaman, tetapi saki-baki runtuhan bangunan itu masih wujud di dalam hati para pembinanya, iaitu saki-baki keraguan, kesangsian, kegelisahan dan kebingungan dan saki-baki perasaan-perasaan ini akan terus kekal dan tidak akan membiarkan hati mereka meni'mati rasa ketenteraman, ketenangan dan kemantapan kecuali hati itu sendiri terputus dan gugur dari dada mereka.

Gambaran bangunan yang runtuh itu merupakan gambaran keraguan, kegelisahan dan ketidakmantapan. Gambaran bangunan yang runtuh itu merupakan gambaran fizikal, sedangkan gambaran keraguan dan kesangsian itu merupakan gambaran perasaan dan kedua-duanya gambaran itu dipotretkan dalam satu lukisan yang seni dan menarik, yang dilukiskan oleh pengungkapan Al-Qur'an yang unik. Kedua-duanya dipotretkan dalam realiti hidup manusia yang berulang-ulang di setiap zaman, di mana orang yang merancangkan tipu daya yang mengelirukan itu terus hidup dengan 'aqidah yang goyah, jiwa yang tidak tenteram, perasaan yang terus gelisah kerana takut terbuka tembelangnya dan hati yang terus sangsi dan tidak tenang.

Inilah mu'jizat Al-Qur'an yang melukiskan realiti jiwa manusia dengan berus keindahan yang seni dalam bentuk yang begitu selaras dan dengan ungkapan dan gambaran yang begitu mudah.

Di sebalik semuanya ini terserlah hikmat methodologi Al-Qur'an dalam mendedahkan rahsia Masjid Dhirar dan para pembinanya, juga dalam mengklasifikasikan warga masyarakat Islam kepada berbagai-bagai kelas keimanan yang jelas, dan seterusnya dalam menjelaskan jalan harakat Islamiyah dan menggambarkan tabi'at bidang pergerakannya dari segala sudutnya.

Al-Qur'anul-Karim selama-lamanya bertugas dan bekerja memimpin masyarakat Islam, mengarah, menyedar dan menyiapkannya untuk melaksanakan tugasnya yang besar, dan Al-Qur'an tidak akan dapat difahami dengan betul kecuali ia dikaji dalam bidang-bidang pergerakannya yang besar, malah Al-Qur'an tidak dapat difahami melainkan oleh orang-orang yang bergerak dengan Al-Qur'an seperti pergerakan yang besar ini dalam bidang yang seperti ini.

****

(Kumpulan ayat-ayat 111 - 129)

إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَىٰ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُم
بِأَنَّ لَهُمُ الْجَنَّةَ ۚ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيَقْتُلُونَ
وَيُقْتَلُونَ ۖ وَعْدًا عَلَيْهِ حَقًّا فِي التَّوْرَاةِ وَالْإِنجِيلِ
وَالْقُرْآنِ ۚ وَمَنْ أَوْفَىٰ بِعَهْدِهِ مِنَ اللَّهِ ۚ فَاسْتَبْشِرُوا
بِبَيْعِكُمُ الَّذِي بَايَعْتُم بِهِ ۚ وَذَٰلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿١١١﴾
التَّائِبُونَ الْعَابِدُونَ الْحَامِدُونَ السَّائِحُونَ
الرَّاكِعُونَ السَّاجِدُونَ الْآمِرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَالنَّاهُونَ عَنِ الْمُنكَرِ وَالْحَافِظُونَ لِحُدُودِ اللَّهِ ۗ
وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِينَ ﴿١١٢﴾
مَا كَانَ لِلنَّبِيِّ وَالَّذِينَ آمَنُوا أَن يَسْتَغْفِرُوا
لِلْمُشْرِكِينَ وَلَوْ كَانُوا أُولِي قُرْبَىٰ مِن بَعْدِ
مَا تَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُمْ أَصْحَابُ الْجَحِيمِ ﴿١١٣﴾
وَمَا كَانَ اسْتِغْفَارُ إِبْرَاهِيمَ لِأَبِيهِ إِلَّا عَن
مَّوْعِدَةٍ وَعَدَهَا إِيَّاهُ فَلَمَّا تَبَيَّنَ لَهُ أَنَّهُ عَدُوٌّ لِّلَّهِ
تَبَرَّأَ مِنْهُ ۚ إِنَّ إِبْرَاهِيمَ لَأَوَّاهٌ حَلِيمٌ ﴿١١٤﴾
وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِلَّ قَوْمًا بَعْدَ إِذْ هَدَاهُمْ
حَتَّىٰ يُبَيِّنَ لَهُم مَّا يَتَّقُونَ ۚ إِنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ
عَلِيمٌ ﴿١١٥﴾
إِنَّ اللَّهَ لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ۖ يُحْيِي
وَيُمِيتُ ۚ وَمَا لَكُم مِّن دُونِ اللَّهِ مِن وَلِيٍّ وَلَا
نَصِيرٍ ﴿١١٦﴾
لَّقَد تَّابَ اللَّهُ عَلَى النَّبِيِّ وَالْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنصَارِ
الَّذِينَ اتَّبَعُوهُ فِي سَاعَةِ الْعُسْرَةِ مِن بَعْدِ مَا كَادَ
يَزِيغُ قُلُوبُ فَرِيقٍ مِّنْهُمْ ثُمَّ تَابَ عَلَيْهِمْ ۚ إِنَّهُ

بِهِمْ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١١٧﴾

وَعَلَى الثَّلَاثَةِ الَّذِينَ خُلِّفُوا حَتَّىٰ إِذَا ضَاقَتْ عَلَيْهِمُ الْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ وَضَاقَتْ عَلَيْهِمْ أَنفُسُهُمْ وَظَنُّوا أَن لَّا مَلْجَأَ مِنَ اللَّهِ إِلَّا إِلَيْهِ ثُمَّ تَابَ عَلَيْهِمْ لِيَتُوبُوا ۚ إِنَّ اللَّهَ هُوَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ ﴿١١٨﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ ﴿١١٩﴾

مَا كَانَ لِأَهْلِ الْمَدِينَةِ وَمَنْ حَوْلَهُم مِّنَ الْأَعْرَابِ أَن يَتَخَلَّفُوا عَن رَّسُولِ اللَّهِ وَلَا يَرْغَبُوا بِأَنفُسِهِمْ عَن نَّفْسِهِ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ لَا يُصِيبُهُمْ ظَمَأٌ وَلَا نَصَبٌ وَلَا مَخْمَصَةٌ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا يَطَئُونَ مَوْطِئًا يَغِيظُ الْكُفَّارَ وَلَا يَنَالُونَ مِنْ عَدُوٍّ نَّيْلًا إِلَّا كُتِبَ لَهُم بِهِ عَمَلٌ صَالِحٌ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٢٠﴾

وَلَا يُنفِقُونَ نَفَقَةً صَغِيرَةً وَلَا كَبِيرَةً وَلَا يَقْطَعُونَ وَادِيًا إِلَّا كُتِبَ لَهُمْ لِيَجْزِيَهُمُ اللَّهُ أَحْسَنَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٢١﴾

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُوا كَافَّةً ۚ فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ﴿١٢٢﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قَاتِلُوا الَّذِينَ يَلُونَكُم مِّنَ الْكُفَّارِ وَلْيَجِدُوا فِيكُمْ غِلْظَةً ۚ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ ﴿١٢٣﴾

وَإِذَا مَا أُنزِلَتْ سُورَةٌ فَمِنْهُم مَّن يَقُولُ أَيُّكُمْ زَادَتْهُ هَٰذِهِ إِيمَانًا ۚ فَأَمَّا الَّذِينَ آمَنُوا فَزَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَهُمْ يَسْتَبْشِرُونَ ﴿١٢٤﴾

وَأَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِم مَّرَضٌ فَزَادَتْهُمْ رِجْسًا إِلَىٰ رِجْسِهِمْ وَمَاتُوا وَهُمْ كَافِرُونَ ﴿١٢٥﴾

أَوَلَا يَرَوْنَ أَنَّهُمْ يُفْتَنُونَ فِي كُلِّ عَامٍ مَّرَّةً أَوْ مَرَّتَيْنِ ثُمَّ لَا يَتُوبُونَ وَلَا هُمْ يَذَّكَّرُونَ ﴿١٢٦﴾

وَإِذَا مَا أُنزِلَتْ سُورَةٌ نَّظَرَ بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ هَلْ يَرَاكُم مِّنْ أَحَدٍ ثُمَّ انصَرَفُوا ۚ صَرَفَ اللَّهُ قُلُوبَهُم بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَفْقَهُونَ ﴿١٢٧﴾

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُم بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾

فَإِن تَوَلَّوْا فَقُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ ۖ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ ﴿١٢٩﴾

"Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang yang beriman jiwa raga dan harta benda mereka dengan bayaran bahawa mereka akan memperolehi Syurga. Mereka berjuang di jalan Allah lalu mereka membunuh atau dibunuh. Itulah janji Allah yang benar di dalam Taurat,Injil dan Al-Qur'an. Siapakah yang lebih menepati janjinya dari Allah? Oleh itu bergembiralah dengan jual beli yang telah kamu lakukan itu dan itulah suatu kejayaan yang amat besar(111). Mereka (para penjual jiwa raga dan harta) adalah orang-orang yang bertaubat, yang beribadat, yang memuji Allah, yang memikirkan kejadian alam, yang ruku' dan sujud, yang menyuruh melakukan ma'ruf dan melarang melakukan kemungkaran dan yang memelihara hukum-hukum Allah, dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang beriman(112). Tidaklah wajar bagi Nabi dan orang-orang yang beriman memohon keampunan (kepada Allah) untuk orang-orang Musyrikin walaupun mereka dari kaum kerabat sendiri setelah ternyata kepada mereka bahawa orang-orang Musyrikin itu adalah penghuni-penghuni Neraka(113). Dan tiadalah permohonan keampunan yang di lakukan oleh Ibrahim untuk bapanya itu melainkan kerana adanya suatu

perjanjian yang telah dijanjikan Allah kepadanya, tetapi setelah ternyata bahawa bapanya adalah musuh Allah, ia terus berlepas diri darinya. Sesungguhnya Ibrahim adalah seorang yang sangat merendahkan dirinya kepada Allah dan sangat sabar(114). Allah sekali-kali tidak akan menyesatkan sesuatu kaum setelah Dia memberi hidayat kepada mereka hingga Dia menjelaskan kepada mereka segala apa yang harus dijauhi mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu(115). Sesungguhnya Allah memiliki kerajaan langit dan bumi. Dialah yang menghidup dan yang mematikan. Dan kamu sekali-kali tidak mempunyai pelindung dan penolong selain Allah(116). Sesungguhnya Allah telah mengurniakan taubat ke atas Nabi, para Muhajirin dan para Ansar yang keluar mengikutinya di sa'at yang gawat setelah hati segolongan dari mereka hampir-hampir menyeleweng kemudian Allah mengurniakan taubat ke atas mereka. Sesungguhnya Allah Maha Penyayang dan Maha Pengasih(117). Dan mengurniakan taubat ke atas tiga orang yang telah ditangguhkan keputusan terhadap mereka sehingga bumi yang luas menjadi sempit kepada mereka dan hati mereka juga dirasakan begitu picik dan mereka yakin tiada tempat perlindungan dari kemurkaan Allah melainkan kembali kepada-Nya, kemudian Allah mengurniakan taubat ke atas mereka supaya mereka sentiasa bertaubat. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat dan Maha Pengasih(118). Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan hendaklah kamu berada bersama-sama golongan Mu'minin yang tulen(119). Tidaklah wajar bagi penduduk Madinah dan orang-orang A'arab yang tinggal di sekitar mereka mengelakkan diri dari ikut berperang bersama Rasulullah dan tidak pula wajar bagi mereka menyintai diri mereka hingga tidak menghiraukan diri Rasulullah. Hal itu disebabkan kerana tiada kedahagaan, tiada kepenatan, tiada kelaparan di dalam perjuangan fi Sabilillah, tiada tempat yang dipijak mereka yang menimbulkan kemarahan orang-orang kafir dan tiada kecederaan yang diterima mereka dari musuh melainkan semuanya ditulis sebagai yang soleh kepada mereka. Sesungguhnya Allah tidak sekali-kali mensia-siakan pahala para Muhsinin (120). Dan begitu juga tiada perbelanjaan yang dibelanjakan mereka (untuk Sabilullah) sama ada kecil atau besar dan tiada wadi yang dilintasi mereka melainkan semuanya ditulis (sebagai amalan yang soleh) kepada mereka, kerana Allah hendak memberi balasan yang sebaik-baiknya terhadap segala amalan yang dilakukan mereka(121). Dan tidaklah wajar bagi orang-orang yang beriman keluar semuanya untuk berperang. Oleh itu hendaklah sekumpulan dari setiap puak dari mereka keluar untuk memperdalamkan kefahaman di dalam agama dan untuk memberi peringatan kepada kaum mereka apabila mereka kembali kepada mereka supaya mereka berwaspada(122). Wahai orang-orang yang beriman! Perangilah orang-orang kafir yang berada berdekatan dengan kamu dan biarlah mereka menemui sikap yang keras dan kasar di kalangan kamu, dan ketahuilah bahawa Allah bersama para Muttaqin(123). Dan apabila diturunkan sesuatu surah, maka di antara mereka (kaum Munafiqin) ada yang bertanya: Siapakah di antara kamu yang bertambah keimanannya dengan turunnya surah ini? Adapun orang-orang yang beriman, maka surah ini tetap menambahkan keimanan mereka dan mereka bergembira(124). Adapun orang-orang yang berpenyakit di dalam hati mereka, maka surah ini menambahkan lagi noda kekufuran kepada noda kekufuran yang telah sedia ada dan mereka telah mati dalam keadaan kafir(125). Apakah mereka tidak berfikir bahawa mereka diuji (dengan bala dan kesusahan) pada setiap tahun sekali atau dua kali, kemudian mereka tidak juga bertaubat dan tidak pula mereka mengambil pengajaran(126). Dan apabila diturunkan sesuatu surah, mereka memandang satu sama lain seraya bertanya: Adakah seseorang Islam melihat kamu? Kemudian mereka beredar dari situ. Allah telah memalingkan hati mereka kerana mereka adalah satu golongan orang-orang yang tidak mengerti(127). Sesungguhnya kamu telah didatangi seorang Rasul dari kalangan kamu sendiri. Ia sangat prihatin terhadap segala kesusahan yang dialami kamu dan ia begitu prihatin terhadap kamu, dan ia amat sayang dan kasihan belas terhadap para Mu'minin(128). Dan jika mereka berpaling (dari keimanan), maka katakanlah: Cukuplah Allah menjadi pelindungku, tiada Tuhan selain Dia. Kepada-Nya aku berserah dan Dia Tuhan yang memiliki Arasy yang agung(129).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Bahagian terakhir surah ini atau pelajaran terakhir dalam surah ini merupakan baki peraturan-peraturan yang terakhir mengenai tatacara hubungan di antara masyarakat Islam dengan masyarakat yang bukan Islam. Ia dimula dengan menggariskan hubungan di antara seorang Muslim dengan Tuhannya, menggariskan tabi'at Islam yang telah diumumkan olehnya, menjelaskan tugas-tugas agama ini dan tata cara pergerakannya di dalam berbagai-bagai bidangnya yang banyak.

- Kemasukan seseorang dalam agama Islam merupakan suatu urusniaga di antara dua pihak, di mana Allah bertindak sebagai pembeli dan orang yang beriman sebagai penjual. Ia merupakan suatu urusjanji dengan Allah, di mana seorang Mu'min berjanji tidak akan menyimpan sesuatu apa-apa pun dari jiwa raganya dan dari harta bendanya untuk dikorbankan kerana Allah dan kerana jihad fi Sabilillah supaya kedudukan Kalimatullah berada di tempat yang paling tinggi dan supaya seluruh keta'atan itu tertentu kepada Allah sahaja. Di dalam urusniaga ini seorang Mu'min menjual jiwa raganya dan harta bendanya kepada Allah dengan suatu bayaran yang tertentu, iaitu Syurga dan bayaran ini sama sekali tidak setanding dengan nilai barangan yang dijual, malah bayaran ini merupakan suatu limpah kurnia yang besar dari Allah.

إِنَّ ٱللَّهَ ٱشْتَرَىٰ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَٰلَهُم
بِأَنَّ لَهُمُ ٱلْجَنَّةَ ۚ يُقَٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ فَيَقْتُلُونَ
وَيُقْتَلُونَ ۖ وَعْدًا عَلَيْهِ حَقًّا فِى ٱلتَّوْرَىٰةِ وَٱلْإِنجِيلِ
وَٱلْقُرْءَانِ ۚ وَمَنْ أَوْفَىٰ بِعَهْدِهِۦ مِنَ ٱللَّهِ ۚ فَٱسْتَبْشِرُوا۟
بِبَيْعِكُمُ ٱلَّذِى بَايَعْتُم بِهِۦ ۚ وَذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ﴿١١١﴾

"Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang yang beriman jiwa raga dan harta benda mereka dengan bayaran bahawa mereka akan memperolehi Syurga. Mereka berjuang di jalan Allah lalu mereka membunuh atau dibunuh. Itulah janji Allah yang benar di dalam Taurat, Injil dan Al-Qur'an. Siapakah yang lebih menepati janjinya dari Allah? Oleh itu bergembiralah dengan jual beli yang telah kamu lakukan itu dan itulah suatu kejayaan yang amat besar."(111)

• Orang-orang yang sanggup melakukan jualan ini dan mengadakan urusniaga ini ialah golongan manusia yang terpilih, yang mempunyai sifat-sifat yang istimewa, di antaranya ialah sifat-sifat yang berkaitan dengan diri sendiri dalam hubungan secara langsungnya dengan Allah dalam bidang perasaan dan syi'ar-syi'ar ibadat, dan di antaranya pula ialah sifat-sifat yang berkaitan dengan tugas-tugas kerja yang harus dipikulkan oleh mereka di luar diri mereka untuk menegakkan agama Allah di bumi, iaitu tugas-tugas menyuruh manusia melakukan perkara yang ma'ruf dan melarang mereka melakukan perkara mungkar dan menghormati hukum-hukum Allah sama ada terhadap diri mereka atau terhadap orang lain dari mereka:

ٱلتَّٰٓئِبُونَ ٱلۡعَٰبِدُونَ ٱلۡحَٰمِدُونَ ٱلسَّٰٓئِحُونَ
ٱلرَّٰكِعُونَ ٱلسَّٰجِدُونَ ٱلۡأٓمِرُونَ بِٱلۡمَعۡرُوفِ
وَٱلنَّاهُونَ عَنِ ٱلۡمُنكَرِ وَٱلۡحَٰفِظُونَ لِحُدُودِ ٱللَّهِۗ
وَبَشِّرِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ﴿١١٢﴾

"Mereka (para penjual jiwa raga dan harta) adalah orang-orang yang bertaubat, yang beribadat, yang memuji Allah, yang memikirkan kejadian alam, yang ruku' dan sujud, yang menyuruh melakukan ma'ruf dan melarang melakukan kemungkaran dan yang memelihara hukum-hukum Allah, dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang beriman."(112)

• Ayat-ayat yang berikut memutuskan hubungan di antara orang-orang Mu'min yang sanggup membuat jualan ini dan mengadakan urusniaga ini dengan orang-orang yang tidak sanggup mengadakan urusniaga itu walaupun mereka dari kaum keluarga sendiri. Kini arah tujuan masing-masing tidak lagi sama dan nasib kesudahan masing-masing tidak juga sama. Mereka yang sanggup mengadakan urusniaga ini akan menjadi penghuni-penghuni syurga dan mereka yang tidak sanggup mengadakan urusniaga ini akan menjadi penghuni-penghuni Neraka Jahannam, dan di sana tidak ada titik pertemuan di dunia dan di Akhirat di antara penghuni Syurga dan penghuni Neraka:

مَا كَانَ لِلنَّبِيِّ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَن يَسۡتَغۡفِرُواْ
لِلۡمُشۡرِكِينَ وَلَوۡ كَانُوٓاْ أُوْلِي قُرۡبَىٰ مِنۢ بَعۡدِ
مَا تَبَيَّنَ لَهُمۡ أَنَّهُمۡ أَصۡحَٰبُ ٱلۡجَحِيمِ ﴿١١٣﴾

"Tidaklah wajar bagi Nabi dan orang-orang yang beriman memohon keampunan (kepada Allah) untuk orang-orang Musyrikin walaupun mereka dari kaum kerabat sendiri setelah ternyata kepada mereka bahawa orang-orang Musyrikin itu adalah penghuni-penghuni Neraka."(113)

• Wala' atau kesetiaan seorang Mu'min pastilah ditumpukan kepada Allah yang telah mengadakan urusniaga dengan-Nya. Di atas asas kesetiaan yang tidak berbelah bagi inilah ditegakkan segala hubungan dan pertalian. Ayat yang berikut merupakan pernyataan dari Allah kepada seluruh orang yang beriman, iaitu satu pernyataan yang tegas yang menghapuskan segala kekeliruan dan memelihara dari segala kesesatan. Cukuplah bagi orang-orang yang beriman mendapat perlindungan dan pertolongan dari Allah. Dengan pertolongan ini, mereka tidak lagi perlu kepada pertolongan yang lain, kerana Allah memiliki kerajaan langit dan bumi dan tiada siapa yang berkuasa selain dari-Nya:

وَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيُضِلَّ قَوۡمَۢا بَعۡدَ إِذۡ هَدَىٰهُمۡ
حَتَّىٰ يُبَيِّنَ لَهُم مَّا يَتَّقُونَۚ إِنَّ ٱللَّهَ بِكُلِّ شَيۡءٍ
عَلِيمٌ ﴿١١٥﴾
إِنَّ ٱللَّهَ لَهُۥ مُلۡكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۖ يُحۡيِۦ
وَيُمِيتُۚ وَمَا لَكُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ مِن وَلِيّٖ وَلَا
نَصِيرٖ ﴿١١٦﴾

"Allah sekali-kali tidak akan menyesatkan sesuatu kaum setelah Dia memberi hidayat kepada mereka hingga Dia menjelaskan kepada mereka segala apa yang harus dijauhi mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu(115). Sesungguhnya Allah memiliki kerajaan langit dan bumi. Dialah yang menghidup dan yang mematikan. Dan kamu sekali-kali tidak mempunyai pelindung dan penolong selain Allah."(116)

Oleh sebab kesetiaan yang tidak berbelah bagi ini merupakan tabi'at dari perjanjian itu, maka perbuatan teragak-agak dan ponteng dari berperang fi Sabilillah adalah dikira menjadi suatu kesalahan yang besar. Allah telah memberi kemaafan terhadap kesalahan ini kepada mereka yang diketahuinya mempunyai niat dan keazaman yang baik untuk kembali ke pangkal jalan setelah teragak-agak dan ponteng dari berjihad, lalu Allah mengurniakan taubat kepada mereka sebagai suatu rahmat dan limpah kurnia dari-Nya:

لَّقَد تَّابَ ٱللَّهُ عَلَى ٱلنَّبِيِّ وَٱلۡمُهَٰجِرِينَ وَٱلۡأَنصَارِ
ٱلَّذِينَ ٱتَّبَعُوهُ فِي سَاعَةِ ٱلۡعُسۡرَةِ مِنۢ بَعۡدِ مَا كَادَ
يَزِيغُ قُلُوبُ فَرِيقٖ مِّنۡهُمۡ ثُمَّ تَابَ عَلَيۡهِمۡۚ إِنَّهُۥ
بِهِمۡ رَءُوفٞ رَّحِيمٞ ﴿١١٧﴾

وَعَلَى ٱلثَّلَٰثَةِ ٱلَّذِينَ خُلِّفُوا۟ حَتَّىٰٓ إِذَا ضَاقَتْ عَلَيْهِمُ ٱلْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ وَضَاقَتْ عَلَيْهِمْ أَنفُسُهُمْ وَظَنُّوٓا۟ أَن لَّا مَلْجَأَ مِنَ ٱللَّهِ إِلَّآ إِلَيْهِ ثُمَّ تَابَ عَلَيْهِمْ لِيَتُوبُوٓا۟ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١١٨﴾

"Sesungguhnya Allah telah mengurniakan taubat ke atas Nabi, para Muhajirin dan para Ansar yang keluar mengikutinya di sa'at yang gawat setelah hati segolongan dari mereka hampir-hampir menyeleweng kemudian Allah mengurniakan taubat ke atas mereka. Sesungguhnya Allah Maha Penyayang dan Maha Pengasih(117). Dan mengurniakan taubat ke atas tiga orang yang telah ditangguhkan keputusan terhadap mereka sehingga bumi yang luas menjadi sempit kepada mereka dan hati mereka juga dirasakan begitu picik dan mereka yakin tiada tempat perlindungan dari kemurkaan Allah melainkan kembali kepada-Nya, kemudian Allah mengurniakan taubat ke atas mereka supaya mereka sentiasa bertaubat. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat dan Maha Pengasih."(118)

• Oleh sebab itulah di dalam ayat yang berikut dijelaskan tugas-tugas perjanjian yang terletak di atas leher penduduk Madinah dan orang-orang A'arab yang berada di sekelilingnya. Merekalah orang-orang yang hampir dengan Rasulullah s.a.w. yang menjadi tapak Islamiyah dan markas titik tolak perjuangan Islam, juga dikemukakan kecaman terhadap tindakan ponteng yang telah dilakukan oleh setengah-setengah orang dari mereka serta diterangkan nilai urusniaga itu dalam setiap langkah dan pergerakan dalam tugas-tugas perjanjian itu:

مَا كَانَ لِأَهْلِ ٱلْمَدِينَةِ وَمَنْ حَوْلَهُم مِّنَ ٱلْأَعْرَابِ أَن يَتَخَلَّفُوا۟ عَن رَّسُولِ ٱللَّهِ وَلَا يَرْغَبُوا۟ بِأَنفُسِهِمْ عَن نَّفْسِهِۦ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ لَا يُصِيبُهُمْ ظَمَأٌ وَلَا نَصَبٌ وَلَا مَخْمَصَةٌ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَلَا يَطَـُٔونَ مَوْطِئًا يَغِيظُ ٱلْكُفَّارَ وَلَا يَنَالُونَ مِنْ عَدُوٍّ نَّيْلًا إِلَّا كُتِبَ لَهُم بِهِۦ عَمَلٌ صَٰلِحٌ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١٢٠﴾

وَلَا يُنفِقُونَ نَفَقَةً صَغِيرَةً وَلَا كَبِيرَةً وَلَا يَقْطَعُونَ وَادِيًا إِلَّا كُتِبَ لَهُمْ لِيَجْزِيَهُمُ ٱللَّهُ أَحْسَنَ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٢١﴾

"Tidaklah wajar bagi penduduk Madinah dan orang-orang A'arab yang tinggal di sekitar mereka mengelakkan diri dari ikut berperang bersama Rasulullah dan tidak pula wajar bagi mereka menyintai diri mereka hingga tidak menghiraukan diri Rasulullah. Hal itu disebabkan kerana tiada kedahagaan, tiada kepenatan, tiada kelaparan di dalam perjuangan fi Sabilillah, tiada tempat yang dipijak mereka yang menimbulkan kemarahan orang-orang kafir dan tiada kecederaan yang diterima mereka dari musuh melainkan semuanya ditulis sebagai amalan yang soleh kepada mereka. Sesungguhnya Allah tidak sekali-kali mensia-siakan pahala para Muhsinin (120). Dan begitu juga tiada perbelanjaan yang dibelanjakan mereka (untuk Sabilullah) sama ada kecil atau besar dan tiada wadi yang dilintasi mereka melainkan semuanya ditulis (sebagai amalan yang soleh) kepada mereka kerana Allah hendak memberi balasan yang sebaik-baiknya terhadap segala amalan yang dilakukan mereka."(121)

• Di samping galakan yang begitu mendalam supaya kaum Muslimin keluar berjihad, maka di dalam ayat yang berikut dijelaskan pula batas-batas tugas kerahan umum itu, kerana bidang perjuangan telah bertambah luas dan bilangan kaum Muslimin telah bertambah ramai dan kedudukan masyarakat Islam telah memungkinkan pengagihan tugas-tugas. Setengah keluar berperang dan setengahnya memperdalamkan kefahaman agama dan setengah lagi keluar bekerja untuk memenuhi keperluan-keperluan masyarakat seperti menyediakan bekalan-bekalan makanan dan mengimarahkan bumi, kemudian seluruh usaha itu bertemu di penghujung jalan:

وَمَا كَانَ ٱلْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُوا۟ كَآفَّةً ۚ فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَآئِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا۟ فِى ٱلدِّينِ وَلِيُنذِرُوا۟ قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوٓا۟ إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ﴿١٢٢﴾

"Dan tidaklah wajar bagi orang-orang yang beriman keluar semuanya untuk berperang. Oleh itu hendaklah sekumpulan dari setiap puak dari mereka keluar untuk memperdalamkan kefahaman dalam agama dan untuk memberi peringatan kepada kaum mereka apabila mereka kembali kepada mereka supaya mereka berwaspada."(122)

• Di dalam ayat yang berikut digariskan pula cara pergerakan jihad setelah seluruh Semenanjung Tanah Arab telah menjadi tapak dan titik tolak perjuangan Islam, dan kini garisan perjuangan harus menjurus ke arah memerangi seluruh kaum Musyrikin agar tidak wujud lagi sebarang penindasan dan agar seluruh keta'atan dan keagamaan tertentu kepada Allah sahaja, juga memerangi seluruh Ahlil-Kitab sehingga mereka sanggup membayar jizyah dengan ta'at dan patuh:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ قَٰتِلُوا۟ ٱلَّذِينَ يَلُونَكُم مِّنَ ٱلْكُفَّارِ وَلْيَجِدُوا۟ فِيكُمْ غِلْظَةً ۚ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿١٢٣﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Perangilah orang-orang kafir yang berada berdekatan dengan kamu dan biarlah mereka menemui sikap yang keras dan kasar di kalangan kamu, dan ketahuilah bahawa Allah bersama para Muttaqin."(123)

• Selepas huraian terperinci mengenai tabi'at perjanjian itu, kehendak-kehendak, tugas-tugas dan tatacara pergerakannya, maka ayat yang berikut menayangkan satu pemandangan dari dua belah pihak yang menggambarkan pendirian kaum Munafiqin dan pendirian kaum Mu'minin terhadap Al-Qur'an yang menurunkan ayat-ayat yang mencetuskan keimanan di dalam hati, menjelaskan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan amali dan mengecam kaum Munafiqin yang tidak dapat dihidayatkan dengan bimbingan-bimbingan dan ayat-ayat Al-Qur'an dan tidak dapat diajarkan dengan amaran-amaran dan ujian-ujian:

وَإِذَا مَآ أُنزِلَتۡ سُورَةٞ فَمِنۡهُم مَّن يَقُولُ أَيُّكُمۡ زَادَتۡهُ هَٰذِهِۦٓ إِيمَٰنٗاۚ فَأَمَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ فَزَادَتۡهُمۡ إِيمَٰنٗا وَهُمۡ يَسۡتَبۡشِرُونَ ﴿١٢٤﴾ وَأَمَّا ٱلَّذِينَ فِي قُلُوبِهِم مَّرَضٞ فَزَادَتۡهُمۡ رِجۡسًا إِلَىٰ رِجۡسِهِمۡ وَمَاتُواْ وَهُمۡ كَٰفِرُونَ ﴿١٢٥﴾ أَوَلَا يَرَوۡنَ أَنَّهُمۡ يُفۡتَنُونَ فِي كُلِّ عَامٖ مَّرَّةً أَوۡ مَرَّتَيۡنِ ثُمَّ لَا يَتُوبُونَ وَلَا هُمۡ يَذَّكَّرُونَ ﴿١٢٦﴾ وَإِذَا مَآ أُنزِلَتۡ سُورَةٞ نَّظَرَ بَعۡضُهُمۡ إِلَىٰ بَعۡضٍ هَلۡ يَرَىٰكُم مِّنۡ أَحَدٖ ثُمَّ ٱنصَرَفُواْۚ صَرَفَ ٱللَّهُ قُلُوبَهُم بِأَنَّهُمۡ قَوۡمٞ لَّا يَفۡقَهُونَ ﴿١٢٧﴾

"Dan apabila diturunkan sesuatu surah, maka di antara mereka (kaum Munafiqin) ada yang bertanya: Siapakah di antara kamu yang bertambah imannya dengan surah ini? Adapun orang-orang yang beriman, maka surah ini tetap menambahkan keimanan mereka dan mereka bergembira(124). Adapun orang-orang yang berpenyakit di dalam hati mereka, maka surahini menambahkan lagi noda kekufuran kepada noda kekufuran yang telah sedia ada dan mereka telah mati dalam keadaan kafir(125). Apakah mereka tidak berfikir bahawa mereka diuji (dengan bala dan kesusahan) pada setiap tahun sekali atau dua kali, kemudian mereka tidak juga bertaubat dan tidak pula mereka mengambil pengajaran (126). Dan apabila diturunkan sesuatu surah, mereka memandang satu sama lain seraya bertanya: Adakah seseorang Islam melihat kamu? Kemudian mereka beredar dari situ. Allah telah memalingkan hati mereka kerana mereka adalah satu golongan orang-orang yang tidak mengerti."(127)

• Pelajaran dan surah ini diakhiri dengan dua ayat yang menggambarkan sifat Rasulullah s.a.w., keprihatinannya terhadap kaum Mu'minin, kesayangan dan kasihan belasnya terhadap mereka serta bimbingannya supaya mereka sentiasa bergantung kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan jangan menghiraukan mereka yang berpaling dari agama Allah dan tidak menerima hidayat-Nya:

لَقَدۡ جَآءَكُمۡ رَسُولٞ مِّنۡ أَنفُسِكُمۡ عَزِيزٌ عَلَيۡهِ مَا عَنِتُّمۡ حَرِيصٌ عَلَيۡكُم بِٱلۡمُؤۡمِنِينَ رَءُوفٞ رَّحِيمٞ ﴿١٢٨﴾ فَإِن تَوَلَّوۡاْ فَقُلۡ حَسۡبِيَ ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَۖ عَلَيۡهِ تَوَكَّلۡتُۖ وَهُوَ رَبُّ ٱلۡعَرۡشِ ٱلۡعَظِيمِ ﴿١٢٩﴾

"Sesungguhnya kamu telah didatangi seorang Rasul dari kalangan kamu sendiri. Ia sangat prihatin terhadap segala kesusahan yang dialami kamu dan ia begitu prihatin terhadap kamu, dan ia amat sayang dan kasihan belas terhadap para Mu'minin(128). Dan jika mereka berpaling (dari keimanan), maka katakanlah: Cukuplah Allah menjadi pelindungku, tiada Tuhan selain Dia. Kepada-Nya aku berserah dan Dia Tuhan yang memiliki Arasy yang agung."(129)

Mungkin dari celah-celah huraian ringkas mengenai isi kandungan ayat-ayat bahagian yang terakhir dari surah ini dapat dilihat sejauh mana ayat-ayat ini menekankan kepentingan jihad, kepentingan pemisahan (orang-orang yang beriman dari orang-orang yang tidak beriman) secara total dengan berlandaskan 'aqidah, kepentingan memperjuangkan agama Islam di muka bumi ini sesuai dengan perjanjian yang sanggup mengorbankan jiwa raga dan harta benda dengan bayaran Syurga untuk menegakkan hukum-hukum Allah dan memeliharakannya, iaitu untuk menegakkan kuasa Hakimiyah Allah terhadap para hamba-Nya dan menghapuskan segala kuasa Hakimiyah yang dirampaskan dari Allah dan kuasa Hakimiyah yang merampas dan menceroboh.

Dan mungkin dari huraian ringkas mengenai hakikat ini dapat dilihat sejauh mana kelemahan dan ketewasan semangat yang mengongkongi pengulas-pengulas ayat-ayat Allah dan syari'at Allah di zaman ini. Mereka begitu bersungguh-sungguh berusaha untuk membendung pergerakan jihad Islami dalam lingkungan pertahanan daerah "negeri Islam", sedangkan firman-firman Allah S.W.T. menjelaskan secara terus terang dan tegas bahawa jihad ialah gerakan serangan yang berterusan ke atas kaum kafirin yang tinggal berdekatan dengan "negeri

Islam" tanpa menyebut bahawa serangan yang dilakukan ke atas mereka disebabkan mereka telah melakukan pencerobohan, kerana pencerobohan asasi mereka telah wujud dalam bentuk pencerobohan mereka terhadap Uluhiyah Allah S.W.T. dengan mengabdikan diri mereka dan orang-orang lain kepada yang lain dari Allah, dan pencerobohan inilah yang mewajarkan mereka ditindakkan dengan jihad oleh kaum Muslimin sedaya upaya mereka.

Dengan keterangan seimbas dalam kata pengantar ringkas pelajaran terakhir ini cukuplah setakat ini sahaja untuk membolehkan kita mentafsirkan ayat-ayat ini secara terperinci:

(Pentafsiran ayat-ayat 111-112)

إِنَّ ٱللَّهَ ٱشۡتَرَىٰ مِنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ أَنفُسَهُمۡ وَأَمۡوَٰلَهُم بِأَنَّ لَهُمُ ٱلۡجَنَّةَۚ يُقَٰتِلُونَ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ فَيَقۡتُلُونَ وَيُقۡتَلُونَۖ وَعۡدًا عَلَيۡهِ حَقّٗا فِي ٱلتَّوۡرَىٰةِ وَٱلۡإِنجِيلِ وَٱلۡقُرۡءَانِۚ وَمَنۡ أَوۡفَىٰ بِعَهۡدِهِۦ مِنَ ٱللَّهِۚ فَٱسۡتَبۡشِرُواْ بِبَيۡعِكُمُ ٱلَّذِي بَايَعۡتُم بِهِۦۚ وَذَٰلِكَ هُوَ ٱلۡفَوۡزُ ٱلۡعَظِيمُ ﴿١١١﴾ ٱلتَّٰٓئِبُونَ ٱلۡعَٰبِدُونَ ٱلۡحَٰمِدُونَ ٱلسَّٰٓئِحُونَ ٱلرَّٰكِعُونَ ٱلسَّٰجِدُونَ ٱلۡأٓمِرُونَ بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَٱلنَّاهُونَ عَنِ ٱلۡمُنكَرِ وَٱلۡحَٰفِظُونَ لِحُدُودِ ٱللَّهِۗ وَبَشِّرِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ﴿١١٢﴾

"Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang yang beriman jiwa raga dan harta benda mereka dengan bayaran bahawa mereka akan memperolehi Syurga. Mereka berjuang di jalan Allah lalu mereka membunuh atau dibunuh. Itulah janji Allah yang benar di dalam Taurat, Injil dan Al-Qur'an. Siapakah yang lebih menepati janjinya dari Allah? Oleh itu bergembiralah dengan jual beli yang telah kamu lakukan itu dan itulah suatu kejayaan yang amat besar(111). Mereka (penjual jiwa raga dan harta) adalah orang-orang yang bertaubat, yang beribadat, yang memuji Allah, yang memikirkan kejadian alam, yang ruku' dan sujud, yang menyuruh melakukan ma'ruf dan melarang melakukan kemungkaran dan yang memelihara hukum-hukum Allah dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang beriman."(112)

Perjanjian Setia Para Mu'minin Dengan Allah

Sebelum ini, saya telah baca dan dengar ayat-ayat ini begitu kerap hingga tidak terhitung banyaknya semasa saya menghafal Al-Qur'an dan membacanya, juga semasa saya mengkaji Al-Qur'an selapas itu selama lebih dari seperempat abad, tetapi ketika saya menghadapi ayat-ayat ini semasa menyusun tafsir Fi Zilal ini, saya merasa saya dapat menanggapi darinya pengertian yang tidak pernah saya tanggapi sebelumnya di dalam sekian banyak kali membacanya di sepanjang masa yang tidak terhitung oleh saya.

Ia merupakan ayat-ayat yang amat hebat. Ia mendedahkan hakikat tali hubungan yang mengikatkan para Mu'minin dengan Allah dan hakikat perjanjian yang diberikan mereka di sepanjang hayat sejak kemasukan mereka ke dalam agama Islam. Sesiapa yang mengikatkan perjanjian ini dan menunaikannya, maka dialah seorang Mu'min yang tulen dan tepat disifatkan dengan kata-kata "Mu'min", iaitu seorang Mu'min yang terjelma pada dirinya hakikat keimanan yang sebenar. Jika tidak begitu, maka perjanjian itu hanya merupakan sesuatu dakwaan yang memerlukan bukti untuk membenarkannya.

Hakikat urusjanji atau perjanjian setia ini sebagaimana yang dinamakan Allah atas dasar limpah kurnia dan toleransi darinya ialah Allah S.W.T. telah mengambil seluruh jiwa raga dan harta benda para Mu'minin untuk diri-Nya, tiada sedikit pun dari jiwa raga dan harta benda itu ditinggalkan untuk mereka. Tiada sedikitpun sisanya yang tidak diinfaqkan mereka di jalan Allah. Mereka tidak lagi mempunyai apa-apa pilihan untuk menginfaq atau untuk menyimpankannya, tidak sekali-kali tidak! Kerana ia merupakan satu urusniaga yang telah pun dibeli orang. Hanya pembelinya sahaja yang bebas mengendalikan sesuka hatinya dan mengikut apa sahaja kehendak yang ditentukan olehnya, sedangkan penjual tidak mempunyai apa-apa hak lagi selain dari berlalu dari situ tanpa berpaling ke mana-mana, tanpa membuat pilihan, tanpa berbincang dan tanpa berdebat tanpa berkata-kata apa selain dari mematuhi perintah, dan selain dari bekerja dan menyerah diri. Sementara harga bayarannya ialah "Syurga" dan jalan menuju ke Syurga ialah berjihad dan berperang. Dan matlamatnya ialah kemenangan atau mati syahid:

إِنَّ ٱللَّهَ ٱشۡتَرَىٰ مِنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ أَنفُسَهُمۡ وَأَمۡوَٰلَهُم بِأَنَّ لَهُمُ ٱلۡجَنَّةَۚ يُقَٰتِلُونَ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ فَيَقۡتُلُونَ وَيُقۡتَلُونَۖ

"Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang yang beriman jiwa raga dan harta benda mereka dengan bayaran bahawa mereka akan memperolehi Syurga. Mereka berjuang di jalan Allah lalu mereka membunuh atau dibunuh."(111)

Siapa yang mengikatkan perjanjian ini, siapa yang melakukan urusniaga ini, siapa yang berpuas hati dengan harganya dan menyempurnakan urusniaganya, maka dialah orang yang beriman. Jadi, orang-orang yang beriman itu ialah orang-orang yang telah dibeli Allah dan mereka sanggup menjual. Di antara rahmat Allah ialah Dia mengadakan bayaran bagi urusniaga ini, sedangkan Dialah yang mengurniakan jiwa raga dan harta benda itu dan

Dialah tuan punya jiwa raga dan harta benda itu, tetapi Dia telah memuliakan makhluk insan ini lalu dijadikannya mempunyai iradat dan berhak mengadakan kontrak jual beli dan meluluskannya walaupun dengan Allah. Dia telah memuliakan makhluk insan dan mengikatkannya dengan kontrak-kontrak dan perjanjian-perjanjian-Nya. Dia telah menjadikan penyempurnaan janji insan ini sebagai ukuran insaniyahnya yang mulia dan kemungkirannya sebagai ukuran kejatuhannya ke alam haiwan, iaitu haiwan yang paling buruk. Firman-Nya:

إِنَّ شَرَّ ٱلدَّوَآبِّ عِندَ ٱللَّهِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ فَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٥٥﴾

ٱلَّذِينَ عَـٰهَدتَّ مِنْهُمْ ثُمَّ يَنقُضُونَ عَهْدَهُمْ فِى كُلِّ مَرَّةٍ وَهُمْ لَا يَتَّقُونَ ﴿٥٦﴾

"Sesungguhnya binatang yang paling buruk di sisi Allah ialah orang-orang kafir kerana mereka tidak beriman, iaitu orang-orang yang engkau telah mengikat perjanjian dengan mereka kemudian mereka membatalkan perjanjian mereka setiap kali mereka mengikat perjanjian, sedangkan mereka tidak takut (akibatnya)."

(Surah al-Anfal: 55-56)

Begitu juga Allah jadikan asas hisab dan balasan itu ialah pembatalan atau penunaian perjanjian dengan-Nya.

Itulah satu ikatan janji yang tidak syak lagi sangat hebat, tetapi ia tetap terbeban di atas leher setiap Mu'min yang berkuasa memikulnya dan ia tidak akan gugur darinya kecuali imannya gugur, dan di sinilah saya merasa kehebatan perjanjian ini di sa'at saya menulis kalimat-kalimat ayat ini:

إِنَّ ٱللَّهَ ٱشْتَرَىٰ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَٰلَهُم بِأَنَّ لَهُمُ ٱلْجَنَّةَ ۚ يُقَـٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ ۖ

"Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang yang beriman jiwa raga dan harta benda mereka dengan bayaran bahawa mereka akan memperolehi Syurga. Mereka berjuang di jalan Allah lalu mereka membunuh atau dibunuh."(111)

Ya Allah Tuhanku, kami pohon pertolonganmu! Kerana urusniaga ini amat hebat, sedangkan orang-orang yang mendakwa diri mereka sebagai "Muslimin" di Timur dan di Barat masih duduk berehat dan belum lagi bangkit berjuang untuk menegakkan Uluhiyah Allah di muka bumi dan untuk menghapuskan Taghut yang merampas hak-hak Rububiyah dan ciri-cirinya di dalam kehidupan manusia, mereka tidak membunuh dan dibunuh di jalan Allah dan mereka tidak berjihad dalam perjuangan di mana mereka membunuh dan dibunuh.

Kalimat-kalimat ayat ini pernah mengetuk hati para pendengarnya di zaman Rasulullah s.a.w., dan pada sa'at itu kalimat-kalimat ini terus berpindah dari dalam hati para Mu'minin ke alam realiti hidup mereka, kerana kalimat-kalimat itu bukannya semata-mata kalimat-kalimat yang mengandungi makna-makna untuk semata-mata dihayati oleh minda mereka atau semata-mata untuk dirasa di dalam perasaan mereka, malah kalimat-kalimat itu diterima mereka untuk terus diamalkannya secara langsung di alam realiti hidup atau untuk disalurkannya kepada sesuatu pergerakan yang dapat dilihat di alam realiti bukannya disalur untuk dijadikannya suatu gambaran angan-angan. Beginilah caranya kalimat-kalimat ini difaham dan ditanggap oleh Abdullah ibn Rawahah r.a. dalam masa diadakan Perjanjian al-'Aqabah yang kedua. Ujar Muhammad ibn Ka'b al-Qurazi dan lainnya: Abdullah ibn Rawahah telah berkata kepada Rasulullah s.a.w. (pada malam Perjanjian al-'Aqabah): "Nyatakan syarat-syarat yang dikehendaki anda untuk Allah dan untuk diri anda". Jawab beliau: "Syarat untuk Allah ialah hendaklah kamu menyembahkan-Nya dan jangan sekali-kali mempersekutukan-Nya dengan suatu apa, dan syarat untuk diri saya ialah hendaklah kamu mempertahankan diri saya sama dengan kamu mempertahankan diri kamu dan harta benda kamu". Ujar Abdullah ibn Rawahah lagi: "Apakah balasan untuk kami jika kami lakukan semuanya itu?" Jawab beliau "Syurga". Lalu mereka menjawab: "Sungguh untung jual beli ini, kami tidak akan membatalkannya atau menuntut dibatalkannya."

Demikianlah tanggapan mereka... sungguh untung jual beli itu, kami tidak akan membatalkannya atau menuntut dibatalkannya.[3] Mereka telah menerima perjanjian itu sebagai suatu urusniaga yang telah dipersetujui di antara dua pihak. Satu urusniaga yang telah diselesaikan dan tiada jalan untuk dipertikaikan lagi "kami tidak akan membatalkannya atau menuntut dibatalkannya", kerana urusniaga itu telah berlangsung dan tidak boleh dirombakkan kembali dan tidak boleh dibuat pilihan semula. Balasan "Syurga" merupakan bayaran yang telah diterima bukannya bayaran yang dijanjikan, kerana bukankah perjanjian itu dari Allah? Bukankah Allah yang menjadi pihak pembeli? Bukankah Allah menjanjikan

---

3 *Mengikut riwayat ini, lalu diturunkan ayat:* "إن الله أشترى من المؤمنين أنفسهم وأموالهم بأن لهم الجنة", *tetapi kami menolak bahawa ayat ini diturunkan pada masa itu, kerana di masa itu belum lagi difardhukan jihad Secara qati'i ayat ini memang diturunkan di Madinah tetapi ayat ini selaras dengan maksud perjanjian yang am itu (yang dimeteraikan di Makkah itu).*

bayaran itu, iaitu satu perjanjian yang qadim yang dicatat di dalam semua kitab suci-Nya:

وَعْدًا عَلَيْهِ حَقًّا فِي ٱلتَّوْرَىٰةِ وَٱلْإِنجِيلِ وَٱلْقُرْءَانِ

"Itulah janji Allah yang benar di dalam Taurat, Injil dan Al-Qur'an."

وَمَنْ أَوْفَىٰ بِعَهْدِهِۦ مِنَ ٱللَّهِ

"Siapakah yang lebih menepati janjinya dari Allah?"

Jihad fi Sabilillah merupakan suatu perjanjian yang terikat di leher setiap Mu'min secara umumnya sejak diturunkan para rasul dan sejak wujudnya agama Allah. Itulah suatu peraturan yang lazim dan tanpa peraturan jihad kehidupan manusia tidak menjadi betul atau kehidupan tidak boleh menjadi baik apabila peraturan jihad ini ditinggalkan. Firman Allah:

وَلَوْلَا دَفْعُ ٱللَّهِ ٱلنَّاسَ بَعْضَهُم بِبَعْضٍ لَّفَسَدَتِ ٱلْأَرْضُ

"Dan andainya Allah tidak menolak (pencerobohan) setengah manusia dengan setengah yang lain tentulah bumi menjadi rosak."

(Surah al-Baqarah: 251)

Firman Allah:

وَلَوْلَا دَفْعُ ٱللَّهِ ٱلنَّاسَ بَعْضَهُم بِبَعْضٍ لَّهُدِّمَتْ صَوَٰمِعُ وَبِيَعٌ وَصَلَوَٰتٌ وَمَسَٰجِدُ يُذْكَرُ فِيهَا ٱسْمُ ٱللَّهِ كَثِيرًا

"Dan andainya Allah tidak menolak (pencerobohan) setengah manusia dengan penentangan setengah yang lain tentulah dirobohkan biara-biara orang Kristian, gereja-gereja, rumah-rumah ibadat Yahudi dan masjid-masjid, di mana banyak disebutkan nama Allah."

(Surah al-Haj: 40)

Agama yang benar pasti bergerak dan berjuang melalui jalannya dan di tengah jalan itu ia pasti dihalang oleh kebatilan dan jalan yang dilaluinya pasti disekat. Agama Allah pasti tampil bergerak untuk membebaskan manusia dari perhambaan kepada sesama manusia dan mengembalikan mereka kepada 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja. Ia pasti dihalang oleh Taghut di tengah jalan, malah jalan yang dilaluinya sudah pasti akan disekat, tetapi agama Allah harus bergerak di seluruh pelosok bumi ini untuk membebaskan manusia seluruhnya. Agama yang benar harus bergerak terus melalui jalan perjuangannya tanpa membelok untuk memberi jalan kepada kebatilan. Selama kekafiran dan kebatilan bersarang di bumi dan selama di bumi ini masih ada 'Ubudiyah kepada yang lain dari Allah, yang menjatuhkan maruah manusia, maka jihad fi Sabilillah akan terus dilancarkan dan perjanjian setia yang terikat di leher setiap Mu'min tetap mendorongnya supaya berjihad menunaikan perjanjian itu. Dan jika tidak, maka dia bukanlah seorang Mu'min yang tulen. Sabda Rasulullah s.a.w.:

من مات ولم يغز، ولم يحدث نفسه بغزو، مات على شعبة من النفاق

Sesiapa yang mati, sedangkan ia tidak pernah berperang dan tidak pernah bercita-cita untuk berperang, nescaya ia mati di atas satu cawangan nifaq

(Riwayat Imam Ahmad dan dikeluarkan oleh Muslim, Abu Daud dan an-Nasa'i)

فَٱسْتَبْشِرُوا۟ بِبَيْعِكُمُ ٱلَّذِى بَايَعْتُم بِهِۦ ۚ وَذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ﴿١١١﴾

"Oleh itu bergembiralah dengan jual beli yang telah kamu lakukan itu dan itulah suatu kejayaan yang amat besar."(111)

Maksudnya, bergembiralah dengan penyerahan jiwa raga dan harta benda kamu yang total kepada Allah dan penerimaan Syurga sebagai bayaran yang dijanjikan Allah... Apakah suatu kehilangan yang telah dialami oleh seorang Mu'min yang telah menyerahkan nyawa dan harta bendanya kepada Allah dan mendapat bayaran Syurga? Demi Allah, tiada suatu kehilangan yang telah dialaminya, kerana nyawa tetap menuju kematian dan harta benda lambat laun akan kehilangan juga sama ada kedua-duanya dikorbankan oleh tuannya untuk Sabilullah atau untuk jalan yang lain darinya, sementara Syurga yang akan di terimanya pada hakikatnya tetap merupakan suatu perolehan yang amat besar, suatu perolehan tanpa tukaran dan barangan, kerana tukaran itu tidak wujud sama ada di jalan Allah dan di jalan yang lain.

Anda tidak usah bercakap tentang kedudukan istimewa seseorang yang hidup kerana Allah. Ia dikira mencapai kejayaan apabila ia berjaya dalam perjuangan meninggikan Kalimatullah, menegakkan agama-Nya dan membebaskan para hamba-Nya dari perhambaan yang hina kepada yang lain dari Allah. Ia dikira mati syahid apabila ia gugur di medan perjuangan fi Sabilillah untuk mengemukakan pengakuan kepada agamanya bahawa mati itu lebih baik di sisinya dari hidup. Dia merasa dalam setiap gerak langkahnya bahawa dia lebih kuat dari ikatan-ikatan dunia dan lebih tinggi dari kepentingan-kepentingan bumi, kerana keimanan dapat mengatasi kesakitan dan 'aqidah dapat mengatasi kepentingan hidup.

Ini sahaja merupakan suatu perolehan dan keuntungan, iaitu keuntungan kerana kejayaan menegakkan insaniyah manusia yang tidak terlaksana kecuali ia dapat membebaskan dirinya dari belenggu-belenggu keperluan dan keimanannya dapat mengatasi kesakitan dan 'aqidahnya dapat mengatasi kepentingan hidup. Dan apabila ditambahkan pula dengan perolehan Syurga, maka sudah tentu jual beli itu mencetuskan kegembiraan yang besar dan

merupakan kejayaan yang besar yang tidak dapat diragui dan dipertikaikan lagi:

فَٱسْتَبْشِرُوا۟ بِبَيْعِكُمُ ٱلَّذِى بَايَعْتُم بِهِۦ ۚ وَذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ﴿١١١﴾

"Oleh itu bergembiralah dengan jual beli yang telah kamu lakukan itu. Dan itulah suatu kejayaan yang amat besar."(111)

وَعْدًا عَلَيْهِ حَقًّا فِى ٱلتَّوْرَىٰةِ وَٱلْإِنجِيلِ وَٱلْقُرْءَانِ ۚ

"Itulah janji Allah yang benar di dalam Taurat, Injil dan Al-Qur'an."(111)

Janji Allah kepada para Mujahidin yang berjuang di jalan Allah yang dinyatakan oleh Al-Qur'an memang masyhur dan diketahui umum. Ia dinyatakan begitu jelas dan berulang-ulang kali. Pernyataan itu tidak memberi sebarang ruang keraguan, terhadap keaslian unsur jihad fi Sabilillah di dalam sistem hidup Rabbani. Jihad dianggapkan suatu sarana yang sesuai dengan realiti hidup manusia - yang tidak khusus dengan suatu masa dan tempat yang tertentu - selama jahiliyah tidak dijelmakan dalam bentuk teori yang dapat ditentang dengan teori yang lain, malah dijelmakan dalam bentuk kelompok organik yang melindungkan dirinya dengan kekuatan kebendaan dan menentang agama Allah dan segala masyarakat Islam dengan kekuatan fizikal dan seterusnya menghalangkan manusia dari mendengar pengumuman Islam yang memperjuangkan konsep Uluhiyah Allah yang tunggal kepada seluruh manusia dan membebaskan manusia di bumi dari 'Ubudiyah kepada sesama manusia, juga menghalangkan manusia dari bergabung dengan masyarakat Islam yang bebas dari perhambaan kepada Taghut dan mengabdikan diri kepada Allah Yang Maha Esa sahaja.... Oleh sebab itulah Islam, yang wajib bertindak dan berjuang di bumi untuk merealisasikan pengumumannya bagi membebaskan "manusia" itu terpaksa bertembung dengan kekuatan-kekuatan kebendaan yang melindungi kelompok-kelompok jahiliyah, iaitu kelompok-kelompok yang pasti berjuang menghancurkan kebangkitan Islam dan menghalangkan pengumumannya yang mahu melancarkan gerakan pembebasan, untuk mengekalkan manusia terus terbelenggu kepada 'Ubudiyah kepada sesama manusia.

Adapun janji Allah kepada para Muhajidin yang diumumkan di dalam kitab Taurat dan Injil, maka ia memerlukan kepada sedikit huraian.

Kitab-kitab Taurat dan Injil yang berada dalam tangan kaum Yahudi dan kaum Kristian pada hari ini tidak boleh di katakan sebagai kitab-kitab sebenar yang diturunkan Allah kepada Nabi Musa dan Isa a.s. dan hingga kaum Yahudi dan kaum Kristian sendiri tidak mempertikaikan bahawa naskhah asal kedua kitab ini tidak lagi wujud, kerana naskhah-naskhah yang wujud di tangan mereka adalah ditulis setelah dilalui zaman yang lama, di mana kebanyakan kandungan asal kedua-dua kitab itu telah pun hilang dan tiada yang tinggal melainkan kandungan-kandungan yang kecil yang sempat diingati oleh ingatan demi ingatan kemudian diberi tokok tambah yang banyak.

Walaupun begitu di dalam kitab-kitab perjanjian lama masih terdapat isyarat-isyarat mengenai jihad di samping terdapat pemberangsangan yang mengajak kaum Yahudi bangkit berperang menentang musuh-musuh mereka dari kaum paganisme untuk membantu Tuhan mereka, agama-Nya dan beribadat kepada-Nya sekalipun terdapat pemesongan dan penyelewengan yang mengubahkan kefahaman mereka terhadap Allah S.W.T. dan kefahaman mereka terhadap jihad fi Sabilillah.

Adapun di dalam kitab-kitab Injil yang ada di dalam tangan penganut-penganut Kristian pada hari ini, maka di sana tidak ada apa-apa keterangan dan isyarat tentang jihad, tetapi kita amat perlu mengubahkan pengertian-pengertian dan konsep-konsep yang lumrah tentang agama Kristian. kerana pengertian-pengertian dan konsep-konsep itu diambil dari Injil-injil yang tidak mempunyai asalnya berlandaskan pengakuan pengkaji-pengkaji Kristian sendiri dan berlandaskan - sebelum itu - dengan pengakuan Allah S.W.T. sendiri dalam kitab suci-Nya Al-Qur'an yang terpelihara kesahihan dan keasliannya, dan tidak dapat ditembusi kebatilan, baik dari depan mahupun dari belakang.

Allah S.W.T. menerangkan di dalam kitab suci-Nya yang terpelihara bahawa janji-Nya untuk mengurniakan balasan Syurga kepada para Mujahidin yang berjihad di jalan Allah, di mana mereka membunuh dan di bunuh itu memang tercatat di dalam Taurat, Injil dan Al-Qur'an. Keterangan ini merupakan suatu keterangan yang muktamad, yang tidak memberi ruang kepada sesiapa pun untuk mempertikaikanya.

Jihad fi Sabilillah merupakan satu perjanjian yang diikat di leher setiap Mu'min umumnya sejak dibangkitkan para rasul dan sejak wujudnya agama Allah.

Jihad Merupakan Kemuncak Keimanan

Tetapi jihad fi Sabilillah bukannya semata-mata menyerbu ke dalam medan perang, malah ia merupakan kemuncak yang ditegakkan di atas tapak keimanan yang dijelmakan di dalam perasaan-perasaan, syi'ar-syi'ar ibadat, akhlak-akhlak yang murni dan amalan-amalan yang soleh. Para Mu'minin yang mengikat perjanjian dengan Allah dan menunjukkan hakikat keimanan pada diri mereka adalah satu golongan yang dapat dilihat pada mereka sifat-sifat keimanan yang tulen yang disebut di dalam ayat yang berikut:

ٱلتَّٰٓئِبُونَ ٱلْعَٰبِدُونَ ٱلْحَٰمِدُونَ ٱلسَّٰٓئِحُونَ
ٱلرَّٰكِعُونَ ٱلسَّٰجِدُونَ ٱلْءَامِرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ
وَٱلنَّاهُونَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَٱلْحَٰفِظُونَ لِحُدُودِ ٱللَّهِ

"Mereka (penjual jiwa raga dan harta) adalah orang-orang yang bertaubat, yang beribadat, yang memuji Allah, yang memikirkan kejadian alam, yang ruku' dan sujud, yang menyuruh melakukan ma'ruf dan melarang melakukan kemungkaran dan yang memelihara hukum-hukum Allah."(112)

Konsep Bertaubat Dan Beribadat

"*Orang-orang yang bertaubat*" dari dosa-dosa yang silam, orang-orang yang kembali kepada Allah memohon keampunan. Taubat ialah perasaan menyesal terhadap kesalahan-kesalahan yang lepas dan bertawajjuh kepada Allah dalam usia yang masih ada dan menahan diri dari dosa di samping melakukan amalan soleh untuk merealisasikan taubat dengan perbuatan sebagaimana taubat itu direalisasikan dengan meninggalkan amalan yang jahat. Pendeknya taubat itu ialah pembersihan dan penyucian diri, bertawajjuh kepada Allah dan melakukan amalan yang soleh. "Orang-orang yang beribadat" iaitu orang-orang yang bertawajjuh kepada Allah Yang Maha Esa dengan ibadat dan 'Ubudiyah sebagai pengakuan terhadap Rububiyah Allah. Sifat beribadat ini adalah suatu sifat yang mantap di dalam diri mereka yang diterjemahkan dengan syi'ar-syi'ar ibadat di samping diterjemahkan dengan amalan bertawajjuh kepada Allah Yang Maha Esa dengan segala perbuatan, segala perkataan, segala keta'atan dan segala kepatuhan mengikut perintah. Ibadat ialah pengakuan terhadap Uluhiyah dan Rububiyah Allah dalam bentuk yang praktikal dan realistik.

Konsep Memuji Allah Dan Memikirkan Alam Kejadian

"*Orang-orang yang memuji Allah*" ialah orang-orang yang mempunyai hati yang mengakui Allah sebagai Pengurnia ni'mat, dan mempunyai lidah yang sentiasa memuji Allah sama ada dalam kesenangan dan kesusahan. Di dalam kesenangan mereka memuji Allah sebagai melahirkan kesyukuran di atas pengurniaan ni'mat yang lahir dan di dalam kesusahan mereka memuji Allah kerana menyedari wujudnya rahmat di dalam ujian Allah itu. Kepujian dan sanjungan itu bukan hanya dinyatakan dalam masa meni'mati kesenangan sahaja, tetapi harus dinyatakan juga ketika menghadapi kesusahan, kerana hati seorang Mu'min itu sedar bahawa Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Adil itu tidak akan menguji seseorang Mu'min melainkan kerana dalam ujian itu terdapat sesuatu kebaikan yang diketahui-Nya walaupun para hamba-Nya tidak mengetahuinya.

"*Orang-orang yang memikirkan kejadian-kejadian alam*". Riwayat-riwayat tidak sepakat tentang siapakah yang dimaksudkan dengan "السائحون" itu. Ada riwayat yang mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan kata-kata ini ialah kaum Muhajirin, dan ada pula riwayat yang mengatakan ianya para Mujahidin, ada yang mengatakan ianya orang-orang yang menjelajah kerana mencari ilmu dan ada pula yang mengatakan ianya orang-orang yang berpuasa. Kami cenderung mengatakan bahawa orang-orang yang dimaksudkan dengan "السائحون" itu ialah orang-orang yang memikirkan tentang kejadian-kejadian yang diciptakan Allah dan undang-undang-Nya yang dijelaskan di tempat-tempat yang lain seperti:

إِنَّ فِى خَلْقِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَٱخْتِلَٰفِ ٱلَّيْلِ
وَٱلنَّهَارِ لَءَايَٰتٍ لِّأُو۟لِى ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿١٩٠﴾
ٱلَّذِينَ يَذْكُرُونَ ٱللَّهَ قِيَٰمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ
وَيَتَفَكَّرُونَ فِى خَلْقِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ رَبَّنَا
مَا خَلَقْتَ هَٰذَا بَٰطِلًا سُبْحَٰنَكَ فَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿١٩١﴾

"Sesungguhnya di dalam penciptaan langit dan bumi dan pertukaran malam dan siang terdapat bukti-bukti (kekuasaan Ilahi) bagi orang-orang yang berakal.(190) Iaitu orang-orang yang sentiasa mengingati Allah dalam keadaan mereka berdiri, duduk dan berbaring di atas lambung mereka dan mereka sentiasa memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi.(Dan berkata): Wahai Tuhan kami! Tiadalah Engkau ciptakan alam ini dengan sia-sia sahaja, Maha Sucilah Engkau! Oleh itu lindungilah kami dari azab Neraka."

(Surah Aali-Imran: 190-191)

Sifat ini lebih sesuai di sini dengan suasana selepas bertaubat, beribadat dan memuji Allah, iaitu di samping bertaubat, beribadat dan memuji Allah ialah memikir dan meneliti kejadian-kejadian kerajaan Allah dengan penelitian yang pada akhirnya membawa seorang itu kembali kepada Allah, memahami hikmat penciptaan-Nya dan memahami kebenaran yang menjadi landasan penciptaan itu. Penelitian kejadian-kejadian alam tidak memadai sekadar untuk memahami hikmat penciptaan dan sekadar untuk menghabiskan usia dalam usaha semata-mata memikir dan meneliti kejadian-kejadian alam, malah penelitian itu harus bertujuan untuk memaju dan membangunkan kehidupan berdasarkan kefahaman yang diperolehi dari penelitian itu.

Konsep Solat Dan Al-Amru Bil-Ma'ruf Dan An-Nahyu 'Anil-Munkar

"*Orang-orang yang ruku' dan sujud*" iaitu orang-orang yang mendirikan solat dan menjunjung solat seolah-olah amalan itu menjadi salah satu sifat yang tetap pada mereka dan seolah-olah gerak ruku' dan sujud itu menjadi ciri yang membezakan mereka dari orang lain.

"Orang-orang yang menyuruh melakukan ma'ruf dan melarang melakukan kemungkaran" - apabila wujudnya masyarakat Islam yang diperintah oleh syari'at Allah, di mana manusia hanya ta'at kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan tidak ta'at kepada yang lain dari-Nya, maka wujudlah tugas menyuruh manusia melakukan ma'ruf dan melarang mereka melakukan kemungkaran di dalam masyarakat ini. Kemungkaran itu merangkumi segala perbuatan yang salah dan menyeleweng dari peraturan dan undang-undang Allah, tetapi apabila di bumi ini tidak wujud sebuah masyarakat Islam, di mana kuasa Hakimiyah dipunyai oleh Allah Yang Maha Esa sahaja dan syari'at Allah sahaja yang mengendalikan pemerintahan di dalam masyarakat itu, maka tugas menyuruh melakukan ma'ruf harus menjurus pertama ke arah tugas menyuruh melakukan ma'ruf yang terbesar, iaitu menegakkan Uluhiyah Allah Yang Maha Esa dan merealisasikan pembangunan masyarakat Islam, begitu juga tugas melarang melakukan kemungkaran harus menjurus pertamanya ke arah tugas melarang kemungkaran yang terbesar iaitu mencegah pemerintahan Taghut dan perbuatan memperhambakan manusia kepada yang lain dari Allah yang dilakukan melalui pentadbiran yang memerintah mereka dengan undang-undang yang lain dari syari'at Allah.

(Angkatan Mu'minin pertama) yang beriman kepada Nabi Muhammad s.a.w. telah berhijrah dan berjihad dengan tujuan pertama-tamanya untuk menegakkan daulah Islamiyah yang memerintah dengan syari'at Islam dan membangun masyarakat Islam yang diperintah dengan syari'at ini. Dan setelah selesai menegakkan daulah Islamiyah dan membangun masyarakat Islam barulah mereka menjalankan tugas al-Amru bil-Ma'ruf dan an-Nahyu 'Anil-Munkar dalam bidang-bidang cabangan yang berhubung dengan keta'atan-keta'atan dan pelanggaran-pelanggaran hukum. Mereka tidak membuang tenaga mereka sebelum tertubuhnya daulat Islamiyah dan masyarakat Islam itu dalam mana-mana bidang cabangan tersebut yang tidak lagi wujud melainkan setelah terdirinya daulah dan masyarakat Islam. Konsep al-Amru bil-Ma'ruf dan an-Nahyu 'Anil-Munkar pastilah difahami mengikut kehendak yang sebenar. Oleh sebab itu tugas al-Amru bil-Ma'ruf yang bersifat cabangan dan tugas an-Nahyu, 'Anil-Munkar yang bersifat cabangan tidak dimulakan sebelum direalisasikan ma'ruf dan munkar yang terbesar sebagaimana telah dilakukan pertama kali sesudah ditegakkan masyarakat Islam (di zaman Rasulullah).

Konsep Memelihara Undang-undang Allah

'Orang-orang yang memelihara undang-undang Allah' iaitu usaha menegakkan hukum-hukum Allah untuk dilaksanakan terhadap diri sendiri dan orang ramai dan menentang mereka yang menggugat atau mencerobohkannya. Usaha ini sama dengan tugas al-Amru bil-Ma'ruf dan an-Nahyu 'Anil-Munkar iaitu ia tidak dapat dilaksanakan melainkan di dalam masyarakat Islam, iaitu masyarakat yang diperintahkan oleh syari'at Allah sahaja dalam segala urusan pentadbiran-Nya. Ia tidak boleh dilaksanakan melainkan oleh masyarakat yang mengifradkan Allah sahaja dengan sifat-sifat Uluhiyah, Rububiyah, Hakimiyah dan kuasa perundangan dan menolak peraturan Taghut yang wujud dalam setiap undang-undang yang tidak diizinkan Allah. Seluruh tenaga usaha pertama-tamanya harus ditumpukan kepada perjuangan menegakkan masyarakat Islam dan apabila masyarakat ini wujud, maka barulah di sana terdapat tempat bagi orang-orang yang memelihara dan mengawal undang-undang Allah sebagaimana telah dilakukan pertama kali sesudah ditegakkan masyarakat Islam (di zaman Rasulullah).

Inilah kelompok Mu'minin yang telah mengikatkan perjanjian setia dengan Allah. Inilah sifat-sifat dan ciri-ciri istimewa mereka iaitu: Sifat bertaubat yang mengembalikan seseorang kepada Allah dan mencegahkannya dari melakukan dosa serta mendorongkannya melakukan amalan-amalan yang soleh. Sifat cintakan ibadat yang menghubungkan seseorang dengan Allah dan menjadikan Allah sebagai Ma'budnya dan sebagai matlamat dan hala tujuannya. Sifat memuji Allah dalam sukacita dan derita sebagai hasil dari penyerahan diri yang sempurna kepada Allah, juga sebagai hasil kepercayaannya yang mutlak kepada rahmat dan keadilan Allah. Sifat suka menjelajah untuk memikir dan meneliti kejadian-kejadian di dalam kerajaan Allah, juga untuk melihat ayat-ayat Allah yang jelas di alam buana yang membuktikan hikmat kebijaksanaan dan kebenaran Allah dalam merangkakan ciptaan-ciptaan-Nya. Sifat Amru Bil-Ma'ruf dan an-Nahyu 'Anil-Munkar yang bertolak dari mengislahkan diri sendiri kepada mengislah manusia dan kehidupan mereka. Sifat memelihara undang-undang Allah dari tindak-tanduk penggugat-penggugat dan pencabul-pencabul, juga memeliharakannya dari segala serangan dan pencerobohan.

Inilah kelompok Mu'minin yang telah dijanjikan Allah dengan balasan Syurga. Allah telah membeli dari mereka jiwa raga dan harta benda mereka untuk melaksanakan Sunnatullah yang telah dikuatkuasakan sejak wujudnya agama Allah dan para rasul-Nya, iaitu berjihad fi Sabilillah untuk meninggikan Kalimatullah dan membunuh musuh-musuh Allah yang menentang Allah atau untuk gugur syahid di Medan pertarungan yang tidak pernah reda di antara kebenaran dan kebathilan, di antara Islam dan jahiliyah, di antara syari'at Allah dan undang-undang Taghut dan di antara hidayat dan kesesatan.

Hidup itu bukannya hiburan dan permainan, hidup itu bukannya meni'mati makanan ala cara yang dini'mati oleh binatang ternakan, hidup itu bukannya keselamatan yang hina, kerehatan yang bodoh dan kerelaan dengan keamanan yang murah. Hidup yang

benar ialah perjuangan di jalan kebenaran, jihad di jalan kebaikan dan pertarungan untuk meninggikan kalimat Allah atau gugur syahid fi Sabilillah... kemudian ganjarannya ialah Syurga dan keredhaan Allah.

Inilah hidup yang diseru para Mu'minin kepadanya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱسْتَجِيبُوا۟ لِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ إِذَا دَعَاكُمْ لِمَا يُحْيِيكُمْ

"Wahai orang-orang yang beriman! Sambutlah seruan Allah dan Rasul-Nya apabila ia menyeru kamu kepada agama/jihad yang memberi daya hayat kepada kamu."

(Surah al-Anfal: 24)

(Pentafsiran ayat-ayat 113 - 116)

Kelompak Mu'minin yang telah dibeli Allah jiwa raga dan harta benda mereka dengan bayaran Syurga itu adalah satu umat yang unik, di mana 'aqidah atau kepercayaan kepada Allah merupakan tali hubungan dan perpaduan yang tunggal di antara mereka. Surah ini yang menjelaskan tatatata hubungan yang mutakhir di antara kelompok-kelompok Muslimin dan kelompok-kelompok yang bukan Muslimin menggariskan peraturan yang tegas mengenai hubungan-hubungan yang bukan berlandaskan 'aqidah ini terutama setelah berlakunya gejala perpecahan dan kelemahan perpaduan yang telah dicetuskan oleh perkembangan Islam yang begitu meluas selepas penaklukan negeri Makkah dan kemasukan puak-puak manusia yang begitu ramai ke dalam agama Islam yang belum lagi sempurna diterapkan dengan sifat-sifat Islam, di mana hubungan-hubungan kekeluargaan masih bertunjang begitu mendalam di dalam kehidupan mereka. Ayat-ayat yang berikut memutuskan hubungan di antara kelompok Mu'minin yang telah mengikatkan perjanjian setia dengan Allah dengan kelompok yang tidak mengikat perjanjian bersama mereka walaupun mereka dari kaum kerabat yang dekat setelah wujudnya perbezaan di antara dua matlamat dan dua akibat dua kelompok itu di dunia dan di Akhirat:

مَا كَانَ لِلنَّبِيِّ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَن يَسْتَغْفِرُوا۟ لِلْمُشْرِكِينَ وَلَوْ كَانُوٓا۟ أُو۟لِى قُرْبَىٰ مِنۢ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُمْ أَصْحَٰبُ ٱلْجَحِيمِ ﴿١١٣﴾ وَمَا كَانَ ٱسْتِغْفَارُ إِبْرَٰهِيمَ لِأَبِيهِ إِلَّا عَن مَّوْعِدَةٍ وَعَدَهَآ إِيَّاهُ فَلَمَّا تَبَيَّنَ لَهُۥٓ أَنَّهُۥ عَدُوٌّ لِّلَّهِ تَبَرَّأَ مِنْهُ ۚ إِنَّ إِبْرَٰهِيمَ لَأَوَّٰهٌ حَلِيمٌ ﴿١١٤﴾

وَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيُضِلَّ قَوْمًۢا بَعْدَ إِذْ هَدَىٰهُمْ حَتَّىٰ يُبَيِّنَ لَهُم مَّا يَتَّقُونَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿١١٥﴾ إِنَّ ٱللَّهَ لَهُۥ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ يُحْىِۦ وَيُمِيتُ ۚ وَمَا لَكُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ مِن وَلِىٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿١١٦﴾

"Tidaklah wajar bagi Nabi dan orang-orang yang beriman memohon keampunan (kepada Allah) untuk orang-orang Musyrikin walaupun mereka dari kaum kerabat sendiri setelah ternyata kepada mereka bahawa orang-orang Musyrikin itu adalah penghuni-penghuni Neraka(113). Dan tiadalah permohonan keampunan yang dilakukan oleh Ibrahim untuk bapanya itu melainkan kerana adanya suatu perjanjian yang telah dijanjikan Allah kepadanya, tetapi setelah ternyata bahawa bapanya adalah musuh Allah, ia terus berlepas diri darinya. Sesungguhnya Ibrahim adalah seorang yang sangat merendahkan dirinya kepada Allah dan sangat sabar (114). Allah sekali-kali tidak akan menyesatkan sesuatu kaum setelah Dia memberi hidayat kepada mereka hingga Dia menjelaskan kepada mereka segala apa yang harus dijauhi mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu(115). Sesungguhnya Allah memiliki kerajaan langit dan bumi. Dialah yang menghidup dan yang mematikan. Dan kamu sekali-kali tidak mempunyai pelindung dan penolong selain Allah."(116)

Perintah Memutuskan Hubungan Dengan Kaum Musyrikin

Yang nampak jelas ialah adanya setengah-setengah orang Islam memohon keampunan kepada datuk nenek dan ibu bapa mereka yang Musyrikin. Mereka memohon Rasulullah s.a.w. agar beliau memohon keampunan kepada mereka lalu turunlah ayat-ayat tersebut menjelaskan bahawa permohonan yang seperti itu merupakan saki-baki dari hubungan darah keturunan yang tidak ada kena mengena hubungannya dengan Allah. Oleh sebab itulah permohonan keampunan yang seperti itu tidak sepatutnya dilakukan oleh Nabi dan orang-orang yang beriman. Mereka tidak sekali-kali wajar berbuat begitu. Adapun bagaimana mereka mengetahui bahawa datuk nenek dan ibu bapa mereka adalah penghuni-penghuni Neraka, maka bukti yang lebih kuat ialah kerana datuk nenek dan ibu bapa mereka mati dengan kepercayaan syirik dan kerana putusnya harapan dari mereka untuk mendapat hidayat kepada keimanan.

'Aqidah merupakan tali hubungan agung, di mana bertemunya seluruh hubungan dan pertalian kemanusiaan. Apabila hubungan agung ini terputus, maka putuslah segala hubungan yang lain dari akar umbinya dan selepas itu tiada lagi pertemuan dalam hubungan darah keturunan, tiada lagi pertemuan dalam hubungan persemendaan, tiada lagi pertemuan

dalam hubungan bangsa atau kaum dan tiada lagi pertemuan dalam hubungan negeri ... apabila wujud keimanan kepada Allah, maka bersambunglah tali hubungan agung dan seluruh hubungan yang lain akan lahir darinya dan akan bertemu dengannya. Sebaliknya jika tidak wujud keimanan kepada Allah, maka tiada lagi apa-apa hubungan yang dapat menyambung di antara seorang dengan seorang yang lain. [4]

وَمَا كَانَ ٱسْتِغْفَارُ إِبْرَٰهِيمَ لِأَبِيهِ إِلَّا عَن مَّوْعِدَةٍ وَعَدَهَآ إِيَّاهُ فَلَمَّا تَبَيَّنَ لَهُۥٓ أَنَّهُۥ عَدُوٌّ لِّلَّهِ تَبَرَّأَ مِنْهُ ۚ إِنَّ إِبْرَٰهِيمَ لَأَوَّٰهٌ حَلِيمٌ ﴿١١٤﴾

"Dan tiadalah permohonan keampunan yang dilakukan oleh Ibrahim untuk bapanya itu melainkan kerana adanya suatu perjanjian yang telah dijanjikan Allah kepadanya, tetapi setelah ternyata bahawa bapanya adalah musuh Allah, ia terus berlepas diri darinya. Sesungguhnya Ibrahim adalah seorang yang sangat merendahkan dirinya kepada Allah dan sangat sabar."(114)

Istighfar Ibrahim terhadap bapanya tidak boleh dijadikan teladan, kerana istighfar itu adalah dengan sebab beliau berjanji dengan bapanya bahawa beliau akan memohon keampunan kepada Allah untuknya supaya Allah memberi hidayat kepadanya. Ini terkandung di dalam perkataan Ibrahim ketika beliau bercakap dengan bapanya:

قَالَ سَلَٰمٌ عَلَيْكَ ۖ سَأَسْتَغْفِرُ لَكَ رَبِّىٓ ۖ إِنَّهُۥ كَانَ بِى حَفِيًّا ﴿٤٧﴾

وَأَعْتَزِلُكُمْ وَمَا تَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَأَدْعُوا۟ رَبِّى عَسَىٰٓ أَلَّآ أَكُونَ بِدُعَآءِ رَبِّى شَقِيًّا ﴿٤٨﴾

"Berkata (Ibrahim) : Sejahteralah ke atas ayahanda, saya akan pohon keampunan dari Tuhan saya untuk ayahanda. Sesungguhnya Dia amat baik dengan saya. (47) Dan saya akan menjauhkan diri dari ayahanda dan segala sembahan yang disembahkan ayahanda selain dari Allah semoga saya tidak hampa dengan berdo'a kepada Tuhan saya." (48)

(Surah Maryam: 47-48)

Dan apabila bapa Ibrahim telah mati dengan kepercayaan syirik dan ternyata kepadanya bahawa bapanya terus menjadi musuh Allah dan tidak ada harapan mendapat hidayat, maka beliau pun berlepas diri darinya dan memutuskan hubungan dengannya.

إِنَّ إِبْرَٰهِيمَ لَأَوَّٰهٌ حَلِيمٌ ﴿١١٤﴾

"Sesungguhnya Ibrahim adalah seorang yang sangat merendahkan diri kepada Allah dan sangat sabar."(114)

Beliau sangat merendahkan diri kepada Allah dan sangat sabar menghadapi orang-orang yang menyakitinya. Bapanya telah menyakitinya, tetapi beliau hadapinya dengan sabar dan apabila beliau dapati bapanya terus menjadi musuh Allah, ia terus berlepas diri darinya dan kembali merendahkan diri kepada Allah.

Prinsip Tiada Kesalahan Kecuali Telah Diberi Penjelasan

Menurut riwayat, apabila turun dua ayat yang tersebut, maka orang-orang yang memohon keampunan kepada bapa-bapa mereka yang Musyriqin itu merasa takut menjadi sesat kerana mereka telah menyalahi perintah Allah mengenai perkara ini, lalu turunlah ayat yang berikut meyakinkan mereka bahawa mereka tidak bersalah dari segi ini dan menjelaskan satu prinsip Islam, iaitu tiada hukuman tanpa nas dan tiada kesalahan tanpa diberi penerangan lebih dahulu:

وَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيُضِلَّ قَوْمًۢا بَعْدَ إِذْ هَدَىٰهُمْ حَتَّىٰ يُبَيِّنَ لَهُم مَّا يَتَّقُونَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿١١٥﴾

"Allah sekali-kali tidak akan menyesatkan sesuatu kaum setelah Dia memberi hidayat kepada mereka hingga Dia menjelaskan kepada mereka segala apa yang harus dijauhi mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."(115)

Maksudnya, Allah tidak mempersalahkan manusia kecuali kerana melakukan perbuatan yang telah diterangkan kepada mereka supaya mereka menjauhi dari melakukannya dan bukanlah dari kerja Allah menghapuskan hidayat dari sesuatu kaum yang telah dikurniakan hidayat itu kepada mereka kemudian menyerahkan mereka kepada kesesatan semata-mata kerana mereka melakukan sesuatu perbuatan selama perbuatan itu tidak termasuk di dalam senarai perbuatan-perbuatan yang ditegahkan olehnya sebelum ini. Allah tidak bertindak begitu kerana manusia tidak mengetahui segala-galanya dan hanya Allah sahaja yang mengetahui segala sesuatu dan hanya dari-Nya diterima penerangan dan pengajaran.

Allah telah menjadikan Islam suatu agama yang mudah dan senang. Oleh kerana itu Allah menjelaskan larangan-larangan dan suruhan-suruhan-Nya dengan terang. Dan Allah sengaja tidak memberi apa-apa penjelasan mengenai bermacam-macam perkara bukan kerana terlupa, tetapi kerana sesuatu hikmat yang tertentu dan kerana memberi kemudahan, Allah melarang bertanya mengenai perkara-perkara yang didiamkan supaya pertanyaan itu tidak membawa kepada hukum yang memberatkan. Oleh sebab itu tiada siapa yang berhak mengharamkan sesuatu yang didiamkan Allah dan

---

[4] *Lihat bab "جنسية المسلم و عقيدته" dalam buku "معالم في الطريق"*

melarang sesuatu yang tidak diterangkan-Nya demi merealisasikan rahmat Allah kepada para hamba-Nya.

Di akhir ayat ini dan di dalam suasana da'wah yang menyeru supaya mengorbankan hubungan darah dan keturunan setelah menyeru mereka mengorbankan jiwa raga dan harta benda, maka ayat yang berikut menjelaskan bahawa pelindung dan penolong yang haqiqi ialah Allah Yang Maha Esa sahaja, kerana Dialah Tuhan yang memiliki langit dan bumi dan memiliki urusan mati dan hidup:

إِنَّ ٱللَّهَ لَهُۥ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ يُحْىِۦ وَيُمِيتُ ۚ وَمَا لَكُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ مِن وَلِىٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿١١٦﴾

"Sesungguhnya Allah memiliki kerajaan langit dan bumi. Dialah yang menghidup dan yang mematikan. Dan kamu sekali-kali tidak mempunyai pelindung dan penolong selain Allah."(116)

Jiwa raga, harta benda, langit dan bumi, hidup dan mati, perlindungan dan pertolongan adalah seluruhnya terletak di tangan Allah, bukan di tangan yang lain dari-Nya, oleh kerana itu perhubungan dengan Allah Yang Maha Esa sahaja sudah cukup dan memadai. Pernyataan tegas yang berturut-turut ini di samping pernyataan muktamad yang memutuskan tali hubungan kerabat menunjukkan bahawa hati setengah-setengah orang Islam di waktu itu sedang mengalami keadaan goyah dan terumbang-ambing di antara hubungan-hubungan yang lumrah di dalam masyarakat dengan hubungan 'aqidah yang baru yang memerlukan penjelasan yang muktamad, yang dinyatakan dalam surah yang menetapkan tatacara hubungan yang mutakhir di antara masyarakat Islam dengan masyarakat-masyarakat di sekelilingnya sehingga perbuatan istighfar kepada orang-orang yang telah mati dengan kepercayaan syirik juga menerima hukuman yang ketat. Semuanya bertujuan supaya hati para Mu'minin bersih dari segala hubungan yang lain dari hubungan 'aqidah.

Perpaduan yang dilandaskan di atas hubungan 'aqidah sahaja merupakan prinsip pergerakan Islamiyah. Ia merupakan salah satu dari prinsip-prinsip i'tiqad dan kefahaman Islamiyah di samping merupakan salah satu dari prinsip pergerakan dan perjuangan. Inilah yang telah dijelaskan oleh surah yang tegas ini berulang-ulang kali.

(Pentafsiran ayat-ayat 117-118)

Jika kesediaan berjihad merupakan tabi'at dari perjanjian setia, maka perbuatan ponteng dari berjihad yang dilakukan oleh orang-orang yang berkuasa berjihad, walau dengan sebab apa sekalipun adalah satu perbuatan keji yang amat besar. Sikap teragak-agak dan ponteng yang dapat dilihat ketika berlaku Peperangan Tabuk merupakan satu gejala yang harus dikaji dan ditumpukan perhatian. Di dalam ayat-ayat yang berikut dapat dilihat sejauh mana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya terhadap kaum Mu'minin kerana Dia telah mema'afkan sikap teragak-agak dan perbuatan ponteng yang terbit dari orang-orang Mu'minin yang ikhlas dan mengurniakan taubat kepada mereka kerana kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan mereka sama ada kecil atau besar. Dan ayat-ayat yang berikut juga menerangkan tentang nasib kesudahan tiga orang Mu'min yang ditangguhkan keputusan terhadap mereka. Mereka belum lagi dikenakan apa-apa hukuman terhadap mereka. Merekalah orang-orang yang ditangguh untuk menunggu keputusan Allah yang telah diceritakan sebelum ini sehingga turunlah keputusan berikut setelah dilalui satu tempoh yang agak lama:

لَّقَد تَّابَ ٱللَّهُ عَلَى ٱلنَّبِىِّ وَٱلْمُهَٰجِرِينَ وَٱلْأَنصَارِ ٱلَّذِينَ ٱتَّبَعُوهُ فِى سَاعَةِ ٱلْعُسْرَةِ مِنۢ بَعْدِ مَا كَادَ يَزِيغُ قُلُوبُ فَرِيقٍ مِّنْهُمْ ثُمَّ تَابَ عَلَيْهِمْ ۚ إِنَّهُۥ بِهِمْ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١١٧﴾

وَعَلَى ٱلثَّلَٰثَةِ ٱلَّذِينَ خُلِّفُوا۟ حَتَّىٰٓ إِذَا ضَاقَتْ عَلَيْهِمُ ٱلْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ وَضَاقَتْ عَلَيْهِمْ أَنفُسُهُمْ وَظَنُّوٓا۟ أَن لَّا مَلْجَأَ مِنَ ٱللَّهِ إِلَّآ إِلَيْهِ ثُمَّ تَابَ عَلَيْهِمْ لِيَتُوبُوٓا۟ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١١٨﴾

"Sesungguhnya Allah telah mengurniakan taubat ke atas Nabi, para Muhajirin dan para Ansar yang keluar mengikutinya di sa'at yang gawat setelah hati segolongan dari mereka hampir-hampir menyeleweng kemudian Allah mengurniakan taubat ke atas mereka. Sesungguhnya Allah Maha Penyayang dan Maha Pengasih(117). Dan mengurniakan taubat ke atas tiga orang yang telah ditangguhkan keputusan terhadap mereka sehingga bumi yang luas menjadi sempit kepada mereka dan hati mereka juga dirasakan begitu picik dan mereka yakin tiada tempat perlindungan dari kemurkaan Allah melainkan kembali kepada-Nya, kemudian Allah mengurniakan taubat ke atas mereka supaya mereka sentiasa bertaubat. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat dan Maha Pengasih."(118)

Pengurniaan taubat dari Allah kepada Nabi s.a.w. dapat difaham apabila dirujukkan kepada seluruh peristiwa Peperangan Tabuk. Yang nampak zahir ialah taubat ini adalah mempunyai hubungan dengan Firman Allah yang silam yang ditujukan kepada Nabi-Nya:

عَفَا ٱللَّهُ عَنكَ لِمَ أَذِنتَ لَهُمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكَ ٱلَّذِينَ صَدَقُوا۟ وَتَعْلَمَ ٱلْكَٰذِبِينَ ﴿٤٣﴾

"Allah telah mema'afkan engkau. Mengapa engkau benarkan mereka (tidak ikut berperang) sebelum jelas kepadamu orang-orang yang benar (berada di dalam keuzuran) dan sebelum engkau mengetahui orang-orang yang berdusta."(43)

Hal ini berlaku ketika sekumpulan orang-orang yang mampu berperang meminta kebenaran dari Rasulullah s.a.w. supaya diizinkan kepada mereka untuk tidak ikut berperang dengan menggunakan alasan-alasan keuzuran yang palsu, lalu beliau memberi keizinan kepada mereka. Dan Allah telah mema'afkan beliau atas ijtihadnya yang tidak tepat itu sambil mengingatkan beliau bahawa langkah yang lebih baik bagi beliau ialah bertindak dengan hati-hati sehingga dapat dikenalpastikan di antara orang-orang yang benar-benar uzur dengan mereka yang berpura-pura uzur.

Adapun pengurniaan taubat ke atas kaum Muhajirin dan Ansar, maka nas yang ada di hadapan kita menunjukkan latar belakang dan situasi-situasi Peperangan Tabuk yang terkandung di dalam firman-Nya.

ٱلَّذِينَ ٱتَّبَعُوهُ فِى سَاعَةِ ٱلْعُسْرَةِ مِنۢ بَعْدِ مَا كَادَ يَزِيغُ قُلُوبُ فَرِيقٍ مِّنْهُمْ

"(Iaitu orang-orang Muhajirin dan Ansar) yang keluar mengikutinya di sa'at yang gawat setelah hati segolongan dari mereka hampir-hampir menyeleweng"(117)

iaitu setengah-setengah dari mereka mula-mula merasa keberatan untuk keluar berperang kemudian barulah mereka keluar mendapatkan angkatan perang sebagaimana kami akan huraikan nanti. Mereka adalah golongan Mu'minin yang tulen. Setengah-setengah dari mereka mula-mula terpengaruh dengan propaganda kaum Munafiqin yang menakut-nakutkan mereka dari berperang dengan kaum Roman kemudian Allah meneguhkan hati mereka dan mereka meneruskan perjalanan mereka ke medan perang tanpa teragak-agak lagi.

Situasi-situasi Peperangan Tabuk

Di sini eloklah kita mengkaji kembali sebahagian dari situasi-situasi Peperangan Tabuk dan latar belakangnya supaya kita dapat menghayati suasananya yang digambarkan Allah sebagai "sa'at yang gawat" dan supaya kita dapat memahami tabi'at perasaan-perasaan dan pergerakan yang wujud pada masa itu, yang kami saringkan – dari kitab as-Sirah karangan Ibn Hisyam, kitab "إمتاع الاسماع" Karangan al-Maqrizi, kitab "البداية والنهاية" oleh Ibn Kathir dan seterusnya dari tafsir Ibn Kathir: Apabila turun firman Allah:

قَٰتِلُوا۟ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَلَا بِٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ وَلَا يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَلَا يَدِينُونَ دِينَ ٱلْحَقِّ مِنَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ حَتَّىٰ يُعْطُوا۟ ٱلْجِزْيَةَ عَن يَدٍ وَهُمْ صَٰغِرُونَ ﴿٢٩﴾

"Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak pula beriman kepada hari Akhirat dan mereka tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan Allah dan Rasul-Nya dan mereka tidak beragama dengan agama yang benar, iaitu orang-orang (Yahudi dan Nasara) yang dikurniakan kitab sehingga mereka sanggup membayar jizyah dengan patuh dan ta'at"(29)

maka Rasulullah s.a.w. memerintah para sahabatnya supaya bersiap sedia untuk memerangi angkatan tentera Roman. Patut diperhatikan bahawa pertempuran dengan angkatan tentera Roman telah pun berlaku di dalam Peperangan Mu'tah sebelum turunnya ayat-ayat ini. Justeru itu perintah yang akhir ini adalah diturunkan dengan maksud untuk menjelaskan satu tindakan yang tetap dan berterusan yang diterangkan di akhir ayat-ayat Al-Qur'an yang diturunkan iaitu pada masa orang ramai sedang mengalami kesulitan, panas yang amat terik, kemarau yang menyusahkan, juga pada masa buah-buah tamar sedang masak, sedangkan mereka sangat gemar tinggal di kampung halaman masing-masing untuk meni'mati buah-buahan dan bayangan yang teduh dan mereka tidak suka keluar meninggalkan kampung halaman dalam keadaan dan masa yang seperti ini. Biasanya Rasulullah s.a.w. apabila keluar untuk menghadapi sesuatu peperangan beliau tidak memberitahu tempat tujuannya dengan tepat, malah ia menyebut satu tempat yang lain dari tempat tujuannya yang sebenar kecuali Peperangan Tabuk, yang mana tempat ini telah diberitahu kepada pejuang-pejuang Muslimin dengan jelas memandangkan tempat itu sangat jauh, masanya sangat gawat dan angkatan musuh yang akan dihadapinya juga sangat besar supaya kaum Muslimin membuat persiapan yang wajar. Beliau memerintah mereka supaya bersedia dan secara langsung memberitahu kepada mereka bahawa beliau mahu berperang dengan orang-orang Roman.

Setengah-setengah orang Munafiqin meminta kebenaran kepada Rasulullah s.a.w. supaya mereka dibenarkan tidak ikut berperang di dalam peperangan ini, kerana mereka takut terpesona dengan gadis-gadis Roman yang cantik. Permintaan mereka telah diluluskan oleh beliau. Kemudian Allah menurunkan ayat menegur Rasulullah s.a.w. kerana memperkenankan permintaan mereka dan ayat itu dimulakan dengan pernyataan ma'af terhadap beliau kerana kesilapan ijtihadnya:

عَفَا ٱللَّهُ عَنكَ لِمَ أَذِنتَ لَهُمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكَ ٱلَّذِينَ صَدَقُوا۟ وَتَعْلَمَ ٱلْكَٰذِبِينَ ﴿٤٣﴾

"Allah telah mema'afkan engkau. Mengapa engkau benarkan mereka (tidak ikut berperang) sebelum jelas

kepadamu orang-orang yang benar (berada di dalam keuzuran) dan sebelum engkau mengetahui orang-orang yang berdusta."(43)

Kaum Munafiqin menghasut satu sama lain supaya jangan keluar berperang pada masa panas terik ini, kerana memandang kecil terhadap tugas jihad dan kerana keraguan terhadap agama yang benar dan kerana menyebarkan berita-berita fitnah terhadap Rasulullah s.a.w. Lalu Allah menurunkan ayat mencela mereka:

وَقَالُوا۟ لَا تَنفِرُوا۟ فِى ٱلْحَرِّ ۗ قُلْ نَارُ جَهَنَّمَ أَشَدُّ حَرًّا ۚ لَّوْ كَانُوا۟ يَفْقَهُونَ ﴿٨١﴾

"Dan mereka telah berkata: Janganlah kamu keluar berperang di dalam panas terik ini. Katakanlah: Api Neraka itu lebih panas lagi jika kamu mengerti."(81)

فَلْيَضْحَكُوا۟ قَلِيلًا وَلْيَبْكُوا۟ كَثِيرًا جَزَآءًۢ بِمَا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿٨٢﴾

"Oleh itu hendaklah mereka sedikitkan ketawa dan banyakkan menangis sebagai balasan terhadap perbuatan-perbuatan yang diusahakan mereka."(82)

Kemudian Rasulullah s.a.w. mendapat berita bahawa sekumpulan orang-orang Munafiqin sedang berkumpul di rumah Suwaylim dari bangsa Yahudi. Mereka menghalang orang ramai dari ikut berperang bersama Rasulullah s.a.w. di dalam Peperangan Tabuk, lalu beliau menghantar Talhah ibn 'Ubayd bersama sekumpulan sahabatnya kepada mereka dan menyuruhnya supaya membakar rumah Suwaylim bersama mereka. Apabila Talhah bertindak, ad-Dhahak ibn Khalifah menyerbu keluar dari belakang rumah itu menyebabkan kakinya patah dan rakan-rakannya juga menyerbu keluar melepaskan diri. Kemudian ad-Dhahak bertaubat.

Kemudian Rasulullah s.a.w. bekerja keras membuat persiapan untuk keluar berperang dan menyuruh kaum Muslimin menyediakan kelengkapan perang dengan segera. Beliau menggalakkan orang-orang kaya menyumbangkan perbelanjaan perang dan mengadakan kenderaan-kenderaan bagi para Mujahidin yang tidak mempunyai kenderaan. Beberapa hartawan tampil mengadakan kenderaan semata-mata mengharapkan pahala dari Allah dikepalai oleh 'Uthman ibn 'Affan r.a. yang telah memberi sumbangan yang begitu besar yang tidak dapat ditandingi oleh sesiapa pun. Ujar Ibn Hisyam: Saya telah diceritakan oleh seorang yang dipercayai bahawa 'Uthman telah menyumbangkan perbelanjaan sebanyak seribu dinar bagi melengkapkan angkatan tentera Muslimin yang berada di dalam kesukaran untuk menghadapi Peperangan Tabuk, lalu Rasulullah s.a.w. bersadba: "Ya Allah, ya Tuhanku, limpahkan keredhaan-Mu terhadap 'Uthman kerana aku amat redha terhadapnya". Ujar Abdullah ibn Ahmad di dalam Musnad bapanya (Imam Ahmad) dengan isnadnya dari Abdul Rahman ibn Hubab as-Salami katanya: Nabi s.a.w. telah berkhutbah memberangsangkan kaum Muslimin supaya memberi sumbangan untuk membentuk angkatan tentera Muslimin yang berada di dalam sa'at yang gawat itu, lalu Uthman ibn Affan tampil berkata: "Saya sanggup mengadakan seratus ekor unta yang lengkap dengan alat-alat kenderaannya". Kata perawi: Kemudian Rasulullah s.a.w. turun dari mimbar dan terus memberangsangkan kaum Muslimin supaya memberi sumbangan, lalu 'Uthman tampil sekali lagi dan berkata: "Saya sanggup mengadakan seratus ekor unta lagi yang lengkap dengan alat-alat kenderaannya". Kata perawi: Aku lihat Nabi s.a.w. menggerakkan tangannya begini (Abdus-Samad mengeluar tangannya mengajuk gerakan tangan Nabi yang membayangkan perasaan seseorang yang kagum) sambil bersabda: "Tiada apa-apa di atas 'Uthman selepas sumbangan ini" (beginilah juga riwayat yang diriwayatkan oleh at-Tirmizi dari 'Umar ibn Yasar dari Abu Daud at-Tayalisi, dari Sakan ibn al-Mughirah Abu Muhammad maula keluarga 'Uthman dan katanya hadith ini adalah hadith Gharib dari saluran ini). Al-Bayhaqi meriwayatkan hadith ini dari saluran 'Amr ibn Marzuq dari Sakan ibn al-Mughirah dan katanya: 'Uthman berkata begitu sebanyak tiga kali iaitu ia sanggup mengadakan tiga ratus ekor unta yang lengkap dengan alat-alat kenderaan.

Ibn Jarir telah mengeluarkan riwayat dari saluran Yahya ibn Abu Kathir dan dari saluran Sa'id dari Qatadah dan ibn Abu Hatim dari saluran al-Hakam ibn Aban dari Ikrimah dengan berbagai-bagai ungkapan kata, katanya: Rasulullah s.a.w. telah memberangsangkan kaum Muslimin supaya bersedekah (untuk membiayai persediaan bagi menghadapi Peperangan Tabuk), lalu datang Abdul Rahman ibn 'Auf membawa empat ribu dirham kepada Rasulullah s.a.w. sambil berkata: "Ya Rasulullah, semua harta saya berjumlah lapan ribu dan kini saya membawa kepada anda separuh darinya dan saya simpan separuh". Lalu beliau berkata: "Semoga Allah memberkati harta yang disimpan dan harta yang telah disedekahkan engkau". Sementara Abu Uqayl pula datang membawa segantang tamar dan berkata: "Saya hanya memperolehi dua gantang tamar lalu saya dermakan segantang untuk Allah dan saya simpan segantang lagi untuk keluarga saya". Kata perawi, perbuatan itu telah dikritik oleh orang-orang Munafiqin. Mereka berkata:"Apa yang diberikan ibn Auf itu ialah ria' sahaja", dan mereka memperli Abu 'Uqayl: "Tidakkah Allah dan Rasul-Nya terkaya dari segantang tamar ini?"

Di dalam riwayat-riwayat yang lain menyebut bahawa kaum Munafiqin berkata tentang Abu 'Uqayl yang bekerja dengan seorang Yahudi untuk mendapat upah sebanyak dua gantang dan segantang darinya telah dibawa kepada Rasulullah s.a.w. bahawa tujuan ia berbuat begitu ialah supaya dirinya disebut-sebut orang.

Kemudian ada sekumpulan orang-orang Islam yang mudah menangis datang menemui Rasulullah s.a.w. Mereka tujuh orang semuanya yang terdiri dari beberapa orang dari kaum Ansar dan lainnya. Mereka meminta beliau menumpangkan mereka di atas kenderaan-kenderaan yang menuju ke medan peperangan, kerana mereka adalah orang-orang miskin... beliau menjawab: "Dukacita, saya tidak dapat mengadakan kenderaan untuk membawa kamu ke sana". Lalu mereka berpaling pulang, sedangkan mata mereka digenangi air mata kerana sedih mengenangkan diri mereka tidak mempunyai harta untuk diinfaqkan di jalan Allah.

Ujar Ibn Ishaq: Saya mendapat berita bahawa Ibn Yamin ibn Umayr ibn Ka'ab an-Nadhir telah bertemu dengan Abu Layla, iaitu Abdul Rahman ibn Ka'ab dan Abdullah ibn Mughaffal (dari kumpulan tujuh orang yang mudah menangis), kedua-duanya sedang menangis, lalu Ibn Yamin bertanya: "Mengapa kamu berdua menangis?" Jawab mereka "Kami datang menemui Rasulullah s.a.w. supaya membawa kami ke medan perang, tetapi kami tidak boleh mendapat sebarang kenderaan dari Rasulullah yang boleh membawa kami ke sana dan kami sendiri tidak mempunyai harta yang membolehkan kami keluar berperang bersama beliau". Lalu Ibn Yamin memberi untanya yang membawa bekalan air dan membekalkan mereka dengan sedikit buah tamar, kemudian kedua-duanya keluar bersama angkatan Rasulullah s.a.w.

Yunus ibn Bukayr menambahkan cerita ini dengan isnadnya dari Ibn Ishaq katanya: Adapun 'Ulbah ibn Zaid (dari kumpulan tujuh orang yang mudah menangis) ia telah keluar di malam itu lalu ia mendirikan solat sebanyak yang disukainya kemudian ia menangis seraya berkata: 'Ya Allah, ya Tuhanku, Engkau telah memerintah kami supaya berjihad dan menggalakkan kami supaya berjuang, kemudian Engkau tidak mengurniakan kepada aku harta yang boleh memberi kekuatan kepadaku dan Engkau tidak meletakkan di tangan Rasul-Mu sebarang kenderaan yang boleh membawaku ke medan perang. Aku sedekahkan kepada setiap Muslim pahala setiap kezaliman yang telah menimpa ke atas diriku baik mengenai harta atau tubuh badan atau maruah..." Kemudian pada pagi keesokan ia duduk bersama orang ramai, lalu Rasulullah s.a.w. bertanya: "Di manakah orang yang bersedekah semalam?" Tiada seseorang pun yang bangkit berdiri. Kemudian beliau bertanya lagi: "Di manakah orang yang bersedekah semalam? Sila bangun". Lalu Ulbah pun bangkit mendapatkan beliau dan menceritakan kepadanya. Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Bergembiralah... demi nyawaku di tangan-Nya. Aku telah tetapkan habuan engkau di dalam agihan zakat yang akan datang".

Kemudian Rasulullah s.a.w. berangkat keluar dengan para Mujahidin yang ada bersamanya. Bilangan mereka hampir tiga puluh ribu orang dari penduduk negeri Madinah dan dari suku-suku Arab yang tinggal di sekelilingnya. Di sana terdapat sekumpulan kecil orang-orang Islam yang terlambat niat mereka, tetapi kelambatan itu bukan kerana, keraguan dan kesangsian. Di antara mereka ialah Ka'ab ibn Malik, Mararah ibn ar-Rabi', Hilal ibn Umaiyah (tiga orang tokoh yang akan dihuraikan cerita mereka nanti), Abu Khaythamah dan Umayr ibn Wahb al-Jumahi. Rasulullah s.a.w. dan bala tenteranya berhenti di Thaniyatul-Wada', sementara Abdullah ibn Ubay (kepala Munafiqin) dan bala tenteranya berhenti di Haddah terkebawah dari tempat Rasulullah dan angkatannya. Ujar Ibn Ishaq, (mengikut dakwaan mereka) bilangan mereka hampir sama banyak. Tetapi mengikut riwayat-riwayat yang lain kumpulan orang-orang yang benar-benar ponteng dari berjihad itu tidak sampai seratus orang. Apabila Rasulullah s.a.w. berangkat bersama bala tenteranya, maka Abdullah ibn Ubay terus ponteng bersama-sama orang-orang Munafiqin dan orang yang masih di dalam keraguan.

Kemudian Rasulullah s.a.w. meneruskan perjalanannya dan di dalam perjalanan itu ada seorang yang tidak ikut bersama-sama beliau, lalu mereka laporkan kepada beliau: "Wahai Rasulullah, si anu tidak ikut bersama kita". Lantas beliau menjawab: "Biarkan dia, jika kebaikan masih ada pada dirinya, maka Allah akan membawanya kembali bergabung dengan kamu dan jika tidak, maka Allah telah merehatkan kamu darinya". Kemudian datang pula laporan: "Wahai Rasulullah, Abu Zar tidak ikut bersama kita dan untanya terlambat". Lantas beliau menjawab: "Biarkanlah dia, jika kebaikan masih ada pada dirinya, maka Allah akan membawanya kembali bergabung dengan kamu dan jika tidak, maka Allah telah merehatkan kamu darinya". Abu Zar menunggu untanya dan apabila untanya terus terlambat ia pun mengambil barang-barangnya dan terus memikulnya di atas belakangnya, lalu ia berjalan kaki mengikut kesan-kesan perjalanan Rasulullah s.a.w. Apabila Rasulullah berada di salah satu perhentiannya, ada seorang datang melaporkan kepadanya: "Wahai Rasulullah, nun di sana saya nampak ada seorang berjalan sendirian". Beliau lantas menjawab: "Semoga orang itu Abu Zar". Kemudian mereka memerhati orang itu beramai-ramai, lalu mereka berkata: "Wahai Rasulullah, orang itu memang benar Abu Zar". Lantas Rasulullah s.a.w. bersabda: "Allah telah melimpahkan rahmat ke atas Abu Zar. Ia berjalan sendirian, akan mati sendirian dan akan dibangkitkan sendirian".

Kemudian Abu Khaythamah pulang kepada keluarganya setelah Rasulullah s.a.w. berlepas beberapa hari ke Tabuk. Ia pulang pada hari panas terik dan dapati dua isterinya berada di dua bangsal istirehat masing-masing di kebun tamarnya. Kedua-dua bangsal istirehat itu direnjiskan dengan air dan disediakan dengan air yang dingin dan makanan yang enak oleh kedua isterinya. Apabila ia masuk dan berdiri di pintu bangsal-bangsal istirehat itu dan

melihat kepada dua orang isterinya dan persiapan yang diadakan mereka untuk menyambut kedatangannya ia pun berkata: "Apakah wajar Rasulullah s.a.w. berada di bawah sinaran matahari, hembusan angin yang keras dan selaran panas yang terik, sedangkan Abu Khaythamah berada di bawah bayangan teduh yang dingin, di hadapan makanan yang tersaji, di samping isteri-isterinya yang cantik dan beristirehat dalam kebun kepunyaannya? Ini tidak adil!" Kemudian dia berkata: "Demi Allah, aku tidak akan masuk ke dalam bangsal istirehat ini sehingga aku pergi mendapatkan Rasulullah s.a.w. Oleh itu sediakanlah bekalan untuk abang!" Setelah bekalan itu disediakan oleh kedua-dua isterinya, ia pun membawa untanya dan mengenderainya dan terus keluar untuk mendapat Rasulullah s.a.w. apabila ia berhenti di Tabuk nanti. Dalam perjalanan itu 'Umayr ibn Wahb al-Jumahi sempat mendapatkan Abu Khaythamah dan dia juga mahu mendapatkan Rasulullah s.a.w., lalu kedua-duanya berjalan bersama-sama. Apabila mereka tiba di suatu tempat yang berhampiran dengan Tabuk, Abu Khaythamah berkata kepada 'Umayr ibn Wahb: "Aku ini berdosa, oleh itu awak tidak salah apa-apa jika awak berjalan jauh di belakangku sehingga aku menemui Rasulullah s.a.w." 'Umayr pun bersetuju berbuat begitu, dan apabila Abu Khaythamah menghampiri perkhemahan Rasulullah s.a.w. di Tabuk, orang ramai melaporkan kepada beliau: "Ada seorang penunggang di tengah jalan sedang menuju ke sini". Rasulullah s.a.w. terus bersabda: "Semoga orang itu Abu Khaythamah!" Jawab mereka: "Ya Rasulullah, demi Allah, orang itu memang benar Abu Khaythamah". Apabila ia menuruni untanya ia terus mendapatkan Rasulullah dan memberi salam kepadanya, lalu beliau bersabda kepadanya: "Awaslah, wahai Abu Khaythamah!" Kemudian Abu Khaythamah menceritakan hal dirinya kepada Rasulullah s.a.w., lalu Rasulullah s.a.w. berkata kepadanya: "Baiklah" dan terus berdo'a agar ia mendapat kebaikan.

Ujar Ibn Ishaq: Di sana terdapat sekumpulan Munafiqin di antara mereka ialah Wadi'ah ibn Thabit saudara Bani Amr ibn Auf dan seorang lelaki dari suku Asyja' sekutu Bani Salamah bernama Mukhasyin ibn Humayr (ujar Ibn Hisyam: Ia juga dipanggil Makhsyi), mereka menuding kepada Rasulullah ketika beliau bertolak ke Tabuk dan berkata satu sama lain, "Apakah kamu fikir berperang dengan orang-orang Roman sama dengan berperang dengan orang-orang Arab? Demi Allah, kami seolah-olah ternampak kamu besok diberkas dengan tali" (mereka berkata begitu) untuk menakut-nakutkan orang-orang yang beriman. Kemudian Mukhasyin ibn Humayr berkata: "Demi Allah, aku suka jika aku dibicarakan dan setiap orang dari kita dikenakan hukuman sebat seratus kali asalkan kita terlepas dari diturunkan ayat Qur'an yang mengecam kita kerana perkataan ejekan yang dikeluarkan kamu ini". Rasulullah s.a.w. telah bersabda – mengikut berita yang sampai kepadaku kepada 'Ammar ibn Yasir: "Dapatkan kumpulan itu kerana mereka telah terbakar dan tanya mereka apakah perkataan yang telah dikeluarkan mereka, jika mereka ingkar katakan kepada mereka, adakah kamu telah berkata begini, begini?" Lalu 'Ammar pergi menemui mereka dan menceritakan kepada mereka apa yang telah diceritakan oleh Rasulullah s.a.w., lalu mereka datang menemui Rasulullah s.a.w. untuk meminta ma'af. Mula-mula Wadi'ah ibn Thabit berkata, ketika Rasulullah s.a.w. sedang berhenti di atas untanya, ia berkata sambil memegang tali pengikat pelana unta Rasulullah, 'Wahai Rasulullah, kami hanya berbual-bual dan bermain-main sahaja". Lalu Allah Azzawajalla menurunkan ayat:

وَلَئِن سَأَلْتَهُمْ لَيَقُولُنَّ إِنَّمَا كُنَّا نَخُوضُ وَنَلْعَبُ قُلْ أَبِاللَّهِ وَءَايَٰتِهِۦ وَرَسُولِهِۦ كُنتُمْ تَسْتَهْزِءُونَ ﴿٦٥﴾

"Dan jika engkau bertanya mereka (tentang ejekan-ejekan itu) nescaya mereka menjawab: Kami hanya berbual-bual dan bermain-main sahaja katakanlah: Apakah wajar kamu mengejek-ngejek Allah, ayat-ayat-Nya dan Rasul-Nya?"(65)

Kemudian Mukhasyin ibn Humayr berkata pula: "Wahai Rasulullah, binasalah nama saya dan nama bapa saya![5]" Dan seolah-olah orang yang dima'afkan di dalam ayat ini ialah Mukhasyin ibn Humayr, dan oleh kerana itu dia memakai nama Abdul Rahman dan dia memohon kepada Allah supaya ia gugur syahid di suatu tempat yang tidak diketahui. Dia terbunuh di dalam peperangan al-Yamamah dan mayatnya tidak dapat dikesan.

Ujar Ibn Lahi'ah dari Abu al-Aswad dari 'Urwah ibn az-Zubayr katanya: Apabila Rasulullah s.a.w. pulang dari Tabuk setelah berada di sana selama sepuluh hari lebih tanpa menghadapi sebarang peperangan, maka sekumpulan kaum Munafiqin merancang hendak membunuh beliau, iaitu mereka merancang untuk mencampak beliau dari puncak jalan bukit. Rancangan mereka telah dimaklumkan kepada beliau, lalu beliau menyuruh pasukan tenteranya berjalan mengikut jalan lurah, sedangkan beliau naik mengikut jalan bukit yang tinggi diikuti oleh kumpulan Munafiqin yang membalut muka mereka. Rasulullah s.a.w. menyuruh Ammar ibn Yasir dan Huzaifah ibn al-Yaman supaya berjalan bersama beliau, iaitu Ammar memegang tali kang unta beliau dan Huzaifah memandunya. Ketika mereka sedang berjalan tiba-tiba mereka mendengar kumpulan Munafiqin mengepung mereka. Lalu Rasulullah s.a.w. marah dan memperlihatkan kemarahannya kepada Huzaifah dan Huzaifah terus berpatah balik menuju ke arah mereka dengan membawa sebatang tongkat yang bengkok hujungnya, lalu ia menghadang unta-unta mereka dengan tongkat itu. Apabila mereka melihat Huzaifah

---

[5] *Kerana makna "Mukhasyin" ialah seorang yang berkelakuan sangat kasar dan makna "Humayr" keldai kecil.*

bertindak begitu, mereka menyangka rancangan besar yang dirahsiakan mereka telah terbuka, lalu mereka dengan segera berpatah balik dan terus bercampur baur dengan pasukan tentera yang ramai. Kemudian Huzaifah kembali mendapatkan Rasulullah s.a.w., lalu beliau menyuruh kedua-duanya berjalan segera sehingga mereka melintasi jalan kemuncak bukit dan di sana mereka menunggu ketibaan pasukan tentera yang mengikuti jalan lurah itu. Kemudian Rasulullah s.a.w. bertanya Huzaifah: "Apakah anda kenal mereka?" Jawab Huzaifah: "Tidak, saya hanya mengenal unta-unta mereka sahaja di dalam kegelapan malam yang melindungi mereka". Kemudian beliau bertanya lagi: "Apakah anda tahu rancangan penunggang-penunggang itu?" Jawab duaka (keduanya): "Tidak". Lalu beliau menceritakan rancangan jahat mereka terhadap beliau kepada keduanya dan memberi nama-nama mereka kepada duaka dan meminta duaka merahsiakannya. Kemudian duaka bertanya: "Wahai Rasulullah, apakah anda tidak menyuruh kami membunuh mereka?" Jawab beliau: "Aku tidak suka orang ramai bercakap-cakap bahawa Muhammad membunuh sahabat-sahabatnya?"

Ujar Ibn Kathir di dalam buku البداية و النهاية, kisah ini telah disebut juga oleh Ibn Ishaq, tetapi ia menyebut bahawa Nabi s.a.w. hanya menyebut nama-nama mereka kepada Huzaifah ibn al-Yaman seorang sahaja. Ini nampaknya lebih sesuai. Wallahu 'alam.[6]

Adapun kesulitan dan kegawatan yang dialami oleh kaum Muslimin di dalam Peperangan Tabuk ini, maka di sana terdapat beberapa riwayat di antaranya... Ujar Ibn Kathir dalam tafsirnya:

Ujar Mujahid dan orang lain bahawa ayat yang berikut:

لَّقَد تَّابَ ٱللَّهُ عَلَى ٱلنَّبِيِّ وَٱلْمُهَٰجِرِينَ وَٱلْأَنصَارِ ٱلَّذِينَ ٱتَّبَعُوهُ فِي سَاعَةِ ٱلْعُسْرَةِ مِنۢ بَعْدِ مَا كَادَ يَزِيغُ قُلُوبُ فَرِيقٍ مِّنْهُمْ ثُمَّ تَابَ عَلَيْهِمْ إِنَّهُۥ بِهِمْ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١١٧﴾

"Sesungguhnya Allah telah mengurniakan taubat ke atas Nabi, para Muhajirin dan para Ansar yang keluar mengikutinya di sa'at yang gawat setelah hati segolongan dari mereka hampir-hampir menyeleweng kemudian Allah mengurniakan taubat ke atas mereka. Sesungguhnya Allah Maha Penyayang dan Maha Pengasih"(117)

adalah diturunkan di dalam Peperangan Tabuk, kerana angkatan kaum Muslimin keluar ke Tabuk dalam keadaan dan masa yang amat sulit, iaitu di masa kemarau dan panas yang amat terik, juga di masa kesulitan mengadakan bekalanbekalan perang dan air. Ujar Qatadah, mereka keluar ke Negeri Syam menuju ke Tabuk dalam suasana panas terik, hanya Allah sahaja yang mengetahui kesulitan yang dihadapi mereka. Mereka di timpa kesusahan yang amat besar sehingga kami diceritakan bahawa dua orang dari mereka terpaksa membahagikan sebiji buah tamar di antara mereka dan ada pula orang-orang yang terpaksa bergilir-gilir menghisap sebiji buah tamar dan minum air dengannya. Lalu Allah mengurniakan taubat kepada mereka dan membawa mereka kembali balik dari peperangan itu.

Mengikut riwayat Ibn Jarir dengan isnadnya kepada Abdullah ibn Abbas katanya: Ada orang bertanya Umar ibn Al-Khattab tentang kesulitan (semasa Peperangan Tabuk), lalu beliau berkata: "Kami keluar bersama Rasulullah s.a.w. ke Tabuk lalu kami berhenti di suatu tempat, di mana kami di timpa kedahagaan yang amat teruk sehingga kami merasa seolah-olah leher kami akan terputus. Ada di antara kami yang keluar mencari air dan apabila ia balik ia merasa lehernya akan terputus dan ada pula yang menyembelih untanya lalu diperah tahinya untuk diminum, juga diambil darah yang ada di dalam hatinya".

Ujar Ibn Jarir dalam mentafsirkan firman Allah:

لَّقَد تَّابَ ٱللَّهُ عَلَى ٱلنَّبِيِّ وَٱلْمُهَٰجِرِينَ وَٱلْأَنصَارِ ٱلَّذِينَ ٱتَّبَعُوهُ فِي سَاعَةِ ٱلْعُسْرَةِ

"Sesungguhnya Allah telah mengurniakan taubat ke atas Nabi, para Muhajirin dan para Ansar yang keluar mengikutinya di sa'at yang gawat"

(untuk mendapat perbelanjaan, kenderaan, bekalan dan air).

مِنۢ بَعْدِ مَا كَادَ يَزِيغُ قُلُوبُ فَرِيقٍ مِّنْهُمْ

"Setelah hati segolongan dari mereka hampir-hampir menyeleweng"

(dari kebenaran iaitu meragui agama yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. dan merasa sangsi kerana mereka telah di timpa kesulitan dan kesusahan dalam perjalanan dan peperangan yang dihadapi mereka).

ثُمَّ تَابَ عَلَيْهِمْ

"Kemudian Allah mengurniakan taubat ke atas mereka."

(Ujar Ibn Jarir maksudnya: Kemudian Allah mengurniakan kepulangan semula kepada Allah dan kembali berpegang teguh dengan agama-Nya):

إِنَّهُۥ بِهِمْ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١١٧﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Penyayang dan Maha Pengasih." (117)

Mungkin tujuan Al-Qur'an membentangkan kisah ini untuk menggambarkan kepada kita hari ini

---

6 *Saya tidak dapati cerita ini dalam kisah yang diriwayatkan oleh Ibn Hisyam dari Ibn Ishaq dalam kitab as-Sirah.*

bagaimana kesulitan dan kesusahan yang dialami oleh kaum Muslimin di samping memindahkan kepada kita imbasan suasana yang dihayati oleh masyarakat Islam di masa itu, di mana dapat dilihat perbezaan darjat-darjat keimanan, iaitu keimanan yang kukuh pada satu golongan Muslimin dan keimanan yang terumbang-ambing kerana ditekan oleh kesulitan pada satu golongan yang lain, tindakan ponteng dari berjihad yang bukan berpunca dari keraguan terhadap kebenaran agama Allah pada satu golongan dan hipokrit yang halus pada satu golongan dan hipokrit yang jahat pada satu golongan yang lain dan seterusnya darjat hipokrit yang sanggup merancangkan konspirasi-konspirasi pada golongan yang lain. Pertamanya, semua menunjukkan bagaimana situasi umum masyarakat Islam yang hidup pada masa itu, dan keduanya, menunjukkan bagaimana kesulitan menghadapi peperangan melawan tentera Roman dan menghadapi kesulitan itu sendiri. Seluruh kesulitan ini benar-benar menjadi batu ujian dan barang kali kesulitan itu telah dirancangkan Allah untuk menguji, mendedah dan membezakan keimanan kaum Muslimin.

* * * * * *

Inilah kesulitan yang telah membuat sebahagian besar golongan Munafiqin bertindak ponteng dari menyertai Peperangan Tabuk sebagaimana telah diceritakan kisah mereka sebelum ini. Dan kesulitan inilah juga yang membuat setengah-setengah orang Mu'min tidak mahu menyertai peperangan itu bukan kerana didorong oleh keraguan mereka terhadap kebenaran agama Allah, malah semata-mata kerana didorong perasaan malas dan keinginan beristirehat di bawah bayangan teduh negeri Madinah. Golongan ini terdiri dari dua kumpulan. Satu kumpulan telah diputuskan Allah kedudukan mereka sebelum ini, iaitu mereka yang telah mencampuradukkan amalan yang soleh dengan amalan yang buruk dan mengakui kesalahan-kesalahan mereka. Dan satu kumpulan lagi ditunda keputusan terhadap kedudukan mereka kepada kehendak Allah sama ada mengenakan keseksaan terhadap mereka atau mengurniakan taubat kepada mereka. Kumpulan ini terdiri dari tiga orang yang ditangguhkan keputusan terhadap mereka. Mereka dibiarkan tanpa hukuman dan ditangguhkan sehingga Allah menghukum mereka. Di sini dibentangkan cerita mereka yang terperinci selepas ditangguhkan hukuman terhadap mereka dan ditangguhkan huraian mengenai mereka di dalam penjelasan ayat.

Kisah Tiga Serangkai Yang Ponteng

Sebelum kita memperkatakan sesuatu mengenai mereka dalam pentafsiran ayat yang menggambarkan keadaan mereka dan sebelum kita mengemukakan gambaran seni yang berdaya mu'jizat yang dilukiskan ayat untuk menggambarkan keadaan mereka, marilah kita dengar salah seorang dari mereka memerikan kisah yang telah berlaku. Orang ini ialah Ka'ab ibn Malik r.a. Riwayat ini telah dikeluarkan oleh Ahmad, al-Bukhari dan Muslim dari saluran az-Zuhri katanya: Saya telah dikhabarkan oleh Abdul Rahman ibn Abdullah ibn Ka'ab ibn Malik yang menjadi pemandu Ka'ab dari anak-anaknya semasa ia menjadi buta. Katanya: Saya dengar Ka'ab ibn Malik menceritakan kisahnya semasa ia tidak menyertai Rasulullah s.a.w. di dalam Peperangan Tabuk. Ujar Ka'ab: Saya tidak pernah ponteng dari mengikuti Rasulullah s.a.w. di dalam mana-mana peperangan yang diceburi beliau kecuali di dalam Peperangan Tabuk. Memang benar saya tidak menyertai beliau di dalam Peperangan Badar dan tiada siapa pun yang dicela kerana tidak mengikuti peperangan itu, sebab Rasulullah s.a.w. dan kaum Muslimin keluar dengan tujuan untuk menghalang angkatan unta perdagangan orang-orang Quraysy, tiba-tiba Allah mempertembungkan di antara mereka dengan musuh-musuh mereka tanpa sebarang perjanjian.

Saya telah hadir bersama Rasulullah s.a.w. pada malam al-'Aqabah ketika kami bersumpah setia untuk mempertahankan Islam dan saya tidak suka membandingkan kelebihan menghadiri malam al-'Aqabah dengan penyertaan dalam Peperangan Badar walaupun Peperangan Badar lebih banyak dikenangkan orang ramai dan lebih masyhur. Kedudukan saya semasa tidak menyertai Rasulullah s.a.w. di dalam Peperangan Badar itu adalah berada dalam kedudukan yang amat teguh dan senang lenang. Demi Allah saya tidak pernah memiliki dua ekor unta kecuali semasa peperangan itu. Kebiasaan Rasulullah s.a.w. apabila beliau hendak melancarkan sesuatu peperangan beliau sembunyikannya dengan suatu peperangan yang lain kecuali Peperangan Tabuk, di mana beliau menghadapi peperangan itu di masa panas terik dan beliau melakukan satu peranan yang sangat jauh dan menghadapi bilangan musuh yang ramai. Beliau menjelaskan kepada kaum Muslimin kedudukan mereka yang sebenar supaya mereka bersedia untuk menghadapi musuh mereka. Beliau memberitahu mereka arah tujuan yang dituju mereka. Bilangan pejuang-pejuang Muslimin yang mengikuti Rasulullah s.a.w. adalah amat ramai yang tidak dapat dicatatkan dalam Daftar Tentera (ad-Diwan).

Ujar Ka'ab r.a.: Oleh sebab itu jaranglah orang yang mahu menghilangkan diri kecuali ia yakin Rasulullah tidak mengetahuinya selama tidak ada wahyu dari Allah Azzawajalla menceritakannya. Rasulullah s.a.w. telah menghadapi peperangan itu ketika buah-buah tamar masak ranum dan ketika mantapnya bayangan-bayangan yang teduh. Saya memang dengar seruan untuk menyertai peperangan itu. Rasulullah s.a.w. dan para Muslimin yang berada bersama beliau telah mengadakan persediaan-persediaan untuk menghadapi peperangan itu. Saya sendiri bercita-cita hendak pergi di pagi hari untuk mengadakan persiapan bersama mereka, tetapi tiba-tiba saya pulang semula ke rumah tanpa melakukan sesuatu sambil berkata di dalam hati: Aku mampu berbuat begitu jika aku mahu. Demikianlah keadaan saya terus terumbang ambing, sedangkan orang ramai

meneruskan persiapan mereka dengan bersungguh-sungguh. Kemudian pada suatu pagi Rasulullah s.a.w. dan para Mujahidin Muslimin bertolak ke Tabuk. Sedangkan saya masih belum mengadakan apa-apa persiapan. Keadaan saya masih mundar mandir sedangkan mereka mara dan berlumba-lumba untuk menghadapi peperangan. Kemudian saya berazam untuk berlepas ke Tabuk untuk mendapatkan mereka di sana dan alangkah baiknya jika saya laksanakan keazaman ini! Akhirnya saya tidak dapat berbuat apa-apa. Lalu saya pun mulai keluar memerhati orang ramai selepas Rasulullah bertolak ke Tabuk, tetapi alangkah sedihnya apabila saya tidak dapat menemui seorang pun yang dapat dijadikan contoh yang baik bagi saya kecuali seorang lelaki yang terkenal dengan sifat munafiq atau seorang lelaki dari golongan yang dima'afkan Allah kerana keuzuran. Rasulullah tidak pernah menyebut nama saya kecuali setelah beliau sampai ke Tabuk. Beliau bertanya semasa beliau duduk bersama-sama pejuang-pejuang Muslimin di Tabuk: "Apakah yang telah dibuat oleh Ka'ab ibn Malik?" Jawab seorang lelaki dari Bani Salamah: "Ya Rasulullah, ia itu tidak datang kerana ditahan oleh baju kepak keluangnya yang lawa dan asyik melihat tubuhnya yang cantik". Lantas di bantah oleh Mu'az ibn Jabal: "Sungguh buruk cakap awak itu! Demi Allah, ya Rasulullah, kami tidak mengetahui sesuatu darinya melainkan semuanya baik". Lalu Rasulullah s.a.w. pun diam.

Ujar Ka'ab ibn Malik lagi: Apabila saya mendapat berita bahawa Rasulullah s.a.w. sedang dalam perjalanan pulang dari Tabuk, saya dikunjungi perasaan dukacita dan saya mulai teringat kepada taktik berbohong dan saya tertanya-tanya diri sendiri bagaimana cara untuk saya selamatkan diri saya dari kemurkaan beliau besok. Saya meminta fikiran para cerdik pandai dalam keluarga saya dan apabila saya diberitahu bahawa Rasulullah s.a.w. hampir tiba, maka lenyaplah segala fikiran-fikiran yang karut dari kepala saya dan saya yakin bahawa saya tidak akan terselamat dari kemurkaannya dengan apa-apa alasan sekalipun, lalu saya mengambil keputusan untuk bercakap benar dengan beliau. Akhirnya Rasulullah s.a.w. tiba dan biasanya apabila beliau tiba dari mana-mana persafiran, beliau turun di masjid dan melakukan solat dua rakaat kemudian duduk di sana untuk menerima pengadapan orang ramai. Sebaik sahaja beliau berbuat begitu, maka golongan Munafiqin pun datang mengadap beliau dan memohon ma'af dari beliau kerana tidak dapat menyertai angkatan beliau dengan alasan-alasan yang dikemukakan mereka dengan sumpah. Bilangan mereka lebih dari lapan puluh orang. Rasulullah s.a.w. menerima semua alasan lahir mereka dan bermubaya'ah dengan mereka serta memohon keampunan untuk mereka dan menyerahkan rahsia hati mereka yang sebenarnya kepada Allah. Pada akhirnya tibalah giliran saya dan apabila saya memberi salam kepadanya beliau tersenyum bercampur marah seraya berkata: "Mari di sini!" Saya berjalan menuju kepadanya kemudian saya duduk di hadapannya. Lantas beliau bersabda: "Apakah yang telah berlaku kepada anda? Bukankah anda telah membeli kenderaan sendiri?" Saya menjawab: 'Ya Rasulullah, demi Allah, jika saya berdepan dengan orang yang lain dari anda dari pembesar-pembesar dunia tentulah saya dapat menyelamatkan diri saya dari kemurkaannya dengan menggunakan alasan yang dusta, kerana saya ialah seorang yang telah dikurniakan Allah dengan daya kepetahan bercakap dan berdebat, tetapi demi Allah, saya yakin jika saya bercakap bohong yang boleh diterima oleh anda, tentulah saya tidak akan terlepas juga dari kemurkaan Allah. Sebaliknya jika saya bercakap benar yang boleh menimbulkan kemarahan anda kepada saya, maka saya tetap dapat mengharapkan keredhaan dari Allah. Sebenarnya saya tidak mempunyai apa-apa keuzuran. Demi Allah, sebenarnya saya berada dalam kedudukan yang paling kuat dan senang lenang semasa saya ponteng dari anda". Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Adapun dia ini memang bercakap benar, oleh itu anda boleh bangun sekarang dan tunggulah sehingga Allah menentukan keputusannya terhadap anda". Lantas saya pun bangkit (dan berundur dari situ), beberapa orang dari Bani Salamah dengan segera mendapatkan saya dan mengikut saya. Mereka berkata kepada saya: "Demi Allah, kami tidak pernah tahu anda pernah membuat kesalahan sebelum ini. Anda nampaknya lemah untuk memberi sesuatu alasan keuzuran kepada Rasulullah s.a.w. seperti yang telah dilakukan oleh orang-orang lain yang ponteng dari peperangan. Kesalahan anda ini cukup dengan istighfar Rasulullah s.a.w. sahaja". Ujar Ka'ab lagi: Mereka terus mencela dan menyalah-nyalahkan saya sehingga saya terdorong untuk kembali menemui Rasulullah s.a.w. untuk mendustakan diri saya kemudian saya bertanya mereka: "Adakah orang lain yang senasib dengan saya?" Jawab mereka: 'Ya, ada dua orang yang bercakap benar seperti anda dan Rasulullah telah berkata kepada duaka sama seperti beliau berkata kepada anda". Lantas saya bertanya: "Siapa duaka (mereka berdua)?" Jawab mereka: "Mararah ibn Rabi' dan Hilal ibn Umayah al-Waqi'fi". Mereka mencerita bahawa duaka ini adalah dua orang soleh yang berjuang di dalam Peperangan Badar, yang dapat saya contohi. Lalu saya pun pergi untuk menemui duaka setelah, mereka menyebut cerita duaka.

Ujar Ka'ab seterusnya: Kemudian Rasulullah s.a.w. melarang orang ramai bercakap dengan kami bertiga sahaja di antara orang-orang lain yang ponteng dari beliau. Sejak itu orang ramai menjauhi kami dan mengubahkan sikap mereka terhadap kami hingga saya merasa bumi Madinah menjadi asing kepada saya. Ia bukan lagi bumi Madinah yang saya kenal selama ini. Kami menghadapi pemulauan ini selama lima puluh malam. Dua orang rakan saya hanya menetap dan duduk di rumah sahaja. Adapun saya oleh kerana saya lebih kuat dan tabah dari duaka, saya terus keluar menghadiri solat bersama orang

ramai Muslimin dan mengunjung pasar-pasar Madinah, tetapi tiada siapa pun yang sudi bercakap dengan saya. Saya datang menemui Rasulullah s.a.w. dan memberi salam kepadanya ketika beliau berada di majlisnya dan saya berkata di dalam hati adakah beliau menggerakkan dua bibir mulutnya menjawab salam saya atau tidak? Kemudian saya sembahyang berhampiran dengan beliau dan hujung mata saya mencuri melihatnya, saya nampak apabila saya tumpukan kepada solat saya, beliau menoleh kepada saya dan apabila saya menoleh kepadanya, beliau terus berpaling ke lain. Setelah merasa saya di pulau begitu lama oleh orang ramai Muslimin, saya pun berjalan lalu memanjat tembok kebun tamar Abu Qatadah, iaitu sepupu saya yang paling saya kasihi, lalu saya memberi salam kepadanya, tetapi demi Allah, ia tidak menjawab salam saya, lalu saya berkata: "Wahai Abu Qatadah, saya minta anda jawab atas nama Allah, adakah anda tahu bahawa saya kasih kepada Allah dan Rasul-Nya?" Kata Ka'ab: Abu Qatadah terus diam. Kata Ka'ab: Saya minta lagi, tetapi ia terus diam juga, lalu saya minta sekali lagi. Kata Ka'ab dia menjawab: "Allah dan Rasul-Nya yang lebih mengetahui". Lantas saya menitiskan air mata dan terus berundur dari situ sehingga saya memanjat tembok keluar dari kebun itu.

(Pada suatu hari) ketika saya berjalan-jalan di pasar Madinah tiba-tiba seorang Nibti dari Syam yang membawa barangan untuk di jual Madinah berkata: Siapa yang boleh menunjuk Ka'ab ibn Malik kepada saya? Lantas orang-orang yang berada di situ menunjuk kepada saya. Ia pun datang dan menyerah kepada saya sepucuk surat dari Raja Ghassan. Oleh kerana saya pandai menulis, saya terus membaca surat itu yang berbunyi: "Adapun kemudian dari itu, beta mendapat berita bahawa sahabat anda (Nabi Muhammad) telah memulaukan anda, sedangkan Allah tidak menjadikan anda di negeri kehinaan dan kerugian. Datanglah ke negeri beta agar beta dapat menolong anda". Lalu saya berkata ketika membaca surat ini: "Ini juga sebahagian dari bala". Lalu saya bawa surat ini ke dapur dan terus membakarnya. Setelah berlalu empat puluh hari dari lima puluh hari tempoh pemulauan ini, tiba-tiba utusan dari Rasulullah s.a.w. datang menemui saya dan berkata: "Rasulullah s.a.w. menyuruh anda mengasingkan diri dari isteri anda". Lantas saya bertanya: "Adakah maksudnya saya harus menceraikannya atau bagaimana?" Jawab utusan itu: "Tidak, cuma dia tidak boleh mendekati anda". Utusan itu juga telah menyampaikan perintah yang sama kepada dua orang sahabat saya, lalu saya berkata kepada isteri saya: "Adinda, silalah adinda balik dahulu ke rumah keluarga adinda dan tinggallah di sana sehingga Allah menentukan keputusan-Nya terhadap perkara ini". Kemudian isteri Hilal ibn Umaiyah datang menemui Rasulullah s.a.w. dan merayu: "Ya Rasulullah, Hilal itu seorang tua yang malang. Dia tidak mempunyai orang gaji. Apakah anda tidak suka saya melayaninya". Jawab beliau: "Tidak, tetapi anda tidak boleh mendekatinya". Jawab isteri Hilal: "Demi Allah, dia tidak bernafsu kepada sesuatu apa pun. Demi Allah, dia hanya asyik menangis sejak anda memulaukannya sehingga sampai pada hari ini". Kemudian setengah-setengah keluarga saya berkata kepada saya: Ada baiknya jika anda meminta izin Rasulullah s.a.w. supaya membenarkan isteri anda terus berkhidmat kepada anda, kerana beliau telah membenarkan isteri Hilal meneruskan perkhidmatan kepadanya". Lantas saya menjawab: "Demi Allah, saya tidak akan meminta izin Rasulullah s.a.w. supaya membenarkan isteri saya terus berkhidmat kepada saya, saya tidak tahu apakah beliau akan berkata jika saya meminta keizinan itu, sedangkan saya seorang pria yang masih muda".

Ujar Ka'ab: Kemudian kami lalui sepuluh malam lagi dan dengan ini cukuplah lima puluh malam sejak Rasulullah s.a.w. melarang orang ramai bercakap dengan kami. Ujar Ka'ab lagi: Kemudian saya sembahyang di pagi malam yang kelima puluh itu di atas anjung rumah kami. Ketika saya sedang duduk dalam keadaan yang telah digambarkan Allah, iaitu saya merasa hati saya begitu sempit dan bumi yang luas menjadi kecil, tiba-tiba saya dengar seorang juruhebah dari arah sebuah bukit yang berseru dengan setinggi-tinggi suaranya: "Bergembiralah, wahai Ka'ab ibn Malik!" Lalu saya pun merebahkan diri sujud, kini saya tahu masa kelepasan dan kebebasan telah datang dan Rasulullah s.a.w. telah mengumumkan pergurniaan taubat dari Allah ke atas kami ketika beliau selesai sembahyang fajar. Kemudian orang ramai datang menyampaikan berita gembira kepada saya dan kepada dua orang sahabat-sahabat saya. Kemudian seorang penunggang kuda menuju kepada saya dan seorang yang berjalan kaki dari Bani Aslam juga menuju ke arah saya dengan mendaki bukit dan suaranya lebih pantas dari kudanya. Apabila datang orang yang saya dengar suaranya menyampaikan berita gembira kepada saya, lantas saya tanggalkan dua helai baju saya dan saya salutkan keduanya ke tubuh orang itu kerana berita gembira yang disampaikan kepada saya. Demi Allah, saya tidak memiliki baju yang lain dari dua helai baju itu pada hari itu. Saya terpaksa meminjam dua helai baju untuk saya pakai dan saya terus menuju kepada Rasulullah s.a.w. Orang ramai menyambut saya sepuak demi sepuak. Mereka memberi tahniah kepada saya kerana menerima pengurniaan taubat dari Allah. Mereka berkata: "Bergembiralah dengan pengurniaan taubat dari Allah", sehingga saya masuk ke dalam masjid, di sini Talhah ibn Ubayd bangkit dan berlari-lari mendapatkan saya, dia menjabat tangan saya dan mengucap tahniah kepada saya. Demi Allah, tidak ada orang Muhajirin selain darinya yang bangkit mendapatkan saya. Itulah kebaikan Talhah yang tidak dapat dilupakan oleh Ka'ab r.a.

Ujar Ka'ab r.a: Apabila saya memberi salam kepada Rasulullah, dia bersabda dengan muka berseri-seri gembira," Bergembiralah dengan sebaik-baik hari yang telah dilalui anda sejak anda dilahirkan ibu anda". Saya lantas bertanya: "Apakah berita yang baik ini dari anda atau dari Allah?" Jawab beliau:

"Tidak, ia dari Allah". Biasanya Rasulullah apabila beliau bergembira, maka wajahnya berseri-seri bagaikan sepotongan bulan. Itulah kebiasaan yang kami kenal dari beliau. Apabila saya duduk di hadapannya, saya pun berkata: "Ya Rasulullah, di antara bukti taubat saya, ialah saya hendak melucutkan diri saya dari hak milik semua harta saya sebagai sedekah saya kepada Allah dan Rasulullah s.a.w." Jawab beliau: "Jangan, simpankan sebahagian dari harta anda. Ini lebih baik kepada anda". Saya lantas menjawab: "Saya akan simpan harta bahagian saya yang berada di Khaybar', dan saya menambah lagi: "Ya Rasulullah, Allah telah selamatkan saya kerana bercakap benar dan di antara bukti taubat saya lagi ialah saya berjanji tidak akan bercakap bohong selama hidup saya". Demi Allah, setahu saya tidak ada seorang Muslim yang telah diujikan Allah kerana bercakap benar sejak saya bercakap benar kepada Rasulullah lebih baik dari ujian Allah yang telah dihadapi saya. Demi Allah, saya tidak pernah mengeluarkan sepatah perkataan bohong sejak saya berkata benar kepada Rasulullah sehingga hari ini dan saya harap dengan sungguh-sungguh agar Allah memelihara saya dari bercakap bohong di sepanjang sisa hayat saya yang masih ada. Dan Allah telah menurunkan ayat berikut:

لَّقَد تَّابَ ٱللَّهُ عَلَى ٱلنَّبِيِّ وَٱلۡمُهَٰجِرِينَ وَٱلۡأَنصَارِ
ٱلَّذِينَ ٱتَّبَعُوهُ فِي سَاعَةِ ٱلۡعُسۡرَةِ مِنۢ بَعۡدِ مَا كَادَ
يَزِيغُ قُلُوبُ فَرِيقٖ مِّنۡهُمۡ ثُمَّ تَابَ عَلَيۡهِمۡۚ إِنَّهُۥ
بِهِمۡ رَءُوفٞ رَّحِيمٞ ﴿١١٧﴾

وَعَلَى ٱلثَّلَٰثَةِ ٱلَّذِينَ خُلِّفُواْ حَتَّىٰٓ إِذَا ضَاقَتۡ عَلَيۡهِمُ
ٱلۡأَرۡضُ بِمَا رَحُبَتۡ وَضَاقَتۡ عَلَيۡهِمۡ أَنفُسُهُمۡ
وَظَنُّوٓاْ أَن لَّا مَلۡجَأَ مِنَ ٱللَّهِ إِلَّآ إِلَيۡهِ ثُمَّ تَابَ عَلَيۡهِمۡ
لِيَتُوبُوٓاْۚ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١١٨﴾

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَكُونُواْ مَعَ
ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿١١٩﴾

"Sesungguhnya Allah telah mengurniakan taubat ke atas Nabi, para Muhajirin dan para Ansar yang keluar mengikutinya di sa'at yang gawat setelah hati segolongan dari mereka hampir-hampir menyeleweng kemudian Allah mengurniakan taubat ke atas mereka. Sesungguhnya Allah Maha Penyayang dan Maha Pengasih(117). Dan mengurniakan taubat ke atas tiga orang yang telah ditangguhkan keputusan terhadap mereka sehingga bumi yang luas menjadi sempit kepada mereka dan hati mereka juga dirasakan begitu picik dan mereka yakin tiada tempat perlindungan dari kemurkaan Allah melainkan kembali kepada-Nya, kemudian Allah mengurniakan taubat ke atas mereka supaya mereka sentiasa bertaubat. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat dan Maha Pengasih(118). Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan hendaklah kami berada bersama-sama golongan Mu'minin yang tulen."(119)

Ujar Ka'ab: Demi Allah, tiada sesuatu ni'mat yang telah dikurniakan Allah kepada saya sejak saya telah diberi hidayat menganut Islam lebih besar dari nasihat Rasulullah yang benar pada masa itu supaya saya tidak bercakap bohong dengannya agar saya tidak dibinasakan Allah sebagaimana binasanya orang-orang yang telah bercakap dusta dengannya. Kerana Allah telah berfirman kepada beliau ketika Allah menurunkan wahyu dengan seburuk-buruk perkataan yang dihadapkan kepada seseorang. Firman Allah:

سَيَحۡلِفُونَ بِٱللَّهِ لَكُمۡ إِذَا ٱنقَلَبۡتُمۡ إِلَيۡهِمۡ لِتُعۡرِضُواْ
عَنۡهُمۡۖ فَأَعۡرِضُواْ عَنۡهُمۡۖ إِنَّهُمۡ رِجۡسٞۖ وَمَأۡوَىٰهُمۡ
جَهَنَّمُ جَزَآءَۢ بِمَا كَانُواْ يَكۡسِبُونَ ﴿٩٥﴾
يَحۡلِفُونَ لَكُمۡ لِتَرۡضَوۡاْ عَنۡهُمۡۖ فَإِن تَرۡضَوۡاْ
عَنۡهُمۡ فَإِنَّ ٱللَّهَ لَا يَرۡضَىٰ عَنِ ٱلۡقَوۡمِ ٱلۡفَٰسِقِينَ ﴿٩٦﴾

"Mereka akan bersumpah kepada kamu dengan nama Allah apabila kamu kembali kepada mereka (dari medan perang) supaya kamu berpaling dari mereka (tidak mencelakan mereka), oleh itu berpalinglah dari mereka kerana sesungguhnya mereka adalah najis dan tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam sebagai balasan atas segala apa yang dilakukan mereka(95). Mereka bersumpah kepada kamu supaya kamu redha terhadap mereka, tetapi jika kamu redha terhadap mereka, maka sesungguhnya Allah tidak akan redha terhadap golongan orang-orang yang fasiq."(96)

Inilah kisah tiga orang sahabat yang tidak menyertai Peperangan Tabuk sebagaimana yang diceritakan sendiri oleh Ka'ab ibn Malik. Dalam setiap perenggannya mengandungi teladan, dan di dalam seluruh perenggannya muncul gambaran dengan garis-garisnya yang jelas yang melukiskan betapa kukuhnya tapak masyarakat Islam, betapa kuat binaannya, betapa jernih anasir-anasir warganya, dan betapa bersih kefahaman mereka terhadap konsep jama'ah, kefahaman mereka terhadap tugas-tugas taklif, terhadap nilai-nilai perintah dan terhadap keperluan kepada kepatuhan dan keta'atan.

Lihat Ka'ab ibn Malik dan dua orang rakannya yang telah ponteng dari angkatan perang Rasulullah s.a.w. di sa'at masyarakat Islam sedang mengalami kesulitan dan kesukaran. Mereka telah dipengaruhi oleh sifat-sifat kelemahan manusia yang tertarik kepada bayangan yang teduh, kesenangan dan kerehatan dan mengutamakannya dari selaran panas terik, kesulitan, kesukaran, perjalanan yang jauh dan

kepenatan yang berat, tetapi sebaik sahaja angkatan Rasulullah s.a.w. berlepas keluar, Ka'ab ibn Malik terus merasa ia telah melakukan kesalahan dan keadaan sekitar yang dilihatnya menekankan hatinya merasa begitu." Lalu saya pun mulai keluar memerhati orang ramai selepas Rasulullah s.a.w. bertolak ke Tabuk, tetapi alangkah sedihnya saya tidak dapat menemui seorang pun yang dapat dijadikan contoh yang baik kepada saya kecuali seorang lelaki yang terkenal dengan sifat Munafiq atau seorang lelaki dari golongan yang dima'afkan Allah kerana keuzuran." Ia maksudkan: Ialah golongan orang-orang yang lemah, orang-orang yang sakit dan orang-orang yang tidak mempunyai harta untuk membiayai perjalanan mereka ke medan perang yang sememangnya dima'afkan Allah.

Kesulitan dan kesukaran tidak dapat mematahkan semangat kaum Muslimin dari menyambut seruan Rasulullah s.a.w. untuk keluar berjihad di suatu tempat yang jauh dan sukar. Tidak ada yang mengabaikan seruan itu kecuali orang-orang yang dianggap Munafiq dan kecuali orang-orang yang tidak berupaya yang dima'afkan Allah. Orang-orang Mu'min, yang menjadi tapak yang kukuh bagi masyarakat Islam adalah mempunyai semangat yang lebih gagah dari kesulitan dan lebih teguh dari kesulitan dan kesusahan. Inilah sifat mereka yang pertama.

Dan sifat yang kedua ialah bertaqwa, iaitu mereka mempunyai kesedaran taqwa yang membawa seseorang yang bersalah kepada bercakap benar dan mengakui kesalahan sendiri dan selepas ia berserah kepada Allah (dengarlah kata Ka'ab), "Saya menjawab: Ya Rasulullah, demi Allah, jika saya berdepan dengan orang yang lain dari anda, dari pembesar-pembesar dunia tentulah saya dapat menyelamatkan diri saya dari kemurkaannya dengan menggunakan alasan dusta, kerana saya adalah seorang yang telah dikurniakan Allah dengan daya kepetahan bercakap dan berdebat, tetapi demi Allah, saya yakin jika saya bercakap bohong yang boleh diterima oleh anda, tentulah saya tidak akan terlepas juga dari kemurkaan Allah. Sebaliknya jika saya bercakap benar yang boleh menimbulkan kemarahan anda kepada saya, maka saya tetap dapat mengharapkan keredhaan dari Allah. Sebenarnya saya tidak mempunyai apa-apa keuzuran, demi Allah, sebenarnya saya berada dalam kedudukan yang paling kuat dan senang lenang semasa saya ponteng dari anda".

Allah sentiasa hadir di dalam hati Mu'min yang bersalah. Ia begitu ghairah untuk mendapat keredhaan Rasulullah s.a.w. Baginya – pada masa itu – keredhaan inilah yang memulia dan menghinakan seseorang, mengangkat dan menjatuhkan seseorang, membuat seseorang itu dipandang tinggi oleh masyarakat atau tidak dipandang oleh sesiapa pun, namun begitu, muraqabah dengan Allah adalah lebih kuat lagi dan taqwa kepada Allah adalah lebih mendalam lagi dan harapan kepada Allah adalah lebih kukuh lagi. Dengarlah kata Ka'ab :

"Kemudian Rasulullah s.a.w. melarang orang ramai bercakap dengan kami bertiga sahaja di antara orang-orang lain yang ponteng dari beliau. Sejak itu orang ramai menjauhi kami dan mengubahkan sikap mereka terhadap kami sehingga saya merasa bumi Madinah menjadi asing kepada saya. Ia bukan lagi bumi Madinah yang saya kenal selama ini. Kami menghadapi pemulauan ini selama lima puluh malam. Dua orang rakan saya hanya menetap dan duduk di rumah sahaja. Adapun saya, oleh kerana saya lebih kuat dan tabah dari duaka, saya terus keluar menghadiri solat bersama orang ramai Muslimin dan mengunjungi pasar-pasar Madinah, tetapi tiada siapa pun yang sudi bercakap dengan saya. Saya datang menemui Rasulullah s.a.w. dan memberi salam kepadanya ketika beliau berada di majlisnya dan saya berkata di dalam hati: Adakah beliau menggerakkan dua bibir mulutnya menjawab salam saya atau tidak? Kemudian saya bersembahyang berhampiran dengan beliau dan hujung mata saya mencuri melihatnya. Saya nampak apabila saya tumpukan kepada solat saya, beliau menoleh kepada saya dan apabila saya menoleh kepadanya, beliau terus berpaling ke lain. Setelah merasa saya dipulau begitu lama oleh orang ramai Muslimin, saya pun berjalan lalu memanjat tembok kebun tamar Abu Qatadah, sepupu saya yang paling saya kasihi, lalu saya memberi salam kepadanya, tetapi demi Allah, dia tidak menjawab salam saya lalu saya berkata: Wahai Abu Qatadah, saya minta anda jawab atas nama Allah, adakah anda tahu bahawa saya kasih kepada Allah dan Rasul-Nya? Kata Ka'ab: Abu Qatadah terus diam. Kata Ka'ab: Saya minta lagi, tetapi ia terus diam juga, lalu saya minta sekali lagi. Kata Ka'ab: Dia menjawab: Allah dan Rasul-Nya yang lebih mengetahui. Lantas saya menitiskan air mata dan terus berundur dari situ sehingga saya memanjat tembok keluar dari kebun itu".

Demikianlah disiplin dan keta'atan di dalam kelompok Muslimin walaupun pada masa itu wujudnya keadaan kelam kabut selepas penaklukan negeri Makkah dan keadaan kegelisahan dalam menghadapi detik-detik kesulitan dan kesukaran yang dialami masyarakat Islam.

Rasulullah s.a.w. telah melarang orang ramai Muslimin supaya jangan bercakap dengan tiga orang yang senasib itu. Sejak itu tiada seorang pun yang sudi membuka mulutnya mengeluarkan sepatah tegur sapa kepadanya, tiada siapa pun yang menemuinya dengan kemesraan dan tiada siapa yang sudi mengambil sesuatu darinya atau memberi sesuatu kepadanya sehingga sepupunya sendiri selaku orang yang paling disayanginya tidak sudi menjawab salamnya ketika ia menemuinya selepas memanjat tembok kebun tamarnya dan tidak pula sudi menjawab pertanyaannya, dan setelah didesak ia hanya memberi satu jawapan kabur yang tidak dapat memuaskan keinginan hatinya dan tidak dapat

mententeramkan kegelisahannya. Ia hanya berkata: "Allah dan Rasul-Nya yang lebih mengetahui".

Setelah bumi Madinah menjadi asing kepada Ka'ab dan tidak lagi menjadi bumi yang telah dikenalinya selama ini dan dalam kerinduannya (untuk mendapat keredhaan Rasulullah) ia mencari gerak bibir Rasulullah s.a.w. dan mencuri pandang dengan ekor matanya kepada beliau dengan harapan untuk mengetahui bahawa Rasulullah juga melontarkan selayang pandang kepadanya yang dapat menghidupkan harapan di dalam hatinya dan menumbuhkan keyakinan bahawa dia tidak dicantaskan dari pokok kelompok Muslimin dan tidak dihukum mati layu dan kering.

Ketika berada dalam keadaan terusir dan terbuang dari masyarakat, di mana tiada seorang pun yang sudi bercakap sepatah dengannya walaupun secara kebetulan, tiba-tiba datang sepucuk surat dari Raja Ghassan yang menawar kemuliaan, penghormatan dan kedudukan yang baik kepadanya, tetapi sekaligus ia menolak semuanya itu dan tiada apa yang dibuatnya lagi selain dari mencampakkan surat itu dalam api dan menganggapkannya sebagai sisa-sisa bala' dan terus kembali bersabar menghadapi ujian.

Pemulauan itu bertambah luas lagi, ia diperintah supaya berasing dari isterinya agar ia tinggal keseorangan terusir dari segala kasih mesra dan tergantung-gantung di antara bumi dan langit. Dia malu untuk menemui Rasulullah s.a.w. untuk merayu supaya isterinya tidak diasingkan darinya, kerana dia tidak tahu bagaimana jawapan yang akan diberikan Rasulullah nanti.

Inilah babak pemulauan, kemudian tiba pula babak berita gembira, iaitu babak penerimaan taubat, babak kepulangan kepada barisan kelompok, babak pengurniaan taubat kerana kesalahan dan babak kebangkitan semula dan pulang kembali kepada hayat. Dengarlah gambaran Ka'ab "Ketika saya sedang duduk dalam keadaan yang telah digambarkan Allah, iaitu saya merasa hati saya begitu sempit dan bumi yang luas menjadi kecil, tiba-tiba saya mendengar seorang juruhebah dari atas sebuah bukit yang berseru dengan setinggi-tinggi suaranya: Bergembiralah, wahai Ka'ab ibn Malik! Lalu saya pun merebahkan diri sujud. Kini saya tahu masa kelepasan dan kebebasan telah datang dan Rasulullah s.a.w. telah mengumumkan penerimaan taubat dari Allah ke atas kami ketika beliau sembahyang fajar. Kemudian orang ramai datang menyampaikan berita gembira kepada saya dan kepada dua orang sahabat saya. Kemudian seorang penunggang kuda menuju kepada saya dan seorang yang berjalan kaki dari Bani Aslam juga menuju ke arah saya dan ia naik ke atas bukit dan suaranya lebih pantas dari kuda. Apabila datang orang yang saya dengar suaranya itu menyampaikan berita gembira kepada saya, lantas saya tanggalkan dua helai baju saya dan saya salutkan keduanya ke tubuh orang itu kerana berita gembira yang disampaikan kepada saya. Demi Allah saya tidak memiliki baju yang lain dari dua helai baju itu pada hari itu, saya terpaksa meminjam dua helai baju untuk saya pakai dan saya terus menuju kepada Rasulullah s.a.w. Orang ramai menyambut saya sepuak demi sepuak. Mereka memberi tahniah kepada saya kerana menerima pengurniaan taubat dari Allah. Mereka berkata: Bergembiralah dengan pengurniaan taubat dari Allah, sehingga saya masuk ke dalam masjid. Di sini Talhah bin Ubayd bangkit berlari mendapatkan saya. Dia menjabat tangan saya dan mengucap tahniah kepada saya. Demi Allah, tidak ada orang Muhajirin selain darinya yang bangkit mendapatkan saya. Itulah kebaikan Talhah yang tidak dapat dilupakan oleh Ka'ab r.a".

Demikianlah peristiwa-peristiwa yang dinilai dan dimuliakan di dalam kelompok ini dan demikianlah taubat yang diterima Allah disambut dan diberi penghormatan. Berita gembira pengurniaan taubat itu dibawa oleh penunggang kuda kepada penerimanya dan dilaungkan oleh seseorang yang datang dengan mendaki bukit supaya berita gembira itu lebih cepat sampai. Ucapan tahniah dan penghormatan yang diterima oleh orang yang mendapat pengurniaan taubat merupakan budi baik yang tidak dapat dilupakan olehnya kerana ia telah dipulangkan kembali kepada kelompok dan dihubungkan segala pertalian dengannya. Hari penerimaan taubat itu merupakan satu hari (yang amat bermakna) yang disifatkan Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya: "Bergembiralah dengan sebaik-baik hari yang telah dilalui anda sejak anda dilahirkan ibu anda". Kata-kata ini telah diucapkan oleh Rasulullah s.a.w. dengan wajah yang berseri-seri gembira sebagaimana diceritakan,oleh Ka'ab. Inilah hari besar Rasulullah yang pemurah dan pengasih yang telah dilimpahi kegembiraan kerana Allah telah menerima taubat tiga orang sahabatnya dan mengembalikan mereka ke pangkuan kelompoknya dengan penuh kemuliaan.

Inilah kisah tiga orang sahabat yang telah ponteng dari berjihad dan kemudian Allah mengurniakan taubat kepada mereka. Inilah beberapa imbasan kembali yang memberi gambaran yang jelas tentang kehidupan masyarakat Islam (di masa itu) dan tentang nilai-nilai yang dihayati mereka.

Kisah yang diceritakan oleh salah seorang yang terbabit sendiri dalam kisah itu mendekatkan kepada hati kita pengertian ayat yang berikut:

حَتَّىٰٓ إِذَا ضَاقَتۡ عَلَيۡهِمُ ٱلۡأَرۡضُ بِمَا رَحُبَتۡ وَضَاقَتۡ
عَلَيۡهِمۡ أَنفُسُهُمۡ وَظَنُّوٓاْ أَن لَّا مَلۡجَأَ مِنَ ٱللَّهِ إِلَّآ إِلَيۡهِ

"Sehingga bumi yang luas menjadi sempit kepada mereka dan hati mereka juga dirasa begitu picik dan mereka yakin tiada tempat perlindungan dari kemurkaan Allah melainkan kembali kepada-Nya."

ضَاقَتْ عَلَيْهِمُ الْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ

"Bumi yang luas menjadi sempit kepada mereka."

Apakah bumi? Tiada nilai bumi melainkan dengan penduduknya, dan tiada nilai penduduknya melainkan dengan nilai-nilai dominan yang ada padanya, juga dengan nilai-nilai pertalian dan perhubungan di antara penduduknya. Ungkapan itu memang tepat dengan pengertiannya yang waqi'i di samping tepat dengan keindahan pengertiannya yang seni yang melukiskan bumi menjadi sempit kepada tiga orang yang ponteng dari berjihad, di mana perbatasan-perbatasan daerah menjadi pendek dan ruangannya yang lebar menjadi kuncup dan mengerut dan membuat mereka gelisah dan tidak senang.

وَضَاقَتْ عَلَيْهِمْ أَنفُسُهُمْ

"Dan hati mereka juga dirasa begitu picik."

Seolah-olah hati itu merupakan wadah yang sempit yang tidak,dapat menampung mereka. Ia menekan dan menghimpit mereka menyebabkan mereka lemas dan picik.

وَظَنُّوا أَن لَّا مَلْجَأَ مِنَ اللَّهِ إِلَّا إِلَيْهِ

"Dan mereka yakin tiada tempat perlindungan dari kemurkaan Allah melainkan kembali kepada-Nya".(118)

Di sana tiada tempat perlindungan bagi seseorang dari kemurkaan Allah, kerana Allah menguasai segala pelosok bumi dan langit, tetapi menyebut hakikat ini di sini dalam suasana kesusahan membuat adegan dibayangi kesusahan, kesempitan dan ketiadaan harapan, di mana tiada jalan keluar darinya melainkan dengan berlindung kepada Allah yang berkuasa menghapuskan segala kesusahan dan derita.

ثُمَّ تَابَ عَلَيْهِمْ لِيَتُوبُوا ۚ إِنَّ اللَّهَ هُوَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ ﴿١١٨﴾

"Kemudian Allah mengurniakan taubat ke atas mereka supaya mereka sentiasa bertaubat. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat dan Maha Pengasih."(118)

Allah mengurniakan taubat ke atas mereka dari kesalahan yang tertentu supaya mereka bertaubat secara keseluruhan dari segala kesalahan yang telah silam dan supaya mereka kembali kepada Allah dengan sempurna dalam segala perkara yang akan datang. Hal ini dapat dilihat dengan tepatnya di dalam pengakuan Ka'ab: "Di antara bukti taubat saya ialah saya hendak melucutkan diri saya dari hak milik semua harta saya sebagai sedekah saya kepada Allah dan Rasul-Nya". Jawab beliau: "Jangan, simpankan sebahagian dari harta anda. Ini lebih baik kepada anda". Saya lantas menjawab: "Saya akan simpan harta bahagian saya yang berada di Khaybar," dan saya menambah lagi: "Ya Rasulullah, Allah telah selamatkan saya kerana bercakap benar dan di antara bukti taubat saya lagi ialah saya berjanji tidak akan bercakap bohong selama hidup saya. Demi Allah, setahu saya tiada seorang Muslim yang telah diuji Allah kerana bercakap benar sejak saya bercakap benar kepada Rasulullah lebih baik dari ujian Allah yang telah dihadapi saya. Demi Allah, saya tidak mengeluarkan sepatah perkataan bohong sejak saya berkata benar kepada Rasulullah s.a.w. sehingga hari ini. Saya harap dengan sungguh-sungguh agar Allah memelihara saya dari bercakap bohong di sepanjang sisa hayat saya yang masih ada".

Kami tidak dapat menghuraikan lebih banyak dari ini di dalam kitab "Fi Zilalil-Qur'an" mengenai kisah yang banyak memberi saranan ini, juga mengenai cara pengungkapan Al-Qur'an yang unik mengenai kisah ini. Oleh itu cukuplah kepada kami di sini sekadar huraian yang telah ditaufikkan Allah kepada kami.

(Pentafsiran ayat-ayat 119 - 121)

Seruan Supaya Kekal Berada Dalam Barisan Mu'minin Yang Tulen

Di bawah bayangan kisah pengurniaan taubat yang dikurniakan kepada orang-orang yang teragak-agak, dan ponteng dari jihad dan di bawah bayangan kelebihan bercakap benar yang ketara di dalam kisah tiga orang sahabat yang ditangguhkan keputusan terhadap mereka, datanglah pula ayat yang mengandungi seruan yang ditujukan kepada seluruh orang-orang yang beriman supaya mereka bertaqwa kepada Allah dan supaya mereka berada di dalam golongan para Mu'minin yang tulen dari angkatan perintis, juga mengandungi kritikan dan kecaman terhadap orang-orang Madinah dan orang-orang A'arab yang tinggal di sekelilingnya kerana mereka ponteng dari tugas berjihad, di samping mengandungi janji ganjaran yang limpah kepada para Mujahidin:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ ﴿١١٩﴾

مَا كَانَ لِأَهْلِ الْمَدِينَةِ وَمَنْ حَوْلَهُم مِّنَ الْأَعْرَابِ أَن يَتَخَلَّفُوا عَن رَّسُولِ اللَّهِ وَلَا يَرْغَبُوا بِأَنفُسِهِمْ عَن نَّفْسِهِ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ لَا يُصِيبُهُمْ ظَمَأٌ وَلَا نَصَبٌ وَلَا مَخْمَصَةٌ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا يَطَئُونَ مَوْطِئًا يَغِيظُ الْكُفَّارَ وَلَا يَنَالُونَ مِنْ عَدُوٍّ نَّيْلًا إِلَّا كُتِبَ لَهُم بِهِ عَمَلٌ صَالِحٌ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٢٠﴾

وَلَا يُنفِقُونَ نَفَقَةً صَغِيرَةً وَلَا كَبِيرَةً وَلَا

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَكُونُواْ مَعَ ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿١١٩﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan hendaklah kamu berada bersama-sama golongan Mu'minin yang tulen."(119)

Selepas seruan ini, ayat yang berikut mengecam dasar ponteng dan cabut diri dari Rasulullah s.a.w.

مَا كَانَ لِأَهۡلِ ٱلۡمَدِينَةِ وَمَنۡ حَوۡلَهُم مِّنَ ٱلۡأَعۡرَابِ أَن يَتَخَلَّفُواْ عَن رَّسُولِ ٱللَّهِ وَلَا يَرۡغَبُواْ بِأَنفُسِهِمۡ عَن نَّفۡسِهِۦۚ

"Tidaklah wajar bagi penduduk Madinah dan orang-orang A'arab yang tinggal di sekitar mereka mengelakkan diri dari ikut berperang bersama Rasulullah dan tidaklah pula wajar bagi mereka menyintai diri mereka hingga tidak menghiraukan diri Rasulullah."

Ungkapan ini mengandungi kecaman yang halus, kerana tidak ada kecaman yang ditujukan kepada sahabat Rasulullah s.a.w. yang lebih pedih dari kecaman yang menyifatkannya sebagai orang yang lebih menyintai dirinya dari diri Rasulullah, sedangkan beliau berada bersamanya dan menjadi sahabatnya.

Ia merupakan suatu isyarat yang ditujukan kepada pejuang-pejuang da'wah Islam dalam setiap generasi, iaitu setiap Mu'min tidak seharusnya mengelakkan dirinya dari kesusahan yang dihadapi oleh Rasulullah dalam memperjuangkan da'wah Islamiyah, sedangkan dia sendiri yakin bahawa Rasulullah itu adalah pemimpin da'wah di samping ia juga berkewajipan menurut jejak langkah Rasulullah s.a.w. dalam perjuangan da'wah itu.

Itulah kewajipan yang diwajibkan oleh perasaan malu terhadap Rasulullah apatah lagi ia merupakan perintah yang terbit dari Allah, namun begitu ia diberi balasan yang baik. Alangkah pemurah-Nya!

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمۡ لَا يُصِيبُهُمۡ ظَمَأٞ وَلَا نَصَبٞ وَلَا مَخۡمَصَةٞ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَلَا يَطَـُٔونَ مَوۡطِئٗا يَغِيظُ ٱلۡكُفَّارَ وَلَا يَنَالُونَ مِنۡ عَدُوّٖ نَّيۡلًا إِلَّا كُتِبَ لَهُم بِهِۦ عَمَلٞ صَٰلِحٌۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجۡرَ ٱلۡمُحۡسِنِينَ ﴿١٢٠﴾

وَلَا يُنفِقُونَ نَفَقَةٗ صَغِيرَةٗ وَلَا كَبِيرَةٗ وَلَا يَقۡطَعُونَ وَادِيًا إِلَّا كُتِبَ لَهُمۡ لِيَجۡزِيَهُمُ ٱللَّهُ أَحۡسَنَ مَا كَانُواْ يَعۡمَلُونَ ﴿١٢١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan hendaklah kamu berada bersama-sama golongan Mu'minin yang tulen(119). Tidaklah wajar bagi penduduk Madinah dan orang-orang A'arab yang tinggal di sekitar mereka mengelakkan diri dari ikut berperang bersama Rasulullah dan tidak pula wajar bagi mereka menyintai diri mereka hingga tidak menghiraukan diri Rasulullah. Hal itu disebabkan kerana tiada kedahagaan, tiada kepenatan, tiada kelaparan di dalam perjuangan fi Sabilillah, tiada tempat yang dipijak mereka yang menimbulkan kemarahan orang-orang kafir dan tiada kecederaan yang diterima mereka dari musuh melainkan semuanya ditulis sebagai amalan yang soleh kepada mereka. Sesungguhnya Allah tidak sekali-kali mensia-siakan pahala para Muhsinin(120). Dan begitu juga tiada perbelanjaan yang dibelanjakan mereka (untuk Sabilullah) sama ada kecil atau besar dan tiada wadi yang dilintasi mereka melainkan semuanya ditulis (sebagai amalan yang soleh) kepada mereka, kerana Allah hendak memberi balasan yang sebaik-baiknya terhadap segala amalan yang telah dilakukan mereka"(121)

Penghuni negeri Madinah inilah yang mendokong da'wah dan pergerakan Islamiyah. Merekalah pembela perjuangan da'wah yang paling dekat. Mereka hidup dengannya dan untuknya. Merekalah yang memberi tempat perlindungan kepada Rasulullah s.a.w. dan mengadakan perjanjian setia dengan beliau. Merekalah yang menjadi tapak asas yang kukuh bagi agama ini di seluruh Semenanjung Tanah Arab. Begitu juga suku-suku kaum yang tinggal di sekitar Madinah telah menganut Islam dan membentuk satu lingkaran benteng luar bagi tapak asas Islam itu. Kedua-dua golongan ini tidak sewajarnya ponteng dari Rasulullah s.a.w. dan tidak sepatutnya lebih mementingkan diri mereka dari diri beliau. Ketika Rasulullah s.a.w. keluar dalam cuaca yang panas atau dingin, dalam kesulitan atau kesenangan, dalam kemudahan atau kepayahan untuk melaksanakan tugas-tugas da'wah dan tanggunjawab-tanggungjawabnya, maka penduduk-penduduk Madinah selaku pendokong-pendokong da'wah, juga kaum A'arab yang tinggal di sekitar mereka selaku orang-orang yang dekat dengan Rasulullah s.a.w. adalah tidak wajar dan tidak ada sebarang alasan bagi mereka untuk menaruh kebimbangan terhadap keselamatan diri mereka dari perjuangan yang dipikul oleh Rasulullah s.a.w.

Berdasarkan perhitungan-perhitungan inilah Allah menyeru mereka supaya bertaqwa kepada Allah dan berjuang bersama-sama para Mu'minin yang tulen yang tidak ponteng dari tugas berjihad dan tidak pernah beranganangan untuk ponteng. Keimanan mereka tidak pernah goyah dan goyang di dalam kesulitan dan kesukaran. Merekalah golongan pilihan dari angkatan perintis dan orang-orang yang mengikut mereka dengan sebaiknya:

يَقۡطَعُونَ وَادِيًا إِلَّا كُتِبَ لَهُمۡ لِيَجۡزِيَهُمُ ٱللَّهُ أَحۡسَنَ مَا كَانُواْ يَعۡمَلُونَ ﴿١٢١﴾

"Hal itu disebabkan kerana tiada kedahagaan, tiada kepenatan, tiada kelaparan di dalam perjuangan fi Sabilillah. Tiada tempat yang dipijak mereka, yang menimbulkan kemarahan orang-orang kafir dan tiada kecederaan yang diterima mereka dari musuh melainkan semuanya ditulis sebagai amalan yang soleh kepada mereka. Sesungguhnya Allah tidak sekali-kali mensia-siakan pahala para Muhsinin."(120) Dan begitu juga tiada perbelanjaan yang dibelanjakan mereka (untuk Sabilullah) sama ada kecil atau besar dan tiada wadi yang dilintasi mereka melainkan semuanya ditulisnya (sebagai amalan yang soleh) kepada mereka, kerana Allah hendak memberi balasan yang sebaik-baiknya terhadap segala amalan yang dilakukan mereka."(121)

Maksudnya, setiap kedahagaan diberi ganjaran, setiap kepenatan diberi ganjaran, setiap kelaparan diberi ganjaran, setiap langkah yang menimbulkan kemarahan para kafirin diberi balasan, setiap kecederaan yang diterima dari musuh diberi ganjaran dan ditulis sebagai amalan soleh bagi seorang pejuang dan dimasukkan ke dalam golongan para Muhsinin yang tidak akan dihampakan Allah sebarang ganjaran kepada mereka.

Setiap perbelanjaan sama ada kecil atau besar diberi pahala. Setiap langkah melintasi wadi diberi pahala yang sebaik-baiknya terhadap segala amalan yang dilakukan oleh seseorang Mujahid di dalam hayatnya.

Amboi, demi Allah, itulah kemurahan-Nya mengurniakan ganjaran yang begitu, murah dan pahala yang begitu melimpah-ruah. Sesungguhnya amatlah memalukan sekali, apabila semua ganjaran itu diberikan kerana kesusahan dan kesulitan yang sangat kecil dibandingkan dengan kesusahan dan kesulitan yang ditanggung oleh Rasulullah s.a.w. di dalam memperjuangkan da'wah ini, di mana kitalah yang menjadi para khalifah dan para pemegang amanah yang bertugas menyambungkan perjuangan itu.

(Pentafsiran ayat 122)

Peraturan Kerahan Umum

Yang dapat dilihat dengan jelas sebaik sahaja turunnya ayat-ayat surah ini mengecam orang-orang yang ponteng dari berjihad dan mencela perbuatan ponteng itu terutama apabila ia dilakukan oleh penduduk Madinah dan kaum A'arab yang berada di sekitar mereka, maka orang ramai Muslimin berpusu-pusu datang berkumpul di Madinah untuk menunggu perintah Rasulullah s.a.w. terutama dari suku-suku kaum yang berada di sekitar Madinah. Perkembangan ini memerlukan kepada penjelasan mengenai peraturan-peraturan kerahan umum dan penjelasan itu dari segi realiti memang tepat dengan waktunya, kerana daerah bumi Islam telah bertambah luas hingga hampir-hampir seluruh Semenanjung Tanah Arab telah memeluk Islam. Bilangan pejuang-pejuang yang bersedia untuk berjihad telah bertambah begitu ramai. Bilangan mereka selepas berlakunya peristiwa ponteng dari Peperangan Tabuk telah mencapai angka kira-kira tiga puluh ribu orang, iaitu satu perkembangan yang tidak pernah berlaku di dalam mana-mana peperangan yang diceburi kaum Muslimin. Kini masanya telah tiba agar tenaga-tenaga manusia itu diagih-agihkan kepada berbagai-bagai bidang iaitu bidang jihad, bidang pembangunan bumi, bidang perniagaan dan sebagainya dari bidang-bidang kehidupan yang menjadi tunggak kemajuan satu umat yang muda yang berlainan keperluan-keperluannya dari keperluan-keperluan suku yang biasa atau dari keperluan-keperluan masyarakat sukuan yang primitif. Ayat yang berikut diturunkan untuk menjelaskan peraturan-peraturan kerahan perang itu:

وَمَا كَانَ ٱلۡمُؤۡمِنُونَ لِيَنفِرُواْ كَآفَّةٗۚ فَلَوۡلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرۡقَةٖ مِّنۡهُمۡ طَآئِفَةٞ لِّيَتَفَقَّهُواْ فِي ٱلدِّينِ وَلِيُنذِرُواْ قَوۡمَهُمۡ إِذَا رَجَعُوٓاْ إِلَيۡهِمۡ لَعَلَّهُمۡ يَحۡذَرُونَ ﴿١٢٢﴾

"Dan tidaklah wajar bagi orang-orang yang beriman keluar semuanya untuk berperang. Oleh itu hendaklah sekumpulan dari setiap puak dari mereka keluar untuk memperdalamkan kefahaman didalam agama dan untuk memberi peringatan kepada kaum mereka apabila mereka kembali kepada kaum mereka supaya mereka berwaspada."(122)

Rahsia-rahsia Agama Allah Hanya Dapat Difahami Melalui Harakat Dan Perjuangan

Di sana terdapat berbagai-bagai riwayat dalam mentafsirkan ayat ini, juga dalam menentukan kumpulan yang bertugas mendalamkan kefahaman dalam agama dan memberi peringatan dan pengajaran kepada masyarakat apabila mereka kembali kepadanya. Pada hemat kami pendapat yang sesuai dalam mentafsirkan ayat ini ialah para Mu'minin tidak semuanya dikehendaki keluar berperang, tetapi dalam setiap puak dari mereka hendaklah ada satu kumpulan – secara bergilir-gilir di antara mereka yang keluar berperang dan mereka yang tidak keluar berperang – yang bertugas mendalamkan kefahaman dalam agama melalui kegiatan-kegiatan keluar berperang, berjihad dan menjalankan pergerakan memperjuangkan 'aqidah Islam kemudian memberi peringatan dan pengajaran kepada golongan yang tidak keluar berperang apabila mereka kembali kepada kaum mereka, iaitu mendedahkan kepada mereka hasil-hasil yang dilihat dan difahami dari agama ini dalam masa mereka menjalankan kegiatan berjihad dan mengaturkan harakat perjuangan.

Pendapat yang kami pilih ini berlandaskan ta'wilan yang dikemukakan oleh Ibn Abbas r.a., juga berlandaskan pentafsiran al-Hassan al-Basri, pendapat pilihan Ibn Jarir dan pendapat Ibn Kathir, iaitu agama Islam merupakan satu sistem haraki yang tidak dapat difahami melainkan oleh mereka yang bergerak dengannya. Justeru itu orang-orang yang keluar memperjuangkan agama ini merekalah orang-orang yang lebih memahaminya berdasarkan rahsia-rahsia dan pengertian-pengertiannya yang diperolehi mereka dalam perjuangan itu, juga berdasarkan contoh-contoh dan pelaksanaan-pelaksanaan amalinya yang dilalui mereka ketika mengendalikan harakat perjuangannya. Orang-orang yang tidak ikut dalam harakat perjuangan perlu menerima pengajaran-pengajaran dari mereka yang membabitkan diri dalam harakat perjuangan, kerana mereka tidak melihat apa yang dilihat oleh mereka yang keluar berjihad dan tidak memahami seperti kefahaman mereka. Dan mereka juga tidak sampai kepada rahsia-rahsia agama ini seperti yang dicapai oleh mereka yang bergerak di dalam perjuangan itu, terutama apabila mereka keluar berjihad bersama-sama Rasulullah s.a.w. Pada umumnya keluar berjuang itu lebih hampir ke arah mencapai kefahaman dan pengertian yang mendalam.

Pendapat ini mungkin merupakan kebalikan dari apa yang terlintas dalam minda, iaitu orang-orang yang tidak ikut serta di dalam peperangan, jihad dan pergerakan, merekalah orang-orang yang dapat menumpukan – masa mereka untuk mendalamkan kefahaman di dalam agama, tetapi pandangan ini adalah salah dan tidak sesuai dengan sifat semulajadi agama Islam, kerana pergerakan merupakan asas agama ini. Justeru itu ia tidak dapat difahami melainkan oleh mereka yang bergerak dan berjihad untuk menegakkannya di dalam realiti hidup manusia dan berusaha mengalahkan jahiliyah dengan gerakan-gerakan amali.

Pengalaman-pengalaman menegaskan bahawa orang-orang yang tidak membabitkan diri di dalam pergerakan Islam tidak dapat memahaminya walaupun mereka menumpukan sepenuh tenaga untuk mengkajinya melalui kitab-kitab dengan kajian yang dingin. Pandangan-pandangan yang mendedahkan rahsia-rahsia agama hanya dapat ditanggap oleh orang-orang yang menceburkan diri di dalam pergerakan jihad untuk menegakkan Islam di dalam kehidupan manusia. Ia tidak dapat ditanggap oleh orang-orang yang asyik mencari rahsia-rahsia itu dari kitab-kitab dan kertas-kertas kajian.

Pemahaman terhadap agama ini tidak tercetus melainkan di bumi pergerakan. Ia tidak boleh diambil dari seorang fakih yang duduk berselimpuh dan putus dari pergerakan. Orang-orang yang hanya menumpukan tenaga mereka mengkaji kitab-kitab dan kertas-kertas kajian di zaman ini untuk mengeluarkan hukum-hukum feqah bagi membaharui perundangan Islam atau mengembangkannya mengikut sebagaimana yang diseranah para orientalis yang berjiwa Kristian, sedangkan mereka jauh dari pergerakan yang bertujuan membebaskan manusia dari 'Ubudiyah kepada sesama manusia dan mengembalikan mereka kepada 'Ubudiyah kepada Allah semata-mata dengan berhakimkan syari'at Islam sahaja dan menyingkirkan undang-undang ciptaan para Taghut, maka mereka adalah orang-orang yang tidak memahami sifat semulajadi agama Islam dan justeru itulah mereka tidak dapat menyusun perundangan agama ini dengan baik.

Perundangan Islam adalah anak yang lahir dari pergerakan Islamiyah. Pertama-tama wujudnya agama kemudian barulah wujud perundangan dan bukan sebaliknya. Apabila wujudnya konsep kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa semata-mata, maka barulah wujud masyarakat yang menetapkan agar konsep kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa semata-mata ditekankan dalam masyarakat itu. Masyarakat yang membuang peraturan-peraturan jahiliyah, adat-adat resam dan tradisinya dan menolak undang-undang ciptaan manusia dalam mana-mana aspek kehidupannya kemudian ia mengendalikan urusan kehidupannya mengikut prinsip-prinsip umum syari'at Allah, di samping mengikut peraturan-peraturan kecil yang berlandaskan prinsip syari'at, dan dalam masa ia mentadbirkan urusan kehidupannya di bawah naugan konsep kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa semata-mata dan mengambil ilham-ilham dari syari'at-Nya sahaja untuk merealisasikan konsep kepatuhan ini kemudian timbul isu-isu cabangan yang baru sebagai ekoran dari perubahan situasi-situasi yang berlaku di dalam kehidupan, maka di sini sahaja barulah sampai waktunya untuk mengistinbatkan hukum-hukum fiqhiyah dan barulah tiba waktunya bagi perkembangan al-Fiqhul-Islami. Pergerakan memperjuangkan agama inilah yang melahirkan al-Fiqhul-Islami dan merealisasikan perkembangannya. Ia bukannya feqah yang diistinbatkan dari lembaran kitab-kitab yang dingin dan jauh dari bahang kehidupan yang waqi'i. Oleh sebab itulah para fuqaha' dianggap sebagai orang-orang yang mempunyai kefahaman yang mendalam dalam agama, kerana pemahaman mereka adalah hasil dari pergerakan mereka memperjuangkan agama ini, juga hasil dari pergerakan mereka menghadapi kehidupan yang waqi'i di dalam masyarakat Islam yang dinamis, yang hidup dengan agama ini dan berjuang untuknya dan berinteraksi dengan feqah yang baru ini berdasarkan pergerakan kehidupan yang waqi'i.

Cara Yang Betul Bagi Penggubalan Al-Fiqhul-Islami

Tetapi pada hari ini, apakah yang ada? Di manakah masyarakat Islam yang menetapkan konsep kepatuhannya kepada Allah Yang Maha Esa semata-mata? Di manakah masyarakat Islam yang benar-benar menolak konsep kepatuhan kepada sesama manusia dan menetapkan syari'at Allah sebagai syari'at negara? Di manakah masyarakat Islam yang

benar-benar menolak apa sahaja undang-undang dan peraturan yang tidak dihasilkan dari sumber syari'at Allah yang tunggal?

Tiada seorang pun dapat mendakwa bahawa masyarakat Islam yang seperti ini memang wujud pada hari ini! Justeru itulah seorang Muslim yang mengenal Islam, memahami sistemnya dan sejarahnya tidak berusaha ke arah memaju al-Fiqhul-Islami atau membaharui atau mengembangkannya di bawah naungan masyarakat-masyarakat yang dari awal lagi tidak mengi'tirafkan al-Fiqhul-Islami sebagai undang-undang negara yang tunggal yang dihayatinya. Tetapi seorang Muslim yang serius dari awal-awal lagi berusaha ke arah merealisasikan lebih dahulu konsep kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa semata-mata, dan menegakkan konsep bahawa kuasa Hakimiyah hanya tertentu kepada Allah sahaja dan tiada penggubalan undang-undang dan peraturan melainkan semuanya harus diambil dari syari'at Allah yang tunggal sahaja untuk merealisasikan konsep kepatuhan itu.

Adalah satu usaha mainan yang kosong yang tidak sesuai dengan sifat serius agama ini andainya ada orang-orang yang menyibukkan diri dengan usaha-usaha untuk memajukan al-Fiqhul-Islami atau membaharuinya atau memperkembangkannya di dalam sebuah masyarakat yang tidak mengamalkan al-fiqhul-Islami dan tidak pula menegakkan kehidupan masyarakat di atas asasnya. Begitu juga ia merupakan suatu kejahilan yang mengaibkan terhadap sifat semulajadi agama Islam andainya ada orang yang menganggapkan bahawa dia dapat memahami agama ini secara mendalam dengan hanya duduk berselimpuh mengkaji kitab-kitab dan kertas-kertas kajian yang hambar dan mengistinbatkan hukum-hukum feqah dari acuan hukum-hukum feqah yang beku, kerana hukum-hukum feqah tidak diistinbatkan dari syari'at melainkan di dalam arus kehidupan yang deras dan melainkan bersama harakat yang memperjuangkan Islam di alam kenyataan.

Konsep kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa semata-mata itulah yang melahirkan masyarakat Islam, kemudian masyarakat Islamlah yang melahirkan al-Fiqhul-Islami. Inilah tertibnya yang pasti. Ia lebih dahulu memerlukan wujudnya sebuah masyarakat Islam yang lahir dari konsep kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa semata-mata dan memutuskan untuk menguatkuasakan syari'at Allah semata, kemudian selepas itu - bukan sebelumnya - barulah lahir al-Fiqhul-Islami yang terperinci yang disusun mengikut saiz masyarakat yang wujud. Ia bukannya disiap-sediakan lebih dahulu (sebelum lahirnya masyarakat Islam), kerana setiap hukum feqah - mengikut sifat semulajadinya - merupakan langkah melaksanakan syari'at ke atas suatu kes yang berlaku, yang mempunyai ukuran, bentuk dan latar belakang yang tertentu yang dicetuskan oleh pergerakan kehidupan di dalam ruang lingkup Islam bukannya ruang lingkup yang jauh darinya. Kes-kes yang berlaku inilah yang menentukan saiz, bentuk dan latar belakang hukum itu. Oleh sebab itulah setiap kes itu digubalkan untuknya satu peraturan yang langsung mengikut saiznya. Adapun hukum-hukum feqah yang tersedia di dalam kitab-kitab itu juga telah digubalkan sebelum ini untuk menghadapi kes-kes yang tertentu semasa berlangsungnya kehidupan Islamiyah yang berlandaskan syari'at Allah sebagai undang-undang negara. Pada masa itu hukum-hukum feqah tersebut bukanlah hukum-hukum yang telah tersedia dan dingin, malah ia merupakan hukum-hukum yang segar dan dinamis. Kewajipan kita pada hari ini ialah menggubalkan undang-undang yang seperti itu untuk menghadapi kes-kes yang baru, tetapi sebelum itu hendaklah lebih dahulu diwujudkan masyarakat Islam yang berikrar tidak akan patuh kepada undang-undang dan peraturannya yang lain dari syari'at Allah dan tidak akan menggubalkan hukum syara' melainkan dari syari'at Allah sahaja bukan dari undang-undang yang lain darinya.

Inilah usaha yang serius yang memberi hasil yang layak dengan sifat serius agama ini. Inilah perjuangan yang membuka pintu hati dan membolehkannya untuk mendapat pemahaman yang mendalam di dalam agama. Selain dari usaha sedemikian, ia hanya merupakan usaha mainan yang tidak dapat diterima oleh agama ini, juga merupakan suatu pelarian dari kewajipan perjuangan yang haqiqi yang berlindung di sebalik tabir "pembaharuan al-Fiqhul-Islami" atau "perkembangannya". Itulah suatu pelarian, sedangkan yang lebih baik dari usaha ini ialah membuat pengakuan lemah dan cuai serta memohon keampunan dari Allah kerana ponteng dan tinggal bersama-sama orang-orang yang ponteng dan duduk beristirehat.

(Pentafsiran ayat 123)

Selepas itu datang pula ayat yang berikut yang mengaturkan program pergerakan jihad dan skopnya yang diikuti oleh Rasulullah s.a.w. dan para khalifahnya selepas beliau secara umumnya. Ia tidak pernah terkeluar dari program ini kecuali dalam beberapa keadaan yang mempunyai kehendak-kehendak keperluan yang berlaku pada masa itu:

Program Pergerakan Jihad

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ قَٰتِلُوا۟ ٱلَّذِينَ يَلُونَكُم مِّنَ ٱلْكُفَّارِ وَلْيَجِدُوا۟ فِيكُمْ غِلْظَةً ۚ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿١٢٣﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Perangilah orang-orang kafir yang berada berdekatan dengan kamu dan biarlah mereka menemui sikap yang keras dan kasar di kalangan kamu dan ketahuilah bahawa Allah bersama para Muttaqin."(123)

Adapun program pergerakan jihad yang disarankan oleh ayat tadi dalam firman-Nya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ قَٰتِلُواْ ٱلَّذِينَ يَلُونَكُم مِّنَ ٱلۡكُفَّارِ

"Wahai orang-orang yang beriman! Perangilah orang-orang kafir yang berada berdekatan dengan kamu"(123)

maka ia telah menjadi program yang diikuti oleh penaklukan-penaklukan Islam ke atas orang-orang kafir yang tinggal berdekatan atau berjiran dengan negara Islam seperingkat demi seperingkat. Apabila seluruh atau hampir seluruh Semenanjung Tanah Arab menganut Islam dan tiada lagi yang tinggal kecuali kumpulan-kumpulan kecil yang terpencil yang tidak dapat membentuk satu kumpulan yang mengancam negara Islam selepas penaklukan negeri Makkah, maka peperangan dilancarkan pula ke atas Tabuk yang terletak di perbatasan negeri-negeri takluk Roman, kemudian tentera-tentera Islam memasuki ke dalam negeri-negeri takluk Roman dan negeri-negeri takluk Parsi dan tiada lagi poket-poket yang ditinggalkan oleh mereka. Dengan ini seluruh daerah Islam dapat di satu dan disambungkan perbatasan-perbatasannya. Akhirnya negara Islam menjadi satu blok yang amat besar dan luas serta mempunyai perbatasan-perbatasan yang padu. Kemudian negeri-negeri Islam telah dilanda kelemahan kerana berpecah belah, di mana diwujudkan perbatasan-perbatasan negeri yang palsu di antara negeri-negeri itu berasaskan milik keluarga atau bangsa-bangsa. Itulah perencanaan musuh-musuh Islam untuk mengekalkan perbatasan-perbatasan palsu itu dengan sedaya upaya mereka dan mereka masih terus bekerja ke arah itu. Bangsa-bangsa ini yang pernah disatupadukan Islam sebagai satu umat di dalam negara Islam yang mempunyai perbatasan yang bersambung-sambung - mengatasi pemisah-pemisah bangsa, bahasa, keturunan dan warna - akan terus menjadi lemah kecuali mereka kembali semula kepada Islam dan kepada bendera Islam yang tunggal dan kecuali mereka kembali mengikut jejak langkah Rasulullah s.a.w. dan memahami rahsia-rahsia kepimpinan Rabbani yang menjamin kemenangan, kemuliaan dan kedudukan yang teguh.

Marilah kita berhenti sekali di hadapan firman Allah Ta'ala:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ قَٰتِلُواْ ٱلَّذِينَ يَلُونَكُم مِّنَ ٱلۡكُفَّارِ وَلۡيَجِدُواْ فِيكُمۡ غِلۡظَةٗۚ وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلۡمُتَّقِينَ ١٢٣

"Wahai orang-orang yang beriman! Perangilah orang-orang kafir yang berada berdekatan dengan kamu dan biarlah mereka menemui sikap yang keras dan kasar di kalangan kamu dan ketahuilah bahawa Allah bersama para Muttaqin."(123)

Kekeliruan Penulis-penulis Islam Terhadap Konsep Jihad

Di dalam ayat ini kita dapati perintah dari Allah supaya memerangi orang-orang kafir yang berdekatan dengan kaum Muslimin tanpa menyebut mereka menceroboh kaum Muslim atau menyerang kampung halaman kaum Muslimin. Dan kita faham bahawa perintah ini merupakan perintah muktamad yang membuat tugas memperjuangkan agama ini merupakan dasar yang melahirkan prinsip jihad dan ia bukannya merupakan semata-mata langkah "pertahanan" sebagaimana yang wujud di dalam peraturan-peraturan jahiliyah di masa pertama penubuhan kerajaan Islam di Madinah.

Setengah-setengah orang yang memperkatakan pada hari ini tentang konsep perhubungan antarabangsa di dalam Islam atau tentang hukum-hukum jihad di dalam Islam, juga setengah-setengah orang yang mentafsirkan ayat-ayat jihad di dalam Al-Qur'an, cuba mencari dari nas-nas Marhaliyah yang lepas satu pembatasan atau had bagi perintah atau nas yang muktamad ini, di mana mereka kaitkan nas yang muktamad ini dengan syarat berlakunya pencerobohan atau wujudnya ketakutan dicerobohi, sedangkan perintah atau nas yang muktamad ini sendiri merupakan satu nas yang umum. Sememangnya kita telah biasa dengan cara penjelasan Al-Qur'an apabila ia mengemukakan peraturan-peraturan atau hukum-hukum, maka ia memberi pernyataan yang halus dalam setiap persoalan dan tidak merujukkan sesuatu persoalan kepada persoalan yang lain, malah ia memilih kata-kata khusus yang tertentu dan merakamkan segala peringatan-peringatan, pengecualian-pengecualian, perbatasan-perbatasan dan pengkhususan-pengkhususan di dalam nas itu sendiri jika di sana perlu diberi sesuatu peringatan, perkecualian, pembatasan atau pengkhususan.

Dalam kata pengantar surah ini di dalam juzu' yang kesepuluh dan dalam kata pengantar ayat-ayat mengenai peperangan dengan kaum Musyrikin dan peperangan dengan kaum Ahlil-Kitab, kami telah membuat huraian yang terperinci tentang tujuan nas-nas dan peraturan-peraturan Marhaliyah, juga tentang nas-nas dan peraturan-peraturan muktamad mengikut tabi'at tatacara pergerakan Islam. Oleh itu bagi kami cukuplah dengan huraian yang telah kami kemukakan di sana.

Tetapi penulis-penulis hari ini yang menulis tentang konsep perhubungan antarabangsa di dalam Islam dan tentang hukum-hukum jihad di dalam Islam, juga orang-orang yang berusaha mentafsirkan ayat-ayat yang mengandungi peraturan-peraturan ini, merasa begitu berat dan dahsyat untuk menerima ayat-ayat ini sebagai peraturan-peraturan Islam dan untuk

menerima bahawa Allah telah memerintah orang-orang yang beriman supaya memerangi orang-orang kafir yang tinggal berdekatan dengan mereka dan terus bertindak begitu apabila terdapat di sana orang-orang kafir yang tinggal berdekatan dengan mereka. Mereka merasa begitu berat dan dahsyat untuk menerima perintah Ilahi yang sebegini rupa, oleh sebab itulah mereka mencari had-had atau syarat-syarat bagi nas-nas yang umum ini dan mereka menemui had-had dan syarat-syarat ini di dalam nas-nas Marhaliyah yang telah lalu.

Matlamat Jihad Dalam Islam

Kami mengetahui mengapa mereka merasa begitu berat dan dahsyat untuk menerima perintah Allah yang sedemikian rupa.

Mereka lupa bahawa jihad di dalam Islam ialah jihad fi Sabilillah, iaitu jihad untuk menegakkan Uluhiyah Allah di bumi dan menghalaukan Taghut-taghut yang merampas kuasa Allah, jihad untuk membebaskan manusia dari 'Ubudiyah kepada kuasa yang lain dari Allah dan dari penindasannya yang menghalangkan manusia dari menumpukan kepatuhan mereka kepada Allah Yang Maha Esa semata-mata, di samping membebaskan mereka dari 'Ubudiyah kepada sesama makhluk (matlamat jihad ialah):

"Hingga tidak ada bagi penindasan dan seluruh kepatuhan tertentu kepada Allah sahaja."

(Surah al-Baqarah: 193)

Jihad di dalam Islam bukannya jihad untuk memenangkan satu aliran pemikiran manusia ke atas satu aliran pemikiran manusia yang lain, malah ia merupakan jihad untuk menegakkan sistem ciptaan Allah ke atas sistem-sistem hidup ciptaan manusia. Ia bukannya jihad untuk menegakkan kuasa satu kaum ke atas kuasa satu kaum yang lain, malah ia merupakan jihad untuk memenangkan kuasa Allah ke atas kuasa manusia. Ia bukannya jihad untuk menegak kerajaan manusia, malah ia merupakan jihad untuk menegakkan kerajaan Allah di bumi. Oleh sebab itulah Islam harus memasuki seluruh negeri di bumi untuk membebaskan manusia seluruhnya tanpa membezakan di antara negeri-negeri yang termasuk di dalam perbatasan negara Islam dari negeri-negeri yang berada di luar perbatasannya, semuanya merupakan negeri yang didiami "manusia" dan di dalam negeri-negeri itu terdapat Taghut-taghut yang memperhambakan manusia kepada manusia.

Apabila mereka lupakan hakikat ini sudah tentu mereka merasa takut dan dahsyat untuk melihat satu sistem hidup bertindak menyapu segala sistem hidup yang lain atau satu umat bertindak menundukkan seluruh umat yang lain. Kedudukan yang seperti ini tidak dapat ditelan dan sememangnya tidak dapat ditelan, sedangkan kehendak perintah Allah tidak begitu. Sistem hidup Islam tidak serupa dengan sistem-sistem hidup ciptaan manusia pada hari ini yang dapat hidup bersama, kerana semua sistem yang wujud pada hari ini adalah sistem dari ciptaan manusia. Justeru itu tiada satu sistem pun yang berhak mengatakan bahawa ia sahaja satu-satunya sistem yang berhak hidup, tetapi bukan begitu duduknya sistem hidup ciptaan Ilahi, malah tujuan ia menentang sistem-sistem hidup ciptaan manusia ialah untuk menghapus dan menghancurkannya demi untuk membebaskan seluruh manusia dari kehinaan 'Ubudiyah kepada sesama manusia dan mengangkatkan seluruh mereka kepada martabat kemuliaan memperhambakan diri kepada Allah Yang Maha Esa sahaja tanpa sebarang sekutu.

Kemudian yang membuat mereka merasa dahsyat dan takut kerana mereka menghadapi serangan-serangan Kristian yang teratur, jahat, pintar dan liar yang mencabar mereka bahawa agama Islam telah tersebar dengan kekuatan mata pedang dan tujuan jihad di dalam Islam ialah untuk memaksa orang lain menganut agama Islam dan mencabul kehormatan kebebasan beragama.

Tentulah kedudukan persoalan ini tidak dapat ditelan seandainya perintah Ilahi sama sekali tidak begitu, kerana Islam berdiri di atas prinsip:

لَآ إِكۡرَاهَ فِي ٱلدِّينِۖ قَد تَّبَيَّنَ ٱلرُّشۡدُ مِنَ ٱلۡغَيِّۚ

"Tiada paksaan di dalam agama kerana jalan yang benar telah ketara dengan jelas dari jalan yang sesat"

(Surah al-Baqarah: 256)

Tetapi mengapa Islam tampil berjihad dengan menggunakan pedang? Dan mengapa Allah membeli dari orang-orang Mu'minin jiwa raga dan harta benda mereka dengan menjanjikan balasan Syurga supaya mereka berperang fi Sabilillah, di mana mereka membunuh dan dibunuh? Jihad di dalam Islam mempunyai tujuan yang lain dari memaksa manusia menganut Islam. Tujuan jihad Islam sama sekali bukannya untuk memaksa manusia memeluk Islam, malah tujuannya ialah untuk menjamin kebebasan beragama, kerana Islam merupakan satu perisytiharan umum untuk membebaskan "manusia" di "bumi" dari 'Ubudiyah kepada sesama manusia. Islam selama-lamanya menentang para Taghut di bumi yang menundukkan manusia kepada sesama manusia. Islam selama-lamanya menentang sistem-sistem hidup yang ditegakkan di atas landasan keta'atan manusia kepada sesama manusia, iaitu sistem-sistem yang dijaga dan dilindungi oleh kekuatan kerajaan atau kekuatan pertubuhan dalam apa bentuk sekalipun. Sistem-sistem ini menghalang manusia dari mendengar da'wah Islamiyah atau dari menganut agama Islam apabila diingini mereka atau menindas mereka dengan berbagai-bagai cara supaya mereka meninggal Islam dan ini merupakan satu corak pencabulan kebebasan beragama yang paling buruk. Dari landasan inilah Islam tampil menghunuskan pedang untuk menghancurkan sistem-sistem ini di samping menghancurkan kuasa-kuasa dan kekuatan-

yang melindunginya... kemudian apa lagi? Kemudian Islam meninggalkan manusia dalam keadaan yang benar-benar bebas untuk memilih agama yang disukainya. Jika mereka mahu, mereka boleh masuk Islam dan mereka akan menikmati hak-hak yang sama dengan kaum Muslimin di samping memikul tanggungjawab yang sama yang dipikulkan oleh kaum Muslimin. Mereka dianggap saudara seagama dengan angkatan yang lebih dahulu menganut agama Islam. Dan jika mereka suka, mereka boleh kekal dengan agama mereka dengan membayar cukai jizyah sebagai pengakuan terhadap kebebasan da'wah Islamiyah yang berkembang di kalangan mereka tanpa sebarang penentangan dan sebagai kerjasama dari mereka menanggung perbelanjaan kerajaan Islam yang melindungi mereka dari pencerobohan-pencerobohan orang-orang yang belum lagi tunduk kepada kerajaan Islam. Di samping itu kerajaan Islam akan melindungi orang-orang tidak berupaya, lemah dan sakit dari kalangan mereka sama seperti perlindungan yang dinikmati oleh kaum Muslimin.

Islam tidak memaksakan seseorang mengubahkan 'aqidahnya sebagaimana yang telah dilakukan oleh gerakan Kristian di sepanjang sejarah yang telah menyembelih, membunuh dan menghapuskan rakyat-rakyat seluruhnya, seperti rakyat Muslimin di Andalus di zaman dahulu dan rakyat Zanzibar di zaman baru, untuk memaksa mereka menganut agama Kristian dan kadang-kadang ia tidak menerima mereka walaupun mereka menganut agama Kristian, malah mereka terus dihapuskan semata-mata kerana mereka kaum Muslimin, dan kadang-kadang kerana mereka berpegang dengan mazhab Kristian yang berlainan dari mazhab rasmi gereja. Sebagai contoh ialah dua belas ribu penganut-penganut Kristian di negeri Mesir telah menjadi korban yang amat kejam, di mana mereka dibakar hidup-hidup di atas api obor-obor semata-mata kerana mereka mempunyai pegangan i'tiqad sampingan yang bertentangan dengan pegangan Gereja Roman mengenai pentafsiran sama ada Roh al-Qudus itu terpancar dari Sang Bapa sahaja atau dari Sang Bapa dan Sang Anak kedua-dua sekali atau mengenai pentafsiran sama ada al-Masih mempunyai satu sifat lasutiyah (ketuhanan) sahaja atau mempunyai sifat lahutiah dan nahutiah (kemanusiaan) kedua-dua sekali dan sebagainya dari persoalan-persoalan i'tiqadiah yang kecil dan sampingan.

Pada akhirnya, gambaran Islam bertindak di bumi untuk memerangi orang-orang kafir yang tinggal berdekatan dengan negeri Islam telah menakutkan mereka yang berjiwa kalah di zaman ini, kerana mereka melihat realiti di sekeliling mereka dan menyedari beban-beban berat dari tindakan ini. Inilah perkara yang benar-benar menakutkan mereka dan ia memang benar-benar menakutkan, tetapi apakah mereka yang memakai nama-nama Islam, dan merupakan umat-umat Islam yang pada umumnya (pada masa ini) kalah atau lemah... apakah mereka inilah yang akan bertindak di bumi untuk memerangi seluruh umat di dunia sehingga dunia ini aman dan tiada sebarang penindasan lagi terhadap orang-orang yang beriman dan seluruh keta'atan tertentu kepada Allah Yang Maha Esa sahaja? Tentulah perkara ini tidak masuk akal dan tidak mungkin merupakan perintah Allah.

Tetapi mereka tidak nampak bilakah perintah ini telah dilaksanakan? Dan dalam situasi bagaimana ia telah dilaksanakan? Sebenarnya perintah ini telah dilaksanakan sesudah Islam berjaya menegakkan daulat Islamiyah yang memerintah dengan syari'at Allah dan sesudah seluruh Semenanjung Tanah Arab tunduk dan menganut Islam dan ditadbirkan mengikut landasan Islam. Sebelum itu mereka hanya merupakan satu kelompok Muslimin yang telah menjualkan jiwa raga mereka kepada Allah dengan ikhlas lalu mereka mendapat pertolongan Allah sehari demi sehari, peperangan demi peperangan dan seperingkat demi seperingkat. Dan kini zaman telah berpusing dan menjadi persis seperti zaman yang wujud ketika Allah mengutuskan Nabi Muhammad s.a.w. untuk menyeru manusia yang berada di dalam jahiliyah kepada syahadat لا إله إلا الله محمد رسول الله lalu beliau berjuang bersama-sama pengikutnya yang kecil sehingga pada akhirnya berjaya menegakkan daulat Islamiyah di negeri Madinah, dan perintah memerangi orang-orang kafir telah melalui berbagai-bagai peringkat peraturan yang semakin bertambah maju sehingga sampai kepada bentuk peraturan yang muktamad, dan untuk sampai kepada bentuk peraturan yang muktamad ini, kaum Muslimin pada hari ini harus memulakan perjuangan mereka dari syahadat لا إله إلا الله محمد رسول الله , kemudian mereka akan beransur-ansur sampai kepada bentuk peraturan yang muktamad ini dengan izin Allah, dan pada masa itu mereka tidak akan menjadi kumpulan buih-buih di permukaan air yang dikotak-katikkan, oleh arus berbagai-bagai aliran pemikiran, berbagai-bagai sistem hidup dan berbagai-bagai kecenderungan nafsu di samping dikotak-katikkan oleh bendera-bendera perkauman, kebangsaan dan keturunan, tetapi mereka akan menjadi kelompok Muslimin yang padu yang mengangkat bendera لا إله إلا الله tanpa mengangkat di sampingnya bendera dan lambang yang lain, dan tanpa mengambil aliran pemikiran dan sistem hidup yang lain dari ciptaan manusia di bumi ini, malah terus bertolak dan bergerak di atas nama Allah dan di bawah naungan keberkatan dari Allah.

Umat Muslimin tidak dapat memahami peraturan-peraturan atau hukum-hukum agama ini jika mereka berada dalam kelemahan yang ada sekarang, kerana peraturan-peraturan agama ini tidak akan dapat difaham kecuali oleh orang-orang yang berjihad di dalam pergerakan yang bertujuan menegakkan Uluhiyah Allah Yang Maha Esa sahaja di bumi ini dan menghapuskan Uluhiyah para Taghut.

Pemahaman agama ini tidak harus diambil dari mereka yang duduk berselimpuh yang hanya membelek kitab-kitab dan kertas-kertas kajian yang hambar, kerana pemahaman agama ini ialah pemahaman hayat, pemahaman pergerakan dan tindakan. Usaha menghafal isi kandungan kitab-kitab dan melayani nas-nas tanpa pergerakan dan perjuangan tidak melayakkan seseorang untuk memahami agama ini dan tidak pernah diakui layak pada mana-mana masa yang silam.

Pada akhirnya, situasi turunnya firman Allah yang berikut:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ قَٰتِلُواْ ٱلَّذِينَ يَلُونَكُم مِّنَ ٱلْكُفَّارِ وَلْيَجِدُواْ فِيكُمْ غِلْظَةً ۚ وَٱعْلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿١٢٣﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Perangilah orang-orang kafir yang berada berdekatan dengan kamu dan biarlah mereka menemui sikap yang keras dan kasar di kalangan kamu dan ketahuilah bahawa Allah bersama para Muttaqin"(123)

menunjukkan bahawa orang-orang kafir yang dimaksudkan di dalam ayat itu ialah orang-orang Roman dari kaum Ahlil-Kitab, tetapi sebelum ini telah pun dijelaskan di dalam surah ini mengenai sebab kekafiran mereka dari segi i'tiqad dan amalan iaitu mereka telah melakukan penyelewengan di dalam 'aqidah mereka dan berhakimkan kepada syari'at ciptaan manusia dalam kehidupan mereka.

Peringatan ini perlu diteliti dan diberi perhatian untuk memahami tatacara pergerakan agama ini terhadap kaum Ahlil-Kitab yang menyeleweng dari kitab suci mereka dan mengamalkan-undang-undang dan peraturan dari ciptaan tokoh-tokoh dalam kalangan mereka. Ia merupakan satu dasar yang merangkumi seluruh kaum Ahlil-Kitab di mana-mana zaman dan tempat yang mengamalkan undang-undang dan peraturan dari ciptaan manusia, sedangkan syari'at Allah dan kitab suci-Nya berada di tangan mereka.

Peraturan Etika Islam Dalam Peperangan

Allah S.W.T. telah memerintah supaya kaum Muslimin memerangi orang-orang kafir yang tinggal berdekatan dengan mereka dan supaya bertindak kasar terhadap mereka, kemudian Allah iringi perintah itu dengan pernyataan:

"Dan ketahuilah bahawa Allah menyayangi para Muttaqin."(123)

Penyataan ini mempunyai maknanya, iaitu sifat taqwa para Muttaqin yang disayangi Allah itu ialah sifat taqwa yang bergerak dan bertindak di bumi memerangi orang-orang yang tinggal berdekatan dengan kaum Muslimin dan bertindak "kasar" terhadap mereka tanpa menunjukkan sikap berlembut-lembut dan teragak-agak sehingga (aman tenteram), di mana tiada wujud lagi penindasan terhadap Muslimin dan seluruh keta'atan tertentu kepada Allah sahaja.

Tetapi kita dan seluruh manusia harus mengetahui bahawa "tindakan kasar" (yang dimaksudkan dalam ayat ini) ialah tindakan kasar terhadap mereka yang melawan, dan tindakan itu harus dilakukan dalam batas-batas umum etika Islam dan bukannya tindakan kasar yang terlepas dari segala batas dan adab sopan.

Peperangan (yang dimaksudkan di dalam ayat ini) ialah peperangan selepas diberi amaran dan pilihan di antara menerima Islam atau membayar jizyah atau berperang dan selepas mereka mencabul perjanjian jika di sana ada perjanjian jika dibimbangi pengkhianatan (peraturan-peraturan Islam yang muktamad menghormati perjanjian dengan kaum Ahlil-Kitab apabila mereka sanggup bersikap damai dengan Islam dan membayar jizyah, tetapi perjanjian dengan mereka tidak dihormati dalam kes yang lain dari ini, kecuali kaum Muslimin lemah, maka dalam kes ini peraturan yang harus dipakai oleh mereka ialah peraturan Marhaliyah yang sesuai dengan keadaan mereka).

Di bawah ini ialah kumpulan adab-adab peperangan dari wasiat Rasulullah s.a.w. :

• Daripada Buraydah katanya: Biasanya Rasulullah s.a.w. apabila beliau menyampaikan amanah kepada ketua tentera atau pasukan tentera beliau menekankan pesanannya supaya mereka bertaqwa dan memberi layanan yang baik kepada pejuang Muslimin yang berada di bawah pimpinannya, kemudian beliau bersabda: "Berperanglah di jalan Allah dengan nama Allah! Perangilah mereka yang ingkarkan Allah. Berperanglah tetapi jangan sekali-kali melampaui batas, jangan mengkhianati, jangan mengerat-ngeratkan anggota musuh yang mati dan jangan membunuh kanak-kanak. Apabila engkau menghadapi musuh dari kaum Musyrikin, maka kemukakan kepada mereka tiga tawaran, jika mereka menyambut tawaran itu, maka terimalah dan jangan menyerang mereka, iaitu seru mereka memeluk Islam, jika mereka menyambut seruan itu maka terimalah mereka dan jangan menyerang mereka, kemudian seru mereka supaya berhijrah dari negeri mereka ke negeri Muhajirin dan terangkan kepada mereka jika mereka sanggup berhijrah, mereka akan mendapat segala hak yang dinikmati oleh Muhajirin dan memikul segala tanggungjawab yang dipikul oleh mereka. Sebaliknya jika mereka enggan berhijrah, maka terangkan kepada mereka bahawa status mereka sama dengan orang-orang Muslimin dari kaum A'arab (Badwi), di mana diperlakukan ke atas mereka segala peraturan Allah yang diperlakukan ke atas orang-orang yang beriman, tetapi mereka tidak berhak menerima habuan dari harta rampasan perang

dan harta rampasan tanpa perang kecuali mereka berjihad bersama-sama pejuang-pejuang Muslimin. Dan jika mereka enggan, maka mintalah mereka membayar jizyah, jika mereka setuju, maka terimalah mereka dan jangan serang mereka. Dan jika mereka enggan, maka pohonlah pertolongan Allah dan perangilah mereka."

(Dikeluarkan oleh Muslim, Abu Daud dan at-Tirmizi)

• Daripada Ibn Umar r.a. katanya: "Seorang perempuan di dapati terbunuh di dalam setengah peperangan Rasulullah s.a.w. lalu Rasulullah s.a.w. melarang membunuh perempuan dan kanak-kanak."

(Dikeluarkan oleh al-Bukhari dan Muslim)

Nabi s.a.w. telah mengutuskan Mu'az ibn Jabal r.a. kepada penduduk negeri Yaman sebagai seorang guru, lalu beliau menyampaikan amanah pesanan kepadanya: "Anda akan menemui kaum Ahlil-Kitab. Oleh itu serulah mereka kepada pengakuan bahawa tiada Tuhan selain Allah dan saya adalah utusan Allah. Jika mereka telah membuat pengakuan itu, maka terangkanlah kepada mereka bahawa Allah Ta'ala telah memfardhukan ke atas mereka lima solat setiap hari dan malam. Jika mereka telah mematuhinya, maka terangkan pula kepada mereka bahawa Allah telah memfardhukan ke atas mereka bayaran zakat yang diambil dari orang-orang kaya dalam kalangan mereka dan diberikan kepada golongan faqir miskin dalam kalangan mereka dan jika mereka telah melaksanakannya, maka awasilah dari mengambil harta mereka yang paling bernilai dan takutilah do'a orang yang teraniaya kerana tiada hijab di antaranya dengan Allah."

Satu riwayat telah dikeluarkan oleh Abu Daud dengan isnadnya dari seorang lelaki dari suku Juhaynah bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "Kamu mungkin memerangi satu kaum dan kamu dapat mengalahkan mereka lalu mereka memelihara diri mereka dari kamu dengan harta benda mereka, untuk melindungi jiwa dan anak-anak mereka kemudian mereka mengadakan perdamaian dengan kamu. Oleh itu janganlah kamu mengambil dari mereka lebih dari itu, kerana perbuatan itu tidak layak untuk kamu."

Dari al-'Irbadh ibn Sariyah katanya: Kami berhenti bersama Rasulullah di kota perkubuan Khaybar bersama-sama pejuang-pejuang Muslimin yang mengikutinya. Penguasa Khaybar itu seorang yang bengis dan takbur, dia datang menemui Rasulullah s.a.w. lalu berkata: 'Wahai Muhammmad, apakah kamu berhak menyembelih keldai-keldai kami, makan buah-buahan kami dan memukul perempuan kami?" Lalu Rasulullah s.a.w. marah dan berkata: 'Wahai Ibn Auf, naiklah kuda anda". Kemudian beliau berseru: "Syurga itu tidak dihalalkan melainkan kepada orang yang beriman, dan berkumpullah kamu untuk solat". Lalu mereka berkumpul kemudian beliau bersembahyang bersama mereka, setelah itu beliau bangkit dan bersabda: "Apakah seorang dari kamu mengira sambil duduk bersandar di atas bangku dan boleh jadi menyangka bahawa Allah Taala tidak mengharamkan sesuatu yang lain kecuali apa yang disebutkan di dalam Al-Qur'an sahaja. Ingatlah! Aku telah mengajar, menyuruh dan melarang berbagai perkara-perkara yang sama dengan apa yang disebutkan di dalam Al-Qur'an atau lebih banyak lagi. Dan ingatlah bahawa kamu tidak dihalalkan memasuki rumah-rumah kaum Ahlil-Kitab melainkan sesudah diberi keizinan dan kamu tidak boleh memukul perempuan mereka dan memakan buah-buahan mereka apabila mereka telah membayar jizyah yang telah diwajibkan ke atas mereka."

Dalam salah satu peperangan, Rasulullah s.a.w. telah dilaporkan ada seorang budak perempuan telah dibunuh di antara barisan-barisan perang, lalu beliau melahirkan perasaan dukacita yang begitu ketara hingga setengah-setengah sahabatnya berkata: "Ya Rasulullah, apakah sebab yang mendukacitakan anda, sedangkan mereka anak-anak kaum Musyrikin?" Lalu Nabi s.a.w. bersabda: "Mereka lebih baik dari kamu kerana mereka masih dalam fitrah yang suci, dan bukankah kamu juga dulunya anak-anak kaum Musyrikin, hubaya-hubaya jangan bunuh kanak-kanak! Hubaya-hubaya jangan bunuh kanak-kanak!"

Inilah arahan-arahan nabawiah yang diikuti oleh para khalifah kemudian dari beliau:

Malik telah meriwayatkan bahawa Abu Bakr as-Siddiq r.a. telah berkata: "Kamu akan menemui (dalam peperangan) satu kumpulan (rahib Ahlil-Kitab) yang mendakwa bahawa mereka telah mewaqafkan diri mereka kepada Allah, oleh itu tinggalkan mereka jangan ganggu mereka) dan kegiatan mereka yang telah mewaqafkan diri mereka kepada Allah. Dan janganlah kamu membunuh perempuan, kanak-kanak dan orang tua."

Ujar Zaid ibn Wahb: Kami telah menerima sepucuk surat dari 'Umar al-Khattab r.a. dan di dalamnya tersurat: "Janganlah kamu melampaui batas, jangan berkhianat dan jangan bunuh kanak-kanak dan bertaqwalah kepada Allah terhadap kaum peladang."

Dan di antara amanah pesanannya lagi ialah: "Janganlah kamu bunuh orang tua, perempuan dan kanak-kanak, hindarilah dari membunuh mereka ketika berlaku pertembungan di antara dua pihak dan ketika melancarkan serangan-serangan."

Demikianlah banyaknya hadith-hadith yang menerangkan garis panduan umum yang jelas tentang tahap peraturan Islam dalam perjuangan memerangi musuh-musuhnya, tentang ketika peperangannya yang tinggi, tentang prihatinnya memelihara kehormatan manusia, tentang bagaimana ia membataskan peperangan pada kegiatan menghancurkan kekuatan kebendaan musuh yang

menjadi batu penghalang yang menyekat manusia keluar dari 'Ubudiyah kepada sesama manusia kepada 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa semata dan tentang bagaimana toleransi Islam dalam melayani musuh-musuhnya. Yang dimaksudkan dengan tindakan kasar (yang dianjurkan Al-Qur'an dalam ayat yang lepas) ialah tindakan kasar di dalam peperangan bukan tindakan liar dan ganas terhadap kanak-kanak, perempuan, orang-orang tua dan orang-orang yang lemah, yang bukan pejuang, dan bukan pula tindakan mengerat-ngerat dan mencaing-caingkan anggota-anggota musuh yang gugur sebagaimana yang dilakukan oleh tentera-tentera pengganas yang menamakan diri mereka sebagai orang-orang yang bertamadun di zaman ini. Islam mendokong peraturan-peraturan yang cukup untuk melindungi orang-orang yang bukan pejuang dan untuk menjaga kehormatan kemanusiaan para pejuang. Tindakan kasar yang dimaksudkan di sini ialah tindakan kasar yang tidak melembutkan pertempuran. Peraturan ini adalah perlu kepada kaum Muslimin yang diperintah dengan tegas dan berulang-ulang kali supaya mereka bersifat kasihan belas. Justeru itu ia perlu dikecualikan dalam masa peperangan sekadar yang diperlukan oleh keadaan perang bukannya untuk melepas keinginan nafsu untuk mengazab, menyeksa dan bertindak ganas.

(Pentafsiran ayat-ayat 124 - 127)

Sebelum di akhiri surah ini, yang memperkatakan tentang kaum Munafiqin dengan panjang lebar, datang pula ayat-ayat yang menggambarkan cara kaum Munafiqin menyambut ayat-ayat Allah dan menerima tanggungjawab-tanggungjawab 'aqidah Islam, di mana mereka berpura-pura menganutinya di samping menggambarkan golongan Mu'minin dan cara mereka menyambut surah-surah Al-Qur'anul-Karim:

وَإِذَا مَآ أُنزِلَتْ سُورَةٌ فَمِنْهُم مَّن يَقُولُ أَيُّكُمْ زَادَتْهُ هَٰذِهِۦٓ إِيمَٰنًا ۚ فَأَمَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ فَزَادَتْهُمْ إِيمَٰنًا وَهُمْ يَسْتَبْشِرُونَ ﴿١٢٤﴾

وَأَمَّا ٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ فَزَادَتْهُمْ رِجْسًا إِلَىٰ رِجْسِهِمْ وَمَاتُوا۟ وَهُمْ كَٰفِرُونَ ﴿١٢٥﴾

أَوَلَا يَرَوْنَ أَنَّهُمْ يُفْتَنُونَ فِى كُلِّ عَامٍ مَّرَّةً أَوْ مَرَّتَيْنِ ثُمَّ لَا يَتُوبُونَ وَلَا هُمْ يَذَّكَّرُونَ ﴿١٢٦﴾

وَإِذَا مَآ أُنزِلَتْ سُورَةٌ نَّظَرَ بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ هَلْ يَرَىٰكُم مِّنْ أَحَدٍ ثُمَّ ٱنصَرَفُوا۟ ۚ صَرَفَ ٱللَّهُ قُلُوبَهُم بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَفْقَهُونَ ﴿١٢٧﴾

"Dan apabila diturunkan sesuatu surah, maka di antara mereka (kaum Munafiqin) ada yang bertanya: Siapakah di antara kamu yang bertambah keimanannya dengan surah ini? Adapun orang-orang yang beriman, maka surah ini tetap menambahkan keimanan mereka dan mereka bergembira(124). Adapun orang-orang yang berpenyakit di dalam hati mereka, maka surah ini menambahkan lagi kekafiran kepada kekafiran mereka yang telah sedia ada dan mereka mati di dalam keadan kafir(125). Apakah mereka tidak berfikir bahawa mereka diuji sekali atau dua kali setahun kemudian mereka tidak juga bertaubat dan tidak pula mengambil pengajaran(126). Dan apabila diturunkan sesuatu surah, mereka memandang satu sama lain seraya bertanya: Adakah seseorang Islam melihat kamu? Kemudian mereka beredar dari situ. Allah telah memalingkan hati mereka kerana mereka adalah satu golongan orang-orang yang tidak mengerti."(127)

Cara Kaum Munafiqin Menyambut Al-Qur'an

Pernyataan pada ayat yang pertama:

أَيُّكُمْ زَادَتْهُ هَٰذِهِۦٓ إِيمَٰنًا ۚ

"Siapakah diantara kamu yang bertambah keimanannya dengan turunnya surah ini?"(124)

adalah satu pernyataan yang melahirkan keraguan. Pernyataan ini tidak dikemukakan melainkan oleh orang yang tidak merasakan kesan surah itu turun di dalam hatinya, dan jika tidak, tentulah ia memperkatakan kesan-kesan surah itu di dalam hatinya bukannya mengemukakan pertanyaan kepada orang lain. Dan dalam waktu yang sama pernyataan ini membawa bau keinginan untuk merendahkan nilai surah itu dan meragui kesannya di dalam hati.

Oleh sebab itu pernyataan ini dijawab dengan tegas oleh pihak yang tidak dapat ditolak pernyataan-Nya:

فَأَمَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ فَزَادَتْهُمْ إِيمَٰنًا وَهُمْ يَسْتَبْشِرُونَ ﴿١٢٤﴾

"Ada pun orang-orang yang beriman, maka surah ini telah menambahkan keimanan mereka dan mereka bergembira."(124)

وَأَمَّا ٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ فَزَادَتْهُمْ رِجْسًا إِلَىٰ رِجْسِهِمْ وَمَاتُوا۟ وَهُمْ كَٰفِرُونَ ﴿١٢٥﴾

"Adapun orang-orang yang berpenyakit di dalam hati mereka, maka surah ini menambahkan lagi noda kekufuran kepada noda kekufuran yang telah sedia ada dan mereka telah mati dalam keadaan kafir."(125)

Maksudnya, bagi orang-orang yang beriman, maka bukti-bukti keimanan yang telah sedia ada pada mereka telah ditokokkan pula dengan satu bukti yang

lain apabila turunnya surah itu, dan ini menambahkan keimanan mereka. Hati mereka berdebar-debar mengingati Allah yang menambahkan keimanan mereka. Mereka merasa betapa besarnya perhatian Allah terhadap mereka apabila Dia menurunkan ayat-ayat-Nya kepada mereka yang menambahkan keimanan mereka, sedangkan bagi orang-orang yang menghidap penyakit di dalam hati mereka dan dinodai najis nifaq, maka ia menambahkan lagi kekufuran kepada kekufuran yang telah sedia ada. Dan mereka mati di dalam keadaan kafir. Itulah berita yang benar dari Allah dan keputusan Allah S.W.T. tetap terlaksana.

Dan sebelum dibentangkan gambaran yang kedua terhadap cara sambutan mereka, maka ayat yang berikut mengemukakan pernyataan yang mengecam kaum Munafiqin yang tidak mengambil pengajaran dan tidak mengembalikan mereka ke pangkal jalan setelah menghadapi ujian dari Allah:

أَوَلَا يَرَوْنَ أَنَّهُمْ يُفْتَنُونَ فِي كُلِّ عَامٍ مَّرَّةً أَوْ مَرَّتَيْنِ ثُمَّ لَا يَتُوبُونَ وَلَا هُمْ يَذَّكَّرُونَ ﴿١٢٦﴾

"Apakah mereka tidak berfikir bahawa mereka diuji (dengan bala dan kesusahan) pada setiap tahun sekali atau dua kali, kemudian mereka tidak bertaubat dan tidak pula mereka mengambil pengajaran."(126)

Ujian itu ialah ujian yang telah membuka tembelang mereka atau ujian yang telah memberi kemenangan kepada kaum Muslimin tanpa penyertaan mereka atau ujian-ujian dalam bentuk yang lain lagi, yang telah berlaku dan kerap berulang di masa Rasulullah s.a.w. Dan sememangnya kaum Munafiqin masih terus diuji, tetapi mereka tidak juga bertaubat.

Gambaran yang hidup atau adegan yang bergerak telah dipotretkan oleh ayat yang akhir dalam satu pita yang bergerak dan halus:

وَإِذَا مَا أُنزِلَتْ سُورَةٌ نَّظَرَ بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ هَلْ يَرَاكُم مِّنْ أَحَدٍ ثُمَّ انصَرَفُوا صَرَفَ اللَّهُ قُلُوبَهُم بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَفْقَهُونَ ﴿١٢٧﴾

"Dan apabila diturunkan sesuatu surah, mereka memandang satu sama lain seraya bertanya: Adakah seseorang Islam melihat kamu? Kemudian mereka beredar dari situ. Allah telah memalingkan hati mereka kerana mereka adalah satu golongan orang-orang yang tidak mengerti."(127)

Apabila kita membaca ayat ini ternampaklah kepada kita pemandangan kaum Munafiqin ketika diturunkan sesuatu surah, di mana mereka kelihatan berpandang-pandangan satu sama lain dan mengenyit-ngenyit mata yang membayangkan keraguan:

"Adakah seseorang Islam melihat kamu?"

Kemudian mereka nampak orang Mu'min tidak memberi apa perhatian dan sibuk dengan kerja masing-masing, lalu mereka berundur dari situ dengan penuh hati-hati:

"Kemudian mereka beredar dari situ"

di bawah pemerhatian Allah yang tidak pernah lalai dan memburu mereka dengan seruan keras sesuai dengan perbuatan mereka yang ragu-ragu itu:

صَرَفَ اللَّهُ قُلُوبَهُم

"Allah telah memalingkan hati mereka."

Maksudnya, Allah telah memalingkan hati mereka dari hidayat dan mereka sememangnya wajar terus meraba-raba di dalam kesesatan mereka:

"Kerana mereka adalah satu golongan orang-orang yang tidak mengerti."(127)

Mereka telah menghalangkan hati mereka dari fungsinya. Justeru itu mereka berhak menerima balasan itu.

Itulah satu pemandangan sempurna yang penuh dengan harakat yang dipotretkan oleh beberapa kalimat sahaja. Ia merupakan satu pemandangan yang seolah-olah terpampang di hadapan mata yang dapat dilihat oleh anda.

(Pentafsiran ayat-ayat 128-129)

Surah ini diakhiri dua ayat yang menurut satu riwayat ia diturunkan di Makkah dan mengikut satu riwayat yang lain ia diturunkan di Madinah. Kami memilih riwayat yang akhir ini kerana kesesuaiannya dengan berbagai-bagai tempat di dalam pelajaran ini dan dengan suasana surah umumnya. Salah satu dari dua ayat ini memperkatakan tentang hubungan di antara rasul dan kaumnya di samping memperkatakan tentang perhatiannya yang berat dan sifat kasihan belasnya terhadap mereka. Kesesuaian dua ayat ini nampak jelas dalam tanggungjawab-tanggungjawab yang dipikul oleh umat Mu'minin untuk membela Rasulullah s.a.w. dan da'wahnya, di samping untuk memerangi musuh-musuhnya dan menghadapi segala kesulitan dan kesukaran. Sementara ayat yang kedua merupakan arahan Allah kepada Rasulullah s.a.w. supaya bergantung kepada Allah Yang Maha Esa semata-mata apabila pihak-pihak yang lain enggan

membantunya, kerana Allah adalah Pelindungnya dan Penolongnya:

لَقَدْ جَآءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُم بِٱلْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾

فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَقُلْ حَسْبِىَ ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ ۖ وَهُوَ رَبُّ ٱلْعَرْشِ ٱلْعَظِيمِ ﴿١٢٩﴾

"Sesungguhnya kamu telah didatangi seorang Rasul dari kalangan kamu sendiri. Ia sangat prihatin terhadap segala kesusahan yang dialami kamu dan ia begitu prihatin terhadap kamu dan ia amat sayang dan kasihan belas terhadap para Mu'minin(128). Dan jika mereka berpaling (dari keimanan), maka katakanlah: Cukuplah Allah menjadi Pelindungku, tiada Tuhan selain Dia. Kepada-Nya aku berserah dan Dia Tuhan yang memiliki Arasy yang agung."(129)

Bentuk Hubungan Rasulullah Dengan Para Mu'minin

Dalam ayat ini Allah tidak mengatakan "telah datang seorang Rasul dari kamu" malah ia mengatakan "dari (kalangan) diri kamu" kerana ungkapan ini lebih peka dan lebih mendalam hubungannya serta lebih memperlihatkan semacam hubungan yang rapat yang mengikat mereka dengan beliau, iaitu beliau adalah sebahagian dari diri mereka yang mempunyai hubungan jiwa yang lebih mendalam dan lebih peka.

عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ

"Ia sangat prihatin terhadap segala kesusahan yang dialami kamu"

Maksudnya, beliau sangat susah hati apabila kamu ditimpa kesulitan dan kesusahan.

حَرِيصٌ عَلَيْكُم

"Dan ia begitu prihatin terhadap kamu."

Maksudnya, Rasulullah s.a.w. tidak sekali-kali bermaksud mencampakkan kamu ke dalam kebinasaan atau menolak kamu ke dalam gaung. Justeru itu apabila beliau menyuruh kamu berjihad dan menempuh kesusahan-kesusahan, maka bukanlah bererti beliau hendak menyusahkan kamu dan bukanlah kerana beliau mempunyai hati yang kejam dan kasar terhadap kamu, malah itulah suatu bentuk rahmat, iaitu rahmat terhadap kamu dari kehinaan dan dari dosa dan kesalahan, juga keprihatinan beliau agar kamu mendapat kehormatan memikul amanah da'wah Islamiyah di samping mendapat keredhaan Allah dan Syurga yang dijanjikan kepada para Muttaqin.

Kemudian pembicaraan berikut ditujukan pula kepada Rasulullah s.a.w. untuk menunjukkan jalan-Nya kepada beliau apabila mereka berpaling darinya, juga untuk menghubungkan beliau dengan kekuatan Ilahi yang sentiasa melindungi dan menolongnya:

فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَقُلْ حَسْبِىَ ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ ۖ وَهُوَ رَبُّ ٱلْعَرْشِ ٱلْعَظِيمِ ﴿١٢٩﴾

"Dan jika mereka berpaling (dari keimanan), maka katakanlah: Cukuplah Allah menjadi Pelindungku, tiada Tuhan selain Dia. Kepada-Nya aku berserah dan Dia Tuhan yang memiliki Arasy yang agung".(129)

Inilah ayat terakhir surah peperangan dan jihad (Surah at-taubah). Ia menyarankan kepada Rasulullah s.a.w. supaya bertawakkal dan bergantung kepada Allah Yang Maha Esa dan mencari kekuatan dari-Nya sahaja.

وَهُوَ رَبُّ ٱلْعَرْشِ ٱلْعَظِيمِ ﴿١٢٩﴾

"Dan Dia Tuhan yang memiliki Arasy yang agung."(129)

* * * * * *

Selain dari itu surah yang muhkamah ini mengandungi penjelasan mengenai peraturan-peraturan yang muktamad tentang tata perhubungan yang tetap di antara masyarakat Islam dengan seluruh masyarakat lain di sekelilingnya sebagaimana telah kami terangkan ketika membentang dan mengemukakan peraturan-peraturan itu. Oleh sebab itulah (persoalan ini) harus dirujukkan kepada nas-nas yang terakhir selaku ketetapan yang muktamad dalam mengaturkan hubungan-hubungan itu, di samping merujukkan kepada peraturan-peraturannya selaku peraturan-peraturan muktamad yang umum, sebagaimana ditunjukkan, oleh nas-nas surah ini, begitu juga segia jangan dikaitkan nas-nas yang akhir ini dari peraturan-peraturan yang muktamad ini dengan nas-nas dan peraturan-peraturan yang dikemukakan sebelum ini, iaitu peraturan-peraturan yang kita namakannya sebagai peraturan Marhaliyah, mula-mula kerana berlandaskan nama ini di samping berlandaskan tertib nuzul ayat-ayat tersebut itu sendiri, dan akhirnya kerana berlandaskan pergerakan peristiwa-peristiwa di dalam pergerakan Islam di samping memahami tabi'at tatacara Islam di dalam pergerakan itu, iaitu tabi'at yang telah kami jelaskan di dalam kata pengantar surah dan di celah-celah huraian ayat-ayatnya.

Dan tatacara ini tidak dapat difahami kecuali oleh orang-orang yang bergerak memperjuangkan Islam dengan pergerakan jihad untuk menegakkan kewujudan Islam di dalam realiti hidup manusia dan mengembalikan manusia kepada konsep Rububiyah Allah Yang Maha Esa dan menyelamatkan mereka dari 'Ubudiyah kepada sesama manusia.

Di sana terbentang satu jurang yang amat luas antara feqah pergerakan dan feqah lembaran-lembaran kitab, kerana feqah lembaran-lembaran kitab mengabaikan pergerakan dan kehendak-kehendaknya dari perhitungannya kerana ia tidak mengamal dan menghayatinya, sedangkan feqah pergerakan melihat Islam menghadapi jahiliyah selangkah demi selangkah, peringkat demi peringkat, situasi demi satu situasi. Ia melihat Islam mengatur peraturan-peraturannya ketika menghadapi realiti yang bergerak itu, iaitu sesuai dan dapat menguasai dengan realiti itu, juga berubah-ubah mengikut perubahan realiti.

Pada akhirnya ditegaskan bahawa peraturan-peraturan muktamad yang dikemukakan dalam ayat-ayat yang akhir ini adalah sesuai dengan realiti masyarakat Islam dan realiti masyarakat jahiliyah di sekelilingnya dan kedua-duanya memerlukan langkah-langkah dan pelaksanaan peraturan-peraturan itu. Tetapi jika realiti masyarakat Islam dan realiti masyarakat jahiliyah di sekelilingnya memerlukan peraturan-peraturan Marhaliyah, maka di dalam surah-surah yang terdahulu terdapat nas-nas dan peraturan-peraturan Marhaliyah.

Apabila masyarakat Islam dapat diwujudkan sekali lagi dan mula bertindak dan bergerak, maka ia bebas menggunakan peraturan-peraturan Marhaliyah pada masa itu, tetapi ia harus mengetahui bahawa peraturan-peraturan itu ialah peraturan-peraturan Marhaliyah dan ia harus berjuang supaya pada akhirnya ia dapat menjalankan peraturan-peraturan muktamad yang mengatur tatacara perhubungan-perhubungan yang muktamad di antara masyarakat Islam dan seluruh masyarakat-masyarakat yang lain...

* * * * * *